


TIDAK UNTUK
DIPERJUALBELIKAN



KAJIAN

INTEGRASI MELAYU DI SULAWESI SELATAN: KAJIAN BERDASARKAN LONTARA






INTEGRASI MELAYU DI SULAWESI SELATAN:
KAJIAN BERDASARKAN LONTARA

MUHLIS HADRAWI



Diterbitkan oleh
Perpusnas Press, anggota Ikapi
Jl. Salemba Raya 28 A, Jakarta 10430
Telp: (021) 3922749 eks.429
Fax: 021-3103554
Email: press@perpusnas.go.id
Website: <http://press.perpusnas.go.id>

 [perpusnas.press](https://www.facebook.com/perpusnas.press)
 [perpusnas.press](https://www.instagram.com/perpusnas.press)
 [@perpusnas_press](https://twitter.com/perpusnas_press)



MUHLIS HADRAWI

PERPUSTAKAAN NASIONAL
REPUBLIK INDONESIA
2020

**INTEGRASI MELAYU
DI SULAWESI SELATAN:
KAJIAN BERDASARKAN LONTARA**

MUHLIS HADRAWI

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang kerana memberikan saya kesihatan yang baik, masa yang cukup dan kematangan fikiran untuk menyiapkan kajian ini dalam bentuk sebegini rupa. Buku ini pada awalnya adalah sebuah disertasi pada ATMA-UKM, sehingga saya menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Prof. Dr. Ding Choo Ming sebagai penyelia utama di atas kepakaran, tunjuk ajar dan kesediaan beliau meluangkan waktu untuk membimbing serta memberikan sejumlah literatur kepada saya. Penghargaan dan terima kasih yang sama kepada Dr. Rahilah Omar sebagai penyelia bersama dengan tunjuk ajar yang diberikan kepada penulis serta segala kebaikan dan persahabatan sehingga Saya pun selalu menyapanya dengan sebutan “Kak Ila”.

Penghargaan pula saya tujukan terutama kepada Prof. Campbell Macknight yang sudi berkongsi idea dan memberi saran pada rancangan tesis ini. Penghargaan pula kepada Stephen C. Druce yang telah berbagi ide perihal sejarah kerajaan Bugis Ajatappareng. Terima kasih kepada Gubernur Sulawesi Selatan yang telah menaja pengajian ijazah kedoktoran di Universiti Kebangsaan Malaysia. Terima kasih kepada Rektor UNHAS, Dekan FIB serta Dinas Pendidikan Provinsi Sulsel. Terima kasih kepada seluruh kakitangan Perpustakaan ATMA-UKM, Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM, Badan Arsip dan Perpustakaan Provinsi Sulawesi Selatan di Makassar, Perpustakaan UNHAS, Perpustakaan Balai Pelestarian Sejarah dan Nilai Tradisional di Makassar, dan Perpustakaan Balai Bahasa Ujungpandang di Makassar. Terima kasih kepada para informan: Andi Baso Ujung Johar dan Petta Nyonri di Pangkep, Baharuddin di Sanrabone, serta informan lainnya kerana telah sudi berkongsi maklumat dan memperkaya sumber kajian ini.

Saya merakamkan ribuan terima kasih yang tulus kepada ibunda Hajjah Sitti Daeng Tasanna di atas doa dan harapannya kepada anaknya ini selama dalam perantauan mencari ilmu. Doa tulus dan tak henti untuk almarhumah Ibunda, semoga Allah SWT melapangkan kuburnya dan membuka pintu syurga untukmu Ibuku. Saya mengucapkan terima kasih dan cinta kepada isteri saya, Dr. Andi Nuraidar Agus, M.Hum serta anak-anakku: Adib Mapparaga, Zaky Mappagassing dan Athary Ratu Ulang atas harapan dan

kesabarannya selama Saya menempu studi di UKM Malaysia. Terima kasih kepada ibunda mertua Hajjah Khatijah Petta Kaya dan kakak ipar Prof. Dr. Andi Nurariaty Agus, M.Sc. dan Dra. Andi Nuraina Agus dan lainnya. Terima kasih pula Keluarga Besar Maccope Awampone, para amure Dra. Hj. Misnawati Makkawaru dan H. Natsir K., M.M., Maswati Makkawaru, Madein Makkawaru, Hj. Hasnawati, Hj. Sumarni, dan seluruhnya tak terkecuali.

Tak lupa menyapa Amrullah Amir dan Haliadi Sadi kawan seperjuangan di Hentian Kajang, Selangor. Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak di Indonesia dan Malaysia yang telah membantu dan berkongsi ilmu sehingga terhasilnya penulisan disertasi yang kini telah menjadi buku.

ABSTRACT

This research explores the arrival and the integration of the Malays in South Sulawesi from early 15th century until 17th century by using the *lontara* sources. Also known as the Bugis and Makassar manuscripts, the *lontara* documented various evidence on important events in the history of the Malay diaspora in South Sulawesi, as well as their integration with the local Bugis-Makassar population. This research consulted 12 copies of the *lontara* sources kept at the Archives and Library of the Republic of Indonesia Province of South Sulawesi (ANRIM), Cultural Foundation of South Sulawesi (YKSS), Manuscript Collections of UNHAS as well as in personal collections such as Muhammad Salim's Collection. The data gathered were subsequently analysed critically using the philological method. The primary information gathered from the *lontara* is collaborated with existing academic writings and oral sources. From the study conducted over a period of three years, this research finds that the Malays, in particularly from Malacca, were the earliest settlers in Suppa', South Sulawesi – who arrived in the second half of the 15th century due to political unrest around Straits of Malacca. The Malaccans' success as pioneers in many fields in South Sulawesi subsequently attracted other Malays from Johore, Minangkabau, Champa, Pahang and Pattani. Thus, several waves of Malay migration took place from 15th century to the mid-17th century. The Malays came for shipping and trading businesses, visiting friends, preaching of Islam, as well as political refugees. Their main destinations were ports on the west coast of South Sulawesi, especially Suppa', Pancana-Tanete, Siang, Tallo, Sanrabone and Gowa. These settlements proved that the Malay Diaspora was not only widespread but also well integrated into the local community. This integration came mainly through marriage alliances between the elites and the ordinary folks. Due to their expertise and experience, many Malays held important positions in the local Bugis-Makassar governments – leading to an interesting social phenomenon in the last 200 years or so, whereby the “Malays have become the Bugis-Makassar.”

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan kedatangan dan integrasi orang Melayu di Sulawesi Selatan daripada abad ke-15 sehingga ke-17 berdasarkan sumber *lontara*, naskah kuno Bugis dan Makassar. Dalam lontara yang dikaji itu sudah didokumentasikan pelbagai peristiwa penting tentang keberadaan dan sejarah diaspora orang Melayu di Sulawesi Selatan, selain integrasinya dengan orang Bugis-Makassar. Untuk penyelidikan ini menggunakan dua belas naskah lontara sebagai sumber yang menjadi koleksi pada Kantor Badan Arsip dan Perpustakaan Republik Indonesia Wilayah Provinsi Sulawesi Selatan (ANRIM), Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan (YKSS), Laboratorium Naskah UNHAS, Koleksi Muhammad Salim dan lain-lain telah dipilih untuk mendapatkan data yang diperlukan itu yang kemudiannya telah dibuat kritikan teks berdasarkan kaedah filologis. Maklumat daripada lontara itu kemudiannya diselaraskan dengan kajian ilmiah yang sudah diterbitkan, selain dengan sumber lisan yang diketahui. Daripada kajian yang dilakukan selama tiga tahun itu, adalah didapati bahawa orang Melayu dari Melaka khususnya merupakan pendatang yang terawal sampai di Suppa' di wilayah Bugis pada separuh kedua abad ke-15 kerana pergolakan politik di sekitar Selat Melaka. Kejayaan mereka sebagai perintis di pelbagai bidang di petempatan Sulawesi Selatan ini telah menarik orang Melayu dari Johor, Minangkabau, Champa, Pahang dan Pattani. Gelombang pendatang orang Melayu itu bermula sejak awal abad ke-15 dan berterusan sehingga pertengahan abad ke-17. Mereka datang atas urusan pelayaran, perniagaan, kunjungan persahabatan, melakukan syiar Islam, selain sebagai pelarian politik. Destinasi utama orang Melayu di Sulawesi Selatan adalah pelabuhan di Pesisir Barat terutamanya Suppa', Pancana-Tanete, Siang, Tallo, Sanrabone dan Gowa. Daripada penempatan itu terbukti bukan sahaja orang Melayu telah tersebar di banyak tempat di Sulawesi Selatan, tetapi juga berintegrasi dengan baik dengan masyarakat tempatan. Ada yang melalui perkahwinan dengan golongan elit dan yang lain dengan golongan orang biasa. Kerana keistimewaan, kepakaran dan pengalaman yang pada orang Melayu sehingga telah lahir fenomena sosial "orang Melayu telah menjadi orang Bugis-Makassar" dalam tempoh 200 tahun itu.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI ILUSTRASI	xi
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI ISTILAH	xiv
BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kepentingan dan Justifikasi Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	14
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Skop Kajian	16
1.6 Sorotan Kajian	19
1.7 Metodologi dan Sumber	37
1.8 Masalah Kajian	46
BAB II NASKHAH-NASKHAH SUMBER DENGAN MAKLUMAT TENTANG ORANG MELAYU, TRADISI MERANTAU DAN ADAPTASINYA DI SULAWESI SELATAN	
2.1 Pengenalan	49
2.2 Pemerian Naskhah-Naskhah Utama Kajian	49
2.2.1 Naskhah A	50
2.2.2 Naskhah B	52
2.2.3 Naskhah C	54
2.2.4 Naskhah D	56

2.2.5	Naskhah E	59
2.2.6	Naskhah F	62
2.2.7	Naskhah G	66
2.2.8	Naskhah H	69
2.2.9	Naskhah I	70
2.2.10	Naskhah J	72
2.2.11	Naskhah K	73
2.2.12	Naskhah L	74
2.3	Sistem Translittrasi	76
2.4	Orang Melayu Dalam Konteks Kajian	81
2.5	Tradisi Merantau dan Adaptasi Orang Melayu	84
2.6	Asas Keterbukaan Orang Bugis-Makassar dan Orang Melayu	89
2.7	Rumusan	95
BAB III	ALAM, MASYARAKAT DAN AKTIVITI MARITIM BUGIS-MAKASSAR	
3.1	Pengenalan	97
3.2	Alam Semula Jadi Sulawesi Selatan	98
3.3	Latar Belakang Masyarakat Sulawesi Selatan	109
3.4	Etnik Bugis dan Makassar	117
3.5	Tamadun Maritim Sulawesi Selatan	124
3.6	Hubungan Melayu dan Bugis-Makassar pada Peringkat Awal	141
3.7	Rumusan	150
BAB IV	KEDATANGAN ORANG MELAYU DI SULAWESI SELATAN	
4.1	Pengenalan	152
4.2	Destinasi Utama Orang Melayu di Sulawesi Selatan	152
	4.2.1 Kedatangan orang Melayu di Suppa'	154
	4.2.2 Kedatangan orang Melayu di Siang	168
	4.2.3 Kedatangan orang Melayu di Tanete	181
	4.2.4 Kedatangan orang Melayu di Tallo	193
	4.2.5 Kedatangan orang Melayu di Sanrabone	198
	4.2.6 Kedatangan orang Melayu di Gowa	205
4.3	Rumusan	218

BAB V	PROSES PENGINTEGRASIAN ORANG MELAYU DI SULAWESI SELATAN	
5.1	Pengenalan	220
5.2	Jaminan Hukum Petempatan Orang Melayu	220
5.3	Hubungan Perkahwinan	235
	5.3.1 Perkahwinan Wé Tépulingé dan La Bangéngé dalam proses integrasi	237
	5.3.2 Perkahwinan Batara Gowa dengan I Rerasi dalam proses integrasi	239
	5.3.3 Kekerabatan Datuk Maharajalela	249
	5.3.4 Kekerabatan Bangsawan Raja Tanete dengan orang Melayu	255
	5.3.5 Kekerabatan Datuk Lembang dan Dattuk Mahkota di Sanrabone	267
5.4	Perkahwinan Sebagai Asas Kekerabatan Serta Diplomasi Politik	270
5.5.	Rumusan	278
BAB VI	PENUTUP	
6.1	Pengenalan	280
6.2	Diaspora Orang Melayu Mengasaskan Integrasi dan Kerjasama Serumpun di Sulawesi Selatan	283
6.3	Perkahwinan Menyatukan Orang Melayu ke dalam Sistem Kekerabatan (<i>Asseajingeng</i>) Bugis-Makassar	286
6.4	Khazanah Kemelayuan di Sulawesi Selatan	289
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	292
RUJUKAN		293
LAMPIRAN		
A	Sampel 1: naskah sumber kajian, transliterasi naskah B	311
	Sampel 2: naskah sumber kajian, terjemahan naskah E	315

	Sampel 3: naskhah sumber kajian, transliterasi naskhah F	322
B	Senarai Raja-Raja	
	1. Raja Gowa	325
	2. Raja Tallo	325
	3. Raja (Datu) Suppa'	326
	4. Raja (Arung) Tanete	327
C	Nama-nama kerajaan Melayu sebelum abad XIX	328
D	Peta kepulauan Negara Republik Indonesia dimana Pulau Sulawesi Terletak di posisi tengah	329
E	Gambar pembuatan perahu Pinisi di Tanalemo, Bulukumba	330
F	Gambar Benteng Fort Rotterdam	331
G	Gambar orang Bugis mengangkut hasil pertanian	332
H	Gambar lautan pesisir barat Sulawesi Selatan	333
I	Gambar perahu pinisi Bugis sedang berlayar	334
J	Gambar makan Datu Leyang di Pattani, Sanrabone	335
K	Gambar kampung Pattani di Sanrabone	336
L	Gambar kampung Pancana, Tanete, Kab. Barru	337
M	Gambar skersa istana Gowa di Maccini Sombala	338
N	Gambar Masjid Makmur Kampung Melayu di Kota Makassar	339
O	Peta Kampung Melayu di Makassar abad ke-18	340
P	Gambar Haji Baharuddin, keturunan Melayu Patani, Takalar	341
Q	Foto Naskhah Lontara sejarah Sanrabone	342

SENARAI ISTILAH

Anakarung (Bgs)	Anakaraeng (Mks), adalah pangerang: anak (putera/puteri) bangsawan, lapisan raja beserta sanak saudaranya.
Ana' Karaeng Sala	Anak raja yang ayahandanya hanya memiliki darah separuh bangsawan atau berasal dari golongan anak sipue atau anak cera', sedangkan ibundanya berasal dari golongan <i>ata</i> (hamba sahaya).
Andi	Gelaran bagi anak bangsawan Bugis
Arung	Gelar umum kebangsawanan negeri Bugis, dapat pula berarti raja. Gelar bagi kepala pemerintahan atau raja sesebuah negeri Bugis misalnya bagi kerajaan Bacukiki, Rappang, Alitta, Nepo, Tanete, dan pelbagai kerajaan <i>palili</i> (kerajaan bahagian) negeri Bugis.
Arung Lili	Raja-raja bawahan, raja yang mengepalai suatu kerajaan kecil (<i>palili</i>).
Arung Lili Paddakala	Status kerajaan bawahan yang berstatus sebagai penghasil logistik (pangan) bagi kerajaan induk. Istilah lain yang sama ialah " <i>Napanoe Rakkalana</i> ".
Arumpone	Raja Bone
Arung Mangkau'	Raja berdaulat. Gelaran khusus bagi Raja Bone, Raja yang sedang memangku tampuk pentadbiran.
Ajatappareng	Negeri yang berlokasi di wilayah barat danau Sidenreng, meliputi kerajaan Sidenreng, Sawitto, Suppa', Rappang, Alitta.
Ana'mattola	Anak; putera atau puteri mahkota atau pewaris kerajaan. Anak raja dari permaisuri.
Ana' poro	anak tiri sebagai anak dari salah satu pehak suami atau isteri yang dibawa dalam perkahwinannya.
Arung Malolo	Putera Mahkota atau pewaris mahkota kerajaan
Banawa	sejenis kapal atau perahu pengangkut kerbau, kuda dan ternak lainnya.

Daeng	<p>1. Kakak, ialah semua saudara/saudari dan sanak-keluarga perempuan /lelaki dalam angkatan setara dengan Ego yang dalam usia lebih dari Ego.</p> <p>2. Daeng, gelaran bagi orang Bugis yang memiliki status sosial “Tau Deceng”.</p> <p>3. Daeng, gelaran umum bagi orang Makassar setelah menginjak usia dewasa.</p>
Karaeng	Gelar umum kebangsawanan Makassar. Gelar ini digunapakai pula sebagai gelar raja bagi kerajaan Segeri, Labakkang, Sanrabone, Tallo, dan pelbagai kerajaan palili (kerajaan bahagian) negeri Makassar.
Mancapai (Lamancapai)	Nama istana kerajaan Sawitto. Nama itu berasal dari nama tiang pusat istana yang hanyut di lautan, pada masa-masa khas akan timbul pertanda tanaman padi akan berjaya di Sawitto.
Mandar	Salah satu suku bangsa yang berada di Pulau Sulawesi. Majoriti masyarakatnya bertempat tinggal di Provinsi Sulawesi Selatan.
Sombaya	Gelar Raja Gowa ertinya Raja yang Disembah
Ade’	Adat atau sistem normatif yang mengatur kehidupan dan tataperilaku masyarakat.
Ata	Budak atau hamba sahaya
Matinroe	“Yang Tidur”, Gelaran anumerta yang lazim diberikan kepada Raja Bugis yang sudah meninggal dunia.
Tumenanga	“Yang Tidur”, Gelaran anumerta yang lazim diberikan kepada Raja Makassar yang sudah meninggal dunia.
Matowa	1) Nama gelaran Raja Wajo. 2) Ketua atau kepala komuniti dan persekutuan dalam kampung Bugis.
Addaowang	Gelar Raja Sidenreng yang terawal.
Addatuang	Gelar Raja Sidenreng yang wujud kemudian menggantikan Addaowang.

Tana Bangkala'	Tanah sakral kerajaan yang menjadi tempat pelantikan raja. Topografi Tanah Bangkala' posisinya lebih tinggi daripada tanah sekitarnya.
Datu	Gelaran Raja Bugis bagi kerajaan Soppeng, Pammana, Suppa' dan pelbagai kerajaan kecil Bugis lainnya.
Datu Lolo	Putera Mahkota atau pewaris mahkota kerajaan.
Dulung	Nama jabatan komandan pasukan kerajaan Bone.
Palili	Negeri bawahan atau bahagian dari sebuah kerajaan induk.
Lontara	1) Naskah kuno (manuscript) 2) aksara Bugis/ lontara; 3) teks berbahasa Bugis atau Makassar.
Lalebbata	wilayah atau tempat di mana istana kerajaan berada dan menjadi pusat pentadbiran raja .
I La Galigo	Epik Bugis paling awal yang menceritakan mula dihuninya dunia tengah (alle lino) oleh manusia yang bernama Batara Guru. Sastra kuno ini menjadi sastra klasik terpanjang di dunia yang berasal dari kerajaan Bugis Luwu.
Lamupatue ri Timurung	Perjanjian politik tiga kerajaan tempatan Bugis iaitu Bone, Wajo dan Soppeng.
Malaju	Melayu atau orang Melayu
Marakabo	Minangkabau/ orang Minangkabau.
Palili'	Raja atau kerajaan bawahan. Raja atau kerajaan taklukan; negeri bawahan yang memiliki pemerintahan atau ketua.
Palili Kale	Kerajaan bawahan yang ditaklukkan melalui peperangan.
Pinisi	Jenis perahu tradisional Bugis-Makassar yang memakai dua tiang besar, berawakkan 15-120 orang.
Padewakang	Jenis perahu Mandar dan Bugis-Makassar yang digunakan khas untuk perdagangan antarkepulauan.
Passure'	Orang yang memiliki kecekapan melantunkan sastera lisan.
Paranggi	Portugis.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Interaksi sosial-budaya antara orang Melayu dan Bugis-Makassar telah lama terjadi, baik di Sulawesi Selatan, maupun di Semenanjung Tanah Melayu dan sekitarnya. Sehubungan dengan hal itu, naskah lontara¹ Bugis sudah banyak mengisahkan kedatangan, interaksi dan pertautan silsilah antara orang Melayu dengan orang Bugis-Makassar, tidak terkecuali peranan orang Melayu dalam pelbagai kehidupan di kerajaan setempat Sulawesi Selatan. Sejak abad XV lagi sudah ada orang Melayu dari Melaka, Johor, Minangkabau dan Patani memilih Sulawesi Selatan sebagai destinasi utama penghijrahan dan aktiviti perdagangan mereka. Pada tahun 1490 orang Melayu sudah diduga telah bermukim di Suppa' dan Siang, selain berinteraksi dengan baik dengan warga setempat. Orang Melayu yang menetap kekal itu sudah berjaya memainkan peranan mereka dalam membangunkan tamadun Bugis-Makassar. Sehingga abad ke-17 orang Melayu sudah semakin ramai terlibat dalam kegiatan perdagangan, di samping turut berperanan dalam menyebarkan Islam di Sulawesi Selatan. Tesis ini mengkaji kedatangan dan integrasi orang Melayu di Sulawesi Selatan dalam kurun abad XV-XVII berdasarkan naskah-naskah kuno atau lontara.

¹Lontara memiliki erti luas. Ia meliputi segala macam tulisan dengan huruf Bugis-Makassar, yang biasa disebut *urupu sulapa eppa* (Bgs) atau *urupu sulapa appa* (Mks); iaitu huruf "segi empat" yang mengenai pelbagai bidang. Tidak termasuk dalam pengertian ini adalah buku sastra tua *I La Galigo* mengandungi cerita dari peradaban awal manusia Bugis. Istilah lain yang mungkin lebih tua ialah *sure'* yang dapat disamakan ertinya dengan kisah. Sementara itu 'lontara' menurut B.F. Matthes adalah daun lontar, dalam bahasa Makassar adalah *rauttala* yang terdiri dari kata *raung* (daun) dan *tala*. Sebelum orang Bugis menulis pada daun lontar, kononnya mereka telah menggunakan daun *aka'* (*corypha* Gabanga). *I La Galigo* yang termasuk salah satu hasil kesusastran yang terbesar di dunia ini menurut penilaian R.A. Kern, pada awalnya merupakan sastra tuturan kemudian dituliskan di atas daun lontar. Oleh itu *I La Galigo* memiliki umur yang lebih tua dari penulisan "lontara". Lihat Andi Zainal Abidin dalam "*Persepsi orang Bugis-Makassar Tentang Hukum dan Dunia Luar*". Alumni: Bandung, tahun 1983, hlm.108-109.

1.2 LATAR BELAKANG

Lontara Bugis dan Makassar mengungkapkan cerita-cerita dan catatan-catatan sejarah orang Bugis dan Melayu yang telah menjalin hubungan baik semenjak abad ke-15 dengan merentasi jangka masa yang panjang hingga abad ke-17. Jalinan hubungan sosial yang rapat dalam masa panjang itu kemudian melahirkan istilah “Bugis-Melayu” dan “Melayu-Bugis”². Istilah “Bugis-Melayu” adalah merujuk orang Melayu yang bermukim di tanah Bugis dan Makassar Sulawesi Selatan dan kemudiannya telah mengalami proses integrasi sosial-budaya sehingga unsur ke-Bugis-an menyatu dalam diri mereka sebagai orang yang memiliki keturunan Melayu. Demikian pula yang sebaliknya dengan istilah Melayu-Bugis yang secara harfiahnya merujuk kepada orang Bugis yang bermukim di Tanah Melayu. Secara sosio-budaya “Melayu-Bugis” ditafsirkan sebagai orang Bugis yang berada di tanah Melayu yang kemudiannya telah mengalami proses integrasi sosial-budaya dengan masyarakat Melayu sehingga aspek ke-Melayu-an sudah bersatu dalam diri mereka sebagai orang yang berketurunan Bugis. Meskipun demikian, hubungan dan hal-ehwal sosial-budaya yang terkait terutamanya yang berlaku pada masa awal itu, tidak banyak diketahui.

Tidaklah berlebihan apabila dikatakan orang Melayu dicatatkan dalam lontara yang sudah dikaji ini sebagai kelompok pendatang peringkat awal yang bertempat tinggal, sekaligus menjalin hubungan rapat dan mesra dengan orang Bugis-Makassar di wilayah Sulawesi Selatan. Keberadaan orang Melayu tersebut telah dirakamkan dalam naskah-naskah lontara Bugis dan Makassar yang merupakan sumber maklumat pribumi yang sangat penting. Fenomena yang sama juga berlaku di Semenanjung Tanah Melayu; orang Bugis dan orang Melayu juga telah menjalin hubungan sosial dalam masa yang panjang. Teks *Tuhfat Al Nafis* (Hooker, 1998)³ mengandungi kisah-kisah yang mengungkapkan keberadaan serta pertautan silsilah kekeluargaan Bugis dan Melayu di Semenanjung

² Istilah Bugis-Melayu dan Melayu Bugis telah diperkenalkan oleh A. Rasyid Asba di dalam makalahnya berjudul “Bugis Melayu dan Melayu Bugis”: Menarik Benang Merah Sejarah yang Terputus” pada seminar bersama Universitas Hasanuddin dan UKM pada tahun 2006 yang berlangsung di Makassar pada tanggal 22 -23 November.

³ Virginia Matheson Hooker dalam “*Tuhfat Al-Nafis, Raja Ali Haji*”. Kuala Lumpur, Terbitan Bersama: Yayasan Karyawan dan dewan Bahasa dan Pustaka. 1998.

Tanah Melayu khususnya di Johor dan Selangor. Cerita dan hikayat Melayu lainnya sama ada Sejarah Melayu (Yusof Iskandar, 1977) dan Hikayat Negeri Johor (Ismail Hussein, 1985)⁴ juga telah mengungkapkan hubungan sosial dan peranan orang Bugis di Tanah Melayu.

Sehubungan itu, Francis Light⁵ telah mengatakan bahawa raja-raja Melayu menganggap keberadaan orang Bugis dalam kerajaan-kerajaan setempat Melayu sebagai aset, sekaligus sebagai tunjang kekuatan ekonomi dan politik setempat. Di Pulau Pinang misalnya, dikhabarkan orang Bugis adalah pedagang yang terbaik dari dunia timur dengan barang dagangannya sangat dinantikan oleh pedagang setempat. Orang Bugis juga dikenali dalam kalangan orang Melayu sebagai pendatang yang memiliki pengetahuan pelayaran yang terkenal, maka sangat diperlukan orang Melayu dalam perdagangan rempah-rempah di Timur (Maluku) sehingga sudah terbentuk semacam jaringan perdagangan di kawasan Melaka dan sekitarnya (Reid, 2011). Selain itu, orang Bugis juga sudah dikenali oleh orang Melayu sebagai pejuang yang ulung, perajurit yang handal, sehingga amat diperlukan dalam menghadapi kekacauan politik yang melanda kawasan di sekitar Selat Melaka. Pada abad XVIII disebut-sebut sebagai abad kejayaan orang Bugis di wilayah Semenanjung Tanah Melayu, justeru mereka memegang kendali penting dalam bidang perdagangan, politik dan sosial.

Maklumat tentang keberadaan orang Bugis di Semenanjung Tanah Melayu telah banyak dikaji⁶. Akan tetapi, tidaklah demikian halnya mengenai keberadaan orang Melayu di Sulawesi Selatan. Kewujudan dan peranan mereka di Sulawesi Selatan dalam

⁴ Ismail, Hussein, "Hikayat Negeri Johor: a Nineteenth Century Bugis History Relating to Events to Riau and Selangor". MBRAS Reprints 6 1979, hlm.183-240.

⁵ Nazaruddin Koro, "*Ayam Jantang Tanah Daeng*", Ajuara: Jakarta, 2006, hlm. 279- 280.

⁶ Literatur Terkini merangkumi kajian Bugis di Semenanjung adalah buku yang bertajuk "*Warisan Bugis di Rumpun Melayu*" Siri Penyelidikan dan Penerbitan Institut Peradaban Melayu UPSI. Kota Damansara: Armnet Integrated SDN. BHD. 2014. Antara kajian di dalam buku itu adalah "Peranan Bugis Dalam Kerajaan Johor Riau Pada Abad ke-18" oleh Hayati Hasan; "Perdagangan Bugis dan Kuasa Eropah di Selat Melaka 1500-1800 Sejarah Perubahan: Kuasa Eropah di Dunia Melayu" oleh Nordin Hussin; "Gagah, Gigih dan Megah: Aktiviti Pasompe Bugis di Tanah Rantau seberang Semenanjung Malaysia"; "Intelektual Melayu-Bugis Dalam Dunia Persuratan Melayu" oleh Abdul Malik; Salasilah dan Dialek Bugis di Selangor oleh Hj. Mohd Rashid Hj. Md Idris; dan "Pengaruh Awal Bugis di Negeri Sembilan" oleh Mohd Rosli Saludin.

pelbagai aspek masih kurang di^{nyatakan}, sehingga perihal keberadaan orang Melayu di Sulawesi Selatan belum diketahui secara meluas. Namun, hal yang tidak diragukan adalah keberadaan orang Melayu di Sulawesi Selatan telah menempuhi suatu jangka masa yang panjang dengan mereka menjadi komuniti yang penting, lantaran peranan mereka dalam pertumbuhan tamadun Sulawesi Selatan. Orang Melayu juga telah memainkan peranan utama dalam kegiatan penyebaran syiar agama Islam, selain memegang jawatan di istana, sebagai pedagang antara pulau, sebagai pujangga dan pegawai raja di istana-istana.

Masalah pokok sekarang ialah sejarah keberadaan, integrasi dan peranan orang Melayu di Sulawesi Selatan belum banyak diungkap. Sementara itu upaya penggalian maklumat sejarah tentang Melayu di Sulawesi Selatan dari sumber naskah-naskah kuno juga tidak banyak digunakan sebagai sumber maklumat yang penting. Tetapi, naskah-naskah lontara Bugis-Makassar dalam pelbagai genre ternyata telah merekodkan maklumat yang berkaitan dengan keberadaan orang Melayu di Sulawesi Selatan. Genre naskah Bugis yang dikenal itu, di antaranya adalah attoriolong, hukum adat, silsilah, sistem pengetahuan, pengajaran agama Islam, yang turut memuatkan maklumat tentang keberadaan dan peranan sosial orang Melayu di Sulawesi Selatan. Naskah lontara, dalam koleksi kantor ARSIP Nasional RI Makassar didapati mengandungi maklumat perihal orang Melayu. Selain itu, korpus naskah-naskah tentang Melayu, antaranya, adalah:1) kisah kedatangan orang Melayu pada wilayah setempat di Sulawesi Selatan yang dijumpai dalam rol 40 no. 17 dan rol 14 no. 11; 2), tokoh-tokoh yang terkemuka dalam kalangan orang Melayu yang terdapat dalam rol 4 no. 9, rol 17 no. 29 dan rol 47 no.2; 3) silsilah keturunan orang Melayu yang terdapat dalam rol 77 no. 15; 4) perkawinan orang Melayu dengan bangsawan istana kerajaan setempat Bugis dan Makassar yang terdapat dalam rol 14 no. 25.

Sementara itu, teks sastra yang berkembang dalam masyarakat Bugis, Makassar dan Mandar khas yang dikenali sebagai hikayat Islam seperti *Hikayat Sehek Maradang*, *Jayalangkara*, *Siti Saerah*, *Siti Naharirah*, *Siti Rabiatul Al Adawiyah*, *Indar Patara* adalah teks saduran dari sastra Melayu. Penulisan dan penyelarasan teks itu dalam bahasa setempat juga melibatkan orang Melayu yang memainkan peranan utama dalam produksinya. Karya spektakuler yang berhubungan dengan aktiviti kemaritiman kerajaan Bugis-Makassar adalah hukum pelayaran. Ia adalah genre hukum kanun, pengarangnya

adalah Amanna Gappa, ia dikenal sebagai orang Bugis yang mempunyai jalur keturunan darah Melayu. Selain itu naskah *Hukum Pelayaran dan Perdagangan Bugis* yang dikarang pada abad XVII ini boleh dijumpai dalam bentuk mikrofilm di ARSIP Nasional Makassar (ANRIM). Korpusnya terdiri dari 14 buah naskah dalam pelbagai variasi teksnya⁷.

Banyak juga naskah *Lontara Bilang* atau catatan harian dalam kalangan raja-raja Bugis dan Makassar telah dikarang orang Melayu yang memegang jabatan sebagai pegawai di istana kerajaan setempat. Mereka seperti Ince Husain, Ince Amin, dan Ince Nurdin, ketiga-tiganya adalah contoh tokoh yang sangat penting dalam tradisi penulisan lontara Bugis-Makassar di Sulawesi Selatan. Ince Husain umpamanya, telah disebut sebagai jurutulis yang bekerja di istana raja Gowa semasa pemerintahan Karaeng Tunijallo (1565-1590). Sementara Ince Amin pula adalah pegawai kepada Sultan Hasanuddin (1653-1667), dialah yang terkenal sebagai pengarang *Syair Perang Mengkasar*, sebuah syair yang menandai awal lahirnya karya sastra Melayu-Makassar di Sulawesi Selatan tahun 1670. Syair ini mengisahkan perang Makassar antara kerajaan Gowa dan kerajaan Bone dengan disokong pihak Belanda, maka telah berakhir dengan kekalahan di pihak Gowa. Selain itu, Ince Nurdin (Bel: *Intje Noeroeddin*) yang hidup pada akhir abad ke-19 juga dikenali sebagai pengarang cerita-cerita panji, karena telah mengarang cerita Makassar yang cukup terkenal "*I Kukang*" (Mly: Si Yatim). Selain itu nama Colli' Pujié yang hidup pada awal abad ke-19 adalah tokoh penting dalam tradisi tulis yang telah menyalin epik-mitis *I La Galigo* yang sudah menjadi karya sastra klasik yang terpanjang di dunia.

Hubungan antara budaya dengan pertapakan orang Melayu sehingga menjadi penduduk setempat di Sulawesi Selatan itu berlaku semasa kemunculan dan pertumbuhan beberapa buah kerajaan-kerajaan Bugis dan Makassar. Dalam naskah *Lontara Attoriolong Suppa'* misalnya, telah mengisahkan kedatangan Puteri Melaka dan penubuhan kerajaan serta pendirian istana Suppa yang bernama Lamalaka. Teks *Attoriolong Suppa'* ini adalah teks yang tertua dalam lingkungan kerajaan Lima Ajatappareng yang memperkatakan perihal keberadaan orang Melayu dan hubungannya

⁷ Bilangan naskah lontara yang mengandungi teks Undang-Undang Niaga dan Pelayaran Amanagappa dijumpai sebanyak 14 buah di dalam Katalog Naskah Mikrofilm koleksi ANRI Makassar, pada kod: rol 4/9, 14/9, 16/9, 17/25, 17/29, 20/2, 25/15, 33/3,34/20,35/50, 43/10, 44/3, 76/19 dan 80/10.

dengan bangsawan di pihak kerajaan Bugis. Paling tidak, teks ini menggambarkan dengan baik penubuhan awal kerajaan Suppa' yang telah memberi kesan kepada kedudukan para pendatang Melayu dari Melaka. Kisah-kisah mengenai keberadaan orang Melayu dengan aktiviti dan perannya di tanah Sulawesi Selatan terdapat juga dalam teks attoriolong kerajaan setempat Bugis lainnya. Himpunan naskah-naskah tersebut telah menjadi sumber penting dalam rangka menggali maklumat-maklumat perihal keberadaan orang Melayu di Sulawesi Selatan.

Menurut A.A. Cense (1972)⁸, naskah Bugis-Makassar mempunyai nilai yang tinggi, maka sangatlah penting sebagai sumber maklumat sejarah lokal Sulawesi Selatan. Cense menambah bahawa naskah-naskah Bugis dan Makassar itu menarik bagi dirinya ke atas bahan-bahan sejarah yang dijumpainya. Jika membandingkannya dengan apa yang tercatat sebagai cerita-cerita sejarah di daerah Indonesia yang lain, maka terlihat betapa ringkas dan realistik orang Bugis-Makassar mencatat fakta-fakta kehidupannya ke atas lontara⁹. Sehubungan itu, R.A. Kern¹⁰ pula mengatakan bahawa naskah Bugis dan Makassar yang memiliki kualitas tinggi itu memberi kesan bahawa orang Sulawesi Selatan mencatat perkara-perkara yang berlaku secara sederhana dan polos. Antara naskah lontara yang ada, banyak mengandungi kisah sejarah perkembangan kerajaan setempat, sejarah kelahirannya, nama-nama raja-rajanya, silsilah raja dan keturunannya, peristiwa-peristiwa penting yang berlaku, hubungannya dengan kerajaan yang lain dan sebagainya. Isi kandungan naskah lontara itu telah disusun berdasarkan cerita dan

⁸ A.A. Cense, *Beberapa Tjataan Mengenai Penulisan Sedjarah Makassar-Bugis*, Bharata, Jakarta, 1972, hlm. 3.

⁹ A.A. Cense menyaji pula maklumat penting tentang jenis-jenis *lontarayang* disebutkan sebagai kelompok naskah Bugis dan Makassar yang dapat menjadi sumber-sumber sejarah, sama ada: 1) *Buku-Buku Harian (lontara bilang)*; 2) *Teks Perjanjian-Perjanjian*; 3) *Catatan Hukum Adat*; 4) *Ikhtisar Sejarah Singkat*, 5) *Attoriolong* (berita singkat yang menerangkan peristiwa atau tokoh-tokoh tertentu); 6) *Kronik-kronik*, berupa huraian yang teratur tentang dongeng-dongeng, maklumat-maklumat dan catatan-catatan sejarah yang disatukan dalam bentuk naskah lontara; dan 6) *Sajak-sajakSejarah atau tolo*. Tolo adalah sastra perang yang berbentuk puisi-naratif yang mengisahkan patriotisme seseorang tokoh atau pasukan kepada kerajaan. Lihat Cense, *Beberapa Tjataan Mengenai Penulisan Sedjarah Makassar-Bugis*, Bharata, Jakarta, 1972, hlm. 13.

¹⁰Dalam A. A. Cense, *Beberapa Tjataan Mengenai Penulisan Sedjarah Makassar-Bugis*, Bharata, Jakarta, 1972, hlm. 10-11.

catatan sejarah dalam masa yang panjang. Ia telah ditulis dengan menggunakan huruf dan bahasa setempat iaitu *lontara*.

Kualitas naskah-naskah lontara itu telah membuatnya menjadi bahan penting untuk dimanfaatkan orang Eropah dalam pembuatan catatan serta penulisan sejarah-sejarah lokal kerajaan-kerajaan Bugis-Makassar. Beberapa catatan tentang hal itu, telah dibuat oleh Crawford dalam tulisannya *History of the Indian Archipelago* (1820). Hal yang sama telah juga dibuat oleh Roelof Blok sebagai ikhtisar sejarah yang bersumberkan naskah-naskah Bugis-Makassar, yang kemudiannya juga telah dipergunakan oleh penulis sejarah lain seperti S.A. Buddungh dalam tulisannya *Het Nederlandsche Gouvernement van Makasser op het eiland Celebes* yang disiarkan dalam *Tidjschrift v.Ned. Indië, V, Jilid I* (1843). Demikian pula dengan J.A. Bakkers yang telah menulis tentang *Keradjaan Pindjaman Bone* dengan menggunakan sumber naskah attoriolong milik Raja Bone, Besse Kajuara sebagai dasar penulisan. Seterusnya, Ian Cadwell juga telah menulis sejarah Sulawesi Selatan berdasarkan naskah-naskah lontara Bugis di dalam tesis kedoktorannya di University of Canberra dengan tajuk *South Sulawesi A.D. 1300-1600: Ten Bugis Texts* (1988). Demikian pula yang telah dilakukan Rahilah Omar dalam tesis kedoktorannya *The History of Bone A.D. 1775-1795: The Diary of Sultan Ahmad as-Salleh Syamsuddin* (2003) di Hull University dengan memanfaatkan bahan-bahan *Lontara Bilang* (catatan harian) raja Bone ke-23.

Dengan kata lain, orang asing rata-ratanya telah menunjukkan minat yang tinggi terhadap naskah kuno Bugis-Makassar sebagai sumber maklumat yang penting; telah menggalinya secara meluas dan mendalam dalam rangka penelitian mereka tentang sejarah dan kebudayaan. Maklumat awal yang didapati dari kajian yang telah dilakukan selama ini telah menunjukkan bahawa lontara adalah literatur tradisional Bugis dan Makassar kerana memuatkan maklumat tentang orang Melayu di tanah Sulawesi Selatan. Hal yang lebih menarik lagi ialah genre manuskrip seperti teks-teks attoriolong (*historiography*), silsilah, kegamaan dan hukum adat itu adalah sumber rujukan yang mempunyai data yang sangat beraneka ragam, maka adalah korpus sumber yang penting untuk digunakan dalam rangka pengkajian sejarah setempat. Perihal yang dimaksudkan itu sudahlah tentu meliputi penyelidikan mengenai isu-isu ke-Melayu-an yang telah menjadi sebahagian yang penting dalam perkembangan sejarah sosial, politik, ekonomi,

agama dan budaya di Sulawesi Selatan. Teks-teks lontara itu sudah tentu adalah sumber rujukan penting dalam kajian filologi.

Kedatangan orang Melayu di Sulawesi Selatan diperkirakan sudah berlaku sejak masa awal perkembangan kerajaan-kerajaan setempat. Dalam *Lontara Suppa'* dinyatakan kedatangan orang Melayu di Sulawesi Selatan telah ada sebelum abad XVI. Naskah *Suppa'* yang berisikan mitos sejarah itu menghuraikan berlakunya perkawinan antara Ratu dari Melaka yang bernama *Wé Tépulingé* dengan raja Bacukiki, La Bangéngé. Perkawinan itu telah meninggalkan keturunan yang kemudiannya sudah menjadi raja di kerajaan-kerajaan Bugis Ajatappareng (wilayah kerajaan di sebelah barat danau Sidenreng) dan Mallusetasi (wilayah kerajaan di tepi laut barat). Perkawinan tersebut kemudiannya telah diperkuat dengan silsilah keturunan Ratu *Suppa'* dan Raja Bacukiki sesuai dengan isi dari beberapa buah karya lontara dari kerajaan setempat di kawasan Ajatappareng yang menegaskan bahawa pada periode terbentuknya kerajaan *Suppa'* itu telah terjalin hubungan genealogi antara bangsawan Bugis dengan pendatang Melayu.

Teks lontara yang lain juga memberitahu perihal kedatangan orang Melayu sejalan dengan ungkapan Paiva¹¹ yang mengatakan, orang Melayu yang datang ke Sulawesi Selatan sudah menetap sejak abad ke-15. Orang Melayu yang dimaksudkan dalam lontara itu khususnya datang dari Tanah Semenanjung dan Sumatera, iaitu dari Melaka, Johor, Patani, Pahang, Champa dan Minangkabau. Pada amnya orang Melayu sebagai pendatang di Sulawesi Selatan itu telah menggeluti pekerjaan utama seperti berdagang dan berniaga antara pulau, disamping melakukan usaha-usaha untuk mengislamkan penduduk setempat yang pada masa itu masih menganut animisme. Bersama-sama dengan orang Melayu itu adalah orang Arab dan Gujarat yang juga telah berada di

¹¹Dua dari sejumlah kesaksian orang Portugis dianggap paling penting; pertama keterangan dari Antonio de Paiva, orang Eropah pertama yang tinggal di Sulawesi Selatan dalam tahun 1542-1543. Kedua informasi dari Manuel Pinto yang menyertai ekspedisi pada tahun 1545 ke *Suppa'* dan kembali ke Melaka pada tahun 1548 sesudah tinggal di Sidenreng dan Siang. Mulai abad ke-17 sumber keterangan yang ditemukan bermacam-macam: masih dari orang Portugis, Cauto, yang menyebutkan sambil lalu tentang Sulawesi Selatan (*Cauto, Decades*). Selain itu ditemui keterangan pertama berasal dari orang-orang Belanda (*Arthus, Verhoeff, Matelief, Historisch Verbael*) dan dari orang Inggris (*Letter receive*). Keterangan yang ditulis delapan puluh tahun sesudah masuknya Islam oleh orang Perancis, Nicolas Gervais, dalam *Description historique du royaume de Macasar*, diteliti dengan hati-hati karena ada bahagian yang membicarakan tradisi pra Islam. Lihat Pelras, Sulawesi Selatan Sebelum Datang Islam Menurut Kesaksian Bangsa Asing, dalam *Citra Masyarakat Indonesia*, Jakarta, 1977, hlm. 59.

daerah-daerah Bugis sampai ke pedalaman. Bagi Noorduyn (1972)¹², masuk dan berkembangnya agama Islam di Sulawesi Selatan telah memosisikan pendatang orang Melayu memainkan peranan penting. Sejak awal abad ke-16 sudah semakin ramai saudagar-saudagar Melayu datang untuk menetap di Makassar dan di tempat-tempat lain di pantai Sulawesi Barat-Daya. Mereka berdagang sekaligus merapatkan hubungannya dengan penduduk setempat.

Perdagangan merupakan faktor dominan yang melatarbelakangi wujudnya kunjungan timbal-balik yakni orang Bugis-Makassar ke Semenanjung Tanah Melayu dan orang Melayu berkunjung ke Sulawesi Selatan. Sejak awal abad XVI produk ekspor dari pedalaman Sulawesi Selatan adalah beras, yang menjadi komoditi utama perdagangan di pasar Melaka. Pinto¹³, seorang Portugis yang pertama kali berkunjung ke Sulawesi Selatan, mengatakan beras yang diekspor dari Sulawesi Selatan sejak 1511 itu dapat memenuhi keperluan penduduk di Melaka. Sehubungan Reid (2001:247)¹⁴ mengatakan, pada pertengahan abad ke-16 sebuah komuniti pedagang Melayu telah ada di Tallo dan Sombaopu. Pelabuhan Sombaopu mula berkembang sebagai saingan Jawa dalam mengeksport beras dan bahan-bahan lainnya ke Maluku. Produk pertanian yang lain dari Sulawesi Selatan adalah kelapa, mangga, pisang dan sayur-sayuran. Sementara itu, jenis haiwan yang diekspor dari Sulawesi Selatan di pasaran pelabuhan Semenanjung Tanah Melayu adalah kerbau¹⁵, babi, kambing, ayam dan itik. Barang ekspor lain dari hutan

¹² Proses Islamisasi Gowa dan kerajaan setempat Bugis di peisirs Barat Sulawesi Selatan dilakukan oleh para ulama dan pedagang dari Sumatera (Minangkabau) dan Melaka. Diperkirakan proses syiar Islam dan penglibatan orang Melayu adalah buah persahabatan oleh Karaeng Tallo Tunipasuru, yang hidup sezaman dengan Karaeng Tumaparrisi' Kallonna, Raja Gowa. Lihat J. Noorduyn, "*Islamisasi Makassar*", Seri Terjemahan Karangan-Karangan Belanda diusahakan dalam kerjasama Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI), Jakarta, Bharata, 1972.

¹³Lihat Pelras, Sulawesi Selatan Sebelum Datang Islam Menurut Kesaksian Bangsa Asing, dalam Citra Masyarakat Indonesia Jakarta, 1977, 59.

¹⁴Kerajaan Makassar, Tallo, berorientasi kearah perdagangan maritim. Pada pertengahan abad ke-16, Tallo menuju kejayaan didasarkan pada keberhasilannya sebagai pelabuhan utama di kawasan Makassar. Pelabuhan Tallo - kemudian dilanjutkan Sombaopu pada kerajaan Gowa – telah menghubungkan jaringan perdagangannya dengan Maluku manakala Portugis telah menawan Maluku lagi. Lihat Anthony Reid, *Asia Tenggara Dalam Kurun Niaga*, Jakarta, Yayasan Obor Indonesia, 2011, hlm. 247.

¹⁵ Kerbau merupakan haiwan khas di pedalaman Sulawesi Selatan. Menurut Pinto, pada tahun 1544, cukup dengan 6 *crusado* (senilai 1.800 rial Portugis, dalam bahasa Bugis disebut

adalah yang dikumpul dari pulau-pulau di sekitarnya, termasuk kayu cendana dari Kaili dan Palu, kayu sappang dari Bima, dan kayu gaharu, damar, mutiara dan cengkerong kura-kura dari Sumbawa¹⁶.

Hal yang tidak kurang menarik adalah kerjasama yang mesra antara orang Melayu dengan orang Bugis-Makassar dalam pelbagai hal. Sehubungan itu, Pelras mengatakan orang Sulawesi Selatan di pesisir sudah mempunyai pengetahuan tinggi dalam hal navigasi pada abad XVI, selain sudah malim dalam pelayaran perahu. Lantaran itu, produk-produk mereka diangkut dalam perahu orang Melayu. Pada abad ini telah dinyatakan bahawa kerajaan-kerajaan setempat di Sulawesi Selatan bukan sahaja mengirim perahu-perahu dagang di wilayah timur Nusantara, tetapi juga ke wilayah barat Nusantara. Para penguasa setempat dari orang Bugis dan Makassar yang memiliki perahu telah mengelola kegiatan pelayaran dengan melakukan pengkongsiian dengan pedagang Melayu. Pengetahuan berdagang dalam kalangan orang Melayu dengan dilengkapi pengetahuan navigasi pelayaran dalam kalangan orang Bugis itu telah membuat kerjasama antara mereka dapat mencapai peringkat istimewa dalam penguasaan jaringan maritim dan perdagangan di Nusantara.

Pandangan terhadap orang Melayu dari masyarakat umum adalah mereka sudah mempunyai peradaban yang berteraskan kehidupan maritim dan kegiatan perdagangan¹⁷. Pandangan itu adalah baru karena selama ini orang Melayu dianggap sebagai masyarakat yang ekonominya berasaskan pertanian dan nelayan. Pengetahuan dan ilmu maritim dan perdagangan dalam kalangan orang Melayu sudah menjadi pemangkin kepada peranan orang Melayu membentuk jaringan perdagangan di Asia Tenggara. Hasil kajian peringkat awal dari sarjana Eropah mendapati orang Melayu telah mengeksploitasi kedudukan geografinya yang terletak di persimpangan jalan utama dunia sejak dahulu lagi. Hasilnya,

rella) orang dapat membeli tiga ekor kerbau, atau dua puluh ekor babi, atau tiga puluh ekor kambing, atau 360 ekor ayam, atau senilai 2.400 liter beras. Lihat Pelras, *Manusia Bugis*, Jakarta, Nalar, Forum Jakarta-Paris Ecole francaise d'Extreme-Orient (Translation of The Bugis. Oxford: Blackwell, 1996), hlm. 141-142

¹⁶Pelras. *Manusia Bugis*, Jakarta, Nalar, Forum Jakarta-Paris Ecole francaise d'Extreme-Orient (Translation of The Bugis. Oxford: Blackwell, 1996), hlm. 141-142.

¹⁷Nordin Hussin, *Perdagangan dan peradaban di Laut Melayu*, Bangi, Penerbit UKM, 2011, hlm. 8.

alam Melayu sudah menjadi pasaran terbuka kepada komoditi perdagangan dengan perkembangannya memasuki perdagangan maritim Laut Jawa. Di sini, ternyata bahawa perdagangan dan kehidupan maritim sudah menjadi kekuatan jiwa pada orang Melayu yang membuat mereka mampu sampai ke Sulawesi Selatan, malahan kawasan ke Timur lagi, yaitu Maluku yang memang kaya dengan rempah-ratus untuk keperluan perdagangan.

Orang Melayu yang terlibat dalam kegiatan perdagangan itu sudah semakin ramai berkunjung ke Sulawesi Selatan pada abad ke-16 berikutan pedagang Parsi menemui laluan baru yang terpendek antara Melaka dan Maluku. Berdasarkan maklumat Tome Pires¹⁸ pedagang Melayu juga telah menggunakan laluan ini untuk berlayar langsung ke Maluku, dan kemudiannya menetap sambil berdagang di Siang pada sekitar tahun 1496. Sehingga pertengahan abad ke-16, perhatian orang Melayu semakin tertuju ke Sulawesi Selatan dengan Sombaopu sudah muncul sebagai pelabuhan yang terpenting di timur Nusantara. Lokasinya yang strategik sudah membuat pelabuhan Sombaopu menjadi perantaraan antara pelayaran Maluku dan Melaka sebagai laluan baru perdagangan. Jalur perdagangan itu sudah dimanfaatkan sebagai laluan bagi perdagangan rempah-ratus di Maluku meskipun ada persaingan, malahan permusuhan dari pihak VOC. Kesepakatan antara orang Melayu dengan orang Makassar dan Ternate adalah kubu kuat orang Bugis menentang VOC baik dari segi pentingnya penguasaan perdagangan rempah-ratus dan juga dari segi penyebaran agama Islam. Pihak VOC pula didukung oleh orang Ambon yang beragama Kristian. Perajurit orang Ambon yang beragama Kristian sudah diangkut dalam perahu VOC dalam pertembungan menentang kumpulan orang Bugis-Makassar yang disertai orang Melayu. Peperangan semacam itu yang disebut sebagai rangkaian

¹⁸ Tome Pires mengatakan bahawa, kepulauan Makassar berada pada jalur menuju Maluku, yang dicapai lewat pelayaran dari Tanjungpura selama empat atau lima hari. Kepulauan itu terdiri dari banyak pulau dan merupakan negeri besar. Dari situ kita dapat bertolak ke Buton dan Madura dan juga ke utara. Penduduknya masih kafir. Penduduk pulau itu melakukan perdagangan dengan Melaka, Jawa, Kalimantan, Siam, dan semua tempat yang antara Pahang dan Siam. Lihat dalam Armando Cortesao, *The Suma Oriental of Tome Pires and the book of Francisco Rodrigues*, London: Robert Maclehose and Co.Ltd The University Press, Glasgow, 1944, hlm.226-227. Lihat juga Poelinggomang, Kehadiran dan Pengaruh Budaya Melayu di Sulawesi Selatan, makalah Dialog Melayu dan Festival Budaya Serumpun di Makassar 27-28 Mei 2009.

kempen yang paling banyak menitiskan darah dalam sejarah VOC¹⁹ di Nusantara pada abad ke-17.

Kehadiran orang Melayu sebagai perantau dan pedagang di Sulawesi Selatan pada mula-mulanya tidak terlepas dari keresahan mereka dengan pergolakan politik secara berterusan di Semenanjung Tanah Melayu dan sekitarnya. Selain pihak Eropah sama ada dari penjajah Potugal, Inggeris dan Belanda, serta kerajaan Nusantara sama ada Jawa, Demak, Aceh dan Thai; secara bergantian menyerang Melaka dan Johor. Serangan Portugis pada 1511 telah menjatuhkan Melaka, disusuli serangan ke atas Johor pada 1536 dari Portugis sudah menjadi faktor penolak ramai orang Melayu merantau ke Sulawesi Selatan. Kedatangan mereka itu berterusan sehingga awal abad XVII yang juga dikenali sebagai periode Islamisasi di Sulawesi Selatan.

Pada abad ke-17, orang Melayu telah menjadi pendatang yang penting kedudukannya di Makassar berbanding dengan orang Jawa, Ambon, Denmark, Inggeris, Portugis, India, Arab dan lain-lain. Orang Melayu telah membangunkan kampung dibawah koordinasi Syahbandar atau *Dato' Dagang*²⁰. Sudah disebut tadi bahawa pada umumnya orang Melayu dan pendatang yang lain aktif dalam perdagangan, baik sebagai orang tengah dalam transaksi barang dengan pedagang rempah-ratus dari timur di Ambon, mahupun melakukan pelayaran antarpulau. Sehubungan itu Wolhoff²¹ mendapati Makassar pada abad ke-17 sudah semakin penting kedudukannya sebagai jalur lalu lintas perdagangan dari Maluku di timur dan Melaka di Barat. Kota Makassar sudah berkembang menjadi kota kosmopolitan dan majmuk dengan jumlah penduduknya mencecah angka 160,000 jiwa, maka jauh lebih ramai dari jumlah penduduk di Surabaya sebanyak 50,000 jiwa atau Gresik yang hanya mempunyai 30,000 jiwa.

Orang Melayu di Sulawesi Selatan, tidak mendapati kesulitan beradaptasi dengan penduduk setempat dari orang Bugis dan Makassar; demikian pula dengan orang di

¹⁹ M. C. Ricklefs “*Sejarah Indonesia Modern, 1200-2008*” Jakarta, PT. Serambi Ilmu Semesta, 2010, hlm. 127.

²⁰ Khazim Mohd. Tamrin dalam “*Warisan Bugis di Rumpun Melayu*”. Siri Penyelidikan dan Penerbitan Institut Peradaban Melayu. Kota Damnsara: YIRMI- UPSI, 2014, hlm. 23.

²¹ Wolhoff dalam Abdul Rasjid dkk. “*Makassar Sebagai Kota Maritim*”. Projek Peningkatan Kesedaran Sejarah Nasional, Direktorat Sejarah dan Nilai Tradisional Direktorat Jenderal Kebudayaan, Departemen Pendidikan Nasional, Jakarta, 2000, hlm.13.

Mandar. Sebagai pendatang, orang Melayu diberi hak istimewa dan keutamaan dari masyarakat setempat dan pihak istana kerajaan. Penerimaan orang Melayu dengan baik oleh pihak penguasa dan masyarakat setempat adalah disebabkan hubungan sosial yang baik antara kedua-dua pihak itu sejak lama dahulu. Kedua-dua pihak telah berkongsi dan bekerjasama mengurus perdagangan, perniagaan dan pelayaran antara pulau. Selain berdagang, orang Melayu juga menyebarkan agama Islam kepada penduduk Bugis dan Makassar, maka telah membuat orang Melayu lebih mesra kepada orang dan masyarakat Bugis dan Makassar setelah menerima Islam sebagai agama rasmi mereka.

Peranan orang Melayu sehingga abad XVII sudah semakin tertonjol karena bukan sahaja sebagai pedagang, tetapi secara lebih nyata dalam pentadbiran, birokrasi dan politik dengan kerajaan setempat. Penerimaan orang Melayu dengan istimewa dalam ranah sosial, ekonomi dan politik dalam lingkungan masyarakat Bugis-Makassar, tidak lain pula sebabnya karena telah berlakunya pula perkawinan khususnya pada elit sosial kedua pihak. Orang Melayu melakukan integrasi dengan bangsawan tinggi dalam beberapa kerajaan Bugis dan Makassar melalui perkawinan. Integrasi sosial itu memberikan impak positif bagi orang Melayu dalam memainkan peranannya sebagai pedagang, saudagar, penyebar agama Islam, cendekiawan, juru tulis; hingga memasuki birokrasi kerajaan seperti pejabat pabean, syahbandar dan pemangku jabatan lembaga agama Islam.

Namun, ada banyak perkara mengenai kedatangan orang Melayu di Sulawesi Selatan masih belum diketahui, maka perlu digali untuk mendapat pengetahuan tentangnya dengan lebih baik dan lengkap lagi. Antara sumber yang awal tentang keberadaan orang Melayu di Sulawesi Selatan adalah dari naskah-naskah kuno Bugis-Makassar. Sebelum ini, sudah juga disebut tentang naskah lontara Bugis dan Makassar yang ada catatan tentang sejarah keberadaan serta perkara lain tentang orang Melayu di Sulawesi Selatan, khususnya pada kerajaan-kerajaan setempat seperti Siang, Suppa', Tanete-Barru, Gowa-Tallo' dan Wajo. Sekaitan dengan fakta sejarah tersebut, maka penyelidikan ini akan dilakukan melalui bantuan filologi dengan memanfaatkan teks lontara (manuskript) sebagai sumber maklumat primer.

Periode XV dan XVII dianggap penting bagi keberadaan orang Melayu di Sulawesi Selatan karena merupakan masa awal penghijrahan dan pertapakan mereka ke rantau itu. Pada masa itulah juga telah berlangsung proses integrasi sosial orang Melayu sebagai pendatang dengan orang Bugis dan Makassar sebagai penduduk setempat. Masa itu bukan sahaja periode penubuhan peranan sosial orang Melayu, tetapi juga periode mengembangkan aktiviti perdagangan, selain memainkan peranan utama dalam penyebaran Islam di Sulawesi Selatan. Ini bermakna dalam masa kira-kira 200 tahun itu adalah periode peralihan peranan sosial, ekonomi dan politik orang Melayu di Sulawesi Selatan. Perkembangan itu mesti ada sebab-sebabnya sehingga begitu ramai orang Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu berhijrah ke Sulawesi Selatan.

Sejarah kedatangan orang Melayu ke Sulawesi Selatan sejak abad XV memang sesuai dengan masa pertumbuhan kerajaan-kerajaan setempat Bugis dan Makassar. Orang Melayu yang datang itu diterima kemudian berintegrasi dengan orang Bugis dan Makassar. Aspek sejarah dan kejayaan orang Melayu di Sulawesi Selatan dapat ditelusuri berdasarkan sumber-sumber pribumi iaitu naskah-naskah kuno. Buku ini bukan sahaja memperlihatkan fenomena perantauan orang Melayu ke Sulawesi Selatan, tetapi juga mengungkapkan model integrasi yang berlaku. Wujud integrasi sosial tersebut juga menjadi asas penting sehingga orang Melayu memainkan peranan dari segi ekonomi, sosial dan politik di kawasan Timur Nusantara.

Semenjak abad XV sehingga abad XIX orang Melayu dianggap pendatang yang istimewa berbanding pendatang lainnya dari Jawa, Ambon, Buton, lebih-lebih lagi orang asing seperti Portugis, Belanda dan Inggeris. Keistimewaan itu adalah karena orang Melayu sudah terlibat dalam pentadbiran kerajaan di Sulawesi Selatan. Dari segi pembangunan, orang Melayu bukan sahaja giat berdagang, tetapi juga telah turut sama membuka tempat baru, lebih-lebih lagi berasimilasi dengan orang Bugis-Makassar.

Buku ini akan mengungkapkan kepada kita mengenai sejarah kedatangan orang Melayu khususnya dari Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera ke Sulawesi Selatan pada peringkat awal yakni abad XV sehingga XVII. Sehubungan itu, akan dihuraikan peristiwa kedatangan mereka dan pembukaan pesetempat mereka di wilayah milik kerajaan Bugis dan Makassar, khususnya di pesisir barat Sulawesi Selatan. Kesemua itu juga ada kaitan dengan strategi diplomasi yang dilakukan oleh orang Melayu sebagai

pendatang pada mula-mulanya, agar mereka dapat diterima dengan baik oleh kuasa-kuasa setempat di Suppa', Tanete, Sanrabone dan Gowa. Selain itu, turut diuraikan sikap atau sambutan kuasa-kuasa dari kerajaan setempat Sulawesi Selatan terhadap orang Melayu.

Selain mengungkap sejarah awal kedatangan orang Melayu, buku ini juga menguraikan selok-beluk orang Melayu yang mula-mulanya sebagai pendatang di Sulawesi Selatan yang kemudian berjaya melakukan integrasi secara sosial-budaya dengan orang Bugis-Makassar. Pengintegrasian orang Melayu yang dijalankan telah membuat mereka diterima dan dapat berinteraksi dengan penduduk setempat di Sulawesi Selatan. Antara bentuk integrasi itu adalah: pertama, mereka diterima untuk bermukim dan kemudian membangunkan kampung halaman di kawasan yang tersendiri; dan kedua, orang Melayu yang bermastautin itu telah melakukan perkawinan dengan bangsawan-bangsawan setempat sehingga telah membentuk hubungan genealogi atau kekerabatan sosial di pelbagai kerajaan setempat Bugis dan Makassar.

Tentu saja pengkajian mengenai penghijrahan orang Melayu ini akan mengungkapkan fenomena diaspora yang unik dimana ia menjadi pihak penting di lingkungan destinasi, namun pada wujudnya justeru mencapai kejayaan yang mengesankan. Oleh itu, pengkajian penghijrahan Melayu ke Sulawesi Selatan ini diharapkan akan memberi maklumat khusus dan penting dari segi sejarah dan juga akademik untuk memahami fenomena integrasi orang Melayu di peringkat global.

1.3 RUANG LINGKUP PERBINCANGAN

Latar belakang kajian yang disebut itu diharap boleh memberi maklumat yang dicari-cari: pertama, kedatangan mereka sebagai pendatang di Sulawesi Selatan telah bermula dari akhir abad XV; kedua, mereka telah mengalami pelbagai kedinamikan dalam kehidupan, pergaulan dan peranan sosial yang signifikan. Sehubungan itu, sekitar separuh kedua abad ke-15 sehingga separuh kedua abad ke-17 itu boleh dikatakan sebagai masa awal yang paling penting bagi kedatangan dan eksistensi orang Melayu dalam sejarah pertapakannya di Sulawesi Selatan. Tempoh separuh kedua abad XV yang menjadi titik permulaan

kajian ini. Sehubungan itu, menurut Antonio de Paiva²², orang Melayu dipercayai telah menetap di bandar niaga Siang dan Suppa' pada separuh akhir abad ke-15 sehingga boleh jadi sudah menjadi kampung yang terawal orang Melayu di Sulawesi Selatan.

Gelombang besar orang Melayu berhijrah ke Sulawesi Selatan bermula selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511. Penghijrahan beramai-ramai dari Melaka itu disebabkan kekacauan yang berlaku pada masa itu mengakibatkan ahli-ahli keluarga diraja telah dirampas harta benda mereka. Selain itu, Luis Filipe F.R. Thomaz (2010)²³ mengatakan orang Islam yang berwibawa dan yang pandai berperang berhijrah meninggalkan Melaka ke wilayah lain setelah mereka dikalahkan oleh Portugis. Yang tinggal adalah mereka yang membela atau menternak haiwan seperti lembu dan sapi. Orang-orang yang pergi itu adalah pihak yang tidak mahu bekerjasama dengan orang Portugis yang dianggap sebagai kaum “kafir”.

Gelombang penghijrahan orang Melayu ke Sulawesi Selatan itu berterusan sehingga pertengahan abad XVII. Semasa pemerintahan raja Gowa X, Tunipallangga (1546-1565), sudah semakin ramai orang Melayu berhijrah ke Makassar, khususnya sebagai pedagang. Masa ini rombongan orang Melayu yang dipimpin Nakhoda Bonang sudah datang untuk merayu penguasa setempat untuk menetap di Makassar. Pada tahun 1603²⁴, ramai ulama Melayu dari Minangkabau, Aceh dan Johor datang ke Sulawesi Selatan untuk menjalankan misi Islamisasi. Beberapa tahun kemudian, iaitu pada tahun

²² Antonio de Paiva, yang mengunjungi Siang 1542, merekan kesibukan perdagangan di bandar niaga Siang dan Suppa' yang sedang dalam tempoh berkembang. Menurut Manuel Pinto, seorang Portugis yang mengunjungi Siang, pada tahun 1545 penduduk Siang berjumlah sekitar 40.000 orang dengan jumlah yang sangat banyak bagi kehidupan suatu bandar niaga ketika itu. Lihat Edward Poelinggomang “*Proteksi dan Perdagangan Bebas: Kajian Tentang Perdagangan Makassar abad ke-19*, disertasi. Amsterdam, 1991, hlm. 25. Lihat Usman Nomay dalam “*Orang Melayu di Makassar abad XVI-XVII, Makassar*”: Rayhan Intermedia, 2009, hlm. 15. Lihat juga Pelras dalam “*Sulawesi Selatan Sebelum Datangnya Islam Berdasarkan Kesaksian Bangsa Asing*”, dalam *Citra Masyarakat Indonesia*, Jakarta: Archipel.1985.

²³ F.R. Thomaz dalam “*Selat Melaka di Persimpangan Asia*” . Archipel, Kuala Lumpur, 2010, hlm. 123-124.

²⁴Datu Maharajalela dikenal sebagai bangsawan Melayu Patani, ia datang ke Sulawesi bersama seorang anak saudaranya suami-istri, yang lelaki bernama Paduka Raja dan sang istri bernama Puteri Senapati. Mereka membawa bendera dari kerajaan mereka yang disebutnya Bulu Perindu. Lihat Mattulada dalam “*Makassar Dalam Sejarah*”. Makassar: Bhakti Baru-Berita Utama, 1982, hlm.54.

1632 datang pula bangsawan Melayu dari Pattani, Datuk Maharajalela bersama-sama keluarganya. Seperti yang dinyatakan Abdul Rasjid (2000:16), Datuk Maharajalela ini sudah diberi tempat tinggal di Sanrabone yang terletak di selatan bandar Sombaopu. Sehingga dewasa ini majoriti penduduk setempat kampung Pattani dan Salajo di Sanrabone masih ingat dan menyebut nenek moyang mereka yang terawal adalah orang Melayu dari Pattani dan Minangkabau.

Sementara itu, kerajaan Gowa pada pertengahan abad ke-16 sehingga tahun 1666 telah mencapai masa kemuncak keagungannya. Pihak berkuasa Gowa yang memberi posisi istimewa kepada orang Melayu itu turut membuka peluang baru kepada mereka untuk memperkukuhkan kedudukan mereka dalam rangkaian perdagangan rempah-ratus. Namun, orang Melayu mengalami situasi yang pelik dari segi politik semasa Perang Makassar (1666) dengan mereka memilih untuk menyokong raja Gowa untuk menentang Belanda dan kerajaan Bone. Gowa yang terkenal sebagai kerajaan maritim yang terbesar di kawasan Timur itu merasa terkejut dengan penentangan Pangeran Bugis, Arung Palakka. Dalam perang itu, Gowa mengalami kekalahan perang dari Bone yang dipimpin oleh Arung Palakka yang bersekutu dengan Belanda. Hasilnya, pada 18 November 1667, Perjanjian Bungaya ditandatangani antara Gowa-Bollanda-Bugis mengistiharkan takluknya Gowa. Fakta di sebalik peristiwa itu adalah ramai orang Melayu yang memihak kepada Gowa itu telah meninggalkan Makassar untuk berpindah ke tempat-tempat lain, termasuk kepulauan-pulau kecil di luar untuk menyelamatkan diri.

Kawasan yang diliputi kajian ini adalah tempat-tempat yang tertentu di Sulawesi Selatan, termasuk kerajaan-kerajaan setempat yang penduduknya terdiri dari etnik Bugis dan Makassar dengan berlatarbelakangkan kerajaan Bugis dan kerajaan Makassar. Dari segi geografi, kerajaan-kerajaan itu adalah kerajaan maritim yang mempunyai kawasan yang ada kepentingan perdagangan di laut. Tempat-tempat itu telah menjadi tumpuan orang Melayu yang datang dari Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera. Di tempat baru itulah orang Melayu memulakan hidup baru mereka setelah menganggap Sulawesi Selatan sebagai tempat bermastautin baru bagi mereka. Mereka ini bertumpu di tempat seperti Suppa, Tanete, Siang, Tallo-Gowa, Sanrabone dan Selayar yang memang menjadi pusat kerajaan yang berbeza-beza itu. Selain itu, Bone, Wajo dan Luwu itu juga diliputi dalam kajian ini, selain penting untuk melengkapkan peranan

orang Melayu²⁵ khususnya dalam penyebaran agama Islam di Sulawesi Selatan. Kedua-dua kerajaan tersebut penting dalam penyiaran agama Islam setelah ulama Melayu menjadikan Luwu dan Wajo sebagai fokus penyebaran Islam lebih awal di Sulawesi Selatan.

1.6 ISU KAJIAN YANG TERKAIT

Perihal tentang perbincangan tentang Melayu, Ding Choo Ming (2008)²⁶ mengemukakan pula bahawa kebudayaan Melayu mesti difahami dalam konteks sejarah yang panjang, dimulai Sriwijaya dengan yang berlatarkan Hinduisme-Budhisme sehingga Melaka dan Johor yang berlatar Islam. Hal yang asas mengenai perjalanan sejarah peradaban Melayu, mengandungi kesan terhadap dunia maritim yakni ia telah memberi impak terhadap penubuhan kerajaan, pembinaan bandar dan perdagangan di Nusantara yang kawasan dirujuknya dapat disetarakan dengan konsep Indo-Malaysia.

Konsep Indo-Malaysia telah dikemukakan oleh Bellwood (2000), begitu pula perspektif geografinya dan kultur Melayu oleh Kozok (2006). Keduanya memberikan tafsiran mengenai Melayu secara meluas iaitu mencakup aspek tamadun masyarakat dan kebudayaan Nusantara, separuh Asia Tenggara dan dunia dalam konteks Melayu diaspora. Kedua-dua konsep tersebut telah memberi kerangka perbincangan secara umum dalam kalangan sarjana lain mengenai Melayu di Sulawesi Selatan sehingga ia telah menjadi objek kajian dengan identiti sosial-budaya yang khusus. Konsep itu turut menunjukkan perbezaan antara sebuah masyarakat dan budaya setempat masing-masing, termasuk masyarakat dan budaya Bugis-Makassar dalam kajian ini. Dalam perspektif lain dapat dikatakan bahawa masyarakat Bugis dan Makassar adalah juga rumpun ras Melayu.

²⁵Proses Islamisasi Indoensia dapat dilihat dua tahap yang terpisah dengan jelas iaitu datangnya agama Islam dan masuknya agama Islam. Yang pertama adalah sebagian dari sejarah pergerakan perniagaan di seluruh Nusantara, yang kedua terdiri dari atas bagian-bagian waktu tersendiri dari sejarah pelbagai suku bangsa Indonesia (hlm. 10). Di Sulawesi Selatan telah diketahui bahawa sudah sejak orang-orang Muslim sudah menetap di Makassar dan di tempat-tempat lainnya di pantai Sulawesi Baratdaya. Lihat Noorduyn dalam "*Islamisasi Makassar*" Djakarta: Baharata, 1972. hlm. 10-11.

²⁶ Ding Choo Ming dalam "*Manuskrip Melayu Sumber Maklumat Peribumi Melayu*", Syarahan Perdana Jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 28 November 2008. 2009. hlm.17.

Bellwood (2000)²⁷ mendapati ras Melayu yang tersebar di wilayah yang luas itu wujud dalam sebilangan etnik memandangkan ras Melayu telah melintasi rentetan masa yang panjang serta variasi budaya yang beraneka-ragam. Bellwood menggunakan istilah Indo-Malaysia untuk merujuk cakupan wilayah yang disebutnya sebagai wilayah Melayu-Austronesia, maka sudah menjadi akar Melayu yang telah terkonstruksi secara biologi mahupun budaya pada 40,000 tahun lalu. Baginya, kawasan inti kepulauan Indo-Malaysia itu terbentang dari kira-kira 7° U (Semenanjung Tanah Melayu bahagian utara dan Borneo) sampai 11° S (Sumba dan Timor), dari ujung barat Sumatera sampai Maluku. Kawasan seluas kira-kira 4,200 km panjangnya dari barat ke timur, 2000 km dari utara ke selatan itu menumpang kira-kira 1,8 juta km² daratan yang kering, dengan yang kira-kira 80% darinya terletak di Indonesia; bakinya di Malaysia termasuk Sarawak, dan Sabah serta Brunei.

Secara khusus Kozok (2006)²⁸ mengemukakan pandangannya mengenai masyarakat Melayu utama. Konteks Melayu utama yang dimaksudkan yakni kelompok masyarakat yang menghuni di Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Riau dan Sumatera; selain etnik-etnik lain di Nusantara juga digolongkannya sebagai rumpun ras Melayu iaitu Deutro Malay (Melayu Muda). Antara etnik itu adalah suku Banjar, Dayak, Mangindanao, Sulu, Ambon, Ternate, Buton, Bugis, Bima dan Madura. Etnik atau suku bangsa Melayu itu memiliki ciri khas budayanya dari segi bahasa lokal, pakaian, sistem pengetahuan dan adat-istiadat. Namun pada sisi tertentu, ciri khas budaya tersebut memiliki unsur budaya yang sama antara satu dengan suku bangsa lainnya. Persamaan yang muncul dalam suku etnik-etnik itu dipandang sebagai bahagian dari tinggalan rumpun Melayu yang menjadi dasar tamadun mereka yang dapat dibuktikan secara arkeologi.

²⁷Lihat Peter Bellwood dalam “*Prasejarah Kepulauan Indo-Malaysia*”, Edisi Revisi, Jakarta: PT. Gramedia, 2000, hlm. 1-3.

²⁸ Lihat Kozok dalam “Kitab Undang-Undang Tanjung Tanah: Naskah Melayu yang Tertua”, Jakarta: Yayasan Naskah Nusantara dan Yayasan Obor Indonesia (YOI), tahun 2006. hlm.xi-xii.

Dalam perspektif filologis, Kozok (2006)²⁹ juga mengungkapkan bahawa kebudayaan Melayu adalah kebudayaan yang tertua di Nusantara. Ia sudah wujud lebih awal dari kerajaan Srivijaya pada abad ke-7, dan telah mencapai titik kegemilangannya pada akhir abad ke-14 dengan terbentuknya empayar Melaka, disusuli kerajaan Aceh pada abad 15, sehinggalah peranan Johor-Riau pada abad ke 16-17. Hal itu sejalan dengan Ding Choo Ming (2012),³⁰ kebudayaan Melayu sudah mengenal tulisan lebih dari 1500 tahun yang lalu; manakala bahasa Melayu meraih puncak kejayaan pada abad ke-16 digunakan oleh para saudagar dan menjadi bahasa utama perhubungan antarbangsa. Aksara tertua yang digunakan dalam naskah Melayu adalah aksara Melayu berciri aksara pasca-Pallawa pada naskah Tanjung Tanah³¹. Sehingga abad ke-17, kebudayaan Melayu telah menjadikan Islam sebagai asas dan corak pertumbuhannya, akhirnya wujud sebagai kebudayaan yang berpengaruh di Nusantara.

Zuliskandar Ramli dan Nik Hassan Shuhaimi (2012:171-196)³² mengatakan, perdagangan dan pelayaran merupakan aspek yang mendasari wujudnya penyebaran orang Melayu serta hubungan negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu dengan dunia luar, tidak terkecuali hubungan dengan China pada masa terawal ± VI Masihi. Sumber-sumber China dari Fa Hsien dan I-Ching umpamanya, telah menyebutkan kerajaan-kerajaan di kawasan Semenanjung antaranya Lim-Yi (Champa), Tan-Tan (Kelantan) dan Langkasuka telah berhubungan dengan China. Akhbar itu didukung dengan jumpaan-jumpaan seramik China bermula dari dinasti Tang, Sung, Yuan, Ming dan Cing di

²⁹ Lihat Uly Kozok dalam “*Kitab Undang-Undang Tanjung Tanah, Naskah Melayu Tertua*”, Jakarta YANASSA dan Yayasan Obor Indnonsia, 2006, hlm xi-xii. Lihat juga Ding Choo Ming, “Manuskrip Melayu Sumber Maklumat Peribumi Melayu”, Syarahan Perdana Jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia 28 November 2008. Bangi: UKM, 2009, hlm.17. Lihat juga Ricklefs (2010). Lihat Tatiana A. Denisova (2011). Lihat pula dalam Edwar Djmaris dkk dalam “*Naskah Undang-Undang dalam Sastra Indonesia Lama*” Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa DEPDIKBUD. 1981, hlm.180-181.

³⁰ Lihat Ding Choo Ming, “Bahasa Melayu Bahasa Dinastis?” dalam *Jurnal Pemikir* 70, Okt-Disember 2012. hlm. 133-164.

³¹ Lihat Uly Kozok. “*Kitab Undang-Undang Tanjung Tanah, Naskah Melayu Tertua*”, Jakarta Yanassa dan Yayasan Obor Indnonsia, 2006, tahun 2006. Hlm. 81-83.

³² Zuliskandar Ramli dan Nik Hassan Shuhaimi, *Hubungan antara Semenanjung Tanah Melayu dengan China Sejak Awal Anad Masihi*, dalam *International Journal of The Malay World and Civilisation (IMAN)* 30 (1), 2012: 171-196, Bangi: Institut Alam Tamadun Melayu, UKM.

Lembah Bujang. Hubungan dengan perdagangan dan pelayaran telah menghantar negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu berhubungan dengan negeri-negeri luar serta menumbuhkan jiwa rantau bagi orang Melayu.

Perihal penyebaran dan pesetempat orang Melayu sebagaimana yang dikemukakan Khazin Mohd Tamrin (2001)³³ adalah ekoran dari budaya *rantau* orang Melayu. Meskipun demikian, bagi Khazin pengertian merantau tidak boleh disamakan maksudnya dengan perkataan Inggeris ‘migration’ karena konsep merantau dalam kebudayaan Melayu berkaitan rapat dengan pandangan hidup (*way of life*) murni orang Melayu untuk mempertahankan, membela, meningkatkan harkat dan martabat sebagai insani dan identiti bangsa. Fenomena penyebaran atau dispora dan pesetempat (*settlement*) orang Melayu itu adalah asas penting kepada pembentukan percambahan peradaban masyarakat Melayu di banyak tempat di Alam Melayu yang luas seperti yang digariskan Bellwood dan Kozok tadi. Orang Melayu menganggap laut sebagai media penghubung dan pemersatu masyarakat dan di antara wilayah atau pulau-pulau, bukannya penghalang dan pemisah

Sejalan dengan fenomena penyebaran orang Melayu tersebut, Noordin Hussin (2011)³⁴ mengungkapkan, wilayah pesetempat orang Melayu dibanyak pulau yang terpisah-pisah itu telah disatukan melalui konsep merantau di dunia maritim. Dunia maritim itu menjadi pendukung utama yang melahirkan keupayaan bagi orang Melayu melakukan penghijrahan dari wilayah Semenanjung dan sekitarnya; misalnya, ke tempat-tempat lain sehingga ada orang dan kerajaan Melayu di seluruh Alam Melayu. Peta dari Ahimza-Putra (2007) dan telah dipetik Ding (2008) dalam syarahan perdananya adalah buktinya.

³³Khazim Mohd. Tamrin dalam “*Warisan Bugis di Rumpun Melayu*”.Siri Penyelidikan dan Penerbitan Institut Peradaban Melayu.Kota Damnsara: YIRMI- UPSI, 2014, hlm. 70-74.

³⁴ Lihat Noordin Hussin. *Perdagangan dan Peradaban di Laut Melayu*. Diprsembahkan sebagai Syarahan Perdana Jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia pada tanggal 16 Desember 2011, di bilik Senat, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 12-13.

Dalam konteks global, Wan Hashim Wan Teh dan A. Halim Ali (1999:13)³⁵ membicarakan definisi migrasi dalam perspektif sosiologis, bermaksud perpindahan atau penghijrahan kelompok manusia dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain. Migrasi merupakan sesuatu yang alamiah dalam kehidupan manusia sebagai makhluk sosial. Semestinya ada faktor yang membuat manusia meninggalkan tempat asalnya untuk menuju ke suatu tempat lain yang dipilihnya. Antara sarjana mengatakan dua faktor asas iaitu faktor penolak dan faktor penarik. Faktor penolak adalah aspek yang mendesak atau menekan manusia untuk berpindah meninggalkan tempat asalnya; manakala faktor penarik adalah aspek yang membuat kelompok manusia memiliki sesuatu tempat sebagai destinasiya.

Wan Hashim Wan Teh dan A. Halim Ali (1999:21) menyebut migrasi itu sebagai bahagian dari fenomena “Melayu Diaspora” yang membawa maksud penyebaran orang Melayu di luar tanah dan alam Melayu karena proses migrasi, perdagangan dan juga penghijrahan khusus. Diaspora itu kemudiannya telah mewujudkan kelompok minoriti Melayu, terasing dari penduduk setempat. Seperti yang terdapat di Pulau Cocos Australia Barat serta di Benua Australia, adalah diaspora orang Melayu majoriti berasal dari Bali, Bima, Celebes, Madura, Sumbawa, Pantai Timur Sumatera, Pasir Kutai, Melaka, Pulau Pinang, Betawi, Ceribon, Banjarmasin, Pontianak, Tasik Malaya, Kota Waringin dan sebilangan kecil dari keturunan Cina. Mereka itu sebanyak lebih 100 sebagai pengikut Alexander Hare mendarat di Pulau Cocos pada tahun 1826.

Orang Melayu yang berhijrah ke tempat lain di alam Melayu, sama ada dari Semenanjung Tanah Melayu, Riau dan tempat asal orang Melayu seperti dalam konsep Bellwood dan Kozok tadi berlaku khususnya sepanjang zaman Kolonial Eropah. Mereka yang dianggap anti kerajaan penjajahan Barat itu, seperti Belanda dan Inggeris, telah banyak dibuang ke negeri Cape Town, yang lain ke Surinam. Di zaman kolonial ramai pula orang Melayu berhijrah ke luar alam Melayu, sama ada ke negara England, Amerika Syarikat, Kanada, Mekah, Afrika Selatan, Surinam, Australia, Kanada dan Eropah.

Sementara pada masa yang lebih awal iaitu sebelum masa kolonial, Wan Hashim Wan Teh (1999:11) menyebutkan bahawa orang Melayu telah ada berhijrah ke Pulau

³⁵Lihat Wan Hasyim Wan Teh dan A. Halim Ali dalam “*Rumpun Melayu di Australia Barat*”. Bangi: Penerbit UKM, 1999, hlm 13.

Malagasi (Madagaskar). Madagaskar merupakan wilayah penting di bahagian barat Semenanjung Tanah Melayu oleh kerana bilangan orang Melayu lebih ramai, bahkan menjadi kelompok dominan dari segi kuasa ekonomi dan politik. Maka, orang Melayu di pulau Madagaskar itu dilaporkan telah berjaya membentuk sebuah kerajaan dengan nama Merina Kingdom pada abad ke-15. Meskipun penjelasan Wan Hashim berfokus pada keberadaan Melayu di Pulau Cocos dan Katanning Australia, namun beliau tidak mengungkapkan penelitiannya secara meluas penghijrahan orang Melayu ke Timur di Nusantara, termasuk fakta penghijrahan Melayu di Sulawesi Selatan.



Peta 1.1 Kerajaan Melayu yang bertebaran di dunia Melayu sebelum abad XIX

Sumber: Ding Choo Ming (2008) dan Ahimza Putra (2007)

Penghijrahan orang Melayu di Sulawesi Selatan serta peranan yang dimainkannya dalam perdagangan dan pelayaran telah ditulis oleh Gerrit Knaap dan Heather Sutherland. Knaap (2004) mengatakan bahawa, orang-orang Melayu yang berasal dari wilayah Selat Melaka banyak bersempit di Sulawesi Selatan. Komuniti mereka wujud sebagai fenomena diaspora orang Melayu yang muncul sebagai tulang belakang perekonomian di Makassar. Sejak abad ke-16 orang Melayu bersepadu dengan orang Bugis dan Makassar membina jaringan perdagangan rempah-ratus di Maluku di luar dari kontrol Belanda

(VOC). Sehingga separuh kedua abad ke-18 orang Melayu masih mencatatkan diri sebagai pedagang terkuat peringkat kedua, setelah pedagang China, dengan mampu mengapalkan 22 peratus³⁶ komoditi dan barang dagangan di pelabuhan Makassar.

Heather Sunderland (2001³⁷ dan 2004)³⁸ mengungkapkan bahawa orang Melayu telah hidup merata-rata di Nusantara bahagian timur di Maluku sehingga ke Fiji. Khususnya di Sulawesi Selatan, orang Melayu menjadi komuniti pendatang yang telah memberikan sumbangan signifikan bagi tatanan budaya Bugis-Makassar. Sulawesi Selatan merupakan wilayah yang paling kuat mendapat pengaruh dari pedagang-pedagang Melayu. Sunderland selanjutnya mengatakan bahawa, orang Melayu berperanan dalam penyebaran Islam, pembentukan budaya berasaskan pada sendi-sendi Islam, menanta tata tertib berinteraksi dan lain-lain. Penyebaran pengaruh orang Melayu yang cepat dan meluas tersebut karena didukung oleh aktiviti perdagangan dan pelayaran niaga.

Perihal keberadaan orang Melayu di Sulawesi Selatan, telah disentuh pula secara ringkas oleh Rasjid³⁹. Rasjid mengungkapkan, orang Melayu dari Melaka, Johor, Patani adalah penghijrah utama dari Semenanjung Tanah Melayu dengan menjadikan Sulawesi Selatan sebagai destinasi penting. Rasjid memperkatakan, kehadiran kumpulan orang Melayu di Makassar pada abad ke-17 di mana pada masa itu Sombaopu sudah muncul sebagai pelabuhan internasional. Keberadaan orang Melayu di Sulawesi Selatan semenjak pertengahan abad ke-15 dengan bilangan mereka semakin meningkat pada abad ke-16 sehingga ke-18.

³⁶ Persentase komoditi yang diperdagangkan di Pelabuhan Makassar pada tahun 1780 adalah: pedagang China 37 peratus, pedagang Melayu 22 peratus, Compeni (VOC) 14 peratus, dan Others 27 peratus. Lihat Knaap dalam, *Monsoon Traders: Ships, Skippers and Commodities in Eighteenth-Century Makassar*. Leiden: KITLV Press, 2004, hlm. 135.

³⁷ Lihat Heather Sunderland "The Makassar Malays: Adaptation dan identity c. 1660-1790) dalam *Journal of Southeast Asia Studies*, 32 (3), Oktober 2001, hlm. 397-421, Printed in The United Kingdom, The National University of Singapore..

³⁸Knaap and Heather Sunderland. 2004. *Monsoon Traders: Ships, Skippers and Commodities in Eighteenth-Century Makassar*. Leiden: KITLV Press, hlm. 4.

³⁹Lihat Abdul Rasjid Abdul Rasjid dkk. "Makassar Sebagai Kota Maritim". Proyek Peningkatan Kesadaran Sejarah Nasional, Direktorat Sejarah dan Nilai Tradisional Direktorat Jenderal Kebudayaan, Departemen Pendidikan Nasional, Jakarta, 2000, hlm. 15-17.

Kedatangan orang Melayu ke Sulawesi Selatan terdapat faktor penarik dan penolak. Jika penjajahan Eropah menjadi *pushing factor*, maka *pulling factor* tidak lain dari sikap orang Bugis dan Makassar yang memberi sambutan istimewa kepada orang Melayu berbanding dengan layanan yang diberikan kepada suku bangsa lainnya. Sikap orang Bugis-Makassar dalam menyambut dan memberikan pesetempat kepada orang-orang Melayu dinyatakan oleh Rasyid⁴⁰ bahawa kuasa Gowa telah memberikan lokasi pesetempat bagi orang Melayu. Adalah Nakhoda Bonang dan rombongannya serta pedagang-pedagang asal Melayu itu diberikan tempat kediaman di Mangallekana oleh Raja Gowa Tunipallangga (1548-1566).

Secara khusus hubungan sejarah antara Melaka dan Makassar pada periode awal mulai 1262 telah ditulis oleh Zulkarnain Abdul Rahman (2013)⁴¹. Menurutnya, hubungan Melaka dan Makassar didasari kegiatan perdagangan, perkapalan, serta kebudayaan dan kesenian. Meskipun demikian Zulkarnain masih keliru menggunakan perkataan Makassar karena maknanya terlalu luas berbanding dengan Gowa sebagai konteks kajiannya. Kerajaan Gowa disamakan dengan Makassar; namun erti Makassar yang sebenar mencakupi wilayah luas, salah satunya adalah Gowa. Walaupun Gowa adalah kerajaan Makassar yang utama, namun kerajaan lain sama ada Siang, Tallo, Sanrabone, Bantaeng, Bangkala dan Marusu (Maros) juga merupakan kerajaan etnik Makassar.

Hubungan sosial antara orang Melayu dengan Bugis-Makassar berimpak pada wujudnya kesamaan kebudayaan. Pelras (2006)⁴² mengungkapkan bahawa pengaruh kebudayaan Melayu sangat signifikan terhadap aspek-aspek kebudayaan Bugis-Makassar di Sulawesi Selatan. Pada aspek kesusasteraan seumpamanya, beberapa aspek sastra Bugis-Makassar merupakan bahagian dari kesusasteraan Melayu. Pelras juga telah mengidentifikasi ciri-ciri pengaruh budaya Melayu, terutamanya dalam bentuk atap

⁴⁰Lihat Abdul Rasjid dkk. "*Makassar Sebagai Kota Maritim*". Projek Peningkatan Kesedaran Sejarah Nasional, Direktorat Sejarah dan Nilai Tradisional Direktorat Jenderal Kebudayaan, Departemen Pendidikan Nasional, Jakarta, 2000, hlm. 26-27.

⁴¹ Zulkarnaen Abdul Rahman "*Hubungan Sejarah Melaka-Makassar*", Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), Melaka, 2013.

⁴²Lihat Christian Pelras dalam "*Manusia Bugis*". Jakarta: Nalar, 2006. hlm.91-92.

rumah serta keris. Rumah Bugis yang berbentuk rumah panggung terdapat di banyak tempat, termasuk di Aceh, wilayah Melayu pesisir Sumatera, di Sumatera Selatan dan Kalimantan. Tak terkecuali keris (Bgs: *tappi*) Bugis juga mengacu kepada pengaruh keris Melayu di Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu. Keris Bugis lebih mirip keris Melayu dari keris Jawa. Hal ini juga dinyatakan oleh Evans⁴³ yang mendapati bahwa kebanyakan keris yang terdapat di Tanah Melayu dan Sumatera mempunyai kemiripan dengan keris Bugis.

Selain kesamaan bentuk rumah, pakaian dan keris, kontribusi peradaban Melayu terhadap kebudayaan Bugis juga terlihat dalam sistem aksara di Sulawesi Selatan. Aksara⁴⁴ lontara sebagai aksara yang lebih dahulu ada di Sulawesi Selatan digunakan oleh orang Bugis, disebut oleh Mills⁴⁵ sebagai aksara yang mirip dengan aksara yang digunakan di Sumatera khususnya di Rejang dan Pasemah. Kedua-dua toponimi tersebut merupakan wilayah di mana masyarakatnya berlatarbelakang kebudayaan Melayu. Aksara lontara diperkirakan telah digunakan dalam penulisan naskah lontara semenjak abad ke-16.

Selain dari aksara lontara, Nurhayati Rahman (2009)⁴⁶ mengungkapkan, keberadaan aksara Arab turut memperkaya khazanah keaksaraan di Sulawesi Selatan, manakala aksara ini hidup berdampingan dengan aksara lontara. Faktor-faktor tersebut merupakan bahagian dari kompleksiti pengaruh tamadun Melayu terhadap tradisi tulis di

⁴³Lihat dalam Syahrudin Bin Yub, “*Keris Melayu*”, petakan dari Syarahan 2. Kuala Lumpur: Jawatan Muzeum Malaysia, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, 2009. hlm.12.

⁴⁴Masyarakat Bugis dan Makassar di Sulawesi Selatan menggunakan lima sistem aksara tradisional iaitu: 1) aksara *Jangang-Jangang* disebut aksara Makassar; 2) lontara atau *Sulapa’ Eppa* disebut sebagai aksara Bugis; 3) *Serang*; 4) Melayu atau Jawi; dan 5) *Bilang-Bilang*. Kecuali aksara *Jangang-Jangang* atau aksara Makassar, empat aksara lainnya dipastikan memiliki pertalian sejarah dengan sistem aksara di Tanah Melayu.

⁴⁵ Pelbagai daerah di Indonesia – termasuk di Sulawesi Selatan - tulisan India sudah menyebar sebelumnya yang kemudian dinamakan aksara lontara. Aksara lontara di Sulawesi selatan digunakan secara bersama-sama oleh orang Bugis dan Makassar, lihat Ahmad Rahman dan Muhammad Salim, “*Pelestarian dan Perkembangan Aksara Lontara di Sulawesi Selatan*”, Jakarta Proyek Pengkajian dan Pembinaan Nilai-Nilai Budaya Pusat Jakarta, 1996.

⁴⁶ Lihat Nurhayati Rahman dalam “*Colli’Pujie*”, Makassar: La Galigo Press, 2009.

Sulawesi Selatan semenjak abad ke-16. Hal serupa iaitu penggunaan aksara Jawi⁴⁷ atau Melayu atau Arab-Melayu digunapakai pula pada beberapa daerah lainnya di bahagian timur Nusantara seperti di Buton, Ternate dan Bima. Fenomena keaksaraan tersebut menunjukkan bahawa alam budaya Melayu menyebarkan secara meluas hampir di seluruh di Nusantara. Hal itu dapat dijelaskan dalam konteks pengaruh kontak budaya Melayu dengan etnik-etnik Nusantara melalui hubungan perdagangan, pelayaran serta penghijrahan.

Pertautan kebudayaan kemaritiman antara Melayu dan Bugis-Makassar, Tobing (1977)⁴⁸ telah melakukan kajian mengenai *Hukum Pelayaran dan Perdagangan Amanna Gappa*. Hukum pelayaran dan perdagangan ini menjadi pedoman orang Bugis-Makassar mengenai hal-hal kelautan yang terdokumentasi dalam bentuk naskah. Tobing mengungkapkan bahawa Hukum Amanna Gappa tersebut merupakan kod maritim yang diadopsi dari *Hukum Kanun Kemaritiman Melaka* atau *Undang-Undang Laut Melaka* (UULM) yang disusun pada masa Sultan Mahmud (1424).

Antony Reid (2011)⁴⁹ menjelaskan undang-undang laut model Melayu telah memberikan pengaruh (influence) terhadap hukum kelautan Bugis. Meskipun pada sisi lain berkemungkinan pelaut-pelaut Bugis secara tidak langsung dalam memberikan maklumat-maklumat khusus tentang navigasi atau pelayaran ketika Sultan Mahmud mengundang mereka berbincang di istana Melaka. Undang-undang pelayaran dan perdagangan ini dalam masyarakat Bugis lazim menyebutkan “*Lontara Allopi-Loping*” atau *Kitab Hukum Pelayaran* disusun oleh Amana Gappa, syahbandar kerajaan Gowa ke tiga pada masa pemerintahan Tunipallangga (1546-1565).

⁴⁷ Masyarakat Jawa menyebut aksara Jawi dengan nama “*Pegon*”. Keberadaan aksara Jawi merupakan fenomena dari penyebaran pengaruh Islam dalam budaya Melayu. Aksara Jawi sebagai hasil konfigurasi sistem aksara iaitu secara zahir adalah aksara Arab, namun sistem pembacaannya menyesuaikan dengan sistem bahasa Melayu. Aksara Jawi ini menyebarkan secara luas di kepulauan Nusantara, yang banyak digunakan dalam manuskrip dari berbagai kalangan suku bangsa di Indonesia.

⁴⁸ Lihat Prof. Dr. PH.O.L. Tobing dalam “*Hukum Pelayaran dan Perdagangan Amanna Gappa*”. Ujung Pandang: ayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan, tahun 1977.

⁴⁹ Lihat Antony Reid “*Asia tenggara Dalam Kurun Niaga 1450-1680*”, Jilid 2: Jaringan Perdagangan Global. Jakarta: Obor Indonesia. 2011. hlm. 58-59.

Poelinggomang (2000)⁵⁰ telah membahas mengenai keunggulan dan peranan orang Melayu di Makassar. Ia mengungkapkan kedatangan orang Melayu di Sulawesi Selatan telah memberi sumbangan signifikan bagi kemajuan perdagangan dan pengelolaan pelabuhan. Sebab utamanya ialah orang Melayu dikatakan mempunyai keunggulan untuk melaksanakan cukai perdagangan sehingga sejak keberadaannya di Makassar mereka telah diberi hak dan kuasa melaksanakan urusan berkaitan dengan cukai pelabuhan atau kepabeanan hal ini akan dibincangkan dalam Bab VI). Salah seorang nama yang tercatat di dalam naskah sebagai syahbandar pertama dari kalangan orang Melayu dalam kerajaan Gowa bernama I Mangambari Kare Mangaweang. Pada tempoh selanjutnya, jabatan syahbandar diwarisi oleh orang Melayu sehingga yang terakhir bernama Encik Husein di mana pada masa beliau memikul jawatan tersebut berlaku Perang Makassar (1666-1667)⁵¹.

Heather Sunderland (2001)⁵² secara khusus menyoroti aspek adaptasi dan identiti orang Melayu di Makassar pada kurun XVII – XVIII. Sunderland mengungkapkan bahawa, di Makassar orang Melayu mengekalkan kuasa ‘Kapitan Melayu’ sebagai institusi sosial yang menghimpun dan mewartakan komuniti Melayu. Kepala atau pucuk pimpinan Kapitan Melayu diduduki oleh kalangan keturunan orang Melayu sendiri. Lembaga Kapitan Melayu di Makassar itu telah terbentuk sejak tahun 1706 dan telah

⁵⁰ Lihat Edward L. Poelinggomang, “Kehadiran dan Pengaruh Budaya Melayu di Sulawesi Selatan” Makalah dalam “Dialog Melayu Raya dan Festival Budaya Serumpun” Makassar, 27-28 Mei 2009, hlm.4.

⁵¹Perang Makassar berlangsung selama hampir satu tahun dari 1666 sehingga 1667. Perang berakhir dengan kekalahan Gowa-Tallo yang ditandai dengan perjanjian yang dipanggil Perjanjian Bungaya (Mks: Cappaya ri Bungaya) yang ditandatangani pada tanggal 18 November 1667. Perjanjian itu ditandatangani oleh Speelman (Kompeni Belanda) dan Sultan Hasanuddin (Kerajaan Gowa-Tallo). Meskipun demikian, perjanjian tersebut pernah dilakukan pembaharuan sehingga tahun 1669 karena berlakunya peperangan semula kedua-dua pihak. Lihat Mattulada, “*Menyusuri Jejak Kehadiran Makassar Dalam Sejarah*”. Ujung Pandang: Bhakti Baru-Berita Utama, 1982, hlm. 94.

⁵²Sutherland menyebutkan nama pejabat Kapitan Melayu antaranya, Ince Cukka⁵², Abdul Razak (1705), Ince Abdul Nazul, Ince Maulud (1726), Ince Samba (1728), Ince Ali Asdullah (1730), Ince Abdul Kadir (1768), Ince Mursidin (1769), dll. Lihat Heather Sutherland, “*The Makassar Malays: Adaptation and Identity, 1660-1790*” dalam *Journal of Southeast Asian Studies*, (32) (3), pp 397-421 Oktober 2001. Printed in the United Kingdom. The National University of Singapore, 2001.

berjaya melaksanakan fungsinya sebagai lembaga sosial-politik orang Melayu di Sulawesi Selatan. Sehingga abad ke-20 manakala kerajaan Bugis Bone yang memegang supremasi politik di Sulawesi Selatan, maka eksistensi Kapitan Melayu sentiasa hidup dan berfungsi sebagai simpul pemersatu dan peneguh regulasi adat dalam kalangan komuniti Melayu.

Kathryn Robinson (1985)⁵³ mengatakan bahawa, tamadun Bugis dan Makassar dalam berbagai aspek telah mengalami perkembangan signifikan karena pengaruh kebudayaan Melayu. Agama Islam merupakan aspek yang paling asas telah mengkonversi sistem kepercayaan animisme dengan menyembah roh-roh alam dan nenek moyang ke agama Islam dengan menyembah Allah SWT. Perihal yang patut dicatat ialah peranan Melayu bagi proses islamisasi di Sulawesi Selatan memberikan kedudukan utama bagi ulama pada urusan hukum syariat dalam kerajaan. Pejabat *Kadi* kerajaan di Wajo, Luwu dan Gowa seumpamanya telah dipercayakan kepada ulama-ulama orang Melayu untuk mendudukinya. Melalui jabatan Kadi itulah maka ulama Melayu kharismatik boleh duduk bersebelahan dengan raja dalam mesyuarat kerajaan di istana. Orang Melayu pun mendapat peranan sebagai pemimpin agama kerajaan dan menjadi penasihat raja-raja setempat.

Intergrasi orang Melayu di Sulawesi Selatan memberikan pengaruh bagi sistem kehidupan masyarakat Bugis dan Makassar khususnya pada adat resam. Menurut Mohd. Koharuddin (2007:75)⁵⁴ adat resam itu berupa kebiasaan atau kelaziman masyarakat dari segi perbuatan dalam kehidupan seharian termasuklah cara makan, berpakaian, bertegur sapa, duduk bermesyuarat dan seumpamanya. Sistem sosial masyarakat Melayu ini sangat kuat terikat dengan adat dan tradisi turun-temurun di alam Melayu khususnya yang berlaku di Melaka. Sejarah menunjukkan bahawa sistem adat resam Melayu telah teradaptasi dengan baik dengan lingkungan sosio-budaya Sulawesi Selatan. Pada sisi yang sama agama Islam sememangnya merupakan azas kehidupan khas orang Melayu, kemudian menampakkan keselarasannya dengan sistem adat-istiadat (Bgs: *Pangadereng*) masyarakat Bugis-Makassar. *Sara'* yang merupakan sistem normatif

⁵³Kathryn Robinson dan Paeni dalam “ *Agama dan Realitas Sosial*”, Ujung Pandang: Lembaga Penerbitan Universitas Hasanuddin, 1985, hlm. 210-211.

⁵⁴Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi, *Peradaban Melayu*. Skudai, Johor Darul Ta'zim Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2005, hlm. 75.

masyarakat Bugis-Makassar pun bersendikan dari syariat Islam.

Stephen C. Druce (2009)⁵⁵ mengatakan, orang Bugis dan Makassar merupakan dua etnik yang memiliki budaya berbeza. Manakala Islam rasmi sebagai agama kerajaan, maka kedua-duanya pun menunjukkan asas budaya yang sama iaitu Islam sebagai identiti dan sendi tamadunya⁵⁶. Agama Islam masuk ke Sulawesi Selatan, dianut dan menjadi agama rasmi kerajaan sejak abad XVII. Perkembangan Islam tersebut telah memberikan peranan kepada orang Melayu bagi berjalannya konversi dari kepercayaan tradisional kepada tauhid dan syariat agama Islam.

Macknight (1983)⁵⁷ dan Druce⁵⁸ mengungkap bahawa orang Bugis-Makassar pada awalnya adalah masyarkat agraris. Selepas tahun 1300, wilayah kerajaan Ajatappareng (Sidenreng, Sawitto, Suppa', Rappang, dan Alitta) khususnya telah meluaskan tanah persawahan dengan meneroka lebih banyak lagi tanah untuk menanam padi. Pada abad ke-17 manakala kekuatan pertanian Sulawesi Selatan mencapai kejayaan, mata pencarian orang Bugis dan Makassar kemudian berkembang lagi dengan memasuki perdagangan (trade) dan sebagai pelaut (sailors). Imej orang Bugis dan Makassar sebagai pelaut ulung dan pedagang, sesungguhnya mulai terbentuk pada abad ke-17. Kewujudan sekelompok atau individu sebagai pelaut pada masa itu menjadi sebahagian dari pengaruh pedagang-pedagang Islam yang di dalamnya terdapat ramai orang Melayu.

⁵⁵ Steve Charles Druce, dalam "The Lands West of The Lakes: The History of Ajatappareng, South Sulawesi, AD 1200 to 1600. Thesis submitted for Doctor of Philosophy (PhD) in the University of Hull, 2005, hlm, 24-26.

⁵⁶Permukiman utama etnik Mandar adalah di kecamatan Polmas dan Mamuju. Orang Mandar menjadi pemeluk agama Islam yang taat dan menjadikan Islam sebagai jiwa budaya mereka. Hal yang sama berlaku pada etnik Bugis dan etnik Makassar yang bersama-sama memasuki agama Islam pada abad XVII. Hal yang berbeza dengan masyarakat Toraja. Orang Toraja mempunyai agama yang berbeza iaitu majoriti penduduknya memeluk agama Kristian dengan prosentase bilangannya 87 persen. Penduduk Toraja yang menjadi pemeluk agama Islam hanya 9 persen sahaja. Kepercayaan kuno masyarakat Toraja dinamakan *Alu' todolo*. Lihat Druce Steve Charles Druce, dalam "The Lands West of The Lakes: The History of Ajatappareng, South Sulawesi, AD 1200 to 1600. Thesis submitted for Doctor of Philosophy (PhD) in the University of Hull, 2005, hlm. 25. Hal yang sama dikemukakan oleh Waterson, 1990, hlm. 111.

⁵⁷ Macknight, "The Rise of Agriculture in South Sulawesi Before 1600". Review of Indonesian and Malaysian Affairs, 17, 1983, hlm 92-116.

⁵⁸ Druce dalam "The Lands West of the Lakes: A History of the Ajatappareng kingdoms of South Sulawesi 1200 to 1600 CE. Leiden: KITV, 2009, hlm. 13-15.

Andaya (1981:29) mengungkapkan, kewujudan pengaruh Melayu terhadap kebudayaan Bugis dan Makassar adalah terkait dengan kehadiran orang Melayu di Sulawesi Selatan. Sejak pertengahan abad ke-16 kerajaan Gowa-Tallo telah menuju kejayaan berdasarkan keberhasilannya sebagai pelabuhan utama di Sulawesi. Pada masa itu telah ada sebuah komuniti pedagang Melayu yang menetap di Makassar. Pada masa yang sama pelabuhan Makassar telah berkembang menjadi kota dagang mulai menyaingi pelabuhan di Jawa seperti Demak dan Gresik dalam hal eksport beras dan bahan-bahan lainnya ke Maluku. Selanjutnya Andaya (1981) mengatakan bahawa, pada abad ke-17 Makassar telah wujud sebagai bandar dan pelabuhan bebas dan terdapat ramai bangsa asing datang. Keadaan tersebut menjadi daya tarikan bagi kaum pedagang termasuk pedagang Melayu, Jawa, India Selatan, Portugis, Inggeris, Denmark dan Sepanyol. Begitu ramai bilangan bangsa asing yang hadir di Makassar telah memberikan impak terhadap perkembangan Makassar dalam hal perdagangan dan pelayaran. Fenomena itu mengungkapkan bahawa orang Melayu telah mengambil peranan utama menyokong orang Bugis-Makassar wujud sebagai masyarakat kosmopolitan.

Orang Melayu di Sulawesi Selatan menunjukkan dirinya sebagai pihak yang paling berjaya melakukan hubungan perkawinan dengan penduduk setempat. Bagi Chambert-Loir⁵⁹, fenomena di Sulawesi Selatan itu, memberi pengaruh yang sama kepada kedudukan orang Melayu di Bima sejak abad XVII sehingga abad XX. Orang keturunan Melayu seumpama Ince Hasan, dicatatkan menjadi sekretaris Sultan Bima, Muh. Djafar Rato Ranasae. Di Sulawesi Selatan, hubungan antara orang Melayu dengan penduduk setempat Bugis-Makassar sebagai proses asimilasi dan akulturasi yang telah memakan masa yang panjang sejak abad ke-15.

Perihal kehadiran orang Melayu di Kawasan Timur Nusantara, Rudito dan Bambang Budi Utomo (2011)⁶⁰ mengungkapkan bahawa, sejarah perantauan orang

⁵⁹ Chamber-Loir dkk., *“Imam dan Diplomasi, Serpihan Sejarah Kerajaan Bima, Jakarta: KPG, Ecole Francaise d’Extreme-Orient, Direktorat Jenderal Sejarah dan Purbakala, dan Kemnterian Kebudayaan dan Pariwisata. Tahun 2010, hlm. 20.*

⁶⁰ Lihat Bambang Rudito dan Bambang Budi Utomo dalam *“Alam Melayu”* ed. Nik Hassan Shuaimi Nik Abdul Rahman, Zuliskandar Ramli, Mohamad Zain Musa, dan Adnan Jusoh. Bangi: ATMA-Universiti Kebangsaan Malaysia Cet. I, 2011, hlm. 135-152.

Melayu khususnya dari Melaka, Minangkabau, Patani, Johor ke Sulawesi Selatan telah berlaku semenjak abad ke-15. Proses integrasi dan akulturasi berlangsung semenjak awal kedatangan orang Melayu tersebut, sehingga mereka tidak dipandang sebagai kaum pendatang. Integrasi sosial yang berkesan tersebut memberikan status sosial menengah terhadap orang Melayu. Status tersebut bermanfaat bagi memberikan ruang kepada mereka dalam memperoleh jawatan-jawatan penting sosial dan politik di Sulawesi Selatan.

Rudito dan Bambang Budi Utomo (2011:37-38) mengungkapkan pula bahawa, sejarah keberadaan Melayu di Sulawesi Selatan menunjukkan proses akulturasi dan integrasi secara timbal-balik dengan orang Bugis-Makassar. Proses tersebut telah menyelaraskan batas-batas identiti Melayu dan Bugis-Makassar sepanjang masa. Jati diri kedua-dua pihak pada awalnya menunjukkan jiwa yang berbeza; akan tetapi perjumpaan dan proses interaksinya dari hari ke hari mewujudkan adaptasi sosial dan budaya yang berkesan. Selain karena hubungan kepentingan ekonomi perdagangan dan perniagaan, konfigurasi itu terbentuk oleh karena peranan agama Islam yang dianut secara bersama-sama. Nilai-nilai dan norma-norma agama Islam telah menjadi sistem kehidupan mendasari pandangan hidup (*word view*) masyarakat Bugis-Makassar dan Melayu. Sehingga, agama Islam berfungsi sama dengan kesukubangsaan yang menyelaraskan tatanan kehidupan masyarakat Bugis- Makassar dan Melayu ke dalam jati diri yang sama.

Mattulada (1976)⁶¹ mengungkapkan, Islam sebagai sendi tamadun Melayu kemudian menjadi unsur terpenting yang terselaraskan dengan sistem nilai kehidupan masyarakat Bugis dan Makassar. Semenjak Islam menjadi agama secara rasmi pada sesetengah kerajaan Bugis dan Makassar, nilai-nilai Islam terserap ke dalam sistem normatif yang menjadi asas kehidupan bagi masyarakat pada amnya. Lebih lanjut lagi ulama-ulama dari kalangan orang Melayu menjadi pelaksana utama tertubuhnya lembaga Syariat kerajaan sama ada di dalam kerajaan Gowa, Wajo atau Luwu. Lembaga syariat Islam dalam kerajaan menjadi institusi yang menyediakan penjawat dari kalangan ulama menjadi pegawai di istana dan urusan politik kerajaan. Pejabat lembaga syariat atau *Sara* '

⁶¹ Mattulada, "Peranan Ulama dan Pengajaran Agama Islam di Sulawesi Selatan", Ujung Pandang: Fakultas Sastra Universitas Hasanuddin, 1976.

itu dijabat oleh seorang yang dipanggil “*Kadi*” dimana pada awal penubuhannya diduduki pegang oleh ulama Melayu. Jawatan *Sara*’ kerajaan mengurus pelbagai urusan sosial seperti pernikahan, perceraian, hukum warisan, ritual kelahiran, mengurus pemakaman, pembacaan Talqin, pemimpin ritual hari raya dan penyelesaian sengketa.

Perihal fenomena integrasi orang Melayu, Khazin (2001:81) mengatakan, orang Melayu memiliki sikap menghormati adat istiadat setempat yang menjadi wilayah destinasinya. Orang Melayu memiliki nilai luhur yang tertanam dalam jiwa setiap individu yang mengamalkan peribahasa “*di mana tanah dipijak, di situ langit dijunjung*”. Hakikat nilai itu menjadi panduan hidup orang Melayu dalam memasuki komuniti dan menjalani proses integrasi sosial dengan masyarakat setempat. Fenomena intergrasi yang sama suksesnya, di luar alam Melayu berlaku di Malagasi, pulau Cocos dan Kataning di Australia, Afrika Selatan dan Sri Lanka.

Budaya Melayu memiliki ciri kosmopolitan. Ciri itu telah disetujui oleh Vickers (2009)⁶² dengan mengatakan bahawa peradaban pesisir tentang ‘Melayu’ atau ‘Dunia Melayu’ itu sudah menjadi fenomena di Asia Tenggara. Dalam konteks budaya, hal tersebut ditandai oleh hadirnya perkaitan teks-teks Sastra Panji⁶³ di pelbagai wilayah yang menunjukkan hubungan kekerabatan. Di samping wujud pula Sastra Sejarah dan seni lainnya yang beragam pada masyarakat Melayu dan Jawa. Dokumentasi sastra yang dikumpulkan dari pelbagai pelosok seperti Sumatra, Jawa dan Malaysia menguatkan wujudnya konsep sastra pesisir⁶⁴ tersebut.

⁶² Para sejarawan sejak lama telah menyadari mengenai keberagaman bahasa serta perkaitan di antara teks-teks dari berbagai kawasan Nusantara. Th. Pigeaud menyebutnya sebagai sastra Pesisir atau sastra pantai. Keterangan lebih lanjut lihat Andrian Vickers, “*Peradaban Pesisir menuju Sejarah Budaya Asia Tenggara*”. Denpasar: Udayana Press, 2009, hlm. 9.

⁶³ Cerita-cerita Panji itu adalah golongan cerita Jawa-Melayu yang semuanya berpusatkan pada sang Panji, putera Kuripan, yang ada sifat sejarahnya tetapi tak kurang unsur mythologynya. Pokok utama cerita Panji adalah berkelana mencari kekasihnya. Cerita dalam Panji Melayu dengan sendirinya mengasingkan cerita-cerita yang berasal dari Hindu seperti *Ramayana*, *Mahabharata* dan lain-lain. Lihat Harun Mat Piah, “*Cerita-Cerita Panji Melayu*”, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia, 1980, hlm. 13-14.

⁶⁴ Istilah Sastra Pesisir mulanya diperkenalkan oleh filolog Belanda, Th. Pigeaud. Ia menyebutnya sebagai Sastra Pesisir atau Sastra Pantai. Aslinya, adalah ini terutama digunakan untuk menyebut sastra berbahsa Jawa ddari pantai utara Jawa, setelah disadari bahwa teks-teks yang sama dengan diketemukan di sana juga ditulis, digandakan disadur di pelbagai pelosok Jawa

Pendapat yang seumpama itu telah juga diungkapkan oleh Drewes (1969)⁶⁵ yang mengatakan banyak sastra berbahasa Melayu juga merupakan sebahagian dari kompleks kesusastraan pesisir. Dari hasil dokumentasinya, Drewes⁶⁶ menemukan contoh sastra pesisir, misalnya cerita panji dikenal di Jawa, Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Thailand, Burma, Bali, Lombok dan Sulawesi Selatan. Sastra Melayu sebagai sastra pesisir memang dapat diterima karena hampir kesemua kota dan istana Melayu terletak di pesisir. Namun, fenomena penyebaran sastra dan budaya pesisir yang terbina dalam dunia Melayu, sudah sekian lama telah melakukan hubungan dan kontak budaya dengan etnik lain seperti Cina, India, Arab, Parsi dari luar Nusantara, selain masyarakat di kawasan Asia Tenggara.

Vickers (2009) mengungkapkan, kesusastraan yang tersebar di banyak wilayah di Nusantara merupakan bagian dari kesusastraan pesisir yang secara spesifik berasaskan dari bahasa Melayu dan beragam bahasa lainnya. Di Jawa, sastra pesisir yang lazim dipanggil ‘cerita panji’ dijumpai menyebar pada komuniti khususnya di Pantai Utara Jawa; kemudian menyebar ke pelosok Jawa, pulau-pulau berhampirannya, bahkan di luar Jawa. Wilayah dari kesusastraan pesisir yang tersebar merata-rata dapat dijelaskan latar belakang persamaannya melalui unsur-unsur budayanya yang termediakan melalui bahasa yang memiliki sifat-sifat sastra panji.

Drewes (1955)⁶⁷ menyebutkan sastra berbahasa Melayu disadarinya sebagai fenomena yang kompleks dari kesusastraan pesisir atau sastra pantai. Narasi sastra pesisir

dan luar Jawa, di pulau-pulau. Lihat: Th. Pigeaud, dalam “*Javanese Volksvertoning: Bijdragen tot de Beschrijving van Land en Volk*, Batavia: Volkslectuur, 1938.

⁶⁵ Drewes, G.W.J., *The Admonitions of She Bari: A 16th Century Javanese Muslim Text Attributed to the Saint of Bonang*, Re-edited and translated with an Introduction. The Hague: Nijhoff, 1969. Lihat juga ulasan Drewes sepertimana yang dikutip oleh Adrian Vickers dalam “*Peradaban Pesisir: Menuju Budaya Asia Tenggara*” Denpasar: Udayana Press, 2009, hlm 8.

⁶⁶ Drewes mengungkapkan bahawa dalam bermacam-macam konteks dan bahasa, sesebuah jenis narasi akan berterusan muncul sebagai ceritera panji dan dikenal luas di pelbagai daerah seperti Jawa, Sumatera, Semenanjung Melayu, Thailand, Burma, Bali, Lombok, dan Sulawesi Selatan. Meskipun bukan sebagai sinonimi budaya pesisir seutuhnya, namun ceritera panji itu berguna untuk memetakan pergerakan dan keluasan budaya. Drewes dalam Andrian Vickers, 2009.8-11.

⁶⁷ Drewes, G.W.J., *De Herkomst van Nuruddin ar-Raniri*, BKI 111. 1955.

atau sastra panji dikenal meluas di pelbagai wilayah Asia Tenggara yang dapat merefleksikan pengaruh dan penyebarannya ke pelbagai wilayah, seperti halnya penyebaran karya-karya ar-Raniri di Nusantara. Maka dari itu, sastra pesisir dapat menunjukkan alur dan penyebaran tamadun dunia Melayu. Lebih dari itu, keluasan penyebaran sastra Melayu mengandungi pengertian, telah terjadi suatu proses penyebaran norma-norma antara golongan penguasa dari pusat atau istana sehingga kepada masyarakat luas. Proses penyebaran itu kemudian mewujudkan kawasan “dunia Melayu” yang luas.

Kewujudan persamaan narasi sastra pesisir serta unsur budaya lainnya di antara pulau dan negara bertetangga di Asia Tenggara sehingga masa kini dapat dijelaskan dengan faktor hubungan maritim iaitu penghijrahan dan perdagangan. Cerita panji menunjukkan kekhususan yang sangat pluralistik menggambarkan peradaban pesisir yang memiliki kemiripan sifat antara satu dengan lainnya dalam konteks Asia Tenggara. Akhirnya Drewes (1969) mengungkapkan, aspek-aspek kehidupan masyarakat pesisir dapat dijelaskan melalui pola yang muncul dalam sastra Panji. Diperkatakan seperti itu karena sastra panji atau pesisir menggambarkan hakikat sistem sosial sebagaimana banyaknya persamaan yang muncul antara masyarakat yang terkait jaringan peradaban pesisir.

Perihal jaringan peradaban pesisir, Collins (2007)⁶⁸ mengungkapkan, bahasa Melayu adalah bahasa yang sangat unggul dalam bidang ilmu, perdagangan, diplomasi dan agama di kawasan Nusantara. Pada abad ke-16 bahasa Melayu telah meluas ke ujung Kawasan Timur Nusantara sehingga di Ternate. Bahasa Melayu tulis untuk kegiatan diplomatik telah dipergunakan oleh Sultan Ternate untuk menulis surat kepada kuasa Eropah; begitu pula sebaliknya, kuasa Eropah menulis surat kepada Sultan Ternate juga menggunakan bahasa Melayu. Sistem penulisan yang sama juga telah dilakukan oleh Sultan Brunai kepada Sepanyol pada tahun 1578. Keberadaan batu bertulis Melayu kuno dari sekitar tahun 1300 Masihi membuktikan kesan sejarah kosmopolitan dan internasional bahasa Melayu.

⁶⁸ Collins, J.T., *Bahasa Melayu, Bahasa Dunia: Sejarah Singkat*, Jakarta: KITLV-Jakarta dan Yayasan Obor Indonesia, 2007, hlm. 29-30.

Lebih lanjut Collins (2007:70-71)⁶⁹ mengatakan bahwa, bahasa Melayu telah menghantarkan sesama etnik Melayu dapat berkomunikasi antara satu dengan lainnya. Sebagai contohnya, masyarakat penutur bahasa Melayu tradisional di Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu dan Kalimantan, secara alamiah berkomunikasi dan menerima beragam suku bangsa mulai pendatang Bugis sampai pada pedalaman Mor-Khmer. Demikian pula halnya di wilayah Melayu rantau, misalnya di Sulawesi Selatan, bahasa Melayu telah mendapat pemerayaan kosa kata dari bahasa Makassar dan Bugis. Fenomena itu dapat diertikan sebagai wujud dari proses adaptasi sosial-budaya antara orang Melayu dengan Bugis-Makassar. Akhirnya dapat dikatakan bahwa, faktor perdagangan menjadi media penting bagiwujudnya jaringan kerjasama ekonomi dan hubungan antara perlbagai etnik Melayu di Asia Tenggara yang kemudian mewujudkan tamadun Melayu yang luas dan beraneka ragam.

1.7 METODOLOGI DAN SUMBER

Tesis ini adalah mengkaji mengenai sejarah kedatangan dan integrasi orang Melayu di Sulawesi Selatan. Data kajian bersumber ke atas teks-teks lontara dengan menggunakan ilmu filologi sebagai alat bantu. Oleh karena itu penyajian hasil penyelidikan ini menggunakan model sejarah (historical method) yang didasarkan pada data sumber iaitu naskah-naskah lontara. Analisis ini akan menggunakan model pendekatan kualitatif. Dimensi kajian ini adalah sejarah sosial yang disajikan menurut kaedah yang sistematik dalam hal mengumpul data atau sumber dan melakukan penilaian secara kritis. Dalam rangka mencapai keabsahan teks naskah lontara dalam kepentingan sebagai sumber data kajian ini, maka terlebih dahulu data diolah secara filologis.

Kebenaran sejarah sangat bergantung kepada kebenaran sumber baik sumber primer mahupun sumber sekunder. Sumber-sumber primer yang digunakan dalam penyelidikan ini berupa manuskrip atau naskah kuno yang masih dalam bentuk tradisional. Sumber utama naskah kuno yang menjadi bahan kajian ini tersimpan di Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar (disingkat ANRIM) dalam bentuk mikrofilm dan sumber koleksi lainnya dalam bentuk naskah fisik (codex). Bahan dalam bentuk mikrofilm itu adalah naskah-naskah yang masih dalam bentuk asli yang masih belum

⁶⁹ Ibid Collins, J.T., 2007, hlm 70-71.

diolah, ditransliterasi dan diterjemahkan kecuali beberapa naskah iaitu: Kronik Wajo (Noorduyn, 1955)⁷⁰, Kronik Tanete (Nieman, 1883)⁷¹, Kronik Bone (Macknight, 2001)⁷² dan Kronik Gowa-Tallo (Aburrahim, 1975)⁷³.

Kajian dilakukan melalui kaedah kepustakaan di Badan Arsip dan Perpustakaan Nasional Wilayah Provinsi Sulawesi Selatan, Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan, Koleksi Muhammad Salim, Laboratorium Pernaskahan Unhas dan koleksi-koleksi naskah masyarakat di Sulawesi Selatan. Terdapat dua wujud teks naskah lontara yang menjadi sumber kajian, iaitu teks naskah yang telah disunting dan teks belum sunting atau masih dalam keadaan asal. Teks yang masih keadaan asli menggunakan aksara lontara, berbahasa lokal Bugis atau Makassar dan dalam bentuk naskah asli mahupun mikrofilm, salinan dan digital. Sumber teks yang dalam wujud keadaan asli, selanjutnya dilakukan pembacaan secara teliti dan dilakukan transliterasi pada bahagian tertentu seterusnya diterjemah.

Naskah lontara yang dipilih dalam kajian ini ialah teks yang berisi maklumat tentang keberadaan orang Melayu di Sulawesi Selatan. Maklumat berkenaan dengan orang Melayu berkisar pada dua aspek penting iaitu aspek sejarah dan kebudayaan yang berkaitan dengan orang Melayu di Sulawesi Selatan. Dari aspek sejarah dan budaya itu, maka perkara-perkara umum dan khas yang terkandung dalam naskah adalah yang berkenaan kedatangan dan integrasi orang Melayu di Sulawesi Selatan pada peringkat awal. Dalam rangka menemukan teks-teks Melayu di dalam naskah, maka dilakukan penelitian teks terlebih dahulu, disusuli dengan membuat deskripsi kandungan teks, melakukan suntingan teks dalam bentuk transliterasi, selanjutnya melakukan terjemahan (translation) namun terbatas pada teks naskah yang dimuat sebagai sajian kutipan dalam

⁷⁰Noorduyn, *Een Achttiende-Eeuwse Kroniek van Wadjo. Buginese Historiografie*. Gravenhage: N.V. Nederlandse Boek En Staeendrukkerij (Smits), 1955.

⁷¹Niemann, *Geshiedenis van Tanete, Boeginesche Tekst Met Aantekeningen*. 's-Gravenhage: Martinus Nijhoff. G.K. 1883. Lihat juga Gisiing, *Sejarah Kerajaan Tanete* (Terjemahan dari G.K. Nieman, 1883, *Geschiedenis van Tanete*). Makassar: Samajaya, 2002.

⁷²Macknight and Mukhlis, *Kronik Bone*, Draft not Publication, 2001.

⁷³Abdul Rahim dan Ridwan Borahima. 1975. *Sejarah Kerajaan Tallo'*; Ujung Pandang: Lembaga Sejarah dan Antropologi.

tesis ini sahaja. Bahagian teks naskah yang dijadikan kutipan dilakukan edisi teks dalam bentuk aksara Latin. Di dalam edisi teks-teks itu dilakukan pula pemulihan teks terhadap huruf atau ayat yang *corrupt* agar teksnya terbebas dari kesalahan penafsiran.

Kajian filologi diterapkan pada kesempatan ini sebatas pada prosedur filologis yang sederhana. Hal ini karena kajian ini bukanlah berujung pada upaya pemurnian teks naskah; oleh itu ia tidak menyajikan teks secara utuh terhadap setiap naskah. Namun yang dilakukan adalah peninjauan terhadap naskah-naskah dalam batas-batas tertentu dalam kaitannya dengan kritik sumber dan memanfaatkan teksnya sebagai sumber data. Metode filologi dalam konteks sebagai disiplin ilmu dijadikan alat bantu pengkajian data dalam tesis ini. Prosedur tersebut dipilih karena kajian ini memanfaatkan naskah-naskah lontara atau manuskrip sebagai sumber maklumat dalam menyajikan fakta-fakta kesejarahan tentang diaspora orang Melayu di Sulawesi Selatan.

Data sumber primer tesis ini iaitu manuskrip Bugis dan Makassar yang menjadi koleksi peribadi pada amnya masih berbentuk dokumen asli. Sementara koleksi naskah ANRIM Sulawesi Selatan telah dibuat mikrofilm semenjak tahun 1992 sehingga 2000 oleh sekumpulan penyelidik dari Universiti Hasanuddin di bawah pimpinan Mukhlis Paeni dengan sokongan biaya dari Ford Foundation. Semenjak tahun 1992 sehingga kini (2014) bilangan naskah yang terkumpul di Arsip Nasional Makassar lebih 6000⁷⁴ buah dan naskah-naskah tersebut telah disalin dalam bentuk mikrofilm.

Data kajian tesis ini bersumber dari naskah lontara Bugis dan Makassar⁷⁵ sama ada dalam bentuk manuskrip asli ataupun dalam versi edisi transliterasi dan terjemahan yang telah dicetak. Pada umumnya naskah- Bugis dan Makassar yang dirujuk merupakan

⁷⁴ Kumpulan masnuskrip Sulawesi Selatan itu berasal dari pelbagai wilayah di Sulawesi Selatan. Bilangannya itu merupakan hasil penggabungan dari naskah kodeks dari kolektor dan lembaga kebudayaan, seperti Museum dan Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan. Kumpulan naskah sebanyak 6000 tersebut terbagi dari dua katalog iaitu: Katalog 1 sebanyak 4080 buah naskah, dan Katalog II (draft yang belum diterbitkan) terdiri dari 2000 naskah.

⁷⁵ Perkataan naskah “Bugis” dan “Makassar” adalah sebuah penamaan untuk menunjukkan perbezaan yang berasaskan bahasa. Sesebuah naskah dikatakan sebagai naskah Bugis oleh karena menggunakan bahasa Bugis; demikian pula halnya dikatakan naskah Makassar karena menggunakan bahasa Makassar. Walaupun demikian, baik naskah Bugis, mahupun naskah Makassar, kedua-duanya aksara yang sama iaitu *lontara*.

koleksi ARKIB Nasional Makassar dalam bentuk mikrofilm. Sumber naskah yang lain adalah koleksi Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan (YKSS), koleksi Perpustakaan Leiden Belanda (NBG), simpanan pribadi dan koleksi Muhammad Salim dan orang perseorangan lainnya. Antara bilangan naskah yang begitu banyak terdapat perkaitan dengan kajian tesis ini, penulis memilih 12 buah naskah yang paling relevant dan representatif. Kedua belas naskah itulah yang menjadi sumber utama pemerolehan data sementara naskah-naskah lainnya yang dirujuk sebagai sumber sekunder atau pelengkap. Senarai kedua belas naskah sumber kajian yang dimaksudkan adalah sebagai berikut:

Jadual 1.1 Senarai naskah utama sumber kajian

No.	Kod. Naskah	Judul Naskah/ Manuscrip	Kod. Koleksi/ Sumber
1	Naskah A	Lontara Tallo	YKSS
2	Naskah B	Lontara Wajo	M. Salim
3	Naskah C	Kronik Wajo	UNHAS
4	Naskah D	Lontara Catatan Peristiwa Penting Kerajaan Gowa-Tallo	YKSS
5	Naskah E	Lontara Sawitto-Suppa'	M. Salim
6	Naskah F	Lontara Barasa-Siang	Taliu/ ANRIM
7	Naskah G	Lontara Silsilah Melayu Sanrabone	Rol 77/15/ANRIM
8	Naskah H	Lontara Gowa	Rol 54/22/ANRIM
9	Naskah I	Lontara I La Galigo (kod. NBG 188)	NBG 188
10	Naskah J	Lontara Attoriolong Sulawesi Selatan	Rol 30/16/ANRIM
11	Naskah K	Lontara Suppa'	Rol 50/10/ANRIM
12	Naskah L	Lontara Tanete	YKSS/Matthes/ Basrah Gissing

Maklumat dan selok-belok ke dua belas naskah primer tersebut dideskripsikan secara lengkap pada Bab 2. Di samping dua belas naskah tersebut, sebilangan naskah lontara⁷⁶ juga menjadi bahan bacaan untuk memberikan penyempurnaan maklumat pada

⁷⁶ Naskah lontara Bugis dan Makassar dikoleksi pada empat lembaga utama, dalam dan luar Negara Indonesia. Pertama, adalah *British Library* di Ingeris, mengoleksi naskah Bone yang dirampas di Istana Rompegading pada tahun 1812 masa pemerintahan raja Bone La Tenri Tappu Ahmad as-Salih (1775-1812). Kedua, Perpustakaan Nasional Jakarta, koleksinya merupakan naskah yang dirampas oleh Belanda di istana raja Bone manakala berlakunya perang Bone-Belanda pada tahun 1905. Raja Bone yang memerintah pada masa itu ialah La Pawawoi Karaeng Segeri (1896-1905). Ketiga, Koleksi Kantor Arkib Nasional Provinsi Sulawesi Selatan (ANRIM). Naskah yang dikoleksi di ANRIM ini dalam bentuk mikrofilm sebagai hasil dari

naskah utama sumber kajian. Naskah-naskah sekunder yang menjadi teks pelengkap maklumat terhadap naskah utama adalah naskah yang mengandung teks kesejarahan mengenai tokoh, peristiwa, toponimi serta aspek sosial dan budaya orang Melayu di Sulawesi Selatan.

Antara naskah-naskah ANRIM lainnya yang dipilih sebagai pendukung maklumat di dalam kajian ini adalah: 1) rol 40/17, terdapat teks *silsilah Ance' Raja dan Datok Leang di Sanrabone*; 2) rol 47/02, terdapat teks Datuk Sulaiman menjadi Anreguru Malangke (Luwu); 3) rol 49/13, terdapat teks orang Melayu bernama Pahalaju Ahmad dan Ance Ati mengajar cara menembak; 4) rol 74/37, terdapat teks kisah Tiga Datuk Melayu Mengislamkan Tellumpocoe; 5) rol 14/09 terdapat teks Hukum Pelayaran Amanna Gappa, Peraturan Adat Kerajaan, serta masuknya Agama Islam di Wajo, Tallo dan Gowa; 6) rol 73/17, terdapat teks perkawinan kuasa Gowa dengan orang Melayu.

Sementara itu, naskah *Syair Perang Mengkasar* karya Encik Amin (2008) dan telah disajikan secara filologis oleh C. Skinner dan diterbitkan oleh KITLV-Jakarta melengkapi pemahaman tentang situasi Sulawesi Selatan pada akhir abad ke-17. Sebuah naskah Melayu Sulalatus Salatin – judul asalnya adalah Sejarah Melayu - juga digunakan sebagai pelengkap maklumat dalam tesis ini. Naskah Sulalatus Salatin ini terdapat gambaran mengenai hubungan Melaka dengan kerajaan setempat Sulawesi Selatan serta sedikit gambaran orang Bugis dan Makassar di Melaka. Teks Sulalatus Salatin yang dijadikan bahan bacaan memperkaya maklumat tesis ini adalah hasil dari edisi Datuk Haji Hassan Ahmad (1979).

Projek Pemasakan kerjasama antara Universitas Hasanuddin dan The Ford Foundation. Keseluruhan jumlah naskah dari hasil projek tahap pertama tersebut telah terhimpun di dalam sebuah katalogus iaitu “Katalog Induk Naskah-Naskah Nusantara Sulawesi Selatan” yang diterbitkan pada tahun 2003. Pada tahun 2012 Kantor ARKIB Nasional Provinsi Sulawesi Selatan selanjutnya menerbitkan lagi sebuah Katalog kedua dengan mengandungi 2000 buah naskah yang juga merupakan naskah dalam bentuk hasil mikrofilm. Kantor ANRI Nasional. Keempat, adalah koleksi Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan atau dengan nama lembaga lama ialah *Matthes Stichting*. Pada tahun 1970 koleksi naskah di tempat ini telah dimikrofilm oleh Campbell Mancknight. Kemudian pada tahun 1992, koleksi naskah dimikrofilmkan ulang oleh Project Mikrofilm dibawah kepimpinan Mukhlis Paeni. Oleh itu, naskah koleksi Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan tersebut telah tercatat sebagai koleksi di Kantor ANRI Nasional Provinsi Sulawesi Selatan semenjak tahun 1992.

Perihal naskah utama sumber kajian dalam tesis ini khas pada *Lontara Attoriolong*. Lebih khas lagi adalah teks yang berkaitan maklumat Melayu dengan mengambil patokan pada periode abad XV sehingga XVII. Maklumat yang diperlukan di dalam kajian ini pada umumnya ditemukan di dalam naskah *attoriolong* utama yang berhubungan dengan peristiwa dan tokoh raja-raja yang memerintah pada kerajaan setempat sama ada kerajaan Suppa', Bacukiki, Tanete, Siang, Tallo', Gowa, Wajo dan Luwu. Beberapa teks yang serupa pula ditemukan pada naskah lainnya yang berasal dari daerah lain seperti naskah Bone, Soppeng, Sidenreng dan Sawitto. Fenomena kesamaan teks yang ada tersebut disebabkan karena aktiviti salinan atau penurunan naskah yang cukup setia kepada keaslian teks sumber atau babon. Walau bagaimanapun naskah-naskah yang ada tersebut seluruhnya merupakan naskah salinan manakala naskah aslinya (archetip) kebanyakan sudah hilang (Macknight 1984:105).

Teks naskah Bugis dan Makassar pada umumnya bertipe rampai. Dikatakan seperti itu karena sebuah naskah pada amnya mengandungi berbagai macam item atau perkara. Macknight (1993) umpamanya, mengutip sebuah naskah kuno dari 254 halaman yang berisi 183 item dengan narasi yang berbeda-beda dan beberapa di antaranya sangat sulit dipertautkan teksnya. Oleh karena itu banyak naskah kuno yang telah diidentifikasi akan menyestakan apabila hanya berpedoman pada judulnya sebab pada amnya tidak memberi panduan senarai kandungannya secara rinci. Walau bagaimana pun terjadi pengecualian terhadap naskah kuno yang berisi satu perihal sahaja, relatif kandungan teksnya dapat diidentifikasi sehingga dapat disesuaikan dengan tajuknya.

Disamping menggunakan naskah yang menjadi sumber data primer, penulis juga menggunakan sumber lisan sebagai sumber data pendukung (sekunder). Sumber lisan digunakan sebagai pendukung maklumat khususnya yang berkaitan dengan pembuktian toponimi dan kisah-kisah tradisi lisan yang berhubungan dengan sejarah, masyarakat dan kebudayaan setempat. Seluruh maklumat sumber lisan yang diperoleh akan dikaitkan dengan topik kajian mengenai keberadaan orang Melayu di Sulawesi Selatan pada pelbagai fakta kesejarahannya. Maklumat-maklumat sumber lisan dipandang memiliki kedudukan penting bagi menyokong sumber-sumber tertulis. Hal ini karena substansi tradisi lisan relevan dengan narasi-narasi pada naskah Bugis mahupun naskah Makassar. Secara khusus tradisi lisan dijadikan sebagai hal penting terutama dalam tiga kerajaan

setempat di pesisir barat iaitu Siang, Barasa, dan Suppa'. Hal ini dianggap penting dilakukan sebab maklumat ketiga-tiga daerah itu agak langka ditemukan di dalam sumber manuskrip. Oleh karena itu data lisan yang diperoleh melalui hasil temu bual terhadap individu yang memiliki bahan cerita, toponimi dan peristiwa tertentu, penting kedudukannya bagi menyokong fakta-fakta di dalam sumber naskah lontara.

Teks-teks yang terkandung di dalam naskah lontara attoriolong (Mks: *patturioloang*) pada asasnya memiliki maklumat yang sejalan dengan maklumat tradisi lisan (*oral tradition*) masyarakat di Sulawesi Selatan. Keserasian maklumat lontara dengan tradisi lisan seperti itu dibenarkan oleh Druce (2009:74) dengan mengatakan bahawa teks-teks lontara seperti yang dijumpai sehingga kini sesungguhnya bersumber dari tradisi lisan. Tradisi lisan difaham pula sememangnya telah digunakan sebagai salah satu sumber penulisan kronik-kronik lokal. Druce (2009) lebih lanjut mengatakan bahawa transformasi dari sumber-sumber maklumat lisan ke dalam kronik-kronik kerajaan lokal telah dilakukan oleh pihak-pihak istana pada tempoh pertengahan abad ketujuh belas. Pelras (1996:293) mengatakan, aktiviti penulisan naskah lontara semakin berkembang pada abad ke-18, oleh itu sesetengah narasi sejarah kerajaan setempat Bugis dan Makassar yang masih berbentuk tuturan lisan dituliskan ke dalam bentuk naskah lontara. Meskipun demikian kegiatan penulisan naskah-naskah dengan berasaskan pada maklumat lisan terus-menerus berlangsung sehingga abad ke-20.

Dewasa ini, tradisi lisan di Sulawesi Selatan masih berkelanjutan terbina, meskipun pada kenyataannya tradisinya telah semakin melemah. Hal ini karena bilangannya semakin berkurangan khususnya yang terkait dengan materi historiografi setempat. Sesetengah individu yang seringkali menjadi sumber maklumat bagi peneliti (researchers), dari hari ke hari semakin berkurang karena sudah meninggal dunia. Sementara itu, situasi tradisi lisan di dalam masyarakat semakin melemah karena tidak berlakunya proses pewarisan tradisi antara generasi. Situasi pelemahan tradisi lisan ini seiring dengan terjadinya pelemahan bahasa daerah Bugis dan Makassar dalam masyarakat penuturnya.

Impak dari situasi pelemahan tradisi lisan tersebut menunjukkan semakin langkanya informan yang dapat menjadi sumber maklumat sejarah lokal. Selain kesulitan

menemukan informan yang representatif, penulis juga berhadapan cabaran untuk memilih informan yang memiliki pengetahuan budaya setempat yang memadai. Oleh itu, penulis berhati-hati memilih informan dan maklumat lisan yang diperoleh dari informan digunakan sebagai pemer kaya data sumber tertulis. Kebenaran maklumat lisan juga diukur dengan cara menyelaraskan dengan dokumen lontara serta catatan atau sumber pihak asing (Eropah). Maklumat lisan yang dipilih hanyalah yang memiliki tingkat kebenaran sahaja dengan cara melakukan kritik teks dan perbandingan dengan maklumat dari informan yang berbeza. Adapun bahagian maklumat lisan yang mengandungi unsur mitologi, faktanya kabur dan simpang-siur, serta mesejnya tidak benar akan disingkirkan dari bahan-bahan yang berkualiti.

Maklumat dari sumber lisan pada khususnya digali dengan berpatokan pada pesetempat-pesetempat orang Melayu yang terbabit dengan sejarah dalam tempoh abad ke-15 sehingga ke-17. Meskipun demikian, upaya pemerolehan maklumat lisan secara maksimal dilakukan pada pesetempat orang Melayu yang tidak banyak dirakamkan faktanya di dalam naskah lontara. Seheingganya, data-data sumber lisan khususnya yang berkaitan dengan fakta sejarah kemelayuan seperti di kerajaan Siang di Pangkep dan Sanrabone di Takalar pada masa lampau menjadi penting untuk digali.

Seperti yang telah diungkapkan bahawa, data primer penelitian ini adalah maklumat yang bersumber dari dokumentasi pribumi iaitu 'lontara'. Dalam rangka pemenuhan data secara maksimal dan klarifikasi data secara menyilang, maka dilakukan pula pemerolehan data-data sumber tradisi lisan. Pemerolehan maklumat lisan secara intens dilakukandi wilayah Pangkep dalam rangka menelusuri sejarah keberadaan orang Melayu di kerajaan Siang pada tempoh yang berkenaan. Secara khusus pada kes sejarah keberadaan orang Melayu di Siang berdasarkan dari sumber lontara pada kurun XV-XVII sangat kurang karena tidak adanya naskah lontara Siang yang utuh diperoleh⁷⁷. Dalam upaya melengkapi maklumat kerajaan Siang yang bersumber dari naskah Barasa, maklumat kerajaan Siang digali secara mendalam dari sumber tradisi lisan. Demikian

⁷⁷ Pada temual, sesetengah informan mengatakan bahawa, *Lontara Siang* telah hilang entah di mana berada. Beberapa pihak mengatakan naskah fisiknya (*codexnya*) sudah musnah karena dimakan usia; ada pula yang mengatakan boleh jadi karena terbakar oleh kespemberontakan DI/TII di Sulsel. Di samping ada pula yang mencurigai kalau naskah Siang kemungkinan disembunyikan oleh pihak-pihak tertentu karena alasan politik dan kepentingan kekuasaan yang dihubungkan dengan rahsia kebangsawanan Siang di Pangkep.

pula halnya dengan pesetempat lainnya yang juga memiliki kaitan dengan orang Melayu pada masa lampau – umpamanya di Sanrabone dan Mangallekana - juga dilakukan penelusuran maklumat lisan.

Pemerolehan maklumat lisan ditempuh dengan menggunakan kaedah temubual terhadap informan yang memenuhi azas representatif. Para informan dipilih dengan mempertimbangkan aspek antaranya: 1) posisi sosial dalam masyarakat, seumpama tetua kampung, kaum bangsawan dan golongan penduduk asli (Bgs: *anang*); 2) peranannya dalam ritus-ritus di dalam kampung seumpama *Pinati* (pimpinan ritual), *Passure'* (narrator), *Sanro* (dukun Kampung) dan *Panrita Kampong* (cendekia kampung); 3) umur, prioriti bagi informan yang berumur tua namun ingatan dan tuturannya masih normal; serta 4) kesan umum dari lingkungan sosialnya, seumpama pribadi telah dikenal meluas sebagai orang pintar dan berwawasan luas di bidang sejarah dan budaya.

Secara khusus, maklumat mengenai kedatangan orang Melayu Islam di Mangallekana, penulis melakukan temu bual dengan Karaeng Gassing pada tanggal 30 September 2013. Karaeng Gassing telah mengungkapkan fakta keberadaan Masjid Mangallekana yang didirikan oleh Anakoda Bonang pada awal pertengahan abad ke-16. Maklumat dari Karaeng Gassing menunjukkan situs Mangallekana di mana sebuah masjid pernah didirikan. Maklumatnya tersebut menjadi dasar dilakukannya ekskavasi arkeologi pada tahap awal oleh kumpulan Arkeolog dari Kantor Balai Arkeologi Makassar. Eksavasi arkeologi tersebut bertujuan untuk menemukan data-data fisik yang dapat disesuaikan dengan data dari lontara dan sumber lisan. Jumpaan-jumpaan berupa pecahan seramik, gerabah dan batu berhias dalam ekskavasi tersebut dapat diperkatakan menyokong kebenaran maklumat dari sumber lisan dan sumber tertulis (naskah lontara) bahawa Kampung Mangallekana merupakan pesetempat semenjak abad ke-16.

Isu penghijrahan orang Melayu di Sulawesi Selatan telah dikaji oleh beberapa sarjana namun menggunakan data dari catatan Eropah. Setelah diteliti, kajian mereka itu tertumpu pada aspek tertentu sahaja dan tempohnya lebih terfokus pada abad XVIII dan XIX. Hal ini bermakna kajian sebelum ini tidak sahaja menyentuh tentang topik yang akan dikaji, tetapi juga tidak menggunakan sumber-sumber lokal, terutamanya naskah kuno berbahasa Bugis dan Makassar dalam kajian-kajian mereka. Kajian ini adalah tentang integrasi orang Melayu dalam masyarakat Sulawesi Selatan berpandukan sumber asli iaitu naskah kuno, sebagai sumber rujukan utama, disokong dengan sumber rujukan dari buku-buku, makalah dan juga laporan yang ditulis dari masa ke masa. Oleh kerana sumber utama kajian ini adalah naskah, maka masalah utama yang dihadapi adalah masalah yang berkenaan dengan naskah itu sendiri.

Permasalahan umum yang dihadapi adalah tidak adanya satu institusi seumpama perpustakaan yang menyimpan koleksi naskah Bugis-Makassar dengan lengkap. Pada sisi lain, masih banyak terdapat naskah Bugis dan Makassar yang berada di tangan-tangan individu di pelosok-pelosok kampung Sulawesi Selatan - bahkan banyak di luar wilayah Sulawesi Selatan dan luar negara - belum juga didokumentasi sebagai arkib yang dapat diakses dengan mudah. Permasalahan sumber data ini dapat diselesaikan dengan cara bertumpu pada koleksi naskah di Kantor Arsip Nasional Makassar (ANRIM) yang telah dibuat penyalinan dalam bentuk mikrofilm. Manuskrip Bugis-Makassar yang tersimpan dalam koleksi di ANRIM boleh dikatakan sebagai koleksi paling banyak, dalam erti kata koleksi itu mempunyai 5068⁷⁸ buah naskah dalam format mikrofilm. Sebahagian dari koleksi itu dijadikan sumber rujukan dalam kajian ini. Sumber naskah lain diperoleh dari koleksi Yayasan Matthes atau Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan (YKSS), koleksi Laboratoritum Naskah Jurusan Sastra Bugis-Makassar UNHAS dan koleksi Muhammad Salim. Meskipun demikian, koleksi naskah ANRIM menjadi sumber utama.

Setakat ini koleksi yang terdapat di ANRIM Makassar boleh dianggap lengkap, dalam erti kata koleksi itu mewakili bahan dari tempat-tempat lain. Namun, masalah

⁷⁸ Jumlah naskah lontara yang terkoleksi pada Kantor ARKIB Nasinal Makassar terdiri atas dua buah Katalog. Katalog I terbit pada tahun 2003 mengandungi 4049 buah naskah. Katalog II dicetak pada tahun 2004 mengandungi 1019 buah naskah. Bilangan naskah keseluruhannya adalah 5068 buah.

yang dihadapi adalah terdapat banyak kesalahan katalog. Kesalahan utama dari segi identifikasi tajuk manuskrip serta tiada catatan terperinci tentang isi kandungan teks atau naskahnya. Untuk menolong selesai sebanyak mungkin masalah pendokumentasian seumpama itu, penulis terpaksa membaca dan menyemak maklumat dalam katalog itu dengan membaca salinan manuskrip dalam bentuk mikrofilm. Pembacaan dan penyemakan itu memakan masa dan sangat meletihkan.

Masalah lainnya berkenaan dengan kerumitan naskah-naskah kuno sebagai sumber data ialah sifat penceritaan dan sistem penulisan teksnya yang kerap kali tidak menyertakan angka tahun peristiwa. Seumpamanya, seorang raja diceritakan perjalanan hidupnya, namun tidak disertai angka tahun sehingga terkesan tidak lengkap. Masalah lain yang juga terkait masalah kerumitan naskah adalah seperti yang diungkapkan oleh Noorduyn⁷⁹ yang mengatakan bahawa, pada umumnya naskah hanya menerangkan kejadian-kejadian khas saja, hanya mencatat kehidupan orang-orang besar sahaja, penekanan diberikan pada kejadian sama ada perang, perjanjian, pelebaran kekuasaan, dinasti, segi politik lainnya. Oleh karena itu, sebagai upaya untuk mengatasi kendala data teks naskah seperti ini, maka penulis perlu melakukan perbandingan dengan sumber-sumber luar (Eropah) dalam rangka menyesuaikan kebenaran dan memastikan tahun-tahun peristiwa yang dikemukakan di dalam naskah. Strategi ini akan membantu penulis dalam rangka memahami dan mengenal pasti fakta-fakta teks lontara yang tidak mencantumkan tanggal atau masa peristiwa yang diceritakan.

Masalah berikutnya dalam kajian ini sekaitan naskah sebagai sumber bahawa, dari sekian banyak naskah, tidak ada satu pun naskah yang lengkap mengandungi sejarah orang Melayu di Sulawesi Selatan. Pada amnya naskah-naskah yang ada hanya mengandungi aspek-aspek tertentu sahaja, sama ada nama tokoh, susurgalur, peristiwa kedatangan, hubungan dengan tokoh lainnya, dan sebagainya. Oleh itu penulis perlu memilih teks demi teks dari sekian kumpulan naskah yang mengandungi maklumat Melayu. Panduan utama untuk melakukan penelusuran teks-teks sebagai sumber data, adalah dengan memanfaatkan Katalog Naskah-Naskah Sulawesi Selatan. Walaupun demikian, katalog tersebut tidak memberikan maklumat secara maksimal. Hal itu karena

⁷⁹Noorduyn dalam Ch. Pelras, Sulawesi Selatan Sebelum Datangnya Islam Berdasarkan Kesaksian Bangsa Asing, dalam buku "*Citra Manusia Indoensia*", 1977, hlm. 56.

banyak naskah salah deskripsi yang telah dilakukan oleh individu-individu yang terlibat dalam projek pendokumentasian naskah-naskah Sulsel tersebut. Khususnya pihak pendeskripsi rancu di antaranya yang melakukan kerja itu tidak profesional karena mereka bukan pakar penaskahan dan bahasa Bugis atau Makassar.

BAB II

NASKHAH-NASKHAH SUMBER DAN MAKLUMAT TENTANG ORANG MELAYU, TRADISI MERANTAU DAN ADAPTASINYA DI SULAWESI SELATAN

Bab ini memberi huraian deskriptif naskhah-naskhah lontara yang menjadi sumber maklumat utama dari segi filologi. Lontara adalah sumber maklumat peribumi Bugis-Makassar, dari segi sosial dan budaya, telah merekodkan sejarah hubungan dan kehadiran orang Melayu di Sulawesi Selatan. Kajian ini akan menggunakan dua belas naskhah lontara Bugis dan Makassar sebagai sumber utama, dengan sebilangan naskhah lontara yang lain dirujuk untuk mendapatkan maklumat pelengkap. Naskhah lontara yang digunakan ini terbahagi kepada tiga jenis iaitu *Lontara Attoriolong*, *Lontara Bilang* dan *I La Galigo*. Meskipun demikian naskhah *Attoriolong* sebagai teks sejarah kerajaan tempatan merupakan sumber rujukan utama. Hal itu dipilih kerana di dalam teks *Attoriolong* itu terdapat kisah yang berkaitan dengan isu-isu Melayu. Bahagian-bahagian khusus daripada fragmen teks naskhah yang khas berhubungan dengan isu Melayu tersebut menjadi sumber data ke atas kajian ini.

2.1 PEMERIAN NASKHAH-NASKHAH SUMBER

Sebanyak 12 buah naskhah lontara dipilih sebagai sumber maklumat utama tentang kedatangan dan integrasi orang Melayu di Sulawesi Selatan. Naskhah-naskhah tersebut dipilih melalui pertimbangan filologis. Ingin dinyatakan bahawa maklumat tentang orang Melayu dalam teks-teks itu tercatat dalam bentuk fragmen di sana sini dalam setiap naskhah. Ini bermakna tidak ada satu naskhah pun yang mengandungi maklumat secara lengkap tentang keberadaan dan kehidupan orang Melayu di Sulawesi Selatan.

Antara naskhah yang digunakan sebagai sumber dalam kajian ini, *Lontara Attorilong* merupakan genre terpenting berbanding dengan genre lain seperti naskhah catatan harian dan naskhah hukum. Noorduyn (1955) dan Cense (1972) menyebutkan *Attroriolong* ini sebagai kronik lokal. Pada umumnya *Attoriolong* menyajikan maklumat semacam bunga rampai, yakni isinya rencam dan pelbagai. Ini bermakna kandungan *Attroriolong* ada ikhtisar sejarah singkat mengenai tokoh, selain peristiwa dan kejadian penting pelbagai kerajaan di Sulawesi. Kesemua teks itu terhimpun di dalam sebuah naskhah. Sehubungan itu, wajar diberikan gambaran teks dan kodikologis di bawah dua belas naskhah yang menjadi sumber utama kajian ini.

2.2.1 Naskhah A

Naskhah yang diberi kod A dalam kajian ini berjudul *Lontara Tallo*. Ia menghuraikan sejarah kerajaan Tallo dengan menggunakan aksara lontara dan berbahasa Makassar. Teks ini telah ditransliterasi dan diterjemahkan oleh Abdul Rahim dan Ridwan Borahima pada tahun 1974¹. Hasil transliterasi dan terjemahannya telah diterbitkan sebagai laporan hasil penelitian dengan judul 'Sejarah Kerajaan Tallo'. Penerbitannya merupakan Projek Perampungan/Penerbitan Naskhah Budaya dan Sejarah Sulawesi Selatan, anjuran Pemerintah Daerah Tingkat I Sulawesi Selatan melalui Direktorat Kesra (Kesejahteraan Rakyat). Terbitan *Lontara Tallo* ini dipilih kerana mengandungi pelbagai maklumat tentang orang Melayu dengan hubungkaitnya dengan kerajaan Tallo.

Naskhah ini memulakan kisahnya dengan menyebut nama Tunatangka Lopi sebagai raja yang mengawali pentadbiran kerajaan Tallo pada separuh kedua abad XV. Walaupun *Lontara Tallo* tidak banyak menceritakan kehidupan peribadi dan pentadbiran raja Tunatangka Lopi ini, tetapi sang Raja dicatatkan mempunyai seorang putera bernama Karaeng Loe Risero yang hidup sezaman dengan raja Gowa VII, Batara Gowa (1450-1460). Walaupun raja Tallo dan Gowa ini mempunyai pertalian darah, namun hubungan mereka tidak harmoni setelah Batara Gowa merampas sebilangan wilayah daripada kuasa Tallo. Kesudahannya, Karaeng Loe Risero memilih untuk meninggalkan Sulawesi Selatan dan pergi ke Jawa. Sehubungan itu, *Lontara Tallo* ini mengisahkan sejarah Tallo sampai masa pentadbiran I Manginyara Daeng Makkio Sultan Mudharfar.

¹ Keterangan lebih lanjut lihat Abdul, Rahim dan Ridwan Borahima., *Sejarah Kerajaan Tallo*; Ujung Pandang, Lembaga Sejarah dan Antropologi, 1975.

Berlatar belakangkan apa yang disebut itu, Abdul Rahim dan Borahima (1974) mengatakan, naskhah ini adalah sumber utama dalam mengkaji historiografi kerajaan Tallo. Dikatakan ia berkedudukan penting kerana dari segi kandungannya ia sudah merangkaikan perkembangan sejarah pentadbiran Tallo.

Selain edisi transliterasi dan terjemahan ini, ada sebuah lagi naskhah Tallo dalam bentuk mikrofilm. Naskhahnya diberikan kod rol 80/44 dalam simpanan di Kantor ANRIM. Setelah dikaji, kita dapati kedua-dua teks ini mengandungi maklumat yang sama, walaupun edisi daripada Abdil Rahim dan Borahima adalah lebih terkenal di kalangan orang ramai dan pengkaji. Antara sebabnya ialah isi kandungan edisi ini adalah lebih lengkap dan terperinci. Itulah juga faktor yang dipertimbangkan dalam kajian ini, maka sudah dipilih sebagai sumber kajian. Namun, naskhah mikrofilm tidak diketepikan, kerana ia boleh juga dijadikan naskhah bantu dalam melengkapkan maklumat tentang Melayu di kerajaan Tallo.

Naskhah Tallo penting lagi dalam kajian ini kerana dari segi kandungannya ia ada kaitan dengan pelayaran dan dasar hubungan dengan kerajaan luar. Setelah dikaji, teks ini didapati menghuraikan jaringan perdagangan kerajaan Tallo-Gowa dengan kerajaan dan pelabuhan di Timur Nusantara seperti Sumbawa, Ende, Timor, Ternate dan Bima. Teks Sejarah Kerajaan Tallo itu juga ada catatan nama-nama pelabuhan dagang di wilayah Barat, seperti Melaka, Johor dan Pahang. Selain itu, ia juga menceritakan perjalanan muhibah yang dilakukan raja Tallo, *Tunilabbu ri Suriwa*, ke pelbagai negeri di wilayah Timur dan Barat Nusantara. Antara tempat-tempat itu adalah Malaka yang juga sudah menjadi salah satu negeri yang dikatakan sudah dikunjungi oleh Raja Tallo dalam urusannya sehubungan perdagangan, penagihan hutang-piutang dan jalinan persahabatan.

Selain yang sudah disebut itu, ada banyak lagi isu khas dan peristiwa yang belaku di istana dan aktiviti Sultan Tallo telah diceritakan. Antara aktiviti yang menarik berkenaan dengan perdagangan yang ada kaitan dengan orang Melayu. Naskhah *Lontara Tallo* ini juga mencatatkan nama ketua syahbandar kerajaan Tallo seperti I Daeng Makkulle serta perannya dalam penyebaran ugama Islam di Tallo yang digalakkan oleh ulama Melayu. Setelah dibuat perbandingan, kami dapati isi kandungan *Lontara Tallo*

ini mempunyai lebih banyak maklumat berbanding dengan teks Tallo yang lain. Naskhah ini pun lebih terkenal kerana teksnya telah diterbitkan.

Tadi sudah disebut *Lontara Tallo* yang lain berbentuk mikrofilm dalam koleksi ANRIM. Antaranya adalah yang berjudul “*Sejarah Gowa dan Tallo*”. Ia mempunyai 105 halaman dan ditulis dalam bahasa Makassar. Ia dipercayai sudah ditulis pada abad XX dan mempunyai maklumat tentang sejarah Gowa, riwayat raja-raja Gowa, ucapan-ucapan Nakhoda Bonang, perihal hukum, petuah Tumabbicaraya dan Karaeng Matowaya dan Patturioloang Tallo’. Dengan kata lain, isi teksnya rencam. Oleh sebab isi naskhah rol 80/44 ini berupa fragmen sahaja, maka ia hanya dipilih sebagai teks bantu dan bukannya teks utama.

2.2.2 Naskhah B

Naskhah yang diberi kod B dalam kajian ini berjudul *Lontara Wajo*. Naskhah ini berupa salinan atau *copy* yang penulis peroleh daripada Ahmad Saransi² pada tahun 2010. Naskhah aslinya disimpan dalam koleksi Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan (YKSS) atau *Matthes-stichting*. Pihak pengkaji telah melakukan penelusuran untuk memperoleh naskhah asalnya namun menemui kesulitan. Kesulitan itu dikeranakan semua koleksi naskhah lontara dalam koleksi YKSS telah dipindahkan ke ANRIM pada tahun 2011. Oleh kerana naskhah YKSS itu belum diberikan nombor dalam koleksi ANRIM, maka naskhah asli kod B ini tidak mudah diperolehi lagi.

Semua naskhah lontara koleksi YKSS telah dimikrofilm dan termuat dalam Katalog Naskhah ANRI Makassar. Akan tetapi, terdapat kekurangan kerana deskripsinya tidak menyajikan asal-usul setiap naskhah. Deskripsinya juga tidak menuliskan kod naskhah asal dalam koleksi YKSS. Akibatnya adalah pihak peneliti tidak memperoleh gambaran lengkap sejarah dokumentasi terhadap setiap naskhah. Kesilapan lain ialah masing-masing teks naskhah tidak dideskripsikan secara lengkap dan tepat.

Salinan naskhah ini sudah rosak. Sebanyak 30 halaman dalam teks yang sepanjang 241 muka surat ini sudah hilang.. Teks ini ditulis dalam aksara lontara dalam bahasa Bugis. Sistem aksara lontara menerapkan empat bentuk aksara K (Ngka), P

² Ahmad Saransi, seorang pegawai pada Kantor Arkib dan Perpustakaan Nasional Indonesia wilayah Provinsi Sulawesi Selatan (ANRI).

(Mpa), C (Nca) dan aksara R (Nra). Lontara Wajo ini rata-ratanya mempunyai 39 baris pada setiap muka surat. Pada muka surat pertama terdapat “ilustrasi” tulisan “Basmalah” disusuli ayat pembukaan yang menggunakan aksara Arab. Pada muka surat 1, 3, 4, 5, 9, 33, 41, 43, 77 dan 146, terdapat catatan-catatan yang berupa maklumat penjelas dan tambahan di tepi muka surat. Catatan itu lebih tepat diertikan sebagai penyempurnaan teks setelah penyemakannya semula yang dilakukan oleh penyalin. Dengan kata lain, naskhah ini dapat dikategorikan sebagai teks sejarah Wajo yang menyajikan maklumat setelah melalui proses penyuntingan dan pembedulan semula.

Naskhah B mempunyai maklumat tentang kerajaan Wajo pra-Islam sehingga masa Islam di Sulawesi Teksnya bukanlah sebahagian daripada *Lontara Sukkuna Wajo*, maka ia digolongkan sebagai naskhah yang tersendiri. Isi kandungan teks ini juga mengandungi pelbagai maklumat yang berikut: 1) Alam dan geografi Sulawesi Selatan masa dahulu; 2) Cinnotabi dan kerajaan Babauwae sebagai negeri yang awal terbina di Wajo; 3) Perjanjian Topaceddo antara Wajo dan Luwu; 4) Perselisihan antara Wajo Barat dan Wajo Timur; 5) Petua-petua Matinroe Rikananna; 6) Raja Bone diislamkan oleh Datuk ri Bandang; 7) Datuk Sulaiman menjadi Kadi pertama di Wajo; 8) Penetapan hukum Syariah di Wajo oleh Datuk Sulaiman; 10) Datuk Sulaiman wafat di Luwu; 9) Datuk ri Bandang menuju ke Luwu dan Wajo; 10) Datuk Ri Bandang Menjadi Kadi Wajo; 11) Tugas-tugas Kadi kerajaan Wajo ; 12) Struktur penyelenggara perangkat Syariat kerajaan Wajo; 13) Pertabalan raja-raja Wajo; dan 14) Kisah kehidupan Sultan Pasir, La Maddukkelleng.

Dengan kata lain, naskhah B ini penting sebagai sumber maklumat dalam kajian ini. Setidak-tidaknya, dari segi sosiologi bukan sahaja kerana mempunyai maklumat tentang tiga kerajaan besar iaitu Luwu, Bone dan Gowa di Sulawesi Selatan, tetapi juga maklumat islamisasi yang dipelopori oleh tiga ulama Melayu, iaitu Datuk ri Bandang, Datuk Sulaiman dan Datuk Ritiro.

Walaupun ada naskhah lontara lain juga mengandungi maklumat yang tersebut itu, tetapi naskhah B sahaja didapati telah menceritakan dengan lebih lengkap aktiviti ketiga-tiga ulama ini dengan dilengkapi dialog-dialog daripada naskah lontara yang lain. Yang lebih penting lagi ialah dalam naskhah B terdapat pula kisah dan proses

keterlibatan ketiga-tiga ulama Melayu tadi dalam lembaga *Sara'* (Syarak) kerajaan di Wajo, Gowa dan Luwu.

2.2.3 Naskhah C

Naskhah yang diberikan kod C dalam kajian ini dinamakan sebagai *Kronik Wajo*. Teksnya telah diolah secara filologi dan telah ditransliterasi dan diterjemahkan ke dalam bahasa Belanda oleh Jacobus Noorduyn (1972)³ pada tahun 1955. Edisi naskhah C sudah diolah oleh J. Noorduyn dengan tajuk *Een Achttiende-eeuwse Kroniek van Wadjo, Buginese Historiografie*, diterbitkan oleh N.V. de Nederlandse Boek- en Steendrukkerij v.h. H. L. Smits. Penerbitan naskhah *Kronik Wajo*⁴ ini adalah berdasarkan naskhah lontara (Bel.: *handschriften*) Wajo yang berupa catatan perjalanan sejarah (Bel.: *geschiedenis*) kerajaan Wajo.

Dalam katalog ANRI Makassar terdapat juga sebuah naskhah yang berupa salinan daripada naskhah C yang dimaksudkan ini. Ia tidak lain adalah salah satu daripada koleksi Matthes-Stichting⁵ (YKSS) di Makassar⁶. Dengan latar belakang itu, maka boleh dikatakan bahawa keberadaan naskhah C dan naskhah koleksi Matthes-Stichting, keduanya diselenggarakan oleh B. F. Matthes. Dalam 'Katalog Naskhah-Naskhah Nusantara Sulawesi Selatan' adalah catatan yang mengatakan *Kronik Wajo* koleksi Matthes-Stichting itu ditulis pada abad ke-18. Di kolofonnya ada penanda atau kesan

³ Lihat Jacobus Noorduyn dalam *Islamisasi Makassar*. Djakarta: Bharata. 1972.

⁴ Kronik tempatan Bugis-Makassar memiliki ciri pengisahan iaitu mengawali teksnya dengan kisah kehadiran *Tomanurung*, sebagai tokoh cikal-bakal penubuhan kerajaan dan pentadbirannya. Teks-teks kronik berciri dongeng-sejarah, menurut A.A. Cense (1978), ceritanya memiliki mutu yang tinggi kerana sangat objektif dan berterus terang. Meskipun demikian banyak peristiwa penting tidak dapat diketahui secara lengkap disebabkan ketiadaan tarikh serta gaya penyajiannya yang berciri hikayat atau mitos. Kehadiran dokumen-dokumen Eropah dan VOC yang muncul pada abad XVI maka menjadikan bahan-bahan tradisional tersebut dapat difahami lebih jelas. Oleh kerana munculnya catatan dan pemberitaan asing seperti Tome Pires dan Antonio de Paiva, Magellan dan Rafles, Speelman, akhirnya menjadi pelengkap yang memberikan makna kesejarahan yang penting ke atas sumber-sumber tradisional Bugis-Makassar itu.

⁵Lembaga *Matthes-Stichting* pada masa kemedekaan berubah nama menjadi Yayasan Matthes. Pada penghujung abad XX kemudian berubah nama lagi menjadi Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan disingkat YKSS. Sehingga kini (tahun 2014) koleksi seluruh koleksi naskhah YKSS dipindahkan kepada Kantor ARSIP Nasional Provinsi Sulawesi Selatan.

bahawa inilah antara naskhah *Kronik Wajo* koleksi Matthes-Stichting yang menjadi babon atau sumber salinan naskhah *Kronik Wajo* yang ada di Leiden.

Tadi telah disebut bahawa Noorduyn telah menerbitkan edisi *Kronik Wajo* berdasarkan naskhah Wajo dari koleksi *de Universiteitsbibliotheek te Leiden*. Ingin ditambah di sini bahawa selain edisi naskhah yang dilakukan oleh Noorduyn itu, ada juga banyak naskhah Wajo yang merupakan kelompok *kronieken* dari koleksi *de Universiteitsbibliotheek te Leiden*. Antara naskhah-naskhah itu adalah naskhah Leid Cod Or 1922, Leid A9, Leid NBG 99, Leid Cod. Or.1923, dan Leid Cod Or 1923.

Sehubungan itu, Andi Zainal Abidin patut diberi penghormatan dan catatan khas sebagai orang yang memainkan peranan penting dalam penyusunan *Kronik Wajo* yang lengkap iaitu “Lontara Sukkuna Wajo”. *Lontara Sukkuna Wajo* susunan Andi Zainal Abidin ini adalah berdasarkan banyak naskhah-naskhah Wajo yang ada dalam koleksi peribadi milik golongan bangsawan di Wajo. Selain itu juga digabungkan dengan naskhah koleksi Matthes-stichting di Makassar dan koleksi Perpustakaan di Leiden. Dengan kata lain, *Lontara Sukkuna Wajo* adalah hasil kompilasi daripada banyak naskhah yang ada. Berbanding dengan naskhah *Kronik Wajo* yang disusun oleh Noorduyn, *Lontara Sukkuna Wajo* itu lebih kompleks kandungannya, walaupun masih menggunakan aksara lokal. Selain itu, *Kronik Wajo* edisi Noorduyn ini adalah transliterasi dalam huruf Latin dengan terjemahannya dalam bahasa Belanda. Yang lebih penting lagi ialah teks *Kronik Wajo* edisi Noorduyn juga telah dicetak. Pengkaji telah memilih edisi ini untuk memanfaatkan maklumat yang sudah diberi Noorduyn dalam kajiannya.

Untuk melengkap maklumat yang diperlukan, maka pengkaji juga memanfaatkan *Lontara Wajo* (naskhah B) koleksi Matthes-stichting dalam kajian ini. Kedua naskhah ini memuat beberapa teks yang bebeza, namun teks tentang maklumat “ulama Melayu” tidak menunjukkan perbezaan atau pertentangan antara satu dengan yang lainnya. Oleh itu, pada teks yang sama antara naskhah yang satu dengan yang lainnya dapat saling melengkapi.

2.2.4 Naskhah D

Naskhah yang diberi kod D dalam kajian ini selanjutnya adalah manuskrip berbahasa Makassar dengan tajuk *Lontara Bilang Raja Gowa-Tallo*. Ia mencatatkan peristiwa pada kerajaan dan kehidupan di istana Gowa dan Tallo. Teksnya lebih dikenali sebagai *Lontara Bilang Raja Gowa-Tallo*⁷. Naskhah D ini berada dalam bentuk mikrofilm koleksi ANRI Makassar dengan diberikan rujukan nombor rol 16/6.

Penamaan naskhah ini sebagai *Lontara Bilang*, mungkin juga disebabkan kandungannya yang memang berupa catatan-catatan peristiwa yang berlaku di istana dan kerajaan Gowa-Tallo. Antara ciri khas teks ini adalah catatan tarikh seperti hari, tanggal, bulan dan tahun berlakunya peristiwa. Namun, sehingga kini, tidaklah diketahui naskhah arketipnya, nama perawinya dan siapa gerangan penyalin naskhah salinannya. Namun, sesetengah kalangan menduga bahawa naskhah ini sudah ditulis oleh orang yang berketurunan Melayu di Makassar (Lighvoet, 1880) dan Kamarudin dkk (1985/1986).

Walaupun tidak diketahui penulisnya, tetapi berdasarkan ciri narasinya maka boleh diduga ia telah ditulis pada akhir abad ke-18. Ini bermakna ia sudah ditulis dua abad selepas peristiwa yang dirakamkan di dalamnya. Hal ini kerana peristiwanya ditulis itu telah berlaku dua abad sebelumnya. Dengan kata lain peristiwa telah berlaku semenjak pertengahan abad ke-16 dan ke-17, sementara naskhahnya disusun pada abad ke-18. Sehubungan itu, kita tahu ramai orang keturunan Melayu di Makassar sudah menjadi penulis naskhah. Antara mereka itu adalah yang menjabat sebagai sekretaris raja-raja di istana Gowa dan Tallo sejak separuh kedua abad ke-16. Dugaan ini diperkuatkan dengan kenyataan bahawa naskhah diari lazimnya adalah milik kerajaan. Kalau demikian, besar kemungkinannya ia telah ditulis di atas permintaan kuasa istana.

Kini, naskah lontara D ini telah diolah oleh Syahrudin Kaseng, dan teks yang disuntingnya telah diterbitkan oleh Kantor Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Projek Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Sulawesi Selatan La Galigo pada tahun 1985/1986. Dia mengkaji teks itu dengan pendekatan edisi diplomatik dan kritik.

⁷ Matthes menyebut lontara ini sebagai *dagregister* iaitu sebagai buku harian kerajaan. Teks lontara ini mengandungi catatan atau kalender peristiwa, iaitu peristiwa tertentu yang disertai maklumat waktu atau tempoh kejadiannya menurut bilangan tahun Masihi dan Hijriah disertai pula data bulan dan hari kejadian/peristiwa.

Penerapan kedua-dua metode edisi secara terpadu itu adalah untuk menyajikan teks yang lebih tepat dan sesuai dengan standar bahasa Makassar. Pendapat itu berasaskan sebab edisi diplomatic adalah penerbitan teks dengan menitikberatkan keaslian teks; sementara edisi kritis menitikberatkan ketepatan teks naskhah. Edisi teks disajikan itu dalam sistem transliterasi sesuai dengan pola Djirong Basang.

Menurut Cummings (2010)⁸ naskhah lontara Gowa-Tallo ini berupa teks “annals” atau “catatan kejadian” dan bukanlah naskhah lontara bilang atau catatan harian. Pendapat Cummings ini berbeza dengan Lighvoet (1880) dan Cense (1966) yang menyebutnya sebagai naskhah “*Lontara Bilang*”. Setelah melakukan edisi semula, Cumming telah membukukan teks naskhah D ini pada tahun 2010 melalui terbitan KITLV, Belanda, dengan tajuk “*The Makassar Annals*”. Terbitan KITLV ini menyajikan isi bahagian pertama teks dengan meliputi peristiwa dari tahun 1545 sehingga 25 Disember 1751 setuju 05 Safar 1165 Hijriah. Edisi teks Cummings ini berdasarkan codex arkib *Universiteits bibliotheek*, Universiteit Leiden dengan Cod. Or. 14,450 dalam katalog. Dalam penjelasannya, Cummings mengatakan naskhah dari koleksi Leiden itu asalnya dimiliki oleh Andi Ijo dari istana Gowa. Maklumat yang ingin ditambah di sini adalah Andi Ijo adalah pemangku Raja Gowa yang terakhir yang turun takhta pada tahun 1945.

Oleh sebab naskhah D milik istana kerajaan Gowa telah merekodkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam istana kerajaan Gowa, maka bolehlah diandaikan bahawa maklumatnya tidak diragukan kualitasnya. Kalau demikian, ia mempunyai kebenaran untuk digunakan sebagai sumber rujukan tentang sejarah Gowa. Pada tahun 1992, naskhah ini sudah disalin ke dalam bentuk mikrofilm di bawah Projek Pernaskhahan UNHAS dengan kerjasama Ford Foundation. Maklumat bibliografi tentang naskhah ini direkod dalam Katalog Induk Naskhah-Naskhah Nusantara Sulawesi Selatan adalah rol 16/6 dengan judul *Lontara Bilang Gowa-Tallo*. Ia setebal 82 muka surat dan ditulis dalam aksara lontara, berbahasa Makassar dengan teks sisipannya dalam

⁸ Cummings mengemukakan bahawa, *Lontara Bilang* Makassar merupakan genre manuscript yang banyak diguna oleh sesetengah peneliti dalam penulisan sejarah. Dalam William Cummings, “*The Makassar Annals*”, (translated and edited) Bibliotheca Indonesia published by the KITL, Leiden: KITLV Press, 2010, hlm. 1.

bahasa Arab. Naskhah ini menunjukkan watermark *Garden of Holland* bersize 31.5 x 18 cm.

Di samping memuat catatan harian raja-raja Gowa, teks naskhah D juga mengandungi kisah raja Gowa Tumaparrisi' Kallonna dan saudaranya bernama Tunilabu ri Suriwa. Ditemukan pula dua bahagian teks hukum adat, namun tetapi tidak termuat dalam edisi dan terjemahan. Selain itu dalam teks asal terdapat juga sebuah sketsa tentang istana Gowa yang bernama Maccini Sombala, bertipe rumah panggung.

Serpihan maklumat yang diberi itu juga menunjukkan bahawa naskhah D ini memang bernilai sejarah kerana mempunyai catatan peristiwa dalam kerajaan Gowa dan Tallo antara tahun 1545 sehingga 1751. Kesemua peristiwa ditulis dalam ayat yang singkat dan padat. Walaupun kejadian itu secara kronologis, namun tahun peristiwanya tidak lengkap, kerana terdapat angka tahun dan peristiwa yang terlankahi. Misalnya, peristiwa yang terawal dicatat adalah tahun 1545, kemudian diikuti peristiwa pada tahun 1572, kemudian melompat ke tahun 1573, kemudian 1586, kemudian 1590, selanjutnya 1593-1600-1602-1603-1607-1610-1611-1615-1616-1618-1620-1623-1624 dan seterusnya sehinggalah peristiwa yang akhir dicatatkan pada tahun 1751.

Di bahagian awal naskhah sudah dicatatkan nama-nama penguasa Gowa dan usia mereka. Misalnya, dalam tahun 1545 dicatatkan nama raja Gowa Tunijallo yang berumur 45 tahun; dalam tahun 1575 dicatatkan nama raja Gowa Karaenta ri Barombong yang berumur 70 tahun; dalam tahun 1586 dicatatkan nama Raja Gowa Karaeng Matoaya yang berumur 63 tahun; dalam tahun 1590 dicatatkan nama raja Gowa Tunijallo yang wafat kerana baginda mati diamuk.

Selain itu, terdapat catatan tentang pelbagai jenis peristiwa. Antaranya perkahwinan, perceraian, kelahiran, majlis kesyukuran, pentabalan raja, peperangan, jual-beli, pelayaran, pentadbiran, peristiwa politik dan sosial. Misalnya,, pada 18 Ogos tahun 1701 dicatatkan acara berkhatan bagi Karaeng Anak Moncong bernama Tosappewali. Dia adalah anak dari La Patau raja Bone dan Mariyama Karaeng Patukanggang. Peristiwa yang sama juga dicatatkan pada 3 November 1701 sebagai hari acara 'penyunatan' ke atas Sultan Sirajuddin. Selain itu, terdapat pula catatan tentang perkahwinan pada 15

Disember 1701, antara I Daeng Mallimpo berkahwin dengan I Daeng Nisangnging I Safiah.

Naskhah D ini juga mempunyai maklumat tentang eksistensi orang Melayu dan juga orang Bugis-Makassar yang mempunyai nasab Melayu yang sudah berjaya menduduki tempat penting dalam kerajaan Gowa-Tallo. Misalnya, di bahagian awal teks terdapat ayat-ayat yang menyebut nama orang Melayu yang menjadi Syahbandar. Antaranya: 1) pada 28 Disember tahun 1615 bersamaan 20 Zulkaidah, berlaku peristiwa pelantikan Ancek Using menjadi Syahbandar⁹; 2) pada 13 November, disebut nama Ancek Sumalek datang ke Makassar mengantar I Maisanangnga; 3) pada malam Selasa 17 Februari 1660 seorang petinggi Melayu bernama I Datok Kadi Abdul Maula meninggal dunia; 4) pada 7 September 1660 bersamaan 1 Muharram, hari Selasa, Tuang Ancek Jenala diganti; 5) pada 28 April 1661 bersamaan 28 Sya'ban, terdapat catatan tentang pelantikan I Daeng Makkulle sebagai Syahbandar di Sombaopu; 6) pada 6 Ogos bersamaan 10 Zulhijjah 1661, dicatatkan pengangkatan I Daeng Riboko menjadi Syahbandar. Nilai maklumat yang disebut tadi dan yang lain tentang peranan orang keturunan Melayu di kerajaan Gowa-Tallo membuat naskhah D ini dipilih juga sebagai sumber utama dalam kajian ini.

2.2.5 Naskhah E

Naskhah yang diberi kod E dalam kajian ini adalah *Lontara Sawitto-Suppa'*. Ia adalah naskhah salinan daripada Haji Paewa dalam abad XX. Beliau dikenali sebagai seorang penyalin dan pengumpul naskhah di Kabupaten Pinrang. Ia didapati sudah menyalin dan mengumpul banyak naskhah berkenaan kerajaan Sawitto, Suppa dan Alitta. Oleh sebab itu, beliau juga terkenal sebagai penyalin naskhah lontara bagi kerajaan-kerajaan *Ajatappareng*. Naskhah yang diperkatakan ini telah diterbitkan oleh Pemerintah Daerah Tingkat I Sulawesi Selatan pada tahun 1985. Yang dijumpai dan dikaji ini hanyalah salinan fotokopi. Penerbitan itu sudah dilancarkan oleh Muhammad Salim dengan tajuk

⁹ Teks naskhan tidak menyebutkan Syahbandar di pelabuhan mana, apakah di Sombaopu, atau di pelabuhan lain. Namun perihal yang penting dikenali adalah nama "Ancek" adalah nama yang khas bagi orang Melayu di Sulawesi Selatan. Nama *Ancek* adalah gubahan atau variasi nama dari nama khas "Encik" yang dikenal di gunapakai oleh orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dan Riau. Variant nama gelar orang yang lain namun tetap sama yang dikenali di Sulawesi Selatan ialah Incek. Dikenali pula nama atau gelaran lain yang diguna khas keturunan Melayu iaitu Datok.

“Lontara Sawitto-Suppa”, sedikit perubahan daripada nama asalnya iaitu “Lontara Sawitto”. Nama baharu itu diberi berdasarkan isi kandungan teksnya menyajikan kisah kerajaan Sawitto dan Suppa’.

Naskhah E ini dicatat dalam Katalog ANRIM dengan kod rol 14/ 27. Ia telah digunakan oleh Stephen Druce¹⁰ di dalam tesis ijazah kedoktorannya yang berjudul *The Lands West of The Lakes: The History of Ajatappareng, South Sulawesi, AD 1200 to 1600* (2005) University of Hull. Druce menggunakan naskhah ini untuk mendapat maklumat tentang kerajaan Sawitto dan Suppa’ sebagai gabungan konfederasi Lima Ajatappareng¹¹. Yang menarik adalah naskhah ini sudah mencatatkan nama-nama kuasa Sawitto secara lengkap, bermula daripada raja pertama Wé Tépulingé sehingga raja ke-24 yang bernama Wé Rukiya Bau Baco Karaeng Balla’ Tinggi.

Naskhah E ini dikategorikan sebagai historiografi kerajaan Sawitto dan Suppa’, lebih-lebih lagi kerana memuatkan maklumat yang ada hubungkait antara kuasa Sawitto dan Suppa’ serta kerajaan yang lain, seperti Bacukiki, Soppeng, Sidenreng, Rappang, Nepo dan Alitta. Yang lebih penting adalah catatan mengenai cerita Wé Tépulingé tersajikan lebih lengkap daripada naskah yang lain. Dalam katalog ANRIM, teks rol14/27 ini dikatakan menyajikan cerita tentang pentadbiran kerajaan Sawitto dan Suppa’.

Dalam teks E ini juga dicatatkan kerajaan Bugis Sawitto dan Suppa’ sebagai kerajaan berkembar, yang sudah ditubuhkan dan dipimpin oleh Ratu Wé Tépulingé. Cerita yang lebih lanjut adalah kerajaan Suppa’ adalah mula-mula sekali ditubuhkan oleh Wé Tépulingé, sementara Sawitto hanya ditubuhkan setelah Wé Tépulingé berkahwin

¹⁰ Stephen C. Druce menggunakan naskhah ANRIM kod 14/27 sebagai salah satu daripada sebilangan naskhah yang digunakan sebagai sumber data di dalam disertasinya yang membahas tentang Sejarah Kerajaan Lima Ajatappareng di Sulawesi Selatan. Lebih lanjut lihat Stephen C. Druce “*The Lands West of the Lakes: A History of the Ajatappareng Kingdoms of South Sulawesi 1200 to 1600 CE*”, Leiden: KITLV Press, 2009, hlm.7.

¹¹ Konfederasi kerajaan *Lima Ajatappareng* sepertimana yang diungkapkan di dalam naskhah-naskhah lontara, merupakan sebuah persekutuan kerajaan Bugis di pesisir barat yang beranggotakan 5 kerajaan iaitu Sidenreng, Suppa’, Rappang dan Alitta. Terdapat pula persekutuan atau aliansi kerajaan Bugis yang lain yang disebut *Tellumpoccoe* yang beranggotakan kerajaan Bone, Wajo dan Soppeng.

dengan La Bangenge. Hubungan kekerabatan antara raja-raja kedua-dua kerajaan itu sangat rapat sehinggakan cerita tentang kedua-duanya sudah disatukan di dalam teks. Ini bermakna teks yang membincangkan kerajaan Sawitto pasti akan memperkatakan kerajaan Suppa'. Persaudaraan Sawitto dengan Suppa masih kekal sehingga abad XX. Pentabiran kedua-dua buah kerajaan itu menyatu di peringkat kabupaten iaitu Kabupaten Pinrang setelah memasuki alam kemerdekaan Indonesia,

Dari segi sejarah, naskah E penting untuk memahami sejarah awal kerajaan Sawitto, Suppa' dan Bacukiki. Ia menghuraikan perjalanan sejarah dan pentadbiran ketiga-tiga kerajaan itu. Ia sekaligus mengungkapkan pertautan genealogi dan kuasa antara ketiga-tiganya. Ingin dinyatakan bahawa La Bangenge adalah raja Bacukiki dan Wé Tépulingé pula adalah raja Suppa, yang menjadi sumber genealogi raja-raja bagi ketiga-tiga buah kerajaan Bugis itu. Selain itu, naskah E ini juga menceritakan hubungan kekerabatan antara Suppa' dengan kerajaan-kerajaan di kawasan *Ajatappareng* dan *Mallusetasi*'.

Dari segi fisikalnya, naskah E ditulis di atas kertas yang berukuran folio dengan teksnya ditulis dalam aksara lontara bahasa Bugis. Oleh sebab saiz hurufnya lebih besar dan tintanya masih jelas, maka keseluruhan teks itu mudah dibaca, huruf demi huruf. Oleh sebab keadaan fizikal masih baik, dapat diduga bahawa naskah itu tidaklah berumur tua. Setiap muka suratnya purata mempunyai 33 baris dengan aksaranya menerapkan bentuk yang mewakili bunyi: *nca* (N), *nra* (R), *ngka* (K), dan *mpa* (P).

Naskah Sawitto ini adalah salinan daripada sebuah naskah induk atau babon yang tidak dapat disusurgalurkan maklumatnya. Dalam kolofon di halaman 55 terdapat catatan yang berbunyi sedemikian setelah diterjemahkan:

Inilah Addatuang (raja) Sawitto yang terakhir bertepatan dengan masa padamnya kerajaan Sawitto/ Selamat/

Dengan segala keterbatasan/

20 April 1981

Tarikh 20 April 1981 menunjukkan penyalinan naskah ini dibuat pada tarikh itu. Selain maklumat tambahan pada kolofonnya, ada kemungkinan penyalin yang berkenaan telah melakukan penambahan ke atas teks yang disalinnya. Penambahan itu jelas pada bahagian akhir teksnya yang mengisahkan kuasa raja Sawitto yang terakhir. Maklumat dalam kolofon itu mencatatkan nama Addatuang yang terakhir mentadbir kerajaan Sawitto iaitu raja ke-24 yang bernama Wé Rukiya Bau Baco Karaeng Ballatinggi. Tempoh pentadbiran Wé Rukiya berakhir pada pertengahan abad XIX bersamaan berakhirnya pentadbiran sistem kerajaan di Sulawesi Selatan dengan sistem pentadbiran kerajaan Sawitto berubah menjadi sistem pemerintahan Republik Indonesia berikutan Indonesia memasuki kemerdekaan tahun 1945.

Yang menarik perhatian pengkaji kepada naskah E ini kerana ia mempunyai maklumat penting tentang kedatangan orang Melayu di peringkat awal, iaitu pada abad ke-15. Selain itu, ia juga menceritakan bentuk integrasi orang Melayu dengan penguasa tempatan. Sehubungan itu, Wé Tepulinge yang dianggap sebagai orang Melayu pendatang, tetapi kemudiannya telah diiktiraf menjadi raja Suppa', manakala La Bangenge sebagai elit tempatan penguasa di Bacukiki. Selain itu, naskah E ini juga menceritakan tokoh Melayu ini yang datang ke Suppa', perantikannya menjadi raja, perkahwinannya, keturunannya dan lain-lain, Maklumat latar belakang yang diberi ini, maka pengkaji mendapati naskah Sawitto-Suppa ini sangatlah penting untuk menjelaskan kedatangan orang Melayu di peringkat awal ke pesisir barat Sulawesi Selatan serta perkahwinan mereka dengan orang tempatan.

2.2.6 Naskah F

Naskah F dalam kajian ini telah diberi tajuk sebagai *Lontara Barasa*. Naskah ini disebut juga dengan nama *Lontara Perang Barasa*. Ingin disebut di sini bahawa Barasa adalah nama kerajaan yang wujud selepas kerajaan *Siang* lenyap setelah dicabar oleh Gowa. Nama kedua toponimi ini masih dikenal sehingga kini. Kedua-dua wilayah kerajaan Siang dan Barasa berada di wilayah Kabupaten Pangkep. Berbanding dengan lontara yang lain, *Lontara Barasa* dipilih untuk digunakan sebagai sumber maklumat untuk mengetahui situasi sosial dan politik Barasa dan kesinambungannya dalam kerajaan Siang pada di abad ke-17.

Setakat ini belum lagi ditemukan naskhah *attoriolong* atau kronik kerajaan Siang, sama ada dalam bentuk lontara (manuskrip) atau mikrofilm. Meskipun penelusuran untuk menjejaki naskhah lontara Siang telah dilakukan semenjak tahun 2011, namun sehingga kini belum menampakkan keberhasilan. Sesetengah tokoh masyarakat Pangkep mengatakan lontara Pangkep memang sudah hilang. Antara sebab-sebab kehilangan itu adalah kebakaran, peperangan, selain sudah lapuk dimakan usia. Ada kemungkinan ia sudah dibawa keluar negara oleh pihak tertentu. Selain itu, ada juga kemungkinan bahawa *Lontara Siang* sudah disembunyikan oleh seseorang atas sebab politik. Oleh kerana *Lontara Siang* tidak ditemui, maka *Lontara Barasa* sudah tentu adalah satu-satunya naskhah yang diharapkan boleh memberi maklumat tentang kerajaan Siang pada masa dahulu.

Berbalik kepada *Lontara Barasa*, ternyata ia sudah didaftarkan dalam Katalog Naskhah ANRI Makassar dengan kod no. 01/MKH/60/Unhas/UP rol 80 No. 60, pada 25 November 1994. Naskhah ini juga telah diberi judul “Kisah Perang Barasa dengan Gowa”. Walaupun judulnya berbau perang, tetapi isi teksnya menceritakan keadaan sosial dan politik masyarakat Barasa dan Siang setelah perang dengan Gowa. Sehubungan itu, teks ini juga ada maklumat tentang struktur jawatan dalam kerajaan Barasa. Selain itu, nama I Jo’ro yang menjadi tokoh penting kerana menjadi pemimpin pasukan Barasa menghadapi Gowa. Beliau adalah keturunan Melayu Johor, itulah sebabnya dia bernama I Jo’ro.

Naskhah Barasa yang berupa salinan yang diselenggarakan pada abad ke-20 ini setebal 76 muka surat dengan lembaran kosong pada muka 62 dan 76. Setiap halamannya rata-rata mempunyai 13 hingga 15 baris. Teksnya ditulis dalam bahasa Makassar dan berupa aksara lontara. Saiz kertasnya berukuran 21.5 X 16.5 cm dengan ukuran blok teks 18.5 X 13.5 cm. Yang menarik adalah naskhah asli *Lontara Barasa* ini dicatatkan dimiliki Hajjah Kerra (Alahyarhamah), di Jalan *Coppo Tompong*, Kota Pangkep, Provinsi Sulawesi Selatan. Daripada itu, maka ada orang mendakwa naskah *Lontara Barasa* sebenarnya adalah salinan daripada naskhah milik Hajjah Kerra. Antara yang dimaksudkan itu adalah salinan naskhah yang disimpan oleh Bapak Taliu di Bungoro, Pangkep. Pada tahun 2000, Bapak Taliu telah membuat salinan naskhah Barasa itu

dengan disertai transliterasi dan diberi tajuk *Lontara Pakarammulanna Bunduka ri Barasa* atau “Kisah Terjadinya Perang Barasa”.

Transliterasi yang dibuat Pak Taliu telah membantu pengkaji lain memahami kandungan *Lontara Barasa*. Meskipun sistem ortografi yang diterapkannya belum memenuhi standar ejaan baku, namun sistem fonologi dan morfologi bahasa Makassar yang dibuat Pak Taliu itu mencerminkan pembacaannya yang sangat baik. Atas sebab-sebab itulah juga pengkaji ini memutuskan untuk menggunakan teks yang ditransliterasikan Taliu itu sebagai sumber primer dalam kajian ini. Walaupun ada kesalahan pembacaan huruf atau ayat yang tertentu, namun hal ini dapat diselesaikan dengan melakukan perbaikan dengan seadanya.

Ingin dinyatakan bahawa naskhah milik Hajjah Kerra¹² ini tidak ada kolofon. Oleh sebab itu, maklumat tentang nama pengarang asal, penyalin, tarikh penulisan dan penyalinan, serta tempat penyalinan tidaklah diketahui. Dari segi isi, dalam katalog dinyatakan teks ini menceritakan peperangan antara kerajaan Barasa dengan Gowa serta peranan bangsawan kerajaan dan pemimpin masyarakat Siang dalam peperangan tersebut.

Tidak keterlaluan jika disebut naskah Barasa adalah dokumentasi peribumi yang menceritakan kisah sejarah yang dianggap benar dalam kalangan raja dan bangsawan kerajaan Siang, sebuah kerajaan di Pesisir Barat Sulawesi pada abad ke-16. Yang paling menarik ialah naskhah Barasa ini terselamat daripada kemusnahan ekoran kekacauan sosial-politik. Ia bukan teks dalam kategori kronik tentang Siang sebagai sebuah kerajaan di Sulawesi Selatan yang masih wujud sehingga abad XVII dan telah dicabar oleh Gowa pada abad ke-16.

Latar belakang sejarah itu membuat kita dapat mamahami kandungan *Lontara Barasa* yang turut menceritakan peperangan antara kerajaan Barasa menentang Gowa pada tahun 1666. Kisah perang ini ada kaitannya dengan Perang Makassar yang

¹² Hajjah Kerra sudah meninggal dunia pada tahun 2003. Maklumat ini yang diperoleh Arwin Fajar, asisten penyelidikan saya, berdasarkan dari informasi daripada pihak keluarga Hajjah Kerra di Kota Pangkep yang diperoleh pada bulan September 2014.

menghadapkan Bone dengan Gowa sebagai dua kubu yang bermusuhan. Dalam teks Perang Barasa itu, dikisahkan seorang pahlawan Barasa yang bernama I Jo'ro. Tokoh I Jo'ro, yang juga dikenali sebagai bangsawan Siang yang berketurunan Melayu. Dia adalah pangeran dan juga pewaris darah kebangsawanan tinggi kerajaan Siang. Menurut kajian Fadillah (2000:18), I Jo'ro atau I Johoro, mentadbir kerajaan Siang-Barasa di sekitar tahun 1660-1669.

Dalam naskah Barasa ini, nama diri I Johoro atau I Jo'ro adalah I Ba'le, cukup menarik dalam kajian ini tentang orang Melayu di Makasar. Diceritakan bahawa I Jo'ro sudah memimpin rakyat Siang-Barasa dalam Perang Makassar dengan memihak kepada Arung Palakka, Raja Bone dalam menghadapi Gowa dan sekutunya. Sementara itu, Andi Baso Ujung Johar¹³ mengatakan, nama I Jo'ro atau I Johoro yang berasal dari perkataan "Johor" itu adalah nama yang mengacu kepada nama sebuah kerajaan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu yang sekarang menjadi sebuah kerajaan di Negara Malaysia. Menurut maklumat lisan dari Andi Baso Johar, I Jo'ro, dikatakan mempunyai keturunan darah Melayu dari Johor walaupun telah bercampur darah dengan bangsawan Bugis dan Makassar melalui perkahwinan.

Setelah mengkaji, kita dapati Lontara Barasa telah mengatakan bahawa I Jo'ro adalah pemegang kuasa *Oppoka ri Paccellang*. Jabatan *Oppoka* didapati sebagai nama jabatan khas dalam kerajaan Barasa. Tugas *Oppoka* adalah sebagai pelaksana pentadbiran. Orang yang memegang jabatan *Oppoka* dianggap sebagai pengganti raja Siang yang telah hilang setelah ditawan oleh kuasa Gowa, Karaeng Tunipallangga. Oleh sebab itu, sejak pertengahan abad XVI sehingga pertengahan abad, kerajaan Siang sudah

¹³ Andi Baso Ujung Johar (79 thn) adalah salah seorang informan yang beralamat di Kota Pangkep. Iamengaku sebagai orang Bugis-Makassar dan memiliki keturunan Melayu dari tokoh *I Jo'ro*, pangeran Barasa sepertimana tokoh yang terkisahkan di dalam Lontara Perang Barasa. Ucapan beliau banyak hal tentang kerajaan Siang, namun satu hal yang penting adalah bahawa raja dan bangsawan Barasa merupakan keturunan daripada Kerajaan Siang. Menurutnya, kerajaan Siang mengalami kemunduran oleh kerana cabaran kerajaan Gowa yang berlangsung pada separuh awal abad XVI. Manakala kerajaan Siang ditawan oleh Gowa, Raja Siang pun disandera dan diasingkan ke Gowa. Semjak itulah tidak ada lagi raja bertakhta di Siang. Kerajaan Siang pun menerima status sebagai palili (negara bahagian taklukan) Gowa. Sebagai upaya politik bangsawan Siang untuk melanjutkan kehidupan dan pemerintahan Siang, maka mereka membina semula kerajaan Siang dengan melahirkan nama kerajaan baharu iaitu *Barasa*. Oleh itu, kerajaan Barasa diperkatakan sebagai reinkarnasi kerajaan Siang. Temubual berlangsung pada tanggal 29 Juni 2013 di Pacce'lang, Pangkep.

mengalami kemunduran. Antara sebabnya ialah kuasa Gowa yang bertambah kuat masa itu telah mencabarkan hegemoninya, malahan kepada seluruh daratan kerajaan Makassar dan sesetengah wilayah Bugis.

Dari segi lain, *Lontara Barasa* adalah menceritakan kebangkitan semula kerajaan Siang di bawah pimpinan Barasa. Dalam rekod tempatan, kerajaan Barasa dikenali sebagai kesinambungan kerajaan Siang yang bangkit semula. Kebangkitan Barasa pada abad ke-17 sebagai bentuk kerajaan baharu daripada Siang. Kerajaan Barasa mengambil strategi yang beraliansi dengan gerakan perlawanan kerajaan Bone menghadapi Gowa. Kepentingannya adalah, I Jo'ro ingin membebaskan Barasa-Siang dan seluruh wilayahnya daripada kuasa Gowa.

2.2.7 Naskhah G

Naskhah yang diberikan kod G dalam kajian ini selanjutnya adalah manuskrip tentang salasilah yang menyusurgalurkan orang Melayu yang terawal yang datang sekaligus membina penempatan di Sanrabone, Sanrabone merupakan sebuah kerajaan tempatan etnik Makassar. Wilayahnya sekarang berada di bawah pentadbiran Kabupaten Takalar, Provinsi Sulawesi Selatan. Maklumat asal negeri kedua-dua moyang orang Melayu yang mula datang ke Sanrabone banyak terdapat dalam naskah G ini.

Naskhah G dengan tajuk *Silsilah Keturunan Melayu di Sanrabone*, ditulis dalam aksara Serang dan berbahasa Makassar. Ingin ditambah di sini bahawa aksara Serang adalah aksara Arab yang ditulis dalam bahasa Makassar atau Bugis¹⁴. Dari segi itu, bentuk aksara Serang mempunyai kesamaan dengan aksara Jawi yang banyak dipakai dalam persuratan Melayu. Sememangnya aksara Serang ini adalah salah satu sistem

¹⁴ Aksara Serang adalah jenis aksara yang digunakan dalam sistem penulisan naskhah-naskhah Bugis dan Makassar. Aksara Serang ini memiliki ciri khas dari segi bentuknya iaitu berupa tulisan Arab, namun bahasanya menggunakan bahasa Makassar dan Bugis. Sistem aksara Serang memiliki kemiripan dengan aksara Jawi atau Arab-Melayu yang menggunakan aksara Arab dengan bahasa Melayu. Aksara Serang ini dominan digunakan dalam naskhah-naskhah agama serta beberapa teks-teks sastera kitab. Keberadaan aksara Serang tidak dapat tidak dikaitkan dari peranan orang Muslim Melayu dan Arab yang turut serta menggalakkan aktiviti penulisan teks-teks yang dalam bahasa Bugis dan Makassar. Aksara Serang ini juga menjelaskan tentang pengaruh tamadun Islam yang sangat kuat di dalam sistem persuratan di Sulawesi Selatan pada masa lampau.

aksara di Sulawesi Selatan dengan banyaknya naskah Bugis dan Makassar ditulis dalam aksara Serang.

Berbalik kepada aksara Serang yang digunakan dalam naskah ini. Ia mempunyai makna besar dalam sejarah penulisan dan penyalinan naskah-naskah di Sulawesi Selatan. Perkembangan itu boleh juga dikatakan bahawa aksara Serang ada kaitannya dengan peranan orang Melayu dalam penulisan dan penyalinan naskah dan pelestariannya. Sehubungan itu, Noorduyn (1972)¹⁵ mendapati paling tidak aksara Serang telah digunakan dalam kalangan orang Melayu Sanrabone semenjak generasi pertama yang dianggarkan sudah tiba di tempat itu pada tahun 1512. Menurut Noorduyn, tahun 1512 telah dianggap oleh sesetengah ahli sejarah sebagai masa yang paling awal tentang penghijaran orang Melayu dari Pattani dan Minangkabau ke Sanrabone.

Salinan mikrofilm naskah G ini juga dijumpai dalam koleksi naskah di Kantor ANRI Makassar dengan diberikan kod no.01/MKH/15/Unhas/UP/Rol 77 No. 15. Naskah ini hanya ada tiga muka surat dengan kertasnya berukuran 29.5 X 21 cm, blok teks 27.5 X 19.5 cm dengan sebanyak 18 baris pada setiap muka surat. Naskah ini ditulis dengan tinta hitam atas kertas Eropah yang sudah berubah warnanya menjadi coklat kekuning-kuningan kerana telah termakan usia. Oleh sebab keadaan kertasnya masih baik dan utuh, maka teksnya masih dapat dibaca dengan baik.

Maklumat yang diberi dalam Katalog ANRIM adalah naskah G mencatat salasilah keturunan orang Melayu Sanrabone yang berasal daripada Dato Leyang dan Dato Makotta (baca:Datuk Mahkota). Isi kandungan naskah G ini sama dengan teks dalam naskah kod rol 77/16 yang berupa salinan daripada naskah rol 77/15. Kedua-duanya adalah milik Rahmawati Tadjuddin yang tinggal di Jalan Tanggul Patompo, Kota Makassar sekarang. Kedua-dua naskah ini telah dipegang oleh Peroso Daeng Sanga buat sementara waktu. Setelah dikaji, kami dapati Peroso Daeng Sanga adalah keturunan dari Datuk Leyang dan Datuk Mahkota. Maklumat selanjutnya adalah keluarga Peroso

¹⁵Kedatangan orang Melayu yang paling awal di Sanrabone adalah pada tahun 1512 oleh Datuk Leyang, beliau tiba lambat setahun kejatuhan Melaka ke tangan Potrugal. Lihat J. Noorduyn "*Islamisasi Makassar*", Seri Terjemahan Karangan-Karangan Hollanda diusahakan dalam kerjasama Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI), Jakarta, Bharata, 1972. Hal yang juga dikemukakan oleh Rasyid Asbah (2000), Mattulada (1982), dan Poelinggomang (2009).

Daeng Sanga telah memberi kepercayaan kepada anggota keluarganya yang bernama Rahmawati Tajuddin untuk menyimpan naskah ini yang kemudiannya diperoleh tim pernaskahan Unhas pada 21 Oktober 1994 untuk dibuat salinan mikrofilm.

Selain itu, naskah rol 77/17 wajar pula diberikan perhatian kerana ia dapat memberi penjelasan kepada naskah 77/15 mengenai sejarah awal kedatangan orang Melayu di Sanrabone. Seperti yang telah disebut tadi, naskah rol 77/17 adalah salinan malahan pengembangan salasilah keturunan Datuk Leyang. Selain itu, kami dapati salasilah dalam naskah rol 77/17 berbeza daripada segi pemerian nama-nama ahli keluarga daripada keturunan Abdok Razak Daeng Ngago. Perbezaan itu mungkin disebabkan oleh keluarga Abdul Razak Daeng Ngago sendiri telah melakukan penambahan kepada salasilah itu untuk memperkukuhkan legasi zuriat keluarganya yang berasal daripada Datuk Mahkota dan Datuk Leyang itu.

Dalam katalog ANRIM ada catatan nama Abdok Razak Daeng Ngago selaku pemilik naskah mikrofilm dalam naskah rol 77/17. Beliau adalah keturunan dari Datuk Leyang yang juga melahirkan keturunan Abdok Razak Daeng Ngago dan Peroso Daeng Sanga. Yang berbeza antara kedua-duanya adalah salasilah keluarga. Daripada itu, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa naskah G (rol 77/15) adalah salasilah dari keturunan Peroso Daeng Sanga, manakala naskah 77/17 menunjukkan keturunan dari Abdok Razak Daeng Ngago. Ini bermakna tidak ada mana-mana antara kedua-dua naskah itu boleh dikatakan salah atau menyimpang. Tetapi, oleh kerana teks rol 77/15 adalah relatif lebih baik dan lebih mudah dibaca, maka ia telah dipilih sebagai sumber data dalam kajian ini. Lebih-lebih lagi kerana naskah G ini ada catatan tentang orang Muslim Melayu dari Pattani dan Minangkabau berhijrah ke Sanrabone. Maklumat itu penting untuk menunjukkan bahawa ugama Islam telah diperkenalkan kepada orang Bugis-Makassar ± 100 tahun lebih awal sebelum islamisasi secara rasmi pada tahun 1605 oleh Tallo dan Gowa.

2.2.8 Naskhah H

Naskhah yang diberikan kod H dalam kajian ini adalah manuskrip daripada koleksi ANRI. Ia sudah diberikan kod No.01/MKH/22/Unhas/UP Rol 54 no.22 pada 08 Julai 1993. Teksnya menceritakan peristiwa-peristiwa penting dalam kerajaan Gowa sehingga akhir abad ke-19, selain menceritakan perkembangan sejarah kerajaan Sanrabone dan Marusu. Setelah mengetahui maklumat itu, maka pengkaji ini mendapati tajuk *Lontara Rapang* yang diberi kepada naskhah ini adalah kurang tepat. Lebih-lebih lagi memandangkan naskhah ini tidak sahaja berisikan perjanjian antara kerajaan, akan tetapi berupa historiografi kerajaan Gowa, Sanrabone dan Maros. Dengan kata lain, adalah lebih tepat jika ia diberi tajuk “Lontara Patturioloang Gowa” atau “Lontara Sejarah Gowa”. Selain teks itu, naskhah ini juga mengandungi maklumat lain, termasuk “Petuah Hukum Tumabbicara (Hakim)” kepada anak-cucunya dan “Petuah Karaeng ri Bontobiraeng”.

Asalnya, naskhah ini adalah milik Maarupong Daeng Ngaung yang tinggal di Sanrabone, Kabupaten Takalar, Provinsi Sulawesi Selatan sekarang. Maklumat dalam kolofon naskhah ini menyatakan ia ditulis atau disalin pada 18 Mac 1980 oleh Haji Muhammad Zardi Daeng Mazutte. Naskah ini ditulis dalam bahasa Makassar dan Arab, dengan aksaranya aksara lontara dan Jawi. Ia setebal 88 muka surat dan purata antara 19 sehingga 21 baris per halaman. Ia disalin atau ditulis atas kertas bersaiz 33 x 21cm.

Isi naskhah ini menceritakan peristiwa kedatangan dan integrasi orang Melayu dengan penguasa-kuasa kerajaan Gowa pada masa awal iaitu abad ke-15 melalui proses perkahwinan. Maklumat penting dalam naskhah H ini adalah salasilah keturunan orang Melayu di Sanrabone, selain menunjukkan salasilah tokoh Datuk Lembang dan Datuk Mahkota seperti yang disebut tadi. Dari segi itu, isi kandungannya sama dengan teks dalam naskhah G. Yang penting ialah naskhah H adalah juga sumber maklumat tambahan mengenai orang Melayu, Pattani dan Minangkabau di Sanrabone pada awal abad ke-16.

Selain itu, ada sebuah naskhah lain yang lebih kurang sama dengan naskhah H. Ia diberi tajuk ‘*Audah Assabil*’ yang berupa teks “Tasawuf Islam” yang dikarang oleh

Abdul Mukmin Bin Abdullah al-Makassar al-Sanrabone pada tahun 1599 Masihi setuju dengan 1069 Hijriah. Naskhah ini tercatat dalam Katalog ANRI dengan rol 74/5 dan pemiliknya bernama Patta Raja Dei yang tinggaal di Bulukumba. Daripada kolofonnya, ternyata penulisnya adalah keturunan daripada Datuk Lembang dan Datuk Mahkota. Kaitan naskhah rol 74/5 ini dengan naskhah rol 77/15 adalah kerana penulisan risalah *Audiah al-Sabil*, iaitu Abdul Mukmin Bin Abdullah al-Makassar al-Sanrabone. Nama beliau juga dicatat dalam *Salasilah Melayu* Sanrabone. Ini bermakna penulis naskhah 74/5 ada hubungan genealogi dengan keturunan Datuk Lembang dan Datuk Mahkota.

2.2.9 Naskhah I

Naskhah yang diberi kod I dalam kajian ini adalah *I La Galigo* yang terdapat dalam koleksi NBG (*Nederlands Bijbelgenootschap*) 188 di Perpustakaan Leiden. Teks ini juga disebut sebagai *Sure'*, iaitu genre sastra Bugis purba yang menampilkan suasana kehidupan dan peradaban Bugis pada peringkat terawal. Daripada kajiannya, Andi Zainal Abidin mengatakan masa peradaban Bugis yang diceritakan dalam *I La Galigo* adalah sekitar abad ke-9 Masihi. Teks ini terdiri daripada 12 jilid dan sebanyak 2851¹⁶ halaman bersize folio.

Teks *I La Galigo* telah ditransliterasi dan diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia pada tahun 1987 oleh Roger Tol, Fachruddin Ambo Enre, Muhammad Salim, Sirtjo Koolhof dan Nurhayati Rahman pada tahun 1987. Penerbitan teks jilid pertama sudah dilancarkan buat pertama kalinya dalam sebuah majelis di Leiden tahun 1987 dengan dihadiri Mattulada, Ambo Gani, J. Noorduyn dan Roger Tol. Majelis tersebut telah juga memutuskan untuk menerbitkan transliterasi dan terjemahan kesemua teks *I La Galigo*. Untuk kerja itu, penyuntingan ratusan naskhah yang berisikan fragmen-fragmen teks *I La Galigo* telah dilakukan. Sehubungan itu, Sirtjo Koolhof (1995:viii) mengatakan, proses penyuntingan teks tidaklah rumit kerana naskhah yang diberi kod 188 dalam koleksi NBG mengungguli naskhah-naskhah lainnya kerana: 1) naskhah itu memuatkan sebahagian terbesar teks *I La Galigo* yang diwariskan; 2) kumpulan naskhah ini telah disalin seorang penyalin sahaja, iaitu Colli' Pujie atas permintaan B.F.

¹⁶Basiah dan Dias Pradadimara dalam "*Membuka Galigo Pengantar Kajian Kritis Satu Naskhah Nusantara*, Ombak, 2012, hlm 4.

Matthes; dan 3) naskah ini adalah satu kesatuan daripada segi penceritaan teksnya. Namun, naskah NBG 188 ini bukanlah naskah yang lengkap dalam erti kata memuatkan keseluruhan episod (Bgs: *téreng*), tetapi ia hanya mewakili satu per tiga daripada keseluruhan cerita dalam *I La Galigo* dari tanah Bugis (Sirtjo Koolhof, 1995).

Dalam kajian ini, naskah NBG 188 ini penting untuk mendapat maklumat yang ada hubungan dengan Melayu pada tempoh peradaban *I La Galigo*. Antara maklumat yang diperlukan daripada *I La Galigo* adalah tentang kehadiran orang Melayu di Sulawesi Selatan, hubungan perdagangan antara orang Bugis-Makassar dengan orang atau negeri Melayu, barangan dagang khas orang Melayu, pelayaran dan aneka ragam hal lain yang ada hubungan dengan orang Melayu dan penghijrahan mereka ke Makassar. Maklumat itu penting untuk menjelaskan kontak sosial antara orang Bugis-Makassar dengan orang Melayu pada peringkat awal. Sehubungan itu, teks *I La Galigo* Jilid 1 dan Jilid 2 yang sudah diterbitkan dan draft transliterasi dan terjemahannya dalam Jilid 3 sehingga Jilid 12 adalah bahan yang sangat penting dalam kajian ini.

Teks *I La Galigo* NBG 188 dianggap sebagai teks standard berbanding dengan varian-varian teks yang lain daripada *I La Galigo* yang didapati bertebaran di pelbagai koleksi di dalam dan luar negara Indonesia. Di sini ingin dinyatakan bahawa, teks *I La Galigo* yang telah disusun kisahnya dengan lengkap, maka mengandungi serangkaian episod dan cerita hasil kerja yang teliti yang sudah dibuat Colli' Pujie sangatlah penting.

Dari banyak segi, naskah NBG 188 yang ada sekarang ini adalah juga hasil upaya yang dilakukan B.F. Matthes selama beliau berada di Sulawesi Selatan. Semenjak sampai di Sulawesi Selatan pada 1848, Matthes telah mengumpul teks-teks *I La Galigo* yang bersebaran di pelbagai pelosok di Sulawesi Selatan. Pengumpulan teks itu kemudiannya sudah disusun semula oleh Colli' Pujie yang memang telah berusaha untuk merangkaikan ceriteranya dari satu episod ke satu episode yang lain. Setelah ia pulang ke Belanda pada tahun 1869, Matthes menyerahkan semua naskah *I La Galigo* kepada *Nederlands Bijbel genootschap* (NBG). Bertitik tolak daripada situlah, maka naskah NBG 188 sudah dijadikan bahan untuk projek transliterasi dan penerjemahan dalam Projek Kerjasama Indonesia-Belanda. Hasil transliterasi dan terjemahan naskah NBG 188 inilah yang kini telah juga digunakan sebagai sumber penting dalam kajian ini khasnya mengenai hubungan antara Melayu dan Bugis peringkat awal.

2.2.10 Naskah J

Naskah yang diberikan kod J dalam kajian adalah sebuah naskah dalam bentuk mikrofilm yang tersimpan dalam koleksi Kantor ANRI Makassar. Ia didaftarkan dengan diberi kod No. 01 /MKH/16/Unhas/UProl 30/16, pada 27 April 1992 melalui projek pernaskhahan UNHAS dan Ford Foundation. Naskah ini mempunyai 317 halaman, dengan halaman 265, 286, 301-312 dan 317 kosong. Ia ditulis rata-ratanya 26 baris setiap halaman. Teksnya berbahasa Bugis dalam aksara lontara. Sampul naskahnya terbuat dari kulit domba, manakala alas tulisnya berupa kertas bergaris dengan size 35,5 x 24,5 cm. Keadaan naskahnya baik, teksnya pun masih lengkap, hanya kertasnya sudah berwarna kuning kerana telah termakan usia.

Naskah ini bertajuk *Attoriolong di Sulawesi Selatan* atau Sejarah Sulawesi Selatan, telah dideskripsi oleh Mukhlis Paeni dkk (2003). Pendeskripsi berdasarkan isinya yang menceritakan sejarah pelbagai kerajaan tempatan di Sulawesi, seperti Bone, Gowa, Soppeng, Maros, Sanrabone, Sidenreng, Bacukiki, Nepo dan lain-lain. Ia berisikan 1) Pesan-pesan Tuan ri Dima; 2) Kisah Petta Malampe'e Gemme'na; 3) Attoriolong Soppeng, Nepo, Bacukiki, Bojo, Wajo, Luwu, Soppeng, Tanete dan Lamuru; 4) Salasilah Datu I Botto dari Bone dan Ajattappareng; 5) Kisah Kerajaan Sidenreng; 6) kisah dan nama raja-raja Gowa; 7) kisah dan nama raja-raja Cina Pammana; 8) kisah kerajaan Sawitto; 9) kisah kerajaan Balannipa Mandar. Pemilik naskahnya dicatat bernama I Sabettia Hamzah, dikenali sebagai orang yang berdarah keturunan Melayu. Dalam Katalog Naskah ANRIM mencatatkan naskah J ini telah ditulis pada abad XVIII.

Ada dua maklumat penting naskah ini dalam kajian ini iaitu: 1) maklumat umum tentang kerajaan-kerajaan tempatan yang menjadi objek kajian; dan 2) maklumat tentang kerajaan Gowa pada tempoh Karaeng Tumaparrisi' Kallonna dan Karaeng Tunipallangga. Sehubungan kisah mengenai kerajaan Gowa, naskah ini menceritakan perluasan wilayah kuasa Gowa yang digalakkan oleh Tumaparrisi' Kallonna dan Tunipallangga. Yang tidak kurang pentingnya adalah ia juga menseneraikan nama-nama kerajaan tempatan yang ditawan oleh Gowa melalui peperangan, lebih-lebih lagi kisah perjalanan dan kehidupan setiap penguasa Gowa termasuk Karaeng Tumaparrisi' Kallonna dan Karaeng Tunipallangga.

Dengan kata lain, maklumat dalam naskhah J pelbagai, beraneka ragam, tentang kerajaan Sulawesi Selatan Bugis, Makassar dan Mandar, selain tentang kerajaan Gowa. Oleh kerana keadaan naskhah J masih baik, maka ia juga dipilih sebagai sumber utama tambahan dalam kajian ini.

2.2.11 Naskhah K

Naskhah yang diberikan kod K ini adalah *attoriolong* yang menceritakan kerajaan Suppa' dan sejarah kerajaan tempatan yang lain di Sulawesi Selatan. Naskhah K ini juga tersimpan dalam koleksi ANRIM dengan diberikan kod No. 01 /MKH/10/Pare-pare/UP rol 50 No. 10 pada 13 Mei 1993. Ia telah disalin dalam bentuk mikrofilm di bawah Projek Pernaskhahan UNHAS dan Yayasan Ford Foundation. Dalam katalog di ANRIM, ia diberi tajuk Catatan Harian. Sebenarnya ia bukan sahaja catatan harian, tetapi juga kisah tentang raja-raja dan sejarah penubuhan kerajaan Suppa', pentadbiran dan hubungan perkahwinan. Naskhah ini dipandang mempunyai maklumat penting tentang hubungan kekerabatan kerajaan Suppa' dengan kerajaan Konfederasi Ajatappareng di Pesisir Barat Sulawesi Selatan.

Setelah dikaji, kami dapati naskhah K bukan ditulis siap dalam satu masa, tetapi catatannya dibuat dari masa ke masa dengan kisahnya berlaku dalam tempoh masa yang lama iaitu lebih kurang 16 tahun antara 1839 sehingga 1855. Di bahagian awalnya, terdapat sepucuk surat yang bertarikh 1839 dan ditulis oleh raja Gowa kepada Addatuang Sidenreng. Sementara itu, di bahagian akhirnya terdapat catatan tentang peristiwa yang berlaku antara tahun 1851 sehingga 1855. Dua maklumat itu membuat naskah ini penting dalam kajian ini. Walaupun tidak diketahui nama penulisnya, yang pasti hanyalah ia adalah sebahagian daripada pustaka istana kerajaan Suppa'.

Pada keseluruhannya, naskhah ini mencatatkan peristiwa yang berlaku antara tahun 1851 sehingga tahun 1855. Antaranya adalah peristiwa di daratan dan pelayaran dari Makassar ke Bali dan Tuban. Sehubungan itu terdapatlah kisah mengenai Nahkoda Ali yang berasal dari Lombok. Naskhah ini juga memuat pesanan To Maccae dari Luwu kepada La Baso To Akkarangeng, selain kisah dan wasiat Sangiangseri mengenai orang yang dilantik menjadi pegawai kerajaan. Dalam naskah ini juga ada maklumat tentang

hukum adat dan rapang dan juga catatan harian antara tahun 1250 H sehingga 1254 H tentang pelayaran dalam kapal kuasa Tallo yang singgah di Lipukassi, Barru. Demikian juga dengan berita wafatnya La Tobo dan berita tentang kapal tumpangan Addatuang Sidenreng yang bertolak dari Ujung Pandang dan kemudian berlabuh di Pare-pare. Akhir sekali ada juga kisah perang Teteaji dan Belawa.

Maklumat yang penting dalam naskhah K ini adalah tentang To Manurung La Bangéngé yang kemudiannya telah berkuasa di Bacukiki. Kedudukan Bacukiki mengisahkan wujudnya kerajaan Suppa' yang bermula dengan kemunculan *Totompo*, Wé Tépuingé yang menjadi tonggak kerajaan Suppa', maka sangatlah penting dalam mencari maklumat tentang kerajaan dan kuasa Suppa' dan Bacukiki. Kisah mengenai sejarah Suppa', Bacukiki dan Sawitto itu juga terdapat dalam naskhah-naskhah Atoriolong yang lain. Naskhah K ini unik kerana adanya mitos tentang pembinaan istana raja Suppa' yang tidak dijumpai dalam naskhah lontara attoriolong yang lain. Namun, cerita mengenai Puteri Wé Tépuingé banyak dijumpai dalam naskhah-naskhah yang lain dalam koleksi istana-istana kerajaan tempatan Bugis.

Antara isi kandungan naskhah K adalah: 1) kedatangan Wé Tépuingé dan penubuhan kerajaan Suppa'; 2) perkahwinan antara Wé Tépuingé dengan penguasa Bacukiki, La Bangéngé'; 3) penubuhan kerajaan Sawitto; dan 4) susurgalur Wé Tépuingé dan La Bangéngé'. Kesemua maklumat kedatangan dan integrasi orang Melayu pada peringkat awal di wilayah pesisir barat Sulawesi Selatan khususnya di Suppa' itu telah membuat naskhah K penting untuk dijadikan sumber kajian ini.

2.2.12 Naskhah L

Naskhah yang diberikan kod L dalam kajian ini adalah *Lontara Tanete* yang disebut Niemann sebagai *Kronik Tanete*. Ia mengandungi sejarah penubuhan kerajaan Tanete, kisah kehidupan raja-rajanya, serta peristiwa penting yang lain yang ada kaitan dengan kerajaan Tanete. Lontara Tanete ini memulakan kisahnya dengan menceritakan kehadiran *Tomanurung* yang menjadi raja pertama Tanete atau Agangnionjo'.

Ada banyak lagi naskah Tanete yang isinya sama dengan naskah L dalam koleksi ANRIM. Perbezaan antara kesemua naskah itu adalah variasi teks dan bukannya perbezaan ceritanya. Variasi yang dimaksudkan adalah dari segi gaya bahasa, hiasan kata, pilihan ayat yang bervariasi yang dapat dijelaskan sebagai proses kreativiti penyalinan atau penurunan teks.

Antara naskah yang ada maklumat tentang kerajaan Tanete dan kerajaan bahagiannya (Bgs: *palili*), adalah naskah yang disalin oleh Colli' Pujie. Ia sudah menjadi sebahagian daripada kumpulan naskah yang telah diusahakan oleh B.F. Matthes sewaktu beliau melaksanakan misi zending di Sulawesi Selatan pada paruh kedua abad ke-19.

Naskah Tanete ini sudah diolah dan diterjemahkan ke bahasa Belanda oleh G.K. Nieman dan diterbitkan di Belanda pada tahun 1883 dengan tajuk *Geschiedenis van Tanete*. Ia adalah sebuah naskah Tanete yang sangat penting. Teksnya disusun berdasarkan naskah-naskah milik istana. Selain itu, ia turut menjadi pedoman kepada Hasan Walinono dalam penulisan disertasinya yang bertajuk *Tanete Suatu Studi Sosial Politik* (1979).

Kronik Tanete edisi G.K. Niemann (1883) ini juga sudah diterjemahkan oleh Basrah Gissing pada tahun 2002. Kedua-dua edisi teks dan terjemahan kronik ini telah member peluang kepada pengkaji untuk dijadikan bahan kajian. Pemilihan ini disebabkan ia bebas daripada kesalahan, selain memang sangat mudah untuk dibaca. Edisi daripada Niemann ini dinilai berkualiti tinggi berbanding dengan naskah Tanete yang lain.

Isi teks-teks kronik Bugis dan Makassar lazimnya menceritakan kehadiran *Tomanurung* atau *Totompo* sebagai pengasas penubuhan dan pentadbiran kerajaan. Menurut Cense (1972)¹⁷, walaupun teks-teks kronik itu ada unsur dongeng, tetapi ia juga mempunyai mutu tinggi selain objektif dan telus dalam pengisahan tokoh dan peristiwa

¹⁷ Lihat Cense, A. A. dalam *Beberapa Tjataan Mengenai Penulisan Sedjarah Makassar-Bugis*. Djakarta: Bhratara, tahun 1972.

yang berkenaan. Namun, banyak peristiwa yang penting tidak diketahui dengan baik kerana penyajian ceritanya lebih bersifat penceritaan seperti dalam karya hikayat, lebih-lebih lagi tidak disertakan tarikh kejadian peristiwa. Oleh sebab itu, untuk memahami kisahnya dengan baik, maka catatan atau dokumen Eropah dan VOC perlu digunakan untuk melengkapkan kekurangan yang ada ini.

Begitu juga halnya dengan maklumat berkenaan orang Melayu kerana naskhah-naskhah lontara pada amnya hanya memberi maklumat sekadar yang ada, selain faktanya terkadang-kadang tidak lengkap dan diragui kebenarannya. Misalnya, banyak peristiwa tidak disertai maklumat seperti nama tokoh, bilangan orang, kedudukan sosial tokoh, serta masa atau tahun berlakunya peristiwa itu. Seperti yang sudah disebut tadi, catatan dan laporan daripada Tome Pires, Antonio de Paiva, Magellan, Raffles, Speelman dan lain-lain perlu dirujuk untuk menampung kelompongan maklumat, sekaligus memberi makna lebih lengkap kepada sumber-sumber pribumi tersebut.

2.3 SISTEM TRANSLITERASI

Selanjutnya ingin diperkatakan cabaran transliterasi yang dihadapi dalam kajian ini semacam membaca naskah lontara yang disebut tadi. Transliterasi¹⁸ dalam kajian ini melibatkan pengalihan aksara dari lontara Bugis-Makassar kepada Latin dengan menerapkan kaedah bahasa Bugis atau Makassar. Dalam mentransliterasi teks lontara, setidak-tidaknya ada dua masalah dalam pembacaan, iaitu: 1) kerumitan bentuk dan bunyi aksara, dan 2) sistem transliterasi atau pengalihannya ke dalam aksara latin. Kedua-dua masalah dalam pembacaan aksara lontara, – khususnya orang yang bukan penutur asli bahasa Bugis dan Makassar – adalah disebabkan setiap bentuk aksara lontara tidak mewakili bunyinya secara utuh. Ini disebabkan sistem aksara lontara itu

¹⁸Pengertian transliterasi berbeza dengan terjemahan dan transkripsi. Transliterasi diaertikan sebagai upaya alih aksara, yakni dari bentuk bentuk aksara lontara ke aksara Latin dengan menerapkan kaidah-kaidah bunyi dan bentuk bahasa. Terjemahan (*translation*) adalah pengalihan makna bahasa atau ayat dari sebuah bahasa sumber (BSu) kepada bahasa sasaran (Bsa). Sementara itu transkripsi ialah pengalihan bentuk dari sebuah aksara kepada aksara lain, seperti dari aksara lontara ke aksara Latin, namun tidak dilakukan penyesuain kode-kode bunyi yang sebenar menurut kaidah aksara sasaran. Lihat Zuchridin Suryawinata dan Sugeng Hariyanto, “*Translation: Bahasa, Teori dan Penuntun Praktis menerjemahkan*” Yogyakarta: Kanisius, 2003.

berciri *vokalik* selain tiada petanda atau kod yang mewakilkan bunyi nasal, geminasi, glotalstopp dan kombinasi bunyi konsonan.

Ini bermakna setiap kata dalam aksara lontara ada banyak bunyi dan bacaan, walaupun hanya satu atau dua bunyi atau bacaan itu adalah yang betul. Ini bermakna juga bunyi dan bacaan yang lain adalah yang salah. Misalnya kata *bol* (Bo-La) dapat dibaca dengan bunyi yang antara lain: *bola, bolang, bolla', bola', bolla, bollang, bongla, bonglang, bongla'*. Tiga kata pertama adalah memiliki arti, sementara kata yang lainnya adalah sekadar bunyi yang tidak erti. Kerumitan itu disebabkan tidak adanya tanda bunyi nasal [“ng”] dalam aksara atau ayat. Contohnya dengan kata: *aule* (U-Le). Ia seharusnya dibaca sebagai *U leng* (bulan); *bele* (be-la) seharusnya dibaca sebagai *Bellang* (belang); atau ayat *aulewe* (U-La-We) seharusnya dibaca sebagai ‘*Ulaweng*’ ertinya ‘emas’. Kerumitan yang lain disebabkan tidak adanya tanda yang khusus untuk menandakan bunyi *glotalstop* dalam ayat yang tertentu. Misalnya kata *ber* (Be-Re) yang secara literal boleh dibaca sebagai Be-Re; namun bacaan yang betul adalah *Bere'*, iaitu pada akhir katanya terdapat bunyi *glotalstop*. Kerumitan yang lain muncul kerana tidak adanya tanda untuk menunjukkan bunyi geminasi dalam ayat yang tertentu. Misalnya kata *makutana* (Ma-Ku-Ta-Na), secara literalnya dibaca sebagai “makutana”; namun bunyi yang seharusnya adalah ‘*makkutana*’ ertinya ‘bertanya’.

Kerumitan membaca aksara lontara Bugis-Makassar adalah cabaran besar kepada pelajar dan pengkaji yang bukan penutur asli bahasa Bugis atau Makassar. Semua pengkaji naskah lontara dikehendaki untuk dapat membaca teks dalam bahasa Bugis dan Makassar. Sehubungan itu, pengetahuan asas tentang aksara lontara seperti yang disenaraikan dalam rajah yang berikut perlu ada:

Jadual 2.1 Rajah aksara lontara Bugis-Makassar

k (Ka)	g (Ga)	G (Nga)	K (Ngka)
p (Pa)	b (Ba)	m (Ma)	P (Mpa)
t (Ta)	d (Da)	n (Na)	R (Nra)
c (Ca)	j (Ja)	N (Nya)	C (Nca)
y (Ya)	r (Ra)	l (La)	w (Wa)
s (Sa)	a (a)	h (Ha)	

Hanya dengan menguasai sistem bunyi aksara bahasa Bugis dan Makasar itu dapatlah dilakukan kerja transliterasi sebagai langkah pertama dalam proses pengolahan teks yang berkenaan. Transliterasi itu adalah untuk mengalihkan bacaan aksara lontara ke aksara Latin. Memang banyak teks dalam lontara Bugis atau Makassar sudah ditransliterasi dan yang lain diolah melalui prinsip filologi. Dalam kajian naskah lontara, pengkaji bukan sahaja perlu menguasai bahasa Bugis dan Makasar, tetapi juga dikehendaki membuat transliterasi teks yang berkenaan untuk mengetahui isi teks yang ada banyak idiom-idiom archais, yang perlu diketahui dalam konteks latar belakang budaya dan sejarah penulisan teks itu dalam masanya. Sistem transliterasi yang digunakan dalam kajian ini adalah gabungan antara sistem yang telah digunakan oleh Noorduyn (1955)¹⁹ dalam *Kronik of Wajo*, Macknight (1984) dalam *Kronick of Bone*, Ian Caldwell (1988), Fachruddin Ambo Enre (1999)²⁰ dalam *Ritumpanna Welenrenggé*, Rahilah Omar (2005)²¹, Hadrawi (2008)²² dalam *Assikalaibineng* dan Stephen Druce (2008)²³.

Setelah dilakukan transliterasi lontara dalam bahasa Bugis Makasar yang mempunyai lambang bunyi, sistem penulisan kata dan pengaturan tanda bacanya yang tersendiri, maka jelaslah bahawa sistem sebutan bahasa Bugis berbeza dengan sistem bunyi bahasa Latin. Namun, sistem bunyi huruf bahasa Bugis hampir-hampir tidak berbeza dengan sistem bunyi bahasa Indonesia (Enre, 1999:71).

¹⁹J. Noorduyn, *Een Achttiende-Eeuwse Kroniek van Wadjo. Buginese Historiografie*. Gravenhage: N.V. Nederlandse Boek En Staeendrukkerij (Smits), 1955.

²⁰Fachruddin Ambo Enre, *Ritumpanna Welenrengnge; Sebuah Episode Sastra Bugis Klasik Galigo*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, Ecole Francaise d'Extreme-Orient, Fakultas Sastra Universitas Indonesia. (Naskah dan Dokumen Nusantara, Seri 14.).1999.

²¹ Rahilah, Omar. 2003. "The History of Bone A.D. 1775-1795: The Diary of Sultan Ahmad as-Salleh Syamsuddin". Ph.D Thesis, Hull University, Center for South-East Asian Studies, Hull.

²² Muhlis Hadrawi, *Assikalaibineng, Kitab Persetubuhan Bugis*. Makassar, Innawa, 2008.

²³Stephen C.Druce 2009. *The Lands West of The Lakes: A History of the Ajattappareng Kingdoms of South Sulawesi 1200 to 1600 CE*. Leiden: KITLV Press.

Untuk kajian ini, pengkaji telah membuat transliterasi teks ke atas bunyi hamzah atau *glottal stop*, geminat, nazal dan perbezaan bunyi *e* taling atau pepet dalam bahasa Bugis yang ditandai seperti yang telah dipakai oleh Ambo Enre dalam disertasinya edisi *I La Galigo* episode *Ritumpanna Wèlenrenggé*. Sistem ini telah juga digunakan Mattulada dan Mills. Selain tanda (') untuk mengidentifikasi bunyi hamzah, pengkaji telah menggunakan tanda apostrop (`) seperti yang diterapkan oleh Matthes (1875)²⁴.

Bunyi hamzah dalam bahasa Bugis lazimnya dijumpai di akhir kata dasar. Misalnya, *manu'* (ayam), *puse'* (keringat), *lekke'* (punggung) dan *gemme'* (rambut) Bunyi hamzah di tengah kata adalah kerana kata dasar itu telah mengalami pembentukan yang tertentu. Antaranya, ia diikuti klitik *ku'*, *mu*, *na* dan *ta'*. Misalnya kata *puse'* diikuti klitik kata ganti kepunyaan *ku'* menjadi *puse'ku'* (keringatku), *puse'* + *mu* "puse'mu" (keringatmu), *manu'* + *ta'* "manu'ta'" (ayam anda) dan lain-lain. Begitu pula dengan kata majemuk, iaitu gabungan daripada dua kata, jika kata pertamanya berakhir dengan bunyi hamzah kemudian bersinggungan dengan kata lain yang mengikutinya. Misalnya kata *sesse'* + *alé* membentuk kata majemuk menjadi *sesse'kalé* (penyesalan diri); kata *sekke'*+ *pittara* membentuk kata majemuk *sekke'pittara* (zakat fitrah). Selain dua perkara yang tersebut di atas, lazimnya bunyi hamzah atau bunyi hamzah di tengah kata akan diganti dengan tanda geminasi. Misalnya *ma'*+*genrang* (ma = awalan yang memiliki unsur hamzah tipis) akan ditulis *maggengrang* (bukan *ma'genrang*). Demikian juga dengan kata lain sama ada: *ma'* + *deppa* menjadi *maddeppa*; *ma'*+*béppa* menjadi *mabbéppa* dan *ma'* + *sempe'* menjadi *massémpe'*.

Selain itu, bunyi nasal (*ny* dan *ng*) yang mengalami geminasi di dalam suku kata tetap ditulis utuh atas pertimbangan identiti bunyi bahasa Bugis. Misalnya, ayat *anynyarang* (kuda) tidak ditulis *annyarang*; ayat *bengngo* (bodoh) tidak ditulis *benngo*. Sistem penulisan yang digunakan untuk geminat nasal itu berbeza dengan sistem yang dipakai oleh Enre (1999) kerana ia telah menghilangkan satu konsonan untuk realisasi cara penulisan praktis. Contoh yang digunakan oleh Enre ialah ayat *lenynye'* (hilang) ditulis sebagai *lennye'*; ayat *bengnga* (heran) ditulis sebagai *bennnga*; *kamenynyang*

²⁴Lihat Matthe, "*Boeginesche Chrestomathie*", Deel 3: Aanteekeningen op de Boeginesche Chrestomathie. Amsterdam: Spin. Three vols, 1872.

(kemenyan) ditulis sebagai *kamennyang*; patud**angngé** (pelayan) ditulis sebagai *patud**anngé***.

Seterusnya, kod untuk bunyi vokal *e pepet* dan *e taling* juga telah ditunjukkan perbezaan bunyinya semasa membuat transliterasi untuk mengelakkan kesalahan membaca dan salah faham. Untuk menunjukkan perbezaan bunyi dalam kedua-dua kod vokal ini, salah satunya diberikan tanda, sementara yang lainnya tidak. Kod vokal *e* yang diberikan tanda ialah taling dengan membubuhkan kode pada bahagian atas di hurufnya (menjadi: *é*). Perbezaannya yang lebih jelas boleh dilihat dalam contoh di dalam rajah yang berikut.

Jadual 2.2 Perbezaan tanda *é* (taling) dan *e* (pepet)

<i>Taling [é]</i>	<i>Pepet [e]</i>
<i>lémo</i> (jeruk)	<i>lemmag</i> (kukus)
<i>wéré</i> (nasib)	<i>wettu</i> (waktu)
<i>élong</i> (lagu)	<i>enneng</i> (enam)

Dalam bahasa Bugis tidak mengenal sistem huruf kapital, tetapi ia digunakan dalam hasil transliterasi dalam kajian ini. Namun, huruf kapital dipakai untuk nama orang, nama tempat dan huruf pertama pada kata awal kalimat dalam teks transliterasi Bugis. Huruf kapital juga dipakai pada proklitik atau kata sandang: *To* (to), *Wé* (ew), *La* (l), *E* (ea) dan *I* (ai) dalam sistem penamaan orang Bugis. Proklitik atau kata sandang itu ditulis terpisah daripada huruf kapital untuk nama diri. Misalnya *To Sangkawana*, *La Maddukkelleng*, *I Tenri Kawari*, *E Rimi*, dan *Wé Mattengnga Empong*.

Seterusnya penulisan bunyi kata yang mengalami persandian atau penyelarasan bunyi dengan penggabungan dua ayat adalah ciri khas dalam aksara Bugis. Bunyi pada akhir kata dalam bahasa Bugis hanya ada lima iaitu bunyi vokal (*a*, *i*, *u*, *o*, dan *é* taling), nasal *ng*, dan hamzah (*). Bunyi yang mengalami perubahan atau penyelarasan bunyi itu lazimnya adalah bunyi *nasal*, sementara kata yang berakhir bunyi vokal dan hamzah tidak mengalami penyelarasan. Fonem yang berubah itu lazimnya adalah ayat kedua atau ayat selepas ayat pertama. Perubahan bunyi nasal (*ng*) terjadi akibat persinggungan dengan ayat lain. Sementara itu penyelarasannya terjadi pada akhir suku kata pertama

atau pada awal suku kata kedua. Contoh persinggungan dua kata yang dimaksud sebagai berikut:

<i>uleng</i> (bulan) + <i>eppa</i> (empat)	→	<i>Uleⁿgeppa</i> (bulan empat)
<i>wenang</i> (benang) + <i>ulaweng</i> (emas)	→	<i>Wenamp^ulaweng</i> (benang emas)
<i>watang</i> (pusat) + Bone (Bone)	→	<i>Watamp^one</i> (Watampone)

Penyelarasan bunyi nasal berlaku pada kata ulang yang sistem perubahannya hampir sama dengan contoh-contoh ayat yang sudah ditunjukkan tadi. Perubahan bentuk dan bunyi itu adalah disebabkan persentuhan dua kata yang memerlukan perpaduan bunyi. Lihat contohnya di bawah ini:

<i>bilang</i> + <i>bilang</i> (hitung)	→	<i>bilampⁱlang</i> (tasbih)
<i>uleng</i> + <i>uleng</i> (bulan)	→	<i>ulemp^uleng</i> (tiap bulan)
<i>worong</i> + <i>worong</i> (lebat)	→	<i>woromp^orong</i> (bintang tujuh)

Tanda baca dalam naskah Bugis hanyalah titik tiga (.) walaupun penerapannya sering menimbulkan kerumitan. Ini disebabkan tanda titik tiga tersebut bersifat multifungsi. Selain berfungsi sebagai tanda *titik* (.), ia juga berfungsi sebagai *koma* (,) dan tanda *seru* atau *perintah* (!). Oleh kerana itu, dalam transliterasi diperlukan pemahaman tentang kaedah sintaktis dan semantik bahasa Bugis dan Makassar.

2.4 ORANG MELAYU DALAM KONTEKS KAJIAN

Nama kerajaan Melayu yang telah wujud sebelum abad ke-19 secara terperinci dihuraikan oleh Ding Choo Ming (2009)²⁵ dengan mendaftar 70 kerajaan yang berlokasi merata-rata di kepulauan Nusantara. Antara nama kerajaan-kerajaan Melayu – besar dan kecil – terbanyak iaitu sekitar 50 buah berada pada kawasan utama Melayu yakni di

²⁵ Ding Choo Ming “*Manuskrip Melayu, Sumber Maklumat Peribumi Melayu*”, Syarahan Perdana Jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia, 28 November 2008, Penerbit: University Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2009, hlm.15.

Semenanjung Tanah Melayu Pulau Sumatera dan Kepulauan Riau. Sementara itu, kerajaan yang berlokasi di kawasan Selatan Melaka tersebut, menurut catatan Tome Pires²⁶ pada abad ke-16 penduduknya dipanggil *Malayan* atau *Malay*. Sesetengah etnik Melayu tersebut memiliki identiti kebudayaan yang sama. Identiti yang sama yang dimaksudkan adalah bahawa setiap orang yang disebut bangsa Melayu mempunyai perpaduan budaya dan berkongsi bahasa, kesusasteraan dan cara hidup yang sama (Halimi, 2006: xxii)²⁷.

Semenjak dahulu lagi, orang Melayu hidup merata-rata di pulau-pulau Nusantara. Menurut Bellwood (1985) mereka menghuni separuh daripada pulau Sumatera, terutamanya di sepanjang pantai timurnya dan pesisiran pulau Borneo selain di Semenanjung Tanah Melayu. Semenanjung Tanah Melayu merupakan kawasan masyarakat Melayu yang penting dari segi sejarah. Kawasan diambil kira sebagai Semenanjung Tanah Melayu itu dimana telah ada kerajaan Melayu kuno pada awal abad Masihi.

Menurut Nik Shuhaimi Abd. Rahman (2011:25)²⁸, sejak awal abad Masihi kawasan ini sudah diperintah oleh raja Melayu *Langkasuka* dan *Pan-Pan*. Fakta tersebut dikuatkan dengan adanya bukti arkeologi yang terdiri daripada candi dan artifak lain di Lembah Bujang, Kedah (Nik Shuhaimi: 2011:22)²⁹. Kerajaan-kerajaan Melayu kuno yang dimaksudkan itu melingkupi kawasan yang luas, bukan sahaja Kedah, Pulau Kelumpang dan Perak, tetapi juga Kelantan, Terengganu, Pekan, Kedah Tua, Johor dan Temasik. Fakta itu menunjukkan bahawa sebelum kelahiran Melaka, johor, Pahang, dan

²⁶ Tome Pires dalam A.C. Milner, "*Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*". Tucson: University of Arizona Press, 1982, hlm. 3.

²⁷ Ahmad Jelani Halimi, "*Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka Abad ke-15 Hingga ke-18*". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

²⁸ Fakta-fakta arkeologis zaman logam yang ditemukan di Lembah Bernam, Lembah Sungai Lembing, Klang, Muar, Jerneh dan Kuala Terengganu menyokong argumentasi bahawa, pada masa tersebut telah wujud orang Melayu di kawasan Semenanjung Tanah Melayu iaitu sebelum 500 SM. Pada zaman Logam orang Melayu telah memiliki teknologi membina kapal layar untuk melakukan perdagangan laut. Lihat dalam Nik Hassan Nik Shuhaimi Abd. Rahman (Ed.). "*Alam Melayu: Suatu Pengenalan*". Bangi: ATMA-Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011, hlm. :25.

²⁹Lihat Nik Hassan Nik Shuhaimi Nik Abd. Rahman (ed.), *Alam Melayu, Suatu Pengenalan*. Bangi: ATMA-Universiti Kebangsaan Malaysia Press, 2011, hlm.22.

lainnya sememangnya telah ada kerajaan Melayu kuno dengan ciri kebudayaan Hindu dan Buddha.

Sementara itu, di dalam sumber lontara Bugis telah tercatat maklumat mengenai orang Melayu; seperti perkataan *Malaju* mlju (ertinya: Melayu), *Malajué* mljuea (ertinya: orang Melayu) dan *to Malaju* tomlju (artinya: orang Melayu). Terdapat pula maklumat yang merujuk orang Melayu dari segi negeri mereka berasal, misalnya: *Malaka* mlk (dibaca: Melaka) dalam teks Attoriolong Suppa'; *Johoro* jhoro (dibaca: Johor) atau *Joro joro* (dibaca: Johor) dalam teks Attoriolong Tanete ; *Paayang* pay (dibaca: Pahang) dalam teks Patturioloang Gowa; *Marakabo* mrkbo (dibaca: Minangkabau) dalam teks Lontara Tanete; *Pattani* ptni (dibaca: Pattani) dalam teks *Lontara Sanrabone*; *Cempa* cEP (dibaca: *Champa*) dalam teks *Attoriolong Gowa*. Maklumat seperti itu penting bagi mengidentifikasi mereka, sekaligus membezakan mereka dengan orang Melayu daripada Bajo, Buton, Ternate, Bima, Bali, Jawa, Banjar yang tidak diliputi dalam kajian ini, walaupun kesemua mereka digolongkan sebagai orang daripada rumpun Melayu.

Mengikut pengertian Winstedt (1981:4), kawasan orang Melayu adalah melingkupi juga di Kepulauan Melayu, Formosa, Filipina dan beberapa puak yang mendiami wilayah Indocina. Keseluruhan penduduk bumiputera di kawasan tersebut dilihat sebagai satuan-satuan etnik daripada rumpun Melayu. Oleh itu, orang Bali, Bima, Ambon, Manado, Bugis, Makassar, Buton, Ternate dan lainnya adalah satuan-satuan etnik yang digolongkan ke dalam rumpun Melayu.

Konteks orang Melayu dalam kajian ini tidak lain daripada penduduk yang berasal daripada kawasan Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera, meliputi Melaka, Johor, Pahang, Pattani, Champa, Minangkabau, Aceh, dll. Nama-nama tempat orang Melayu itu sesuai dengan nama yang tercatat dalam teks-teks *Attoriolong* Bugis dan Makassar dengan peristiwa pada tempoh abad ke-15 sehingga abad ke-17. Tempoh masa sekitar 200 tahun itu dikenali sebagai masa berlangsungnya penghijrahan orang Melayu ke Sulawesi Selatan. Pada masa kini nama negeri orang Melayu dari Tanah Semenanjung Melayu itu seperti Melaka, Johor dan Pahang merupakan bahagian daripada negara Malaysia. Sementara itu kerajaan Pattani menjadi dari negara Thailand,

manakala negeri seperti Aceh, Sriwijaya, Jambi dan Minangkabau menjadi bahagian negara Republik Indonesia.

2.5 TRADISI MERANTAU DAN ADAPTASI ORANG MELAYU

Merantau³⁰ diertikan sebagai mengembara atau berlayar ke mana-mana, melimbang, mencari kehidupan membawa nasib. Dari segi sejarahnya, tradisi merantau memiliki peranan yang besar bagi membina dan memajukan setiap individu, keluarga dan masyarakat. Sehingga sekarang merantau merupakan salah satu daripada aspek kehidupan yang masih diamalkan bagi orang Melayu. Khazin Mohd Tamrin (dalam Abdullatif Abu Bakar, 2001:73)³¹ mengatakan, bagi orang Melayu, tradisi ini merupakan salah satu faktor yang boleh mempertingkatkan imej, status, taraf sosial dan ekonomi. Oleh itu tidaklah menghairankan tradisi merantau orang Melayu ini telah diperturunkan daripada generasi ke generasi.

Tradisi merantau telah banyak memberi faedah besar kepada masyarakat Melayu dari segi ekonomi serta pelbagai bidang kehidupan lainnya. Di samping itu, pengalaman kepada negeri yang diteroka di luar negeri, sama ada di tanah seberang Nusantara atau tempat-tempat lain di luar Nusantara amat berharga untuk mendapatkan nilai hidup baru. Perantau melihat dan mengalami secara langsung mengenai tamadun dan perkembangan-perkembangan yang berlaku di kawasan lain. Sampai di sini dapat difahami bahawa orang Melayu memang telah memahami pentingnya setiap individu terdedah kepada dunia luar. Maka tradisi merantau tersebut sesuai dengan ungkapan Melayu “jauh perjalanan luas pandangan”.

Norhalim Hj Ibrahim (1993)³² mengatakan, pada asasnya orang Melayu melakukan perantauan menuju sebuah petempatan bukan untuk mewujudkan sebuah

³⁰ Haji Zainal Abidin Safarwan. *Kamus Besar Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur, Utusan Publication and Distributors Sdn Bhd., 2002. Hlm. 1500.

³¹ Abdullatif Abu Bakar, *Adat Melayu Serumpun: Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah*. Kuala Lumpur: Penerbit University Malaya, 2001, hlm.74.

³² Norhalim Hj Ibrahim, *Adat Perpatih, Perbezaan dan Persaman dengan Adat Tumenggung*, Kuala Lumpur, Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1993, hlm. 81-82.

negeri baharu. Akan tetapi, mereka bermaksud mencari penghidupan di luar negeri sendiri dan membuat petempatan yang lebih bersifat sementara. Apabila sampai masanya, maka mereka akan balik ke negeri asalnya. Namun, petempatan itu tidaklah ditinggalkan begitu sahaja, sebaliknya digantikan oleh pendatang baru. Kecuali kerana disebabkan faktor tertentu, keadaan dan persekitaran, maka ada di antara perantau yang menetap terus di petempatan itu. Petempatan sementara itu kemudian menjadi petempatan kekal. Dalam masa yang berterusan, maka semakin ramai pendatang yang tinggal di petempatan itu sehingga kawasan hunian tersebut akan mencapai pembentukan “nagari”. Kumpulan para perantau biasanya didirikan di kawasan-kawasan strategik dengan tujuan untuk melakukan aktiviti ekonomi serta berhubung dengan kumpulan-kumpulan sosial lainnya.

Para perantau sering menghadapi pelbagai masalah di lingkungan baharu yang didatanginya terutama dalam hal asimilasi dengan anak watan. Bahkan tidak menutup kemungkinan mereka akan menghadapi penentangan daripada anak watan setempat. Walaupun seandainya tidak ada penentangan, namun pihak pendatang tetap perlu menjalin hubungan baik-baik dengan anak watan tersebut untuk menghindari sebaran gangguan sosial dan keamanan.

Dalam hal adaptasi, sepertimana yang diungkapkan oleh Khazin (1984)³³ bahwa, ada tiga peringkat yang berlaku bagi perkembangan masyarakat pendatang iaitu: 1) penempatan; 2) penyesuaian; dan 3) asimilasi penuh. Sehubungan dengan hal itu Merton (dalam David Kaplan, 2002:83) mengatakan bahawa, untuk mencapai adaptasi menyeluruh atau asimilasi yang penuh itu, maka akan menempuh proses dan masa yang panjang sehingga beberapa lapis keturunan. Proses wujudnya asimilasi dalam masa yang panjang itu, kerana sememangnya yang baik adalah asimilasi melalui proses perlahan, yang sukar dan meyakinkan. Sekaitan dengan proses asimilasi itu, maka Kaplan (2002:82) mengatakan bahawa proses adaptasi dapat berjalan baik apabila institusi atau kegiatan budaya berfungsi dengan baik. Selanjutnya, sebuah institusi sosial dalam sesebuah negeri dikatakan ‘fungsional’ apabila dapat memberikan andil bagi adaptasi atau penyesuaian sistem sosial tertentu. Sebaliknya, sebuah institusi sosial dapat dikatakan ‘disfungsional’ apabila melemahkan proses adaptasi sosial.

³³ Khazin Mohd. Tamrin, *Orang Jawa di Selangor*, {Penghijraan dan Penempatan 1880-1940, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 101.

Proses adaptasi orang-orang Melayu di Sulawesi Selatan telah menempuh cara *modus Vivendi* atau aturcara tolak ansur (Mattulada,1982). Proses ini berlangsung dalam berbagai pola, antaranya adalah: 1) asimilasi melalui perkawinan dengan orang tempatan; 2) penyesuaian diri dan kumpulannya melalui penerimaan, pengakuan hak dan adat-istiadat orang tempatan; serta 3) memohon restu daripada pihak kuasa tempatan di wilayah berkenaan. Bentuk-bentuk adaptasi ini juga merupakan proses yang dilakukan oleh perantau-perantau Minangkabau dan Jawa di Semenanjung Tanah Melayu (Nelmawarni, 2011:190). Jika proses adaptasi ini telah berjaya, maka para kumpulan perantau barulah membuka tanah baru untuk memulakan membina ladang, lahan bertani, perniagaan dan sebarang aktiviti kehidupan lainnya.

Pihak pendatang terkadang memiliki latar belakang budaya dan pengalaman yang lebih maju berbanding dengan orang tempatan. Maka, kalangan pendatang itu dapat menjadi agen kebudayaan dan pembaharu kehidupan bagi warga tempatan atau anak watan. Di samping itu, walaupun telah hidup dan bergaul dengan masyarakat tempatan, namun pihak pendatang yang berkemampuan tersebut pada kenyatannya tetap boleh melaksanakan tradisi mereka di tempat barunya. Hal itu telah ditunjukkan oleh perantau Minangkabau di Negeri Sembilan dengan melakukan hubungan baik-baik dengan orang Jakun. Newbold (1971)³⁴ dan Winstedt (1934)³⁵ bahawa orang Jakun sebagai penduduk asli di Rembau menerima impak positif daripada pendatang Minangkabau dengan mengenali dan memeluk ugama Islam. Hubungan kedua-duanya pun menjadi harmonis manakala perantau-perantau Minangkabau telah berkahwin dengan perempuan-perempuan Jakun.

Fenomena hubungan sosial yang harmonis antara penduduk tempatan dengan pada pendatang juga terlihat di Sulawesi Selatan, khasnya di dalam kerajaan Gowa pada abad ke-16. Raja Gowa X Karaeng Tunipallangga Ulaweng (1548-1566) telah menerima orang Melayu dengan baik, kemudian memberinya petempatan kepada mereka yang datang itu. Namun, disebalik itu Tunipallangga juga memperoleh kesempatan yang

³⁴ Newbold, T.J. "Sketch of the Four Menangkabowe States in the Interior of the Malayan Peninsula, dalam J.M. Moors (ed.), 1983, hlm 255; Newbold, T.J. *British Settlements in the Straits of Malacca*, 2 jil. John Murray, London, 1839, hlm.77, cet semula Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.

³⁵ Winstedt, R.O. "History of Negeri Sembilan" dalam JMBRAS, 12, 1934, hlm.43.

baik untuk mengembangkan teknologi dan keterampilan bagi kerajaan Gowa dengan memperoleh sokongan daripada orang-orang Melayu di bidang pembangunan. Tunipallangga memanfaatkan keahlian orang Melayu itu untuk sebarang keupayaan seperti pandai emas, pandai besi, juru bangunan, pembuat benteng, pembuat perahu dan timbangan (Mks: *dacing*). Karaeng Tunipallangga juga membentuk jawatan setiap bidang teknologi itu yang disebut “Anrong Guru”. Disamping itu Tunipallangga menggalakkan pula kemampuan prajurit Gowa dengan melatih tenteranya menggunakan senjata sumpitan, membuat ubat bedil, membuat senjata dan tukang gerinda. Masing-masing bidang tersebut diangkat seorang sebagai kepala pelaksana adalah pakar yang antaranya daripada kalangan orang Melayu (Sagimun, 1975:59).

Pelbagai keupayaan yang dimiliki oleh pendatang seperti yang telah dikemukakan di atas, maka pihak kuasa tempatan dapat menerima dan mengambil manfaat bagi pembangunan kehidupan. Selain itu, dengan berlakunya hubungan perkahwinan dengan penduduk tempatan, maka pihak pendatang dapat diterima sebagai bahagian daripada masyarakat tempatan dengan proses dan masa tertentu. Fakta-fakta seperti itulah yang menjadi latar belakang berlakunya proses adaptasi antara orang Melayu di pelbagai kawasan di Nusantara. Kes itu berlaku di Sulawesi Selatan antara orang Bugis-Makassar sebagai penduduk asli dengan orang Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera sebagai pendatang.

Lantas bagaimana orang Melayu dapat melakukan adaptasi dengan alam dan penduduk tempatan di rantau khasnya di Sulawesi Selatan? Alam kehidupan orang Melayu yang berciri maritim memiliki kesamaan alam dan kehidupan masyarakat Bugis dan Makassar yang berciri maritim pula. Konteks alam dan budaya yang tidak berbeza itulah menghantarkan orang Melayu dapat beradaptasi dengan baik di Sulawesi Selatan. Orang Melayu pendatang dapat melancarkan aktiviti hidupnya bersama-sama masyarakat tempatan, misalnya berdagang, melakukan perniagaan dan pelayaran antarpulau. Yang jelas adalah kedua-dua pihak menjalin hubungan dan kerjasama dengan memperoleh manfaat antara satu dengan lainnya. Proses hubungan sosial itu telah menempuh masa yang panjang sehingga menciptakan hubungan sosial yang semakin akrab bagi kedua-dua pihak. Pada sisi yang lain, kesamaan ciri fisik, akar budaya dan tradisi maka

memungkinkan adaptasinya semakin lebih mudah dan tidak dihambat oleh faktor-faktor lainnya.

Selain daripada itu, Islam yang menjadi agama yang sama dianut oleh orang Melayu di Nusantara, kemudian faktor ikutan yang sangat tinggi peranannya untuk menghubungkan keakraban dan solidaritas antara orang Melayu pendatang dengan penduduk tempatan. Oleh itu, institusi-institusi budaya dan sosial seperti itulah yang menghantarkan wujudnya hubungan mesra antara orang Melayu pendatang dengan orang Bugis-Makassar di Sulawesi selatan.

Salah satu fenomena penting yang dilakukan perantau adalah melakukan pembukaan petempatan baru. Seperti hanya yang sudah disinggung sebelumnya bahawa orang Melayu sudah datang ke Sulawesi Selatan sejak dari awal-awal lagi. Bahkan dipastikan lebih awal sebelum jatuhnya Melaka oleh Portugis pada tahun 1511. Selain melancarkan aktiviti perniagaan, antara orang Melayu itu banyak pula yang memang mencari tempat baru untuk melangsungkan kehidupannya yang lebih damai. Oleh itu, ketika mereka mendarat di Sulawesi Selatan maka mereka meneroka petempatan baru dengan membuka kampung-kampung hunian di pelbagai wilayah kerajaan.

Seperti yang dikemukakan Samad Idris dkk (1994:169)³⁶, pola meneroka orang Melayu Minangkabau di tempat-tempat rantaunya, pada awalnya hanya membina hunian terkecil yang disebut *taratak*. *Taratak* tidak lebih daripada sekadar petempatan awal yang mungkin terdiri daripada beberapa buah bangsal sementara. *Taratak* tersebut biasanya berada sekeliling hutan rimba. Pokok-pokok di sekitar bangsal-bangsal tersebut akan ditebang serta semak samun akan ditebas untuk dijadikan petempatan atau lahan pertanian. Kehidupan peringkat ini para peneroka belum menetap. Masa terus berlanjut, *taratak* pun bermetamorfosis menjadi kampung, dimana lahan petempatan dan pertanian semakin diperluas dan bangsal-bangsal ditukar menjadi rumah yang lebih kekal. Proses metamorfosis terus berlanjut merentasi masa yang lebih lama lagi sehingga wujudlah

³⁶ Tan Sri A. Samad Idris, Norhalim Hj Ibrahim, Haji Muhammad Tainu, Dharmala N.S., *Negeri Sembilan Gemuk Berpupuk Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*. Diterbitkan oleh Jawatan Kuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, 1994, hlm. 169.

sebuah petempatan yang disebut “nagari”³⁷. Fakta petempatan yang lebih kompleks mengenai “nagari” itu misalnya telah wujud di Rembau di Semenanjung Tanah Melayu yang diasaskan oleh perantau-perantau orang Minangkabau.

2.6 ASAS KETERBUKAAN ORANG BUGIS-MAKASSAR DAN ORANG MELAYU

Dalam lontara Atoriolong Bugis dan Makassar yang sudah diberikan kod B, C, E, H, J, K dan L ada dirakamkan sejarah perkembangan dinasti raja-raja Bugis dan Makassar sejak awal penubuhan kerajaan yang berkenaan di Sulawesi Selatan. Sehubungan itu, kisah Tomanurung ‘To Sangiang’ dalam naskah arttorilong Bugis itu adalah tentang orang ‘asing’ yang sudah ditabalkan sebagai raja pertama di Tanete (Agangnionjo). Kisah kehadiran Tomanurung dalam Lontara Tanete (naskah L) sudah dipetik di bawah ini untuk rujukan selanjutnya:

Pada suatu waktu orang Pangi naik gunung berburu sehingga sampai di puncak gunung Jangang-Jangang. Mereka masuki ke dalam hutan dan menemukan sebuah guci (*balubu*) yang berisi air. Di dalam hati orang Pangi berkata, “adakah gerangan orang yang bertempatan di tempat ini?”. Mereka pun mencari-cari orang lain, namun yang didapatinya hanyalah dua orang suami isteri yang di atas kepalnya sebilangan burung beterbangan. Mengapakah Tuan berada di tempat ini? Di sinilah kami diizinkan Dewata (Tuhan) untuk tinggal. Dari manakah gerangan kampung halaman Tuan? Kami tidak dapat memberitahu kalian, sebab hanya empat jualah kemungkinan asal-muasal kita semua: *Barat, Timur, Selatan, dan Utara*. Itulah, kami tidak tahu, yang manakah di antaranya asal-muasal kami. Muncullah kecurigaan dalam hati orang Pangi, “mungkinkah gerangan orang ini wujud gaib dari *Tomanurung* ataukah orang *Tompo* yang datang bertempatan di sini? Orang-orang pun menyaksikan keanehan banyaknya burung-burung berada di sekitar kedua orang itu.

(Sumber: naskah L)

Pada akhir ceritera *Tomanurung* itu ada nama To Sangiang. Beliau yang sudah ditabalkan menjadi raja Tanete itu telah melahirkan tiga orang anak yang mewarisi kuasa dalam kerajaan Tanete. Kisah itu sudah tersebar sebagai mitos tentang asal usul kewujudan kerajaan di Sulawesi Selatan. Mitos Tanete itu juga tersebar sebagai tradisi

³⁷ Proses pembentukan kawasan baru untuk mencapai tahap *nagari* di Minangkabau melalui lima tahap, iaitu bermula dengan pembukaan taratak, kampung, dusun, koto, kemudian menjadi nagari. Apabila semua syarat-syarat menjadi lengkap dari segi sosial, ekonomi dan politik, barulah terbentuk sebuah nagari.

Tomanurung *Matasilompoé* di Bone, terutamanya tentang Tumanurung³⁸ Puteri Tammalate di Gowa, Simpursiang di Luwu, La Temmamala di Soppeng, La Bangéngé di Bacukiki, Puang Palipadang dan Embong Bulan di Enrekang, Songko' Mpulawengnge di Sidenreng, Pattimanratu di Balusu, Totompo³⁹ Wé Tépulingé di Suppa' dan Sawitto. Sebelum para Tomanurung didaulatkan menjadi raja maka terlebih dahulu melakukan kontrak politik (*gouvernement contract*) dengan rakyat yang diwakili Dewan Hadat kerajaan (Zainal Abidin, 1983)⁴⁰.

Setelah dikaji, rupanya sikap keterbukaan orang Bugis dan Makassar itu sudah terbayang dalam sistem adat *Pangadereng*, iaitu sesebuah sistem normatif yang mengandungi prinsip dasar yang berfungsi menata hubungan dan pergaulan sosial masyarakat. Sehubungan itu, antara lima unsur *Pangadereng*⁴¹ Bugis dikenal adanya "*Rapang*". *Rapang* diidentifikasi sebagai sistem yurisprudensi khasnya mengatur prinsip-prinsip, pola hubungan persaudaraan dan hubungan antarindividu, antarkumpulan, antarmasyarakat dan antarkerajaan. Menurut Mattulada (1985)⁴², *Rapang* berfungsi

³⁸ Pengertian *Tomanurung* bagi masyarakat Bugis dan Makassar adalah sama, hanya perkataannya yang menunjukkan sedikit berbeza oleh kerana bahasa tuturannya berbeza. Perbezaann perkataan tampak penggunaan vocal pada suku kata awal: *To* (Bgs: *Tomanurung*) dan *To* (Mks: *Tumanurung*). Kata *Tumanurung* atau *Tomanurung* memiliki erti yang sama iaitu "orang" yang turun ke bumiataudunia tengah (*lino*). Ceritanya mengungkapkan, orang yang turun itu disebut tidak dikenali siapa nama dan asalnya. Kecuali, ianya muncul seketika ditandai reaksi alam: turun hujan lebat, cuaca gelap gulita, muncul sinar terang dan berpancar di atas' langit, dll). Sosok Tomanurung dikisahkan memiliki keberibadian dan kualiti melebihi kalangan awam, sehingga ia dianggap mampu memimpin kaum (rakyat) untuk menjalankan pentadbiran negeri. Dengan melalui kontrak politik lebih awal, sehingga menjadi azas bagi didudukkannya sebagai pemimpin kerajaan. Dalam Andi Zainal Abidin, "*Capita Selecta Sejarah Sulawesi Selatan*", Makassar: Lephass UNHAS, tahun 1999.

³⁹Kisah kedatangan *Totompo* yang lahir daripada air/ lautan (dunia bawah), merupakan formula simbolik peralihan dari "bawah ke atas" iaitu dari lautan/air menuju daratan (*peretiwi*). Dalam Andi Zainal Abidin, "*Capita Selecta Sejarah Sulawesi Selatan*", Makassar: Lephass UNHAS, tahun 1999.

⁴⁰ Lihat Prof. Dr. Andi Zainal Abidin, S.H., *Persepsi Orang Bugis, Makassar Tentang Hukum, Negara dan Dunia Luar*, Bandung: Alumni, 1983.

⁴¹ Ada lima unsur *Pangadereng* Bugis yang saling kuat-menguatkan adalah 1) Ade' 2) Bicara 3) *Rapang*, 4) Wari' dan 5) Sara'. Dalam Mattulada, "*Latoa, Satu Lukisan Analitis terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*". Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, 1985.

⁴² Lihat Mattulada, "*Latoa, Satu Lukisan Analitis terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*", Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, tahun 1985, hlm. 377-378.

sebagai: 1) stabilisator undang-undang agar tindakan dan perilaku manusia dari masa ke masa tetap konsisten; 2) sebagai pelindung hak kepemilikan awam dalam kerajaan; dan 3) melindungi individu dari bahaya. Ketiga-tiga fungsi *Rapang* tersebut memainkan peranan penting dalam menguatkuasakan negara serta menstabilkan masyarakatnya. Pada hakikatnya *Rapang* adalah sistem normatif yang menjadikan manusia sebagai pusat kegiatan untuk mencapai kebajikan dengan menjaga hak-hak kehidupannya secara bermartabat. Sampai di sini dapatlah difahami bahawa '*Rapang*' itu turut mengatur sikap dan hubungan sosial orang Bugis-Makassar dengan pihak luar.

Dari segi makro, *Rapang* dapat mempertemukan antara negeri satu dan negeri lainnya untuk mengadakan ikatan persahabatan. Seumpamanya, perjanjian rapang antara kerajaan Bone dan Gowa⁴³ yang dipanggil '*Uluadae ri Caleppa*' (Bgs) atau '*Ulukanaya ri Caleppa*' (Mks), adalah perjanjian rapang⁴⁴ sebagai tanda perdamaian antara Bone dan Gowa. Secara historis, sebelum wujudnya perdamaian itu, telah berlaku peperangan dalam masa panjang antara Bone dan Gowa. Gowa di masa pemerintahan Tunipallangga (1548-1566) telah menyerang Bone dalam rangka menaklukkan kekuatan Bugis yang sudah kuat itu. Sehingga dibawah pimpinan I Taji Barani Karaeng Tunibatta, raja Gowa XI, Gowa terus menerus melanggar Bone yang dianggapnya menjadi penghalang ke atas rancangan perluasan hegemoni Gowa ke seluruh wilayah Bugis di bahagian utaranya.

⁴³ Perjanjian Bone dan Gowa lazim dipanggil dalam bahasa Bugis "*Uluadae ri Caleppa*" dan dalam bahasa Makassar dipanggil "*Ulukanaya ri Caleppa*". Sebagai perjanjian perdamaian antara kedua-dua kerajaan terbabit. Perjanjian itu berlangsung pada tahun 1546 dimana pada masa itu kerajaan Bone dipimpin oleh La Tenrirawe Bongkangnge, sementara pihak kerajaan Gowa dipimpin oleh I Mangonrai Daeng Mameta Karaeng Tunijallo sebagai raja Gowa XII. Perjanjian itu berlatarbelakang peperangan yang berlaku pada kedua-dua pehak, dimana di dalam perang itu raja Gowa bernama Kareng Tunibatta (raja Gowa XI tewas dipenggal oleh pasukan Bone. Pada waktu itu Karaeng Tunibatta berusia 48 tahun dan baru 40 hari menduduki istana Gowa. Lihat Sagimun MD, "*Sultan Hasanuddin Menentang VOC*". Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Proyek Biografi Pahlawan Nasional, tahun 1975, hlm. 62-65.

⁴⁴ Pelbagai Lontara Bugis dan Makassar mencatatkan bahawa perjanjian persahabatan yang menjadi *Rapang* antara kerajaan-kerajaan di Sulawesi Selatan telah mewarnai sejarah kehidupan kerajaan Bugis, Makassar, Mandar dan Toraja. Antara nama perjanjian *Rapang* yang dimaksudkan adalah "*Lamumpatie ri Timurung*" sebagai Perjanjian antara Bone, Wajo, dan Soppeng yang dikenali pula dengan nama *Tellumpocoe* pada abad XVI; *Rapang Topaceddo* yang merupakan perjanjian antara Wajo dan Luwu pada abad XVI; "*Limae Ajatappareng*" perjanjian persekutuan antara lima kerajaan wilayah barat beranggotakan Sidenreng, Sawitto, Suppa', Rappang, dan Alitta, perjanjian *Rapang* antara Baroko (Enrekang) dengan Makale; dan lainnya. Sebahagian perjanjian ini telah disebutkan oleh Mattulada (1985), Andi Zainal Abidin (1999), Andi Palloge (2005) dan Macknight (1993).

Pada pertempuran di Pappolo - dalam wilayah kerajaan Bone - yang berlangsung seru, pihak Bone dapat mengalahkan Gowa. Dalam pertempuran itu, I Taji Barani Karaeng Tunibatta dan raja Sanrabone yang memimpin penyerangan itu ditewaskan oleh perajurit Bone dengan senjata kelewang. Perajurit Gowa pun tercerai-berai. Walaupun Bone menang dalam peperangan itu, namun raja Bone tetap mengekalkan sikapnya berbaik-baik dengan menghormati adat berperang. Ini bermakna, jenazah raja Gowa diperlakukan dengan sewajarnya, dihantar secara rasmi ke istana Gowa oleh perajurit raja Bone. Impak daripada peperangan sudah membuat pihak Gowa sedar untuk mengadakan perundingan damai “Rapang” dengan Bone. Dalam perundingan damai itu pihak Gowa diwakili Karaeng Tunijallo dan Tumenanga ri Makkoayang dengan dibantu Gallarang Mangasa dan Lo’mo Manrimisi; sementara pihak Bone diwakili La Tenrirawe Bongkangngé bersama-sama penasihat utama kerajaannya yang bernama Kajaolaliddo (Sagimun, 1975:62-65).

Hal yang patut dicatat dalam perjanjian ‘Uluada ri Caleppa’ itu ialah wujudnya ‘Rapang’ yang menjadi asas perdamaian antara kerajaan Gowa dan Bone yang berisikan kesepakatan. Sehubungan itu, dalam lontara Gowa (naskah H) dan Lontara Bone⁴⁵ ada catatan tentang kesepakatan itu yang mencakupi garis sempadan wilayah kerajaan kedua-duanya dengan terperinci. Antaranya adalah seperti yang berikut: 1) wilayah di bahagian barat Sungai Walanae (*Salo Walennaé*) hingga wilayah utara Ulaweng diserahkan kepada kerajaan Bone; 2) Sungai Tangka (*Salo Tangka*) menjadi batas persempadanan antara Bone dan Gowa. Daerah di bahagian selatan Sungai Tangka adalah masuk ke dalam wilayah kekuasaan Gowa, sedangkan di bahagian utara sungai itu masuk ke dalam wilayah kekuasaan Bone; 3) wilayah Cenrana menjadi wilayah di bawah kekuasaan kerajaan Bone. Butiran lain daripada rapang daripada ‘Uluada ri Caleppa’ itu yang mengatur pola relasi antara masyarakat kedua-dua kerajaan itu berbunyi:

Musuh-musuh kerajaan Gowa adalah musuh-musuhnya pula raja atau kerajaan Bone. Demikian pula sebaliknya, musuh-musuh raja atau kerajaan Bone adalah musuh-musuhnya pula raja atau kerajaan Gowa. Rakyat Gowa yang memasuki wilayah kerajaan Bone adalah seperti layaknya mereka memasuki negerinya

⁴⁵ Lontara Bone adalah salah satu naskah daripada kumpulan koleksi naskah pada Laboratorium Naskah, Jurusan Sastra Bugis-Makassar, Fakultas Sastra Universitas Hasanuddin, Makassar, Provinsi Sulawesi Selatan.

sendiri. Sebaliknya pula, rakyat Bone yang masuk ke wilayah kekuasaan Gowa adalah seperti layaknya berada di negerinya sendiri.”
(Sumber: naskah H)

Pada hakikatnya, Rapang yang menjadi perjanjian antara Gowa dan Bone itu adalah perjanjian perdamaian yang membawa kepada terjalinnya hubungan persaudaraan antara kedua-dua pihak itu. Selain itu, ia juga mengandungi makna wujudnya hubungan sosial yang baik, sekaligus membuka mobiliti sosial, perlakuan dan pemerian keamanan individu dari wilayah seberang. Seterusnya dalam perjanjian itu terdapat juga ayat yang memperjelaskan pola hubungan sosial antara Bone dan Gowa yang berbunyi: “ Jika orang Bone ke Gowa walaupun hanya semalam, maka dirinya diperlakukan sebagai orang Gowa; Jika orang Gowa ke Bone meskipun duduk semalam, maka dirinya juga diperlakukan sebagai orang Bone”. Perjanjian itu telah memberi makna besar kepada pembentukan hubungan persahabatan antarkerajaan Bone dan Gowa, sekaligus telah meletakkan batu asas kepada persaudaraan orang individu dalam masyarakat yang berkenaan. Yang lebih penting lagi adalah perjanjian itu telah menolong mewujudkan perdamaian dan kerukunan hidup dengan berpandukan saling menghormati hak-hak peribadi di kedua-belah pihak. Sehubungan itu, sistem adat pangadereng itu pada dasarnya sudah membentuk sikap orang Bugis-Makassar secara meluas terhadap orang luar atau pendatang, termasuk- orang Melayu yang telah berkampung di Sulawesi Selatan.

Sementara itu, orang Melayu, bersikap menghormati adat-istiadat tempatan dan serumpun, meskipun pada sisi lain mereka cenderung kekal kepada mengamalkan budaya dan adat-istiadat asal mereka. Dengan itu, mereka dipandang memiliki keperibadian “terbuka”, yakni membuka diri kepada dunia luar serta mampu beradaptasi dengan lingkungan baharunya (Khazin Mohd Tamrin, 2001:80-82)⁴⁶. Sikap kerbukaan orang Melayu itu memberi jaminan baik kepada membina kerukunan dan keharmonisan hidup di mana-mana sahaja mereka membina kampung, terutamanya di Sulawesi Selatan. Itulah sebabnya penduduk tempatan Sulawesi Selatan menerima baik pendatang Melayu, sementara orang Melayu pula telah berjaya membina kehidupan dengan berintegrasi

⁴⁶ Khazin Mohd Tamrin dalam “*Adat Melayu Serumpun*” diselenggarakan oleh Abdul Latief Abu Bakar, penerbit: Kerajaan Negeri Melaka dan Perbadanan Muzium Melaka. Tahun 2001. Hlm. 80-82.

dengan baik dengan orang Bugis dan Makassar di segala lapisan masyarakat.. Lebih daripada sekadar diterima, orang Melayu sejak awal kedatangannya lagi sudahpun disambut dan diberi tempat tinggal khas dengan masyarakat itu diberi perlindungan hak-hak kehidupan melalui jaminan hukum dari penguasa.

Khasin Mohd Tamrin (2001) dalam kajiannya telah mendapati sifat dan pembawaan orang Melayu yang mudah menyesuaikan diri dengan adat dan lingkungan di kawasan baru itu adalah antara nilai hidup yang sentiasa diamalkannya. Tradisi merantau bagi orang Melayu telah memberikannya faedah besar dalam kehidupan sosial dan ekonomi. Perkenalan orang Melayu dengan tanah baru memberikan nilai hidup baru untuk menggerakkan kemajuan hidup dan pergaulannya dengan masyarakat luar. Itulah sebabnya orang Melayu mewarisi petua keramat yang berbunyi “masuk kandang kerbau menguak” yang telah mendarah daging pada mereka. Dengan itu, mereka tahu manfaat positif mengenali mesti menyesuaikan diri dan mengikut adat resam orang tempatan dengan berakulturasi dan berintegrasi dengan masyarakat tempatan. Kesemua itu bermula daripada minda dan sikap keterbukaan orang Melayu itu yang akhirnya sudah menstimulasi berhasilnya perubahan dan perkembangan pemikiran dan pengetahuan dalam pelbagai aspek kehidupannya. Di sini, merantau dan berdagang memang bukanlah perkara baru kepada orang Melayu, lebih-lebih lagi orang Melayu dari Minangkabau yang memang ada tradisi merantau di kalangan orang lelaki. Sikap keterbukaan mereka terhadap dunia luar dengan diiringi ‘sikap menghormati’ adat-istiadat tempatan, telah membuka jalan baru kepada proses akulturasi dan integrasi orang Melayu di negeri rantau khususnya di Sulawesi Selatan.

Antara bukti pengadaptasian sosial yang dilalui orang Melayu di Sulawesi Selatan ialah pemakaian nama baru mereka dengan menggunakan sistem penamaan orang Bugis-Makassar semenjak datang ke Sulawesi Selatan. Dalam teks-teks Bugis dan Makassar boleh dijumpai orang Melayu telah menggunakan nama menurut logat Bugis atau Makassar. Antara nama yang dijumpai adalah Wé Tépulingé, I Rerasi dan Daeng Mangaweang. Ketiga-tiga orang ini tidak lain adalah orang Melayu yang menjadi penghijrah di Sulawesi Selatan pada masa awal. Pola adaptasi nama menurut sistem nama dalam masyarakat Bugis-Makassar itu juga dilakukan orang Cina di Makassar semenjak abad ke-18. Orang Cina khususnya yang Muslim biasanya menggunakan sebutan di awal nama “Intje” dengan diikuti nama dirinya (nick name). Misalnya Intje

Balitong, Intje Cukka (Cauko), Intje Tjoa, Inje Aboe, *Intje Taha* (Yerry Wirawan, 2013:49-57). Selain itu orang Cina peranakan di Makassar juga menggunakan kata identiti khas “Baba” di depan nama mereka, misalnya Baba Aboe dan Baba Moendo.

Seterusnya, antara implikasi daripada integrasi orang Melayu dengan orang Bugis dan Makassar di Sulawesi Selatan ialah mereka berjaya dan diterima sebagai pedagang, pentadbir, dan lain-lain yang diterima untuk berkahwin dengan orang tempatan. Gejala itu dicatatkan di dalam manuskrip. Misalnya dalam *Lontara Gowa* (naskhah H) dan *Lontara Tanete* (naskhah L), ramai ulama, pedagang dan elit-elit Melayu pendatang sudah berkahwin dengan bangsawan Bugis dan Makassar sejak masa awal lagi. Daripada perkahwinan itu telah lahir keturunan orang Melayu-Bugis yang kemudian menjadi sebahagian daripada generasi baharu orang Bugis-Makassar. Perkahwinan yang berlaku dalam Suppa’, Tanete, Siang, Tallo, Sanrabone, dan Gowa dan yang sudah banyak dicatatkan dalam naskhah-naskhah lontara (naskhah A, E, F, G, H, I, J dan K). Perkahwinan sebagai diplomasi utama dalam proses integrasi orang Melayu dengan elit Bugis-Makassar akan diperkatakan selanjutnya dalam Bab 5.

2.7 RUMUSAN

Naskhah lontara adalah hasil daripada tradisi penulisan dan penyalinan di Bugis dan Makasar masa lalu. Naskah itu adalah satu-satunya sumber maklumat peribumi yang diwarisi sehingga kini. Oleh sebab itu, kesemua naskah lontara itu sangat penting untuk mengkaji pelbagai aspek kehidupan masyarakat Bugis dan Makasar ratusan tahun dahulu. Bila direnung kembali, ternyata lontara adalah salah satu media asas kepada orang Bugis-Makassar mencatatkan dan mendokumentasikan pelbagai ilmu pengetahuan, peristiwa dan maklumat masa dahulu. Kalau demikian, ribuan naskhah Bugis-Makassar perlu dikaji untuk mengetahui sosio-budaya dan sejarah orang Bugis dan Makassar. Dalam konteks ini, perhatian adalah diberi kepada keberadaan orang Melayu di Sulawesi Selatan pada abad ke-15 sehingga ke-17. Daripada lontara yang dikaji itu, dapatlah diketahui dengan lebih baik penghijrahan orang Melayu dari Melaka, Johor, Patani, Pahang, Champa dan Minangkabau ke Sulawesi Selatan. Mereka sudah mendirikan kampung halaman dan berintegrasi dengan orang Bugis dan Makassar. Kedatangan mereka bukan sahaja kerana kepentingan ekonomi, politik, ugama, dan budaya, tetapi

juga muhibah persaudaraan. Kesemua itu telah berkembang menjadi tradisi. Daripada kesemua perkembangan itulah dapat diketahui pandangan hidup (*life view*) mereka.

Untuk kajian itu, sebanyak 12 buah naskah lontara yang terdiri daripada *Attoriolong*, catatan harian dan *I La Galigo* sudah digunakan. Sudah juga dinyatakan ada beberapa daripada naskah itu telah dikaji sarjana Eropah dan orang tempatan sebelum ini. Mereka mendekati naskah itu dari segi filologis dan historiografi. Antara naskah itu adalah: 1) naskah A, telah ditransliterasi oleh Abdurahim Borahima (1996)⁴⁷; 2) naskah C, sudah diedisi oleh J. Noorduyn (1955)⁴⁸ dalam tajuk *Kronik Wajo*; 3) naskah D, sudah diedisi Djirong Basang dkk, serta W. Cummings (2010)⁴⁹; dan 4) naskah L, sudah diedisi oleh G. K. Niemann (1883), selain sudah diterjemahkan oleh Basrah Gissing (2002). Meskipun sebahagian teks naskah yang digunakan itu telah disunting, namun bahagian-bahagian teks yang digunakan sebagai kutipan dalam kajian ini sudah dilakukan penyesuaian kaedah bahasa dari segi penyajian transliterasi dan terjemahannya. Bahagian teks yang sudah ditransliterasi itu sudah juga diolah dengan menerapkan sistem pengalihan aksara berdasarkan kaedah-kaedah bahasa Bugis atau Makassar yang piawai.

⁴⁷Lihat Abdul Rahim dan Ridwan Borahima, “*Sejarah Kerajaan Tallo*”; Ujung Pandang: Lembaga Sejarah dan Antropologi, 1975

⁴⁸Lihat Noorduyn, “*Een Achttiende-Eeuwse Kroniek van Wadjo*”. Buginese Historiografie. Gravenhage: N.V. Nederlandse Boek En Staeendrukkerij (Smits), 1955.

⁴⁹Cummings, William.”*The Makassar Annals*. (translated and edited) Bibliotheca Indonesia published by the KITLV. Leiden: KITLV Press, 2010.

BAB III

ALAM, MASYARAKAT DAN AKTIVITI MARITIM BUGIS-MAKASSAR

Penduduk Sulawesi Selatan adalah sebahagian daripada rumpun Melayu-Austonesia yang dipercayai sudah ada sejarah sekitar 40.000 tahun sebelum Masihi (Göhlich,1991). Kalau demikian, maka agama penduduk Sulawesi Selatan pada peringkat awal sama dengan kepercayaan orang Melayu-Austronesia yang lain: animistik, mempercayai kuasa alam dan kekuatan roh-roh nenek moyang. Kepercayaan ini berterusan sehingga masuknya agama Hindu-Buddha kira-kira 1500 tahun sebelum masuknya agama Islam pada kurun ke-13 di Alam Melayu di kedua-dua belah Selat Melaka. Tetapi, agama Islam hanya masuk ke Sulawesi pada awal abad ke-17 sebagai agama rasmi kerajaan tempatan. Selepas itu, orang Bugis dan Makassar telah menjadikan agama Islam sebagai asas identiti budaya mereka, selain menjadikan syariat Islam sebagai asas pentadbiran dan pengurusan kerajaan. Perkembangan itu berlatarbelakangkan perdagangan dan pelayaran yang menjadi komponen penting dalam penjalinan hubungan antara orang Melayu dengan orang Bugis-Makassar. Sehubungan perdagangan dan pelayaran, Stapel (1667) dan Pelras (2006:141) mengatakan, pada pertengahan abad ke-15, pelaut-pelaut Bugis telah melakukan lawatan ke Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera. Mereka berinteraksi dengan peniaga Melayu Muslim khususnya di bandar Melaka. Daripada interaksi tersebut, peniaga Melayu tertarik hati untuk melakukan pelayaran balasan ke pulau Sulawesi.

3.1 CIRI ALAM DAN GEOGRAFI SULAWESI SELATAN

Dari segi geografi, Sulawesi berada di zone *Wallacea*, maka ia mempunyai sumber flora dan fauna yang sangat beragam dan istimewa. Yang lebih menarik lagi menurut HeeKeren (1972:66-72) adalah alam di Sulawesi Selatan dipercayai telah mempunyai penghuni semenjak pertengahan masa pleistosen, iaitu sekitar 50,000 sehingga 30,000 tahun sebelum Masihi. Pendapat HeeKeren itu adalah berdasarkan data situs Walennae di Cabbenge¹, Soppeng serta penemuan alat serpih (*flakes*) dan fosil haiwan gajah kecil (*stegodon*) yang berasal dari zaman pleistosen. Setelah zaman pleistosen itu berakhir, alam ini sudah mengalami penaikan permukaannya sehingga terbentuklah daratan. Lama kelamaan kehidupan flora dan fauna telah bermula, sehingga periode datangnya orang yang dipanggil *Indo-Malay* (Belwood, 2000:3)² pada 40,000 tahun lalu.

Cerita tentang masa purbakala itu sudah terakam dalam mitologi Bugis kuno, termasuk kisah asal-mula kejadian bumi "*Assalenna Linoe*" yang juga mengungkapkan proses dan struktur alam semesta di Sulawesi Selatan. Kesemua itu telah memberi kekuatan kepada hujah dan pendapat HeeKeren yang disebut tadi. Kisah mengenai kejadian bumi atau daratan Sulawesi Selatan masa dahulu kala itu yang tercatat dalam "*Assalenna Linoe*" adalah seperti yang dipetik di bawah ini:

Transliterasi
hlm.1

¹ Anggapan HeeKeren ini dibantah oleh Sartono (1979a) dan Bartstra (1978c) yang mengungkapkan bahawa, diduga – namun tidak dipastikan – bahawa alat-alat batu yang ditemukan di Cabbéngé berasal daripada endapan sungai yang bertekstur kasar dari kala Pleistosen dan tulang-tulang haiwan yang terdapat dalam endapan ini, kemungkinan terbawa masuk ke dalam endapan ini dari formasi yang lebih tua". Lihat dalam Bellwood, "*Prasejarah Indo-Malaysia*" Edisi Revisi, Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama. 2000, hlm. 93.

² Istilah Indo-Malay diperkenalkan Peter Bellwood, Kawasan Indo-Malaysia mencakup semua pulau Indonesia dan Malaysia, termasuk Malaysia di selatan Thailand. Filipina juga merupakan bahagian perluasan ke arah utara kepulauan Indo-Malaysia. Kawasan ini merupakan kawasan orang-orang penutur bahasa Austronesia. Kawasan inti Kepulauan Indo-Malaysia terbentang dari kira-kira 7°U (semananjung utara dan Borneo) sampai 11°S (Sumba Timor) dari hujung Barat Sumatera sehingga Maluku. (Walker 980:21) menyebutkan ekosistem dalam kawasan Indo-Malaysia paling rumit di dunia, areanya terletak di bawah 1.000 m daripada permukaan air laut, langit-langit hutannya menaungi belukar yang cukup padat terdiri daripada pohon yang dapat hidup di tempat teduh, semak-semak, dan pohon muda yang bersilangan dengan sudut-sudut dan penuh dengan benalu. Pakar botani selalu terkesan pada vegetasi kawasan Indo-Malaysia kerana kekayaan flora dan faunanya, 50% family tanaman di dunia terdapat di kawasan ini. Dalam Bellwood, "*Prasejarah Indo-Malaysia*", Edisi Revisi, Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama, 2000, hlm. 3.

Pau-pau to riolo mula naoki' toriolota ri daung-daung rilulung/ Riolo ladde' uwaé maneng mupa lise'na linoé/ Tekkédo teng bombang teng nairing anging nariasenna lino teng risseng kira-kira ittana/ Mappenna mallébéng mattasi' uwaéwé nariasenna tasi'/ Nainappani metti taccéddé'-céddé'/ Nainappani mompo bulué mattuppuseng massusungeng/ Natuoini lengge'-lengge'é/ serri-serri/ ajukajung/ Iyana naonroi mabbija binatang olokolo' marenni' maraja/ Engka tona tau monro ri wawona bulué iyana riaseng to lino/ Naiya bulu mula mompoé Lantimojong manorang/ Wawakaraeng maniang/ Tasi' mupa pallawangenna/

hlm.2

naonroi balé madduparupang mabbija/ Naiya tau linoé monroé ri wawona bulué masussa mupi sialliwe-liwengeng siattékka-tékkang/ Makkuniro naengka akkalenna mébbu rai/ natonangi/ nattokkongi/ nawiséi/ nappakkennai sompe' naolai siattékka-tekkang/ Naiyaro wettué maégana pottanang mompo naonroi tauwé mabbanuwa/ Naiya Dewataé Sangiangngé/ ri Kaéyangeng/ ri Latte'é Patotóé/ Palinge'é naitana mallise' linoé nauloni Manurung ri Attang Ware' / ri linoé/ lolllong assakkekenna/ Ana' rijajianna riasengngé La Toge'langi Bataraguru/

(Sumber: naskhah koleksi UNHAS)

Terjemahan:

hlm.1

Cerita nenek moyang yang tertulis di atas gulungan daun/ Dahulu kala, buminya berupa genangan air / Tidak ada ombak, angin tak berhembus, masanyatak dapat dikira/ Oleh kerana Air penuh dan meluap sehingga disebutlah lautan/ Air laut susut sedikit demi sedikit sehingga muncullah jejeran dan susunan gunung / Hiduplah tanaman humus, rerumputan dan tumbuh-tumbuhan/ Menjadilah tempat berkembang biaknya binatang, kecil dan besar/ Kemudian muncullah orang yang berdiam di puncaknya, merekalah disebut manusia penghuni bumi/ Adapun gunung yang mula muncul ialah Lantimojong di bahagian utara dan Wawakaraeng di Selatan/ Keduanya dipisahkan oleh lautan...

hlm.2

yang tempat hidupi kan-ikan beaneka macam/ Orang yang tinggal di puncak gunung sulit saling mengunjung/ Sehingga muncullah akalunya membuat rakit tumpangannya, memakai kayu penolak, mengayuh dayung sehingga memasangnya layar, menjadilah alat penyeberangan/ Semakin ramai daratan pada masa itu yang muncul menjadilah tempat hunian manusia/ Dewata Sangiang di Kayangan di Langit, sang Penentu Nasib Datu Palinge' di Selatan Ware' lalu mengutus anak kandungnya, La Patigana Bataraguru, bersama kelengkapannya ke dunia.../ (terjemahan pengkaji)

Ternyata bahawa mitos kosmologi itu sudah menggambarkan kejadian proses awal pada alam sehingga bermulanya kehidupan manusia. Turut pula dikisahkan di dalamnya adalah dua kelompok manusia yang paling awal yang dipercayai telah hidup di Sulawesi Selatan, iaitu di bahagian utara di gunung Latimojong dan kelompok di bahagian Selatan di Gunung Bawakareng. Kedua-dua kelompok manusia itu hidup

terpisah kerana dihalangi gunung yang menjadi tempat kehidupannya dengan dibatasi dataran rendah yang digenangi air. Lama kelamaan, air laut itu semakin surut dan muncullah daratan yang luas. Demikianlah gambaran cerita purbakala tentang kehidupan di Sulawesi Selatan untuk sekian lama, sehinggalah bermulanya kehidupan dan peradaban Bugis-Makassar di Sulawesi Selatan.

Narasi kosmologi tentang gunung Latimojong di wilayah utara Sulawesi Selatan adalah asas masyarakat Bugis, sementara Gunung Bawakaraeng di bahagian selatan pula adalah asas penempatan masyarakat Makassar yang paling awal di Sulawesi Selatan. Sehubungan itu, teori-teori alamiah yang dikemukakan oleh Alfred Russell Wallace yang mengidentifikasikan alam Sulawesi Selatan yang mempunyai permukaan yang istimewa itu telah mengalami proses alamiah dalam masa yang panjang. Ciri-ciri khas geografi alam di Sulawesi Selatan itu dipanggil dengan nama “Wallacea” kerana alam yang tergolong dalam kawasan itu telah berevolusi sebagai zona ketidakstabilan lapisan luar dengan munculnya permukaan daratan yang kemudiannya telah dipisahkan oleh dua cekungan samudera dalam proses kenaikan darat dan penurunan laut³.

Alfred Russell Wallace, seorang pencinta alam semula jadi (naturalis) berbangsa Inggeris, telah membahagikan permukaan kepulauan Indonesia kepada tiga kawasan fauna dan flora. Wallace menunjukkan keanekaragaman flora dan fauna di tempat masing-masing itu sebagai keistimewaannya sekaligus membezakannya satu wilayah dengan wilayah yang lain. Beliau membuat garisan dari utara ke selatan melalui Selat Makassar dan Selat Lombok, dengan garisan itu membelok ke arah timur; kemudian ke arah utara dan kembali membatasi Sulawesi, Maluku dan Nusa Tenggara daripada kepulauan sekitarnya. Garisan di bahagian tengah inilah yang dipanggil nama wilayah Wallacea.

Menurut Wallacea, ada fauna Sunda, fauna Wallacea dan fauna Australia di Indonesia dengan menunjukkan bukti daripada jenis binatang yang istimewa di ketiga-tiga wilayah tadi. Misalnya, orang utan adalah binatang unik yang hanya ada

³Ingeborg Gohlich, *Wo Die Menschen Gern Lachen: Eine Reise Durch Sud-Sulawesi*. (Terj. Gairah Hidup di Bumi yang Hijau: Perjalanan Melalui Sulawesi Selatan., Ujungpandang: Hasanuddin University Press. 1990.

di Sumatra dan Kalimantan, begitu pula dengan gajah Asia; sedangkan badak hanya dijumpai di Jawa Barat dan Kalimantan. Semua tempat itu terletak di wilayah Sunda. Sebaliknya, wilayah Wallacea di Sulawesi, terdapat binatang seperti Anoa, babi rusa dan burung Maleo. Di wilayah Wallacea ini terdapat biawak komodo di Pulau Komodo. Biawak ini adalah jenis kadal yang terbesar di dunia dengan panjang badannya mencecah tiga meter. Sementara itu, di Irian Jaya (sekarang bernama *Papua*) yang terletak di wilayah arah utara Australia pula dikurniakan keindahan dunia burung; dari 42 jenis burung Cenderawasih yang ditemukan di dunia, 36 daripada jenis itu hidup di Irian Jaya.



Rajah 3.1 Zon Wallacea
(Sumber: LEPHAS 10)

Dari segi geografi Pulau Sulawesi telah disebut sebagai wilayah kawasan timur oleh orang-orang Barat yang berkunjung ke Nusantara semenjak pertengahan abad ke-16. Sementara itu, Nusantara pula adalah sebuah konsep tentang kawasan yang terdiri daripada gabungan Kepulauan Sunda Kecil, Timor, Maluku, Irian Jaya dan sekumpulan pulau kecil lain yang terletak berdekatan di antara pulau-pulau besar tersebut. Kesemua tempat ini yaitu Sulawesi Selatan, Sulawesi Tengah, Sulawesi Utara, Sulawesi Tenggara, Gorontalo, Nusa Tenggara Barat, Nusa Tenggara Timur, Maluku, Irian Jaya, Irian Barat - telah dipersatukan di bawah pemerintahan Republik Indonesia, kecuali Timor-Timur

telah keluar daripada Indonesia untuk menjadi sebuah negara tersendiri pada tahun 1999 dipanggil “Timor Leste”.

Gambaran tentang peta dan kedudukan dan juga saiz Pulau Sulawesi masih kabur bagi orang Eropah sebelum tahun 1625. Pelaut-pelaut Eropah khususnya pada pertengahan abad ke-16 menganggap daratan Sulawesi Selatan terpisah dengan daratan Sulawesi Utara. Gambaran yang tidak jelas tentang fizikal Pulau Sulawesi bagi orang Eropah itu lebih disebabkan tidak ada jalur darat yang dapat menghubungkan Sulawesi Selatan ke daratan semenanjungnya. Ini disebabkan topografi alam di Pulau Sulawesi yang didominasi gunung yang memanjang dari selatan sehingga ke utara, maka tidak memungkinkan adanya jalur daratan, kecuali melalui lautan. Oleh yang demikian, orang Eropah masa itu hanya mengira pantai utara Sulawesi dan pantai baratnya yang menyatu sebagai Pulau Sulawesi, tetapi belum mengenali pantai timurnya. Hanya orang Eropah ramai singgah dan tinggal di Makassar selepas tahun 1625, lebih-lebih lagi setelah membuka pejabat perdagangan baharulah mula dibuat peta yang lebih baik dan praktikal⁴.

Pulau Sulawesi terletak di antara 2° garis lintang Utara dan 5° garis lintang Selatan. Miller (2011) mengatakan Sulawesi adalah sebuah pulau yang bentuknya menyerupai *amoeba*, sesuatu haiwan yang bentuknya berubah-ubah. Selain itu, Göhlich (1991) menyebut Sulawesi sebagai pulau yang indah dengan bentuknya menyerupai bunga angгриk yang menggapaikan kuntumnya ke empat arah mata angin. Dengan keluasan sebesar 189.000 km persegi, Sulawesi adalah pulau yang keempat terbesar di Indonesia setelah Kalimantan, Sumatera dan Irian Jaya (Papua). Ia terletak di sebelah timur Kalimantan (*Borneo*) dan di sebelah baratnya terletak Maluku dan pulau-pulau besar seperti Halmahera, Morotai, Sula, Buru, Seram dan Ambon. Semasa zaman plaitosen, permukaan di Sulawesi adalah benua tersendiri yang menyatu dengan Maluku dan Nusa Tenggara, dengan diapit lempeng Sunda dan lempeng Sahul. Posisinya strategik sebagai tempat persinggahan dan laluan pelayaran antara kepulauan Maluku dengan Melaka melintasi Selat Selayar dan Buton. Struktur fizikal dan garisan pantai Sulawesi Selatan pada abad ke-16 tidak jauh berbeza dengan yang ada pada masa sekarang (lihat Peta 3.2).

⁴ Christian Pelras, *Manusia Bugis*. Nalar, Jakarta, 2006, hlm 6..

Menurut Miller (2011)⁵, orang Portugis adalah bangsa Eropah yang pertama mendarat di Sulawesi Selatan dalam rangkaian perjalanannya ke kawasan timur untuk mencari rempah-ratus. Pendaratan orang Portugis pada separuh awal abad ke-16 itu masih mendapati situasi Sulawesi Selatan belum diperhitungkan oleh bangsa Eropah dari segi ekonomi. Namun pada separuh kedua abad ke-16 aktiviti perdagangan di Sulawesi Selatan sudah berkembang pesat. Seperti yang diungkapkan oleh Navarrete, seorang biarawan Dominika Spanyol yang telah tiba di Makassar pada tahun 1657, mengatakan bahawa sejak lapan dekad sebelum tahun 1657 Sulawesi Selatan khususnya kota Makassar, adalah tempat pengeluaran beras yang melimpah. Sombaopu adalah salah satu pelabuhan penting di Sulawesi Selatan bagi perdagangan pada tempoh itu. Mulai pertengahan abad ke-16 kerajaan Gowa telah menjadikan Sombaopu sebagai pelabuhan utama dalam jalur perdagangan bagi kawasan Timur dan Barat Nusantara. Lokasi Sombaopu yang strategik serta memiliki laluan yang lebih pendek berbanding dengan jalur Selatan Laut Jawa dari Melaka menuju Maluku, laluan itu menjadi daya pikat bagi peniaga-peniaga antara pulau.

Sementara itu, orang Melayu yang datang pada peringkat awal adalah untuk berdagang. Mereka dikatakan tidak langsung menuju ke Gowa, tetapi memilih Siang dan Suppa' di pantai barat Sulawesi. Hal yang dinyatakan Navarrete itu sangatlah tepat, kerana kerajaan Siang, sudah menempuh kejayaannya lebih awal daripada Gowa, setelah membina pelabuhan yang sangat penting bagi para pedagang Nusantara. Orang Melayu yang disebut sebagai pedagang yang penting itu berasal dari kepulauan di bahagian barat Nusantara dan Semenanjung Tanah Melayu. Mereka telah membuat pelabuhan-pelabuhan pesisir barat Sulawesi Selatan, tidak terkecuali pelabuhan Siang, sangat sibuk

⁵Tahun 1512 adalah masa yang penting bagi Kawasan Indonesia Timur khususnya Makassar dan Maluku bagi pembentukan awal jaringan perdagangan dan pelayaran dunia dengan produk rempah-ratus istimewa sama ada cengkik, pala dan lawang. Kepulauan Maluku – terutama Ternate dan Tidore- menjadi wilayah impian untuk dikunjungi oleh para pedagang dan pelaut Eropah; Para sejarawan menyebutnya sebagai “pencarian panjang harta karun terbesar”. Daerah pusat perdagangan ini yang mulai berkembang kemudian menjadi tujuan dua pelaut yang terkenal pelayarannya mengelilingi dunia iaitu Magellan (1521) dan Drake (1579). Ternate dan Tidore akhirnya menjadi pelabuhan penting untuk mengisi perbekalan kapal-kapal mereka selama pelayaran panjang dan mengangkut barang berharga yang menguntungkan bila dijual di pasar Eropah. Lihat George Miller, “*Indonesia Timur Tempo Doeloe 1544-1992*, Jakarta: Komunitas Bambu, 2011, hlm.xxiv-xxv.

dengan aktivitas niaga. Semenjak kejatuhan Meaka di tangan Portugis tahun 1511, bilangan pedagang Melayu dan Jawa sudah semakin meningkat.



Peta 3.2 Pulau Sulawesi
Sumber: ATLAS Ilmu Pengetahuan Sosial Indonesia dan Dunia 2012

Lebih menarik lagi ialah Navarrete⁶ menceritakan apa yang dilihat dan dialaminya sepanjang masa dia tinggal di Makassar selama dua tahun, iaitu 1657-1658. Darpada kisah itu, kita dapati Makassar pada abad ke-17 sudah memainkan peranan sebagai pelabuhan perdagangan yang penting di Indonesia Timur sehinggakan dapat bersaing dengan Belanda dalam perdagangan rempah-ratus. Selain itu, kota Makassar sudah berkembang menjadi pusat politik, ekonomi dan ugama. Sehingga ditakluki Belanda bersama Bone pada tahun 1667, Makassar sudah mencatatkan kegemilangannya

⁶ Lihat Navarrete dalam George Miller “*Indonesi Timur Tempo Doeloe 1544-1992*, Jakarta: Komunitas Bambu, tahun2011.

di bawah kepemimpinan Karaeng Pattingaloang, seorang penasihat raja Gowa yang cekap. Sebagai pelabuhan yang menjadi pusat perdagangan yang terkenal, Makassar sudah disinggahi kapal-kapal dagang dari seluruh pelusuk Nusantara. Selain itu, banyak pula kapal-kapal dagang dari Siam, Kemboja, Inggris, Perancis, Denmark, Portugal, Belanda dan Spanyol (Mattulada, 1982:34). Pada pertengahan abad XVI, sudah ada seramai 3000 orang Portugis tinggal di Makassar setelah Melaka jatuh ketangan Belanda pada tahun 1641.

Selain kedudukan geografinya yang strategik sebagai tempat pelintasan, peniagaan dan pelayaran antara pulau, Makassar juga dikurniai ciri alam persekitaran yang menarik dan indah. Pada pertengahan abad ke-17, Navarrete sudah terpesona dengan daya tarikan Makassar dengan pemandangannya yang mempesonakan, maka dapat memberi pengalaman manis bagi para pendatang. Pokok palma⁷ yang dilihat Navarrete itu disebutnya sebagai yang terindah di dunia dengan cahaya matahari tidak boleh menembusi dedaunannya. Deretan pokok palma itu lebih dari satu liga atau kurang daripada empat batu. Sulawesi Selatan dengan topografi gunungnya di tengah pulau yang membujur di tengah dari selatan ke utara dengan lautan di sisi timur dan baratnya itu sangatlah indah dengan teluk Bone di sebelah timurnya dan Selat Makassar di bahagian baratnya.

Pulau Sulawesi yang dikelilingi laut, maka telah menjadi laluan dan pelintasan pelayaran dan perdagangan antara pulau masa itu. Situasi tersebut kemudian membentuk pulau Sulawesi dengan karakter budaya maritimnya yang unggul. Laut Sulawesi di bahagian utaranya adalah jalur pelayaran lama yang sudah menghubungkan Makassar dengan Laut China Selatan melewati Sulu, dengan jalur pelayarannya ke timur menuju ke Laut Maluku dan Samudera Pasifik. Laut Sulawesi dan Selat Makassar sudah menjadi jalur pelayaran yang penting, apalagi terdapatnya Laut Jawa di sebelah selatan dan Laut Banda di sebelah timurnya. Pelayaran dari luar wilayah memasuki Laut Sulawesi itu

⁷Perihal pokok Palma itu, Reid menyebutkan nama dan jenis pokok yang berbeza sepertimana yang disebutkan oleh Navarrete. Menurut Reid, pokok bukan palem seperti yang disebut oleh Navarrete, melainkan pokok "kelapa". Lihat Reid, "Asia Tenggara Dalam Kurun Niaga 1450-1680. Jilid 1: Tanah di Bawah Angin. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, tahun 2011, hlm.100.

mempunyai jaringan pintu masuk ke Selat Makassar. Yang menarik di sini adalah Selat Makassar sudah menjadi lalu lintas perairan yang penting dari segi hubungan dengan dunia luar dan telah membuka jalan baru kepada kedatangan awal orang Melayu ke Sulawesi Selatan. Itulah antara sebab-sebabnya daerah-daerah di pesisir barat Sulawesi Selatan, sama ada Siang, Tanete, Bacukiki dan Suppa' sudah menjadi destinasi kedatangan orang Melayu masa itu dengan disusuli orang Portugis .

Dalam teks *I La Galigo* ada disebut daerah-daerah di bahagian barat itu yang lazimnya dikenali dengan nama *Wewanriu*. Etniknya berlatarbelakang suku Bugis, kecuali Siang yang disebut etnik Makassar. Hubungan antara Luwu sebagai pusat pengisahan kisah epic-mitis *I La Galigo* dengan wilayah *Wewanriu* itu ditempuh melalui pelayaran di lautan. Dikisahkan, apabila dilakukan pelayaran dari negeri Luwu yang berada di hujung dalam Teluk Bone, maka perjalanan menempuh ke arah selatan sehingga memasuki Selat Selayar. Daripada Selat Selayar itu, perahu kemudian berbelok ke arah kanan menuju sisi selatan kaki Sulawesi. Dari pantai selatan itu kemudian berbelok lagi ke kanan dengan memasuki laut Selat Makassar menuju arah utara. Wilayah atau petempatan yang ada di sepanjang tepi kanan Selatan Makassar itulah yang merupakan petempatan-petempatan yang disebut sebagai negeri *Wewanriu* masa lampau.

Selain laut diharapkan untuk sampai ke pesisir di Sulawesi Selatan, sungai juga memainkan peranan penting sebagai laluan tradisional untuk menghubungi tempat pedalaman. Di sini, Sungai Cenrana di Bone sangatlah penting untuk menghubungi perairan di Teluk Bone dengan pedalaman di negeri-negeri Bugis. Jalur itu dapat mencapai lokasi hingga ke sebelah timur Sungai Walanae yang sangat kaya dan subur. Sungai Cenrana juga ada hubungan langsung dengan Danau Tempe di bawah kerajaan Wajo.

Oleh sebab strategiknya kedudukan sungai Cenrana (Bgs: *Salo Cenrana*) maka ia telah menjadi zon perebutan antara kerajaan-kerajaan yang kuat, antara Luwu, Bone, Gowa dan Wajo sepanjang sejarahnya. Sebelum pertengahan XVI wilayah di sekitar Sungai Cenrana adalah wilayah taklukan kerajaan Luwu. Namun, semenjak tahun 1565, Raja Bone La Tenrirawe Bongkangngé (1560-1578) telah menjadi penguasa secara

rasminya di Sungai Cenrana dan wilayah lain di sekitarnya setelah merebutnya dalam peperangan dengan kerajaan Gowa. Meskipun Gowa dan sekutunya berulang kali melakukan penyerangan ke atas Bone untuk menguasai semula Sungai Cenrana yang penting dan strategik itu, namun percubaan itu selalu dipatahkan pihak Bone. Kegagalan yang berkali-kali dialami itu telah dideritai raja Gowa (Tunibatta 1566) setelah tewas di medan perang untuk menggempur perajurit-perajurit kerajaan Bone.

Pada abad ke-16, dikisahkan ada jalur perahu yang menghubungkan antara Sungai Cenrana dengan danau Tempe dan danau Sidenreng. Kisah itu dicatatkan dalam naskah C tentang perang Luwu dan Sidenreng pada abad ke-16. Tentera kerajaan Luwu di bawah kepimpinan Dewa Raja (1491-1521)⁸ sudah bersekutu dengan raja Wajo La Tadampare' Puang Rimaggalatung. Kedua-dua danau itu dilayari perahu tentera Luwu untuk menyerang kerajaan Sidenreng dan Belawa. Setelah perjanjian persekutuan yang dipanggil *Cepa'é ri Topaceddo* atau Perjanjian Topaceddo itu, maka angkatan perang Luwu telah melancarkan perang ke atas Sidenreng dengan menggunakan perahu untuk menyusup masuk ke dalam wilayah Belawa, kemudian terus ke Sidenreng. Sementara itu, pasukan Wajo pula telah menyerangnya dari jalur darat. Sehubungan itu, terdapat gambaran tentang itu yang dipetik daripada *Kronik Wajo* (naskah C) seperti yang diberi di bawah ini:

Transliterasi:

hlm. 27 (...) "*naompona ulenggé nalaona rimusu Luu'é to Wajoé/ Mallopiwi Luu'é , mallalenggi to Wajoé/ Nadduppang ri Témpé/ Nasitudangeng Datué Arung-Matowae. Nakkedana Arung Matowae: "Madécénggi Opu, aja' tapaitaiwi alé to Sidénrenggé/ Taro muni monro ri tappareng alau, tasuroi Luu'é pinru rai napennoiwi tapparenggé/ Tataroiwi jujju' tattellu séuwwa rai, essosi peddési. Nainappa tapaitaiwi lopi Sidénrenggé, maégapa taita rumpu api"/ Nakado Datué ri Luu'/ nalaona Wajoé tériwi Bélawa, natelloni Bélawa, Nanganro Arung Bélawa, ana'ni ri Wajo, teppekka élo tedduwa nawa-nawa, nasabbi Déwata Séuwaé/ (...)*

Sumber: naskah C)

⁸Lihat Calwell, *Chronology of the King List of Luwu to add 1611*, dalam Kathryin Robinsin and Mukhlis Paeni, *Living Through Histories : Culture, History and Social Life in South Sulawesi*, Camberra, 1998, hlm 39. Masa pentadbiran Dewa Raja setuju dengan masa pentadbiran Puang Rimaggalatung sebagai raja Wajoberdasarkan perhitungan daripada Andi Zainal Abidin. Sementara itu, perlu diketahui bahawa *Perjanjian Topaceddo* berlangsung setelah 20 tahun Puang Rimaggalatung diangkat menjadi raja atau Arung Matowa Wajo IV (1491). Keterangan lanjut lihat dalam Andi Zainal Abidin dalam "*Capita Selektta Sejarah Sulawesi Selatan*". Ujung Pandang: Lephass, tahun 1999, hlm. 57 dan 107.

Terjemahan:

hlm.27 (...) “Bulan telah terbit maka bergeraklah pasukan Luwu dan Wajo/Pasukan Luwu naik perahu, pasukan Wajo berjalan kaki/ Keduanya berjumpa di danau Tempe.Datu Luwu dan Arung-Matowa Wajo merundingkan siasat.Berkatan Arung Matowa: “Wahai Opu! Sebaiknya tidak menampakkan diri pada pasukan Sidénreng. Ambillah posisi di sebelah timur Danau, kemudian perintahkan pasukan Luwu membuat rakit sebanyak mungkin memenuhi Danau/ Pasani tiga obor tiap-tiap rakit, kalau siang tiba padamkan lagi. Jika sudah melihat banyak asap, maka tampilkanlah diri dengan perahu pada pasukan Sidenreng”/ Datu Luwu bersetuju/ Pasukan Wajo kemudian bergerak menyerang Belawa/ Belawa direbut dan tunduk pada Wajo dengan kesaksian Dewata/(...)

Menurut kisah itu, tentera pihak Luwu yang bermula dari hujung dalam teluk Bone telah menuju ke muara Sungai Cenrana, kemudian memasuki Sungai Cenrana sehingga sampai di Danau Tempe. Dari danau Tempe, tentera Luwu itu bergerak ke barat dengan menggunakan perahu sehingga masuk ke wilayah kerajaan Belawa dan Sidenreng. Ini menunjukkan ada kemungkinannya Sungai Cenrana dapat dihubungkan dengan “Danau Sidenreng” melalui Danau Tempe. Ini juga membuktikan bahawa Sungai Cenrana memang mempunyai kedudukan yang strategik sebagai jalur untuk sampai ke tempat-tempat di pedalaman kerajaan-kerajaan Bugis, sama ada Soppeng, Sidenreng, Rappang dan kerajaan-kerajaan bahagiannya (*vassal*) yang lain. Sementara itu, hipotesis yang ada pada masa lampau bahawa Danau Tempe dan Danau Sidenreng menyatu memanglah berasas seperti yang diujahkan Pelras (2006:141)⁹ yang mengatakan keduanya merupakan “satu danau”. Perahu-perahu yang berlayar di danau besar itu boleh sampai ke laut Teluk Bone melalui Sungai Cenrana.

Pada abad ke-15 orang setempat dapat melayari Sungai Cenrana dari muara Teluk Bone sehingga ke hulunya di Danau Tempe yang seterusnya dihubungkan dengan danau Sidenreng melalui jalur anak sungai. Sementara itu, danau Sidenreng juga dihubungkan dengan Selat Makassar yang terletak di sebelah baratnya. Itu juga dilakukan dengan melalui jalur anak Sungai. Dengan kata lain, jalur-jalur Sungai dari Danau Tempe dan Danau Sidenreng dapatlah dikatakan sebagai jalur tradisional yang dapat

⁹ Situasi alam Sulawesi Selatan yang digambarkan oleh Pelras tersebut adalah masa abad ke-16, dengan mengatakan bahawa bentuk fisik dan garis pantai Sulawesi Selatan pada abad ini tidak jauh berbeza dengan kondisinya alam masa sekarang. Perbezaan yang disebutkan hanya terjadi pada muara Sungai Saddang yang dahulu bermuara di Selata Makassar atau pantai barat di wilayah perantara Suppa dan Sawitto. Pelras mengemukakan pendapatnya itu berdasarkan pada, Pelras dalam, “*Wcki, Documenta Indica*” II:420-422.

menghubungkan antara Teluk Bone di timur dan laut Selat Makassar di barat. Jalur tradisional itu ternyata sudah menjadi laluan pelayaran air yang paling mudah untuk pengangkutan barang hasil mahsul selain komoditi perdagangan tempatan ke luar Sulawesi Selatan. Meskipun demikian, jalur air ini harus dikombinasikan dengan perjalanan darat. Sehubungan itu orang Bugis lazimnya akan menggunakan kuda untuk pembawa beban yang berat ke tempat yang jauh. Kes seperti ini adalah keperluan asas setempat yang memang sudah berkembang hampir-hampir di semua tempat di seluruh Asia Tenggara yang mempunyai ciri alamnya yang sama, sama ada di Burma, Thailand dan Vietnam.

3.2 LATAR BELAKANG MASYARAKAT SULAWESI SELATAN

Sejak dahulu lagi, orang Sulawesi Selatan adalah terdiri daripada etnik Bugis, Makassar, Mandar dan Toraja. Mereka adalah sebahagian daripada ras Melayu atau rumpun Melayu-Polinesia. Sehubungan itu, Mohd. Balwi (2005:7-9)¹⁰ berdasarkan bukti arkeologi mengatakan bahawa orang di Alam Melayu adalah berasal dari Alam Melayu sendiri dan bukannya berasaskan penghijrahan beramai-ramai dari tempat lain, termasuk dari Yunnan¹¹. Kewujudan masyarakat Melayu yang tersebar di merata-rata tempat

¹⁰Mohd. Balwi (2005) menyanggah teori yang mengungkapkan bahawa masyarakat yang tersebar merata di kepulauan Melayu atau Nusantara bukanlah rumpun atau ras yang melakukan penghijrahan beramai-ramai daripada Yunan, China. Masyarakat yang hidup tersebar di pelbagai kepulauan Pasifik dan kepulauan Polinesia adalah ras Melayu sendiri. Sementara itu Wan Hasyim Wan Teh (1996) menyebutkan adanya ras Melayu inti yang menempati kawasan khas iaitu di sekitar daratan Sunda sebagai ras Melayu Peribumi atau penduduk asal. Lihat Mohd. Koharuddin Mohd Balwi, *Peradaban Melayu*, Skudai, Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia, 2005, h. 6-9.

¹¹ Masyarakat Yunnan tiada sebarang ciri persamaan dengan masyarakat yang ada di alam Melayu. Daripada 26 kelompok etnik yang ada di wilayah Yunnan tidak terdapat satu pun yang mempunyai ciri-ciri persamaan dengan rumpun Melayu di alam Melayu ini. Bahkan, tidak terdapat pula hubungan budaya dan linguistik antara penduduk Yunnan dengan rumpun Melayu Champa di wilayah Indo-China. Wan Hashim memastikan, penyebaran orang Melayu yang merata-rata di kepulauan Pasifik dan Austronesia adalah bersal daripada rumpun Melayu sendiri. Tak terkecuali rumpun Melayu di Champa, nenek moyang mereka adalah orang Melayu yang telah berhijrah dari alam Melayu ke Utara sejak sebelum masihi. Bahkan beberapa rumpun Polinesia yang bertaburan di beberapa buah pulau seperti Paskah (*Easter Island*), Hawaii, New Zealand, rumpun Melayu di Malagasi (Madagaskar) dan rumpun Melayu pribumi di Taiwan; mereka masih mempunyai ciri persamaan dari sebagai rumpun Melayu di alam Melayu. Bukti-bukti tersebut mengesahkan kalau penduduk di Alam Melayu Nusantara sesungguhnya berasal dari Alam Melayu sendiri dan bukannya ras yang berasal dari Yunnan. Keterangan lanjut rujuk

di kepulauan Polinesia atau Pasifik itu adalah impak daripada proses penghijrahan dalaman, bukannya penghijrahan dari luar. Mereka itu adalah pendatang, maka telah mempunyai budaya dan latar belakang sosial yang sama. Dengan kata lain, ras Melayu yang tersebar luas di merata-rata tempat di permukaan bumi ini sesungguhnya mempunyai asal-usul yang paling awal yang dipanggil sebagai Melayu. Ras Melayu adalah orang peribumi atau penduduk asal di sekitar daratan Sunda. Hujah ini sejalan dengan Stephen Oppenheimer¹² (dalam Mohd Arof Ishak, 2007) yang telah melakukan pengkajian (*examined*) secara linguistik dan archeology. Oppenheimer berpendapat bahawa Sundaland merupakan homeland dan kawasan inti Melayu prasejarah atau yang disebut Austronesia. Oleh Mohd. Balwi (2005:9) mengatakan kawasan daratan Sunda itu merangkumi Semenanjung Tanah Melayu sehingga ke Segenting Kra (Thailand Selatan), Semenanjung Indo-Cina, Filipina dan keseluruhan kepulauan di Indonesia dan Borneo.

Berlatar belakangkan maklumat ringkas tadi, kita dapati ras Melayu meliputi ratusan etnik yang antaranya adalah Aceh, Bugis, Banjar, Batak, Champa, Jawa, Melayu-Riau, Makassar, Mandailing, Minangkabau, Kerinci, Kelantan, Patani, Rawa, Sunda, Melayu di Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Pattani dan Selatan Filipina. Ras Melayu-Polinesia ini dapat dihubungkan antara satu dengan yang lain kerana adanya persamaan bahasa atau linguistik. Selain itu, pertimbangan lain yang mendasarinya itu adalah mereka berasal daripada tempat yang sama. Dalam konteks ini, maka secara khasnya, orang di Sulawesi Selatan juga menunjukkan dirinya adalah sebahagian daripada ras Melayu, yang juga berkembang selain juga telah mengalami proses akulturasi sosial-budaya dengan orang Melayu dari kawasan Semenanjung Tanah Melayu.

Sehubungan itu, kerajaan-kerajaan tempatan di Sulawesi Selatan dianggarkan sudah bermula sejak abad ke-13 lagi. Era inilah Sulawesi Selatan disebutkan mula

Mohd, Balwi, "Peradaban Melayu", Skudai, Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia, 2005, hlm. 6-7.

¹² Lihat dalam Mohd Arof Ishak "The Malay Civilization". Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2007, hlm. 44-45.

mempunyai rekod sejarahnya (Mattulada, 1985:66)¹³setelah melewati suatu fase tamadun awal yang dipanggil periode *La Galigo*. Periode sejarah Sulawesi Selatan itu sudah menjadi komponen yang penting dalam sistem politik kerajaan-kerajaan lokal. Ini disebabkan pada periode inilah kerajaan-kerajaan lokal sudah lahir dan berkembang menjadi kerajaan yang mempunyai sistem politiknya yang khas (perkara ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam Bab 4).

Sementara itu, kisah tentang kerajaan-kerajaan awal ini dapat dicari dari naskah lontara, lebih-lebih lagi sumber *attoriolong* yang ditulis oleh masyarakat Sulawesi Selatan. Dalam lontara *attoriolong* memang dikisahkan bahawa orang setempat atau penduduk peribumi masa itu amatlah sedikit bilangannya. Ini juga bermakna, kampung-kampung yang ada masa itu juga tidaklah banyak. Kalau demikian, bolehlah kita bayangkan bahawa orang dan rumah pada masa itu berserakan jauh antara satu dengan yang lain. Kampung dan orang yang terpisah jauh antara satu dengan yang lain itu dikepong hutan belukar yang di dalamnya ada bermacam-macam binatang liar dan buruan. Pada itu, Wajo misalnya, belum wujud lagi sebagai kerajaan. Tempat yang dipanggil Wajo itu hanya terdiri daripada daerah kecil yang disebut *limpo*. Setiap *limpo* adalah satu desa kecil dimana orang yang terdiri daripada mereka itu terpaut dengan pertalian darah antara satu dengan yang lain. Mereka dipimpin oleh seorang kepala yang disebut *Matowa*. Unit-unit desa atau kaum kerabat yang mempunyai hubungan darah itu juga dipercayai sudah wujud di Bone, Luwu dan Gowa. Ini jelas terlihat dalam teks yang dikutip dari naskah B seperti yang ditunjukkan di bawah ini:

Transliterasi

hlm.1 (...) *Naiyaro wettué Boné mupa powaseng wanuwa sibawa Wéwanriu sibawa Awamponé iya muto riaseng Pajaréya iyatona Lamuru sibawa Marulu Watu iya kiya riyasengni Babauwaé/ Kuwaé topa Luwu erengngé Gowa/ Naiya riyolo biyasami to Bonéwé sibawa to Luwué lao nrengngeng koro rionronna aju majaé/ Nakko soroni nrengngeng to Wewanriwué iyaréga to Awamponé pada kuniro ri awana Pénrang marajaé soro maddeppungeng manré/ Naiya tosi Luwué nakko engkani nrengngeng pada kutosisa maddeppungeng manré nakko soroi riawana aju urai 'é battowaé/*

¹³ Masa sejarah Sulawesi Selatan menjangkau ke belakang sekitar abad-abad XIII sampai sekitar abad XVIII. Manakala antara periode Galigo sebagai periode awal kemudian menuju periode Lontara, ditandai dengan terjadinya masa kekacauan. Untuk mengembalikan keadaan yang tenteram, maka muncullah konsep penguasa bumi yang iaitu Tomanurung. Mattulada, "*Latoa: Satu Lukisan Analitis terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*". Yogyakarta: Gadjah Mada University Press., 1985, hlm. 66.

Naiya tana Wajo riolo riwettu dé'napa tau dé'manisa makkedaé niga punna tana/ Boné gaha/ Luwu gaha/ Gowa gaha/ nasaba' iya riyolo iya miro tellué mappakatéténg tana/ Naiya Wewanriwu palili'I ri Luwu nasaba' iyanaritu Cenrana sibawa Bola/ Ianaro powaseng Wewanriwu/(...)
(Sumber: naskah B)

Terjemahan

hlm.1 (...) Pada masa itu hanya dikenal Boné dan Wewanriwu sebagai wanuwa bersama Awampone / Tempat itulah yang disebut Pajaréya, Lamuru dan Marulu Watu yang dikenal dengan nama Babauwaé/ Demikian pula halnya Luwu dan Gowa/ Pada masa lalu hal biasa orang Boné dan orang Luwu bersama berburu di tempat Kayu Besar itu/ Jika orang-orang Wewanriwu atau Awampone beristirahat mereka berkumpul di bawah pohon Pénrang besar itu sambil makan-makan/ Sedangkan pemburu orang Luwu mereka berkumpul beristirahat dan makan-makan di bawah kayu besar di sebelah utara/ Adapun tanah Wajo pada asa lalu ketika belum berpenghuni tidaklah diketahui siapa gerangan pemilik tanah, apakah Boné, atau Luwu, atau Gowa/ Sebab pada masa lampau hanya ke tiga kerajaan itulah yang memiliki perbatasan negeri/ Adapun Wewanriwu adalah palili daripada Luwu/ Cenrana dan Bola, itulah yang disebut Wewanriwu/(...)

Maklumat dalam Lontara Wajo tersebut menyatakan masyarakat yang teridentifikasi itu adalah asas dalam pembentukan perkampungan etnik di Sulawesi Selatan seperti di Bone (kelompok Bugis Bone), di Luwu (kelompok Bugis Luwu) dan di Mangkasa (kelompok Makassar). Kumpulan orang di tempat-tempat tadi kemudiannya sudah membentuk kelompok yang lebih besar, yang kemudiannya telah menjadi asas pembentukan kumpulan yang lebih besar lagi dengan lebih ramai orangnya sehingga sudah membentuk perkampungan yang disebut *limpo*.

Kehidupan perkampungan yang disebut *limpo* itu selalu membentuk ikatan sosial yang kuat kerana hubungan perkahwinan. Perkahwinan itu kemudian membentuk ikatan kekeluargaan (*family* yang luas. Proses itu membuat unit sosial yang lebih ramai sehingga terbentuk hubungan genealogi disebut kelompok *anang* di setiap kampung Bugis dan Makassar. Persekutuan *anang* ini selanjutnya menjadi tunas kepada terbentuknya kepemimpinan yang bersifat per-*kaum*-an dengan adalah seorang pemimpin (*leader*) yang dalam bahasa Bugis dikenal sebagai *matowa*, *macoa*, *Jennang*, *lompo*, *to'do* (Mks: *Pacalaya*). Ikatan kolektif inilah yang menjadi inti atau dasar persekutuan petempatan dengan sistem organisasi sosial dan pemerintahan pada masing-masing kelompok masyarakat dalam setiap *wanuwa*. Pada setiap *wanuwa* atau kampung


pada zaman dahulu kala biasanya terdiri terdiri daripada sekumpulan keluarga sekitar sepuluh sehingga dua ratus rumah tangga (Mattulada, 1985:23)¹⁴.

Sehubungan itu, Bone pada peringkat awal sejarahnya dapat dijadikan contoh untuk menjelaskan organisasi sosial-politik tradisional di Sulawesi Selatan. Sebelum mempunyai organisasi politik pentadbiran kerajaan, di Bone terdapat kesemua unit-unit sosial yang disebut tadi: *matowa*, *Jennang* dan *to'do*. Namun demikian, di dalam sebuah *limpo* masyarakat di Bone itu bersifat tertutup dengan seorang kepala kumpulan sebagai pemimpin. Pemimpin itu lazimnya adalah daripada orang tua yang dihormati dalam unit masyarakat itu sendiri. Dia dipanggil *Matoa* atau *Pangulu Anang*. Dalam kerajaan Bone, daripada konsep dan sistem *Matowa* itu berkembang menjadi unit sosial perkauman yang disebut *Ade'* (hadat) iaitu semacam badan musyawarah. Hampir seluruh kerajaan-kerajaan tempatan, baik daripada etnik Bugis di Luwu, Soppeng, Barru, Sawitto dan Sidenreng mahupun daripada etnik Makassar di Gowa, Bangkala dan Sanrabone mempunyai sistem sosial yang teristimewa itu.

Daripada lontara dijumpai maklumat tentang masyarakat di Sulawesi Selatan yang terdiri daripada tiga kelompok masyarakat yang utama, iaitu Luwu, Bone dan Gowa. Pembahagian ini lebih menggambarkan perkembangan politik dan hegemoni kuasa di Sulawesi Selatan itu dipegang secara bergilir-gilir antara Luwu, Gowa dan Bone. Di sini, kaum Luwu telah mewakili kerajaan Bugis kuno, maka telah dipercayai meletakkan dasar ketamadunan Bugis di peringkat sejarah awal di Sulawesi Selatan antara abad ke-14 hingga ke-16. Sementara itu Gowa mewakili etnik Makassar yang memegang hegemoni pada abad ke-16 sehingga ke-17 dan akhirnya kerajaan Bugis Bone

¹⁴ Sekumpulan keluarga yang mendiami sebuah kampung asli biasanya menjalin pertalian darah antara satu dengan lainnya melalui perkahwinan. Kelompok masyarakat Bugistipe sekerabat ini disebut "*anang*", maka kepala kampung yang menjadi pucuk pimpinannya disebut *Pangulu Anang* atau "kepala persekutuan kampung". Rumah-rumah penduduk di dalam kampung biasanya didirikan di atas rumah-rumah berderet menghadap ke selatan atau ke barat. Jika terdapat sungai di dalam kampung, rumah-rumah mereka berdirimembelakangi sungai. Jika rumah di pinggir laut, maka berdiri membelakangi lautan. Pusat sebuah kampung lama ditandai adanya sebuah tempat keramat yang disebut *positana* "pusat tanah". Pusat tanah kampung ditandai oleh pohon beringin (*ajudara*). Terkadang pula tempat keramat itu terdapat rumah kecil yang disebut *saukang*. Di tempat inimenjadi pusat ritual masyarakat melakukan hubungan dengan *kuasa-kuasa* hidup. Upacara ritual kampung dipimpin oleh *Pinati*. Setelah agama Islam masuk dalam kehidupan orang Bugis, maka ritual-ritual tradisional itu mengalami perubahan. Lihat Mattulada, "*Latoa, Satu Lukisan Analitis terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*", Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, 1985, hlm. 22-23.

memegang kuasa dan membentuk kekuatan besar yang berkonsepkan *Sempugi* “Bugis Raya” dengan penyatuan bangsawan Bugis dan Makassar melalui perkahwinan (*diplomatic marriage*) sejak abad ke-17 .



Rajah 3.3 Pulau Sulawesi (*Celebes*) yang menunjukkan letak geografi Kerajaan Bone, Gowa dan Luwu.

Dalam historiografi Bugis, kerajaan Luwu sudah dikenali sebagai kerajaan yang tertua daripada sekitar lima puluh buah kerajaan besar dan kecil di Sulawesi Selatan. Ini bermakna Luwu adalah kerajaan utama Bugis kerana sudah memainkan peranan sebagai peletak batu asas peradaban Bugis. Kerajaan Luwu juga mengasaskan hegemoni politiknya dengan tradisi *tomanurung* dan ritual tradisional yang berasaskan kepercayaan kuno pra-Islam. Daripada catatan dalam dokumen yang dikaji kami dapati Luwu telah

mulai mundur sejak awal abad ke-16, maka sudah digantikan kerajaan Gowa, kemudian Bone sehingga pertengahan abad ke-20 (Ricklefs, 2008:98-99).

Sejak dahulu lagi orang Bugis dan Makassar telah menguasai tempat yang subur tanahnya dan juga pelabuhan-pelabuhan yang strategik. Mereka itu sudah menunjukkan dominasi dari segi politik dan perdagangan. Sehubungan itu, maka dari abad ke-16 sehingga ke-17 telah muncul persaingan yang terus-menerus antara kerajaan Bone (Bugis) dan kerajaan Gowa (Makassar) dengan diselangi perang, besar dan kecil dari masa ke masa dalam tempoh lebih daripada seratus tahun (Andaya, 2004:14). Kerajaan Gowa tidak pernah hilang selernya untuk menakluki Bone untuk membolehkan dirinya muncul sebagai kuasa politik yang paling besar. Hanya sahaja Gowa sering kalah dalam peperangan. Sikap Gowa terhadap Bone menjadi serius setelah melihat Bone menjadi penghalang dalam cita-cita politiknya di Sulawesi Selatan. Sehubungan itu, bermacam-macam kempen perang telah dilancarkan kerajaan Gowa untuk menguasai daerah-daerah Bugis. Persaingan ini sudah mendatangkan impak besar ke atas kerajaan-kerajaan di seluruh daratan Sulawesi Selatan, tidak kira sama ada kerajaan Bugis, Makassar, mahupun kerajaan etnik Mandar dan Toraja. Dalam konteks pergelutan kuasa politik itu, orang Mandar dan Toraja kerap kali yang terkorban dalam persaingan antara kedua-dua pihak kerajaan besar itu. Misalnya, Mandar sudah menjadi tanah taklukan kerajaan Gowa dan akhirnya telah menjadi sekutu yang setia kepada Gowa untuk jangka masa yang panjang sehingga pecahnya Perang Makassar pada tahun 1666-1667. Dalam perang itu berakhir dengan kejatuhan Gowa. Gowa terpaksa menandatangani Perjanjian Bungaya yang telah meletakkan Mandar dalam situasi sulit dibawah tekanan Bone. Demikian juga dengan kerajaan-kerajaan sekutu Gowa yang lain. Kesemua itu telah mengalami tekanan yang sama.

Dalam perkembangan selanjutnya, kerajaan Bugis yang dikenali dengan nama Wajo yang telah menandatangani perjanjian segi-tiga dengan Bone dan Soppeng yang dipanggil *Tellumpoccoe*. Sebelum itu telah berpihak kepada Gowa dalam Perang Makassar. Tindakan Wajo yang dianggap telah mengkhianati saudara se-Bugisnya itu telah menerima serangan balas dendam yang memilukan daripada tentera Bone di bawah pimpinan Arung Palakka. Dalam lontara *Attoriolong* Bone dan Wajo ada catatan peristiwa tentang peperangan yang menumpah darah itu dipanggil "*Nanrena Api*

Tosora“ atau *Tosora Dimakan Api*. Ini disebabkan *Tosora* yang menjadi pusat pentadbiran kerajaan *Wajo* itu musnah kerana peperangan itu. Raja *Wajo* (*Arung Matowa*) yang bernama *Massalékoé* sudah mati terbunuh, malahan dipanggang api dalam perang memilukan itu.

Setelah diimbas kembali sejarah Sulawesi Selatan, didapati etnik Bugis dan Makassar adalah masyarakat berbeza. Perbezaan utama antara kedua-duanya adalah bahasa lokal yang digunakan etniknya masing-masing. Maka kedua-dua pihak tidak saling mengerti antara satu dengan yang lain. Demikian juga perbezaan dari segi bahasa dengan etnik yang lain-lain di Sulawesi iaitu Mandar dan Toraja. Perbezaan antara bahasa Bugis dengan bahasa Makassar lebih tinggi, namun kerana komunikasi sosial-budaya antara etnik Bugis dan Makassar yang terjadi terus-menerus terjadi dalam jangka masa yang sangat panjang, sehinggakan sudah ada semacam kesamaan kultural. Sehingga pada masa sekarang kesamaan utama antara kebudayaan, bahasa dan orang Bugis dan Makassar adalah ugama Islam dan ajarannya sudah menjadi asas kehidupan kedua-dua mereka. Di samping itu terdapat pula kemiripan dalam aspek-aspek kultural yang lain, seperti kekerabatan sosial, pelapisan sosial, mata pencaharian hidup, bentuk rumah, teknologi perahu, teknik dan peralatan pertanian serta model pakaian. Kesamaan itu wujud kerana kesemuanya hidup dan membesar dalam persekitaran alam dan sosial yang sama.

Babak baru dalam sejarah Sulawesi Selatan bermula dengan pengembangan kuasa penjajah Eropah pada abad ke-16 dan ke-17. Antara perkembangan baru adalah Belanda telah membahagikan komposisi etnik di Sulawesi Selatan kepada empat kelompok utama. Pembahagian itu adalah berdasarkan perbezaan suku bangsa kepada orang Bugis, Makassar, Toraja dan Mandar. Sehubungan itu, suku etnik Bugis adalah yang terbesar bilangan penduduknya. Mereka mendiami hampir separuh daratan yang subur di Sulawesi Selatan.

Dari segi sejarah dan geografi, suku bangsa Bugis didapati tersebar di seluruh bahagian timur garis pantai semenanjung Sulawesi Selatan dan separuhnya di bahagian barat. Sementara itu, suku Makassar pula didapati tersebar di bahagian selatan dan sebahagian daerah barat di kaki pulau wilayah Sulawesi Selatan. Seterusnya, kebanyakan

suku Toraja pula tersebar di pedalaman, iaitu pergunungan di wilayah utara yang berbatasan dengan wilayah Bugis di selatan dan Mandar di bahagian barat. Akhirnya, suku Mandar pula didapati mendiami wilayah daratan dan pesisir bahagian barat-daya dengan dua kelompok besar pemukiman, iaitu di wilayah pedalaman di kampung-kampung dan pergunungan, sehingga telah membentuk sebuah konfederasi yang terdiri daripada tujuh buah kerajaan dipanggil *Pitu Ulunna Salo'* (erti: Tujuh Hulu Sungai). Sehubungan itu, Andaya (2004:13) telah menyebutkan kelompok Mandar yang kedua itu adalah komuniti yang bermukim di pesisir dengan kebudayaannya yang bercirikan maritim, sekaligus telah membentuk sebuah konfederasi lain yang dipanggil *Pitu Babanna Minanga* (erti: Tujuh Muara Sungai).

Dalam catatan sejarah, suku Bugis dan Makassar telah menunjukkan pencapaian yang lebih kuat dari segi politik dan pentadbiran berbanding dengan suku Mandar dan Toraja. Bahkan Mandar dan Toraja selalu menjadi terkorban dalam cita-cita politik raja Bugis dan Makassar sepanjang abad ke-16 dan 17. Kerajaan Mandar dan Toraja selalu menjadi mangsa daripada percaturan politik Luwu, Gowa dan Bone. Hegemoni politik di Sulawesi Selatan pada masa lampau dikendalikan kerajaan Luwu sehingga akhir abad XVI, disusul oleh Gowa sejak pertengahan abad XVI. Kekuasaan politik pada fasa selanjutnya digenggam oleh Bone manakala Gowa telah kalah berperang dalam tahun 1667.

3.3 ETNIK BUGIS DAN MAKASSAR

Maklumat yang diberi dalam paragraph tadi menyatakan rakyat tempatan di Sulawesi Selatan pada dasarnya adalah terdiri daripada empat suku bangsa yang utama, iaitu suku Bugis (*Ugi*), Makassar (*Mangkasa*), Toraja (*Toraja*) dan Mandar (*Menre'*). Pada tahun 2004¹⁵ terjadi pula pemecahan wilayah Sulawesi Selatan dengan wilayah di bahagian

¹⁵Sulawesi Barat adalah provinsi pengembangan provinsi Sulawesi Selatan. Provinsi yang dibentuk pada 5 Oktober 2004 berdasarkan UU No 26 Tahun 2004. Ibukotanya ialah Mamuju. Luas wilayah sekitar 16,796.19 km². dan terdiri dari suku Mandar (49.15%); Toraja (13.95%); Bugis (10.79%); Jawa (5.38%); Makassar (1.59%) dan lainnya (19.15%). Propinsi Sulbar terdiri atas: Kabupaten Polewali Mandar, Mamasa, Majene, Mamuju dan Mamuju Utara. Sulawesi Barat dikenal sebagai lokasi wisata. Selain koko, daerah ini juga penghasil kopi robusta dan kopi arabika, kelapa, dan cengkik. Sektor perlombongan emas, batubara dan petrol terdapat di wilayah/provinsi ini.

utara-barat itu menjadi provinsi baharu, iaitu Sulawesi Barat (Sulbar). Pemecahan baharu itu menyebabkan suku Mandar sebagai etnik utama di provinsi baharu itu. Selain itu, semenjak tahun 2004, hanya tinggal tiga suku bangsa di Sulawesi Selatan, yakni Bugis, Makassar dan Toraja. Meskipun demikian, masih terdapat komuniti Mandar di Ujunglero di Kabupaten Pinrang dan di gugusan pulau di sebelah barat daratan Sulawesi Selatan.

Masa dahulu, kesemua orang di Sulawesi Selatan itu hidup dalam organisasi kerajaan yang sudah diterangkan, tetapi kini kerajaan-kerajaan tersebut telah ditukar status menjadi *kabupaten*. Misalnya, kerajaan Bone kini telah berubah menjadi Kabupaten Bone, sementara Kerajaan Luwu yang sudah menjadi Kabupaten Luwu itu telah berpecah pula menjadi empat pemerintahan: Kota Palopo, Luwu Utara, Luwu Timur dan Luwu. Demikian pula dengan kerajaan Soppeng yang sudah menjadi Kabupaten Soppeng, kerajaan Gowa menjadi kabupaten Gowa, kerajaan Sidenreng dan Rappang seterusnya telah menjadi Kabupaten Sidenreng Rappang (Sidrap), kerajaan Suppa, Sawitto dan Alitta menjadi Kabupaten Pinrang, kerajaan Binamu dan Bangkala menjadi Kabupaten Jeneponto; kerajaan Tanete dan kelompok kerajaan Mallusetasi⁷ menjadi Kabupaten Barru; kerajaan Bacukiki menjadi Kota Pare-Pare.

Walaupun sudah banyak perubahan telah berlaku, identifikasi asas antara orang Bugis dan Makassar – demikian pula Mandar dan Toraja - adalah bahasa lokal yang dituturkan mereka. Jika orang Bugis didapati menuturkan bahasa Bugis, tetapi etnik Makassar menuturkan bahasa Makassar, dan etnik Mandar pula menuturkan bahasa Mandar, sementara etnik Toraja sudah lazim menuturkan bahasa Toraja. Walaupun keempat-empat suku bangsa itu memiliki hubungan kebahasaan dari segi linguistik, namun bahasa Bugis dan bahasa Makassar didapati mempunyai jarak yang lebih jauh untuk saling memahami antara satu dengan yang lain, berbanding dengan bahasa Mandar dan Toraja. Ini bermakna penutur bahasa Bugis dapat berkomunikasi dengan penutur Mandar dan Toraja dengan lebih baik dan mudah berbanding dengan penutur bahasa Makassar.

Menurut banci 2010¹⁶, ada sebanyak 8,034,776 orang di Sulawesi Selatan. Dari segi bilangannya, orang Bugislah yang menduduki tempat yang tertinggi berbanding

¹⁶ Data Bancian daripada Badan Pusat Statistik Provinsi Sulawesi Selatan tahun 2010.

dengan etnik yang lain. Fenomena ketika mereka berada luar Sulawesi, ketiga-tiganya kerap kali menyatu dengan penamaan diri “Bugis”. Terutamanya etnik Makassar dan Mandar yang selalu mendapat penamaan sebagai orang Bugis di wilayah rantau untuk menunjukkan kesamaan dan persatuan tamadun. Perkara ini lebih disebabkan kerana faktor kesamaan ideologi iaitu agama Islam. Orang Bugis, Makassar dan Mandar sudah menjadikan agama Islam sebagai asas kehidupan mereka. Perkembangan itu membuatnya berbeza dengan etnik Toraja yang kebanyakannya penganut agama Kristian. Istilah lain yang paling lazim digunakan masyarakat luar sehubungan itu adalah “Bugis-Makassar” sebagai rujukan bagi panggilan orang Bugis dan Makassar secara bersama-sama. Dari segi semantik panggilan itu juga menunjukkan kemesraan hubungan persaudaraan antara etnik Bugis dan Makassar.

Petempatan utama orang Bugis di Sulawesi Selatan adalah kabupaten Bone, Soppeng, Wajo, Sidenreng-Rappang, Barru, Pinrang, Sinjai, Luwu, Kota Makassar, Kota Pare-pare, Pangkep, Maros, Bulukumba dan Enrekang. Sementara itu, orang Makassar pula bertumpu di kabupaten Gowa, Takalar, Jeneponto, Bantaeng, sebahagian Pangkep dan Maros dan di Kota Makassar. Oleh sebab orang Bugis juga sudah bermukim di kota Makassar bersama-sama dengan orang Makassar sejak abad ke-17, maka perbezaan antara mereka sukar dilakukan. Hal ini menyebabkan orang dari luar Sulawesi terkadang-kadang mengira orang Bugis dan Makassar adalah dua istilah yang merujuk kepada entiti etnik yang sama.

Kesusahan membuat perbezaan itu juga disebabkan orang Bugis, Makassar dan Mandar dikenali umum sebagai pelaut (*sailor*), pedagang (*traders*), selain gemar berpetualang atau merantau. Kegiatan pelayaran dan perdagangan ketiga-tiganya itu sudah menjadi ciri khas dalam peradaban mereka sejak abad XVI, walaupun reputasinya sebagai pelaut hanya berkembang dan dikenali oleh pihak asing sejak awal abad XVII (Pelras, 2006). Yang penting adalah orang Bugis, Mandar dan Makassar sudah cukup maju di bidang pelayaran pada abad ke-16¹⁷, meskipun pada era itu produk alam dari Sulawesi Selatan pada umumnya masih diurus melalui kapal-kapal orang Melayu dan Jawa.

¹⁷Lihat Christian Pelras, “*Manusia Bugis*”. Jakarta: Nalar, Forum Jakarta-Paris Ecole francaise d’Extreme-Orient, 2006, hlm. 144.. (Translation of *The Bugis*. Oxford: Blackwell, 1996).

Maklumat mengenai aktiviti pelayaran orang Bugis dan Makassar yang mempunyai prestasi yang tinggi itu telah diungkapkan oleh Pinto¹⁸ yang mengatakan bahawa Sulawesi Selatan telah mengeksport beras ke Melaka sejak 1511. Walaupun jumlah eksport itu tidaklah besar, tetapi sudah cukup untuk memenuhi keperluan orang Portugis. Sehubungan itu, Pinto telah menjumpai perahu Bugis sudah cukup hebat pada awal abad XVI kerana telah sampai ke pelabuhan Melaka, Johor dan tempat lain di Sumatera. Dalam konteks perkembangan sejarah, peradaban maritim Bugis itu masih tergolong sebagai pemula berbanding dengan yang sudah dicapai orang dari Jawa, Sriwijaya dan Melaka. Yang menarik ialah penguasa Bugis masa itu cepat mengembangkan pengetahuan dan teknologi pelayaran dengan cepat yang serba rumit dan mencabarkan itu.

Maklumat tentang industri pelayaran Bugis-Makassar menuntut keahlian navigasi dan perkapalan pada tahap yang tinggi, termasuk mengorganisasikan pelayaran dan melakukan perkongsian dengan pedagang Melayu. Pengetahuan navigasi yang dikehendaki orang Bugis-Makassar masa itu telah diketahui dan dikuasai orang Melayu, terutamanya yang dari Melaka. Walaupun perahu-perahu dagang Bugis sudah sampai ke pelabuhan-pelabuhan di wilayah Barat Nusantara, terutamanya di Selat Melaka dan juga selat-selat lain yang berdekatan, bentuk kerjasama atau perkongsian antara orang Melayu dan Bugis adalah pengoperasian kapal Melayu. Kapal Melayu yang dinakhodai orang Bugis berlayar untuk menjelajahi perairan di Nusantara, termasuk pelayaran ke Maluku. Kegiatan lalulintas antara wilayah di Sulawesi Selatan dengan pengangkutan perahu juga semakin penting peranannya dalam mengangkut komoditi lokal di kawasan pedalaman dari sebuah pelabuhan ke pelabuhan yang lain, tidak kira dekat atau jauh.

¹⁸ Kuat dugaan bahawa, hubungan antara Sulawesi Selatan dan Semenanjung Tanah Melayu telah berlangsung sebelum Portugis menaklukkan Melaka tahun 1511, namun Bugis tetap melakukan hubungan perdagangan dan menjangkau pelabuhan Melaka melalui pelayaran dari Celebes. Berbagai macam komoditi andalan dari bumi Sulawesi Selatan selain beras yang disebut oleh Pinto sama ada: kelapa, mangga, pisang, dan sayur-sayuran. Adapun haiwan yang diekspor adalah kerbau, babi, kambing, ayam, dan bebek. Terdapat pula binatang buruan khas di Sulawesi Selatan sama ada: rusa, babi, ayam hutan, ayam pegar, bangau, belibis, dan merpati. Lihat Christian Pelras, "*Manusia Bugis*". Jakarta: Nalar, Forum Jakarta-Paris Ecole francaise d'Extreme-Orient. (Translation of *The Bugis*. Oxford: Blackwell, 1996)., 2006, hlm *Manusia Bugis*", 2006, hlm. 141.

Perkembangan pelayaran itu disokong oleh kegiatan agraria yang sudah menjadi mata pencarian utama orang Bugis. Itulah juga kegiatan dan pencarian yang lebih awal dilakukan sebelum mereka memasuki dunia kemaritiman dan perdagangan. Dengan kata lain, kegiatan pertanian sudah menjadi kegiatan unggul orang Bugis berbanding dengan pelayaran. Merekalah yang telah merintis bidang pertanian melalui ekstensifikasi atau pembukaan sawah baru secara besar-besaran seperti yang telah dilakukan oleh beberapa buah kerajaan tempatan sejak abad ke-16. Antara kerajaan itu adalah Wajo, Soppeng, kelompok kerajaan *Ajatappareng* (Sidenreng, Sawitto, Suppa', Rappang dan Alitta), Bacukiki, Nepo dan Palanro. Produk eksport tempat itu terdiri daripada hasil masyhul dari bumi Sulawesi Selatan, termasuk beras, kelapa, mangga, pisang dan sayur-sayuran¹⁹.

Perkembangan selanjutnya adalah “penggandingan” kegiatan agrariaan dengan maritim sehinggakan sudah menghasilkan konfigurasi kegiatan yang membuat orang Bugis bukan sahaja mampu beradaptasi, tetapi juga dapat bersaing dengan pedagang dari luar Sulawesi. Sehubungan itu, kisah pelayaran orang Bugis yang disentuh sebelum ini ada juga kaitannya dengan mitos asal-usul yang berhubungan dengan Tomanurung yang sesungguhnya adalah mitologi yang berlatarbelakangkan peradaban agrariaan yang kemudiannya sudah dipadukan dengan konsep Totompo yang merepresentasikan peradaban maritim. Di sini, konfigurasi kosmologi antara agraria dan maritim sebagai anjakan paradigma nilai dan budaya yang terepresentasikan dalam mitologi *La Galigo*. Mitologi perpaduan paradigma diwujudkan itu melalui perkahwinan atau pertemuan Tomanurung dengan watak seorang laki-laki yang bernama Bataraguru dengan Tomanrunug, dan watak seorang perempuan We Nyili'timo selaku Totompo. Apa yang nyata adalah unsur peradaban agrarian dalam konsep Tomanurung dan peradaban maritim pada konsep Totompo itu sudah sama-sama membina peradaban Bugis-Makassar sejak bermulanya kerajaan-kerajaan tempatan.

¹⁹ Abdul Razak Daeng Patunru, *Bingkisan Patunru, Sejarah Lokal Sulawesi Selatan*. Makassar: Pusat Kajian Indonesia Timur bekerjasama dengan LEPHAS, 2004. Lihat juga Abdul Rasyid, *Gerakan Sosial di Tanah Bugis: Raja Tanete La Patau Menentang Belanda*. Yogyakarta; Ombak, .2010. Lihat juga Stephen C. Druce. *The Lands West of The Lakes: A History of the Ajattappareng Kingdoms of South Sulawesi 1200 to 1600 CE*, Leiden: KITLV Press. 2009, hlm. 213.

Perkembangan selanjutnya menyaksikan perpaduan antara budaya agraria dengan budaya maritim itu telah membawa peradaban masyarakat Sulawesi Selatan ke masa hadapan. Perkembangan baru itu kerana faktor alam iaitu laut dan samudera yang luas terbentang itu sebagai lebuhraya yang menghubungkan; bukannya penghalang yang memisah-misahkan pulau-pulau di Alam Melayu. Berlatar belakangkan peristiwa sejarah itu, maka reputasi orang Bugis dan Makassar berhubung dengan kegiatan agraria dan maritim sudah menjadi tertonjol, sama ada sebagai petani dan pekebun yang unggul atau pedagang dan pelaut yang terulung di Nusantara. Sejak itu, orang Bugis dan Makassar sudah terkenal sebagai pelaut dengan perahu dan pengangkutan laut mereka kelihatan di seluruh Alam Melayu. Sehubungan itu, penduduk Sulawesi Selatan juga sudah terkenal sebagai orang perantau (*Bgs:Passompe*), justru mereka mempunyai keterkaitan yang erat dengan keunggulan navigasi, pelayaran dan perdagangan²⁰.

Selain itu, sudah diketahui juga bahawa merantau (*sompe*) telah menjadi sebahagian hidup orang Bugis dan Makassar sejak dahulu lagi. Mentaliti kepetualangan orang Bugis sudah tercatat dalam *I'La Galigo* dan diwarisi turun-temurun dalam sejarah perkembangan masyarakat Bugis dan Makassar. Ternyata bahawa kisah dalam epic *I'La Galigo* terdapat tokoh yang terkenal iaitu Sawerigading. Beliau telah menunjukkan etos kepetualangannya dengan melakukan pelayaran mengelilingi perairan di Alam Melayu sehingga telah sampai ke Majapahit, Sriwijaya, Champa, malahan ke China dengan perahu Wélenreng. Diceritakan beliau berlayar untuk mencari puteri jodohnya yang di tanah besar China, dengan nama We Cudai.

Dalam perkembangan selanjutnya iaitu abad ke-17 dan kemuncaknya pada abad ke-18, tradisi merantau itu sudah berkembang menjadi komponen penting dalam perjalanan sejarah orang Bugis. Merantau kemudian menjadi tradisi Bugis-Makassar yang berakar tunjang dengan sokongan kemahiran maritim, pelayaran dan perdagangan. Dengan kata lain, orang Bugis tidak sahaja terbatas kegiatan mereka di Sulawesi Selatan, tetapi juga telah menyebar kesemua tempat di Alam Melayu. Alasan utamanya adalah faktor ekonomi dan politik baru sudah membuat orang Bugis-Makassar melakukan

²⁰Anthony Reid, *Asia Tenggara Dalam Kurun Niaga 1450-1680*, Jilid 2: Jaringan Perdagangan Global. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2011.

perantauan. Selain itu, merantau meninggalkan kampung halaman juga terdorong oleh faktor *siri* (malu) untuk menguatkan martabat diri dan keluarga. Nilai budaya ini sudah menjadi bahagian penting, malahan tidak dapat dipisahkan daripada kejayaan yang diraihinya di rantau orang lain untuk menaikkan taraf kehidupannya di kampung halaman.

Destinasi perantauan orang Bugis amnya adalah destinasi perahu-perahu yang belayar untuk berdagang. Dari situ, sudah terbentuk semacam jaringan perdagangan yang luas. Dengan kata lain, penyebaran orang Bugis-Makassar telah juga mengikut pelayaran perahu-perahu mereka, sama ada *Pinisi* dan *Palari* yang kelihatan berlabuh di tempat destinasi seperti Gresik, Tanjung Priok, Jambi, Sumatera, Singapura, Kalimantan Timur, Kalimantan Barat dan Malaysia (Abidin, 1983)²¹.

Dalam konteks sejarah, penghijrahan berskala besar yang dilakukan oleh orang Bugis-Makassar sepanjang abad ke-17 sudah menjadi peristiwa yang penting. Selain faktor pelayaran dan perdagangan laut di Makassar yang pada masa itu sudah semakin berkembang pesat, penghijrahan itu juga didorong situasi politik yang kacau-balau kerana perang Makassar yang berlaku selama tiga tahun (1666-1669). Sehubungan itu, ramai penduduk di Sulawesi Selatan, sama ada orang Makassar mahupun orang Bugis yang enggan bekerjasama dengan pihak Belanda. Mereka meninggalkan kampung halaman masing-masing. Penolakan kerjasama daripada penduduk pribumi Bugis dan Makassar itu bermakna juga kerana mereka enggan tunduk kepada kerajaan Belanda. Reaksi yang sama telah juga ditunjukkan oleh orang Melayu terhadap penjajah Portugis setelah menawan Melaka pada tahun 1511. Dalam peristiwa tersebut ramai orang Melayu telah meninggalkan Melaka bagi mencari petempatan baru untuk menetap dan meneruskan hidup setelah menolak bekerjasama dengan Portugis. Peristiwa penghijrahan itu berulang sekali lagi pada abad ke-17 dengan orang Bugis dan Makassar

²¹ Ekspansi perdagangan orang-orang Bugis pada abad selanjutnya, misalnya abad XVIII, disebutkan ada keterkaitan dengan pembentukan pusat-pusat perdagangan Eropah, terutama di Singapura. Perdagangan Bugis terutama mencakup membekal kepada pusat dagang Eropah dengan tripang yang menjadi kesukaan orang-orang China, mutiara dan hasil lain daripada kepulauan Indonesia bahagian Timur, serta tempat memperoleh barang-barang dari Eropah dan China. Crawford (1856) menduga, bahawa perdagangan Bugis untuk sebahagian dirangsang dan disokong oleh *Chinese Finance* (kewangan pedagang China). Lihat Andi Zainal Abidin, *Persepsi Orang Bugis dan Makassar Terhadap Hukum dan Dunia Luar*, Lephass, tahun 1983, hlm.78-82.

meninggalkan kampung halaman mereka kerana faktor politik dan ekonomi. Kesemua itu menyebabkan perubahan baru di Alam Melayu ekoran campur tangan Barat.

Pada amnya orang Bugis-Makassar yang meninggalkan kepulauan Sulawesi adalah mengikut jalur-jalur pelayaran dan perdagangan yang dilalui kapal-kapal laut yang sebelum itu telah membawa mereka ke pesisiran dan pelabuhan besar dan kecil di Alam Melayu (Abidin, 1983:39). Daripada perkembangan itu, dapatlah dilihat tempat tumpuan orang Bugis telah tersebar ke banyak tempat di Alam Melayu. Di kepulauan Indonesia sahaja, antara tempat itu adalah Sumbawa, Kalimantan, Ambon, Jawa, Sumatera, sementara di Semenanjung Tanah Melayu mereka tertumpu di Johor, Selangor, Pahang, Melaka, selain Singapura, Kembojadan pulau Madagaskar.

3.4 PERADABAN MARITIM SULAWESI SELATAN

Masyarakat Bugis-Makassar telah memulakan sejarah kehidupan kemaritimannya, paling tidak semenjak pertengahan abad ke-15 yang ditandai dengan terbentuknya pelabuhan lokal di pesisir barat Sulawesi Selatan. Kerajaan tempatan seperti Suppa' dan Siang yang tercatat dalam naskah sebagai kerajaan pesisir itu telah memulakan peradabannya dengan aktiviti maritim. Toponimi lainnya yang diketahui dengan adanya aktiviti maritim sekitar tahun 1500 adalah Tanete dan Kalukubodoa di Tallo, dan juga Sombaopu di Gowa dan Sanrabone.

Sejak abad ke-16 aktiviti maritim Sulawesi Selatan sudah menunjukkan kemajuan dengan terbinanya hubungan dengan pihak di luar. Meskipun pelabuhan-pelabuhan tempatan Sulawesi Selatan pada era XV belum lagi menjadi sebahagian dalam jaringan pelayaran internasional secara langsung, namun kedudukan tempat-tempat itu sangat penting dalam kegiatan perdagangan antara pulau di Alam Melayu. Namun, perlu diketahui bahawa pada masa itu pelabuhan di Sulawesi Selatan telah mempunyai hubungan dengan pelabuhan di Melaka.

Peradaban maritim Sulawesi Selatan berkembang terus-menerus pada abad XVI sehingga XVII sehinggakan aktiviti perdagangan menjadi teras kehidupan orang Bugis-Makassar selain keagrariaan khasnya pada abad XVIII. Nama-nama pelabuhan di pesisir


barat adalah Suppa', Tanete, Siang, Kalukubodoa, Sombaopu dan Sanrabone. Kesemua itu membuktikan kegiatan perdagangan, perniagaan dan pelayaran Sulawesi Selatan yang berkembang terus-menerus.. Antara perkembangan yang menarik sehubungan kegiatan maritim di Sulawesi Selatan pada peringkat awal adalah hubungan dan kehadiran orang Melayu secara besar-besaran.

Kegiatan maritim di Sulawesi Selatan pastinya disebabkan posisi Sulawesi telah menjadi tempat persinggahan semula jadi dalam jalur pelayaran antara kepulauan Maluku dengan Melaka dengan melintasi Buton dan Selayar. Posisi geografi Sulawesi Selatan yang terletak di antara pulau Kalimantan dan kepulauan Maluku itu adalah jalur dan lalu lintas pelayaran yang strategik. Sehubungan itu Pelras (2006:9) mengatakan, jalur pelayaran inilah yang paling disukai pengelana Portugis, Tome Pires, semenjak tahun 1511. Pemilihan Tome Pires terhadap jalur ini disebabkan dia menganggapnya adalah lebih pendek berbanding dengan jalur lain yang pernah melewati pantai utara Jawa, Bali dan Nusa Tenggara.

Yang menarik ialah dua dekad kemudian, sudah ditemukan jalur pelayaran yang disebut jalur tengah, iaitu jalur pelayaran antara Melaka dan Maluku dengan melintasi Makassar. Jalur pelayaran ini mempunyai daya tarikan yang kuat kepada pelaut Portugis dan Eropah yang sudah mula menggunakannya. Penggunaan jalur tengah ini hanya menggunakan satu haluan, iaitu arah ke timur jika dari Melaka ke Maluku, begitu pula sebaliknya, maka sangatlah sesuai bagi pelayaran yang bergantung pada tiupan angin monsoon yang berubah halanya dari masa ke masa. Ketika angin bertiup ke timur, perahu-perahu dari Melaka akan melakukan pelayaran dari Melaka ke Maluku. Sebaliknya, bila angin memasuki musim barat, maka perahu-perahu akan belayar balik dari Maluku ke Melaka. Dalam konteks itu, pelabuhan di Sulawesi Selatan mula memainkan perannya sebagai tempat persinggahan yang penting untuk mendapat air, membaiki kapal dan sebagainya. Jalur pelayaran tengah itu telah dicatat dalam peta pelayaran yang dibuat oleh Amanna Gappa, selaku syahbandar Makassar pada abad ke-17.

Kedudukan Sulawesi Selatan sebagai laluan dan persinggahan pelayaran semakin penting pada separuh awal abad XVI. Bukan itu sahaja, tetapi juga pelabuhan-

pelabuhan yang lain yang terletak di pesisir barat Sulawesi Selatan semakin ramai dikunjungi peniaga dari luar, termasuk orang Portugis, Arab, Parsi, India dan Melayu. Orang Melayu yang belayar dari Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu sudah tercatat dalam manuskrip Bugis dan Makassar sebagai peniaga yang penting, selain mempunyai hubungan baik dengan penguasa-penguasa tempatan. Oleh kerana itu, selain melakukan perdagangan, orang Melayu disebut juga mempunyai petempatan sebagai kampung halaman mereka di banyak kota di Sulawesi.



Peta 3.4 Jalur Tengah pelayaran kuno menghubungkan Melaka-wilayah Sulawesi Selatan – Maluku

(Sumber: O. L. Tobing, Hukum Pelayaran dan Perdagangan Amanna Gappa, 1977)

Yang menarik sehubungan itu adalah kegiatan perdagangan dan pelayaran regional itu telah memberi pengaruh ke atas kebangkitan dunia maritim Bugis-Makassar. Bertitik tolak daripada itulah orang Bugis dan Makassar sudah mengembangkan peradaban maritim sebagai fenomena global untuk melengkapkan kegiatan agraria. Pergantungan kedua-dua kegiatan itu sudah menjadi pemangkin kepada kejayaan pelayaran orang Bugis-Makassar dengan disokong hasil alam yang banyak dan boleh dieksport ke luar negeri, khasnya ke Melaka.

Tome Pires dalam *Suma Orientale* (dalam Robert Macle hose 1944) telah menggambarkan orang Sulawesi Selatan sebagai yang mempunyai kekuatan maritim

yang berkesan. Mereka disebutnya sebagai suku bangsa yang gemar berpetualang, berdagang dan kadang-kadang juga melanun di laut. Di Sulawesi Selatan sahaja ada lebih daripada lima puluh kerajaan besar dan kecil. Kesemua penduduknya gagah dan suka berperang. Tome Pires menambah orang dari wilayah itu adalah perompak paling ditakuti di seluruh dunia kerana mempunyai kumpulan yang besar, pemberani dan cakap berperang di lautan (Pelras, 1973). Mereka memakai keris dan kuat-kuat belaka. Belayar kesana ke mari, mereka ditakuti di mana-mana, malahan perompak juga takut kepada mereka. Mereka belayar sampai ke Pegu, Maluku, Banda dan semua pulau di sekitar Jawa. Bergabung dengan orang Bajau, lanun Bugis-Makassar itu belayar mengelilingi pulau Sumatera. Barang yang mereka rampas dihantar untuk dijual di Juamia, dekat Pahang. Sementara itu, orang Bugis-Makassar yang bukan perompak menjual barang dagangan mereka ke Melaka dengan menggunakan perahu tradisional “Palari” (Pelras, 1973:42-43)²².

Berlatar belakangkan perkembangan yang disebut tadi, orang Bugis-Makassar di pesisir sudah cukup maju di bidang pelayaran pada awal abad XVI, walaupun tidak banyak direkodkan. Oleh itu tidak banyak maklumat tentang mereka dapat diketahui sampai hari ini. Pada abad itu, Sulawesi Selatan telah muncul sebagai pelabuhan pengeksporthasil-hasil alam, maka sudah menduduki tempat yang penting di kawasan Timur Indonesia. Pelabuhan-pelabuhan di Sulawesi Selatan telah banyak dikunjungi kapal-kapal dari luar, termasuk kapal-kapal Melayu dan Jawa. Sudah disebut sebelum ini pendapat daripada Pelras (2006:144) yang mengatakan, produk-produk dari Sulawesi Selatan dieksport dengan menggunakan kapal-kapal orang Melayu dan Jawa. Sementara pembesar-pembesar daripada kerajaan Bugis dan Makassar juga turut mengembangkan kemampuannya dalam pemilikan perahu, selain pengelolaan pelabuhan, untuk membuat ekspedisi perahu dagang dengan pantas.

Dalam naskhah lontara rol 17/28²³ ada disebut perahu-perahu milik pembesar-pembesar Gowa yang belayar ke arah timur, misalnya ke Pulau Timor (Bgs: *Timoro*), Maluku (Bgs: *Maloku*) dan Buton (Bgs: *Butung*). Dalam naskhah 17/28 pula dicatat

²² Lihat juga Andi Zainal Abidin dalam “*Persepsi Orang Bugis, Makassar Tentang Hukum dan Dunia Luar*”, Bandung, Alumni, 1983, hlm 39 – 40.

²³ Naskhah lontara dalam koleksi microfilm dengan kod Rol 17 nombor naskhah 28, pada koleksi Kantor Badan ARSIP dan Perpustakaan Wilayah Provinsi Sulawesi Selatan.

beberapa nama perahu milik raja Gowa jenis “Gale” (gel) yang digunakan pada abad XVI-XVII. Di sini, Irawan (2011: 279 dan 283)²⁴ pula mendapati perahu *Gale* Makassar ini dikenal juga di kerajaan Melaka dengan nama “Ghali”. Selain itu, dicatatkan perahu *Ghali*²⁵ atau *Gale* telah digunakan kerajaan Banjar, Lampung dan Portugal. Untuk memudahkan rujukan, maka diperturunkan senarai nama perahu *Gale* milik kuasa Gowa seperti yang dicatat dalam naskah ANRIM Kod 17/28 dalam rajah 3.1 berikut:

Rajah 3.1 Senarai Perahu Gale Kerajaan Gowa

Nama Perahu <i>Gale</i> Karaeng Gowa	Ukuran Panjang Badan Perahu	Ukuran Lebar Badan Perahu
Idondonna	20 depa (± 30 m)	3 depa (± 4.5 m)
Iyanyesunggu	15 depa (± 22.5 m)	3 depa (± 4.5 m)
Igalesiga	13 depa (± 19.5 m)	3 depa (± 4.5 m)
Iparemampuli	13 depa (± 19.5 m)	3 depa (± 4.5 m)
Ikalambiu	13 depa (± 19.5 m)	3 depa (± 4.5 m)
Igolammenge	13 depa (± 19.5 m)	3 depa (± 4.5 m)
Lamammase	13 depa (± 19.5 m)	3 depa (± 4.5 m)

(Sumber: naskah ANRIM Kod 17/28)

Jenis perahu-perahu *Gale*²⁶ dari Makassar itu mempunyai tiga buah haluan (Bgs:*guling*), maka mempunyai keunggulan yang baik berbanding dengan perahu yang cuma memiliki satu buah haluan. Perahu tiga haluan itu laju dan dapat berbelok

²⁴Irawan Joko Nugroho, *Majapahit: Peradaban Maritim Ketika Nusantara Menjadi Pelabuhan Dunia*, Jakarta: Suluh Nuswantara Bakti, 2011, hlm. 179 dan 283.

²⁵ Wan Hasyim Wan Teh menyebutkan perahu Ghali di Johor dinamakan *Geliung* yang digunakan pula oleh penguasa Johor mengawasi perairan Selat Melaka. Hal itu diungkapkan Wan Hasyim dalam presentasinya pada Kongres dan Pameran Warisan Melayu Sedunia, tanggal 28 Oktober 2014, di MECC Kuala Lumpur.

²⁶ *Gale* merujuk pada erti sejenis perahu kerajaan Gowa. Nama perahu ini ditemukan oleh Muhlis Hadrawi di dalam naskah lontara rol 17 no. 28 koleksi ANRIM Makassar pada bulan Julai 2013. Berdasarkan ciri-ciri yang tergambar di dalam naskah mengenai *Gale* memiliki banyak kesamaan dengan nama perahu yang disebut oleh Cauto (dalam Pelras,(1977) dengan nama *Jojoga*. Perahu *Gale* dan *Jojoga* adalah jenis perahu berukuran besar, cepat melaju dan digunakan pula untuk berdagang. Lihat Christian Pelras, “*Manusia Bugis*”. Jakarta: Nalar, Forum Jakarta-Paris Ecole francaise d’Extreme-Orient. (Translation of *The Bugis*. Oxford: Blackwell, 2006, hlm. 67.

memainkan diri dengan lincah menghadapi ombak lautan. Perahu ini adalah yang dimiliki orang kaya dan raja-raja Bugis dan Makassar. Ketika berlayar, perahu ini lazimnya diiringi paling tidak enam buah perahu ukuran yang lebih kecil. Untuk perniagaan antar pulau, perahu *Gale* Makassar ini dianggap yang paling hebat, maka digunakan pembesar Bugis-Makassar dan Melayu untuk mengangkut rempah ratus dari Maluku. Yang perlu disebut di sini bahawa perahu *Gale* ini telah mempertingkatkan aktiviti perdagangan maritim di Gowa, selain di pelabuhan lain di Sulawesi Selatan sejak abad ke-16.

Sampai di sini boleh dikatakan bahawa pembangunan peradaban orang Bugis dan Makassar di bidang maritim bermula daripada pembinaan petempatan dan bandar-pelabuhan di pinggir dan muara-muara sungai. Mereka menjadikan laut dan sungai sebagai media utama untuk perdagangan dan perniagaan. Ini bermakna, sungai-sungai sudah dimanfaatkan sebagai jalur untuk menghubungi kampung-kampung di pedalaman yang kaya dengan hasil mahsul alam dengan bandar-pelabuhan di tepi laut, tempat para pedagang dan peniaga dari luar Sulawesi Selatan melabuhkan perahunya. Pembangunan petempatan dan bandar-pelabuhan dan kerajaan-kerajaan Bugis dan Makassar di Sulawesi Selatan sama ada Gowa, Bone, Luwu, Suppa', Tanete, Bacukiki, Sawitto, Siang, Tallo, Sanrabone, Garassi', Bantaeng, Sinjai dan Wajo, rata-ratanya bergantung pada sungai dan laut sebagai jalur perhubungan yang penting. Fenomena itu masih dapat dilihat sehingga abad ke-18 sebagaimana yang dicatat dalam "Lontara Bilang" atau Catatan Harian²⁷ Raja Bone ke-23 Ahmad al-Saleh (1175-1812). Sehubungan itu, kunjungan yang dilakukan oleh La Tenri Tappu ke kerajaan-kerajaan sahabat juga telah menggunakan jalur laut dan bukannya jalur darat. Raja Bone menempu perjalanannya dari Bone ke Makassar, demikian pula ke Pare-pare dan Suppa' dengan menaiki perahu yang berawal dari Teluk Bone menuju Selat Makassar (Rahilah Omar:2003)²⁸.

²⁷ Lontara Bilang Raja Bone ke-23 La Tenri Tappu Sultan Ahmad al-Saleh, kod Add 12354, koleksi British Library. Naskah ini telah diterjemahkan oleh Muhlis Hadrawi dan telah dikaji oleh Rahilah Omar dalam Tesisnya, *The History of Bone A.D. 1775-1795: The Diary of Sultan Ahmad as-Salleh Syamsuddin.*, Thesis Hull University, Center for South-East Asian Studies, Hull, 2003.

²⁸ Rahilah Omar, *The History of Bone A.D. 1775-1795: The Diary of Sultan Ahmad as-Salleh Syamsuddin.* Ph.D Thesis, Hull University, Center for South-East Asian Studies, Hull.2003.

Sejak abad ke-15 kerajaan-kerajaan di pesisir Barat Sulawesi Selatan seperti Suppa', Siang, Sanrabone dan Gowa-Tallo telah memainkan peranan masing-masing sebagai kota pelabuhan yang menarik untuk perdagangan dengan dunia luar. Sehubungan itu, Rasjid (2000:1) mendapati masa itu Gowa khususnya telah menjadi pelabuhan penting dalam jaringan perdagangan sutera yang menghubungkan dunia niaga antara Asia dengan Eropah. Peranan itu adalah disebabkan kedudukan strategik Sulawesi Selatan sebagai titik pertemuan antara jalur niaga antara wilayah Timur (Maluku) dan Barat (Kalimantan, Jawa, Sumatera, Melaka, Asia Selatan sehinggalah ke Eropah. Selain itu, pelabuhan di Sulawesi Selatan juga dihubungkan dengan jalur niaga di wilayah utara (Filipina, Jepun dan China) dan jalur niaga Selatan (Nusa Tenggara dan Australia)²⁹. Itulah gambaran kasar dengan kedudukan Sulawesi Selatan dalam perdagangan global masa lalu.

Daripada perkembangannya, kita dapati perdagangan sutera antara China dengan Eropah yang menempuh jalur daratan pada peringkat awal telah beralih kepada jalur laut pada abad ke-15. Selanjutnya, pada abad ke-16 jalur laut perdagangan sutera semakin rancak dengan penyertaan pedagang-pedagang dari China menuju Eropah. Jalur perdagangan sutera, baik dengan kapal di laut atau kuda dan binatang lain di darat itu, kemudiannya disebut 'Jalur Sutera'. Jalur Sutera semakin besar impaknya dengan semakin banyaknya pelayaran melalui Selat Melaka, disusuli Pasai, Jambi, Aceh dan lain-lain. Kesemua pelabuhan di Selat Melaka telah memainkan peranan sebagai bandar pelabuhan yang sama-sama membentuk jaringan perdagangan di Alam Melayu. Pasai, terutamanya dalam perkembangan sejarahnya telah muncul sebagai kerajaan Islam yang penting menghubungkan Melaka, Jawa, Kalimantan, Makassar dan Ternate. Dalam konteks jaringan perdagangan global melalui jalur laut itulah, maka Sulawesi Selatan akhirnya sudah muncul menjadi tempat yang penting dalam rantaian atau jaringan perdagangan internasional melalui Pasai dan Melaka.

Segala perkembangan itu mesti difahami dalam perkembangan pelayaran yang dipelopori pelayar dari dunia Arab dan Eropah, termasuk Ibn Batuta, Cheng He,

²⁹ Abdul Rasyid Asba, *Trade and State Power in the 16 th and 17 th Century South East Asia*, Proceedengs of the Seventh IAHA Conference, Bangkok, 22-26 August 1997, hlm. 391-419.

Batolomeu Dias, Christopher Columbus, Vasco Da Gama dan Ferdinand Magelan sebelum dan semasa itu. Berlatarbelakangkan perkembangan itulah, maka pedagang Eropah, Timur Tengah, malahan orang Melayu berduyun-duyun memasuki wilayah Makassar. Mereka bukan sahaja melakukan perdagangan, tetapi juga memperkenalkan ilmu dan pengetahuan baru kepada penguasa-penguasa tempatan di Sulawesi Selatan. Sehubungan itu, penguasa Gowa misalnya, telah memperoleh pengalaman daripada orang Portugis dalam membuat bangunan istana dan benteng-benteng pertahanan di pantai, seperti yang terdapat di Eropah pada abad pertengahan. Impak daripada pertembungan kebudayaan dengan pihak luar itu telah mempercepatkan kedinamikaan kegiatan ekonomi dan politik di kerajaan Gowa. Gowa yang kemudiannya telah memainkan peranan besar dalam perdagangan antara negara-negara di Alam Melayu dengan negara lain di luar atau perdagangan antara bangsa (Rasjid, 200:2).

Sehubungan itu, maka dari abad ke-15 sehingga pertengahan ke-16; kerajaan tempatan Bugis, iaitu Suppa', dan kerajaan Makassar iaitu Siang, diketahui sudah memainkan peranan penting dalam aktiviti perdagangan di peisisir barat Sulawesi Selatan. Namun, setelah memasuki pertengahan abad ke-16, kekuatan politik dan ekonomi kerajaan tadi telah diambil alih oleh Gowa-Tallo melalui penaklukan perang. Ini disebabkan kerajaan Gowa masa itu sudah memasuki zaman kegemilangannya, maka dapat menguasai perdagangan di Sulawesi Selatan. Dengan itu, kerajaan Gowa berkembang dengan pesat dengan mempunyai armada perniagaan dan kapal yang dilengkapi senjata. Ini bermakna bahawa dalam masa yang singkat itu, Gowa sudah muncul sebagai penguasa lautan di Timur Nusantara sehinggakan ia tidak dapat ditandingi oleh kerajaan-kerajaan tempatan yang lain. Kesudahannya, hampir semua kerajaan tempatan yang lain di Makassar, Bugis dan Mandar sudah ditakluki oleh Gowa. Tetapi, kegemilangan Gowa sebagai kerajaan maritim yang terkuat di Nusantara sudah mengalami kejatuhannya pada suku kedua abad ke-17.

Berbalik kepada sejarah Gowa, kita dapati Karaeng Tumaparrisi Kallonna sudah dicatat sebagai penguasa Gowa yang menubuhkan jabatan Syahbandar di pelabuhan Makassar dengan melantik Daeng Pamatte sebagai Ketua. Untuk merancang pembangunan dan mempertingkatkan kekuatan Gowa menjadi lebih kuat dengan tanah yang lebih luas lagi, maka Tumaparrisi Kallonna telah menggunakan strategi perang untuk menaluki kerajaan sejarannya. Dalam naskhah K ada disebut 12 nama kerajaan

telah ditakluki oleh Tumaparrisi Kallonna. Kerajaan itu adalah Garessi' Katingang, Parigi, Siyang, Sidenreng Manai', Lembang, Bulukumba, Selayar, Pannaikang, Madello, Céppaga, Maru dan Polomabangkeng. Selain itu, Tumaparrisi Kallonna telah menggunakan taktik diplomasi untuk menjalinkan hubungan persahabatan dengan kerajaan Luwu dan kerajaan Salomekko. Beliauah juga yang sudah menggabungkan Tallo sebagai kerajaan kembar Gowa melalui perjanjian bersumpah antara Raja Gowa dan Raja Tallo dengan disaksikan oleh para *Gallarang* atau Dewan Hadat.

Bila dikenang balik, kita dapati Tumaparrisi Kallonna (1511-1546), Raja Gowa IX, adalah tokoh besar bagi pembangunan ekonomi dan perdagangan Makassar. Dia telah membuat Gowa menjadi pelabuhan penghubung antara negeri-negeri di sebelah barat dengan kepulauan Maluku yang sudah ditakluki oleh Portugis. Dialah juga telah menjalin hubungan dengan pihak Portugis yang telah tiba di bandar niaga Sombaopu Makassar pada tahun 1538. Dalam rangka hubungan perdagangan itu, orang Portugis telah disambut dengan baik oleh pihak berkuasa tempatan di Makassar. Hubungan baik itu ditandai dengan sikap Gabenor Portugis di Maluku yang mengirim beberapa buah kapal ke bandar Makassar untuk berdagang. Setelah berlabuh di Makassar, kapal-kapal Portugis kemudian meninggalkan Sulawesi Selatan dengan membawa muatan hasil alam setempat. Pada tahun 1542, Antonio Paiva tiba di Suppa' sebagai utusan Gabenor Portugis di Ternate. Dia membawa bersamanya misi perdagangan dan penyebaran agama Kristian. Selepas itu, utusan Portugis yang lain, termasuk Manuel Pinto dan Vicente sudah datang. Mereka memilih untuk berlabuh di bandar-pelabuhan Suppa' dan Siang. Daripada kajiannya, Rasjid (2000:24) mendapati orang Portugis itu sudah menghabiskan masa selama tiga tahun di Suppa' dan Siang.

Sampai di sini, ingin dinyatakan dua hal yang patut dibawa kepada perhatian kita. Berdasarkan catatan Portugis, orang Portugis sendiri mendapati orang Melayu Muslim sudah datang lebih awal di Sulawesi Selatan daripada orang Portugis di pelabuhan Siang dan Suppa'. Selain itu, daripada tahun 1512 – 1515 ada maklumat yang menyatakan pelabuhan Suppa' dan Siang sudah dikunjungi perahu dan kapal-kapal niaga dari banyak negeri dan bangsa-bangsa dari luar Sulawesi Selatan. Yang menarik ialah orang Melayu sudah disebut sebagai salah satu daripada peniaga dan pedagang yang penting setelah menjalin hubungan rapat dengan masyarakat setempat.

Di sini, Pinto, seorang pengelana Portugis yang berkunjung ke Sulawesi Selatan pada tahun 1544 telah menjumpai orang Melayu yang berdagang di Suppa' dan Siang. Pedagang-pedagang Melayu itu disebutkan sudah berasal dari Johor, Pattani dan Pahang dan mereka sudah beragama Islam, Noorduyn (1964) dan Rasjid (2000:25). Itulah antara sebabnya dikatakan bahawa kedatangan orang Melayu di Sulawesi Selatan, tidaklah hanya melakukan perdagangan, tetapi juga menyebarkan agama Islam.

Seterusnya, kita dapati Tunipallangga (1546-1565), raja Gowa X, sudah meneruskan agenda Tumaparrisi' Kallonna untuk membuat Gowa menjadi gemilang dalam dunia maritim. Antara usaha yang dibuat untuk memperkukuh kedudukan Gowa sebagai kerajaan yang kuat dan besar, beliau sudah melancarkan ekspansi kekuasaan. Ini bermakna peperangan dan penaklukan sudah dilakukan Tunipallangga secara sistematik dan terencana. Akhirnya, hampir semua kerajaan tempatan di Sulawesi Selatan telah ditaklukinya, kecuali Bone. Suppa' dan Siang yang telah disebut tadi adalah antara dua daripada kerajaan tempat yang telah ditawan oleh Tunipallangga. Seperti yang diduga, kejatuhan Siang dan Suppa' sudah menjejaskan aktiviti perdagangan dan perniagaan kedua-dua buah kerajaan itu. Seiring dengan perkembangan dan pengalihan seluruh aktiviti perdagangan yang terpusat di Sombaopu oleh penguasa Gowa, maka kedudukan Suppa' dan Siang merudum dari masa ke masa.

Karaeng Tunipallangga (1548-1566) menata kerajaan Gowa dalam pelbagai bidang terutamanya pembinaan Sombaopu sebagai pusat bandar-pelabuhan perdagangan Sulawesi Selatan. Di sini ingin dinyatakan bahawa bandar Sombaopu sudah dibina semula tembok batu bata didirikan mengelilinginya, maka Sombaopu dijadikan benteng dan bandar utama kerajaan Gowa. Sementara itu, Istana Gowa bernama "Maccini Sombala" pula telah didirikan di Sombaopu untuk menggantikan tapak istana yang lama di bukit Tamalate. Perpindahan istana Gowa tersebut sudah dipandang sebagai simbol peralihan peradaban Gowa memasuki era ekonomi maritim. Selain membina pelabuhan secara professional, Tunipallangga juga telah melakukan penyempurnaan ke atas pentadbiran kerajaannya dengan memisahkan jawatan Syahbandar daripada *Tumailalang*.³⁰ Rancangan Tunipallangga membina Sombaopu sudah membuahkan hasil

³⁰ Tumailalang adalah jabatan di dalam kerajaan Gowa yang bertugas untuk membantu Raja dalam urusan dalam kerajaan. Tumailalang dapat disejajarkan sebagai Menteri Dalam Negeri.

dengan menjadikan kota itu sebagai kota pelabuhan dan perdagangan yang sangat sibuk dan makmur. Dalam erti kata, ramai pengusaha dan pedagang dari banyak negara lain sudah membuka pejabat perdagangan mereka di Sombaopu. Namun, kejayaan Sombaopu tidaklah berpanjangan kerana meletupnya Perang Makassar pada tahun 1666. Seiring dengan kehancuran Gowa akibat perang menentang Bone dan Belanda, Sombaopu sudah mengalami kemunduran sehingga ditinggalkan sama sekali pada akhir abad ke-17.

Satu perkara yang boleh dikaitkan dengan pemerintahan Tunipallangga (1548-1566) dengan agenda kemaritimannya di Sombaopu adalah penarikan pedagang-pedagang Melayu dengan jumlah yang besar. Seperti yang dicatatkan dalam naskah-naskah lontara, semasa pentadbiran Tunipallangga, orang Melayu diberi sambutan yang baik. Dengan kata lain, zaman pentadbiran Tunipallangga itu terdapat ramai sekali orang Melayu datang ke Sulawesi Selatan untuk berdagang dan menyebarkan agama Islam seperti yang disebut berulang kali sebelum ini. Sehubungan itu, Raja Gowa ini pulalah dikisahkan telah memberi sebuah wilayah di sebelah selatan Sombaopu sebagai petempatan orang Melayu (peristiwa itu akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam Bab 4). Antara layanan istimewa daripada Tunipallangga kepada orang Melayu ialah orang Melayu diberikan hak kewilayahan dan diplomatik di Mangallekana. Oleh sebab itu, Kampung Mangallekana yang sudah menjadi petempatan awal orang Melayu itu semakin menunjukkan perkembangannya dalam masa pentadbiran raja Gowa Tunijallo (1566-1590).

Ingin diulangi bahawa orang Melayu sudah menjadi kaum pendatang yang mendapat keistimewaan lebih berbanding dengan pihak pendatang lainnya. Tunipallangga memberi hak keistimewaan kepada orang Melayu ialah mereka mendapat kepercayaan daripada Raja Gowa untuk memegang jawatan Syahbandar Sombaopu. Yang dimaksudkan itu adalah Tunipallangga telah memberi kepercayaan kepada I Mangambari Daeng Mangaweang, seorang keturunan Melayu, untuk menjalankan tugas-tugas Syahbandar. Tidak kurang pentingnya ialah selaku keturunan pedagang, syahbandar-syahbandar dari keturunan Melayu telah menunjukkan kemampuannya yang lebih dalam mengolah pelabuhan dan transaksi dagang. Jawatan syahbandar sudah diberi oleh pihak berkuasa di Gowa kepada orang Melayu secara turun-temurun.

Apakah tanggung jawab Syahbandar? Mengapakah jawatan itu penting? Setelah dikaji, kami dapati tugas syahbandar adalah memungut biaya atau cukai dermaga daripada pedagang-pedagang yang melabuhkan perahu-perahu mereka. Oleh sebab banyaknya kapal yang datang, maka banyaknya pendapatan dari cukai setiap hari, setiap minggu dan bulan dan tahun. Untuk menjalankan kerja itu, syahbandar mesti ada kepandaian dalam mengatur birokrasi pelabuhan yang rumit yang melibatkan wang yang baik daripada pungutan cukai. Daripada itu, tahulah kita bahawa syahbandar adalah pegawai yang tinggi pangkatnya dan besar kuasanya, malahan adalah antara pembesar kerajaan yang mempunyai pengaruh yang besar. Selain itu, daripada kajiannya, Mattulada (1976:11) juga mendapati syahbandar juga memainkan peranan utama untuk membawa ulama-ulama dari luar Sulawesi Selatan, maka telah memainkan peranan dalam menjalinkan hubungan dengan negeri-negeri pesisir di Alam Melayu. Dalam konteks penghijrahan orang Melayu ke Sulawesi Selatan, maka peranan syahbandar Sombaopu daripada orang Melayu adalah sangat penting. Mereka merancang kedatangan orang Melayu khasnya dari Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera secara berterusan. Itulah juga salah satu sebab ramainya orang Melayu berhijrah ke Sulawesi Selatan masa itu.

Pentingnya peranan syahbandar Sombaopu Gowa ternyata bukan sahaja menunjukkan peranan orang Melayu dalam pengelolaan pelabuhan di Sulawesi Selatan, tetapi juga membawa orang Melayu yang lain ke Sulawesi Selatan. Peranan pertama itu sudah membuat penguasa tempatan di Sulawesi Selatan memberi layanan istimewa kepada orang Melayu. Di sini, kedudukan tinggi orang Melayu sebagai Syahbandar perlu dilihat dari segi keterlibatan mereka dalam menjalankan sebahagian kerja dalam birokrasi pentadbiran kerajaan. Sehubungan peranan dan tanggung jawab syahbandar kerajaan, Schrieke (1959:238) mendapati syahbandar memainkan peranan penting dalam menjalinkan hubungan perdagangan antara orang di Sulawesi Selatan dengan pedagang dari luar Sulawesi Selatan. Ini bermakna hubungan perdagangan antara Makassar dengan negara lain. Dalam jaringan itu, ekonomi banyak pulau dan tempat lain juga berkembang dengan meningkatnya tahap perdagangan itu dari masa ke masa. Perkembangan lain yang menarik perhatian ialah disebabkan orang Melayu yang datang ke Sulawesi Selatan itu sudah beragama Islam. Ketika agama Islam sudah diterima di Sulawesi Selatan, maka lebih mudahlah orang Melayu memperoleh jawatan Syahbandar. Itulah antara sebab penting jawatan itu dipegang orang Melayu.

Di sini penguasa di Sulawesi Selatan sudah nampak pentingnya agama Islam menjadi asas mempergiatkan perhubungan dan perdagangan dengan negeri lain di Alam Melayu. Dengan kata lain, jaringan perdagangan antara sebuah negara dengan sebuah negara yang lain di Alam Melayu bukan sahaja disebabkan perdagangan antara pulau atau antara bandar, tetapi juga jaringan agama Islam. Dalam konteks itu, maka bersama dengan penguasa kerajaan-kerajaan tempatan, para syahbandar Melayu yang beragama Islam turut memainkan peranan sebagai mubaligh-mubaligh yang meletakkan sendi-sendi Islam di berbagai negeri pesisir di Alam Melayu (Mattulada, 1976)³¹. Apa yang turut dilakukan syahbandar Melayu itu ialah meletakkan landasan peng-Islam-an sebelum masuknya Islam secara rasmi pada kerajaan di Sulawesi Selatan.

Syahbandar Melayu juga memainkan peranan penting dalam membendung ekspansi pengaruh dan kekuasaan Portugis di beberapa kerajaan Nusantara, lebih-lebih lagi penyebaran agama Kristian yang rancak dilakukan pendakwa dari Eropah. Syahbandar Melayu tadi telah berjaya menunjukkan bahawa agama Islam boleh dijadikan benteng pertahanan kekuasaan raja-raja tempatan. Hasilnya, sepanjang masa kehadirannya di Sulawesi Selatan, orang Portugis tidak banyak kesempatan untuk meluaskan kuasa politik dan misi agama Kristian dalam kalangan orang Bugis dan Makassar. Antara sebab gagalannya orang Portugis meluaskan pengaruhnya itu adalah mereka sukar menandingi kedudukan dan pengaruh daripada pedagang dan syahbandar Melayu di Sulawesi Selatan. Apa yang disaksikan Paiva dan telah disampaikan kepada Gabenor Portugis di Maluku menguatkan kenyataan tersebut. Menurut Pelras (1977)³² berdasarkan keterangan yang dibuat Paiva ketika ia tiba di Suppa' dan Siang pada tahun 1542 bahawa, orang-orang Melayu telah menetap di Siang dan Suppa' lebih dari 50 tahun silam. Dia mendapati-orang Melayu sudah hidup dikawasan yang khusus. Mereka hidup secara tersusun dalam masyarakat yang teratur. Paiva menambah bahawa dirinya

³¹ Mattulada "*Ugama Islam dari Sulawesi Selatan*", Laporan Projek Penelitian Peranan Ulama dan Pengajaran Ugama Islam di Sulawesi Selatan. Ujungpandang: Fakultas Sastra Universitas Hasanuddn, 1976, hlm. 9.

³² Kesaksian daripada Antonio de Paiva sebagai orang Portugis yang telah tinggal di Sulawesi Selatan dalam tahun 1542-1543 dan Manuel Pinto yang menyertai ekspedisi Portugis ke Suppa' 1545. Lihat Pelras dalam "*Sulawesi Selatan Sebelum Datang Islam Menurut Kesaksian Bangsa Asing*" dalam "*Citra Masyarakat Indonesia*" Jakarta, 1977, hlm. 59.

tidak diterima oleh orang-orang Melayu kerana perbezaan ugama selain persaingan dagang (Pelras,1977:68).

Catatan Paiva itu menunjukkan Melayu telah tiba lebih awal di Sulawesi Selatan, maka sudah menjalin hubungan mesra dengan orang Bugis dan Makassar. Keterangan Paiva itu juga memberi kesan tentang keunggulan orang Melayu berbanding dengan orang Portugis dari segi hubungan sosialnya dengan penduduk tempatan. Orang Melayu telah diterima oleh masyarakat tempatan Sulawesi Selatan. Mereka pula diberi kepercayaan dari penguasa tempatan untuk menyandang jawatan sebagai syahbandar pelabuhan, juru tulis istana, diplomat kerajaan, antara banyak yang lain.

Orang Melayu yang giat dalam perdagangan di banyak tempat di Sulawesi Selatan tidak boleh dipisahkan dengan kisah kedatangan³³ ugama Islam dan juga pengenalannya terhadap masyarakat Sulawesi Selatan pada peringkat awal. Orang Melayu Muslim pedagang itu sudah memainkan peranan dalam usaha menyebarkan Islam di Sulawesi Selatan. Kuasa tempatan, termasuk raja Gowa XII, Tunipallangga Ulaweng, telah memberi sambutan mesra kepada peniaga-peniaga Melayu. Hubungan yang baik antara penguasa Gowa dengan pedagang Muslim Melayu sudah berkembang menjadi semakin istimewa pada masa selanjutnya, khasnya semasa pentadbiran Karaeng Tunijallo (1565-1590). Hal itu bukan sahaja menunjukkan perhatian yang lebih istimewa diberi kepada orang Melayu di Makassar, Karaeng Tunijallo juga sudah membina hubungan persahabatan dengan kerajaan-kerajaan Islam di Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera dan Jawa (hal ini akan diperkatakan lebih lanjut dalam Bab 4).

³³J. Noorduyn dalam *Islamisasi Makassar*. Jakarta: Bharata, tahun 1972, hlm. 11-15. Noorduyn membagi fasa sejarah kehadiran ugama Islam di Sulawesi Selatan iaitu *datangnya*ugama Islam dan *masuknya*ugama Islam. Datangnya ugama Islam ialah kehadiran Islam yang dibawah oleh saudagar-saudagar berugama Islam iaitu Melayu, Jawa, Arab, Gujarat dan Parsi. KedatanganIslam terhitung pada awal abad ke-16 yang kemudian ditandai dengan menetapnya sudagar-sudagar Muslim di Gowa dan tempat-tempat lainnya di Sulawesi Selatan. Sementara itu erti kata “masuknya” ugama Islam ialah dianutnya ugama Islam secara rasmi oleh masyarakat Sulawesi Selatan yang dikuat-kuasakan oleh raja-raja tempatan. Penerimaan Islam secara rasmi ditandai dengan pemelukn Islam oleh Raja Tallo-Gowa yang kemudian diikuti oleh Raja-raja Bugis dan Makassar lainnya. R.A. Kern dan Noorduyn adalah orang yang telah melihat persoalan sejarah masuknya Islam secara mendalam dan menyeluruh, mengambil keputusan mengenai angka tahun diterimanya Islam di Sulawesi Selatan secara rasmi pada tahun 1603. Meskipun demikian, Noorduyn mengambil keputusan mengenai rasminya ugama Islam diterima di Sulawesi Selatan pada tahun 1605, bertepatan pada tanggal 9 Jumadil Al-Awwal tahun 1014 Hijeriah atau jatuh pada hari Kamis tanggal 22 September 1605.

Karaeng Tunijallo kerap kali melakukan kunjungannya ke negeri-negeri sahabat, termasuk ke Sumatera, Johor dan Ternate (Mattulada, 1976 :8.; Rasjid, 2000:31.; dan Noorduyn, 1972:13).

Dalam abad XVI, hubungan antara kuasa Gowa dengan pihak Melayu dan pedagang Islam yang lain sudah mencapai taraf yang mengagumkan. Dalam *Kronik Gowa*³⁴ dicatatkan Karaeng Gowa, Tunijallo' sudah menjalin persahabatan dengan raja-raja Melayu dari Johor, Melaka, Pahang, dan Patani. Selain itu, Karaeng Tunijallo' juga menjalin hubungan baik dengan kerajaan di Nusantara seperti Ternate, Balambangan, Banjarmasin, yang seluruhnya sudah memeluk agama Islam. Yang tidak kurang menarik perhatian ialah Tunipallangga telah juga memberi petempatan kepada orang Melayu. Ini diikuti Tunijallo yang berbaik dengan orang Melayu dengan mendirikan masjid bagi orang Melayu dan pedagang Islam yang ada di Mangallekana (Rasjid, 2000:33). Masjid Mangallekana³⁵ adalah masjid yang pertama dibangunkan di Sulawesi Selatan, walaupun sebelum agama Islam diterima secara rasmi oleh kerajaan Gowa-Tallo pada 1605. Seterusnya Rasjid (2000) juga mengatakan bahawa Karaeng Tunijallo sudah memberi sokongan kepada orang Melayu untuk menunaikan ibadah haji ke Mekkah. Fakta-fakta ini menunjukkan sikap Karaeng Tunijallo' yang positif kepada pemukim dan saudagar-saudagar Melayu Islam di Mangallekana. Sama ada Tunijallo' dan orang Bugis dan

³⁴Matthes dalam "*Makassarsche Chrestomatie*", Amsterdam: Spin & Zoon, tahun 1860, dan Noorduyn, "*Islamisasi Makassar*" Djakarta: Bharata, 1972, hlm. 12. Kedua-dua menjelaskan Kronik atau *Patturioloang Gowa*, bahawa Karaeng Tunijallo mendirikan masjid di Mangallekana bagi pemukim orang-orang Melayu Muslim. Bahkan dia pula yang memerintahkan orang muslim untuk pergi berhaji sebagai rukun kewajipan Islam yang ke lima. Meskipun demikian Noorduyn menilai teks yang dihimpun Matthes itu dianggapnya sebagai tafsiran yang spekulatif.

³⁵ Pada 27-30 September 2013 penulis bersama dengan Tim Arkeologi Jawatan BALAR Makassar: Budiano Hakim, Hasanuddin, Made, Muhaemina, Citrawaty telah melakukan penelitian untuk mencari lokasi bekas kampung Mangallekana dan bekas Masjid yang dimaksud dalam catatan lontara. Pada tanggal 27 September 2013, kami menemukan kampung Mangallekana pada sebuah tempat yang sekarang bernama kampung Pallannasang. Pada tanggal 27, ditemukan lokasi bekas masjid Mangallekana pada sebuah kompleks pemakaman tua. Pada tanggal 28-30 September, tim arkeologi melakukan ekskavasi dengan membuat sebuah titik galian di kompleks pemakaman kuno tersebut. Selama tiga hari dilakukan penggalian, telah ditemukan material seperti batubata berhias dan tumpukan material batu yang diduga kuat sebagai isian pondasi masjid. Meskipun demikian, temuan itu belum memberikan kebenaran 100 peratus sekiranya material itu adalah bukti masjid mangallekana. Pencarian pembuktian lebih lanjut perlu dilakukan untuk memastikan andaian tersebut.

Makassar masa itu sudah secara peribadi memeluk agama Islam belum dapat dipastikan, maka perlu diselidiki selanjutnya.

Hal lain yang diketahui ialah aktiviti pelayaran yang dilakukan oleh pelaut-pelaut Bugis-Makassar pada masa Karaeng Tunijallo masa itu telah mencapai taraf kerjasama yang baik. Boleh diperkatakan bahawa, sejak era Tunijallo (1565-1590) pedagang Bugis-Makassar telah terkenal kerana prestasi mereka dalam perdagangan regional Asia Tenggara³⁶. Di sini, pedagang Bugis dan Melayu adalah kumpulan pedagang yang terbesar, maka telah menjadi tunjang kepada jaringan perdagangan dari Dunia Melayu di pelabuhan Asia Tenggara. Sehubungan itu, Noordin (2011:37-39) mengatakan bahawa pedagang Bugis dan Melayu adalah kelompok pedagang yang datang dari wilayah gugusan kepulauan Nusantara yang utama. Mereka bertransaksi dengan pedagang dari China, Moor (India Muslim), Chulia, Arab, Hindu dan Burghers yang menetap di Asia Tenggara. Selain pedagang Melayu dan Bugis, terdapat pula pedagang daripada VOC, EIC dan pedagang swasta Inggeris.

Dalam konteks jaringan perdagangan yang rancak dan sibuk di Asia Tenggara pada kurun ke-16 hingga ke-19 itu, pedagang Bugis dan pedagang Melayu sudah memainkan peranan yang penting dalam ekonomi perdagangan di bandar-bandar pelabuhan laut Melayu. Barang dagangan yang banyak mendapat permintaan daripada pedagang dari luar Alam Melayu adalah lada hitam, rempah ratus, emas, bijih timah dan hasil hutan seperti rotan, kayu cendana dan gaharu. Barang mentah tersebut yang datang dari alam Melayu mendapat permintaan tinggi dari pedagang di Eropah, terutamanya barangan seperti rotan dan kayu cendana. Sementara itu, barang siap yang diimport dari China dan India dan yang mendapat permintaan tinggi di pasaran Asia Tenggara adalah kain, kapas, candu, pinggan, mangkuk, tembikar China, kertas, gula, garam dan sutera. Kain India mendapat permintaan amat besar di pasaran Asia Tenggara kerana tinggi mutunya. Selain tenunannya cantik, berwarna emas, dengan coraknya yang berwarna-warni dan pelbagai motif, juga memang ada banyak pilihan. Produk kain

³⁶ Wilayah bandar pelabuhan Asia Tenggara mencakup bandar dan pelabuhan yang berada dalam zon di sepanjang Lautan Hindi-Asia Tenggara-Laut China Selatan. Nama-nama bandar pelabuhan penting yang termasuk bandar Asia Tenggara adalah iaitu Betawi, Ceribon, Semarang, Juana, Gerisik, Ternate, Ambon, Buton, Makassar (Sombaopu) berada di wilayah Timur Melayu-Indonesia; Melaka, Siak, Assahan, dan Batu Bara sebelah timur Sumatera. Melaka, Kedah, Aceh, Riau-Johor, di Selat Melaka, dan lain-lainnya.

India dan porselin China pun banyak diminati masyarakat tempatan di Sulawesi Selatan. Corak barang dagangan dan jaringan perdagangan tidak banyak berubah dalam abad ke-16 hingga ke-19 (Noordin, 2011:40).

Pedagang Bugis-Makassar sudah melayarkan perahu-perahunya sehingga sampai ke pelabuhan-pelabuhan jauh, baik di bahagian barat, mahupun di bahagian timur. Banyak perahu dagang orang Bugis-Makassar yang besar panjang sehingga mencapai 20 depa (\pm 40 meter) dan lebar 3 depa (\pm 4.5 meter). Mattulada (1976:9-10) mendapati perahu-perahu besar itu umumnya dinakhodai oleh orang-orang yang terkemuka yang memang handal dalam navigasi dan perdagangan. Setiap perahu terkadang memuat beberapa orang bangsawan yang kaya dan yang berpengaruh dari negeri asal mereka. Banyak daripada pedagang-pedagang pelayar itu bukan sekadar berdagang, tetapi juga adalah penguasa perairan. Perahu besar sebagai tumpangan bangsawan berpengaruh itu, biasanya diiringi sebilangan perahu yang bersenjata. Oleh itu, kadangkala mereka dianggap juga bajak laut atau lanun yang sangat ditakuti.

Dalam konsep budaya Bugis-Makassar, perahu secara simbolik merupakan representasi mikro-kosmos. Oleh itu orang Bugis dan Makassar menjadikan perahu mereka sebagai negeri atau dunia kecil yang berlayar. Lautan bagi mereka adalah hamparan luas yang dibentangkan oleh Tuhan yang tidak boleh bagi pihak manapun memiliki dan melarang pihak lain melayarinya. Bagi mereka, mendatangi sesuatu negeri pelabuhan, bermakna negeri merekalah yang mendatangi negeri itu. Maka, mereka pun beranggapan dan berperilaku sebagai berada di negerinya sendiri. Para lelaki Bugis-Makassar banyak berkahwin dengan perempuan-perempuan di negeri yang didatanginya. Mereka melahirkan keturunan-keturunan di rantau dan kadangkala mereka membawa pulang isteri-isteri dan anak-anaknya ke Sulawesi Selatan (Mattulada, 1976:10).

Dunia maritim Sulawesi Selatan mencapai kemuncaknya pada pertengahan abad ke-17 yang ditandai dengan tersusunnya Hukum Pelayaran dan Perdagangan Amanna Gappa. Hukum ini disusun menggunakan bahasa Bugis "*Ade' Allopo-loping Bicaranna Pabbalu'é*" yang dijalankan tiga pihak iaitu orang Wajo, orang Bone dan orang Makassar. Hukum Pelayaran dan Perdagangan ini dikatakan disusun oleh seorang Bugis bernama La Pataello yang bergelar Amanna Gappa yang lebih awal telah dilantik

sebagai Matoa bagi orang Wajo di bandar Makassar. Intisari hukum ini adalah peraturan yang mengorganisasikan aktiviti pelayaran dan perdagangan di lautan (Tobing, 1971).

Hukum Pelayaran dan perniagaan itu memberikan kesan ke atas peradaban maritim Bugis-Makassar yang telah mencapai taraf yang tinggi. Hukum Pelayaran dan Perdagangan Amanna Gappa menggambarkan pula wilayah jangkauan dan jalur perdagangan dan pelayaran Bugis-Makassar yang diorganisasikan secara rasmi oleh syahbandar Makassar. Nama-nama bandar pelabuhan di Nusantara yang tercatat dalam *Kod Maritim* Hukum Amanna Gappa sebagai jangkauan atau jalur pelayaran kapal dari Sulawesi Selatan adalah: Pasir (Bgs: *Passéré'*) di Kalimantan, Sumbawa, Kaili, Aceh, Kedah, Kemboja, Selangor, Melaka, Johor, Tanapulo, Tarapuo, Jakarta, Palembang, Aru, Semarang, Sambas, Pontianak, Ambon, Banda, Kei, Ternate, Berau, Sumenep, Timor, Selayar, Mempawah, Sulu, Bali, Manggarai dan Buton (Tobing, 1977:48-49). Setiap bandar pelabuhan tersebut telah ditetapkan ongkos yang berbeza-beza mengikut jarak pelayaran.

Perihal lebih kompleks yang termuat di dalam kod maritim Bugis-Makassar ini mencakup segala sesuatu yang berkaitan dengan hal-hal perdagangan dan pelayaran, tidak terkecuali pelanggaran-pelanggaran yang terjadi terhadap perahu dan barang dagangannya. Hal-hal yang diatur antara lain mengenai muatan perahu, tentang nakhoda, peralatan perahu, jual-beli, hutang-piutang, pewarisan hak, perselisihan dagang, perselisihan pelayaran, pinjam-meminjam, hubungan ponggawa-sawi dan pesan-pesan Amanna Gappa. Keseluruhan substansi yang termuat di dalam Hukum Pelayaran dan Perdagangan Amanna Gappa tersebut menggambarkan peradaban dunia maritim Sulawesi Selatan. Peradaban itu telah mencapai kemuncaknya pada abad ke-17 namun masih dijadikan pedoman pada abad selanjutnya.

3.5 HUBUNGAN ORANG MELAYU DAN BUGIS-MAKASSAR PADA PERINGKAT AWAL

Daripada teks-teks Melayu dan sastera klasik Bugis *I Lagaligo*, boleh diperoleh maklumat tentang hubungan orang Bugis-Makassar dan Melayu yang lebih awal lagi iaitu abad ke-7 atau ke-8 Masihi. Teks Melayu seperti *Hikayat Kelantan*, *Sulalatus Salatin*, *Hadiqatul Azhar Wal-Riahin* dan *Tuhfat al-Nafis* ada kisah keberadaan orang

Bugis di Semenanjung pada abad ke-8 sehingga abad ke-18 Masihi. *Hikayat Kelantan*³⁷ umpamanya mengandungi maklumat yang mengatakan bahawa pada tahun 760-762 Suwira Gading (Bgs: *Sawerigading*), seorang tokoh Bugis, dari Yuwana telah datang dua kali ke medan *Bhumi Ngo Sri Voung* menghadap kepada Srivijayendra. Suwira Gading memohon bantuan tentera kepada Srivijayendra bagi membebaskan Puteri Cudai di Yuwana dari penjajahan China. Permintaan Suwira Gading diluluskan oleh Srivijayendra, maka selama lima tahun kedua-dua pihak mengatur persiapan untuk membebaskan Puteri Cudai. Serangan ke atas negeri China dilakukannya pada tahun 767 Masihi dipimpin oleh panglima perang bernama Sanjaya, Sang Satiaki Satiarta dan Suwira Gading. Setelah melakukan serangan itu, maka Suwira Gading pun pulang menuju Kasudwipa atau negeri Sulawesi Selatan iaitu kerajaan Luwu.

Apabila menyelaraskan tempoh peristiwa abad ke-8 tersebut dengan periode kuasa kekaisaran China, maka tarikhnya itu setuju dalam era dinasti Tang. Dinasti Tang³⁸ dalam sejarah China telah diketahui sebagai periode kuasa yang hebat dan gemilang. Dikisahkan bahawa pada tahun 605 M, sebuah kelompok bajak laut China melancarkan serangan ke atas Champa dan berhasil menawan serta menghancurkan perekonomian kerajaan Champa. Nama Champa merupakan sebuah toponimi kerajaan yang telah disebut dalam teks *I La Galigo*. Champa merupakan salah satu negeri yang juga pernah dikunjungi Sawerigading dalam rangkaian pengembaraannya ke negeri China untuk mencari We Cudai.

³⁷ Nurhayati Rahman, *Suara-Suara Dalam Lokalitas*, Makassar: La Galigo Press, 2012, hlm. 215. Lihat juga Abdul Rahman Al-Ahmady, *Sawerigading dalam La Galigo: catatannya dalam versi Kelantan dan Trengganu serta Hubungannya dengan Yuwan di semenanjung Indo-China* dalam *Folk-Tale Sulawesi*. Jakarta: Pendidikan dan Kebudayaan., 1990, hlm. 222.

³⁸ China pada era Dinasti Tang wujud sebagai kerajaan yang superior ke atas kerajaan-kerajaan jirannya. China wujud sebagai penguasa total perairan Asia Timur yang disokong dengan pengembangan teknologi navigasi dan kekuatan angkatan laut yang handal. Dalam masanya yang panjang, China dikenal telah melakukan revolusi maritim terutamanya selama dinasti Tang. Teknologi perahu China berkembang pada masa Dinasti Tang yang mengembangkan perahu besar yang memiliki lima deck, dengan tiang-tiang tinggi 15 meter dan daya dukung 800 orang. Perahu China telah merambah pelbagai wilayah di Asia Selatan, tidak terkecuali Asia Selatan. Pada abad ke-7 perahu China sudah merambah Asia Tenggara seperti Sumatera, Jawa dan Champa. Lihat Lo Jung-Pang, *China as a Sea Power 1127-1368, A Preliminary Survey of the Maritime Expansion and Naval Exploits of the Chinese People During the Southern Song and Yuan Periods*. (Editor: Bruce A. Elleman). Singapura: NUS Press and Hong Kong University Press, 2012..

Hubungan Bugis dengan Melayu diceritakan pula di dalam *Sulalatus Salatin*³⁹. Teksnya mengisahkan jalinan muhibah antara Gowa di Sulawesi dengan Melaka di Semenanjung Melayu pada zaman Sultan Mansur Syah (1446-1459). Di dalam prolog edisi *Taj Sulalatus Salatin* Hassan Ahmad mengungkapkan hubungan di antara kerajaan Gowa dan kesultanan Melaka sebagai berikut:

(...) dapat kita memahami bahawa perhubungan muhibah di antara Gowa di Sulawesi dengan Melaka sudah terjalin sejak dari zaman kerajaan Sultan Mansur Syah di Melaka lihat hal.93-97. Mungkin juga seperti orang-orang dari pulau-pulau Sumatera dan Jawa pada zaman itu, orang-orang dari tanah Bugis itu juga sudah agak ramai datang dan tinggal di Melaka. Hubungan ini terbukti berterusan sehingga ke masa kebelakangan. Para pelayar, pelaut dan peniaga dari negeri-negeri di Sulawesi itu tidak putus-putus berulang datang ke Semenanjung ini; bukan sekadar itu sahaja, malah dengan melalui aliran sejarah, ikatan perhubungan muhibah di antara kedua pihak itu telah terjalin dengan lebih erat lagi melalui hubungan semenda-menyemenda, bukan sahaja di kalangan golongan rakyat, bahkan di kalangan raja-raja pemerintah. Jika kita berpegang kepada pendapat bahawa naskhah *Hikayat Melayu*, iaitu inti kepada *Sulalatus Salatin* itu sudah dalam penyusunan sejak dan zaman Kesultanan Melaka, dan dianggap sempat dibawa berundur keluar, yakni diselamatkan tatkala Melaka jatuh ke tangan Portugis, dan seterusnya kalaupun naskhah itu tidak dibawa dari Melaka terus ke Goa di Sulawesi, tetapi mungkin di sepanjang masa pengunduran itu telah dibawa ke beberapa tempat lain, pada akhlmya tidaklah boleh dikesual atau dinafikan sama sekali, bahawa naskhah tersebut telah dibawa ke Goa di Sulawesi itu. Kemudian, pada zaman pemerintahan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah III bemegegi di Pekan Tua. Dalam edisi lain ada yang menyebut Pasir Raja, dan ada pula menyebut di Pasai, naskhah itu telah dibawa orang dari Goa ke Pekan Tua, (...)

(Sumber: *Sulalatus Salatin*, Haji Hassan Ahmad, 1979:25)

Hubungan Melaka dan Sulawesi Selatan telah mencapai tahap berkesan di kalangan bangsawan dan rakyat dalam urusan perdagangan, pelayaran serta jalinan sosial-politik. Sementara itu, teks *Taj-Sulalatus Salatin* mengisahkan pula Sultan Mansur Syah pernah mengirim surat persahabatan kepada raja Gowa⁴⁰ di Makassar.

³⁹ Kutipan teks berdasarkan naskhah *Sulalatus Salatin* yang diedisi oleh Datuk Haji Hassan Ahmad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, tahun 1979, hlm. 97-100.

⁴⁰ Pemerintahan Sultan Mansur Syah tercatat pada tahun 1459-1476; tempohnya bertepatan dengan dua raja yang memerintah di kerajaan Gowa (Sulawesi Selatan) iaitu Batara Gowa 1451-1459 (VII) dan I Pakkere Tau 1460-1510 (VIII). Jika dipertimbangkan kedua sosok raja Gowa ini perihal hubungannya dengan orang Melayu, maka ada kemungkinan Batara Gowalah yang menjalin hubungan akrab dengan raja Melaka, Sultan Mansur Syah. Lagipula perihal yang perlu difahami bahawa, Batara Gowa sebagai raja Gowa yang memperisterikan perempuan Melayu sebagai isteri yang kedua setelah isterinya yang pertama (Somba Garassi)

Surat tersebut dihantar oleh Seri Bija Pikrama dan Tun Sura Diraja dengan perahu belayar dari Melaka. Diceritakan pula dalam *Sulalatus Salatin* bahawa ramai orang Bugis dari Sulawesi bertempatan di Melaka selain orang dari Pulau Sumatera dan Jawa pada zaman pemerintahan Sultan Mansyur Syah itu. Hubungan itu berterusan sehingga pelayar dan peniaga dari negeri-negeri Sulawesi tidak putus-putus berulang datang ke Semenanjung Melaka.

Valenntjin (1724-1726) dan Zainal Abidin (1983)⁴¹ mengatakan, pada tahun 1424 semasa pemerintahan Sultan Mahmud Syah, kerajaan Melaka diserang lanun yang dipimpin oleh seorang anak bangsawan Bugis bernama Karaéng Samarluka dengan kekuatan lebih 200 buah perahu. Namun, serangan itu dapat dipukul mundur oleh Melaka. Karaéng Samarluka bersama armada bajak lautnya pun berundur. Karaéng Samarluka diidentifikasi sebagai “Karaéng Sama ri Luwu” atau “Sumange Rukka”. Nama yang paling tepat ialah *Samarluka*, seorang tokoh yang dikenali dengan nama “Sumange’ Rukka” dalam *I La Galigo*. Perkataan “Sama” dalam Samarluka merujuk kepada orang *Bajo* atau orang Laut.

Kumpulan orang *Bajo* (Mly: Bajau)⁴² telah dijumpai di Semenanjung Tanah Melayu. Mereka lazim dipanggil sebagai orang ‘Selat’, hidup secara berkumpulan yang menjadikan lautan sebagai aktiviti kehidupan mereka. Kumpulan-kumpulan orang *Bajau* juga banyak hidup merata-rata di lautan wilayah Sulawesi Selatan. Mereka itu didapati bersebaran di pesisir laut Teluk Bone, khasnya di wilayah kerajaan Luwu, Bone, Pangkajenne Kepulauan, Sinjai dan Gowa. Sebuah naskhah Bugis yang bertajuk *Lontara Bajo*⁴³ mencatat nama toponimi ‘Ussu’⁴⁴ di kerajaan Luwu disebut sebagai negeri asalnya

meninggal dunia. Hubungan persahabatan antara Melaka dan Gowa menjadipenting bagi kedua-dua raja ini. Perkahwinan Batara Gowa dengan I Rerasi (puteri Melayu) menjadi pengikat persahabatan yang akrab dan kekal di antara Gowa dan Melaka.

⁴¹ F. Valenntjin, Jilid III, 1724-1726:142. Lihat juga Zainal dalam “*Persepsi orang Bugis terhadap Hukum negara, dan dunia luar*”. hlm. 41-42.

⁴² Zainal Abidin “*Persepsi Orang Bugis dan Makassar Terhadap Hukum dan Dunia Luar*”. Ujungpandang: Lephass UNHAS, hlm. 41.

⁴³Lontara Bajo ini diserahkan kepada Muhlis Hadrawi pada tahun 2011 dalam bentuk fotocopy. Menurut LanceNoolde, lontara ini diperoleh orang Bajo di Sulawesi Tenggara.

sebelum mereka tersebar ke merata-rata di seluruh perairan Nusantara. Di dalam naskah lontara didapati cerita mengenai orang Bajo bahawa di Ussu itulah orang Bajo sebagai kehidupan asal mereka. Sejarah nenek moyang komuniti *Bajau* berdasarkan sebuah mitos ‘Manuring’ di Mangkutu. Kisah cerita kehidupan dan penyeberan orang Bajau merata-rata di lautan Nusantara digambarkan seperti dalam kutipan teks lontara berikut.

Transliterasi

hlm.1 (...) *Aringngerangeng sure' lontara/ Poada-adaéngngi anurungenna Bajoé/Mula tompona koi ri Ussu riasengngé ri Mangkutu/ Allapporena massiwas/ Bajoé riasengngé Tompoé ri Busa Empong/ Kotoniro ri Mangkutu riparassengng Luwuna iparassengng tona Bajoé/ Luwu appunna Bajoé rise' Luwu/ Naiya Pajungngé massitu aseng/ Yina risseng to Ware' / Naiya Lolona Bajoé massituaseng/ Yina riparassengng Luwu/ Naiya Puanna to Ware' é/ Yina riyaseng Opuinna Ware' / Yimuto riaseng Sawerigading/ Naiya Puanna Bajoé kuwa mutopi makkure' ri Mangkutu riparassengng I Papu/ ana'na riyaseng I Lolo/ Naengkana seuwwa wettu nauttama ri nawa-nawana Opuinna Ware' maéloé lao ri Chinapobainéi ana'na Opuinna China riasengngé I Cudai Daéng Risompa pattellarena/ Nassituranamula Puwanna to Ware' é riyasengngé Opu Sengngéng/ Mallaibini massituaseng/ maéloé ritumpang Wélenrengngé ri Ussu/ Narialana Wélenrengngé ri Bissu maégaé/ Napuramani riala nainappa riumpang/ Narebbana Wélenrengngé natellenna/ Nakonaro ri wiring ria rialirang/ Natépu mani nappa ripatoppo' paimeng/ Naolai Opuinna Ware lao ri China...*

hlm.2 *I Yabeng ménré' toni ri langié/ Naiya riwettu ri babana Wélenrengngé/Nalémpe' ittellona ri Ussu nassiaci malirena Bajoé/ Siba ritumpanna Wélenrengngé / Namalina Bajoé sibawa Puwanna/ Natabbéna/ Mali ana' Puwanna riyasengngé I Lolo/ Natattere-terena Bajoé laoSappai Ana' Puwanna/ Nasiare'ni wenninna siare' toni essona/ Sappari Bajoé Ana' Puwanna/ Nataikko' engka naéngkalinga Bajoé karébana Ana' Puwanna naittéi Pabbélolangngé ri Gowa/ Napaénré'i ri Salassaé ri Gowa ri bolana Sombáé (...)*

(Sumber: Lontara Bajo, hlm.1-2)

Terjemahan:

hlm.1 (...) Peringatan lontara/ Ceritera asal-muasal orang Bajo/ Ianya mula lahir ri Ussu iaitu di Mangkutu/ Disitulah mereka hidup berkumpulan/ Orang Bajoé disebut Lahir dari Busa Lautan/ Di situlah di Mangkutu sehingga mereka dinamakan Luwu/ kemudian mereka disebutlah Bajoé/Luwu adalah asal Bajoé, sehingga disebut orang Luwu/ Adapaun para Pajung (bangsawan) sepakat disebut sebagai orang Ware'/ Adapun Lolo Bajo adalah pemimpin yang dikukuhkan Luwu/ sementara Tuan orang Ware' dialah yang digelar Opuinna Ware'/ Dialah dinamakan Sawerigading/ Adapun Tuan orang Bajo berakar daripada Mangkutu bergelar I Papu/ Anaknya dinamakan I Lolo/ Adalah suatu waktu Opuinna Ware' mencadangkan diri pergi berkunjung ke Chinamahu memperistri puteri Raja China

⁴⁴ Teks Lontara Bajo, koleksi Muhammad Salim dan fotocopynya terkoleksi pada Laboratorium Naskah Jurusan Sastra Daerah, Fakultas Sastra Unhas.

bernama I Cudai bergelar Daéng Risompa/ Bersepakatlal raja orang Ware bernama Opu Sengngéng dan isterinya/ mahu menebang pokok Wélenrengngé di Ussu/ Dibuatlah upacara untuk Wélenrengngé oleh para Bissu / Setelah diupacarakan kemudian ditebang/ Welenreng pun tumbang dan tenggelam/ Di tempatnyalah di tepi itu dibuat perahu/ Setelah wujud perahu baharulah diupacarakan lagi/ Opun Ware menunmpanginya pergi ke China.../ hlm.2 Sementara itu I Yabeng nik ke langit/ Ketika Welenreng tiba di muara, terjadilah banjir sehingga mengalirkan orang Bajo bersama dengan Tuannya/ Mereka menghilang/ Anak Tuannya bernama I Lolo hanyut pula/ Bertebaranlah orang Bajo pergi Mencahari anak Tuannya/ Sehingga beberapa malam dan beberapa hari orang Bajo mencari anak Tuannya/Tiba-tiba orang Bajo mendengar khabar anak Tuannya bahwa Ia diselamatkan oleh Pabbélolang Gowa/ Dia disimpan tinggal di istana Gowa, di rumah Somba (...)
(Sumber: Lontara Bajo)

Secara historis tidak dikenal pasti penyebab orang Bajo meninggalkan negeri Ussu kemudian memilih lautan sebagai dunia mereka, kecuali terhubungkan dengan kisah Sawerigading. Maka, sebuah naskah *Attoriolong Bone* dapat menguatkan kisah dan sejarah penyebaran orang Bajo ke pelbagai wilayah di kawasan Teluk Bone dan wujud sebagai penjelajah lautan di sepanjang pantai di bahagian timur Indonesia, Filipina, pulau Flores dan Manggarai. Mereka pun dikenali sebagai anggota lanun-lanun di perairan Nusantara.

Saudagar dan peniaga Melayu bekerja sama juga dengan orang Bajo untuk berlayar menjangkau Sulawesi untuk mengumpul hasil laut dan alam (Rasjid, 2000)⁴⁵. Barang dagangan orang Melayu itu terdiri daripada kayu cendana (Bgs: *aju cenrana*), beras (Bgs: *were*'), dan kulit penyu (Bgs: *sessi*') yang merupakan tangkapan khas orang Bajo. Sementara itu peniaga Melayu juga membawa tembikar, tikar (Bgs: *appé*') dan tekstil yang berupa kain *cindai* (Bgs: *cindé*) dan sutera (Bgs: *sutara* atau *sabbé*) sebagai barangan tukaran utama yang disenangi orang tempatan Bugis dan Makassar. Naskah *I Lagaligo* NBG 188 (naskah I) mencatatkan jenis-jenis barang yang dibawa oleh pedagang-pedagang Melayu seperti berikut:

⁴⁵ Lihat Abdul Rasjid dkk dalam "Makassar Sebagai Kota Maritim", Jakarta: Departemen Pendidikan Nasional (Depdiknas), Tahun 2000, hlm. 63.

Rajah 3.2 Nama benda Melayu diperdagangkan di Sulawesi Selatan pada masa kuno

Jilid/hlm	Jenis Benda	Transliterasi	Terjemahan
131/1	Tikar Melayu (<i>Appé' Malaju</i>)	<i>Kuwa adanna Unga We Majang, "Alao mai le dangkangnge sessung minanga, abbere tokko tanpa' waleenna appé' Malaju mawaji'é/</i>	Berkata Unga We Majang, "Berilah kami wahai pedagang, cukai sungai, dan berikan pula sewa muara dan tikar Melayu yang paling indah.
131/1	Kain Tenun Melayu (<i>Tënnung Malaju</i>)	<i>Kuissëng ritu le tassiratu' mamëng riala warang mparang risomperekki, nae malani Punna Lipu'é ri Sawang Megga manaja ratu' le gumpa Serëng, sekuwa to lëppé' patola, sékuwa to kaboba pinra polisé'é tënnung Malaju.</i>	Saya sudah mengetahui kalau harta kami akan diambil seratus. Akan tetapi, kuasa negeri di Sawammegga telah mengambilnya. Ratusan gumpa Sereng, sekian pula lembaran kain, sekian pula berisi tenunan Melayu.
132/1	Bakul Melaka (<i>Bodo Malaka</i>)	<i>Manaja ratu' bodo Malaka polisé'é ulawëng mpëbbu'. Naiya manëng passeuwwai mawaji'é.</i>	Ratusan bakul Malaka yang berisi emas bubuk. Dialah yang mengambil semua yang baik-baik.
164/1	Kain Melayu (<i>Alu' Malaju</i>)	<i>Naribaleko' alu' Malaju to Boting Langi', nariwewungëng patola gajang to Ruallëtte. Narijiji'na salëmplubu anggadërëna, batampanawa tasserupana, alaro kati attëmmirëna, turubelae mallaiibini/</i>	Dibungkus dengan kain Melayu orang Boting Langi', ditutup dengan kain patola gajang (patola keris) orang Ruanglette. Maka diaturlah perabot hidangan peradatannya baki-baki dan semacamnya, tempat minumnya bangsawan suami istri/

(Sumber: Teks I La Galigo, kod NBG 188)

Senarai di atas menunjukkan empat jenis barang dagangan Melayu yang telah dibawa ke pelabuhan Sulawesi Selatan adalah tikar Melayu (Bgs: *appé Malaju*), kain tenun (Bgs: *tennung Malaju*), bakul Melayu (Bgs: *bodo Malaju*) dan kain Melayu (Bgs: *alu' Malaju*). Keempat-empat barang itu sudah berulang kali disebut dalam teks *ILa Galigo*. Bahan-bahan tersebut dikisahkan dihantar langsung para pedagang Melayu. Selain barang Melayu, barang dagangan China seperti tembikar dan porselin juga digemari penduduk. Barang produk China itu turut pula dipasarkan oleh pedagang-pedagang Melayu dan Jawa serta pedagang dari Arab, Parsi dan Gujerat. Setelah memasuki abad ke-16, hubungan dagang dan perkongsian pelaut Bugis dengan pedagang Melayu semakin meningkat lagi. Hal itu ditandai dengan semakin ramainya perahu-perahu dagang Bugis berlayar ke Semenanjung Tanah Melayu. Aktiviti pelayaran dan perdagangan penguasa-penguasa Bugis pun berkembang seiring dengan

aktiviti dagang orang Melayu. Hubungan kedua-dua pihak itu mewujudkan kesan positif bagi mobiliti orang Melayu ke Sulawesi Selatan khususnya kepada Gowa pada abad XVI sehingga XVII.

Laluan tengah terpendek seperti yang telah dinyatakan itu menjadi jalur orang Melayu menuju Sulawesi Selatan. Hal itu telah diungkap Tome Pires⁴⁶ bahawa, pedagang Melayu melayari jalur pelayaran ini menuju Sombaopu kemudian melanjutkan pelayarannya ke Maluku atau Banda. Sombaopu memiliki pelabuhan persinggahan sangat menarik perhatian orang Melayu, selain mereka boleh tinggal menetap dan berniaga. Pada masa itu bandar Sombaopu telah muncul sebagai pelabuhan utama di Timur Nusantara dengan memainkan peranan sebagai pelabuhan transit rempah ratus.

Seperti yang sudah dinyatakan dalam Bab 1 bahawa, abad ke-15 adalah awal kedatangan orang Melayu ke Sulawesi Selatan. Stapel (1667)⁴⁷ juga mengatakan hal yang sama, pertengahan abad ke-15 orang Bugis-Makassar telah mengunjungi pelabuhan Melaka. Melaka sudah maju sebagai bandar dan pelabuhan sehingga kesultanan Melaka pada masa itu telah menyusun kitab *Undang-Undang Laut Melaka*. Yang menarik adalah isi undang-undang itu iaitu sebahagian maklumatnya diperoleh daripada pelaut dan navigator Bugis (Liaw Yock Fang, 1978:276).

Dalam *Undang-Undang Laut Melaka* (disingkat UULM) terdapat maklumat mengenai keberadaan orang Bugis di Melaka. Di Melaka, orang Bugis telah bercampur gaul dengan orang Melayu yang telah memeluk agama Islam. Walaupun orang Bugis disebut belum memeluk Islam pada masa itu, namun orang Melayu tertarik dengan sifat-sifat dan pembawaan hidup mereka. Pedagang Melayu tergerak hati mempererat

⁴⁶ Tome Pires mengatakan bahawa “kepulauan Makassar berada pada jalur menuju Maluku, yang dicapai lewat pelayaran daripada Tanjungpura selama empat atau lima hari. Kepulauan itu terdiri daripada banyak pulau dan merupakan negeri besar. Daripada situ kita dapat bertolak ke Buton dan Madura dan juga ke utara. Penduduknya masih kafir. Penduduk pulau itu melakukan perdagangan dengan Melaka, Jawa, Kalimantan, Siam, dan semua tempat yang antara Pahang dan Siam. Lihat Armando Cortesao “*The Suma Oriental of Tome Pires and the book of Francisco Rodrigues*”, London: Robert Maclehoose and Co.Ltd The University Press, Glasgow, 1944, hlm. 226-227. Selari dengan Poelinggomang, “Kehadiran dan Pengaruh Budaya Melayu di Sulawesi Selatan”, makalah Dialog Melayu dan Festival Budaya Serumpun di Makassar, 2009, hlm. 27-28.

⁴⁷ Stapel, *Het Bongaisch (Perjanjian Bungaya)*, tahun 1667.

hubungan persahabatan dengan pelawat-pelawat Bugis. Sementara itu orang Melayu juga memperlihatkan kejujuran mereka dalam berniaga, menepati janji, gemar tolong-menolong, sangat menghormati tetamu, membela orang yang teraniaya, serta sifat dan perilaku positif lainnya. Saling ketertarikan antara orang Melayu dan Bugis itu telah membuat kedua-dua pihak menjalin hubungan mesra. Perkenalan dan hubungan baik antara orang Melayu dengan Bugis, memberi motivasi kepada orang Melayu untuk melakukan pelayaran balasan ke Sulawesi Selatan.

Kejatuhan Melaka pada 1511 di tangan Portugis serta pergolakan politik yang berterusan di Johor menjadi faktor utama penghijrahan orang Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu. Orang Melayu pelbagai kalangan ramai meninggalkan Melaka mencari tempat baru untuk membina kehidupan yang aman dan damai. Walaupun pihak Portugis kemudiannya membenarkan orang Melayu tempatan membina semula kehidupannya, namun mereka tetap mengelak dan meninggalkan Melaka, alasannya kerana tidak mahu bekerjasama dengan Portugal.

Dalam tempoh awal abad XVI sehingga pertengahan abad XVII situasi Melaka atau Semenanjung Tanah Melayu tidak pernah stabil lagi. Semenjak kejatuhan Melaka (1511) kemudian Johor 1536, situasi politik tidak stabil manakala VOC menawannya pula pada tahun 1624⁴⁸. Apabila kekuasaan Portugis berakhir, kerajaan Melaka dan Johor kemudian menerima serangan secara bergantian dari Demak, Aceh, Siam dan British. Dengan kata lain, keadaan politik di Semenanjung Tanah Melayu terus bergolak menyebabkan semakin ramai orang Melayu meninggalkan Melaka dan Johor. Mereka mencari zon baharu untuk bertempatan dan berdagang. Dalam konteks itu, maka Sulawesi Selatan menjadi pilihan mereka (Reid, 2011:151).

Pada separuh kedua abad XVI, semakin ramai pedagang Melayu berhijrah ke wilayah Timur Nusantara, baik untuk membuka ruang perniagaan baru, membina jaringan perdagangan, mencari penempatan baharu, mahupun menguatkan basis Islam. Pihak pembesar kerajaan Gowa memberikan reaksi positif kerana memandangkan

⁴⁸ Lihat Susanto Zuhdi dalam "*Labu Rope Labu Wana: Sejarah Buton Abad XVII-XVIII*". Disertasi di University Indonesia, tahun 1999, hlm. 91.

kedatangan orang Melayu akan membawa peluang yang menguntungkan bagi Sombaopu sebagai bandar dan pelabuhan.

Selain di Sulawesi Selatan, penyebaran orang Melayu juga menjangkau wilayah Sulawesi Tenggara. Kedatangan orang Melayu di Sulawesi Tenggara juga tercatat dalam cerita *Mia Pata Miana*⁴⁹ dalam *Hikayat Negeri Butun*. Menurut ceritanya ada empat orang Melayu pengembara dari Johor datang ke Buton yang menjadi pendiri dan pemegang kuasa kerajaan. Pengembara Melayu itu dipanggil *Mia Pata Miana* atau empat bersaudara bernama *Sipanjonga*, *Sijawangkti*, *Sitamanajo* dan *Simalui*. Mereka tiba di Buton sekitar abad ke-14. Mereka itu yang memulakan penubuhan kerajaan Buton.

Orang Melayu juga tercatat dalam sejarah Bima di Pulau Sumbawa. Mereka telah menjadikan Bima sebagai destinasi penting setelah Makassar dalam rangka penyebaran agama Islam. Pihak penguasa Bima memberi sambutan dan layanan istimewa kepada orang Melayu dengan cara tidak mengenakan cukai import-eksport. Reid (2011) mengatakan bahawa kedudukan istimewa yang diberikan kepada orang Melayu tersebut telah diiktirafkan melalui perjanjian antara elit orang Melayu dengan kuasa Bima.

3.6 RUMUSAN

Topografi alam Sulawesi Selatan yang memanjang dari selatan hingga ke utara dengan daratannya diapit lautan di sisi timur dan barat. Laut itu adalah Teluk Bone di timur dan Selat Makassar di barat, manakala di selatan adalah Laut Jawa. Cuaca alam Sulawesi Selatan adalah unik dengan adanya dua musim dalam masa yang sama. Ini bererti jika musim hujan di bahagian barat, maka musim kemarau di bahagian Timurnya. Demikian pula yang sebaliknya. Daratan di pedalaman didominasi gunung yang ditumbuhi flora khas seperti kayu cendana, damar dan rotan. Kesemuanya sudah menjadi komoditi perdagangan eksport yang unggul. Selain itu, Sulawesi Selatan yang terletak di lintasan kepulauan Nusantara sudah menjadi laluan pelayaran antara pulau. Posisi geografis Sulawesi Selatan yang strategik itu sehingga menjadi destinasi orang Melayu dan bangsa Eropah.

⁴⁹ Abdul Rahman Hamid, *Diaspora Melayu dan Globalisasi Awal di Kawasan Timur, Nusantara/ The Malay Diaspora and Globalization in the Eastern Archipelago*, Jurnal Walasuji, nomor. 2 Desember 2011, hlm. 125-140.

Orang Bugis dan Makassar yang menjadi penduduk peribumi yang utama di Sulawesi Selatan sudah menerima Islam dan menjadi asas kehidupan mereka. Keterpaduan budaya kedua etnik ini oleh kalangan umum lazim memanggil mereka Bugis-Makassar. Orang Bugis dan Makassar dikenali sebagai pelaut (sailor), pedagang (traders) disamping gemar berpetualang (merantau) yang menjadi ciri peradaban yang mulai berkembang sejak abad XVI. Kerajaan tempatan sama ada seperti Siang, Tanete, Bacukiki, Sanrabone, Suppa', Gowa dan Tallo merupakan pelopor maritim Sulawesi Selatan. Sejak abad XV-XVI kerajaan tempatan tersebut telah menjadi jaringan pelayaran dan perdagangan antara kepulauan Nusantara yang menghubungkan dengan bandar Melaka.

Kedudukan pulau Sulawesi menjadi tempat persinggahan alami bagi jalur pelayaran antara kepulauan Maluku dan Melaka dengan melintasi pulau Buton dan Selayar. Sulawesi Selatan menjadi titik pertemuan antara jalur niaga wilayah Timur (Maluku) dan Barat (Kalimantan, Jawa, Sumatera, Melaka) Asia Selatan sehingga Eropah. Pelabuhan Sulawesi Selatan terhubung pula dengan jalur niaga di wilayah utara (Filipina, Jepang dan China) dan jalur niaga Selatan (Nusa Tenggara dan Australia). Pedagang Melayu sama ada dari Melaka, Johor, Pattani, Minangkabau dan Pahang adalah pihak yang memegang peranan terpenting dalam kegiatan pelayaran dan perdagangan di bandar pelabuhan Sulawesi Selatan. Di samping itu pihak orang Melayu juga menyebarkan ugama Islam bagi kalangan penduduk Bugis dan Makassar. Oleh kerana itu dapat diperkatakan pelayaran, perdagangan, serta syiar Islam menjadi aspek utama yang melatarbelakangi kedatangan orang Melayu sehingga mereka mendirikan petempatan dan bermastautin di negeri Sulawesi Selatan.

BAB IV


KEDATANGAN ORANG MELAYU DI SULAWESI SELATAN

Ada catatan dalam lontara bahawa orang Melayu telah berlayar ke Sulawesi Selatan sejak abad ke-15 kerana urusan dagang, sebagai pelarian politik, mencari tempat untuk kehidupan baharu, serta melaksanakan syiar agama Islam. Mereka itu diterima baik oleh penguasa dan masyarakat tempatan. Destinasi utama mereka adalah kerajaan tempatan di pesisir barat Sulawesi Selatan, seperti Suppa', Tanete, Siang, Gowa-Tallo dan Sanrabone. Tempat-tempat itu sesuai untuk tujuan yang tersebut itu khasnya berdagang dan membina jaringan perniagaan dengan penduduk tempatan. Mereka lantas beinteraksi dengan elit lokal dan masyarakat tempatan Sulawesi Selatan. Orang Melayu datang dari negeri di Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera, antaranya adalah Melaka, Pahang, Johor, Champa, Pattani dan Minangkabau. Walau bagaimanapun orang Melayu daripada Melaka dicatatkan sebagai pihak yang datang pada peringkat terawal.

4.1 DESTINASI ORANG MELAYU DI SULAWESI SELATAN

Hubungan antara Melaka dengan Sulawesi Selatan sejak abad ke-15 itu dijalini orang Melayu kerana kepentingan perdagangan dan pelayaran, selain pelarian politik selepas Melaka ditawan Portugal pada 1511. Dicapatkan bahawa pada masa itu semakin ramai pula orang Bugis-Makassar berlayar ke Semenanjung Tanah Melayu (Mohd Jamil Mukmin, 2004)¹. Memasuki abad ke-17 orang Melayu tetap berterusan datang bahkan mampu mengambil peranan penting dalam penerimaan Islam yang membuka babak baru bagi sejarah ketamadunan Bugis-Makassar di Sulawesi Selatan.

¹Lihat Mohd Jamil Mukmin “*Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*” Melaka: IKSEP, tahun 2004, hlm.117.



Rajah 4.1 Enam Kerajaan Bugis-Makassar di Pesisir Barat Sulawesi Selatan sebagai menjadi destinasi utama kedatangan dan petempatan orang Melayu sekitar abad XV-XVII

Kisah mengenai hubungan, kedatangan dan peranan orang Melayu di peringkat awal sebelum itu telah menjadi maklumat untuk melegitimasikan hubungan Melaka² dan

² Melaka dan Johor merupakan dua negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang penting.. Sejarah juga mencatat bahawa Melaka adalah kerajaan Islam yang terpenting di Nusantara bahagian barat pada abad ke-15. Kemunduran Majapahit pada awal abad XV, pada masa yang sama Melaka wujud menjadi negara yang berbasis perdagangan. Melaka ditubuhkan oleh

Johor dengan kerajaan-kerajaan tempatan di Sulawesi Selatan. Kisah kedatangan orang Melayu pada petempatan di Sulawesi Selatan akan dibincangkan selanjutnya.

4.1.1 KEDATANGAN ORANG MELAYU DI SUPPA'

Menurut kajian Druce (2009)³ dan Abd. Latif (2013)⁴, Suppa' adalah antara kerajaan Bugis pra-Islam yang berada di tepi laut Selat Makassar. Suppa' diakui sebagai kerajaan Bugis yang muncul lebih awal sebagai kerajaan maritim di kawasan barat Sulawesi Selatan, maka dikatakan kerajaan yang memiliki bandar pelabuhan. Dari segi geografi, alam sekitar Suppa' berupa tanjung kecil yang menjulur di pesisir barat Sulawesi Selatan. Lokasi itu pula dilengkapi dengan adanya sungai Marauleng yang memudahkan pengangkutan perahu dan kapal untuk sampai ke wilayah di pedalaman yang kaya dengan hasil mahsul alamnya. Ia diberkati tanah yang luas, bilangan penduduk yang banyak dan lokasinya yang strategik.

Di atas tanah Suppa' sudah tersedia pula sumber makanan seperti binatang buruan kijang atau rusa, kerbau dan ikan. Di hujung tanjungnya pula terdapat sebuah petempatan yang dinamakan Ujung Lero. Sementara daratannya dibelahi Sungai Marauleng, dengan muaranya di bahagian barat itu menghadap ke lautan luas Selat Makassar, maka ia telah menjadi pintu gerbang masuknya perahu dan kapal yang datang dari arah barat, selatan dan utara. Kedudukan geografi dan potensi alam sekitar di

Prameswara setelah berhasil meloloskan diri daripada serangan Majapahit pada tahun 1377. Prameswara tiba di Melaka sekitar tahun 1400. Pada mulanya Prameswara adalah raja penganut agama Hindu, kemudian beralih ke Islam dan memakai nama Iskandar Syah. Prameswara berhasil menemukan dan membangun pelabuhan Melaka yang dapat dirapati kapal-kapal. Hal yang paling menarik daripada Melaka pada sepanjang sejarahnya ialah telah berjaya membentuk jaringan perdagangannya yang luas yang membentang sampai ke pulau-pulau di Indonesia dan menghubungkan dunia luar membentang ke barat sampai India, Persia, Arabia, Suriah, Afrika Timur, dan Laut Tengah; ke utara sampai Siam dan Pegu; ke timur sampai China dan Ryukyu (Jepang). Secara khusus, Melaka juga membentuk jaringan pelayaran dan perdagangannya dengan Sulawesi Selatan membawa tekstil India, damar dan sebagainya, menukarkannya dengan budak, emas, dan beras dari Makassar. Lihat Mohd Jamil Mukmin dalam "*Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*" Melaka: IKSEP, tahun 2004.

³ Lihat Druce, "*The Lands West of the Lakes: A History of the Ajatappareng Kingdoms of SSouth Sulawesi 1200 to 1600 CE*". KITLV Press Leiden, hlm. 23-25.

⁴Lihat Abdul Latif dalam." Konfederasi Ajatappareng 1812-1906 Sejarah Sosiopolitik Orang Bugis di Sulawesi Selatan". Tesis pada Fakulti Sains, Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013, hlm. 57.

Suppa' itu sudah menjadi tarikan utama kepada orang Melayu, maka dipilih untuk diadakan petempatan baharu. Potensi dan suasana alam sekitar (*environment*) Suppa' tersebut memberikan peluang bagi orang Melayu dengan mudah melakukan adaptasi⁵ (*adaptation*) kehidupan barunya.

Dalam lontara Sawitto dan Suppa (naskah K) ada catatan tentang kerajaan Suppa' yang pada mulanya memiliki wilayah kuasa yang luas. Selain menaungi beberapa buah kerajaan yang lain, termasuk Nepo, Palanro, Manuba sebagai kerajaan bahagian (Bgs:*palili*); juga membawahi kerajaan Bojo, Parengki, Belawa dan Soreang sebagai kerajaan bawahan yang diperintah langsung oleh raja Suppa' (Bgs: *Napanoe Rakkalana*). Sebelum ditaklukkan Gowa, kekuasaan Suppa' juga membawahi kerajaan-kerajaan Mandar yang berada di sebelah utaranya. Tempoh kewujudan Suppa' sebagai kerajaan yang berasaskan ekonomi maritim itu diperkirakan bersamaan dengan wujudnya Siang dan Bantaeng.

Namun, kewujudan Suppa' sebagai kerajaan telah juga meninggalkan mitos Totompo⁶ yang terdapat dalam kronik-kronik Bugis, sama ada *Attoriolong Sidenreng*, *Attoriolong Sawitto*, *Attoriolong Tanete* dan *Attoriolong Bone*. Mitos Totompo Suppa menceritakan lahirnya seorang Ratu yang dipanggil 'Wé Tépulingé'. Wé Tépulingé dikisahkan telah lahir dari laut dengan pakaian lumutnya, lengkap dengan peralatan masak dan makan yang seluruhnya dibuat daripada emas. Yang perlu diberi perhatian di sini adalah maklumat mengenai kekayaan yang dimiliki sang Puteri Melaka, Wé Tépulingé. Dia meninggalkan negeri Melaka dan datang ke negeri Suppa' dengan membawa harta emasnya yang sangat banyak.

Sehubungan dengan situasi sosial di Melaka itu, Pires (1515) menyatakan Melaka di bawah pentadbiran Sultan Mansyur (1459-1477) sudah makmur khasnya bagi bangsawan yang turut terlibat dalam perniagaan. Untuk itu, ramai bangsawan di Melaka didapati mempunyai kapal-kapal layar yang besar seperti Jung, yang digunakan untuk

⁵Menurut David Kaplan dan Manners, konsep ekologi-budaya memandang lingkungan alam (*environment*) yang mencakup hal-hal menonjol yang menjadi habitat alami seperti cuaca, flora, fauna, tanah, pola hujan/musim, dan mineral di bawah tanah merupakan faktor penting dalam variasi. Lihat David Kaplan dan Manners "*Teori Budaya*", Yogyakarta; Pustaka Pelajar, cetakan III 2002, hlm. 104-105.

⁶ Kata *Totompo* terbentuk dari ayat: *to* = orang, dan *tompo* = muncul dari bawah. Maka ayat *Totompo*bererti orang yang muncul atau lahir dari negeri bawah (air). Secara semantikayat *Tompo* dapat diterjemahkan sebagai Puteri yang muncul atau lahir dari air. Makna ini dapat disejajarkan dengan makna ayat "Puteri yang lahir dari buih air".

perdagangan antarpulau. Mereka kaya, maka mempunyai banyak emas. Bendahara Sri Maharaja misalnya, terkenal kerana sangat kaya, banyak emas dimilikinya sehingga dia membiarkan anak-anaknya bermain dengan emas (Reid, 2011:142).

Puteri Wé Tépulingé meninggalkan Melaka kemudian memilih Suppa' sebagai negeri baharu untuk membina kehidupannya. Kisahnya, dia tiba di Suppa' kemudian berkahwin dengan raja Bacukiki bernama La Bangéngé. Perkahwinannya melahirkan tiga orang anak iaitu: La Taddulloppo, La Botillangi dan We Pawawoi. Ketiga anaknya itu menjadi bangsawan pewaris pentadbiran dan menjadi akar kepada kaum kerabat bangsawan Bugis, khasnya kerajaan Lima Ajatappareng. Yang menarik lagi adalah keturunan Wé Tépulingé dan La Bangéngé itu bersebaran menjadi penguasa di pelbagai kerajaan Ajatappareng serta Mallusetasi'. Dengan kata lain, hubungan perkahwinan itu telah meluaskan kekerabatannya di banyak kerajaan lain (hal ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 5).

Seperti yang telah diketahui bahawa Wé Tépulingé adalah pendatang yang lahir di lautan (Bgs: *Tompoé ri Lawaramparang*) Suppa', setelah menempuh perjalanan jauh dengan mengharungi lautan luas. Dalam naskah E dicatatkan peristiwa kehadiran sang Puteri di negeri Suppa' seperti yang dikutip di bawah ini:

Manurungge ri Bacukiki bernama La Bangenge', dialah yang turun bersama tujuh istana di Cempa. Dialah berkahwin dengan Tompoe ri Lawaramparang yang muncul bersama sarung lumutnya, periuk emasnya, sendok emasnya, gerabah emasnya; Dialah yang digelar Lollong Sinrangeng (bersama benda-bendanya yang lengkap). Ia pulalah bernama We Tepulinge yang bertahta di Suppa'. Dia melahirkan tiga orang anak. Seorang bernama La Tëddulloppo, dialah yang bertahta di Suppa'. Seorang bernama We Pawawoi, dialah yang bertahta di Bacukiki. Seorang bernama La Botillangi, dialah yang berkuasa di Tanetelangi sebelah utara Bacukiki. We Pawawoi berkahwin di Sidenreng dengan mempersuamikan Manurungge ri Loa bernama Sukkumpulawëngge yang bertahta di Sidenreng. Ia melahirkan anak bernama La Batara yang kemudian bertahta di Sidenreng. Dia keluar (pergi) kahwin (beristri) di Bulu Cenrana dengan E Cina, melahirkan tiga orang anak. Seorang bernama La Pasappoi yang bertahta di Sidenreng, seorang bernama We Yabeng, dan seorang bernama La Mariyase' yang bertahta di Bulu Cenrana.../

(Sumber: naskah E)

Kemunculan Wé Tépulingé adalah perkembangan penting dalam penubuhan kerajaan dan pembinaan tamadun Suppa'. Ini disebabkan dia telah memainkan peranan sebagai agen lahirnya pembangunan baru negeri Suppa. Dalam erti kata, dia telah membuat Suppa' menjadi sebuah kerajaan yang memiliki pentadbiran. Selain itu, ingin

juga dicatatkan bahawa Wé Tépulingé adalah asal lahirnya perkerabatan bangsawan antara Suppa, Bacukiki, Sawitto, Soppeng, Sidenreng, Rappang, Alitta, Nepo dan kerajaan Bugis lainnya. Memandangkan kedudukannya yang penting itu, maka sudah tentu kita ingin mengetahui dengan lebih banyak lagi tentang biografi Puteri Wé Tépulingé.

Dalam kajiannya, Burhanuddin Bunru (1995/1996) mendapati Wé Tépulingé tidak lain adalah Puteri bangsawan Melaka yang datang ke Suppa' dari Semanjung Tanah Melayu. Kisah itu dikuatkan lagi dengan cerita lisan tempatan yang mengatakan, Wé Tépulingé tidak lain adalah seorang puteri bangsawan yang datang ke Timur Nusantara dengan diiringi pengikutnya dari Melaka. Suppa' adalah tempat yang dia pilih untuk mendaratkan perahunya. Dari segi sejarah, kedatangannya ada hubungkait dengan migrasi orang Melayu⁷ secara besar-besaran dari Semanjung Tanah Melayu berikutan berlakunya pergolakan politik di Melaka.

Peristiwa Wé Tépulingé mendarat di Suppa telah melahirkan mitos untuk kita merekonstruksi semula bukti peninggalan budaya dan sejarah tentang kedatangan orang Melayu dari Semanjung Tana Melayu di Suppa'. Cerita tentang Wé Tépilingé sudah menjadi warisan cerita sehingga masa kini. Perihal pola ceritera seperti itu dianggap J. Vansina (1985)⁸ sebagai mitos yang lahir dalam masyarakat lama untuk menceritakan kisah sejarah yang merepresentasikan situasi dan peradaban masa lampau. Sehubungan itu, Wé Tépulingé yang disebut sebagai puteri Melaka di dalam teks-teks attoriolog Bugis, sesungguhnya menjadi narasi keberadaan elit Melayu yang telah wujud dan mengambil peranan menubuhkan Suppa' menjadi sebuah kerajaan.

⁷ Dalam kumpulan catatan persekutuan orang Melayu di Makassar ada dinyatakan bahawa pergolakan politik itu mengakibatkan berlakunya perpindahan besar-besaran orang Melayu hanya sehingga menyisahkan dua bahagian sahaja penduduk di Melaka. Lihat "Sejarah Keturunan Indonesia Melayu", disusun oleh Kerukunan Keluarga Indonesia Melayu (KKIKM) Ujungpandang, 1986, hlm.2.

⁸ Lihat J. Vansina, "*Oral Tradition: A Study in Historical Methodology* (Translated from the French by H. M. Wright. New Brunswick (U.S.A.) and London (U.K.) Aldine Transaction A Division of Transaction Publishers, 1985.



Gambar 4.1 Toponimi Lawaramparang di Suppa, tempat yang dipercayai sebagai lokasi pendaratan Wé Tépulingé (Sumber: pengkaji, foto 2013)

Kisah kedatangan Wé Tépulingé ini sudah juga tersebar dalam cerita lisan dalam masyarakat di Suppa' sehinggakan beliau telah diberi gelaran *Totompo*. Istilah *Totompo* digunakan kerana beliau telah “dimitoskan” sebagai Ratu yang lahir daripada air laut. Pembentukan kisah raja yang lahir daripada air adalah khas dalam sistem penceritaan atau mitologi Bugis untuk merujuk tokoh yang datang dari negeri lain (luar) yang “muncul dari air laut”. Narasi *Totompo* adalah cerita yang formulanya berposisi dengan narasi *Tomanurung* yang tokohnya muncul daripada dunia atas misalnya menjelma di gunung atau daratan.

Selain itu, dalam versi cerita lisan Sawitto, kehadiran Wé Tépilingé disebut sebagai *Totompo* di Suppa' dan Sawitto yang muncul sebagai *Tujuh Bersaudara*. Wé Tépulingé datang ke Sawitto bersama keenam-enam sudaranya yang lelaki. Mereka muncul bersama-sama dengan “bendera kuning” yang kemudiannya ditancapkan di tempat perahu mereka berlabuh. Dari kajiannya, Baharuddin Bunru (1995/1996) juga mendapati, kedatangan Wé Tépulingé diberi sambutan gembira dari masyarakat sehingga beliau dilantik sebagai Raja melalui sebuah kontrak politik. Sementara itu, keenam-enam saudara yang datang bersama-samanya itu telah menjadi memegang jawatan penting di

dalam kerajaan Sawitto, sama ada sebagai *Anang* (Dewan Rakyat), *Anre Guru* (Guru Masyarakat), *Pangulu Lompo* (Panglima Kerajaan), *Pabbicara* (Hakim) dan *Sulewatang* (pelaksana pentadbiran). Sampai di sini perlu ditegaskan bahawa, antara tradisi lisan Sawitto dan narasi lontara Suppa' ada kesamaan mengenai diri Puteri Wé Tépulingé.

Biarlah kita melihat kesamaan kisah itu. Dalam naskhah E dinyatakan kemunculan Wé Tépulingé sekaligus telah mengasaskan pembentukan kerajaan Suppa'. Demikian pula halnya dengan Sawitto pada masa yang sama sudah terbentuk sebuah kerajaan dengan mendudukan Wé Tépulingé sebagai ratu pertama dalam kerajaan Sawitto. Selain itu, dalam naskhah E juga dinyatakan Wé Tépulingé dan La Bangéngé sebagai akar salasilah kebangsawanan Suppa' dan Sawitto. Sehubungan itu, Baharuddin Bunru⁹ mendapati Suppa' dan Sawitto boleh diperkirakan sudah membentuk kerajaan masing-masing pada abad XIV. Lontara mengisahkan bahawa di Sawitto sebelum datangnya Tomanurung sudah ada penduduk yang tinggal di daratan tinggi, seperti di Malaékana, Palétéang, Cina, Léppangang, Tiroang, Loloang, Tangngaméya, Jampué, Paladangngé dan Ulo. Di tempat lain di bahagian utara-barat laut Sawitto ada pula perkampungan yang antaranya adalah Bailu, Leppangang, Peso, Urung, Malimpung, Madello, Tampio, Masila, Paria, Simbuang, Batu Lappa dan Rante Bulaweng. Masing-masing kampung atau petempatan itu dipimpin oleh seorang yang bergelar *Uwa* atau *Matowa*. Hanya sahaja, kehidupan masyarakatnya yang terikat dalam unit-unit kampung kecil itu kerap kali mengalami pertelingkahan antara satu dengan lainnya. Mereka itu terbabit ke dalam persengketaan secara berterusan yang dipanggil *Sianré Balé*. Ibarat ikan, antara satu dengan lain saling memangsa kerana masyarakatnya tidak mengenali kedamaian; tidak ada pula norma-norma dan adat-istiadat yang mereka pedomani. Keadaan kacau-balau itu berlangsung sehingga kedatangan Wé Tépulingé di Suppa'.

Asas kerajaan yang dipercayai bermula dengan Wé Tépulingé dan kumpulannya telah memberi kesan ke arah pembinaan tamadun politik dan pemerintahan kerajaan Suppa' dan Sawitto. Sehubungan itu, Andaya (2004:31-33) dan Latif (2013:136-137) mendapati ramai orang Melayu hidup bermastautin sebagai penghijrah dari Melaka di kedua-dua buah kerajaan ini. Bilangan orang Melayu yang datang ke

⁹Bandingkan dengan Baharuddin Bunru dkk. "*Bendera Kerajaan Sawitto*". Ujung Pandang: Projek Pembinaan Pemuseuman Sulawesi Selatan. 1995/1996. Penetapan angka abad XIV ini tidak terlalu beralasan kuat. Angka abad yang lebih tepat adalah abad XV kerana bersamaan berdirinya kerajaan Suppa yang bersama-sama ditadbirkan oleh seorang Totompo bernama We Tepulinge.

Suppa' dan Sawitto telah meningkat pada masa berikutan Melaka ditakluki Portugis pada tahun 1511.



Gambar 4.2 Tanjung Suppa tampak dari Pare-Pare
(Sumber: pengkaji, 2014)

Lama kelamaan sudah kelihatan pengaruh tamadun Melayu-Melaka di negeri Suppa' dan Sawitto. Pengaruh itu adalah bukti yang kuat tentang kehadiran orang Melayu di kedua-dua negeri itu walaupun telah ditakluki Gowa pada tahun 1546. Antara bukti yang boleh ditunjukkan sekaligus menguatkan daripada catatan lontara adalah istana kerajaan Suppa' yang bernama "Lamalaka". Nama istana Lamalaka itu telah menjadi ceritera latar belakang tentang pemerian nama istana Suppa' sepertimana yang tergambar dalam terjemahan teks naskhah K berikut ini.

Inilah surat yang menerangkan pengabdian orang Mandar pada Ajatapparëng. Orang Mandar sebagai tukang pembuat perahu dan pembuat rumah. Sebagai tukang perahu, maka dialah yang membuat perahunya Makarai bernama *Soena Gading*, perahunya Arung Parëkki bernama Lapewajo, dan perahunya Paletëang Sawitto bernama Lapenikkëng. Begitupula, dialah yang membuat istana (Bgs:*Langkanae*) Suppa' bernama *Lamalaka*, dia pula yang membuat Salassae (istana) Sawitto bernama *Lamancapai*, Saworajae (istana) Alitta bernama *Labeama*, istana di Rappëng, dan Sawolocie (istana) Sidenreng. Adapun sebabnya sehingga istana Suppa' diberi nama Lamalaka, karena tiang rumah yang hanyut dari *Malaka* yang mendarat di Ujullero dengan mempermimpikan dirinya. Datanglah orang Suppa' mengambilnya. Batang kayu itulah yang kemudian dijadikan sebagai tiang pusat istana. Sedangkan *sengo* atau talinya dan pahatnya.../
(Sumber: naskhah K)

Daripada kisahnya di atas, ternyata istana “Lamalaka” adalah perkataan yang diambil daripada nama sebatang pokok yang bernama Lamalaka. Pokok Lamalaka itu didapati terapung-apung di laut dan bergerak dari laut dari bahagian barat menuju ke arah timur. Menurut ceritanya pokok itu kononnya berasal dari Semenanjung Tanah Melayu, iaitu Melaka. Kayu itu kemudiannya terdampar di Ujunglero, satu kawasan di ujung tanjung di Suppa’. Pokok itu kemudiannya dibuat tiang seri atau pusat utama (Bgs: *posi bola*) di istana Suppa’. Itulah sebabnya Lamalaka sebagai nama sejenis pokok sudah menjadi asal kepada perkataan yang diguna pakai sebagai nama istana kerajaan Suppa’. Kisah istana Suppa’ Lamalaka yang tercatat dalam naskhah K itu dijumpai pula dalam cerita lisan dalam masyarakat tempatan di Suppa’.

Teks Suppa’ juga menceritakan latar belakang sejarah berdirinya kerajaan Suppa’ dan wujudnya pengaruh Melayu-Melaka¹⁰. Unsur budaya Melayu di Sulawesi Selatan seperti itu juga tercatat dalam teks *I La Galigo* dengan adanya ayat seperti *Séré Malaju* (tari Melayu) dan *Pong Malaka* (pokok Malaka). Perkataan *Pong Malaka* menggambarkan kebesaran pokok *Malaka* yang secara simboliknya merujuk kepada pengertian hegemoni kerajaan Melaka. Di sini *I La Galigo* menggambarkan pokok Melaka itu sangatlah rendang dengan budak-budak bangsawan bermain-main dan bercengkerama di bawahnya. Demikian pula dengan episod “Pelayaran Sawerigading ke Tanah China” dengan menaiki perahu *Wélenreng* dengan kisahnya ditumbuhi sebatang pokok Malaka. Di bahagian lain dalam teks *I La Galigo* menunjukkan hubungan antara Sriwijaya dan kemudian Melaka di satu pihak dengan Sulawesi Selatan di pihak yang lain. Dinyatakan dalam *I La Galigo* keberpihakan Bugis kepada Sriwijaya¹¹ yang berlatarbelakangkan Melayu, manakala berlakunya peperangan menentang Majapahit. Kerajaan Melaka dikatakan sebagai kesinambungan daripada kemegahan Sriwijaya yang telah dicabar Majapahit pada akhir abad XIV.

¹⁰ Lihat Nurhayati Rahman dalam “*Suara-Suara Lokalitas*”, Makassar: Penerbit La Galigo Press, 2012, hlm. 212-213.

¹¹ Perlu diketahui bahawa penceritaan kisah *I La Galigo* tersebut menunjukkan gejala anakronisme, dimana menempatkan kerajaan Sriwijaya dan Melaka seakan-akan hidup pada zaman yang sama.

Berbalik kepada kisah Wé Tépulingé, ingin ditambah di sini bahawa ada kesamaan kisah kemunculan mitos *Totompo Suppa'* dengan mitos *Puteri Buih* di Johor, Kutai dan juga mitos *Raja Sipanjongan* di Buton¹². Dalam mitos Raja Sipanjongan dikisahkan mengenai penubuhan kerajaan Buton oleh tokoh yang datang dari Tanah Semenanjung Melayu. Begitu pula dengan mitos raja Kutai dari “buih air laut” menunjukkan pola cerita dan keterkaitan dengan nama “Melaka”.

Pelbagai kisah yang ada tentang tomanurung dan totompo di Bugis dan Makassar itu tidak ada yang terperinci tentang latar belakang tokoh-tokoh itu. Yang dimaksudkan itu adalah kisah yang jelas dan faktual tentang perkahwinannya, keturunannya, pentadbirannya, kematiannya, serta peristiwa sejarah yang lain. Begitulah juga pendapat Latif (2013) tentang kisah Wé Tépulingé yang didapati ada banyak kesamaan dengan cerita kewujudan kerajaan Bugis-Makassar. Di sini ingin dinyatakan bahawa kedua-dua tradisi tomanurung dan totompo adalah berasaskan motif dalam cerita *I La Galigo*. Episode *Mula Tau* dalam *I La Galigo* ada kisah kemunculan Wé Nyili'timo dari buih lautan (Bgs: *Tompoe ri Busa Empong*) yang kemudiannya menjadi permasiuri dari Tomanurung yang bernama Bataraguru.

Mitos Suppa' dengan tokoh Wé Tépilingé dapat dihubungkan dengan gerakan migrasi keluarga-keluarga bangsawan Melayu yang terkait pula dengan upaya penyelamatan harta benda mereka agar tidak dirampas oleh pihak penyerang yang silih berganti menggempur Melaka. Kes yang serupa telah diungkapkan Andaya (1987)¹³ yang mendapati juga berlaku di Johor. Andaya mengungkapkan bahawa serangan pihak musuh terhadap Johor mengakibatkan Raja Muda Johor melarikan diri. Dalam pelariannya itu ia membawa banyak emas daripada perbendaharaan kerajaan ke negeri yang aman. Masalah kekisruhan politik itu sangat menonjol merentangi periode perjalanan kerajaan Melaka, Johor, Pattani, Siam dan negeri Nusantara pada amnya dalam kurun abad ke-15 sehingga abad ke-17.

Tempoh berlakunya pelarian bangsawan dan pegawai tinggi istana dari Melaka, Pattani dan Johor pada abad ke-15 sehingga ke-16 itu bertepatan dengan periode

¹² Mitos Raja Sipanjongan terdapat dalam Hikayat Negeri Butun. Lihat Abdul Rahman Hamid dalam tulisannya pada Jurnal “*Walasuji*” vol.2 no.2, Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional, Provinsi Sulawesi Selatan, tahun 2011, hlm. 125.

¹³ Lihat Andaya, “*Kerajaan Johor 1641-1728*”, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, tahun 1987.

munculnya beberapa buah kerajaan di Sulawesi Selatan. Oleh kerana itu, kedua-dua kejadian itu dapat dihubungkan. Perlu dinyatakan bahawa kerajaan di Sulawesi Selatan juga mengalami konflik politik internal, yang dipanggil *Siyaré Balé*, lantas mencari penyelesaian dengan mengadakan hubungan dengan pihak luar. Menurut Reid (2011:246) antara strategi yang dilakukan bangsawan dan pembesar istana tempatan ialah menyerahkannya kepada elit pedagang. Yang menarik para pedagang itu nampaknya dapat menyelesaikannya dengan menempatkan perempuan menjadi penguasa baharu. Fenomena kehadiran Wé Tépulingé di kerajaan Suppa adalah sebahagian daripada situasi itu sekaligus cara penyelesaian yang sama.

Setelah diteliti, kita dapati strategi penyelesaian konflik politik dengan memberikan tempat kepada perempuan itu adalah model yang terilham daripada China yang telah dipraktikkan orang Melayu, khususnya di Pattani (Reid,2011:246)¹⁴. Penyelesaian konflik sosial-politik gaya Melayu di Aceh dan negara Asia Tenggara yang lain itu juga dicontohi oleh kerajaan-kerajaan di Sulawesi Selatan. Kerajaan Gowa, misalnya, telah menempatkan “Putri Tamalate” sebagai raja, setelah sekian lama terjadi kekacauan dalam tubuh *Bate Salapang*. Hal yang sama juga terjadi pada kerajaan Balusu di Barru, dengan tinggi lokal menempatkan “Patimang Ratu” yang disebut berasal dari Luwu. Contoh yang lain ialah dalam kerajaan Pancana dengan nama “Putri Jauhar Manikam”; dan kerajaan Siang dengan “Puteri dari Negeri Matahari Terbenam” (negeri bahagian barat). Menempatkan perempuan sebagai penguasa adalah strategi dalam negosiasi politik yang ampuh untuk mendamaikan emosi penguasa dan kelompok lokal yang bertikai yang kepemimpinannya lebih banyak dipegang kaum lelaki.

Bukti peninggalan dan pengaruh budaya Melayu-Melaka di Suppa’ masih dapat diidentifikasi pada mitos warna “kekuningan” yang sehingga kini masih menjadi kepercayaan masyarakat tempatan. Masyarakat Suppa’ beranggapan bahawa warna

¹⁴ Van Noort mengungkapkan bahawa, asal usul model penyelesaian konflik dengan cara mendudukkan perempuan sebagai strateginya, sebenar berakar daripada strategi Cina. Bagaimanapun Patani menjadi pelabuhan utama bagi orang-orang Cina di Semenanjung selama berabad-abad. Patani pun menjadi koloni dan pusat pelarian Cina. Tradisi-tradisi lokal Cina menyebut *Un Daoqian* sebagai pemimpin pimpinan kumpulan “bajak laut” Cina merebut bandar Patani dan mendirikan dinasti baharu. Kronik-kronik Melayu menyebutkan peranan orang Cina sebagai pembuat meriam. Lihat dalam Anthony Reid, “*Asia Tenggara Dalam Kurun Niaga 1450-1680*”, Jilid 2: Jaringan Perdagangan Global”, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, tahun 2011, hlm. 246.

“kuning” merupakan warna keramat. Mitos kekeramatan warna kuning itu telah menghubungkannya dengan eksistensi tokoh Puteri Wé Tépulingé yang menjadi sumber genealogi raja-raja Suppa’. Mengaitkan mitos warna kuning dengan kultur Melayu-Melaka sememangnya sudah tercantum dalam *Undang-Undang Melaka* (Ali, 1997)¹⁵. Di dalam pasal *Undang-Undang Melaka* dinyatakan warna kuning sudah ditetapkan sebagai warna yang dilarang oleh adat digunapakai bagi khalayak ramai. *Undang-Undang Melaka*¹⁶ yang disusun pada masa Sultan Muhammad Syah (1423/4-1443) itu disebut sebagai Sultan yang mula-mula sekali menetapkan larangan pemakaian warna kuning dalam kalangan khalayak ramai.

Dalam pasal I *Undang-Undang Melaka* terdapat peraturan meletakkan “kekuningan” sebagai larangan iaitu, tiada dapat dipakai orang keluaran dan diambil sapu tangan. Larangan lain dalam *Undang-Undang Melaka* adalah penggunaan emas pada hulu keris bagi masyarakat amnya, sebab keris khas itu hanyalah boleh digunakan raja. Larangan adat itu bermakna sebagai pemagar untuk menjaga kewibawaan dan kharisma Raja Melaka. Mengapa demikian? Kerana warna kuning adalah simbol “keangungan” sang raja yang harus dipatuhi dan dihormati rakyat.

Mitos warna kuning yang menjadi simbol keagungan Raja Melaka sudah tersebar ke kepulauan Melayu lain, seperti di Sulawesi. Sehingga abad XXI, mitos warna kuning sebagai warna keramat itu masih kekal dalam kepercayaan orang dari masyarakat Suppa’ dengan ianya ditaati dalam perilaku dan kehidupan sehari-hari. Masyarakat Suppa’ memelihara pantang larang kepada sesiapa pun yang berada atau yang masuk ke Suppa’ khususnya di tepi laut, maka tiada dibenarkan menggunakan baju warna kuning. Jika didapati melanggar peraturan dan tata krama ini, maka dipercayai akan berlaku suatu musibah di laut yang dapat berkesudahan dengan maut¹⁷.

¹⁵ Lihat dalam *Undang-Undang Melaka: Kodifikasi Hukum Islam Abad ke-15 di Asia Tenggara*., Tesis pada Program Pascasarjana Institut Uagama Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam, Banda Aceh.1997 M/1418 H, hlm. 72..

¹⁶Lihat T.D. Situmorang dan A. Teeuw, “*Sejarah Melayu Menurut Terbitan Abdulah*”, Cetakan II, Jakarta: Djambatan, 1958, hlm. 83-90.

¹⁷ Informan bernama Anas Saputra mengatakan bahawa , mitos “kuning keramat” masih dipercayai dan dipatuhi oleh masyarakat tempatan di wilayah Suppa’. Masyarakat beranggapan “pantang” menggunakan baju warna kuning apabila berada atau berkunjung di tepi laut Suppa’ , Wawancara berlangsung di Suppa’, Kecamatan Pinrang,pada tanggal 20 Maret 2013.

Mitos tentang warna kuning juga terdapat dalam masyarakat Sawitto. Ia dikatakan sedemikian setelah masyarakat Sawitto juga mempunyai sejarah yang ada kaitannya dengan puteri Wé Tépulingé. Ini disebabkan Wé Tépulingé tercatat sebagai raja Sawitto setelah baginda dilantik menjadi raja Suppa'. Baharuddin Bunru (1995/1996:20)¹⁸ mengatakan masyarakat Sawitto, mempercayai warna kuning sebagai warna khas bagi raja kerana nilai warna kuning ada hubungkait dengan peristiwa kemunculan Wé Tépulingé dari laut bersama sebuah bendera kuning. Kononnya, bendera warna kuning itu sudah ditancapkan di atas gundukan tanah dimana Wé Tépilingé mendaratkan perahunya. Tempat di tepi laut itu berhampiran dengan lereng bukit Lamaddarau di Suppa'. Berasal daripada peristiwa kemunculan Puteri Wé Tépulingé itu, orang Sawitto meyakini warna kuning adalah simbol 'bertuah' dan 'agung'; lebih-lebih lagi warna khas bagi Ratu Wé Tépulingé. Oleh kerana itu, masyarakat Sawitto menganggap warna kuning tiada boleh digunakan khalayak, tidak kira sama ada di tepi laut dan tempat keramat lainnya.

Kewujudan kerajaan Suppa yang berdasarkan kehadiran Wé Tépulingé itu adalah fakta sejarah yang tercatat dalam naskhah-naskhah lontara. Selain itu, eksistensi kerajaan Suppa telah dibuktikan daripada segi arkeologi oleh Fadillah dan Mahmud (2006)¹⁹. Bukti-bukti arkeologi yang ada tentang masa penubuhan Suppa' kurang-lebih hampir sama dengan kemunculan kerajaan Bacukiki, Sidenreng, Suppa' dan Balannipa-Mandar. Pada masa penubuhan kerajaan Suppa', keadaan masyarakat Sulawesi Selatan masih berpegang kepada kepercayaan animisme dan belum menerima ajaran ugama Islam. Meskipun demikian Suppa' telah menjadi tempat perdagangan bagi orang Melayu Muslim dari Semenanjung Tanah Melayu. Sehubungan itu, kerajaan Suppa' pada peringkat awal adalah sebahagian daripada zon koloni dan pelabuhan orang Melayu untuk mengumpul hasil mahsul alam dari pedalaman negeri-negeri Bugis.

Suppa pada abad ke-16 telah membentuk jaringan bandar, pelabuhan dan perdagangan dengan kerajaan di peisisir barat Sulawesi Selatan dalam skala yang terbatas. Fakta sejarah itu didukung dokumen yang dibuat Antonio de Paiva yang

¹⁸Lihat Burhanuddin Bunru dkk dalam "Bendera Sawitto " Ujung Pandang: Diterbitkan oleh Bagian Proyek Pembinaan Permuseuman Sulawesi Selatan, Tahun 1996/1995, hlm. 20.

¹⁹ Lihat Moh. Ali Fadillah dan Irfan Machmud, "*Kerajaan Siang Kuna; Sumber Tutur, Teks dan Tapak Arkeologi*". . Makassar: Balai Arkeologi Makassar dan Lembaga Penerbitan Universitas Hasanuddin, 2006.

berkunjung ke Suppa pada tahun 1542. Paiva menyebut Suppa' adalah negeri yang ramai dikunjungi pedagang-pedagang asing, khususnya orang Melayu Islam. Meskipun Paiva bukanlah orang Eropah yang pertama tiba di Suppa', namun dia adalah orang pertama yang tinggal di Suppa' dalam rangka misi perdagangan dan penyebaran agama Katholik. Keterangan daripada Antonio de Paiva pada tempoh tahun 1540-an itu menyatakan, pelabuhan Suppa' adalah tempat perdagangan kayu cendana yang penting. Pihak-pihak tempatan yang menjadi penyedia barangan kayu cendana itu adalah para raja Bugis dari pelbagai kerajaan dan menjadikan Suppa' sebagai tempat transaksi dengan pihak peniaga asing. Setelah Paiva mendarat di Suppa', dia tinggal di kerajaan Sidenreng yang pada masa itu Addatuang Sidenreng yang sedang melancarkan program pembukaan persawahan baru secara besar-besaran (Druce, 2009:214)²⁰.

Dalam naskhah E dicatatkan program pembukaan tanah pertanian itu dimulai pada tempoh abad ke lima belas sebagai kebijakan ekonomi-politik yang dilakukan secara bersamaan oleh kerajaan-kerajaan Bugis di kawasan dataran rendah. Antara kerajaan yang membuka tanah untuk persawahan itu adalah Sidenreng, Sawitto, Soppeng, Tanete, Wajo dan Bone. Paiva juga telah menyaksikan kesuburan tanaman padi dengan hasilnya yang melimpah. Sehubungan itu, beras putih dari Celebes yang telah menjadi komoditi pertanian di Sulawesi Selatan turut ditulis dalam catatan lawatan Paiva pada abad ke-16. Seterusnya, Reid (2011:179) telah juga mengungkapkan bahawa Paiva dalam misi dagangnya juga mencuba membeli hamba sahaya dan kayu cendana dari raja Bugis Suppa, disamping produk dan bekalan lainnya. Pada masa itu, Suppa' memang adalah pelabuhan yang menyediakan produk jualan kayu cendana dan hamba sahaya. Sehubungan itu, lontara juga ada catatan tentang peristiwa kedatangan Paiva pada masa raja Suppa La Makkarawi (abad XVI). Inilah petikannya:

“La Makkarawi yang mewarisi Addatuang di Suppa', karena Tuan La Pute Bulu memang ditabalkan manjadi Datu di Suppa'/ Antara La Palētēang dan Makkarawi adalah saudara seayah/ demikian pula La Pateddungi juga saudara seayah dengan La Makkarawi ' / Ketika tahta kerajaan Suppa telah diwariskan kepada La Makkarawi', datang jugalah pendeta Kristen Katolik yang bernama Tuan Antong de Payara (baca: Antony de Paiva) / Dia menyampaikan ugamanya kepada La Makkarawi' raja Suppa'/ La Makkarawi' beristri di Sidēnrēng dan

²⁰Lihat Druce “ *The Land of The Lakes: a History of the Ajatappareng Kingdoms of South Sulawesi 1200 to 1600 CE*”. Tahun 2009.Hlm. 214. Bandingkan dengan Reid dalam “ *Southeast Asia in the age of commerce 1450-1680*”; volume 1: The lands below the winds. New haven, CT: Yale University Press. Two vols.

melahirkan seorang anak perempuan bernama Wē Lampē' Wēluwa'/ Dialah yang menjadi pewaris kerajaan Suppa'/(...)”
(Sumber: naskah E)

Antonio de Paiva tiba di Suppa membawa misi zending selepas kedatangan orang Melayu kurang-lebih satu abad sebelum itu, iaitu pada pertengahan abad ke-15. Dalam beberapa tulisan sejarah seperti Mattulada (1982) dan Hadimuljono (1976) juga ada mengatakan, raja Suppa' La Makkarawi telah dibaptis oleh Paiva menjadi pemeluk agama Katolik; namun tidak bertahan lama kerana sudah dia tinggalkan tidak lama terkemudian. Paiva mengatakan pedagang Muslim terutamanya orang Melayu, telah lama bergaul dengan penduduk lokal, maka mengaku misi kristenisasinya dihalang-halangi orang Melayu (Noorduyn, 1972)²¹.

Seterusnya, Fadillah (2000)²² mengungkapkan kedatangan orang Melayu di Suppa' berhampiran masa dengan kehadiran Melayu di kerajaan Siang. Kedua-dua pelabuhan Siang dan Suppa' kebetulan berada di pesisir barat Sulawesi Selatan. Wilayah Suppa' dan Siang sejiran dengan jarak ± 60 batu. Bandar di kedua-dua buah kerajaan ini dikaitkan melalui jalur pelayaran dan hubungan perdagangan laut. Dalam kisah *I La Galigo*, kedua-dua toponimi itu disebut tergabung dalam zon kerajaan kuno di Sulawesi Selatan yang dipanggil “Wewanriu”²³.

Kerajaan Suppa' telah disebut dalam manuskrip sebagai kerajaan yang kuat pada awal abad ke-16 dengan memiliki wilayah bahagian (*palili*) yang luas. Selepas mencapai masa keemasannya, kekuasaan Suppa' meluas sehingga ke wilayah Mandar²⁴. Oleh

²¹ Lihat Noorduyn dalam “*Islamisasi Makassar*”, Djakarta: Bhratara-Djakarta, tahun 1972.

²² Lihat Moh. Ali Fadillah dan Irfan Mahmud dalam “*Kerajaan Siang Kuna: Sumber Tutur, Teks dan Tapak Arkeologi*” Makassar: LEPHAS UNHAS, tahun 2000.

²³ Perkataan “*wewanriu*” terdiri dari dua ayat dasar iaitu *Wewang* dan *Riu*. Kaya “*wewang*” memiliki erti “bergoyang” atau “berayun” dan “*riu*” ertinya angin. Oleh itu kata *Wewanriu* bererti “negeri yang bergoyang oleh kerana hembusan angin yang kuat. Hembusan angin yang dimaksud tidak lain adalah tiupan angin lautan terutama pada musim Barat yang berhembus dari Selat Makassar yang berada di sisi baratnya. Baik Suppa' mahupun Siang, yang terletak di pesisir barat Sulawesi Selatan itu maka kedua-duanya bersifat alam terbuka sehingga banyak terhembuskan angin dari lautan luas Selat Makassar pada siang dan malam hari.

²⁴ Wilayah Mandar rasmi menjadi Provinsi Sulawesi Barat pada tanggal 5 Oktober 2004 ini berdasarkan UU No 26 Tahun 2004. Ibukotanya ialah Mamuju. Luas wilayah sekitar 16,796.19 km². penduduknya terdiri dari Suku Mandar (49,15%); Toraja (13,95%); Bugis

sebab itu, pada pertengahan abad ke-16 Suppa' tampil sebagai kerajaan yang memiliki kekuatan militer yang besar dan kuat sehinggakan Gowa tidak mampu mengalahkannya dalam sekali gempuran sahaja. Hanya setelah serangan yang berulang-ulang dilakukan raja Gowa, Karaeng Tunipallangga Ulaweng baru dapat membobol benteng istana Suppa' dan menumpaskan pertahanan tentera Suppa'.

Serangan dan penaklukan Gowa berimpak negatif ke atas kerajaan Suppa'. Selain kehilangan power politiknya, yang nyata pula adalah kerajaan Suppa' terus melemah dari segi perdagangan dan pelayaran. Hal itu juga disebabkan raja Gowa sudah mengangkut orang Melayu bersama-sama orang tempatan Suppa' untuk membina dan menyokong pembangunan bandar dan pelabuhan Sombaopu di Gowa. Masa kemunduran Suppa' berterusan sehingga keseluruhan aktiviti ekonomi di bandar dan pelabuhan Suppa' beralih ke Sombaopu. Tindakan penaklukan serupa itu telah juga dilakukan oleh Gowa keatas kerajaan Siang, Labakkang, Polongbangkeng, Maros, Sidenre dan Garassi di Jeneponto, Bulukumba dan Selayar.

4.1.2 KEDATANGAN ORANG MELAYU DI SIANG

Kerajaan Siang (Bgs dan Mks: *Siyang*) adalah antara destinasi dan petempatan Melayu di Makassar pada peringkat awal. Maklumat daripada sumber asing tentang Siang dan jaringan perdagangan orang Melayu adalah daripada catatan Tome Pires dan Paiva (Reid, 2011:179). Kedua-duanya adalah pengembara Portugal. Antonio de Paiva mengunjungi Siang pada tahun 1542 menyatakan, orang Melayu telah menetap di bandar niaga Siang paling lambat sekitar tahun 1490; sementara catatan Tome Pires mengatakan, orang Melayu diperkirakan telah menetap di Siang kira-kira akhir abad ke-15 (dalam Pelras: 1981:237).

Dalam Ensiklopedia Sejarah Sulse²⁵ dinyatakan kerajaan Siang berasal dari matahari terbenam, tidak lain adalah dari negeri sebelah barat daripada

(10,79%); Jawa (5,38%); Makassar (1,59%) dan lainnya (19,15%). Propinsi Sulbar terdiri atas: Kabupaten Polewali Mandar, Mamasa, Majene, Mamuju dan Mamuju Utara. Lihat sumber "Sulawesi Barat Dalam Angka".

²⁵ Lihat Suryadi Mappangara dan Edwar Anwar dalam "Ensiklopedia Sejarah Sulawesi Selatan", Makassar: Kantor Balai Kajian Sejarah dan Nilai-Nilai Tradisional Sulawesi Selatan, tahun 2010.

pulau Sulawesi. Nama “Siang” ada kemungkinannya berasal daripada kata *Siam*²⁶ daripada Patani. Ini juga kerana dari aspek bunyi, perkataan *Siang* mirip dengan bunyi ayat *Siam*; hanya fonem “ng” dan “m” yang berbeza. Perbezaan itu disebabkan bunyi bahasa Bugis dan Makassar tidak mengenal bunyi konsonan di akhir ayat, kecuali bunyi sengau “ng”. Maka menyebabkan lafaz perkataan Siam berubah menjadi Siang. Sementara itu, ada juga pihak lain, seumpama kisah yang diungkapkan oleh Andi Baso Ujung Johar²⁷, menduga dengan kuat bahawa kerajaan Siang berasal daripada kerajaan Melaka. Sekaitan dengan hal itu di dalam mitos Bugis juga mengungkapkan bahawa kerajaan Siang berasal dari istilah “Labureng Kesso” atau wilayah matahari terbenam dengan rajanya yang pertama seorang wanita. Lain hal kisahnya menurut Godinho de Eredia seperti yang ditulis Zainal Abidin (2000)²⁸ mengatakan, bahawa kerajaan Siang atau Siao didirikan pada tahun 1112 Masihi oleh Raja Godinaro atau Karaeng Kodingareng.

Sehingga kini maklumat mengenai kerajaan Siang Kuno belum diperoleh gambarannya dengan sempurna. Hal itu disebabkan kerana tidak ditemukan kronik yang merekodkan perjalanan sejarah Siang. Sebab kedua kerana masa tamadun Siang jauh lebih awal wujud sebelum lahirnya tradisi tulisan di Sulawesi Selatan, maka zamannya belum terekod di atas lontara. Akibatnya, maklumat keberadaan Siang masih kabur, selain tidak difahami dengan sepenuhnya. Selain *Lontara Barasa* dengan teksnya yang hanya sedikit menyajikan maklumat tentang kerajaan Barasa sebagai pewaris Siang, kebanyakan maklumat lainnya hanyalah mencatatkan peristiwa sekitar abad XVII. Apa dan bagaimana wujudnya kerajaan Siang sejak berdirinya sehingga

²⁶ Andi Baso Ujung Johar mengatakan, kuat kemungkinannya nama “*Siang*” berasal dari perkataan Siam, sebuah nama kerajaan di Thailand Selatan. Nama Siang sangat terindikasi dari asas ayat “siang”, sememangnya telah berlaku hubungan Siang, Champa, dan Cina pada masa kuno manakala Siang telah wujud sebagai kerajaan besar di Sulawesi Selatan. Beliau juga mengatakan bahawa raja Siang diduga kuat berasal daripada tanah Melayu. Menurut pula, Barasa yang menjadi pewaris kerajaan Siang sekaligus mengambil darah bangsawan Siang justru kebangsawannya terkait daripada Johor. (temubual pada 29 Juni tahun 2013)

²⁷ Temu bual Andi Baso Ujung Johar pada tanggal 29 Jun 2013 di Paccellang, Kabupaten Pangkep, Sulawesi Selatan.

²⁸ Lihat Zainal Abidin “Ujung Pandang atau Makassar: Suatu Tinjauan dari Segi Sejarah” dalam *Makassar Doeloe, Makassar Kini, Makassar Nanti*, Makassar, Yayasan Losari Makassar, 2000, hlm. 23.

memasuki abad XVII adalah masih kabur. Ini juga disebabkan hanya ada sedikit maklumat tentang Siang dapat diperoleh daripada naskah lain, seperti naskah Gowa. Meskipun ada maklumat Siang, itupun hanya gambaran serpihan atau fragmen teks sahaja.

Pelras (2006); Mattulada (1982); Sagimun M.D. (1975) dan Fadillah (2000) bersepakat bahawa kerajaan Siang adalah sudah termasuk ke dalam senarai salah satu kerajaan tertua yang ada Sulawesi Selatan. Namun, masa berdirinya tidak dikenal pasti. Tapak arkeologi daripada kerajaan Siang telah ditemukan di Kabupaten Pangkep. Sehubungan dengan bukti itu, Fadillah (2000) mengatakan, kerajaan Siang diperkirakan sudah wujud sejak abad XII atau selambat XIII. Siang kuno diprediksi di bawah kuasa kerajaan Wewangriwu. Istilah wewangriwu adalah nama kerajaan kuno Bugis di pesisir barat Sulawesi Selatan yang telah wujud semasa Luwu dan Tompotikka seperti yang diceritakan dalam kisah *I La Galigo*.

Sementara itu, geografi kerajaan Siang terdeskripsikan sebagai berikut: di sebelah utara ia berbatasan dengan Kampung Lejjang, Ma'duntu, Tamanga yang dibatasi oleh sungai tua; di bahagian barat ia berbatasan kampung Sengka; di bahagian timur ia berbatasan kampung Sambu Jawa, Paranggi, Pasui, dan Sapanang, dan di Sebelah selatan terdapat persawahan yang dipanggil Lompo' Baru, Lompo' Paccikikang, Lompo' Bula Tumadang. Kerajaan Siang mencabar kuasa kerajaan di utara Kampung Ma'duntu yang berjiran dengan Labbakkang, sedangkan di bahagian selatannya terdapat Kabupaten Maros sekarang, dengan di bahagian timurnya ia berbatasan dengan kampung Malaka pada Kecamatan Balocci Utara sekarang. Yang menarik adalah wilayah kekuasaan kerajaan Siang mencabar 24 buah kampung tua iaitu: Sengkaya, Bontorannu, Bajoe, Talappasa, Bontomate'ne, Bontolowa, Sambunjawa, Paranggi, Pasui, Kajuara, Matojeng, Ujung Loe, Bontote'ne, Lessang, Sabila, Belaya, Bu'nea, Ma'duntu, Mattampa, Pacce'lang, Baru-Baru, Male'leng, Barasa, dan Barana (Suryadi Mappangara, 2010). Dalam sejarahnya, menurut kesaksian pengelana Asing, seperti Antonio de Paiva (1544), kerajaan Siang adalah wilayah perdagangan, sekaligus petempatan bagi pendatang, khususnya orang Melayu sebagai komuniti yang sangat penting pada abad pertengahan (Reid, 2011).


Menoleh ke dalam sejarah, kita akan dapati pedagang-pedagang Melayu bukan sahaja telah mengenal wilayah Siang, tetapi telah menjadikannya pusat perdagangan. Dengan memainkan peranan perdagangan di Siang, mereka telah memberi sumbangan besar dan secara berkekalan dalam memajukan kegiatan ekonomi itu. Pada umumnya, mereka dan pendatang lain membuat transaksi dengan pedagang rempah-rempah dari Ambon yang datang dan pergi dengan mengikuti monsun, selain aktiviti pelayaran antar pulau-pulau yang berhampiran dengan pulau Sulawesi. Semasa ketibaan orang Portugal di Sulawesi Selatan, pelabuhan Siang telah ada jaringan pelabuhan perdagangan dengan kawasan timur Nusantara²⁹. Menurut Manuel Pinto³⁰, bilangan penduduk Siang sudah sekitar 40.000 orang. Menurutnya, bilangan penduduk itu sangatlah besar, malahan lebih besar berbanding dengan penduduk di bandar niaga yang lain pada tempoh itu. Sementara itu, di kampung Siang terdapat petempatan khas untuk orang Melayu yang mempunyai organisasi sendiri di bawah koordinasi Syahbandar.

Sementara itu, ingin dinyatakan bahawa kerajaan Siang sudah berkembang sebelum Sulawesi Selatan memasuki periode Islamisasi. Sehubungan itu, sumber Portugal menguatkan fakta itu dengan mengatakan bahawa banyak kerajaan Sulawesi Selatan yang lain belum berkembang, maka belumlah penting apalagi dapat menandingi Siang yang telah maju dalam perdagangan global. Dalam perdagangan, kerajaan Siang telah mengadakan hubungan dengan orang Melayu Muslim di Semenanjung Tanah Melayu dan pesisir Sumatera. Fakta ini disokong hasil kajian arkeologi yang telah dilakukan oleh Fadillah dan Irfan dkk (2008)³¹ keatas pemerintahan kerajaan *Siang* kuno di Sengkaé.

²⁹ Lihat Rasjid dkk dalam "*Makassar sebagai Kota Maritim*" .Jakarta: Depdiknas, Tahun 2000, hlm 23.

³⁰ Lihat Edward Poelinggomang "Proteksi dan Perdagangan Bebas: Kajian Tentang Perdagangan Makassar abad ke-19. Disertasi. Amsterdam, 1991, hlm: 25. Lihat juga Nomay, "Orang Melayu di Makassar abad XVI-XVII" Makassar, 2009, hlm. 15.

³¹Kerajaan Siang lebih awal berdiri daripada kerajaan Gowa. Hasil ekskavasi arkeologi pada tanggal 26 Juli 2000 oleh Ali Fadillah dkk dari Balai Arkeologi Makassar, memastikan kerajaan Siang sebagai kerajaan Makassar pra Islam. Kesaksian orang Portugal menunjukkan bahawa kerajaan Siang adalah kerajaan Makassar yang telah melakukan hubungan dengan dunia luar sebelum agama Islam masuk ke Sulawesi Selatan. Lihat Ali Fadillah dan Irfan Mahmud (2000:6-7).



Rajah 4.2 Peta Kerajaan Siang, Situs Sengkae dan Bulu-Bulu, Kabupaten Pangkajenne Kepulauan. (Sumber: Ali Fadillah dan Irfan Mahmud, 2000)

Kedudukan geografi Sengkae memenuhi syaratnya sebagai pusat kerajaan Siang kuno. Penemuan artefak pada zon situs Sengkae kelihatan adalah lebih kaya dan kompleks daripada tempat lain berdasarkan sebaran tembikar, seramik asing, makam kuno dan sisa-sisa batu bata benteng. Hal itu diperkuatkan dengan adanya Sungai Siang yang dahulunya berfungsi sebagai laluan perahu-perahu besar. Sungai itu sememangnya telah membuka peluang kepada hubungan niaga secara langsung dengan penduduk tempatan. Kerajaan Siang sudah berkembang pesat sebagai pelabuhan dagang kerana adanya sokongan masyarakat Siang yang cekap mengolah pelabuhan, selain mengenali jaringan perdagangan laut untuk memasarkan hasil-hasil alam setempat. Kuat dugaan bahawa pedagang dari kepulauan barat Semenanjung Melayu dan banyak kota pelabuhan di kawasan Timur, seperti Maluku, Buton, Sumbawa dan Timor terhubung melalui pelabuhan Siang.

Sebelum ini sudah pun dinyatakan bahawa orang Melayu telah tinggal di Siang separuh abad lebih awal berbanding dengan orang Melayu di Mangallekana Gowa. Sehubungan itu, Pelras³² mengatakan bila Paiva mendarat di Siang pada 1542 dia

³² Lihat Pelras dalam "Citra Masyarakat Indoensia", Sulawesi Selatan Sebelum Datangnya Islam Berdasarkan Kesaksian Bangsa Asing, Tahun 1972, hlm. 68.

menjumpai sudah ada orang Melayu menetap di situ. Maklumat daripada Paiva tersebut diperolehnya dari raja Suppa', La Makkarawi, pada tempoh kedatangannya di Siang dan Bacukiki. Raja Siang, La Makkarawi memberitahu Paiva bahawa orang Melayu telah sampai di Siang dan Suppa' lebih daripada 50 tahun dahulu. Daripada maklumat itu, Pelras berpendapat orang Melayu sudah membentuk komunitinya di bawah pentadbiran kerajaan Siang sekitar tahun 1490 atau lebih awal lagi.

Kerajaan Siang penting kepada petempatan orang Melayu pada awal abad XVI, setelah mereka yang berasal dari Melaka dan Johor itu bergaul dan berintegrasi dengan orang tempatan melalui perkahwinan. Daripada perkahwinan dengan pembesar tempatan, maka sudah lahir keturunan Melayu bercampur Siang. Keturunan campuran inilah yang kemudiannya menjadi pembesar dalam kerajaan Siang sehingga akhir abad XVII. Hal itu terbukti dengan adanya nama tokoh I Jo'ro yang juga dikenali sebagai keturunan daripada Melayu Johor kerana pemegang kuasa dalam kerajaan Barasa³³. Dalam naskah F dicatatkan kisah hidup I Jo'ro sebagai panglima perang dalam kerajaan Barasa semasa menentang perkubuan kerajaan Gowa. Kisah itu telah dirakamkan dalam naskah setebal 76 halaman dalam judul "Kisah Perang Gowa dengan Barasa". Naskahnya itu wujud pula dalam bentuk mikrofilm yang dikoleksi di Kantor ANRI Makassar kod rol 80 no. 60.

Dalam kerajaan Siang kuno juga ada maklumat tentang komuniti Melayu telah hidup secara terorganisir di bawah seorang kepala yang berasal daripada masyarakat itu sendiri. Perkampungan Melayu di Siang itu menunjukkan adanya susunan atau organisasi masyarakat yang teratur dengan mempraktikkan sistem kehidupan menurut cara hidup atau adat rezam mirip adat rezam Melayu di Melaka. Kampung Anrong Appaka misalnya, dikenali sebagai pusat petempatan orang Melayu semasa kerajaan Siang kuno. Menurut Andi Baso Ujung Johar³⁴, Anrong Appaka mencabar empat

³³ Kerajaan Barasa merupakan reinkarnasi semula kerajaan Siang yang telah tewas oleh cabaran Gowa pada abad XVI. Kerajaan Siang dibawah genggaman pemerintahan kerajaan Gowa berlangsung pada tempoh 1512 sehingga 1667. Para keturunan bangsawan Siang memunculkan semula supremasi kerajaan dengan melahirkan kerajaan Barasa. Walaupun begitu, kerajaan Barasa mendapat tolgan daripada kuasa Gowa, maka mencetuskan peperangan Barasa dan Gowa. Kuasa Barasa ialah I Jo'ro (1600-1683). Adalah keturunan darah daripada Johor. Dia menjalin aliansi dengan raja Bone, Arung Palakka. Sehingga meletusnya Perang Mengkasar (1666-1667), I Jo'ro pun berpihak kepada Bone melawan Gowa.

³⁴ Temubual dengan Andi Baso Ujung Johar berlangsung pada hari Sabtu, tanggal 29 Juni 2013, di Paccellang, Anrong Appaka, Kabupaten Pangkep.

petempatan yang lain, iaitu Sengkae, Baru-Baru, Lesang dan Kajuara. Toponimi ini dipimpin seorang yang bergelar Kare. Perlu diketahui bahawa perkataan “Kare” menurut Rasjid (2000) adalah gelaran khas bagi orang Melayu yang telah bercampur darah dengan elit-elit Makassar dan Bugis.

Seterusnya kajian arkeologi yang dilakukan Fadillah³⁵ telah mendapati kerajaan Siang pra-Islam berpusat di Sengkae, yang sekarang ini bernama Anrong Appaka. Tempat itu telah menjadi petempatan utama komuniti Melayu semasa pentadbiran kerajaan Siang kuno. Sehingga kini masih ada kumpulan orang yang mengakui dirinya keturunan daripada Melayu dari masa lampau itu. Bukti-bukti kebudayaan yang bercirikan Melayu di Anrong Appaka salah satunya adalah gelaran³⁶ sapaan seperti *Datok, Ance, Ince, Unda, Bunda* dan *Bonda* masih digunakan oleh masyarakatnya sehingga dewasa ini.

Sehingga kini, Sengkae adalah tempat di sebelah timur Sungai Siang yang telah mengalami pendangkalan. Kononnya, sungai Siang pada masa dahulu sangatlah penting perannya sebagai jalur transportasi. Ia dilalui perahu-perahu besar yang boleh sampai ke laut di bahagian baratnya. Oleh kerana itulah pelabuhan Siang diketahui telah didatangi langsung peniaga-peniaga dari banyak tempat di sebelah barat, termasuk orang Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu.

Selain itu, dalam naskhah F ada catatan bahawa kerajaan Siang telah mengalami kemunduran beberapa tahun kemudian akibat serangan militer Gowa. Serangan Gowa itu membuat Siang menjadi tanah taklukan Gowa, maka sudah memasuki masa kesunyiannya, sekaligus mengakhiri kebesarannya. Ini boleh dilihat dengan aktiviti-aktiviti perdagangan yang semakin lemah sehinggakan ramai orang Melayu khususnya

³⁵ Lihat Ali Fadillah dan Irfan Machmud, “*Kerajaan Siang Kuna: Sumber Tutar, Teks dan Tapak Arkeologi*. Makassar: Lembaga Penerbitan Unhas (LEPHAS), 2000, hlm 66-68.

³⁶Perihal nama seperti *Ance, Ince, Bonda, Undadan Bondamerupakan* adalah perkataan khas yang digunakan oleh kalangan terbatas di Boriappaka di Kabupaten Pangkajene’. Gelaran tersebut diguna secara pribadi-pribadi dalam rumpun keluarga yang memiliki keturunan Melayu. Gelaran *Ince* dipakai khas untuk lelaki sahaja, manakala *Bonda* diguna oleh kalangan perempuan bangsawan Melayu yang sudah berkahwin. Khususnya gelaran *Ince* adalah gelaran yang juga diguna bagi orang Melayu yang memegang jawatan Sekretaris Distrik atau dikaitkan pula sebagai keturunan orang pintar (cendekia). Wawancara dengan Puang Nyonri (68 tahun), 24 Disember 2012 di Labakkang.

pedagang sudah meninggalkan Siang. Sementara kerajaan Siang berada di bawah tekanan politik Gowa, ada disebut dalam akhbar-akhbar tempatan bahawa raja Gowa menawan orang-orang Melayu berpindah ke Gowa. Tujuan penguasa Gowa itu adalah untuk mengalihkan segala urusan perdagangan dan perniagaan laut kerajaan dari Siang kepada pelabuhan Sombaopu yang menjadi pusat perniagaan Gowa.

Sehubungan itu, Raja Gowa Tumaparrisi Kallaonna menganggap orang Melayu sangatlah penting. Raja Gowa memandangkan mereka mempunyai kecekapan membina pelabuhan, maka penting dalam menggalakkan perdagangan di Sombaopu untuk menggantikan Siang dan Suppa'. Pembesar Gowa mengambil kesempatan yang penting itu untuk menjadi penguasa perdagangan dan pelayaran di Kawasan Timur Nusantara dengan mengembangkan pelabuhan Sombaopu sebagai pusat perdagangan regional yang baru seperti yang disebut tadi.

Masih tersimpan di kepala masyarakat Pangkep sehingga kini cerita yang mengatakan orang Melayu di Siang dahulu mengalami pemaksaan daripada Gowa untuk segera meninggalkan Siang dan berpindah untuk berdagang ke Gowa-Tallo. Selain yang bersetuju, namun terdapat sekumpulan orang Melayu mengelak daripada berpindah ke Gowa, sehinggakan mereka beramai-ramai lari ke pedalaman di pergunungan di sebelah timur Siang. Dari tempat pelarian itulah mereka merancang kehidupan baru sesama orang Melayu yang lain sehingga wujudlah sebuah petempatan baharu di pedalaman Pangkep dengan nama "Malaka". Meskipun peristiwanya telah berlaku sekitar lima abad yang lampau, akan tetapi ceritanya itu masih popular sehingga kini. Ramai penduduk kampung di Melaka tahu asal-usul cerita nenek moyang mereka yang berasal daripada orang Melayu yang dahulunya melarikan diri dari Siang kerana berlakunya perang dengan Gowa.

Sehubungan itu, dalam naskhah juga dicatatkan peristiwa penaklukan yang dilakukan kerajaan Gowa ke atas kerajaan-kerajaan Bugis dan Makassar pada pertengahan abad ke-16 sehingga separuh awal ke-17. Keberjayaan Gowa menaklukan kerajaan-kerajaan jirannya bermula pada masa pentadbiran Karaeng Tumaparrisi Kallaonna (1510-1545) dan dilanjutkan oleh Karaeng Tunipallangga (1546-1565). Namun, sejarah penaklukan yang paling berjaya daripada kerajaan Gowa adalah yang dilakukan Tunipallangga dengan berjaya menawan 48 buah kerajaan. Peristiwa

penaklukan kerajaan Siang serta kerajaan sejarannya oleh Tunipallangga juga telah dicatat dalam naskah J. Lihat petikan terjemahannya seperti di bawah ini:

Pasal. Yang menjelaskan jumlah wanuwa yang direbut Karaéng Gowa bernama Tomaparrisi' Kallonna/ Pertama Garessi'/ Kedua Katingang/ Ketiga Parigi/ Keempat Siyang/ Kelima Sidenre Manai'/ Keenam Lembang/ Ketujuh merebut pusaka Bulukumba/ Kedelapan Selajar/ Kesembilan mengalahkan Pannaikang/ Kesepuluh Madello/Kesebelas Céppaga/ Keduabelas Maros dan Polomabangkeng. Yang menjelaskan jumlah wanuwa nabétaé Karaéng Gowa yang bernama Karaénta Tunipallangga/ Dialah Raja Gowa giginya hanya dua buah mirip pelepah / sebiji di atas sebiji dibawah/ ...


Dialah Raja yang mula menyandera dan menggiring paksa tawanannya jika menang perang/ Dia pula yang mula menerapkan perjanjian kekalahan "Aku berkata, Kamu mengganggu"/ Dia pula yang pertama menyuruh mengangkat kepala pandai besi, Pandai emas, Tukang rumah, ahli perahu, pemanah, penyepuh, pengrajin timah, tukang gelinra, Pengukir, tukang tali/ Dia pulalah yang memisahkan Syahbandar dan dan Jabatan Tomarilalaeng (menteri dalam negeri) /(...)

(Sumber: naskah J, hlm. 85-86)

Gerakan ekspansi kerajaan Gowa telah berjaya menawan sebilangan kerajaan. Dalam catatan itu dinyatakan bahawa Karaeng Tumaparrisi Kallaonna (1510-1546) sudah menawan sebanyak 48 buah kerajaan Makassar dan Bugis, tidak kira sama ada yang besar, mahupun kerajaan kecil. Salah satu nama kerajaan yang ditaklukkan Karaeng Tunipallangga itu adalah Siang (*Siyang* = *siy*).

Penaklukan yang dilakukan kerajaan Gowa itu disusul pula dengan menyandera penduduk tempatan daripada kerajaan Siang dan memboyongnya ke Makassar untuk melakukan kerja paksa. Tak terkecuali orang Melayu yang merupakan salah satu komuniti yang tinggal di Siang. Namun, hal yang istimewa telah dinikmati elit-elit Melayu setelah berada di Gowa, mereka mendapat layanan istimewa iaitu diberi posisi untuk mengembangkan aktiviti perdagangan dan perniagaan di pelabuhan Sombaopu. Selain itu, kerajaan Gowa telah memulakan pembaharuan dalam segala bidang kehidupan, seperti mengembangkan teknologi pertukangan, arsitektur dan perdagangan. Dalam naskah-naskah lontara ada catatan tentang pembaharuan yang melibatkan pelbagai sektor kehidupan dalam kerajaan Gowa itu, termasuk menempatkan orang Melayu sebagai pihak penting kerana mempunyai kemahiran yang sangat-sangat

diperlukan penguasa Gowa. Sehubungan itu, cerita lisan daripada Petta Nyonri³⁷ mengatakan bahawa dalam rangka gerakan pengembangan teknologi dan hegemoni politik Gowa itu, orang Melayu yang diberi tempat tinggal di banyak jabatan kerajaan di Siang, Bacukiki dan Suppa' itu sudah diboyong ke Makassar. Pemboyongan orang Melayu secara besar-besaran itu didahului dengan penawanan kerajaan tempatan melalui serangan tentera.



Rajah 4.3 Lokasi Kampung Malaka di Kabupaten Pangkep

³⁷Maklumat temubual dengan Petta Nyonri (68 tahun) berlangsung pada tanggal 24 Disember 2012 di kabupaten Pangkep. Beliau dikenal sebagai sejarawan dan budayawan yang berpengetahuan luas.

Pertumbuhan dan perkembangan Gowa-Tallo sebagai pusat perniagaan di hujung Selatan Semenanjung Sulawesi, meninggalkan impak negatif ke atas kerajaan Siang. Sebelum Siang ditaklukkan, aktiviti perdagangan di pelabuhan Siang berjalan dengan lancar, maka kerajaan Siang sudah mengalami kemunduran pada sektor perdagangan dan perniagaan setelah Gowa mencabarnya. Lebih daripada itu, raja Siang yang ditawan itu sudah diasingkan oleh Tumaparrisi Kallonna, sehingga terjadinya kekosongan pemerintahan di kerajaan Siang. Pemerintahan kerajaan Siang selanjutnya hanya dijalankan oleh Oppoka³⁸ sebagai pelaksana tugas kerajaan Siang yang berkedudukan tinggi di Paccellang. Semenjak Gowa menaklukkannya, secara berterusan kerajaan Siang terus mengalami kemunduran politik dan ekonomi. Kisah semenjak raja Siang ditawan di Gowa tiada lagi raja utama yang memegang pentadbiran.

Kekuatan politik kerajaan Siang sebagai sebuah kerajaan konfederasi bergantung pada solidariti unit-unit politik di bawahnya. Sudah tentu keseimbangan unit-unit itu mulai melemah berikutan pilar-pilar ekonomi Siang yang utama beralih ke Gowa. Kesan yang paling kuat telah dirasa setelah aktiviti pedagang Melayu dialih untuk berpusat di Gowa. Selain itu, Siang yang telah mengalami kekalahan dalam serangan Gowa ke atasnya sudah berkesudahan dengan ia ditempatkan sebagai negeri taklukan (*palili*) daripada kerajaan kembar Gowa-Tallo. Di sini, kelihatan dominasi politik Gowa yang dirancang oleh raja Karaeng Tumaparrisi' Kallonna dan diteruskan oleh Karaeng Tunipallangga dan berterusan sehingga kuasa-kuasa berikutnya. Sehingga memasuki abad ke-17 kerajaan Siang benar-benar sudah tidak ada kuasa lagi. Dengan itu, kuasa dan kedaulatan bangsawan Siang turut hilang sama sekali. Apa yang dialami oleh Siang samalah halnya dialami oleh kerajaan yang lain seperti Bacukiki, Suppa, Sawitto, Sidenre, Garassi dan lainnya setelah dicabar Gowa.

Selain faktor penaklukan, kondisi dalam kerajaan Siang sendiri juga boleh dipikirkan sebagai sebab lain tentang semakin melemahnya peranan pelabuhan Siang. Hal itu berimpak semakin turunnya peranan pelabuhan Siang sebagai jalur pelayaran daripada pihak peniaga luar serta kalangan orang Melayu dan orang tempatan. Apa yang

³⁸ Oppoka adalah sesebuah jawatan kuasa lebih rendah daripada Raja Siang. Paccellang memegang darjat sebagai pemangku Oppoka menggantikan kerajaan Siang. Oppoka memiliki berstatus sebagai pelaksana tugas kuasa Siang semenjak rajanya ditawan oleh kuasa Gowa. Gelar Oppoka Siang mula ada sejak abad ke-XVI. Itulah sebabnya kemudian I Jo'ro (abad ke-17) menjadi Oppoka ri Paccellang. Temubual dengan Andi Baso Ujung Johar, pada tanggal 29 Juni 2013.

dimaksudkan adalah pendangkalan Sungai Siang seperti yang dicatatkan Antonio de Paiva maka menyusahkan perahu-perahu yang menggunakannya untuk berlayar ke pelabuhan Siang. Hal ini telah dibuktikan Fadillah (2000) melalui riset arkeologinya dan mengatakan keadaan tersebut jelas menunjukkan adanya indikasi erosi berupa terdapatnya lapisan tanah endapan lumpur akibat banjir yang berterusan sejak beberapa abad silam.

Yang perlu dinyatakan di sini adalah orang Melayu sudah ada di Siang sejak abad ke-15. Dalam masa 200 tahun itu hubungan orang Melayu dengan orang Siang cukup baik. Ini terbukti daripada pergaulan sosial dan perkahwinan antara orang Melayu dengan bangsawan dan masyarakat Makassar tempatan. Hal ini juga dirakamkan dalam naskhah F yang mengisahkan tokoh yang bernama I Jo'ro adalah keturunan campuran daripada perkahwinan orang Melayu dengan bangsawan Siang. I Jo'ro dikenali sebagai pangeran ke-4, telah menjadi pewaris kerajaan Siang. Daripada genealogi, dia adalah cucu dari Oppoka Paccellang. Pada separuh kedua abad ke-17 beliau sudah menjadi panglima dalam kerajaan Barasa yang bangkit untuk menentang Gowa dalam kempen Perang Makassar.

Seterusnya, Andi Baso Ujung Johar mengatakan perkataan I Jo'ro adalah nama yang berasal daripada perkataan Johor, nama tempat di negeri Semenanjung Tanah Melayu. I Jo'ro telah juga disebut sebagai pangeran Barasa, sebuah kerajaan yang menjadi sebahagian daripada kerajaan Siang. I Jo'ro menjabat sebagai Oppoka yang berkedudukan tinggi di Paccellang.

Oppoka adalah nama sebuah jabatan kerajaan di bawah struktur kerajaan Siang yang menjalankan pemerintahan dan menjaga panji-panji kerajaan Siang di Barasa. Di sini adalah didapati bahawa cerita lisan yang didapati adalah sejalan dengan kandungan isi dalam Lontara F yang mengatakan nama penguasa Barasa I Jo'ro sudah dikenali meluas sebagai keturunan daripada orang Melayu dalam kerajaan Siang. Sehingga kini, I Jo'ro adalah seorang daripada keturunan elit Melayu di Siang yang nenek moyangnya telah datang dari Johor dan bermastautin di Siang. Dalam lontara itu juga dicatatkan I Jo'ro adalah pewaris takhta kerajaan Siang. Di bawah ini ditunjukkan kedudukan Kareng I Jo'ro dalam kerajaan Siang.

Jadual 4.1 Pemangku Kerajaan Siang dan Barasa

No.	Nama Pemangku Raja Siang	Tempat Berkedudukan	Masa Pentadbiran
1	Tamalamba	Barasa	Akhir XVI
2	Karaeng Allu I	Bonto Kamisi	Awal XVII
3	Karaeng Allu II	Ditawan di Gowa	SeparuhAwal XVII
4	Karaeng I Jo`ro	Barasa/Paccellang	(1666-1700) semasa Arung Palakka
5	Karaeng Pancana Daeng Sirua	Pancana, Barru	Awal XVIII

(Sumber: Senarai Raja Siang koleksi Andi Baso Ujung Johar)

Yang menarik ialah I Jo`ro telah melancarkan gerakan pemberontakan dengan sekutu Bone yang menentang Gowa dalam Perang Makassar (1666-1667). Perkembangan itu menunjukkan bahawa pada abad ke-17 bangsawan Siang telah bercampur dengan orang daripada keturunan darah Melayu dari Tanete yang turut bersama-sama menentang hegemoni Gowa. Di sini, pihak berkuasa di Tanete telah menunjukkan pendirian dalam Perang Makassar tersebut, maka telah juga bergabung dengan Bone. Kisah lengkap peristiwa peperangan yang dilakukan oleh I Jo`ro terakam dalam naskhah lontara yang bertajuk “Perang Gowa dan Barasa” tersimpan dalam koleksi mikrofilm di ANRIM dalam kod rol.80/60.

Perang Makassar itu berkesudahan dengan kemenangan pihak Bone dan Hollanda. Kemenangan itu sekaligus memberi keuntungan politik kepada pihak kerajaan Barasa dan Tanete. Selain daripada itu, orang Melayu telah banyak datang semula ke Anrong Appaka melangsungkan kehidupan baharu. Mereka banyak berkahwin dengan penduduk tempatan di Siang, Paccellang, Sengkae, Baru-Baru, Lesang, Kajuara dan Bungoro sehingga mereka menyatu ke dalam masyarakat tempatan sehingga kini ramai orang dipetempatan tersebut masih mengakui dirinya ada keturunan daripada Melayu.

4.1.3 KEDATANGAN ORANG MELAYU DI TANETE

Tanete³⁹ adalah salah satu kerajaan Bugis yang mempunyai kedudukan penting dari segi politik di Pesisir Barat Sulawesi Selatan. Kerajaan Tanete menjadi tempat penting yang dicatatkan sehubungan kedatangan orang Melayu. Maklumat orang Melayu di Tanete pada peringkat awal sudah ada sejak pemerintahan raja Daeng Ngasseng sebagai raja Tanete ke-4. Sehubungan itu, Lontara Tanete⁴⁰ juga mengatakan bahawa pada tempoh pemerintahan raja Daeng Ngasseng sudah ada orang Melayu dari Melaka (Bgs: *Malaka*) dan Minangkabau (Bgs: *Marakabo*). Mereka datang dan mencari tempat tinggal di bawah kerajaan Tanete atau Agangnionjo tersebut. Semasa pemerintahan Daeng Ngasseng pula kerajaan Tanete telah membangun perekonomian dan perdagangan dengan pesatnya sehinggakan sudah mempunyai daya tarikan ke atas orang luar, Rasjid (2000) dan Rahman (2002).

Antara sebab ketertarikan Melayu ke Tanete adalah kedudukannya dan juga Pancana telah menjadi pelabuhan niaga dan perdagangan. Pada masa itu Tanete telah memainkan peranan dalam kehidupan perekonomian bandar kerajaan Tanete. Di sini, kedudukan geografi strategik Pancana sangatlah penting dari segi jalur perdagangan maritim di kawasan barat Sulawesi Selatan. Seyogia dinyatakan bahawa pelabuhan

³⁹Nama asal Tanete ialah Agangnionjo'. Perubahan nama *Agangnionjo* menjadi *Tanete* terjadi pada pemerintahan raja Tanete VIII, *Tomaburu' Limanna*. Kisah menuturkan, Tanete berasal dari nama petempatan di Selayar. Dahulu, ada seorang anak raja Luwu tertimpah musibah perahunya tenggelam di Laso'é di laut antara *Bira-Selayar*. Raja Gowa segera memerintahkan Arung Agangnionjo untuk mengantarkan peti (duni) mayat anak raja itu ke Luwu. Mereka bersama dengan orang Tanete Selayar mengantarkan duni mayat itu ke Luwu. Namun orang Agangnionjok membawa terlebih dahulu duni itu ke Agangnionjok. Selang beberapa hari barulah mengantarkannya ke Luwu bersama-sama orang Tanete. Oleh kerana pertemanan yang mesra antara Agangnionjo dengan Tanete, maka bertepatan saat itu nama Agangnionjo' diubah menjadi Tanete. Nama Tanete sebagai tanda monumental bersatunya tanah orang Tanete Selayar dengan rakyat Agangnionjo. Hubungan mereka ditandai kesepakatan persaudaraan sebagai berikut: jika orang Agangnionjo bepergian ke Tanete, maka ia menjadi orang Tanete; begitu pula sebaliknya. Jika raja daripada kedua-dua negeri saling melintasi negeri, maka tidak bisa tidak, ia harus singgah walau sebentar meskipun terburu-buru. Lihat G.K Nieman " *Kronik Tanete* " (1883); Terjemahan Basrah Gissing " *Sejarah kerajaan Tanete* ", *Makassar*: Samajaya, 2002, hlm. 43-44.

⁴⁰ Lontara Tanete, koleksi Yayasan Matthes (Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan) telah didiedisi oleh G.K. Nieman dengan judul *Geschiedenis van Tanete*, diterbitkan pada tahun 1883. Telah terbit sebagai terjemahan oleh Basrah Gissing, pada tahun 2002. Lihat juga Abdilrazak Daeng Patunru dalam " *Bingkisan Patunru: Sejarah Lokal Sulawesi Selatan* ". Penerbit: Pusat Kajian Indonesia Timur bekerjasama dengan Lembaga Penerbitan Universitas Hasanuddin, tahun 2004, hlm. 64.

Tanete mempunyai hubungan pelayaran dengan kerajaan jirannya, seperti Suppa' dan Bacukiki di utara; Siang, Tallo, Sombaopu dan Sanrabone di Selatan. Sehingga abad ke-19 pelabuhan Tanete, khasnya Pancana, kekal sebagai pelabuhan dalam perdagangan antarpulau, kerana kedudukannya yang strategik itu. Di samping itu, Tanete juga mempunyai hubungan dengan kawasan pedalaman sehingga sampai kekerajaan Soppeng. Sementara itu, di bahagian barat pelabuhan Pancana itu adalah Selat Makassar, maka sudah menjadi jalur pelintasan perdagangan dan pelayaran antara Sulu dan Laut Jawa.

Seperti yang disebut di atas, kedatangan yang terawal orang Melayu ke Tanete adalah pada masa pentadbiran raja Daeng Ngasseng. Dalam lontara Tanete (naskah L) dicatatkan bahawa semasa Daeng Ngasseng banyak kumpulan orang Melayu dari Melaka, Minangkabau dan Jawa sudah tiba di Tanete. Oleh kerana pendatang dari luar banyak dan berterusan datang, maka Daeng Ngasseng telah memberi petempatan khusus kepada mereka. Sambutan daripada Daeng Ngasseng itu dikatakan istimewa kerana dia telah memberi tanah kepada orang Melayu dan Jawa yang datang itu untuk melangsungkan kehidupan mereka di atas Tanah Tanete. Pendatang orang Melayu Melaka diberi kampung yang bernama Coppo', sementara orang Minangkabau menempati sebuah kampung yang bernama Balenrang dan orang Jawa mendapat Kampung Pattimang.

Jadual 4. 2 Petempatan orang Melayu, Jawa dan Portugis Tanete

No.	Kumpulan Pendatang	Nama Kampung	Anggaran Masa Wujud Petempatan
1	Melayu Melaka	Kampung Coppo'	Awal abad XVI
2	Melayu Minangkabau	Balenrang	Awal abad XVI
3	Jawa	Pattimang	Awal abad XVI
4	Melayu Johor	Pancana	Akhir Abad XVI
5	Melayu (pelbagai)	Lipukassi	Abad ke-17
6	Portugis	Parengki	Abad XVI

(Sumber: naskah L)

Berkait dengan kedatangan orang Melayu, dalam naskah L ada catatan bahawa semasa pentadbiran Daeng Ngasseng ini pula kerajaan Tanete memperoleh sebuah bendera pusaka dari Melaka. Bendera itu dibawa bangsawan Melayu. Nama bendera dari Melaka yang dalam logat bahasa Bugis tempatan dipanggil "Lasarewo" itu lazimnya dikenal *Manurung Bate*, ertinya "Bendera yang turun menjelma" di Tanete. Diperkatakan

sedemikian sebab dimitoskan benda itu datang secara ghaib dan tiba-tiba wujud dalam istana Tanete. Oleh itu sesetengah orang mengatakan sejarah bendera pusaka “Lasarewo” tersebut sesungguhnya didatangkan oleh para bangsawan imigran Melayu dari Melaka yang datang ke Tanete secara berkumpulan.

Dalam naskhah L juga dikisahkan bahawa setelah komuniti Melayu menetap di Tanete, Daeng Ngasseng telah memulakan babak baharu bagi kehidupan pemerintahan dan kehidupan ekonomi kerajaan. Beliau membina pelabuhan untuk menggiatkan perdagangan dan pelayaran. Kekuatan ekonomi kerajaan Tanete yang berbasis ekonomi maritim itu semakin berjaya dari masa ke masa. Kedudukan geografi pelabuhan Tanete dan ketersediaan hasil bumi yang melimpah adalah daya tarikan kepada orang luar untuk datang dan berniaga di Tanete. Walhasil pelabuhan Tanete menjadi sibuk dan makmur dengan kedatangan peniaga dari luar. Potensi Tanete sebagai bandar-pelabuhan sangat besar kerana ia didukung oleh kedudukan geografinya yang strategik. Secara geografis, pelabuhan Pancana juga diapit antara dua buah sungai besar, iaitu sungai Pancana di utara dan sungai Lipukassi di bahagian selatan. Sementara di bahagian timurnya adalah hamparan tanah dan pegunungan Soppeng dan Bone yang luas dan subur.

Daripada kajiannya, Rasyid (2010:23)⁴¹ mengatakan penduduk di pedalaman mengeluarkan hasil-hasil pertanian dan hutan yang menjadi daya tarikan kepada perdagangan dan kehidupan di bandar Tanete. Kedudukan dan potensi alam kerajaan Tanete itulah sudah membuat pelabuhannya menjadi jaringan perdagangan entreport yang penting kepada pelaut-pelaut dari luar. Selain itu, perkembangan kerajaan Tanete yang berkesan juga berlaku seiring dengan semakin banyaknya peniaga luar yang datang berniaga. Yang menarik adalah pedagang orang Melayu semakin hari semakin ramai. Berbanding dengan pendatang yang lain, orang Melayu menjadi kumpulan yang paling penting dan juga yang paling banyak bilangannya di Tanete. Keadaan ini berterusan kerana kerajaan Tanete sudah menjadi magnet bagi kedatangan orang dari luar untuk berniaga.

⁴¹ Lihat Rasyid Asbah dalam “*Gerakan Sosial di Tanah Bugis: Raja Tanete La Patau Menantang Belanda*” Yogyakarta: Ombak, 2010, hlm. 23.

Perdagangan maritim di kerajaan Tanete berkembang dengan pesat sehingga menjadikannya sebagai pelabuhan penyokong bagi perdagangan, termasuk barangan seperti pangan beras dan ternak potong. Potensi dan daya tarikan pelabuhan Tanete kepada pihak luar itu tidak sahaja memikat perhatian pedagang Melayu dan Jawa, tetapi juga pedagang Portugis. Pedagang Portugis datang ke Tanete pada separuh abad ke-16 setelah diberi izin untuk menetap di sebuah kampung dari kuasa Tanete. Dalam naskhah L ada catatan tentang kampung khas orang Portugis di Tanete itu dikenal dengan nama *Laparengki*⁴², satu daerah yang terletak di selatan hulu sungai Lajari. Orang Portugis juga mendapat kesempatan mendirikan gudang dagang atau loji untuk aktiviti perdagangan mereka, terutamanya berhubung dengan produksi pangan dari Tanete (Rasyid, 2010:44-45). Meskipun demikian, antara pendatang yang datang dan yang menetap di Tanete, orang Melayu telah dicatatkan sebagai yang paling baik diterima justeru memainkan peranan utama dalam mengelola pelabuhan, selain terlibat dalam pentadbiran kerajaan Tanete. Namun, tidak ada maklumat dalam naskhah lontara tentang bilangan orang Melayu yang datang dan menetap di Tanete semasa pentadbiran Daeng Ngasseng.

Perdagangan di Tanete membuka peluang kepadanya untuk mengadakan hubungan dengan kerajaan-kerajaan tempatan lain, seperti Gowa, Bacukiki, Suppa' dan Siang. Selain itu, jaringan perniagaan dan perdagangan Tanete itu telah dijalin dengan Melaka di Semenanjung Tanah Melayu. Sekaitan dengan hal itu, patut diketahui bahawa memang semenjak abad ke-15 Melaka telah ada hubungan dengan kerajaan-kerajaan di Timur Nusantara. Jaringan Melaka dengan kerajaan di Timur Nusantara itu adalah dengan menggunakan laut sebagai jalan perhubungannya. Abdul Rahman (2013:13) mendapati hubungan antara Melaka dengan kerajaan di Sulawesi Selatan menggunakan Sulu dan Laut Jawa. Namun, jalur pelayaran kuno yang menjadi laluan orang Bajo untuk sampai ke Melaka dan Sulawesi tidak dikecualikan. Kegiatan perdagangan itu telah menjadi faktor penting yang menghubungkan sekaligus mengarahkan orang Melayu dari Semenanjung untuk memilih Sulawesi Selatan sebagai destinasi baharunya.

⁴²Nama Portugis dalam loghat Bugis tempatan dipanggil *Parengki* atau *Paranggi*. Pelbagai toponim *Parengki* yang terdapat pada beberapa daerah di Sulawesi Selatan. Sesetengah nama toponimi itu menunjukkan hubungan sejarah dengan Portugis sebagai petempatan orang-orang Portugis masa lampau. Nama "Parengki" terdapat Suppa', Barru, Pangkep, Gowa, Takalar dan Bantaeng. Posisi toponimi tersebut berada di sepanjang pesisir barat Sulawesi Selatan.

Sehubungan itu, Rasjid (2010) mengatakan selagi hubungan perdagangan terjalin dengan lancar, selama itulah orang Melayu datang ke Tanete secara berterusan.

Pada penghujung abad ke-16 kumpulan orang Melayu dalam bilangan yang besar tiba di Tanete dengan dipimpin seorang perempuan bangsawan yang dipanggil Puteri Johor. Dalam naskhah L dikisahkan Puteri Johor sudah menjadi pimpinan kumpulan orang Melayu yang datang itu. Di sini, Rasjid (2010) mengatakan Puteri Johor adalah daripada keturunan bangsawan yang kaya dari kerajaan Johor. Dia bermigrasi ke Tanete dengan menumpangi perahu dagang yang besar yang bernama “Panca”. Sang Puteri itu meninggalkan Johor kerana pergolakan politik yang melanda kerajaan Johor masa itu.

Dalam naskhah L juga dicatatkan bahawa rombongan Puteri Johor itu tiba di Tanete setelah melabuhkan perahunya di Pancana. Pancana menjadi rute akhir perjalanan jauhnya sang Puteri untuk mencari daratan baharu yang aman. Dalam naskhah L itu juga dinyatakan dengan jelas kisah kedatangan Putri Johor ke Tanete seperti yang boleh dirujuk dalam petikan yang berikut:

Datanglah seorang perempuan dari Johor yang mengatakan kalau Ia bersama rombongannya melarikan diri daripada negerinya di Johor. Sang Puteri dan rombongannya diperkenankan bertempat tinggal di atas tanah yang berlokasi di sebelah selatan sungai Tanete. Adapun perahunya yang mereka gunakan dalam pelayarannya itu kemudian diangkat naik ke daratan, dimana mereka bertempat tinggal. Itulah sebabnya sehingga kampung yang mereka tempati tersebut dipanggil *Pancana*, kerana perahu yang mereka tumpangi itu bernama *Panca*. (Sumber: naskhah L, hlm. 46)

Selain ceritanya dalam bentuk tertulis, kisah Puteri Johor itu juga tersebar dalam ceritai lisan (*oral tradition*) yang sehingga dewasa ini masih dikenali orang dalam masyarakat di Pancana. Cerita lisan tentang kisah kedatangan Puteri Johor di Tanete telah dikutip oleh Nurhayati Rahman⁴³. Bacalah petikan di bawah ini:

Pada suatu pagi mentari mulai menampakkan cahanya di ufuk timur manakala penduduk di Pancana baharu sahaja terbagun dari tidurnya. Saat aktiviti kehidupan mulai berjalan, saat mereka sudah memulai jual-belinya di pasar pelabuhan Pancana. Mereka tiba-tiba dikejutkan oleh kerana datangnya sebuah

⁴³ Lihat Nurhayati Rahman dalam “*Retna Kencana Colliq Pujie Arung Pancana Toa 1812-1876: Intelektual Penggerak Zaman*”, Makassar: La Galigo Press, tahun 2002, hlm. 28-29.

perahu besar dan perahu-perahu kecil yang ratusan bilangannya sebagai pengiringnya. Rombongan itu kemudian mendaratkan perahu-perahunya di pelabuhan Pancana. Tak lama berselang, pimpinan mereka yang berada di atas “*panca*” alias perahu besar lalu naik ke daratan. Penduduk kaget dan tertegung menyaksikan kedatangan sang Ratu. Siapakah gerangan Puteri di perahu Panca itu.

Maklumat lain yang ingin diketahui sehubungan itu adalah perahu dagang yang ditumpanginya dan kumpulan orang pengikut yang mengiringi perjalannya dari Johor sehingga Tanete. Sehubungan soalan itu, ingin juga diketahui tentang bilangan perahu yang menyertainya dan berapa jumlah kepala seluruh pengikutnya. Sampai di sini ingin ditanya: siapakah nama asal sang Putri yang sebenar? Adakah dia berasal daripada petempatannya di Johor? Siapa yang bersamanya datang? Apakah sebab dia meninggalkan Johor? Mengapa dia memilih Tanete sebagai negeri tujuannya? Bagaimana pelayaran yang ditempuhnya dan lain-lain. Tidak banyak maklumat tentang itu dalam naskah lontara.

Walaupun demikian, naskah lontara dan cerita lisan yang ada itu sudah memberi maklumat asas mengenai kedatangan orang Melayu Johor ke Tanaete. Kedatangan Puteri Johor itu telah membuktikan peristiwa migrasi kalangan orang Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu. Peristiwa itu juga telah tertuang di dalam Hikayat Merong Mahawangsa sepertimana yang diungkapkan Daniel Perret (1999)⁴⁴. Hikayat itu telah menggambarkan perpindahan sekelompok orang dalam kumpulan banyak, berpindah-pindah mencari tempat yang sesuai untuk memilih tempat dan mendirikan negeri baru. Alasan perpindahan sebuah kumpulan misalnya, kerana kekalahan perang, kekisruhan politik, mencari tempat baharu bagi anak raja. Pencaharian tempat baharu dipimpin oleh seorang raja atau keturunannya, diikuti menteri, punggawa, hulubalang, bala tentera dan rakyatnya. Perjalanan dalam rangka mencari dan memilih destinasi sebagai petempatan baru yang sesuai terkadang boleh mencapai masa sehingga 200 hari.

Sang Puteri Johor dan rombongannya tidak sahaja diterima dan diberi izin untuk menetap di Tanete, tetapi juga diberi tanah untuk dibina menjadi sebuah kerajaan.

⁴⁴ Perihal ini telah diungkapkan pula essai Daniel Perret “Kota Raja Dalam Kesusasteraan Melayu Lama” dalam Henri Chambert-Loir dan Hasan Muarif Ambary (Ed.) essai dalam buku “*Panggung Sejarah: Persembahan Kepada Danys Lombard*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 1999, hlm. 245-260.

Kerajaan itu kemudian diberi nama Pancana⁴⁵. Perkataan Pancana ini diambil daripada nama perahu yang ditumpanginya itu dari Johor. Status kerajaan Pancana sudah dicatat di bawah naungan (Bgs: *palili*) dari Tanete. Dalam kerajaan Pancana itulah orang Melayu di bawah pimpinan Putri Johor menjalani kehidupannya Mereka juga menyelenggarakan pentadbiran kerajaan Pancana sebagai sebuah kerajaan yang berdaulat yang dibina orang Melayu . Kuasa pentadbiran Putri Johor diwarisi keturunannya secara berkekalan seiring perjalanan waktu.

Kedatangan Putri Johor dan kumpulan itu boleh dikatakan sebagai gelombang kedua migrasi orang Melayu ke Tanete. Kedatangan itu dicatat dalam naskhah L tepat masanya dengan era pentadbiran raja Tantete VIII, Petta Tomaburu'e Limanna. Kedatangan orang Melayu pada masa itu meninggalkan kesan yang penting kerana menandai wujudnya sebuah kerajaan baharu di Tanete, iaitu Pancana. Kerajaan itu dibina oleh kumpulan orang Melayu yang datang pada gelombang kedua tersebut keatas persetujuan daripada kuasa Tanete. Kerajaan Pancana diberikan kedudukan sebagai kerajaan bawahan atau *palili* Tanete. Kuasa Tanete kemudian mendudukkan pula Putri Johor itu sebagai raja pertama di Pancana.

Dalam naskhah L juga dinyatakan pihak berkuasa di Tanete, Daeng Sanjai, mengalu-alukan kedatangan peniaga asing untuk menolong mengeluarkan banyak hasil mahsul dari bumi, selain peternakan dan pertanian di Tanete. Daeng Sanjai sebagai raja Tanete VII, ia memegang pentadbiran Tanete dan meneruskan pembangunan kerajaan khususnya perdagangan dengan pihak luar dan mengembangkan produk tempatan. Dalam naskhah itu juga disenaraikan kekayaan hasil bumi dan haiwan piaraan di Tanete. Kedua-dua produk tempatan tersebut melimpah sehingga membawa kemakmuran kepada penduduk di Tanete. Dikisahkan pula rakyat Tanete banyak membuka sawah baharu dan ladang. Tanaman padi dan buah-buah yang tumbuh dengan subur itu telah

⁴⁵ Perkataan "*Panca*" adalah nama perahu dalam logat bahasa Bugis. Boleh jadi kata Panca bersesuaian kata Pencilang, yang dalam logat Bugis dilafazkan secara singkat menjadi *Panca* dengan melepaskan fonem *lang* dari ayat (*pencha-lang* sehingga menjadi kata singkat "*panca*". Objek perahu ini dapat diselarskan dengan senarai perahu Nusantara oleh Irawan Djoko Nugroho (2010:279), salah satu perahu Melayu bernama "*Penchalang*". Menurut Djoko, *penchalang* adalah nama sebuah jenis perahu Melaka lazimnya dimiliki oleh kaum pedagang Melayu atau orang-orang kaya. Nama perahu *Pencilang* telah disebutkan pula di dalam *Hikayat Hang Tuah* (HHT). Oleh itu, perahu yang digunapakai oleh Putri Johor berlayar meninggalkan Tanah Semenanjung menuju Sulawesi Selatan adalah perahu Pencilang. Lihat dalam Irawan Djoko Nugroho , "*Majapahit: Peradaban Maritim*", Jakarta: Suluh Nuswantara Bakti, tahun 2010, hlm. 279.

menghasilkan hasil yang banyak. Di sini, baik lembah, mahupun hutan sudah dijadikan lahan perkebunan. Peternakan haiwan kerbau adalah yang paling maju. Itulah sebabnya dalam Lontara Tanete dikatakan rakyat di Tanete telah hidup dengan makmur semasa Daeng Sanjai memegang takhta pentadbiran Tanete.

Aktiviti pertanian dan perkebunan bagi penduduk di Tanete turut digerakkan oleh orang Melayu untuk kepentingan perdagangan. Pihak berkuasa di Tanete, Daeng Sanjai, serta-merta menyokong gagasan yang digerakkan orang Melayu dalam rangka menyediakan komoditi eksport penting di pelabuhan Tanete. Mahsul alam kerajaan Tanete sama ada beras, buah-buahan, kayu cendana, kerbau, dan lain-lainnya, kemudian disebut sebagai komoditi eksport utama dari Tanete semasa kuasa Daeng Sanjai. Orang Melayu di Tanete telah menggerakkan produksi pertanian dan perkebunan sehinggakan telah menghasilkan komoditi perdagangan dan perniagaan bagi kerajaan di pelabuhan Tanete. Lihat maklumat dalam lontara naskhah L tentang perkara itu dalam petikan di bawah ini:

Pasal Keenam. Yang menjadi kebiasaan Daeng Sanjai adalah datang menghantar upeti kepada Karaeng Gowa. Dialah raja yang mempunyai hobi bersawah, menangkap ikan dan berburu. Beliau juga dikenal sebagai raja yang paling jujur dan pintar dan dia suka bermusyawarah dengan hakimnya di atas baruga melakukan tukar-pendapat untuk mencari kabaikan dan kesejahteraan bagi negerinya. Demikianlah sehingga ia menjabat sebagai raja yang menjadikan masyarakat Tanete hidup sejahtera. Hewan ternak/piaraan berkembang biak, tanaman pangan para petani seperti padi dan buah-buahan tumbuh subur. Hidupnya makmur, banyak penduduk membuka sawah ladangnya. Lembah dan hutan dijadikan lahan perkebunan. Setiap orang mempunyai lahan ternak kebau (*lampa tedong*) masing-masing. Daeng Sanjai memberi pesan kepada rakyatnya; “ jagalah baik-baik kerbau kalian, sebab kalau membuat kerusakan pada tanaman, maka akan ditangkap dan diikatkan pada dekat istana. Kerbau akan dilepas apabila sudah menebus ganti rugi yang dilakukannya, dan kalian akan memilikinya semula.

(Sumber: naskhah L)

Dicatatkan juga bahawa semasa pemerintahan Daeng Sanjai (1593-1597), bandar Pancana sudah menjadi pelabuhan persinggahan bagi perahu dagang dari barat Nusantara, termasuk Melaka, Sumatera dan Jawa. Di sini, Pelras (2006:9) mengatakan perahu-perahu dagang sudah menjadikan pelabuhan Tanete menjadi tempat persinggahan alamiah bagi rute pelayarannya menuju ke Sombaopu dan seterusnya ke Maluku. Setelah singgah dan meninggalkan pelabuhan Tanete perahu-perahu dagang

Melayu dari Melaka itu melanjutkan pelayarannya dengan melintasi Selat Selayar dan Buton untuk sampai ke Maluku. Jalur perdagangan ini membuat beberapa pelabuhan tempatan di Pesisir Barat Sulawesi Selatan tumbuh dengan cepat utamanya Sombaopu. Demikian pula dengan pelabuhan Tanete telah mengalami perkembangan yang signifikan meskipun telah menjadi bawahan daripada Gowa. Pilihan politik kerajaan Tanete yang baik dengan mempertuankan Gowa, maka Pancana tetap wujud sebagai pelabuhan niaga penyokong Sombaopu. Komoditi dari Tanete seperti seperti beras, serta buah-buahan dan kerbau menjadi export utama dari Tanete. Situasi tersebut dicatatkan oleh J.A. Bakkers (dalam Rasjid, 2000)⁴⁶ yang mengatakan bahawa sejarah perdagangan di Tanete pada penghujung abad ke-16 sudah menjadi pelabuhan penting. Pelabuhan Tanete menyediakan pelbagai komoditi perdagangan, termasuk hasil bumi peternakan dan pertanian. Antara nama barang dagangan eksport hasil bumi kerajaan Tanete yang terkenal adalah beras, gula merah, kopra, tembakau dan kulit kerbau.

Orang Melayu telah melancarkan perniagaan antar pulau serta hubungan dengan pelabuhan Semenanjung Tanah Melayu. Kebijakan yang digerakkan oleh kuasa Tanete, khasnya dilakukan oleh Daeng Ngasseng sehingga Daeng Sanjai pada kurun abad XVI, telah membawa kejayaan Tanete membina aktiviti pertanian dan perdagangannya. Dari segi politik, hubungan mesra yang dijalin dengan kuasa besar Makassar iaitu Gowa, akhirnya Tanete membuka peluang baru untuk mengembangkan pelabuhan dagangnya. Peniaga orang Melayu telah memainkan peranan penting dalam perdagangan di pelabuhan Tanete. Sementara itu, orang Melayu yang telah duduk lebih awal di kampung Coppo' juga mengambil peranan utama dengan cara mengkoordinasi dan mengumpulkan barang mahsul alam dari pedalaman. Mereka kemudian membawa barang dagangan itu menuju ke pelabuhan untuk melakukan jual-beli dengan para pengumpul.

Status kerajaan Tanete sebagai kerajaan *palili* atau bawahan yang setia terhadap kerajaan Gowa, dari segi kepentingan perdagangan memberikan manfaat positif. Dikatakan seperti itu, kerana kedudukan pelabuhan kerajaan Tanete tetap dipertahankan meskipun hanya sebagai pelabuhan pendukung bandar-pelabuhan Sombaopu di Gowa. Paling tidak, kesetiaan Tanete terhadap Gowa, maka ia tidak

⁴⁶Lihat J.A. Bakkers dalam A. Rasyid Asba, “*Gerakan Sosial di Tanah Bugis: Raja Tanete La Patau Menentang Belanda*”. Yogyakarta: Ombak, tahun 2010, hlm. 23-25.

mengalami nasib yang sama dengan kerajaan sejrannya seperti Siang dan Bacukiki-Suppa' dimatikan oleh Gowa melalui serangan tentera. Tanete terus-menerus membina kehidupan pelabuhannya sehingga Pancana mampu wujud sebagai pusat perniagaan dan aktiviti maritim kerajaan Tanete. Pelabuhan Pancana-Tanete bertumbuh seiring dengan kebesaran bandar-pelabuhan Sombaopu manakala Asia Tenggara pada masa itu telah memainkan peranan penting dalam perdagangan jarak jauh. Terkait dengan fakta itu menurut Reid (2011:3), Gowa telah tumbuh menjadi salah-satu⁴⁷ kota dan pusat perdagangan di wilayah bawah angin yang menyelenggarakan perdagangan internasional. Perlu dikatakan di sini bahawa, keberadaan orang Melayu di Pancana – seperti halnya di Sombaopu- telah memainkan peranan utama perdagangan serta mengurus pemukim orang Melayu di Tanete, para pedagang Melayu dan para pedagang lain. Perihal yang sama juga berlaku di Sombaopu, syahbandar serta elit Melayu lain, mereka menggalakkan pelayaran dan perniagaan di pelabuhan, memegang jawatan kantor dagang, menggiatkan penerjemahan teks bahasa Melayu, menulis administrasi keuangan pedagang (Cense, 1978:97).

Perkembangan kerajaan Tanete di bidang perdagangan laut semakin menaiki taraf berkesan pada masa pentadbiran Daeng Sanjai, raja Tanete VII. Daeng Sanjai semakin menggalakkan perdagangan maritim Tanete baik hubungan antarpulau, mahupun perdagangan daratan dengan kerajaan-kerajaan sejrannya. Perdagangan di daratan digiatkan dengan mengawalinya membina infrastruktur laluan darat dalam rangka melancarkan distribusi barangan antara Tanete dengan tempat-tempat sejrannya. Hubungan antara kerajaan tempatan jiran Tanete sama ada Siang, Sidenreng, Segeri, Sumpang Minangae, Takkalasi, sehingga ke Bacukiki digiatkan melalui laluan darat yang dirancang dengan baik untuk kepentingan lalulintas perdagangan dan aktiviti di pasar-pasar pada kerajaan jirannya itu.

⁴⁷ Antara nama kerajaan yang tergabung sebagai kelompok bandar *Bawah Angin* atau Asia Tenggara menurut Reid seperti Pegu, Ayuttaya, Pnomphenh, Hoi An (Faifo), Melaka, Patani, Brunei, Pasai, Aceh, Banten, Jepara, Gresik, dan Makassar. Nama-nama bandar-pelabuhan tersebut terus-menerus menempuh kejayaannya dalam bidang perdagangan jarak jauh sehingga dicabar oleh kuasa Asing. Contoh, Melaka dicabar oleh kuasa Portugis sejak tahun 1511, Manila di bawah kuasa Spanyol tahun 1571, Batavia dicabar oleh Belanda tahun 1619. Kota-kota sekaligus pelabuhan tersebut pada masanya merupakan pusat perekonomian regional, kekuasaan politik dan kreativiti budaya yang menonjol. Lihat Reid, “*Asia Tenggara Dalam Kurun Niaga 1450-1680*”, Jilid 2: Jaringan Perdagangan Global. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, tahun. 2011, hlm.3-4.

Lebih lanjut Bakkers (dalam Rasjid, 2000) mengungkapkan, raja Tanete membina infrastruktur baru berupa jalanan yang menjadi laluan perdagangan di wilayah Tanete. Jalanan yang dibina itu dengan lebar 6 meter untuk pengangkutan kereta kuda, dibuka bersejajar dengan menuruti garis pantai laut. Jalan itu bermula pada batas bahagian selatan di Segeri pada kilometer 55 dan tamat di wilayah Barru. Jalan ini membentang di sepanjang kampung Bungi sehingga menyeberangi sungai Pancana. Pada tempoh penrtadbiran Kolonial Belanda jalanan ini tetap menjadi penting kegunaannya bagi transportasi dan perhubungan darat antara daerah di wilayah pesisir barat.

Pancana adalah bandar kerajaan Tanete yang terpenting pada pertengahan abad ke-16 berbanding dengan pelabuhan kecil lain dalam kerajaan Tanete. Pelabuhan Pancana sekaligus menjadi pelabuhan persinggahan utama bagi perahu niaga di Pesisir Barat Sulawesi Selatan setelah Sombaopu. Sementara Sombaopu mulai pada separuh abah XVI sehingga pertengahan abad XVII telah wujud sebagai pelabuhan penting dan menjadi pelabuhan internasional terbesar di kawasan timur Nusantara. Pelabuhan Pancana disinggahi oleh pedagang-pedagang Nusantara, termasuk orang-orang yang berasal daripada Semenanjung Tanah Melayu khususnya dari Johor. Seperti halnya dengan pelabuhan penting lain, pelabuhan Pancana telah menjadi bahagian daripada pelabuhan persinggahan dan pembekal perhidmatan kepada saudagar dan pelaut asing yang melalui kawasan Pesisir Barat Sulawesi Selatan antara Melaka di bahagian Barat dan Maluku di bahagian Timur. Walhasil, geografi dan kedudukan Pancana sebagai pelabuhan persinggahan tersebut, mengekalkan posisi kerajaan Tanete berkekalan sebagai tujuan kedatangan bagi peniaga mahupun pelarian-pelarian orang Melayu dari Tanah Semenanjung. Orang Melayu dari Johor tercatatkan di dalam lontara (naskhah L) menjadi pihak yang banyak datang ke Tanete.

Berbanding dengan komuniti lainnya, para orang Melayu pendatang daripada Johor merupakan pihak yang sangat penting kerana mampu meraih kedudukan sosialnya di dalam kerajaan Tanete. Dicatatkan di dalam naskhah lontara (naskhah L) bahawa elit orang Melayu yang datang ke Tanete berjaya meraih status sosial yang sangat penting, sebab pada tempoh berikutnya mereka menjadi bangsawan yang memerintah di kerajaan Pancana dan terintegrasi ke dalam genealogi bangsawan Tanete. Hubungan genealogis darah Melayu Johor tersebut tercipta melalui hubungan perkahwinan berkekalan

sehingga kepada keturunannya dan memegang pentadbiran kerajaan Pancana-Tanete sehingga abad ke-19 (Rasjid, 2010)⁴⁸.

Pada tempoh pemerintahan Raja Tanete VIII, Toimaburu'e Limanna, kerajaan Pancana mengalami perkembangan yang semakin berkesan. Pada masa itu Pancana terus bertumbuh sebagai pusat aktiviti perekonomian terpenting bagi kerajaan Tanete. Bahkan dapat dikatakan, Pancana menjadi bandar yang menggerakkan perdagangan maritim di pesisir barat Sulawesi Selatan. Di samping orang Melayu, orang Portugal merupakan salah satu komuniti kalangan asing yang datang berdagang serta bertempatan di kerajaan Tanete pada abad XVI. Mengenai orang Portugal tersebut lontara juga mencatatkan kedatangannya di Tanete sepertimana yang dikutip dari teks sebagai berikut.

Dialah Tomaburu'e Limanna yang bertakhta sebagai Arung di Tanete, ketika orang Parengki datang. Orang Parengki disuruhnya tinggal di sebelah selatan muara sungai Lajari. Itulah sebabnya sehingga kampung tersebut diberikan nama *Laparengki*.

(Sumber: naskah L, hlm. 45-46)

Kuasa Tanete membuka diri dengan pedagang luaran untuk melancarkan kegiatan ekonomi kerajaan. Tidak terkecuali kepada Portugis, raja Tanete Tomaburu'e Limanna juga memberikan tanah untuk petempatan bagi kumpulan orang Portugal di bahagian Selatan muara sungai Lajari. Kampung yang menjadi tempat tinggal orang Portugal di Tanete itulah kemudian diberikan nama baharu Laparengki⁴⁹. Sehingga kini nama Laparengki masih digunakan dan tercatat dalam administrasi pentadbiran Kabupaten Barru.

Kembali kepada Pancana, wujudnya Pancana menjadi sebuah kerajaan di bawah Tanete menjadi bukti kehadiran dan keberjayaan orang Melayu membina kerajaan khas bagi komunitinya. Di samping itu pula, keberadaan Pancana memberi kesan sejarah bahawa orang Melayu memperoleh kedudukan istimewa daripada penguasa Bugis di

⁴⁸ Perihal yang sama digambarkan pula secara lengkap dalam sebuah Moonograf "Sejarah Keturunan Indonesia Melayu" yang ditulis oleh tim dari KIKIM (Kerukunan Keluarga Indonesia Keturunan Melayu UjungPandang, di Makassar, tahun 1986.

⁴⁹Nama petempatan *Laparengki* terdapat pula di wilayah kerajaan Suppa' yang juga menandakan bekas sejarah keberadaan orang Portugis pada masa lampau. Kampung *Laparengki* di Suppa' memiliki sejarah yang sama iaitu sebagai petempatan orang Portugal pada masa silam. Oleh itu nama *Laparengki* telah menjadi sebuah perkataan yang menjadi bukti sejarah mengenai toponimi dan keberadaan orang Portugis di Sulawesi Selatan.

Tanete. Hubungan rapat berterusan menaiki taraf sehingga berlaku pula hubungan perkahwinan antara kedua-dua pihak. Perkahwinan antara orang Melayu dengan orang tempatan khususnya dengan kuasa lokal akhirnya membentuk kekerabatan bangsawan Bugis bercampur Melayu. Fakta sosial tersebut telah dikuatkan pula oleh salasilah yang tercatatkan di dalam naskhah-naskhah lontara yang menggambarkan susurgalur Bugis dan Melayu di Tanete. Fakta yang sama juga berlaku pada kerajaan lainnya seperti Suppa', Sawitto, Gowa, Soppeng, Rappang, Sidenreng, dan Sanrabone. Hubungan perkawinan sebagai wujud integrasi sosial akan dibincangkan lebih lanjut pada Bab 5).

4.1.4 KEDATANGAN ORANG MELAYU DI TALLO

Sumber lokal dari naskhah-naskhah lontara telah mengakhbarkan adanya hubungan antara orang Melayu dari Melaka dan Johor dengan penduduk Sulawesi Selatan sekitar separuh akhir abad ke-15. Hubungan kedua-dua pihak sentiasa membaik dari masa ke masa, termasuk di bidang perdagangan dan pelayaran. Kesemua itu kemudiannya telah melahirkan hubungan persahabatan antara pedagang Melayu dengan kuasa kerajaan tempatan. Sementara itu, Pinto yang tiba di Sulawesi Selatan sekitar tahun 1544 mengatakan, orang Melayu yang datang ke Makassar telah membawa barangan seperti bunga cengkih dari Maluku, buah pala dari Banda, kain dari Coromandel, Parsi dan Bengal, selain porselin dan sutera dari China. Barangan tersebut kemudiannya ditukarkan dengan beras yang dikeluarkan dari alam Sulawesi Selatan (Hadimuljono, 1979).

Dalam naskhah H dicatatkan raja Tallo, Karaeng Tunipasuru, pernah berkunjung ke Melaka dan Johor untuk kepentingan perniagaan. Hal yang sama dalam naskhah A⁵⁰ menyebutkan nama Karaeng Tunipasuru, pernah melakukan kunjungan ke Melaka untuk menjalin persahabatan, selain urusan perdagangan dan utang-piutang. Pada abad ke-16, beliau disebut telah membina hubungan perdagangan dan persahabatan yang rapat dengan Sultan Johor. Kisah perjalanan Raja Tallo boleh diikuti dalam petikan daripada naskhah A di bawah ini:.

⁵⁰Dalam Abd.Rahim dan Ridwan Borahima, "*Sejarah Kerajaan Tallo*"; Ujung Pandang, tahun 1974.

Transliterasi:

hlm. (25) *Iaminne Karaeng Le'ba anta'le ri Malaka, natullusu manrai ri Banda/*
(26) *Talluntaunggi lampana nainampa battu/* (27) *Nampai*
nitiananggangTunipasuru' nama'lampa, namalari-laripa nainampa battu/ (28)
Lanta'lei ri Sandao ma'bundu, nanijallo' ri biseanna/ (29) *Tanierangngai*
ammaliang nilabuji ri Suriwa, iami nanikana Tunilabbu ri Suriwa/...

Terjemahan:

hlm.(25) Raja inilah yang pernah be-rlayar ke Malaka, lalu berlayar menuju ke timur di Banda/ (26) Tiga tahun dalam kepergiannya barulah ia pulang/ (27) Sedang dikandung Tunipasuru ia berangkat, sudah berlari-lari baharu ia pulang/ (28) Ia menuju Sandao berperang namun ia diamuk dalam perahunya ketika pulang/ (29) jasadnya tidak dibawa pulang (ke Makassar), tetapi dibenamkan di laut Suriwa. Dialah digelar “Tunilabbu ri Suriwa “ ertinya yang dibenamkan di Suriwa (...)

(Sumber: naskah A)

Dalam pelayarannya, raja Tallo mula-mula sekali mengunjungi Melaka dan Johor, kemudian melanjutkan pelayarannya ke kepulauan di Timur Nusantara, seperti Banda dan Timor. Maklumat daripada kisah dalam naskah A mengisahkan pelayarannya mengambil masa tiga tahun. Walaupun tidak diketahui apa urusan utamanya, namun yang pasti Karaeng Tunipasuru⁵¹ sudah memainkan peranan penting dalam menjalin ikatan persahabatan dengan raja-raja Melayu seperti Sultan Johor, Sultan Melaka, Sultan Pahang, Sultan Patani, selain dengan raja Banjarmasin, raja Balambangan, raja-raja Maluku dan raja-raja Jawa. Berbanding dengan kerajaan lainnya, Melaka adalah kerajaan sahabat Tallo dan Gowa yang sangat penting di bidang ekonomi, politik dan sosial.

Daripada catatan itu, tidaklah salah jika dikatakan bahawa Tallo adalah negeri yang sudah lebih awal membina perdagangan dan pelayaran antar pulau berbanding dengan kerajaan Gowa. Namun dalam perkembangan selanjutnya, Gowa justru muncul menjadi lebih dominan sebagai penguasa perdagangan maritim. Gowa juga telah berkembang dengan lebih agresif dalam membentuk hegemoni politik dan kekuasaannya, maka pengaruhnya adalah lebih luas berbanding dengan kerajaan tempatan yang lain di Sulawesi Selatan. Ini bermakna setelah kejatuhan Melaka pada tahun 1511, Gowa sudah muncul sebagai pusat perdagangan yang terpenting di kawasan Timur Nusantara.

⁵¹ Salasilah Tallo dan Gowa menunjukkan bahawa Karaeng Tunilabbu Risuriwa hidup sesaman dengan Raja Gowa, Karaeng Tumaparrisi' Kallonna yang memangku kerajaan pada tempoh 1548-1565 Masihi. Naskah A. //Mattulada, “Menyusuri Jejak Kehadiran Makassar Dalam Sejarah”, Ujung Pandang: Bhakti Baru-Berita Utama, 1982, hlm. 25

Kehebatan itu juga disebabkan Gowa sudah bersepadu dengan Tallo⁵² dalam menjalankan perdagangan di kepulauan Indonesia dan kawasan lain di Asia Tenggara. Hasilnya, ramailah pedagang Melayu, Eropah dan lain-lain tidak melepaskan peluang untuk menjalankan perdagangan masing-masing di Sombaopu yang sudah muncul sebagai tempat utama bagi pedagang membeli beras selain hasil rempah ratus dan hamba sahaya. Dalam perkembangan itu, orang yang berjasa besar tidaklah lain daripada pihak kuasa Gowa, melalui Tunipallangga (1548-1566) yang sudah mewujudkan daya tarikan bagi pedagang dari luar untuk datang ke pelabuhan ini. Antara tarikan lain kepada orang Melayu ialah pemberian tempat bagi mereka untuk mendirikan kampung halaman baru, Sagimun (1975), Abdul Rahman (2013) dan Hadimuljono (1979).

Dengan kata lain, catatan dalam lontara mengatakan bahawa kerajaan Tallo wujud lebih awal daripada Gowa sebagai destinasi kedatangan orang Melayu. Dalam naskah I dinyatakan telah ada pedagang Melayu di kampung Kalukubodoa di kerajaan Tallo pada akhir abad ke-15. Kalukubodoa merupakan sebuah petempatan dan terdapat pelabuhan perahu-perahu. Pelabuhan ini disebut telah menjalin hubungan dan kerjasama dengan kerajaan Siang. Kedua-dua pelabuhan ini disebutkan telah didatangi oleh pedagang-pedagang Melayu. Bahkan kumpulan orang Melayu dalam bilangan yang besar sudah sebagai pemukim di Tallo. Kesemua ini membuktikan sudah ada orang Melayu di Tallo yang memang sudah memainkan peranan penting dalam mata-rantai pelabuhan, pelayaran dan perdagangan dengan negeri jirannya dan rantau Nusantara.

⁵² Pada abad ke-16 kerajaan Tallo menerima penggabungan dirinya ke dalam sistem pentadbiran bersama Gowa yang disebut "Gowa-Tallo". Aliansi Tallo dengan Gowa membentuk sebuah kerajaan kembar bermakna Gowa sudah merangkul Tallo ke atas sebuah takhta kesultanan iaitu Gowa-Tallo; sementara raja Tallo hanya berhak pada kedudukannya sebagai "*Tumabbicara Butta*" atau Mangkubumi. Pada abad ke-17 berikutan Islamisasi di Sulawesi Selatan, Gowa telah muncul sebagai kerajaan maritim yang terkuat di kawasan Timur Nusantara. Model aliansi Gowa dengan Tallo sebagai kerajaan kembar berlaku secara berterusan sehingga abad-abad kesembilan belas. Pada saat pecahnya Perang Makassar pada tahun 1666-1667 kerajaan Gowa dan Tallo masih kekal sebagai dua kerajaan kembar. Gowa dan Tallo wujud sebagai kerajaan kembar pada masa kuasa Tumapa'risi Kallonna (1510-1546) dan Raja Tallo I Makkoayang. Aliansi itu merupakan "keterpaksaan" pihak Tallo kerana sebelumnya keduanya terlibat perang akibat serangan Gowa yang melebarkan hegemoni politiknya. Kerajaan Tallo yang dibantu oleh pasukan-pasukan Maros dan Polombangkeng menghadapi serangan Gowa. Perang tersebut diakhirinya dengan sebuah perjanjian damai Gowa-Tallo, dengan menetapkan kesepakatan, "sesiapaun pihak yang mengadudombakan Gowa dan Tallo, maka ia akan dikutuk oleh Dewata". Aliansi itu dipanggil "Ruwa Karaeng Se're Ata" ertinya "Dua Raja Satu Hamba"; namun dalam praktiknya Tallo hanya menempati posisi kedua (the second position) di bawah dominasi Gowa. Lihat Mattulada, "*Menyusuri Jejak Kehadiran Makassar Dalam Sejarah*", Ujung Pandang: Bhakti Baru-Berita Utama, 1982, hlm. 25.

Selain itu, pada abad ke-16 pentingnya Tallo sebagai pelabuhan niaga dan bandar maritim bagi keberadaan Melayu sudah terbayang juga dalam epsiod nikah kahwin seperti yang dipetik di bawah ini:

hlm.10

Pasal/ Manakala permaisuri Batara Gowa bernama puteri Garassi meninggal dunia, maka datanglah seorang pedagang kapur dengan membawa serta puterinya yang bernama I Rerasi/ Pedagang itu bernama I Juragang/ Dia bertempat tinggal di Kalukubodoa/ Maka Batara Gowa pun meminang sang Puteri. Lamaran Batara Gowa pun berterima. Maka berkahwinlah Batara Gowa dengan I Rerasi/ Perkahwinannya melahirkan anak bernama Karaeng Tumaparrisi Kallonna/ seorang lagi anak perempuan yang bernama Karaeng Makeboka/ ...

(Sumber: naskah H, hlm. 10)

Perkahwinan antara Batara Gowa (1450-1490) dengan I Rerasi, seorang gadis Melayu di kampung Kalukubodoa telah mengukuhkan fakta tentang adanya orang Melayu dalam kerajaan Tallo pada abad ke-15. Seyogia dinyatakan bahawa I Rerasi adalah anak seorang Melayu pedagang kapur (Mks: *palleo*) yang bernama I Juragang. Dia memusatkan aktiviti perdagangannya di pelabuhan Kalukubodoa. Perkahwinan antara Batara Gowa dengan I Rerasi sudah melahirkan dua orang anak, iaitu Karaeng Tumaparrisi' Kallonna dan Karaeng Makeboka. Kedua-dua anak itulah kemudiannya sudah memadukan asas hubungan darah antara bangsawan Gowa dengan orang Melayu. Boleh jadi perkahwinan Batara Gowa dan I Rerasi adalah tunas penyatuan Tallo dan Gowa sebagai kerajaan kembar. Anak dan keturunan daripada Batara Gowa dan I Rerasi inilah yang kemudiannya mewarisi pentadbiran di kerajaan Gowa. Perkahwinan antara Batara Gowa dengan I Rerasi akan diperkatakan lebih lebih lanjut dalam Bab 5.

Orang Melayu sudah ada di Kalukubodoa kerajaan Tallo sejak akhir abad ke-15 bersamaan masa pemerintahan raja Gowa VII bernama Batara Gowa (1450-1490). Tempoh tersebutlah dapat disimpulkan sebagai masa yang terawal kehadiran orang Melayu di Tallo. Selanjutnya pada pertengahan sehingga penghujung abad ke-16 tidak banyak kisah secara khusus tentang kedatangan orang Melayu di Tallo. Itu disebabkan Tallo telah bersatu dengan Gowa sehingga maklumat tentang Melayu di Tallo telah menjadi sebahagian maklumat dalam khasanah sejarah kerajaan Gowa.

Dalam naskah B dinyatakan Kalukubodoa telah wujud dalam masa ± 100 tahun sejak akhir abad ke-15. Sepanjang masa itu, Kalukubodoa kekal sebagai petempatan orang Melayu dalam kerajaan Tallo, justeru ia sudah menjadi pangkalan penting bagi syiar Islam di Tallo-Gowa pada abad ke-17. Oleh sebab itu, awal abad-17 juga dikenali sebagai masa penerimaan agama Islam di Sulawesi Selatan yang dipergiatkan tiga ulama Melayu. Salah seorang ulama Melayu itu adalah Abdul Makmur Khatib Tunggal atau Datuk Ribandang. Dia telah menjadikan Kalukubodoa sebagai pusat pengajaran Islam dalam kalangan bangsawan Gowa dan Tallo. Oleh kerana itulah Tallo dicatatkan sebagai tonggak awal penerimaan Islam⁵³ sebagai agama rasmi di Sulawesi Selatan (Noorduyn,1972: 14-16). Seterusnya, Mattulada (1975) mengungkapkan raja Tallo adalah raja yang pertama kuasa Makassar memeluk Islam. Raja Tallo kemudian menjadikan Kalukubodoa sebagai pusat pengajian bagi santri-santri Makassar dari Gowa, Tallo, Maros, Sanrabone dan santri lain dari negeri yang berhampiran untuk memperdalam pengetahuan Islam.

Mengenai ulama Melayu di Kalukubodoa, mereka telah memainkan peranan dalam mengembangkan syiar Islam khasnya bagi elit-elit istana. Disamping menggiatkan pengajian fiqh dan syariat, ulama juga menggiatkan penulisan pustaka-pustaka agama Islam. Mattulada (1975)⁵⁴ mendapati antara tajuk-tajuk pustaka Islam yang berbahasa Melayu dan Arab yang telah disalin ke dalam bahasa Bugis dan Makassar adalah: Lontara perkahwinan Ali dan Fatimah, lontara Nabi Yusuf dan Laila Majnun, Hikayat Sultan Injilai, Budi Istikharah, Hukum Pewarisan Islam (Kitab Faraid), Kitab Nikah, Hikayat Sych Mardan, Hikayat Perang Nabi Muhammad dengan Raja Hindi, Mujizat-Manjizat Nabi, lontara Kadi. Itulah juga adalah bukti tentang kehadiran dan peranan penting orang Melayu dalam persuratan dan tamadun Islam di Sulawesi Selatan.

⁵³ Terdapat perbezaan angka tahun masuknya Islam yang dikemukakan oleh pihak lain sama ada: Speelman menyebutkan pada 1603, Valentjin pada 1605, Raffles pada 1603, Crauwurf pada 1605, Matthes pada 1605, Erkelens 1603, Paulus van Solt 1607, Ligtvoet, Stapel, dan Srhieke pada 1603, Rouffaer 1607, Mees pada akhir abad ke-16. Meskipun demikian, Noorduyn menyimpulkan masuknya Islam pada tahun 1605, 1014 Hari Kamis tanggal 22 September jatuh bersamaan dengan tanggal 9 Djumadil Al-awwal. Lihat dalam J. Noorduyn, "Islamisasi Makassar", Djakarta: Bharata, 1972.

⁵⁴Mattulada, *Peranan Ulama dan Pengajaran Uagama Islam di Sulawesi Selatan*. Ujung Pandang, Fakultas Sastra Universitas Hasanuddin, 1976.

4.1.5 KEDATANGAN ORANG MELAYU DI SANRABONE

Dalam naskah G juga dicatatkan Sanrabone adalah salah satu destinasi kedatangan orang Melayu di Sulawesi Selatan pada permulaan abad ke-16. Pattani dan Salajo adalah dua nama kampung petempatan orang Melayu di Sanrabone. Mereka adalah dari Pattani, sebuah kerajan di Selatan Thailand, serta negeri Pagaruyung dari Minangkabau di Sumatera Barat. Nama kampung itu diberi adalah mengikut identiti dan asal mereka masing-masing. Yang berbeza adalah kiranya orang-orang Melayu dari Pattani memberi nama petempatannya Pattani, tetapi orang-orang Minangkabau memberikan nama petempatannya Salajo⁵⁵. Sehingga kini nama kedua-dua kampung tersebut masih kekal dan didapati berhampiran di tepi laut yang menjadi tempat pentadbiran.

Kampung Pattani berada di tepi laut itu dihubungkan melalui sebatang sungai yang panjang lebih kurang 4 batu ke arah timur di Pattallasang yang kini menjadi pusat bandar Kabupaten Takalar. Abu Bakar⁵⁶ (67 tahun) mengatakan, pada masa lampau sungai Maccini Baji adalah lebih luas dan memang digunakan sebagai jalur utama untuk perahu-perahu masuk ke wilayah pedalaman. Namun, kini keadaan sungai itu sudah berbeza, ia telah menyempit dan mendangkal. Penemuan rangka perahu pada tahun 1998 di Kampung Pattani menguatkan haipotesis bahawa sungai Maccini Baji dahulu telah menjadi jalur perahu yang menghubungkan Kampung Pattani dengan Selat Makassar. Geografi wilayah Pattani dan Salajo yang berada di tepi laut itu menjadi daya tarik bagi kalangan orang Pattani penghijrah untuk memilihnya sebagai petempatan strategik bagi aktiviti kehidupan perdagangan dan maritim.

Dalam naskah G koleksi ANRIM kod rol. 77/15 mencatatkan nama Datuk Rajab sebagai tokoh yang penting daripada orang Melayu di Sanrabone. Beliau disebut sebagai tokoh Melayu yang mengajar Islam yang paling awal kepada orang Makassar di Sanrabone. Menurut salasilah, Datuk Rajab adalah generasi kedua daripada keturunan

⁵⁵Sejarah pemberian nama petempatan Pattani dan Salajo sebagai dikuatkan oleh tradisi lisan di Sanrabone. Haji Baharuddin Daeng Situju (59 tahun), selaku informan, ianya mengaku sebagai keturunan orang Melayu dari Pattani, selatan Thailand. Temubual berlangsung pada tanggal 14 Pebruari 2014 di rumahnya di Kampung Pattani.

⁵⁶Abu Bakar adalah salah seorang iforman, penduduk asli Kampung Pattani dan keturunan orang Melayu Pattani. Temubual berlangsung pada tanggal 14 Pebruari 2014 di Kampung Pattani, Kabupaten Takalar, Provinsi Sulawesi Selatan.

Datuk Leyang dan Datuk Mahkota yang mula datang dan bertapak di Sanrabone. Maka, daripada Datuk Leyang dan Datuk Mahkota adalah kedua-dua tokoh yang memulakan kisah sejarah pertapakkan dan kehidupan orang Melayu Pattani dan Minangkabau di Sanrabone.



Gambar 4.3 Sungai Maccini Baji di Kampung Pattani, Kabupaten Takalar Sulsel

Tarikh kedatangan Datuk Leyang dan Datuk Mahkota di Sanrabone adalah sekitar tahun 1512, satu tahun selepas kejatuhan Melaka 1511. Kedua-duanya dicatatkan dalam lontara mengenai asal negerinya masing-masing. Datuk Mahkota berasal dari kerajaan Pagaruyung di Sumatera Barat dan Datuk Leyang dari Patani (Selatan Thailand). Kedua-dua tokoh Melayu ini membawa kumpulan orang Melayu dari negeri asalnya masing-masing. Meskipun demikian tidak dapat dinafikan adanya orang Melayu lainnya seperti dari Melaka tergabung di dalam kumpulan itu. Maklumlah pada waktu itu ramai orang Melaka telah meninggalkan negerinya kerana pergolakan politik daripada pendudukan Portugis pada tahun 1511.

Sehubungan itu, kisah kedatangan serta salasilah keturunan tokoh orang Melayu yang penting juga dicatat dalam naskhah G dan naskhah ANRIM kod 77/17. Kedua-dua dokumen itu mencatat nama orang Melayu seperti Datuk Makkotta (Mly: *Datuk Mahkota*) dan Datuk Leyang Abdul Kadir serta isterinya bernama Tuan Fatimah. Yang

menarik adalah Datuk Leyang dan Datuk Mahkota dicatatkan sebagai sumber keturunan bagi orang Melayu di Sanrabone yang telah melakukan integrasi dengan penduduk Makassar melalui perkahwinan (lihat salasilah Melayu di Sanrabone pada Bab 5).

Berbalik kepada sejarah, kita dapati bahawa sebelum gerakan islamisasi di Sulawesi Selatan pada awal abad ke-17, sudah dikisahkan tentang upaya Datuk Rajab yang lebih awal telah memperkenalkan Islam. Dia juga dicatatkan sebagai guru agama Islam bagi kumpulan orang Melayu dan orang Makassar di Sanrabone. Ini boleh dibuktikan dengan sepucuk surat yang menyebut dirinya telah menjadi ‘Guru Mangkasara dan Melayu serta sekalian hambah Allah’. Menurut Rasjid (2000:16-17)⁵⁷ nama Datuk Rajab ini dikenali dalam suratnya yang bertarikh 1020 H (±1590 M) yang sudah dikirim ke Pattani. Perkataan ‘guru’ yang dimaksudkannya adalah peranan Datuk Rajab sebagai pemuka agama Islam yang memberi pengajaran Islam kepada orang-orang Makassar dan Melayu di Sanrabone. Datuk Rajab atau Dato Rajja dikenali pula sebagai tokoh yang bernama Mukmin bin Abdullah Al-Makassar Al-Sanrabone.

Selain itu, yang cukup menarik adalah identiti orang Melayu di Pattani dan Salajo Sanrabone ditandai dengan penggunaan gelaran *Incek* yang diletakkan sebelum nama orang itu, seperti Incek Ali, Incek Hasan, Incek Mauluk dan Incek Huseng. Penggunaan gelaran *Incek*⁵⁸ adalah khusus bagi elit-elit Melayu yang memegang jawatan dalam kerajaan di Sanrabone. Hal yang sama, gelaran *Incek* juga digunakan juga oleh orang keturunan Melayu di Gowa-Tallo, Pangkep, Tanete dan tempat lainnya yang diprediksi mulai digunakan pada abad XVII. Rasjid (2000:17) mendapati gelaran “Incek” digunakan oleh orang daripada keturunan Datuk Leyang. Penggunaan nama *Incek* yang

⁵⁷ Lihat Abdul Rasjid dkk dalam “*Makassar sebagai Kota Maritim*” Jakarta: Depdiknas, tahun 2000, hlm.16-17.

⁵⁸ Bandingkan dengan Yerry Irawan “*Sejarah Masyarakat Tionghoa Makassar, Dari Abad ke-17 hingga ke-20*”. Jakarta: KPG (Kepustakaan Populer Gramedia) bekerja sama dengan École française d’Extrême-Orient (EFEO) KITLV-Jakarta, 2013, hlm. 257. Yerry mengatakan, asal etimologi kata *Ince/ Intje/Entje/ Antje* adalah perkataan yang berasal dari bahasa Tionghoa yang berarti Paman. Kata ini digunakan oleh orang-orang Melayu dan Cina Peranakan Muslim. Di Makassar, kata *Intje* juga digunakan sebagai panggilan kepada perempuan.

⁵⁸ Bandingkan dengan Yerry Irawan “*Sejarah Masyarakat Tionghoa Makassar, Dari Abad ke-17 hingga ke-20*”. Jakarta: KPG (Kepustakaan Populer Gramedia) bekerja sama dengan École française d’Extrême-Orient (EFEO) KITLV-Jakarta, 2013, hlm. 257. Yerry mengatakan, asal etimologi kata *Ince/ Intje/Entje/ Antje* adalah perkataan yang berasal dari bahasa Tionghoa yang berarti Paman. Kata ini digunakan oleh orang-orang Melayu dan Cina Peranakan Muslim. Di Makassar, kata *Intje* juga digunakan sebagai panggilan kepada perempuan.

merata-rata bagi keturunan orang Melayu tersebut dilatarbelakangi oleh hubungan kekeluargaan melalui perkahwinan. Sehingga kini gelaran Incek masih dipakai oleh pihak-pihak tertentu daripada keturunan Melayu walaupun telah bercampur-baur dengan darah Bugis-Makassar.

Orang Melayu sudah lama hidup di Pattani dan Salajo bersama orang Makassar dan Bugis. Rapatnya hubungan mereka itu boleh dilihat pada generasi yang ke empat orang Melayu di Pattani dan Salajo melalui perkahwinan dengan orang tempatan, termasuk elit orang Bajau (Bgs:*Bajo*) bergelar I Lolo Bajo⁵⁹. Hasil perkahwinan ini melahirkan keturunan orang Melayu yang bercampur darah Bajo dengan ditandai gelaran khas 'Kare'. Sehubungan itu, tokoh yang terlibat dengan gelaran ini adalah Kare Bali, Karé Tongngi, Kare Ponto dan Kare Muntu. Sehingga kini, gelaran Kare masih digunakan secara terbatas pada nama pribadi dalam orang Makassar di Sanrabone, Takalar, Bantaeng dan Jeneponto. Antara contoh yang boleh diberi adalah keturunan Melayu daripada Incek Abdul Kadir dengan anak-cucunya di Bantaeng yang masih lagi menggunakan nama Kare seperti Kare Bassala, Kare Bassunu, Kare Butung, Kare Panawang dan Kare Memang.

Berbalik ke masa lampau, didapati ada bukti arkeologis yang berupa makam-makam orang Melayu di kampung Pattani dan Salajo. Antara makam itu adalah makam Datuk Rajab yang dikenal sebagai ulama tasawuf. Penduduk setempat memanggil kubur itu sebagai 'Kuburan Patani'. Selain itu, di kampung Balaparang, di Salajo juga terdapat makam tokoh Melayu yang lain iaitu Datuk Mahkota dan Datuk Abdul Kadir. Ke semua makam orang Melayu di Pattani, Salajo dan Balaparang itu kini berada di Sanrabone, Kabupaten Takalar. Sehingga sekarang, masih ramai orang menziarahi makam tokoh-tokoh Melayu tersebut, terutamanya semasa bulan puasa dan selepas perayaan hari raya Aidil Fitri (Lihat gambar 4.2 makam "Datuk Rajab" keturunan orang Melayu di Pattani, Kabupaten Takalar).

Selain makam, penulis menemukan pula sumur tua di kampung Pattani sebagai bukti bagi penduduk setempat mengakui sebagai sumur peninggalan daripada orang

⁵⁹ Gelaran I Lolo Bajo dalam sistem organisasi sosial orang Bajo, adalah sebuah gelaran yang disandang khusus bagi orang Bajo yang menjadi pimpinan masyarakat Bajo (Bajau).

Melayu pada masa lampau. Hal itu diperkuat keterangan dari Burhanuddin⁶⁰ yang mengatakan, sumur itu adalah dibina orang Melayu Pattani manakala mula bertapakannya di sini pada awal abad ke-16. Sumur itu sudah tidak dipelihara sehingga tidak diguna lagi sebagai sumber air bagi penduduk. Yang menarik adalah sumur tua itu memiliki identiti iaitu jenis batu bata yang digunakannya sangat berbeza dengan batu bata sumur-sumur lain di mana-mana petempatan. Menurut Nik Abdul Rakib Nik Hassan dan Zawewee Pakda Ameen⁶¹, bahawa jenis batu bata yang digunakan sumur tua itu polanya sama dengan batu bata yang digunakan sumur-sumur yang ada di negeri Patani Thailand. Batu bata khas yang dimaksudkan itu polanya melengkung, berbeza dengan batu bata Makassar yang bentuk 'segi empat panjang'. Selanjutnya, menurut Nik Rakib bahawa di Pattani Thailand Batu yang berpola melengkung itu adalah pola kuno yang sememangnya digunakan khas pada dinding sumur orang-orang Patani di Thailand sejak masa lampau. Sumur tua tersebut sebagai bukti penting yang semakin menguatkan jejak budaya orang Melayu yang masih ada kampung Pattani di Sanrabone.

Gelombang kedatangan orang Melayu berikutnya yang tiba di Sanrabone ialah pada separuh awal abad ke-17. Pada tahun 1632⁶² tokoh kharismatik Patani bernama Datuk Maharajalela bersama kumpulannya mendarat di Sanrabone. Dicatatkan bahawa Datuk Maharajalela adalah dari keluarga bangsawan kerajaan Patani yang kecewa kerana kes politik dalaman istana di Patani, maka telah memilih untuk berhijrah ke Makasar. Selain kerana kekacauan dalam istana, Patani juga mengalami gangguan kerajaan luar misalnya dari Perompak China dan kerajaan Siam-Thai. Sehubungan itu, Ibrahim Syukri (2002:56-58) mengatakan pada tahun 1632 itu Raja Siam-Thai sudah berulang melancarkan serangan laut ke atas Patani. Tentera Siam-Thai melakukan serangan ulang ke tiga kali sehingga tahun 1633 dengan pimpinan panglimanya bernama

⁶⁰ Informasi berdasarkan kesaksian daripada Haji Baharuddin Daeng Situju (59 tahun) dan beberapa orang saksi lainnya pada pertemuan kedua dengan penulis pada tanggal 25 Nopember 2014 di Kampung Pattani, Kabupaten Takalar.

⁶¹ Penulis bersama dengan Nik Abdul Rakib Nik Hassan dan Zawewee Pakda Ameen dari Nusantara Studies Center, Prince of Songkla University, Pattani-Thailand melakukan survai kepada Kampung Pattani di Kabupaten Takalar. Survai bersama itu dilakukan untuk mencari jejak fisik atau tapak arkeologi pertapakkan migran orang Pattani dari Selatan Thailand ke Sanrabone. Survai berlangsung pada tanggal 25 Nopember 2014.

⁶² Reid (2011:151) mengungkapkan masa kedatangan Datuk Maharaja Lela ke Makassar sekitar tahun 1624, sedangkan Mattulada (1982:54) mengatakan pada tahun 1632. Sama dengan Mattulada, Rasjid (2000:16) memberikan masa kedatangan Datuk Maharajalela pada tahun 1632.

Upya-Deca. Bahkan sehingga tahun 1638 kerajaan Siam-Thai secara berterusan kesekian sekalinya melancarkan serangan untuk menaklukkan Patani.



Gambar 4.4 Makam Datuk Rajab di Kampung Patani, Sanrabone

Dalam sejarah Patani ada catatan bahawa semenjak pentadbiran Raja Ungu (1624-1635) sehingga Raja Kuning (1635-1688), kerajaan Patani terus mengalami gangguan keamanan dan politik dari dalam dan luar negara. Situasi politik dalam negerinya yang tak kalah sengit kerana pertikaian antara bangsawan itu sudah menyeret Patani menuju kemerosotan. Di sini, Nik Mahmud (2006:19)⁶³ mendapati keadaan Patani semakin melemah akibat huru hara politik di istana yang tidak berujung. Setelah Raja Kuning yang berwibawa meninggal dunia, tiada pengganti yang dapat menyamai

⁶³ Pada zaman Raja Ungu (1624-35) kerajaan Patani mampu mengamalkan dasar anti-Siam dan memutuskan politik dengan Siam serta membatalkan tali pertunangan antara Raja Kuning calon raja Patani dengan Okaphaya Deca, anak *Hobenor Ligor*. Sikap Patani mendapat balasan daripada Siang dengan bertindak balas menyerang Patani. Patani mendapat bantuan dari Pahang dan Johor sehingga serangan Siam dapat dipatahkan. Manakala Raja Kuning memegang pemerintahan, Patani mengalami kemerosotan kerana bersetuju berbaik-baik dengan kerajaan Siam dan bersetuju pula menghantar bunga mas dan perak ke Ayuthia; sementara Raja Kuning menerima gelaran *Phrao Cao*. Bangsawan Patani menentang sikap Raja Kuning, sehingga ada yang memiliki meninggalkan Patani. Berikutannya, Raja Kuning meninggalkan kerajaan tanpa seorang pengganti yang berwibawa. Para pembesar kerajaan berebutan kekuasaan untuk menjadi bendahara sehingga menjadikan kerajaan Patani sebagai boneka sahaja. Lihat Nik Anuar Nik Mahmud dalam “*Sejarah Perjuangan Melayu Patani, 1785-1954*” Bangi: Penerbit UKM, 2006, hlm. 18-19.

kharismaniknya lagi. Dalam *Hikayat Patani* digambarkan istana Patani sudah berbelah bagi antara pembesar-pembesar negeri yang bergelar Datuk. Mereka yang berebut kuasa untuk menjadi bendahara, sementara raja yang mentadbir menjadikan kerajaan Patani ibarat boneka sahaja daripada kuasa luar.

Pergolakan politik di kalangan bangsawan istana Patani sudah mengakibatkan ramai orang Patani dan pembesarnya meninggalkan negeri itu. Mereka yang melarikan diri tersebar ke banyak tempat, dengan ramai juga sudah menuju kawasan timur Nusantara. Pulau Sulawesi salah satu destinasi para penghijrah orang Patani. Antara pembesar itu adalah Datuk Maharajalela. Dia memilih Sanrabone di Sulawesi Selatan sebagai pendaratannya dalam tahun 1632 Masihi⁶⁴. Dalam naskhah G juga diceritakan Datuk Maharajalela adalah bangsawan Melayu dari Patani. Beliau membawa kerabat dan pengikutnya dalam jumlah yang besar sebagai pelarian. Dalam kumpulan penghijrah Datuk Maharajalela itu ada keluarganya, iaitu isterinya dan kemenakannya yang bergelar Datuk Paduka Raja bersama-sama isterinya yang bergelar Puteri Senopati Nilam Kesuma. Dalam naskhah G juga ada catatan bahawa Datuk Maharajalela sudah membawa bersama bendera pusaka kerajaan Patani yang dipanggil 'Bulu Perindu'.


Raja Gowa XIV, Sultan Alauddin Tumenanga ri Gaukanna (1593-1638), menyambut baik kedatangan bangsawan dari Patani di bawah pimpinan Maharajalela itu. Sultan Gowa juga telah menghadihkannya tanah sebagai zon petempatan di Sanrabone, sebuah negeri yang berada di sebelah selatan bandar Sombaopu. Sebab Sultan Gowa memberi tempat itu adalah di situ sudah terbina perkampungan awal orang Melayu, maka tidaklah canggung kepada orang Melayu Patani membina kehidupannya yang baru. Patani merupakan kampung yang berada di bawah kuasa kerajaan Sanrabone. Sehingga kini, nama kampung Patani masih ada walaupun sudah bergabung di bawah pemerintahan Kabupaten Takalar. Perbincangan selanjutnya mengenai Datuk Maharajalela serta perkahwinan bagi keturunannya boleh diikuti dalam Bab 5.

4.1.6 KEDATANGAN ORANG MELAYU DI GOWA

⁶⁴ Datuk Maharajalela dikenal sebagai Bapak Muda dari Raja Patani, manakala permaisurinya bernama Puteri Senopati Nilam Kesuma adalah keluarga dari Raja Patani. Selama keberadaannya di Sulawesi selatan, ia dikaruniai dua orang anak. Seorang laki-laki bernama Magat Kasyim dan seorang perempuan bernama Fatimatullah Johora. Disebutkan keturunan daripada Datuk Maharajalela itulah yang kemudian menjadi Kapitan Melayu di Makassar, dalam "Sejarah Keturunan Melayu" disusun oleh KIKIM, 1986, hlm. 4.

Pada pertengahan abad XVI, Sombaopu mulai dirancang sebagai bandar dan pelabuhan kerajaan Gowa (Mattulada, 1982:28). Sehubungan itu, Raja Gowa, Karaeng Tunipallangga, telah memindahkan ibukota kerajaan Gowa dari bukit Tamalate ke Sombaopu yang terletak di muara sungai Jeneberang dan di tepi laut pantai barat Sulawesi Selatan. Beliau memperkuat benteng-benteng pertahanan kerajaan Gowa dengan memposisikan Sombaopu sebagai benteng utama. Tunipallangga juga melakukan penyempurnaan administrasi kerajaan, antaranya menetapkan syahbandar sebagai jabatan kerajaan yang terpisah daripada jabatan *Tumailalang* atau menteri dalam negara.

Pemindahan istana Gowa adalah faktor geografi alam persekitaran Sombaopu yang lebih strategik, maka sangat sesuai untuk menjadi pelabuhan persinggahan perahu-perahu antara kawasan timur dan barat. Lihat sketsa istana Gowa Maccini Sombala dalam gambar 4.5 di bawah ini:



Gambar 4.5 Sketsa istana Kerajaan Gowa bernama Maccini Sombala
(Sumber: naskhah B)

Maccini Sombala adalah nama istana baharu kerajaan Gowa itu kemudian sudah menjadi simbol peralihan ekonomi kerajaan Gowa kepada kekuatan “maritim”. Kekuatan ekonomi Gowa yang pada awalnya berasaskan pada pertanian, telah beralih kepada kegiatan perdagangan, perniagaan dan pelayaran. Di samping itu penguasa Gowa juga turut merancang kekuatan armada perangnya, memandangkan pentingnya peranan

tentera laut untuk mengawal pertahanan dan kepentingan kerajaan disamping melancarkan aktiviti dagang dan laluan pelayaran.

Ekonomi di bandar atau pelabuhan Sombaopu terus berkembang. Kemajuan itu juga disebabkan kebijakan “pasaran bebas” (*free trade*) di bawah penguasa Gowa Tunipallangga Ulaweng. Kesemua itu adalah tarikan kuat untuk memikat pedagang dan peniaga luar. Sehubungan itu, Raja Gowa telah juga mengutuskan duta-dutanya ke negeri jiran dalam usaha besar-besaran memperkenalkan diri kepada dunia luar. Tertarik dengan strategi dan peluang baru yang terbuka luas, para utusan belayar ke merata-rata tempat di luar negeri, termasuk Jawa, Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu, Maluku, Siam dan Timor (Mattulada, 1982:3).

Sementara itu, Karaeng Tunijallo (1565-1590) sebagai pewaris kuasa Gowa terus melanjutkan agenda kerajaan Gowa dengan menjalin hubungan persahabatannya dengan lebih banyak kerajaan lain, termasuk Mataram pada masa Sutawijaya (1575-1601), kerajaan Banjarmasin, kerajaan Ternate di bawah raja Sultan Baabullah, Kesultanan Johor dan negeri Timor. Kedatangan kapal dari semua kerajaan sahabatnya itu sudah membuat Sombaopu semakin sibuk dan terkenal. Pedagang asing dan kongsi-kongsi dagang dengan serta-merta membuka loji perdagangan di Sombaopu. Kedatangan orang-orang dari luar alam Melayu, termasuk orang Eropah yang terdiri daripada orang Portugis, Denmark, Inggeris, Hollanda dan Spanyol, selain orang Cina, India dan Arab masing-masing telah merebut peluang baik untuk melakukan berdagang di Gowa (Poelinggomang, 2002). Setelah memasuki abad XVII, Sombaopu sudah muncul sebagai pelabuhan regional yang terbesar di kawasan timur Nusantara, bahkan sudah meduduki tangga tinggi dalam jaringan perdagangan Asia Tenggara.

Kesemua faktor positif itu telah membuat kerajaan Gowa dapat mencapai masa kegemilangannya pada tempoh 1550-1666. Ini bermakna dalam masa lebih seratus tahun itu, Gowa sudah muncul sebagai kuasa di daratan Sulawesi serta di lautan kawasan Timur Nusantara. Pada masa ini pulalah orang Melayu sudah mencatatkan sejarahnya sebagai komuniti pendatang yang terpenting di Makassar.

Sudah disebut sebelum ini bahawa Raja Gowa telah menyambut baik kedatangan orang Melayu di Makassar dengan memberi tanah kepada mereka untuk mendirikan

kampung halaman yang baru. Keistimewaan lainnya adalah penguasa Gowa telah juga memberi peluang kepada orang Melayu untuk memasuki birokrasi istana dan administrasi kesyahbandaran pelabuhan di Sombaopu.

Perkembangan itu didorong banyak faktor yang lengkap-melengkapkan, termasuk situasi kerajaan Gowa yang aman damai, hegemoni politik yang luas, serta aktiviti ekonomi perdagangan yang tumbuh dengan semakin pesat. Sudah tentu faktor positif itu turut memberi impak kepada pedagang Melayu di Makassar. Sehubungan itu, sudah didokumentasikan bahawa ramai orang Melayu sudah menjadi kaya raya dengan penglibatan mereka sebagai pedagang dan peniaga antara pulau. Berita baik tentang kejayaan orang Melayu di Makassar sudah tersebar dengan luas sekali. Berita itu sehinggakan sudah berubah menjadi daya penarik yang penting kepada lebih ramai lagi orang Melayu mahu juga berpindah ke Makassar. Dengan itu, bilangan orang Melayu adalah yang terbanyak berbanding dengan pendatang lainnya di Makassar. Hanya maklumat tentang kedatangan orang Melayu pada peringkat awal tersebut tidak ada data mengenai bilangan mereka. Namun seperti dinyatakan Reid (2011:151) sehingga 1620 terdapat ribuan pedagang Melayu berada di Kota Makassar. Daripada jumlah itu, sebanyak enam ratus (600) orang sudagar Melayu dikhabarkan sudah tergabung dalam armada yang belayar untuk mengumpul rempah ratus di Maluku⁶⁵.

Dalam Lontara Patturioloang Gowa ada catatan tentang peristiwa ketibaan orang Melayu ke Gowa. Misalnya dalam naskhah K dicatat bahawa dalam tempoh separuh pertama abad XVI sudah ada sebilangan orang Melayu tiba di Gowa di bawah pimpinan Nakhoda Bonang. Raja Gowa yang berkuasa masa itu adalah Kareng Tunipallangga (1548-1566)⁶⁶. Menurut maklumat yang dikaji sebaik sahaja rombongan itu tiba di pelabuhan Sombaopu, Nakhoda Bonang segera menghadap raja Gowa untuk menyampaikan harapannya. Di sini, Nakhoda Bonang dikisahkan memohon agar orang-

⁶⁵ Fakta yang dikemukakan oleh Reid itu berdasarkan pada "*Dagh-Register 1624-29:78,125*. Lihat lebih jelas Antony Reid dalam "*Asia Tenggara Dalam Kurun Niaga 1450-1680*" Jilid2: Jaringan perdagangan Global. Jakart: Yayasan Obor Indonesia, 2011, hlm. 151.

⁶⁶ Masa pentadbiran Tuniapallangga sebagai raja Gowa masih simpang-siur dikemukakan oleh pelbagai pihak. Reid (2011) dan Ricklefs (2010) mencatatkan tempoh pentadbiran Tuniapallanga antara 1548-1566; sementara Patunru (2004) menyebutkan mulai tahun 1521. Jika angka tahun 1521 itu adalah benar, maka sangatlah kuat dugaan kalau nama Nakhoda Bonang yang datang ke Makassar tidak lain adalah Sunan Bonang. Menurut Anthony Reid (2011) mengatakan bahawa Sunan Bonang memang pernah mengunjungi Makassar dan Banjarmasin dalam rangka penyebaran agama Islam.

orang Melayu diterima untuk mendirikan tempat tinggal di bawah kerajaan Gowa. Ketika datang menghadap, Nakhoda Bonang telah membawa hadiah untuk raja Tunipallangga seperti sebuah bedil (Bgs: *kamalete*), sebuah permata, delapan puluh lembar kain kasa, selembur kain beludru, kain cindea dan sutra masing-masing delapan kodi. Dengan itu, Nakhoda Bonang sudah mencapai misi dan diplomasinya, setelah raja Gowa membenarkan orang Melayu tinggal di kampung Mangallekana.

Selain memimpin rombongan orang Melayu, Nakhoda Bonang⁶⁷ juga menggunakan peluang baik itu untuk menyiarkan ugama Islam kepada orang Makassar dan Bugis. Ada banyak sebab Nakhoda Bonang berbuat demikian, antaranya adalah untuk menyekat gerakan misionaris Katholik yang sudah dilancarkan orang Portugis ke wilayah Timur Nusantara. Perlu diketahui bahawa pada masa itu Portugal lebih awal telah berjaya dalam misi katholik, penguasaan dagang dan menancap kuasanya di Maluku di Timur Nusantara. Di kepualuan Timur Maluku, kaum Yesuit dari Portugal sudah berjaya melancarkan misinya untuk mengkristenkan orang Ambon. Dalam konteks itu, pada masa yang sama justru Sulawesi Selatan sudah menarik perhatian orang Melayu untuk melancarkan penyebaran Islam sesegera mungkin.

Kisah kedatangan Nakhoda Bonang di kerajaan Gowa yang dicatat dalam Naskah J boleh dibaca pada petikan teksnya seperti di bawah ini:

Transliterasi

P.98...*Yitona naillauwi onrong Jawa riasengngé Anakoda Bonang/ Nayi anu natiwiq-é ri Karaéngngé rinaéllaunna tudang komaiyé kuwaéna Kamalété*

⁶⁷Kuat dugaan bahawa kehadiran Sunan Bonang ke Makassar adalah pada masa pemerintahan Karaeng Tunipallangga. Dugaan ini didukung oleh sumber kronik lokal. Jika benar dugaan ini, maka sudah pasti terjadi kesalahan penulisan dan penyalinan teks dengan menyebutkan nama Raja Gowa yang memerintah manakala peristiwa kedatangan Nakhoda Bonang pada masa Tumaparrisi Kallonna. Noorduy (1972:11) menuliskan tahun wafat Karaeng Tumaparrisi Kallonna pada tahun 1547. Mengikuti pada Patunru, oleh itu Karaeng Tunipallangga kemungkinan memegang jawatan pentadbiran kerajaan Gowa pada tahun 1521 pula sebab dialah yang menjadi pewaris langsung takhta Gowa. Kemungkinan kes teks seperti itu yang terjadi pada kronik Gowa. Nakhoda Bonang itu tidak lain adalah Sunan Bonang. Disebutkan demikian kerana, pada sumber data lain mengungkapkan bahawa Sunan Bonang meninggal pada tahun 1525, dan memang disebutkan pula Sunan Bonang pernah datang ke Makassar dalam rangka membawa misi penyebaran Islam orang Bugis dan Makassar. Oleh itu angka tahun pentadbiran bagi kuasa-kuasa Gowa perlu disusun semula.

sikaju, sibatu Bélo, aruwa pulona jujungenna Kasala, sikaju Biludu, Cindé Sabbé sitengnga kodi/
Makkedai Anakoda Bonang ri Karaénta Tunipallangga: “Eppaq-I rupanna uwéllau-llau ridiq”. *Makkedai Karaénggé: “Agana kuwaé muillau?”*
Makkedai Anakoda Bonang: “Uwillau-llau tenri uttamaiyyé ri laleng sappommeng, tenri érekiyé bolammeng, tenri gau’ bawanggé, narékko engka anammeng tenri salosoi ko engka appasalammeng/
(Sumber: naskah J, Koleksi ANRI, kod 30/16)

Terjemahan:

p. 98...Kepadanyalah meminta tempat oleh orang Jawa bernama Anakoda Bonang/ Adapun benda persembahan kepada Karaeng atas permintaannya itu adalah satu bedil (kamalete), sebiji permata, delapan puluh lembar kain kasa, selebar beludru, kain cinde sutra setengah kodi/
Berkata Nakhoda Bonang pada Karaeng Tunipallangga: ada empat hal yang kami minta kepada Tuan/ Menjawab Karaeng: “Apa gerangan kau minta?” Aku meminta: tidak dimasuki pagar kami, tidak dinaiki rumah kami, tidak sembarang kami diperlakukan, jika orang kami bersalah tidak langsung disanksi secara sepihak/ Karaeng menerima permintaan tersebut/...

Teks di atas menceritakan kedatangan Nakhoda Bonang dan pertemuannya dengan raja Gowa, Karaeng Tunipallangga. Status Nakhoda Bonang adalah sebagai ketua kumpulan orang Melayu dari Pahang, Patani, Campa (*Champ*), Minangkabau dan Johor yang datang bersama-samanya. Sehubungan itu, Mattulada (1982:34-35)⁶⁸ mengatakan, kumpulan orang Melayu yang datang bersama-sama Nakhoda Bonang itu terdiri daripada pedagang, peniaga dan pendawah Islam. Kedudukan Nakhoda Bonang dikenali sebagai tokoh kharismatik yang tinggi boleh diterima oleh raja Gowa, sehinggakan baginda telah memberi layanan istimewa seperti yang disebut tadi. Ingin ditambah di sini adalah Mangallekana adalah sebuah kampung di tepi laut dan berjiran dengan bandar Sombaopu. Bagi orang Melayu kedudukan Mangallekana di tepi laut itu sangat baik bagi perniagaan. Dalam erti kata, ciri alam di tempat itu membolehkan orang Melayu meneruskan aktiviti sebagai berdagang dan berniaga antara pulau. Tempat itu sangat sesuai dengan ciri lingkungan di negeri asal orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Ciri lingkungan yang sama itu maka memudahkan berlakunya proses adaptasi lingkungan bagi orang Melayu pendatang di Makassar. Sekaitan konsep adaptasi itu, Kaplan (2002: 104-105) menyebutkan, fenomena seperti itu dipandang sebagai bahagian

⁶⁸ Lihat Mattulada dalam “*Mennyusuri Jejak Makassar Dalam Sejarah*” Ujung Pandang: Bhakti Baru-Berita Utama, tahun 1982, hlm. 34-35. Lihat juga Sagimun M.D. dalam “*Sultan Hasanuddin Menentang VOC*” Jakarta: Departemen pendidikan dan Kebudayaan Nasional-Proyek Biografi Pahlawan Nasional, tahun 1975, hlm. 60-61.

daripada posibilisme lingkungan (*enviromental possibilism*). Teori ini memperhatikan ciri-ciri habitat alami sangat penting dan mempengaruhi peranan atau pekerjaan hidup seseorang oleh kerana faktor cuaca, flora, tanah, pola hujan, musim dan kandungan mineral bawah tanah.

Teori adaptasi lingkungan dalam perspektif antropologis yang dikemukakan Sahlins (1961)⁶⁹ telah mempertautkan antara sistem budaya dengan lingkungan hidup. Menurutnya, adalah mustahil bagi manusia dipisahkan dengan lingkungan hidupnya. Munculnya pelbagai masalah baharu bagi manusia adalah disebabkan ia berhadapan dengan lingkungan baharu sehingga mempengaruhi sosio-kultural dan sosio-ekonominya. Sejalan dengan itu, Steward (1968)⁷⁰ menggunakan istilah *ekologi budaya* untuk menjelaskan budaya dalam konteks adaptasi manusia dengan lingkungan hidupnya. Inilah mekanisme dasar yang digunakan manusia untuk mulai beradaptasi sehingga pada akhirnya dapat menguasai lingkungan hidupnya yang baru

Kembali kepada fenomena adaptasi orang Melayu yang berhijrah ke Sulawesi Selatan. Oleh kerana lingkungan hidup martim Makassar sangat mirip dengan lingkungan hidup orang Melayu maritim di Semenanjung Tanah Melayu, maka adalah lebih mudah bagi kedua-dua pihak berinteraksi dan bekerjasama dalam urusan perdagangan, perniagaan dan pelayaran. Kerjasama itu membuat orang Melayu dapat berintegrasi tanpa banyak masalah dengan orang Bugis-Makassar.

Lebih-lebih lagi setelah orang Bugis Makassar menerima ajaran ugama Islam yang dibawa orang Melayu. Pergaulan sosial dan kerjasama antara orang Melayu dengan orang Bugis-Makassar kemudiannya telah mewujudkan integrasi sosial, terutamanya melalui perkahwinan antara kedua-dua pihak secara berterusan dari masa ke masa. Proses integrasi orang Melayu menjadi lebih mudah lagi setelah Nakhoda Bonang dan orang Melayu yang dibawanya diberi tempat tinggal di Mangallekana pada tahun 1525 (Zainal Abidin, 2000). Layanan istimewa yang lain daripada penguasa Gowa telah mempercepatkan lagi proses integrasi orang Melayu dengan orang Bugis Makassar.

⁶⁹ Marshall D Sahlins, *The Segementary Lineage: An Organization of Predatory Expantion*. American Antropologis 63, 1961, hlm. 322-45.

⁷⁰ Julian Steward, *The Rise of Antropological Theory*, New York, Thomar Y. Cornel, 1968, hlm. 660-661.

Antara layanan istimewa yang dimaksudkan itu adalah orang Melayu dilantik sebagai syahbandar, selain jawatan penting dalam kerajaan Gowa.

Sampai di sini, perlu diperkenalkan tokoh Nakhoda Bonang. Dalam naskah J ada disebut bahawa Nakhoda Bonang adalah orang dari “Jawa”. Dia datang ke Gowa bersama rombongan orang Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera. Di sini, perkataan “nakhoda” dalam konteks masyarakat Bugis dan Makassar dan konteks masyarakat Melayu, bukan sahaja pemimpin kelompok dalam organisasi perahu, tetapi juga pemuka agama Islam. Sehubungan itu, Nakhoda Bonang sudah diidentifikasi sebagai ulama, iaitu pemuka Islam yang mempunyai pesona dan tokoh agama kharismatik. Perlu disebut bahawa Ricklefs (2008:76)⁷¹ mendapati Sunan Bonang adalah ulama Islam yang memang pernah datang ke Makassar dalam rangka penyebaran agama Islam. Ricklefs menyebutkan, Sunan Bonang selain mengunjungi Makassar, dia pula memperkenalkan agama Islam ke Lombok, Kutai (Kalimantan Timur) dan Pasir (Kalimantan Tenggara).

Nakhoda Bonang yang dikisahkan dalam lontara-lontara Bugis dan Makassar (naskah J) itu tidak lain daripada Sunan Bonang. Dalam catatan Melayu (Moh. Djamil Mukmin, 2004:126;) dan ceritera Jawa (R.O Winstedt,1961) dan (Anthony Reid, 2011:205) dinyatakan bahawa Sunang Bonang, anak putera Raden Rahmat atau Sunan Ampel dan Nyai Ageng Manila. Sunan Bonang memiliki nama sebagai Raden Maulana Makdum Ibrahim. Dalam versi yang lain, nama asal Sunan Bonang adalah *Bong Ang* sesuai dengan nama marga Bong, seperti nama ayahnya Bong Swi Hoo alias Sunan Ampel. Dalam versi teks Jawa, Sunan Bonang atau Pangeran Bonang diidentifikasi sebagai wali di Jawa yang menjadi penghulu pertama pada kerajaan Demak pada sekitar tahun 1490.

Dalam lontara (naskah J) dikisahkan bahawa Nakhoda Bonang mengunjungi Gowa adalah kerana menunaikan amanah daripada Sultan Johor dan Raja Demak, Pangerang Sabrang Lor untuk melihat peluang melancarkan Islam di Sulawesi Selatan. Anakoda Bonang telah membawa pendatang dan pedagang orang Melayu dari Pahang, Patani, Campa, Minangkabau dan Johor. Walaupun hanya setahun di Makassar namun

⁷¹ Dalam M.C. Ricklefs dalam “*Sejarah Indonesia Modern 1200-2008*” Cetakan III, Jakarta:PT. Serambi, 2010. hlm. 76.

Bonang telah meletakkan asas penting kepada hubungan yang baik antara orang Melayu muslim dengan penguasa Gowa.

Jalinan hubungan Makassar dengan dunia Melayu Muslim sejak abad ke-16 telah membuka jalan kepada penyebaran agama Islam dengan lebih lancar dan giat lagi. Sebelum itu sudah ada tokoh Melayu Muslim, Datu Mahkota dan Datuk Layang hidup menetap di Sanrabone. Ini bermakna pada abad ke-16, agama Islam sudah diterima di Sulawesi Selatan, tetapi masih terbatas bagi pihak-pihak tertentu sahaja. Lagi pun Islam belum menjadi agama rasmi dalam kalangan raja-raja setempat. Sementara itu, agama Katholik telah cuba dibawa masuk, tetapi disebabkan perilaku orang Portugis yang kurang menyenangkan, maka agama itu tidak mendapat tempat dalam hati orang Bugis-Makassar.

Kelemahan orang Portugis terjadi ketika seorang perwira angkatan lautnya membawa lari⁷² seorang puteri Raja Suppa' pada saat menghadiri pesta di atas kapal Portugal. Peristiwa itu meninggalkan kesan orang Bugis tentang perilaku orang Portugis yang buruk. Peristiwa itu berimpak negatif kepada misi kristenisasi di pihak orang Portugis. Sehingga separuh kedua abad ke-17 orang Portugis sama sekali tidak berjaya mengembangkan agama Katholik, meskipun pada tahun 1641 sudah ada sekitar 3000 orang Portugis yang bertempat di Makassar. Menurut Domingo Navarrete⁷³ Karaeng Pattingaloang misalnya, ia tidak pernah dibaptis oleh Pendeta Peter Fransisco, seorang Jesuit, yang menemaninya ketika beliau sakit. Untuk kali yang terakhir, meskipun sang Pendeta telah mempersiapkan air untuk digunakan dalam ritual pembatisan, namun Karaeng Pattingaloang tidak mahu dipabtis sehingga dia meninggal dunia. Sehubungan

⁷² Keretakan hubungan antara Suppa' dan Portugal berawal peristiwa seorang perwira Portugal membawa lari puteri pembesar Suppa'. Maka, seluruh perahu Portugal buru-buru angkat sauh kemudian berlayatr meniinggalkan kerajaan Suppa'. Dikisahkan, tak satupun orang Portugal yang berani kembali ke Suppa hingga tahun 1559. Putri Suppa' yang diidentifikasi bernama We Siwa kemudian dinikahi oleh sang Perwira. Perkahwinannya melahirkan anak bernama Manuel Godinho de Eredia. Lihat Pelras dalam "*Manusia Bugis*. Jakarta: Nalar, Forum Jakarta-Paris Ecole francaise d'Extreme-Orient. (Translation of The Bugis. Oxford: Blackwell, tahun 2006, hlm. 152.

⁷³ Lihat catatan perjalanan seorang biarawan Portugal bernama Domingo Navarrete yang terakamkan di dalam buku George Miller "*Indonesia Tempoe Doeloe 1544- 1992*" Jakrata: Komunitas Bambu, tahun 2012, hlm. 27-29. Catatan Domingo ini ditulisnya ketika ia terdampar di Makassar dalam bulan Oktober tahun 1657 sehingga Juni 1658. Navarrete dikenal sebagai penceritera ulung, mencatatkan semua peristiwa yang terjadi selama perjalanannya secara terperinci.

itu Navarette dalam ucapannya mengatakan Karaeng Pattingaloang memang mengagumi dunia Barat, termasuk wejangan dan khotbah sang Jesuit Katolik namun ia tidak pernah berkenan mengimaninya (George Miller, 2012: 27-29).

Pada separuh kedua abad XVI, raja Gowa XII Karaeng Tunijallo (1566-1590) terus membina hubungan baik dengan orang Melayu di Makassar. Raja Gowa itu pun dikenali sebagai raja yang mula-mula sekali yang memperkenankan pendatang dan pedagang Islam untuk mendirikan masjid di kampung Mangallekana. Niat raja Gowa dengan memberi kesempatan dan fasiliti pembangunan masjid adalah supaya pedagang dan penghijrah merasa senang menetap di Gowa untuk berdagang, selain dapat melaksanakan ritual-ritual keagamaannya.

Orang Melayu yang sememangnya cekap dalam perdagangan dan pengolahan pelabuhan niaga itu telah memainkan peranan penting dalam memajukan pelabuhan Sombaopu. Mereka sekaligus telah memberi sumbangan besar di dunia kemaritiman kerajaan Gowa. Kehebatan lain orang Melayu adalah mempunyai jaringan internasional yang luas selain mobiliti yang tinggi, maka dipandang penting oleh penguasa Gowa. Lebih-lebih lagi kerana orang Melayu diprediksi dapat menyokong operasi pelabuhan Sombaopu menjadi sebagai bandar perdagangan di kawasan Timur. Dengan kata lain, pelibatan orang Melayu telah membuat Makassar tumbuh dengan adanya jaringan perdagangan yang menghubungkannya dengan pelabuhan lain di Asia Tenggara. Hasilnya, pada abad ke-17 pelabuhan Sombaopu sudah menjadi pelabuhan import and eksport yang semakin berkembang dengan pedagangannya semakin maju dan luas. Dengan semakin majunya Sombaopu di Makassar, semakin ramailah pula orang Melayu tertarik untuk datang ke Makassar.

Sehubungan itu, Mattulada (1982) mengatakan, Sulawesi Selatan sudah mengalami titik perubahan peradaban yang signifikan pada awal abad ke-17 selaras dengan perkembangan agama Islam yang pesat. Dengan itu, hampir keseluruhan kerajaan etnik Bugis, Makassar dan Mandar – kecuali etnik Toraja – telah memeluk agama Islam pada masa serentak, iaitu masa lima tahun sahaja, antara 1605 sehingga 1610. Sejak itu ajaran agama Islam telah mempengaruhi kesemua aspek kehidupan dan kebudayaan orang Bugis, Makasar dan Mandar.

Perubahan baru di Sulawesi Selatan itu telah membuat orang Melayu sebagai orang “pendatang” yang paling berjasa dalam penyebaran Islam. Di sini, jasa tiga orang ulama Melayu, Khatib Tunggal Abdul Makmur atau Datuk Ribandang, Khatib Sulaiman atau Datuk Pattimang dan Khatib Bungsu atau Datuk Ritiro boleh dikatakan yang paling besar. Mereka terlibat dalam merancang dan menyebarkan syiar agama Islam. Peranan itu telah juga membuka jalan baru kepada interaksi antara elit Melayu Islam dengan pihak istana dalam kerajaan Bugis-Makassar. Sampai di sini seyogianya dinyatakan mereka telah mengabdikan diri menyebarkan Islam sehingga akhir hayatnya di Sulawesi Selatan.

Dalam naskah B ada catatan tentang Khatib Sulaiman alias Datuk Patimang yang telah banyak menghabiskan masanya di tanah Bugis sehingga wafat di tanah Bugis Luwu. Yang paling menarik adalah beliau telah mengislamkan Raja Luwu, La Patiware’ Daeng Parabung dan Matowa Wajo, Sangkuru, selain melembagakan hukum syariat dalam kerajaan Wajo. Beliau juga berjaya membentuk lembaga Kadi di Wajo dengan menyenaraikan peringkat jawatan strukturalnya sebagai lembaga syariah Islam. Oleh sebab jasanya, beliau juga sudah dilantik menjadi kadi yang pertama di Wajo (Mattulada (1976) dan Sewang (2005)). Tidak lama setelah sampai di Wajo, Khatib Sulaiman dikatakan sudah pergi ke Luwu untuk mempertingkatkan pengetahuan orang Luwu tentang ajaran agama Islam.

Setelah Datuk Patimang meninggal dunia, maka tugas Kadi Wajo diwarisi Datuk ri Bandang. Tidak lama selepas itu, Datuk ri Bandang diminta pulang ke Gowa oleh kuasa Gowa kerana diarahkan untuk membina lembaga syariat untuk kerajaan Gowa dan Tallo. Adapun ulama yang ketiga bernama Khatib Bungsu, dia bertanggungjawab membina agama Islam di kerajaan Bantaeng, Bukukumba dan Tiro. Ketiga tempat itu akhirnya telah menjadi pangkalan utama kepada Khatib Bungsu menyebarkan agama Islam sehingga beliau wafat.

Berbalik kepada orang Melayu, yang perlu ditambah di sini adalah pada separuh pertama abad ke-17 orang Melayu di bandar Makassar mengambil kedudukan penting. Kedudukan mereka istimewa dalam kerajaan Gowa-Tallo juga kerana peranan mereka dalam penyebaran agama Islam, perdagangan, pentadbiran di istana, menjadi syahbandar kerajaan dan sebagainya. Kesemua itu memberi prestige yang tinggi kepada mereka, selain imej yang baik dalam mata pembesar Bugis-Makassar. Selain itu,

hubungan perkahwinan antara orang Melayu dengan rakyat biasa dan kaum bangsawan Bugis dan Makassar sudah juga banyak menolong dalam proses integrasi yang akrab antara orang Melayu dengan orang di Sulawesi Selatan.

Tetapi, pada separuh kedua abad XVII orang Melayu mengalami kesusahan setelah Mangkubumi dari pihak kerajaan Gowa berada dalam tangan Karaeng Karunrung. Antara kesusahan yang dimaksudkan itu adalah ramai orang Melayu telah diusir dari Makassar kerana dianggap mudah diperalatkan oleh Kompeni. Peristiwa itu berlaku pada masa setelah Gowa bermusuhan dengan Kompeni dalam Perang Makassar (Mattulada,1982)⁷⁴. Akibatnya, ramai orang Melayu telah mengungsi ke pulau-pulau di Selat Makassar untuk menyelamatkan diri. Hanya setelah Perang Makassar selesai pada tahun 1667, barulah orang Belanda dan Arung Palakka memanggil orang Melayu pulang semula ke kota Makassar. Setelah pulang, orang Melayu diberi tempat tinggal di kawasan yang dikuasai Arung Palakka di Mallimongang, Rompegading dan Mampu.

Selaras dengan program Hollanda membina Makassar menjadi zon perekonomian setelah menakluki Gowa pada tahun 1667, maka ia menata semula petempatan-petempatan bandar Makassar. Orang-orang pendatang atau yang lain seperti orang China, Eropah, Buton, Wajo dan Bugis telah juga diberi petempatan baharu. Hasilnya, *Negory Vlaardingen* diberi sebagai petempatan kepada pedagang Eropah dan Asia, sementara pihak kerajaan Belanda pula memberi petempatan istimewa kepada orang Cina yang kemudiannya dikenal Kampung Cina. Bagi orang Cina sejak masa itulah komunitinya menjadi tonggak pertumbuhan secara signifikan di kota Makassar. Laporan tentang itu boleh didapati dalam Catatan VOC yang mengatakan, pada tahun 1667 orang Cina tidak lebih daripada 20 orang, tetapi pada tahun 1680 angka itu sudah mencecah 97 orang. Dalam catatan Valentjin itu juga ditunjukkan, pertumbuhan yang signifikan bagi pendatang Cina di Makassar pada tahun 1722 dengan penduduknya meningkat kepada 899 orang (Wirawan, 2013:17-20) dan (Sutherland, 2001:405). Kegiatan ekonomi orang Cina secara khususnya adalah mereka aktif dalam perdagangan darat dan laut sehingga telah memiliki kapal Jung, selain menjadi nakhoda dan pedagang keliling antara pulau.

⁷⁴Lihat dalam Mattulada “*Menyusuri Jejak Makassar Dalam Sejarah*” Ujung Pandang: penerbit: Bhakti Baru-Berita Utama, tahun 1982. h. 95.

Seterusnya ingin diperkatakan serba sedikit tentang kehidupan sehari-hari orang Melayu di ketiga-tiga buah kampung baharu itu. Mattulada (1982:95) mengatakan, pada ke tiga kampung tersebut orang-orang Melayu tinggal bersama-sama dengan orang-orang Bugis dari Bone. Dalam hidup sehari-hari antara kedua-dua pihak sering kali tidak terdapat kecocokan. Pihak orang-orang Melayu selalu mendapat gangguan daripada orang-orang Bugis yang tinggal sekampung dengan mereka. Misalnya, pada malam hari pemuda-pemuda Bugis mempunyai kebiasaan berkeliaran kian kemari di dalam kampung-kampung. Pemuda-pemuda itu adakalanya menculik atau membawa lari anak dara orang Melayu dan suku lainnya. Untuk mengatasi masalah sosial itu, pemimpin orang Melayu yang lazimnya dipanggil Datuk Punggawa datang sendiri menghadap kepada pembesar Belanda, Cornelis Speelman, yang menjadi kuasa baharu. Datuk Punggawa itu meminta pihak berkuasa Belanda campur tangan untuk mengelakkan gangguan seumpama itu daripada orang Bugis. Setelah menerima aduan dan permintaan daripada orang Melayu, pihak berkuasa Belanda sudah memberikan perkampungan baharu yang tidak jauh daripada *Fort Rotterdam*, kubu pertahanan dan juga tempat tinggal orang Belanda sendiri. Tempat itu terletak di utara *Vlaardingen* yang masih berupa semak belukar yang dinamakan *Bulakeng*. Dengan adanya tempat baru itu, orang Melayu sudah menebang pokok hutan belukar untuk didirikanlah perkampungan baru sebagai tempat tinggal mereka. Akhirnya kawasan Bulakeng itu sudah menjadi perkampungan baharu orang Melayu di Makassar.

Sehubungan itu, dalam kajiannya, Mattulada (1982:95-96) mengatakan bahawa dalam Kampung Melayu telah ada organisasi dengan mengangkat seorang ketua kampung dari kalangan orang Melayu sendiri. Ketua kampung itu lazimnya dipanggil Kapitan Melayu. Ketua kampung itu dilantik oleh Gubenor Hollanda. Kapitan Melayu pertama disandang Ince Cukka alias Abdul Razak yang dilantik pada 28 Mei 1706. Berdasarkan catatan dalam KIKM (1986:5-7) ada sebanyak 18 keturunan orang Melayu telah menduduki jawatan sebagai Kapitan Melayu di Makassar, dengan Kamaruddin Daeng Parani sebagai ketua kampung yang terakhir yang dilantik pada tahun 1918. Nama-nama pimpinan Kapitan Melayu Makassar dengan lengkap mulai Ketua pertama sehingga yang terakhir disebutkan pada jadual 4.3 berikut.

Jadual 4.3 Nama-nama Kapitan Melayu Makassar

Nama Kapitan Melayu Makassar	Kapitan Melayu	Tahun Pelantikan	SK Gabenor Hollanda
Ince Cukka alias Abdul Razak	I	1706 M/1117H	Willem de Boo dan Johan Jacob Eberveld
Ince Maulud	II	1724M/1135H	Johannes Philippus Siemon
Ince Samba	III	1728M/1139H	Johan Frederik Sobius
Ince Bendak	IV	1733M/1145H	Arrenvijne
Ince Jamaluddin	V	1739M/1151H	Adrian Hendriks Sners
Ince Abdul Kadir	VI	1747M/1160H	Johan G. Loten
Ince Bungsu	VII	1750M/1163H	Cornelis Roosenboom
Ince Abdul Kadir	VIII	1752M	Jong Dirk van Clootwijk
Ince Sulaiman	IX	1789M	Adler Barend Rijke
Ince Muh. Hasan	X	1813M	Kapitan Dilantik oleh Inggeris (Richard Philips)
Ince Abdul Gani	XI	1827M/1243H	Hollanda Berkuasa Semula (De Clerk)
Ince Abdul Husain	XII	1839M/1255H	Filitas Bosgult
Ince Abdul Rachman	XIII	1880M/1297	Tidak disebut
Ince Lele Ali Asdullah	XIV	1888M	Daniel Francois van Broon Morris
Ince Abdul Wahab Daeng Massikki	XV	1906M	Daniel Francois van Broon Morris
Mas Nuralim (bukan Melayu)	XVI	1910M	Tidak disebut
Haji Wan Abdullah Bau' Sandi	XVII	1912M	Coenen
Kamaruddin Daeng Parani	XVIII	1918M	tidak disebut

(Sumber: KIKM, 1986, hlm. 6.)

Berlatar belakang penerangan di atas, nama asal kampung orang Melayu itu adalah Bulakeng. Ia kemudiannya diubah nama menjadi “Kampung Melayu”. Untuk perlindungan daripada gangguan orang dari luar, orang Melayu sudah juga membina pagar buluh yang tinggi di sekelilingnya. Di bahagian depan Kampung Melayu itu sudah didirikan pintu gerbang sebagai laluan masuk dan keluar. Sementara di bahagian barat dan ujung timur, dibina tanggulan tanah yang dipasangkan dengan meriam. Pada malam hari, orang lelaki Melayu akan membuat rondaan bergilir-gilir. Sejak permulaannya, orang Melayu sudah menjalani kehidupan yang aman damai di kampung itu. Dari masa ke masa, mereka sudah mendirikan masjid sebagai tempat ibadah. Masjid ini dibina pada masa Ince Cukka menjabat sebagai Kapitan Melayu di Makassar. Masjid

yang didirikan oleh orang-orang Melayu ini dan secara rasmi penggunaannya pada tanggal 22 Rajab 1117 H dengan pelaksanaan sholat Juma'at. Dengan itu namanya masih kekal sebagai "Masjid Makmur Melayu" sehingga kini.

4.2 RUMUSAN

Pada keseluruhannya, naskhah-naskhah lontara sudah banyak mencatat tentang adanya hubungan sosial dan ekonomi antara orang Bugis-Makassar di Sulawesi Selatan dengan orang Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu sejak abad ke-15. Hubungan itu adalah lanjutan daripada yang dinyatakan dalam hikayat-hikayat Melayu sebelum abad ke-8 Masihi lagi. Perhatian dalam bab ini adalah catatan yang diberi dalam naskhah lontara tentang kedatangan orang Melayu ke Sulawesi Selatan pada sekitar separuh kedua abad ke-15 dengan pelayar dari Bugis-Makassar ke Melaka pada masa pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1488).

Kedatangan orang Melayu ke Sulawesi Selatan pada awalnya adalah atas urusan perdagangan dan pelayaran. Kegiatan itu berlaku khasnya dipelabuhan di pesisir Barat Sulawesi Selatan. Sementara itu, kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 pula telah berubah menjadi faktor penolak orang Melayu untuk berjirah dari Tanah Semenanjung. Antara destinasi pelarian perang dan politik itu adalah Sulawesi Selatan. Mereka datang dalam kerangka mereka membina kehidupan baharu yang damai, selain dapat meneruskan aktiviti perdagangan, perniagaan antara pulau dan penyebaran agama Islam.

Sejak akhir abad XV sehingga awal abad ke-17, orang Melayu terus menerus mendatangi Sulawesi Selatan, akibat pergolakan politik yang berkepanjangan. Kesemua itu disebabkan orang Portugis, Belanda, Inggeris, Siam dan Aceh silih berganti menyerang Melaka, Johor dan kerajaan Melayu yang lain di Selat Melaka. Hal yang sama juga dialami kerajaan Patani, akibat kekacauan dalam kalangan bangsawan di Pattani, selain serbuan yang berulang kali dari kerajaan luar. Impak daripada pergolakan dan kekacauan itu menyebabkan ramai orang Melayu melakukan penghijrahan.

Dalam naskhah K selain ada catatan nama kerajaan sebagai negeri asal orang Melayu, terdapat juga catatan tentang tempat-tempat yang menjadi destinasi dan petempatan orang Melayu di Sulawesi Selatan, iaitu Suppa', Siang, Pancana-Tanete,

Tallo, Gowa dan Sanrabone. Kesemua tempat-tempat destinasi itu terletak di pesisir barat di Sulawesi Selatan. Geografi tempat-tempat itu sesuai untuk dibangunkan menjadi pelabuhan dan perdagangan maritim. Daripada kajian ke atas teks-teks dalam lontara kami mendapat gambaran umum tentang orang-orang Melayu yang pada peringkat awal kedatangannya itu tinggal di Suppa' adalah dari Melaka; sementara di Siang adalah dari Melaka dan Johor; sementara di Pancana pula adalah orang Melayu dari Johor dan Minangkabau. Seterusnya di Tallo disebutkan orang Melayu adalah dari Melaka dan Johor. Begitulah pula penyebaran orang Melayu di kerajaan Gowa adalah yang datang dari Melaka, Minangkabau, Johor, Pahang, Champa dan Patani. Akhirnya orang Melayu di Sanrabone adalah kebanyakannya dari Patani dan Minangkabau. Ini bermakna orang Melayu dari Melaka, Johor, Pahang, Champa, Minangkabau dan Patani sudah bercampur di banyak petempatan yang diberi kerajaan tempatan di Sulawesi Selatan.

Berbanding dengan pendatang dari suku etnik yang lain, orang Melayu adalah yang lebih awal datang, maka sudah tentu mempunyai kedudukan lebih tinggi dan penting dalam kerajaan Sulawesi Selatan. Pada separuh kedua abad XVII, selepas Perang Makassar berakhir, sudah ada tempat baharu yang khas bagi orang Melayu iaitu Kampung Melayu di Makassar. Sehingga kini Kampung Melayu itu masih wujud, walaupun situasi dan lingkungannya sudah berubah. Antara yang tidak berubah adalah hanya masjid yang dibina komuniti Melayu yang dipanggil "Mesjid Makmur Melayu"⁷⁵. Oleh sebab itu, dapatlah dirumuskan bahawa sepanjang masa kedatangan orang Melayu ke Sulawesi Selatan, mereka sudah diterima dengan baik oleh penguasa dan masyarakat Bugis-Makassar. Penerimaan yang baik itu sudah menjadi faktor penting yang melatarbelakangi terciptanya proses integrasi sosial khasnya perkahwinan antara orang Melayu dengan orang Bugis-Makassar yang akan diperkatakan selanjutnya dalam Bab 5 nanti.

⁷⁵ Mesjid Makmur Melayu berada di sudut pertemuan antara Jalan Sangir dan Jalan Sulawesi, Kota Madya Makassar, Provinsi Sulawesi Selatan.

BAB V

PROSES PENGINTEGRASIAN ORANG MELAYU DI SULAWESI SELATAN

Dalam bab empat sudah diawali perbincangan mengenai orang Melayu di Sulawesi Selatan telah melakukan integrasi sosial melalui perkahwinan selain memainkan peranan penting dalam membina kerajaan baharu. Sehubungan itu, maka dalam *Lontara Gowa*, *Lontara Suppa'* dan *Lontara Tanete* terdapat catatan tentang kedatangan orang Melayu dengan perkahwinan antara puteri-puteri Melayu dengan pembesar kerajaan Bugis dan Makassar. Semenjak separuh kedua abad ke-15 hingga abad ke-19 perkahwinan campur antara orang Melayu dengan bangsawan atau elit istana tempatan terus berlaku, selain orang Melayu berkahwin dengan orang Bugis dan Makassar dari golongan biasa di Sulawesi Selatan. Daripada perkahwinan itu maka lahirlah generasi baru sebagai bukti hubungan rapat dan juga integrasi orang Melayu ke dalam sistem kekerabatan orang Bugis dan Makassar. Perkahwinan itulah membuka jalan kepada orang Melayu masuk ke dalam sistem birokrasi dan politik tempatan. Kesemua itu boleh dipandang sebagai penerimaan orang Melayu di Sulawesi Selatan didasari kontrak sosial yang memberi jaminan yurisdiksi dan keamanan dari pelbagai segi, termasuk politik, sosial dan ekonomi orang Melayu di Sulawesi Selatan.

5.1 JAMINAN HUKUM PERKAMPUNGAN ORANG MELAYU

Dalam Bab IV sudah pula diperkatakan bahawa pentadbiran Karaeng Tunipallangga di Gowa pada pertengahan abad ke-16 bukan sahaja telah memberi petempatan khas kepada orang Melayu, tetapi juga melindungi mereka dengan undang-undang. Sementara itu, untuk menjaga kepentingan mereka bersama-sama, pihak orang Melayu telah mengadakan kontrak sosial dengan penguasa setempat di bawah kuasa kerajaan Gowa. Kontrak sosial itu telah dibuat oleh Nakhoda Bonang sebagai wakil orang

Melayu di satu pihak dengan raja Gowa Karaeng Tunipallangga (1548-1566) di pihak yang lain. Dalam kontrak itu yang memberi makna orang Melayu diterima oleh pihak kerajaan Goa itu telah mengesahkan hak-hak orang Melayu tinggal di Gowa dengan diberi jaminan tentang keselamatan nyawa dan harta benda mereka. Pendek kata, kontrak sosial itu sangat penting kepada orang Melayu di Sulawesi Selatan untuk melaksanakan aktiviti dan hidup mereka.

Seterusnya, ingin dinyatakan bahawa dalam naskhah H dicatatkan Nakhoda Bonang bersama-sama orang Melayu dari Pahang, Patani, Champa (Kamboja), Minangkabau dan Johor telah mendarat di Mangallekana. Sebagai pemimpin, Nakhoda Bonang sudah memohon tempat permastautin bagi orang Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera dengan kerajaan Gowa. Sudah dinyatakan dalam Bab 4, bahawa dia dengan serta-merta telah menemui raja Gowa, Karaeng Tunipallangga, untuk menyampaikan matlamat kedatangan mereka ke Sulawesi Selatan. Setelah diberi pertimbangan, penguasa Gowa pun menerima permohonan itu dengan memberi jaminan sebagai kode etik kepada orang Melayu. Kode etik itu menerangkan tentang hak dan kedudukan orang Melayu di kampung Mangallekana, di Gowa. Kode etik yang tercatat dalam naskhah H berbunyi: “kami mohon kiranya halaman rumah kami tidak dimasuki secara sewenang-wenang, agar anak-anak keturunan kami tidak dikenakan hukuman atau sanksi dari kesalahan pendahulunya (mks = *niganja*), agar kami tidak dikenai hukuman sita harta benda (*nirapping*) apabila di antara kami ada yang bersalah.” Kandungan kontrak sosial itu penting sebagai asas dan jaminan yurisdiksi ke atas pola interaksi orang Melayu ke atas lingkungan sosial orang Makassar; sekaligus mencegah perlakuan sewenang-wenang daripada penguasa tempatan.

Berdasarkan kontrak itu Nakhoda Bonang ternyata sudah berjasa besar dalam memperoleh hak dasar selain pengakuan permastautin untuk orang Melayu daripada kerajaan Gowa. Peristiwa itu boleh disebut sebagai babak baru dalam sejarah penghijrahan orang Melayu ke Sulawesi Selatan. Sebelum itu, sudah ramai orang Melayu tinggal di Sulawesi Selatan, tetapi hanya sebagai pedagang dan orang dagang yang tidak diberi hak-hak itu pada masa kekuasaan Tunipallangga. Dan hanya selepas Nakhoda Bonang berjaya mendapat hak-hak itulah baru orang Melayu di Makassar mendapat pengakuan kedudukan sosial di sisi undang-undang di Makassar. Sehubungan itu, jasa Raja Gowa, Karaeng Tunipallangga yang menerima permintaan Nakhoda Bonang

dan memberikannya hak dan otonomi dalam tempatannya yang tergambar dalam naskah H yang dipetik di bawah ini.

Transliterasi:

hlm. 98 (...)/ *Yitonaé arung bunge' batai Gowa silaong Somba Opu/ Yitona naillauwi onrong Jawa riasengngé Anakoda Bonang/ Nayi anu natiwi'é ri Karaéngngé rinaéllaunna tudang komaiyé kuwaéna Kamalété sikaju, sibatu Bélo, aruwa pulona jujungenna Kasala, sikaju Biludu, Cindé Sabbé sitengnga kodi/ Makkedai Anakoda Bonang ri Karaénta Tunipallangga: "Eppai rupanna uwéllau-llau ridi". Makkedai Karaéngngé: "Agana kuwaé muillau?" Makkedai Anakoda Bonang: "Uwillau-llau tenri uttamaïyyé ri laleng sappommeng, tenriénrekiyé bolammeng, tenri gau' bawangngé, narékko engka anammeng tenri salosoi ko engka appasalammeng/ Nakadoiwi Karaéngngé/ Makkedani Karaéngngé: "Tedokku kenneng poso' upaddemmé, matane' upalésso', ala iko pasi padakku' tau, naékiya teppaunoko ritanakuq narékko tekkuissengngi"/ Makkeda toi Karaéngngé: "Siagai ...Page 99rupanna muparilalengngada?" Makkedai Anakoda Bonang: "Sininna Malipa, Pakkambangngé, kuwaé Pataniyé, Cé(m)paé, Marakaboé, Jasoroé, Paayangngé/ (...)/*

(Sumber: naskah H, hlm.98-99)

Terjemahan:

hlm. 98 (...)/ Inilah raja yang mula mendirikan benteng Gowa dan Sombaopu/ Dia pula menjabat sebagai raja manakala kedatangan orang Jawa bernama Nakhoda Bonang meminta tempat tinggal/ Dia membawa hadiah yang dipersembahkan kepada Karaeng berupa sehelai kain Kamalété, sebuah hiasan, delapan puluh potong kain kasala, sepotong kain beludru, kain sutera sitengah kodi/ Anakoda Bonang berkata kepada Karaéng Tunipallangga: "Empat hal yang kami mohon kepada, Tuan"/ Karaéng menjawab: "Apakah gerangan yang engkau minta?" Anakoda Bonang berkata: "Aku mohon, pekarangan di dalam pagar kami tidak dimasuki, tidak dinaiki rumah kami, Kami tidak diperlakukan sewenang-wenang, anak-cucu kami tidak dikenakan sanksi warisan di atas kesalahan kami/Sang Karaeng bersetuju tawaran tersebut/Berkatalah Karaéng: "Sedang kerbau kami turunkan ke air jika lelah; Jika bebannya berat kami turunkan sebahagian' apalagi kalau memang sesamaku manusia; Akan tetapi, janganlah membunuh di tanah ini, jika Aku tidak mengetahuinya/ Bertanya sang Karaéng: "ada berapa ...Page 99Jenis yang engkau wakikan dalam perjanjian?"/ Anakoda Bonang menjawab: "Semua yang memakai sarung, mengenakan kain penutup bahu yang meliputi orang Patani, Champa, Minangkabau, Johor, Pahang (...)/

Dalam konteks perkembangan sejarah penghijrahan orang Melayu ke Sulawesi Selatan, Karaeng Tunipallangga selaku raja Gowa di satu pihak dan Nakhoda Bonang selaku pemimpin orang Melayu di pihak yang lain telah meletakkan batu-asas yang penting. Di atas batu-asas itulah sudah dibina kedudukan dan permastautinan orang

Melayu di Makassar. Di sini Nakhoda Bonang adalah disebutkan sebagai ulama merangkap pemimpin orang Melayu yang berasal dari Patani, Champa, Minangkabau, Johor dan Pahang dalam membina kehidupan baharu di wilayah kerajaan Gowa. Menurut adat semasa Nakhoda Bonang menghadap Tunipallangga untuk memohon perkara yang besar itu, beliau membawa serta hadiah untuk dipersembahkan kepada raja Gowa. Antara hadiah¹ itu adalah sehelai kain *kamalete*, seperangkat perhiasan emas, delapan puluh potong kain kasa, sepotong kain beludru dan setengah kodi kain sutera.

Setelah dikaji naskah H, kita dapati fasal-fasal yang disepakati antara kedua-dua pihak seperti yang tercatat sebagai berikut:

1. Orang Melayu mempunyai hak untuk menjalankan hukum dan peraturan hidup menurut cara dan adat rezam di wilayah petempatannya.
2. Setiap rumah orang Melayu dilindungi keselamatannya, maka tidaklah boleh dicerobohi dan diganggu.
3. Setiap orang Melayu yang melakukan kesalahan perlu diadili dan tidak boleh diperlakukan semena-mena di luar peraturan undang-undang.
4. Sanksi yang dikenakan ke atas orang Melayu jika didapati melakukan kesalahan, tidak boleh dikenakan kepada warisnya, iaitu anak dan cucunya.

¹Hadiah yang dipersembahkan oleh Nakhoda Bonang kepada Karaeng Tunipallangga (Raja Gowa) juga merupakan pola yang lazim dilakukan di Melaka bagi yang berasal dari “negeri bawah angin” bagi kuasa Melaka. Para pedagang itu tidak membayar cukai ke atas barang dagangannya, namun ia menggantikannya persembahan kepada raja dan pegawai-pegawai kerajaan. Nilai barangan itu sangatlah besar hampir sama dengan nilai cukai yang harus dibayarnya. Hadiah yang harus diserahkan ditentukan oleh pegawai kerajaan Melaka. Khasnya bagi saudagar-saudagara Cina, mereka harus memberikan lebih banyak berbanding daripada negeri-negeri lain, kerana Jung-Jung (kapal barang) Cina itu memuatkan lebih banyak barangan daripada pedagang negeri lain. Pajaknya dihitung menurut penjualan seluruh kapal dan dilunasi dalam bentuk emas. Khas bagi kapal pedagang daripada kepulauan Nusantara dan Asia bagian Timur yang membawa barang makanan tidak dikenai pajak, kecuali hanya memberi hadiah. Sistem perpajakan ini telah berlaku di Melaka. Praktiknya sangat menguntungkan pelabuhan Melaka. Karenanya itu, orang-orang Eropah (Portugis, Belanda, dan British) yang menduduki Melaka tetap saja mempertahankan sistem pemungutan pajak seperti itu. Makassar dengan pelabuhan Sombaopu pada masa pentadbiran Karaeng Tunipallangga (1548-1566) telah mempraktikkan model pajak seperti itu. Maka hal itu telah dilakukan pula oleh Nakhoda Bonang manakala datang ke Gowa. Sistem perpajakan yang sama juga telah dipraktikkan Aceh pada zaman Iskandar Muda dengan jenis pajak: 1) Adat cap atau adat lapik cap, untuk memperoleh izin dari raja untuk berlayar; 2) Adat kain, kain segulung (sekayu), pajak khas bagi orang Eropah; 3) Adat kain yang ke dalam untuk istana, hadiah khas untuk istana; 4) Adat memohon kunci, pajak menurunkan barang dari kapal; 5) Hadiah langgar, pajak khas dari kapal Gujarat yang bertiang tiga; 6) Adat mengawal pajak bagi penjaga pihak Aceh yang menjaga kapal saat berlabuh; 7) Adat hal ul-Kalam atau bea registrasi kapal dagang (lihat dalam Irawan Djoko Nugroho Irawan Djoko Nugroho, “*Majapahit, Peradaban Maritim Keika Nusantara Menjadi Pengendali Pelabuhan Dunia*”. Jakarta: Yayasan Sulu Nuswantara Bakti, 2011, hlm. 250-252.

Keempat-empat pasal yang disepakati itu adalah juga yang dipohon Nakhoda Bonang. Perjanjian kedua-dua pihak antara Nakhoda Bonang dengan Tunipallangga dalam kontak sosial itu kemudian memberikan makna yang sangat besar manfaatnya kepada orang Melayu dari segi mendapatkan perlindungan undang-undang, selain menjamin hak asasi mereka di Sulawesi Selatan. Perlindungan dan jaminan yang disebut itu telah memberi ketenangan jiwa yang mereka kehendaki dari segi keselamatan harta benda dan nyawa. Itulah juga antara sebab orang Melayu melarikan diri dari Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera oleh karena mendapatkan sambutan yang ramah oleh kuasa Bugis dan Makassar di Sulawesi Selatan. Mereka berbuat demikian kerana melarikan diri daripada pergolakan politik dan peperangan yang berterusan melanda Melaka dan Johor. Pergolakan itu sudah bermula daripada serangan orang Portugis, Belanda, Inggeris, Siam, Aceh (seperti yang sudah diperkatakan dalam Bab 4). Oleh itu, keempat-empat pasal dalam kontrak sosial itu besar maknanya kepada orang Melayu yang datang ke Makassar, yakni bukan sahaja untuk mengadu nasib mereka di tanah rantau, tetapi juga memberi jaminan keselamatan nyawa dan harta benda mereka. Beribu-ribu kilometer jauhnya daripada tempat tumpah darah mereka di Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatra, orang Melayu bermigrasi ke Makassar mendapat ruang baru untuk memulakan kehidupannya yang damai.

Perihal kontrak sosial antara Melayu dan Bugis-Makassar tersebut, oleh Anthony Reid (2011:151) mengemukakan itu sudah mencatatkan babak baru dalam sistem perundangan dan hukum di Sulawesi Selatan khasnya sebagai perlindungan ke atas kedudukan kelompok pendatang dan kaum minoriti pedagang. Hal yang sama juga pernah dilakukan oleh raja Bima (Sumbawa) ke atas orang Melayu – mengikuti pola penerimaan Makassar terhadap kalangan pendatang - dengan memberikan petempatan di bandar yang dikuatkan dengan kontrak jaminan tentang hak petempatan serta pembebasan cukai impor dan ekspor. Kerajaan Bima pada abad XVII memberikan petempatan dan perlindungan sosial-politik kepada orang Melayu sebagai hadiah kepada pedagang dan ulama yang telah berjasa menyebarkan ugama Islam di Bima (Syamsuddin Helius, 1982:296-9)². Lebih lanjut lagi Reid (2011:151) mendapati pemerian hak-hak

² Lihat Syamsuddin Helius, dalam “*The Coming of Islam and the Role of the Malays as Middlemen on Bima*”. Papers of the Dutch-Indonesian Historical Conference, G. J. Schutte dan Heatther Suntherland (editor), Bureau of Indonesian Studies, tahun 1982. hlm. 292-300.

peribadi dan pengakuan hak minoriti bagi pendatang di Sulawesi Selatan pada abad ke-16 ini telah menjadi bahagian penting dalam sistem hukum Sulawesi Selatan yang ditegakkan oleh kuasa kerajaan Gowa. Perlu diketahui bahawa, hak yuridis seperti itu baharu wujud di Eropah pada abad ke-17, iaitu satu abad sesudah Gowa mempraktikkannya. Selain itu, fenomena itu baharu disaksikan oleh para pejabat bangsawan Banten ketika berkunjung ke Eropah³, terutamanya di Belanda. Ketika berada di Eropah mereka menyaksikan perkembangan hak-hak peribadi dengan memperoleh kesan bahawa “setiap orang di sana adalah tuan atas dirinya”. Hak milik para rakyat sudah menjadi miliknya sendiri, bukan lagi hak istimewa raja atau bangsawan seperti dahulu.

Sehubungan itu, banyak perkara perlu diperkatakan di sini. Antaranya, mengapa permohonan seperti itu dibuat Nakhoda Bonang? Jawapannya boleh didapati dengan kita memberi perhatian kepada perkembangan sosol-politik yang berlaku masa itu. Untuk itu, perlulah kita ketahui bahawa kerajaan Gowa semasa kedatangan Nakhoda Bonang sedang menjalankan gerakan peperangan dan penaklukan secara besar-besaran ke atas negeri-negeri Bugis, Makassar dan Mandar. Gowa di bawah kepimpinan Karaeng Tunipallangga masa itu melanjutkan strategi penaklukan⁴ ke atas kerajaan-kerajaan jiran Gowa yang telah dimulakan oleh ayahandanya, Karaeng Tumaparrisi' Kallonna. Tanda-tanda kezaliman Tunipallangga telah muncul semasa dia berjaya mengalahkan lawan-lawannya. Sehubungan itu, Tunipallangga memberlakukan pihak yang dikalahkannya sebagai “Nirappung” iaitu menawan raja, rakyat dan harta negeri taklukannya (Jacobus Noorduyn, 1972) dan (Sagimun, 1975:57). Dia dikenal sudah bertindak zalim dengan memaksa negeri-negeri yang ditaklukinya tunduk dan menjadi

³ Lihat dalam *True Report* 1599:36-37 dikutip berdasarkan ulasan Anthony Reid (2011:153).

⁴ Dalam Naskhah K mengisahkan penaklukan yang dilancarkan oleh kuasa Gowa, Karaeng Tumaparrisi' Kallonna, dengan Berjaya merebut 12 buah kerajaankhasnya kerajaan Makassar. Yang lebih menarik lagi ialah dalam dokumen itu disebut juga kehebatan pemerintahan Karaeng Tunipallangga sebagai pewaris takhta Gowa, setidak-tidaknya telah bewrjaya membesarkan empayar kerajaan Gowa. Sehubungan itu, Tunipallangga dianggap paling Berjaya kerana mampu menawan 36 buah kerajaan dan memasukkan ke dalam kekuasaan Gowa. Kuasa Gowa pada masa Tunipallangga semakin meluaskan wilayah taklukannya, baik pada wilayah kerajaan Bugis, Makassar, mahupun kerajaan luaran wilayah Sulawesi Selatan. Kecuali kerajaan Bugis Bone, Karaeng Tunipallangga belum dapat menembus dengan pasukan Gowa dan sekutunya sehingga akhir hayatnya. Meskipun demikian dapat disimpulkan bahawa pada masa pentadbiran.

hamba dengan perjanjian berbunyi ‘*Makkanama Numammio*’ ertinya “ Aku berkata dan kalian mengangguk”. Dalam naskah E, H dan K ada catatan yang mengatakan ketika Gowa mengalahkan Sawitto, Karaeng Tunipallangga juga sudah menawan raja Sawitto, La Cella’ Mata dan rakyat Sawitto, Suppa’ dan Bacukiki dibawa ke Gowa untuk membuat kerja-paksa. Tunipallangga juga sudah menakluki Siang dan Mandar di Sulawesi Tengah dan menawan raja dan rakyat taklukannya itu ke Gowa. Hanya kerajaan Bugis Bone tidak dapat dikalahkannya, kerana Tunipallangga sudah meninggal dunia setelah menderita luka parah setelah kandas di tangan raja Bone ke-7, La Tenrirawé Bongkanggé.

Sikap agresif penguasa Gowa sudah mengancam kepentingan orang Melayu di Makassar. Situasi pelik sedemikian juga disebabkan penaklukan kerajaan Siang sudah diterima secara negatif bagi kedudukan orang Melayu di bawah kerajaan Siang, lebih-lebih lagi mereka telah dipaksa untuk berpindah ke wilayah Gowa. Sebagai jalan untuk mengatasi masalah itu, Nakhoda Bonang sudah membuat strateginya sendiri untuk mendapatkan perlindungan dari segi undang-undang bagi orang Melayu di Gowa. Pendekatan diambil Nakhoda Bonang untuk meminta tolong daripada Tunipallangga, yang akhirnya memberi hak permastautin kepada orang Melayu di Makassar dengan disertai hak individu dan komuniti, dan juga memberi jaminan keamanan diri dan harta benda. Nakhoda Bonang menyatakan orang Melayu yang diwakilinya itu meliputi yang datang dari Pattani, Champa, Minangkabau, Johor dan Pahang. Mereka memiliki identiti khas dari segi pakaian, iaitu mereka memakai sarung (Bgs: *mallipa*’) dan mengenakan kain selendang di bahu (Bgs; *Mappakambang*). Kostum sarung dan kain pakambang⁵ itulah sudah menjadi identiti khas kostum Islam ciri Melayu yang juga lazim dipakai oleh santri Islam dan tokoh ugama di Sulawesi Selatan dan Nusantara.

Pemindahan secara paksa orang Melayu daripada petempatannya daripada kerajaan Siang, Tanete, Suppa’ ke Makassar manakala mereka takluk oleh Gowa, sampai di telinga Sultan Johor melalui peniaga-peniaga Melayu. Kejadian perluasan

⁵ Ciri khas kostum Melayu itu (Bgs: *mappakambang*) berbeza dengan ciri khas pakaian Arab iaitu *sorban* (Bgs: *tippolo*) berupa kain ikat penutup kepala. Kedua jenis kostum ini mempengaruhi gaya berpakaian pemuka-pemuka ugama Bugis-Makassar pada masa lampau, hal itu juga menandai bahawa gaya Melayu dan Arab bersama-sama memberikan pengaruhnya di Sulawesi Selatan.

empayar Gowa ke atas negeri-negeri jirannya dan juga kegagalan misi Katholik dari pihak Portugis berlaku serentak dengan agenda pendakwaan syiar Islam yang disokong oleh Johor dan Ternate. Sehubungan itu, Sultan Ternate, Baab Ullah telah datang ke Makassar untuk membujuk Tunipallangga memeluk Islam (Hadimuljono dan Muthalib, 1979:23). Perlu ditambahkan di sini bahawa masa ini bertepatan dengan periode Islamisasi dan kristenisasi serta pengembangan niaga di Asia Tenggara. Aceh, Johor, Banten dan Ternate adalah pihak yang aktif dalam pembangunan kuasa dan konsolidasi dinasti Muslim itu bersedia untuk menentang gerakan kristenisasi yang dijalankan Portugis dan Spanyol. Meskipun upaya awal Baab Ullah tidak berjaya memikat hati Tunipallangga, namun Nakhoda Bonang berjaya memperoleh jaminan keamanan sosial bagi orang Melayu dari raja Gowa .

Berbalik kepada sejarah, Sulawesi Selatan memang berada dalam keadaan perang pada pertengahan abad ke-16 setelah kerajaan Gowa menyalakan mesin perangnya untuk menakluki semua kerajaan di Sulawesi Selatan. Keadaan huru-hara dan pergolakan yang tercetus itu telah memberi impak negatif ke atas komuniti Melayu. Untuk mengelakkan orang Melayu terseret ke dalam pergolakan politik yang sangat membahaya itu, Nakhoda Bonang telah memohon jaminan keamanan kepada penguasa Gowa sebagai peraih kuasa besar. Sebagai tokoh masyarakat yang bertanggung jawab, Nakhoda Bonang memandang pentingnya melindungi keselamatan orang Melayu di wilayah yang dikuasai kerajaan Gowa.

Selain itu, pilihan orang Melayu untuk mendekati kuasa Gowa untuk mendapat perlindungan dikira sangatlah penting, memandangkan pada masa itu ramai orang asing telah ada di Sombaopu. Situasi itu mudah berlaku huru hara. Memikirkan akibatnya, Nakhoda Bonang telah membayangkan kemungkinan buruk yang dapat berlaku pada kota besar Sombaopu penduduknya yang sangat pluralis. Persengketaan antara etnik dan tindakan yang semena-mena dari kelompok pengacau boleh berlaku bila-bila masa, lebih-lebih lagi jika melibatkan pertelingkahan ugama walhal Gowa pada masa itu belum lagi menganut Islam secara rasmi. Oleh kerana itu upaya untuk memperoleh jaminan keamanan, perlindungan jiwa dan harta benda bagi komuniti Melayu daripada kuasa Gowa menjadi hal yang sangat penting.

Berlatar belakangkan perkembangan yang berlaku di Sulawesi Selatan masa itu, maka kita dapati kontrak sosial itu yang memberi jaminan kepada orang Melayu itu turut memantapkan kedudukan mereka dalam kegiatan, sekaligus untuk dapat memainkan peranan penting sebagai peniaga di pelabuhan Sombaopu. Di sisi lain, profesi dagang dan pelayaran orang Melayu sudah menjadi pemangkin yang saling menguntungkan pihak kerajaan Gowa. Hasilnya, pihak penguasa Gowa memandang tinggi kedudukan dan peranan orang Melayu kerana sudah memberi sumbangan besar di bidang perkongsian perdagangan dan pengelolaan pelabuhan niaga. Sehingga, perdagangan dan pelayaran inilah benar-benar menyandingkan antara orang Melayu dengan penguasa Bugis-Makassar sebagai partner yang serasi. Perkongsian perdagangan itu berimpak lebih luas sehingga wujudnya pula persekutuan oleh kedua-dua pihak dalam menghadapi dominasi Portugis dan VOC di Maluku (Reid, 2011:157). Memasuki pada abad ke-17, hubungan antara orang Melayu dengan pihak Gowa semakin nyata, terlihat pada pelibatan diri secara langsung dalam gerakan politik Sultan Gowa menghadapi VOC yang menguasai rempah ratus di Maluku (Hadimuljono, 1979:30). Untuk menghadapi kampanye berdarah pada tahun 1652 misalnya, orang Melayu, Makassar dan Ternate ketiganya menjalin persekutuan politik dan perdagangan menentang VOC.

5.3 HUBUNGAN PERKAHWINAN

Dari akhir abad ke-15 sehingga pertengahan abad ke-17 boleh disebut sebagai masa penting bagi orang Melayu di Sulawesi Selatan. Dalam tempoh ± 200 tahun itu sebagai masa awal kedatangan orang Melayu yang ekorannya berlakunya proses integrasi dengan penduduk tempatan Bugis-Makassar, khasnya melalui perkahwinan. Yang paling menarik ke atas fakta perkahwinan dalam kalangan orang Bugis dan Makassar dengan orang Melayu itu, menciptakan keturunan baru perpaduan darah kedua-dua pihak yang oleh Sutherland (2001)⁶ mengistilalkannya sebagai generasi ‘transetnis’. Dalam kurun ± 200 tahun itu merupakan masa yang penting kerana menjadi asas yang mewarnai

⁶Perkataan “transetnis “ merupakan istilah yang digunapakai oleh Heather Sutherland (2001) untuk menamakan generasi orang Melayu yang lahir dari hasil perkahwinan campur dengan penduduk tempatan Bugis-Makassar di Sulawesi Selatan. Generasi percampuran Melayu dan Bugis-Makassar, seumpamanya keluarga Maharaja Lela, kemudian membentuk status social dan identitas social sebagai hasil ikatan keluarga campuran. Penjelasan lebih panjang lebar dapat dilihat dalam Heather Sutherland “ *The Makassar Malays: Adaptation and Identity, c.1660-1790. Journal of Southeast Asian Studies, 32 (3)*,Printed in the United Kingdom. The National University of Singapore, 2001, pp 397-421.

kehidupan dan kedudukan orang Melayu dalam proses integrasinya di Sulawesi Selatan. Secara khusus dapat dikatakan bahwa perkahwinan itu orang Melayu telah memainkan peranan dalam mengembangkan jalinan kekerabatan dengan bangsawan Bugis dan Makassar.

Naskhah lontara telah mencatatkan perkahwinan yang paling awal antara kuasa lokal baik Bugis dan Makassar dengan puteri-puteri Melayu pendatang (migrant). Naskhah E (*Lontara Sawitto-Suppa'*) teksnya telah mencatatkan perkahwinan antara Raja (Arung) Bacukiki La Bangéngé dengan Puteri Wé Tépulingé⁷. Naskhah L (*Lontara Tanete*) mengisahkan perkahwinan Raja Tanete bernama Petta Tosugie dengan Puteri Melayu yang datang daripada Johor. Demikian pula pada naskhah H juga mencatatkan perkahwinan antara raja Gowa dengan I Rerasi, seorang puteri daripada saudagar Melayu. Ketiga-tiga perkahwinan ini dicatatkan sebagai perkahwinan yang terawal di Sulawesi Selatan antara orang Melayu dengan bangsawan tempatan. Peristiwa itu memiliki erti penting dari segi sejarah integrasi sosial, sebab daripada perkahwinan antara puteri-puteri Melayu dengan bangsawan Bugis-Makassar itu lahir keturunan campuran yang menjadi generasi bangsawan. Perkahwinan seumpama itu dengan sendirinya telah membentuk kekerabatan orang Melayu dengan bangsawan Bugis dan Makassar. Keturunan itu kemudiannya telah menjadi pewaris pentadbiran pada kerajaan berkenaan pada tempoh selanjutnya.

Genealogi dalam konteks historiografi lokal di Nusantara, tidak terkecuali di Sulawesi Selatan, bagi Kartodirjo (1968)⁸ memandangkan bahawa, kepercayaan apa saja yang mewarnai genealogi dalam naskhah-naskhah sastra Indonesia lama itu adalah memiliki kandungan sejarah yang penting. Kepercayaan dan alam fikiran orang daripada masa lampau tentu hanya dapat diketahui dari peninggalan tertulis, menduduki peringkat penting bagi upaya merekonstruksi sejarah dan genealogi bangsawan. Oleh itu, karya sastra atau kronik-kronik Indonesia lama yang berisi sejarah, kepercayaan dan genealogi raja, merupakan sumber yang penting diselidiki. Dalam masyarakat Bugis-

⁷ Nama "Wé Tépulingé" adalah nama lokal dalam bahasa Bugis, sementara nama asalnya dari Tanah Melayu tidak dicatatkan dalam teks Lontara.

⁸ Sartono, Kartodirjo, "*Segi-Segi Struktural Historiografi Indonesia*". Lembaran Sedjarah 3. Yogyakarta, 1986, hlm. 7.

Makassar dokumen tradisional seperti itu telah diterima sebagai sumber maklumat, kerana telah diakui pihak ilmuan asing sebagai karya yang menyajikan fakta rasional dan objektif. Secara khusus, genealogi dan hubungan kekerabatan antara Bugis-Makassar dengan Melayu pendatang juga tergambarkan di dalam naskhah-naskhah lontara.

Walaupun naskhah lontara hanya fokus pada kes yang berlaku pada kuasa Bugis dan Makassar, namun yang menarik adalah perkahwinan seumpama itu terus berlangsung dari masa ke masa dan tercatat dengan baik. Fenomena pelebaran hubungan kekerabatan bangsawan Bugis-Makassar dengan pihak Melayu ini banyak dicatat dalam naskhah Bugis-Makassar sehingga abad ke-19. Oleh itu, perkahwinan yang berlaku pada pelbagai petempatan antara kuasa tempatan dengan orang Melayu menjadi perbincangan utama yang diperkatakan dalam bahagian ini.

5.3.1 Perkahwinan Wé Tépulingé dan La Bangéngé dalam Proses Integrasi

Dalam naskhah A sudah dikisahkan kehadiran Puteri Wé Tépulingé di Suppa' yang datang dari lautan luas (Bgs: *Lura' Marajaé*) dan mendarat di sebuah tempat pada tepi lautan Suppa' bernama Lawaramparang⁹. Baik dalam naskhah lontara, mahupun dalam tradisi lisan, ada kisah tentang Wé Tépulingé sebagai seorang Puteri dari Melaka. Dia mendarat di Suppa', sebuah negeri Bugis di pesisir barat Sulawesi. Tetapi, tidaklah diketahui nama sebenar sang Puteri Melaka itu. Demikian juga siapa yang mengiringinya dan juga berapa banyak orang yang menyertai perjalanannya. Namun, kisah kedatangan beliau, harta benda yang dibawanya, perkahwinan serta anak dan keturunannya diceritakan dengan jelas dalam pelbagai naskhah lontara. Kisahnya yang lengkap itu

⁹ Hasil survai toponim yang penulis dilakukan kepada lokasi La Waramparang di Desa Mattiro Sompe', Kecamatan Suppa, Kabupaten Pinrang, pada tarikh 20 April 2013; ditemukan situs Lawaramprang. Geografi Lawaramparang berada di tepi laut Suppa' berjiran dengan Pare-Pare. Lokasi La waramparang berada di sisi timur Tanjung Suppa dan lokasinya berhadapan ng dengan pelabuhan dan bandar Pare-pare, yang merupakan wilayah Kerajaan Bacukiki masa lampau. Masyarakat Suppa' percaya Lawaramparang sebagai tempat pendaratan Totompo Wé Tépulingé. Tempatnya sangat dikeramatkan oleh penduduk tempatan. Sikap individu-individu tempatan yang menunjuk ke rah lokasi Lawaramparang dengan membengkokkan ujung telunjuknya ke arah badannya sendiri. Perilaku itu menurut kepercayaan Bugis adalah cara yang menghindari akibat-akibat mistik dapat berlaku kepada dirinya ke atas mistik yang terkait dengan Lawaramparang iaitu Wé Tépulingé Tompoe ri Akkajeng Lawaramparang. Informasi diperolehi melalui temubual dengan beberapa orang penduduk tempatan serta kajian lapangan yang dilakukan pada 20 April 2013 di Desa Mattirosompe, Kecamatan Suppa', Kabupaten Pinrang.

boleh juga ditemukan di dalam *Lontara Suppa'*, *Lontara Sawitto*, *Lontara Bacukiki*, *Lontara Bone* dan lontara lainnya.

Kehadiran Wé Tépulingé mengandung pengaruh besar sebagai tokoh pembawa kebudayaan (culture hero) bagi negeri Suppa' dan Sawitto. Hal ini kerana tokoh Wé Tépulingé yang dicatitkan sebagai orang yang memulakan penubuhan kerajaan Suppa' dan Sawitto. Ketika kedatangan Wé Tépulingé pada separuh akhir abad XV, negeri Suppa' masih wujud sebagai *wanuwa* dan belum lagi berbentuk 'kerajaan'. Malah petempatan Suppa' belum mempunyai pentadbiran yang teratur. Boleh dikatakan Suppa' masih berupa kampung tradisional yang belum mengenal sistem birokrasi politik dan pentadbiran yang bertaraf tinggi. Kisah-kisah dalam manuskrip dan tradisi lisan tempatan mencatatkan Wé Tépulingé sebagai ratu yang didudukkan bagi kerajaan Suppa' dan Sawitto. Beliaulah yang dicatitkan dalam sejarah sebagai pihak yang meletakkan batu asas pentadbiran dan genealogi kebangsawanan Suppa' (Druce, 2009).

Wé Tépulingé dikisahkan berkahwin dengan La Bangéngé, raja Bacukiki. Perkahwinan itulah kemudian menitiskan darah kebangsawanan yang kemudian melebar kepada kerajaan Sawitto, Bacukiki dan kerajaan-kerajaan Bugis di kawasan Ajatappareng dan Mallusetasi'. Mengenai data pribadi Wé Tépulingé tidak diketahui secara lengkap, kerana memang tidak ada dokumen bertulis berupa legenda sejarah seperti kisah hidup raja Melayu yang lain. Walau bagaimanapun catatan yang singkat mengenai pribadi Wé Tépulingé tetap menjadi sumber penting bagi sejarah awal penubuhan kerajaan Suppa'.

Peristiwa kedatangan Puteri Wé Tépulingé dari Melaka kemudian ditabal menjadi Ratu Suppa', serta perkahwinannya dengan La Bangéngé, boleh didapati di dalam naskhah A seperti dalam terjemahannya sebagai berikut;

hlm. 9

Inilah Lontara' yang menceritakan sejarah Sawitto/ Adapun Attoriolong Sawitto berkaitan dengan Lontara Tomanurung Ajatappareng/ Sebab, di dalam lontara kerajaan Sawitto tidak terdapat kisah manurung, hanya orang manurung Suppa' yang menjadi raja di Sawitto / Beginilah asal-usul sejarah kerajaan Sawitto/ Tidak aku berdosa, tidak aku terkutuk, tidak aku sial, oleh kerana menyebut nama Raja/ Semoga aku tidak terkutuk menyebut nama Tuan Manurung di Cempa Bacukiki/ Semoga aku tidak berdosa di bumi disebut sang mulia To Bangéngé/ La Bangéngé dinamakan Raja (Addatuang) pertama di Sawitto/ Inilah yang *Manurung* di Bacukiki di Cempa/ Dia tidak disebutkan memerintah

saat ia telah turun sebab Dia pergi memperisterikan tomanurung yaitu Puwatta' Manurunggē ri Yakkajeng/ Dia Tompo di Lautan luas di Lawaramparang/ Aku tidak berdosa menyebut nama isterinya tuan yang lahir di Bambu Betung (*Maddeppa'ē ri Awopettung*) yang bernama Wé Tépulingé yang berada di negeri Suppa'/ Keduanya beliau adalah *manurung* dan menjadi asal-muasal raja-raja Ajatappareng/ Adalah Tuan Manurunggē di Suppa bernama Wē Tépulingē yang disebut lahir bersama dengan sarung dan kelambu lumutnya; periuk-periuk emas, sendok nasi emas dan piring emasnya/ Dia berjalan dan singgah di hutan/ Maka La Bangēngē' membuatnya tempat tinggal/ Ternyata banyak orang yang datang bertempat tinggal tetapi tidak diketahui asalnya/ Sehingga tempat ini dinamakannya "ukke' Sawēto - menjadi ramai).
(Sumber: naskah A)

Petikan teks di atas menceritakan kisah kemunculan Wé Tépulingé dan perkahwinannya dengan La Bangēngé. Wé Tépulingé disebut Totompo kerana dia datang dengan cara 'lahir di lautan' kerana menumpangi perahu yang belayar dari Melaka. Sementara La Bangēngé disebut *Tomanurung* kerana disebutkan berasal dari *Botillangi* 'dunia atas' kemudian menjelma di Cempa, Bacukiki. Bunru (1995/1996) menganggarkan tarikh kedatangan Wé Tépulingé adalah pada sekitar tahun 1430 M, sekaligus menandai masa awal penubuhan kerajaan Suppa'. Kehadiran Puteri Wé Tépulingé di Suppa' dan penabalan beliau sebagai raja, sememangnya merupakan trend politik yang berlaku pada kerajaan rantau Melayu pada kurun masa XV-XVI itu. Menurut Anthony Reid (2011:246), para pedagang kaya memilih para penguasa perempuan secara turun-temurun didudukkannya sebagai penguasa tempatan dan senario ini menjadi strategi politik yang menonjol sehingga tahun 1584.

Perkahwinan Wé Tépulingé dengan La Bangēngé membawa makna yang besar bagi sejarah awal rangkaian kekerabatan bangsawan Bugis di wilayah Ajatappareng. Pertalian kebangsawanan Suppa' di Ajatappareng itu kemudian meluaskan pertautannya kepada bangsawan kerajaan Bugis di kawasan pantai barat Sulawesi Selatan. Perkahwinan generasi-generasi Wé Tépulingé dan La Bangēngé terus berkembang untuk masa berikutnya sehingga semakin melebarkan pertautannya dengan bangsawan Bugis lainnya misalnya Maiwa, Wajo, Soppeng, dan Balusu. Strategi perkahwinan dengan maksud-maksud tersebut dikenal sebagai "politik kelamin". Erti mengenai politik kelamin iaitu perkahwinan antara sesama penguasa atau elit istana sebagai strategi untuk menciptakan kawasan kekuatan politik, kestabilan kekuasaan dan pembinaan hubungan persaudaraan atau aliansi antara kerajaan.

Untuk mendapatkan gambaran tentang politik perkahwinan di wilayah kerajaan Bugis Ajatappareng dan Mallusetasi' yang berpangkal daripada perkahwinan Wé Tépulingé dengan La Bangéngé, dapat dirujuk pada kisah seperti dalam petikan terjemahan teks naskhah E:

hlm. 9 (...) Tuan Manurung melahirkan dua orang anak laki-laki dan seorang perempuan/ Anak sulungnya bernama La Teddulloppo, dialah yang menjadi raja di Sawitto dan Suppa'/ Anak keduanya bernama La Bottillangi, dialah yang memerintah di Tanētē Rilaleng/ La Botillangi marah sebab dia hanya diberikan kerajaan bawahan (*lili*) sebagai kekuasaannya/ Sehingga baginda pergi ke Soppeng dan beristeri di Mariyo Riwawo/ Dia melahirkan seorang anak perempuan bernama Wē Taponā/ Dialah (Wē Taponā) yang menggantikan ibunya menjadi raja di Mariyo Riwawo/ Adapun anak bungsunya bernama Wē Pawawoi, dialah yang menjadi raja di Bacukiki/ Wē Pawawoi menikah dengan Addaowwang (*raja*) Sidēnrēng bernama Songkompulawengngē (*Si Songkok Emas*)/ Dia melahirkan seorang anak laki-laki bernama

hlm.10 La Batara/ Inilah yang menjadi Addaowwang Sidēnrēng menggantikan ayahnya La Batara pergi ke Luwu bermaksud mencari isteri/ Ketika berada di Bulu Cēnrana bersama dengan pengikutnya, dia pun singgah bermalam/ Saat yang sama orang Bulu Cēnrana menyampaikan bahwa" Raja kami cantik dan belum pula menikah, dia memerintah di Bulu Cēnrana Barat/ Maka datanglah La Batara memperisterikan raja Bulu Cēnrana Barat yang bernama Wē Cinadiyo/ Wē Cinadiyo adalah cucu dari Manurungngē ri Batu Maēta di Bulu Cēnrana/ Perkawinannya melahirkan tiga orang anak/ Seorang bernama La Pasampoi, dialah yang mewarisi raja (*Addaowang*) di Sidēnrēng/ Seorang bernama La Mariyase', dialah yang menjadi raja di Bulu Cēnrana/ Seorang bernama Wē Yabēng, dialah membuka Massēpē'/ La Passampoi ke Soppēng menikah dengan ponakan dari sepupu ayahnya yang bernama Wē Taponā, anak dari La Bottillangi Arung Tanētē Rilaleng dari isterinya bernama Datu Mariyoriwawo/ Dia melahirkan anak bernama La Pateddungi/La Pateddungi –lah yang menjadi pewaris Addaowwang Sidēnrēng/ (Sumber: naskhah E)

Petikan naskhah Suppa tersebut menghuraikan genealogi yang bermula daripada perkahwinan dan pembentukan kekerabatan kebangsawanan Suppa', Bacukiki dan Sawitto, kemudian melebar terhadap bangsawan pada kerajaan sejarannya. Segalanya bermula daripada hasil perkahwinan Wé Tépulinge dengan La Bangéngé yang melahirkan tiga orang anak, dua laki-laki dan seorang perempuan. Anak sulungnya adalah laki-laki, bernama La Teddulloppo yang menjadi pewaris takhta kerajaan Sawitto dan Suppa'. Anak keduanya juga seorang laki-laki, bernama La Bottillangi, yang

memangku takhta kerajaan Tanete Rilaleng. Namun demikian, La Botillangi irihati kepada saudaranya kerana dia hanya menduduki takhta kerajaan kecil yang berstatus bawahan (Bgs: *palili*). Oleh sebab itu, dia membuat bantahan ke Mariyo Riwawo, sebuah kerajaan utama dalam federasi Soppeng. Di sanalah dia berkahwin dan beranak-pinak. Anaknya yang bernama La Botillangi telah mewarisi takhta kerajaan di Mariyoriwawo.

Seterusnya, anak ketiga daripada Wé Tépulingé dengan La Bangéngé adalah seorang perempuan bernama Wē Pawawoi. Wē Pawawoi inilah yang tercatat sebagai pewaris kerajaan Bacukiki dari ayahandanya, La Bangéngé. Wē Pawawoi kemudian berkahwin dengan Addaowwang (raja Sidenreng) bernama Songko Mpulawengngē, Manurungge ri Bulu Lowa. Hasil perkahwinan Wē Pawawoi itu melahirkan anak dan cucu yang menjadi pewaris kekuasaan kerajaan Sidenreng. Perkahwinan ini telah menjalinkan hubungan kekerabatan, sekaligus meletakkan asas keluarga bangsawan dalam pentadbiran kerajaan Sidenreng.

Sehubungan itu, ingin disebut perkahwinan antara bangsawan istana Suppa' dan Bacukiki dengan bangsawan kerajaan sejirannya adalah bermula daripada anak Wé Tépulingé bernama La Tedduloppo, La Botillangi dan Wé Pawawoi. Apa yang menarik, perluasan kekerabatan seumpama itu berlanjutan tanpa putus seperti yang dilakukan anak cucunya secara berterusan dari masa ke masa. Sehubungan itu, jurai keturunan yang berkenaan antaranya adalah keturunan La Tedduloppo yang berkahwin dengan We Patuli, Raja Cempa. Daripada perkahwinan itu melahirkan anak yang bernama La Putebulu, yang kemudiannya berkahwin dengan Raja Marioriyawa (lihat Rajah 5.1 Salasilah Wé Tépulingé dan La Bangéngé)

Perkahwinan yang berlaku itu memberi implikasi yang besar kepada perluasan kekerabatan di pelbagai kerajaan Bugis melalui jalur kebangsawanan kuasa Suppa dan Bacukiki. Berdasarkan salasilah Suppa tercatatlah pelbagai nama kerajaan yang ada hubungan darah dan keturunan dari Wé Tépulingé atau Suppa'. Antaranya adalah: 1) Sawitto; 2) Cempa; 3) Sidenreng; 4) Tanete Langi'; 5) Mario; 6) Bulucenrana; 7) Rappang; 8) Parangki; 9) Bojo; 10) Palanro; 11) Népo; 12) Loa; 13) Wajo dan 14) Alitta. Tentu saja dapat diperkatakan nama-nama kerajaan yang disebutkan itu, maka kebangsawanannya memiliki sumber atau hubungan kekerabatan daripada We Tépulingé.

Keturunan Wé Tépulingé yang terpaut dengan bangsawan kerajaan tersebut, khususnya di Suppa' telah mencapai tujuh lapis generasi sehingga memasuki awal abad ke-17 bertepatan masknya ugama Islam dan dianut secara rasmi di Sulawesi Selatan.

Jaringan kekerabatan bangsawan Suppa-Bacukiki terus bergerak meluas melalui proses perkahwinan sehingga mengaitkan pula kerajaan besar Bugis lainnya seperti Sidenreng, Wajo dan Soppeng. Impak perluasan kekerabatan ini secara politik telah memperkukuhkan kedudukan Suppa sebagai kerajaan utama Bugis di wilayah Pesisir Barat Sulawesi Selatan. Pada awal abad ke-16, kerajaan Suppa' telah wujud sebagai kerajaan maritim dengan memiliki wilayah kuasa yang luas sejak masa pentadbiran La Teddung Loppo, raja Suppa' ke-2. Pada tempoh itu, wilayah kekuasaan Suppa' terbentang luas di Pesisir Barat Sulawesi Selatan sehingga sampai ke Mandar di bahagian utara (Sagimun M.D.,1975:58).

Di dalam teks *Lontara Nepo*¹⁰ yang mencatatkan hegemoni kerajaan Suppa' itu telah menaungi pelbagai kelompok kerajaan sama ada Ajatappareng, Limaé Massenrempulu, Mallusetasi dan Pitué Babamminanga. Hegemoni Suppa' juga meliputi kerajaan jirannya iaitu Népo, Balusu, Palanro, Manuba dan Bojo. Kedudukan Suppa' adalah sebagai kerajaan penaung, pemimpin, pelindung dan orang tengah bagi kerajaan bawahannya (Bgs: *Bila-Bila*) jika berlaku perselisihan. Hal ini dapat dibuktikan melalui sejarah di mana pada abad ke-16 kerajaan Nepo terlibat pertikaian dengan kerajaan Bojo mengenai isu sempadan kedua-dua negeri. Perselisihan itu pada akhirnya dapat diselesaikan dengan campur tangan kuasa Suppa' dengan menetapkan garis sempadan yang kemudian menjadi konvensi kekal bagi kedua-dua pihak, Nepo dan Bojo.

Perkahwinan antara bangsawan Suppa' dengan bangsawan kerajaan lain itu merupakan pola yang sememangnya telah berlaku secara umum di Sulawesi Selatan seperti pula yang dijalankan oleh kerajaan yang memiliki kuasa besar seperti Bone, Luwu dan Gowa. Perkahwinan memainkan peranan penting sebagai mekanisme politik dan diplomasi antara kerajaan-kerajaan Bugis di Sulawesi Selatan. Mekanisme politik seperti itu juga menjadi model diplomasi bagi kerajaan-kerajaan Melayu Nusantara, di mana

¹⁰ Teks Lontara Nepo oleh Muhlis Hadrawi, penelitian pada Jurusan Sastra Bugis-Makassar, Fakultas Sastra, Universitas Hasanuddin, 2009, hlm..200.

mereka menilai pendekatan “perkahwinan” sangat lebih baik dan mulia daripada “berperang”.

Sampai di sini ingin dinyatakan bahawa model perkahwinan dengan pihak kerajaan luar telah dijalankan pula oleh Melaka pada zaman Sultan Mansur Syah (1459-1477). Mohd Jamil Mukmin (2004:43)¹¹ mendapati Sultan Mansur Syah telah berkahwin dengan puteri-puteri dari kerajaan Majapahit, Raden Galoh Cendera Kirana dan Puteri Hang Li Po dari kerajaan China. Perkahwinan politik itu sebagai alat catur yang dijalankan oleh Melaka sebagai dasar luar yang positif yang berfungsi untuk: 1) menunjukkan keagungan empayar Melaka kepada dunia luar; 2) memperluas jaringan perdagangan ekonomi Melaka dengan pihak luar; 3) mengakhiri peperangan, misalnya perkahwinan Sultan Mansur Syah dengan Puteri Majapahit itu; 4) menjalin hubungan persaudaraan sekaligus mendapat perlindungan dari negeri lain (China) misalnya, perkahwinan dengan Puteri Hang Li Po. Mengapa perkahwinan menjadi penting bagi Melaka? Tidak dapat dinafikan bahawa perkahwinan itu memberi keuntungan politik dan ekonomi kepada pihak kerajaan Melaka. Dalam erti kata, Melaka diberi perlindungan daripada kuasa besar, maka terelak dari menjadi sasaran peperangan misalnya dari Siam, setelah mendapat perlindungan dari kerajaan China,

Strategi perkahwinan Wé Tépulingé dan La Bangéngé kemudian diteruskan keturunannya yang juga memenuhi kesemua tujuan itu. Meskipun demikian dapat diberikan catatan khusus maksud daripada pola perkahwinan Wé Tépulingé dan La Bangéngé antara lain: 1) perluasan kekerabatan antara bangsawan kerajaan; 2) sebagai dasar persahabatan dan perdamaian antara kerajaan; dan 3) pembentukan aliansi politik dan ekonomi yang lebih meluas; dan 4) sebagai upaya memelihara persatuan antara kerajaan di dalam kawasan regional Ajatappareng.

Sejak di peringkat awal kekerabatan Melayu-Bugis yang diciptakan oleh Wé Tépulingé terus bergerak bagaikan ombak air yang terus melebar sehingga mempertautkan pula dengan bangsawan kerajaan jiran lainnya. Secara historis pertautan kekerabatan kerajaan Suppa’ tersebut kemudian menjadi tunas yang melatarbelakangi

¹¹Lihat Mohd Djamil Mukmin dalam “*Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*” Kuala Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), tahun 2004, hlm. 42-43.

terbentuknya persekutuan politik '*Lima Ajatappareng*'. Anggota aliansi '*Lima Ajatappareng*' itu adalah Sidenreng, Suppa', Sawitto, Rappang dan Alitta. Inisiatif terbentuknya aliansi Lima Ajatappareng lebih dominan terhadap aspek politik dan pertahanan diri dalam menghadapi pengaruh dan ekspansi kerajaan Makassar Gowa yang telah melebarkan sayapnya di wilayah pesisir barat Sulawesi Selatan.

Sementara itu, Druce (2009:233) mengungkapkan tiga faktor dasar mengenai wujudnya aliansi '*Lima Ajatappareng*'. Pertama, sejak tahun 1500 kerajaan Sawitto secara sepihak muncul sebagai kerajaan yang mendominasi politik Ajatappareng, menyebabkan ke empat kerajaan lain, yaitu Suppa, Sidenreng, Rappang dan Alitta berkonsolidasi untuk memperkuat internal mereka agar kelima kerajaan sekerabat itu tidak terpecah-belah. Kedua, sebagai bentuk konsolidasi ekonomi Sawitto dan Suppa' untuk menggalakkan potensi alam Sidenreng dalam rangka memenuhi permintaan barang ekspor hasil-hasil alam terutama beras Sulawesi Selatan yang sangat meningkat sejak awal abad ke-16. Ketiga, abad ke-16 terus terjadi persaingan politik antara kerajaan kuat yaitu Gowa, Bone, Luwu untuk menguasai perdagangan, tanah-tanah pertanian dan kekuatan rakyat. Oleh itu, lima kerajaan tersebut membentuk aliansi bersama untuk menghadapi tuntutan perkembangan perdagangan dengan pihak luar serta upaya menguatkan posisinya ke atas situasi politik tempatan Sulawesi Selatan.

Akhirnya diperkatakan, kekerabatan Puteri Wé Tépulingé dan La Bangéngé yang telah terangkai sejak abad XV menjadi salah satu aspek yang mendasari wujudnya aliansi persaudaraan *Lima Ajatappareng*. Hal ini sekali lagi menunjukkan pentingnya perkahwinan Wé Tépulingé dalam mempertautkan kekerabatan dengan sekian banyak bangsawan kerajaan Bugis.

5.2.2 Perkahwinan Batara Gowa dengan I Rerasi dalam Proses Integrasi

Ada banyak naskah Bugis dan Makassar mencatatkan perkahwinan antara Raja Gowa ke-7, Batara Gowa (1450-1460) dengan seorang wanita Melayu, bernama I Rerasi¹². I

¹²Kata I Rerasi adalah kesan nama yang sudah menggunakan loghat bahasa Makassar dan polanya pun berdasarkan pola dalam penamaan masyarakat Bugis dan Makassar. Nama asal sang Puteri tidak dicatatkan dalam naskah. Nama I Rerasi ini lebih tepat dikatakan sebagai ayat yang telah teradaptasi dalam sistem nama bahasa Makassar.

Rérasi disebutkan sebagai wanita bukan bangsawan, melainkan ianya sebagai anak perempuan dari seorang Melayu pedagang kapur (Mks: *palleo*) yang tinggal di Kaluku Bodoa. Nama I Rerasi ini sudah menggunakan pola penaman dalam masyarakat Bugis Makassar kerana faktor adaptasi yang telah mereka jalani dengan masa yang lama.

I Rerasi disebut sebagai isteri kedua Batara Gowa, manakala isterinya yang pertama bernama Karaéng Bainéya Somba Garassi. Pelbagai teks lontara mengisahkan bahawa Karaéng Baineya dicatatkan meninggal dunia, sehingga Batara Gowa berkahwin lagi untuk kali kedua. Antara naskhah-naskhah lontara yang mengisahkan kehidupan Batara Gowa, perkahwinannya, serta anak dan keturunannya adalah naskhah H, naskhah kod 5/7, kod 73/17, kod 81/4 dan kod 16/6. Kelima-lima naskhah itu mempunyai bahagian cerita yang sama tentang Batara Gowa dan I Rerasi. Namun, naskhah rol 54/22 (naskhah H) telah dipilih sebagai sumber rujukan kerana keutuhan teksnya yang lebih. Untuk perbincangan selanjutnya, naskhah H menjadi tumpuan dan sumber tentang maklumat Batara Gowa dan I Rerasi.

Meskipun tidak banyak maklumat tentang sosok I Rerasi serta ayahandanya, I Juragang¹³ sama ada dalam naskhah H atau naskhah lain, namun sejarawan seperti Mattulada (1987), Sagimun (1975) dan Rasjid (2002) telah menyatakan bahawa I Rerasi adalah seorang puteri yang memiliki darah Melayu. Naskhah H mengatakan dia dan ayahnya dikatakan tinggal di Kalukubodoa, sebuah petempatan di wilayah kerajaan Tallo. Naskhah H juga mengatakan I Rerasi adalah anak orang Melayu yang bapaknya berprofesi sebagai pedagang kapur. Perkataan “I Juragang” dikenalpasti sebagai nama julukan yang bunyinya diselaraskan dengan logat bahasa Makassar. Erti kata “I Juragang” adalah sang Pedagang atau saudagar kaya” boleh pula bererti “sang Nahkoda” yang membawa kapal dagang untuk menjalankan perniagaan. Oleh sebab itu, ada kemungkinan perkataan I Juragang merujuk “pedagang” antara pulau di Kawasan Timur

¹³ Mattulada (1982) menyebutkan nama I Juragang dengan perkataan “I Juraga”. Walaupun demikian, menurut analisis penulis, justeru bacaan nama yang paling tepat adalah I Juragang kerana dua alasan: pertama, loghat bahasa Bugis dan Makassar selalu berakhir bunyi sengau “ng”; Kedua, perkataan I Juragang bukan nama asal sebenar sebagai peribadi orang Melayu, melainkan itu adalah nama gelaran ke atas profesinya sebagai pedagang. Maka ayat untuk “pedagang” di dalam bahasa Melayu rantau adalah “juragan”. Oleh itu di dalam loghat bahasa Bugis ayat juragan akan berbunyi “Juragang” iaitu ayatnya diakhiri bunyi “ng”, bukan bunyi “n”. Sementara itu, fonem “I” yang berada di hadapan ayat Juragang adalah kata sandang nama Bugis dan Makassar. Kata sandangan itu serupa dengan sandangan lainnya iaitu *La*, *Wé* dan *To*.

Nusantara yang memasarkan kapur¹⁴ yang dihantar dari Sumatera. Dia sebagai peniaga, maka I Juragang adalah “pedagang kaya” yang memimpin sekumpulan anak buah. Selain itu, I Juragang disebut tinggal di Kalukubodoa, sebuah kampung di wilayah kerajaan Tallo yang mempunyai sebuah pelabuhan di mana banyak perahu dagang datang dari luar. Kalukubodoa pada masa itu adalah sebuah pelabuhan di bawah kerajaan Tallo yang mempunyai jalinan perdagangan dengan pelabuhan-pelabuhan lain di Pesisir Barat Sulawesi. Maklumat tentang I Juragang dan I Rerasi dalam Naskah H dinyatakan seperti berikut:

“Ada seorang pedagang kapur bernama I Juragang yang bertempat tinggal di Kampung Kalukubodoa. Dia memiliki seorang anak perempuan yang bernama I Rerasi. I Rerasi inilah yang kemudian diperisterikan oleh Raja Gowa. Batara Gowa menikahi I Rerasi sebagai isteri yang keduanya kerana isterinya yang pertama seorang bangsawan daripada Garassi (*tugarassika*) telah meninggal dunia. Dari perkahwinannya itu, baginda melahirkan dua orang anak. Seorang anak laki-laki yang bernama Daeng Matanre Karaeng Tumaparrisi’ Kallonna. Nama diri (*areng kale*) putera raja ini tidak diketahui dengan pasti. Seorang lagi anak perempuannya yang diberi nama Karaenga Makeboka”.

(Sumber: naskah H, hlm.10)

Berdasarkan informasi dari naskah tersebut, paling tidak terdapat maklumat utama yang terkandung antaranya bahawa: 1) I Juragang dan I Rerasi sebagai orang Melayu yang tinggal di Kalukubodoa; 2) telah berlaku perkahwinan antara I Rerasi sebagai perempuan Melayu dengan Batara Gowa sebagai kuasa Gowa; 3) dua orang anak yang lahir daripada perkahwinannya itu adalah sebagai pewaris takhta kerajaan Gowa. Tidak ada naskah lain yang memuat maklumat yang lebih lengkap daripada naskah H yang memerihalkan perkahwinan I Rerasi dengan Batara Gowa.


Perkahwinan Batara Gowa dengan I Rerasi tidak terlepas daripada motif ekonomi dan politik yang dilancarkan oleh Gowa untuk menyongsong agenda dengan Gowa memperkasa asas perekonomiannya dalam aktiviti perdagangan (Abdul Rasjid, 2000:19-

¹⁴ Menurut Suryadi Mappangara mengatakan, benda kapur (Mks: *palleo*) yang dimaksudkan kemungkinannya ialah “kapur baru”, bukan kapur bubuk. Kapur baru pada abad XVI telah menjadi barang dagangan penting khasnya digunakan untuk pengawetan mayat. Hal itu berbeza dengan objek diungkapkan Muslimin A. R. Effendi, mengatakan bahawa kapur yang dimaksud tiada lain adalah kapur bubuk, sebab kapur menjadi bahan penting pembuatan benteng bagi kerajaan Gowa pada abad ke-16. Temubual dengan Suriadi Mappangara pada tanggal 23 Maret 2012 di Makmal Jurusan Sejarah UNHAS. Temubual dengan Muslimin Efendi pada tanggal 28 November 2013 di Kantor Jurusan Sejarah UNHAS.

20). Tempoh pentadbiran Batara Gowa, abad-15 sehingga ke-16, sesuai dengan masa pertumbuhan dan pelancaran perdagangan di kawasan Nusantara dan Asia Tenggara. Oleh itu, rancangan pembangunan perekonomian Gowa itu tidak terlepas dari faktor eksternal, iaitu pengaruh daripada pedagang Melayu dan Islam serta orang Eropah di Nusantara dalam kegiatan perniagaan. Pada masa itu, orang-orang kaya, sama ada pedagang dan peniaga antara pulau telah meraih pengaruh sampai ke istana-istana kerajaan. Orang-orang kaya mempunyai strategi untuk membesarkan kuasa dan pengaruh mereka di istana-istana Nusantara dengan cara mengahwinkan puteri atau perempuan dari kerabat mereka dengan orang yang mempunyai kuasa ekonomi, orang kaya dan penguasa-penguasa setempat yang lain. Strategi politik itu merupakan sebahagian daripada pendekatan yang dilancarkan oleh pedagang atau orang kaya agar dapat memperoleh sokongan dari pihak penguasa di istana untuk melancarkan perdagangan (Reid, 2011:246).

Fakta itu ada hubungkait dengan perkahwinan Batara Gowa dengan I Rerasi. Perkahwinan ini sangat penting dalam kalangan pedagang Melayu dari segi perdagangan, khususnya peniaga-peniaga antara pulau yang memiliki kepentingan dagang di Makassar. Walaupun demikian, pihak Gowa memiliki pula kepentingan ke atas perkahwinan itu untuk mengembangkan ekonomi kerajaannya dengan memberi keutamaan kepada perdagangan dan kemaritiman. Untuk mencapai agenda politiknya itu, Batara Gowa memandang tinggi kepada orang Melayu yang terkenal dalam bidang perniagaan, perkapalan dan perdagangan antara pulau. Dengan kata lain, dapat dikatakan bahawa, perkahwinan antara Batara Gowa dengan I Rerasi adalah pertemuan antara dua pihak yang berasaskan tujuan untuk meraih manfaat ekonomi bagi kerajaan Gowa, sementara manfaat sosial bagi komuniti peniaga Melayu.

Rajah 5.2 Salasilah Batara Gowa dan I Rerasi



(Sumber: naskhah H)

Berdasarkan rajah salasilah yang dikutip dalam naskhah H tersebut, Batara Gowa dicatatkan sebagai Raja Gowa ke-7. Baginda memegang tampuk pemerintahan kerajaan Gowa daripada tahun 1450 sehingga 1490 dan mewarisi takhta kerajaan dari ayahandanya, Karaeng Tunatangkalopi(1445-1450). Batara Gowa mempunyai seorang saudara kandung, bernama Karaengloe Risero yang sudah diserahkan kuasa pemerintahan di kerajaan Tallo.Mattulada (1982) dan Sagimun (1975) menyatakan semasa Batara Gowa memerintah, kerajaan Gowa dan Tallo ditadbirkan sebagai kerajaan kembar, maka terkenal dalam ungkapan Makassar iaitu “*Rua Karaéng Se’re Ata*” ertinya “*Dua Tuan Satu Hamba*”. Dalam salasilah Raja Gowa, Batara Gowa adalah generasi ke tujuh yang dimulai dengan Raja Gowa pertama iaitu Karaeng Tumanurung Baineaya

yang dicatatkan mempersuamikan Karaeng Bayo. Dari sinilah akar genealogi kuasa Gowa berasal. Selain itu, boleh disimpulkan bahawa Batara Gowalah yang menjadi pengasas genealogi bangsawan Makassar kerana dialah yang mula-mula mempertautkan darah Melayu melalui perkahwinannya dengan I Rerasi.

Seperti yang telah dinyatakan pada rajah di atas yang bersumber dari salasilah naskhah H, Batara Gowa dicatatkan bernikah dua¹⁵ kali. Pernikahan pertamanya adalah dengan wanita dari kerajaan Garassi, bernama Puteri Somba Garassi. Garassi adalah sebuah kerajaan jiran Gowa. Di dalam catatan naskhah-naskhah lontara¹⁶ koleksi ANRI Provinsi Sulawesi Selatan mencatatkan hirarki seperti yang dipetik dalam rajah 5.2 di atas.

Daripada hiraki itu terdapat hubungan kerajaan Gowa sebagai kerajaan induk, sementara Garassi sebagai kerajaan bahagian. Oleh itu perkahwinan antara Batara Gowa dengan Somba Baineya Garassi adalah perkahwinan antara kuasa Gowa dari pihak lelaki dengan Garassi sebagai negeri bawahan dari pihak perempuan. Anak-anak Batara Gowa daripada kedua-dua orang isterinya itu mewarisi hak untuk menaiki singgasana dalam kerajaan Gowa. Sehubungan itu, anaknya dari Puteri Somba Garassi, yang bernama I Pakkere Tau, telah mewarisi takhta sebagai raja Gowa ke delapan yang memerintah pada tahun 1460-1510¹⁷. Apa yang menarik ialah pewaris takhta kerajaan selepas I Pakkere Tau sudah diberi kepada anak Batara Gowa dari isterinya I Rerasi. Anak yang dimaksudkan itu adalah Karaeng Tumaparrisi' Kallonna (rajah 5.2). Hal ini menunjukkan penghormatan yang tinggi kepada isterinya daripada keturunan orang Melayu dalam kerajaan Makassar, selain menunjukkan penerimaan masyarakat Makassar

¹⁵ Batara Gowa mempunyai isteri dua orang. Sebagaimana kenyataan umumnya pada raja-raja Bugis dan Makassar, maka ada kemungkinan Batara Gowa mempunyai lebih daripada dua orang isteri, tetapi mereka itu berasal dari kalangan rakyat biasa maka tidak penting kedudukan mereka dalam keturunan di Istana Gowa. Dua isteri Batara Gowa dicatatkan dalam genealogi Lontara Gowa. Lihat Sagimun, "*Sultan Hasanuddin Menentang VOC*". Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Proyek Biografi Pahlawan Nasional, 1975, hlm. 53.

¹⁶ Di dalam Lontara Jeneponto dan Lonyara Gowa koleksi Kantor ANRIM Prov. Sulsel, antaranya rol 16/6, rol 25/26, rol 49/17, rol 62/1. Empat-empat naskhah ini mengandungi teks tentang perkahwinan Batara Gowa dengan I Rerasi dan Somba Garassi, di samping terdapat salasilah raja-raja Gowa, Binamu, Bangkala, Garassi, dan kerajaan-kerajaan lainnya.

¹⁷ Lihat Zainuddin Tika dkk, dalam "*Profil Raja-Raja Gowa*", Makassar: penerbit Pustaka Refleksi, tahun 2007, hlm.15.

kepada orang Melayu maka telah dapat menolong menjawab banyak persoalan tentang kedudukan orang Melayu di Makassar.

Tidak kira apa yang berlaku, yang pasti adalah putera Batara Gowa yang bernama Karaeng Tumaparrisi' Kallonna sudah menjadi tokoh penting sebagai kuasa dan menggerakkan perubahan kerajaan Gowa. Sebagai raja yang berkuasa, dia telah memulakan hala tuju yang baru kerajaan Gowa. Hal ini boleh dilihat dalam banyak aspek. Pertama, rancangan kerajaan Gowa menuju kepada ciri negara maritim. Kedua, orientasi Gowa sebagai kerajaan yang terbuka dengan berasaskan ekonomi di bidang perdagangan dan hubungan dunia luar. Ketiga, gerakan membesarkan empayar kekuasaan Gowa dengan menaklukkan kerajaan jirannya dengan peperangan. Penaklukan ini menjadi asas kepada kerajaan Gowa untuk memiliki kawasan yang lebih besar dan banyak. Termasuk dalam gerakan penguasaan itu adalah menguasai produk dan komoditi perdagangan, khususnya hasil hutan dan pertanian di Sulawesi Selatan seperti beras dan kayu cendana. Komoditi perdagangan itu sangat diperlukan dalam kegiatan membesarkan perdagangan Makassar dengan pihak luar, seperti dengan Portugis, Arab, Parsi dan pedagang Melayu. Sehubungan itu, Sombaopu pun dibina dan dibesarkan untuk menjadi pelabuhan utama di kawasan timur Nusantara. Keempat, istana Gowa juga sudah dipindahkan dari Bukit Tamalate ke pinggir laut (Mattulada, 1982). Lama kelamaan, agenda Gowa sebagai kekuatan baru di kawasan timur Nusantara berjalan sejak pertengahan sehingga pertengahan abad ke-17 (Rasjid, 2000:30-31). Sehubungan itu, Sombaopu telah menjadi zon pelabuhan perniagaan Gowa yang terpenting di Sulawesi Selatan dan Kawasan Timur sejak abad XVI (Patunru, 2004:5).

Dalam proses perkembangan yang penting itu, keturunan Batara Gowa dan I Rerasi yang terus-menerus menjadi pewaris raja-raja Gowa dengan memainkan peranan utama dalam pembangunan kerajaan Gowa menyongsong dunia baru. Ini bermakna Gowa sudah mulai menjadi kuasa baru dalam perdagangan dengan bergantung pada pelayaran laut. Dalam perkembangan itu, pengganti Karaeng Tumaparrisi Kallonna adalah Karaeng Tunipallangga, tokoh yang turut memainkan peranan penting melaksanakan pelbagai kemajuan, pemakaian kompas untuk navigasi dan pelayaran, mengorganisasikan pengembangan pengetahuan dan teknologi pembuatan benteng, batu bata, senjata dan mesiu. Dia juga memulakan penggunaan *gantang* atau alat takaran beras, membuat perhiasan emas, melebur logam, keterampilan tenun kain. Semua bidang

keahlian itu dia jalankan dengan melantik penanggungjawab dipanggil '*Anrong Guru*' bagi setiap bidang (Sagimun, 1975:59). Tidak kurang penting pula ialah dia telah mencapai kesepakatan dengan Nakhoda Bonang untuk membolehkan penempatan orang Melayu di atas tanah Gowa seperti yang diperkatakan sebelum ini.

Berbalik semula kepada perkahwinan Batara Gowa dengan I Rerasi, yang perlu diketahui adalah dia sudah menjadi asas hubungan kekerabatan antara bangsawan Gowa dengan pihak Melayu. Kekerabatan Gowa dengan orang Melayu ini dianggap sangat penting untuk memperkukuhkan kedudukan orang Melayu di Makassar. Anaknya yang bernama Karaeng Tumaparrisi' Kallonna (1511-1547) dicatat sebagai pemangku takhta kerajaan Gowa ke-IX untuk menggantikan abang tirinya, I Pakkere Tau (1460-1510) Raja Gowa ke-VIII. Dalam sejarah Gowa juga dicatatkan Karaeng Tumaparrisi' Kallonna disepakati oleh Hadat Gowa '*Batesalapang*' dengan mewarisi takhta kerajaan Gowa setelah I Pakkere Tau meninggal dunia. I Pakkere Tau mati dibunuh oleh hamba sahayanya dalam satu kejadian amukan berdarah. Cerita terbunuhnya I Pakkere Tau kononnya disebabkan dia telah mempermalukan seorang rakyatnya dengan secara berlebihan di depan orang ramai. Akibatnya, sang hamba tidak dapat menahan rasa 'malu' (siri) itu sehingga menjadi 'gelap mata' kemudian bertindak menikam Karaeng Tunijallo dengan sebatang tombak bambu (Mks: *passukki*). Raja Gowa itu meninggal di tempat kejadian. Itulah juga sebabnya I Pakkere Tau diberikan nama anumerta khas iaitu 'Tunijallo Ripassukki' (Sagimun, 1975:53). Kematiannya secara tidak wajar itu menyebabkan kewibawaannya jatuh. Ketiadaan salasilah keturunannya yang tercatat dalam naskhah lontara semakin meyakinkan I Pakkere Tau bahawa anak cucunya bukanlah orang yang mendapat simpati dalam kerajaan dan rakyat Gowa. Kesemua itu semakin menguatkan dugaan bahawa raja Gowa itu berakhir dengan nasib yang malang.


Mengenai pewarisan takhta Gowa, setelah kematian I Pakkere Tau, pihak anak Batara Gowa dari isterinya I Rerasi, dengan nama Karaeng Tumaparrisi Kallonna (1511-1547), dilantik untuk memegang pentadbiran kerajaan Gowa. Bermula dari Karaeng Tumaparrisi Kallonna itulah, anak dan cucu daripada I Rerasi berterusan menjadi pemangku takhta kerajaan Gowa sehingga akhir abad ke-17 (lihat rajah 5.3). Pada susur galur Batara Gowa dan I Rerasi tergambarlah bahawa, perkahwinan Batara Gowa dan I Rerasi melahirkan dua orang anak, seorang laki-laki bernama I Manuntung Daeng Matanre Karaeng Tumaparrisi' Kallonna dan seorang wanita bernama Karaeng

Makeboka. Karaeng Tumparisi' Kallonna menjadi pewaris takhta kerajaan Gowa; tetapi tidak sama halnya dengan adiknya, Karaeng Makeboka, ia tidak menjadi pewaris takhta Gowa. Alur pewarisan takhta Gowa sebagai garis penurunan dari anak ke cucu dan berterusan dari generasi ke generasi berikutnya. Boleh dilihat pada Tumaparrisi' Kallonna (1511-1547) sebagai Raja Gowa IX, dan kemudian mewariskan jawatan itu kepada anaknya, Karaeng Tunipallangga Ulaweng (1548-1566) sebagai Raja Gowa X. Karaeng Tunipallangga mewariskan takhtanya kepada I Taji Barani Daeng Marompa Karaeng Tunibatta (1566) sebagai Raja Gowa XI; kemudian mewariskan kepada I Mangonrai Daeng Mameta (1566) Raja Gowa XII, kemudian kepada Tunipasulu (1590-1592) Raja Gowa XIII, kemudian kepada Sultan Alauddin (1593-1538) Raja Gowa XIV, selanjutnya Sultan Muhammad Said (1639-1652) Raja Gowa XV, sehingga Sultan Hasanuddin (1653-1666) Raja Gowa XVI. Tetapi, semasa pentadbiran Sultan Hasanuddin, kerajaan Gowa yang ditakluki melalui penggabungan tentera Belanda dan Bone dalam Perang Makassar (1666) yang telah menyebabkan perubahan kekuasaan dan politik di Makassar, termasuk perubahan kepada alur pewarisan takhta (Andaya, 2004).

Berbalik kepada sejarah, boleh dikatakan bahawa Perang Makassar telah membawa perubahan mendasar di Sulawesi Selatan, termasuk sistem politik kerajaan Gowa. Arung Palakka sebagai pemenang perang maka ia mengkonsolidasikan kekuasaan jangka panjangnya dengan mengatur serangkaian perkahwinan politik. Keponakan Arung Palakka yang bernama La Patau sebagai calon pewaris takhta yang paling kuat menjadi peribadi yang terpenting bagi strategi Arung Palakka itu. Oleh itu, Arung Palakka pun mengahwinkan La Patau dengan We Ummu Puteri Sultan Muhammad Raja Luwu (1662-1704). Arung Palakka juga mengahwinakn La Patau dengan I Mariyama Karaeng Pattukangan yang dikenal sebagai cucu Sultan Hasanuddin. Kebijaksanaan daripada strategi menggunakan politik perkahwinan seperti yang dijalankan Arung Palakka itu penting dalam menghubungkan pihak ayah dari bangsawan Bone iaitu La Patau dengan pihak bangsawan Luwu, Gowa, Tanete, Wajo, dan Soppeng.

Perkahwinan I Mariama Karaeng Patukangan dengan La Patau Matanna Tikka telah melahirkan generasi baru bangsawan Bugis campur Makassar untuk mewarisi mahkota Gowa. Sehubungan ini, anaknya bernama La Pareppa To Sappewali dan La Paddasajati adalah juga pemegang kesultanan Gowa. Kedua-duanya menandai percampuran darah bangsawan Bugis Bone dan Makassar Gowa berkongsi kuasa dalam

Rajah 5.3 Susurgalur Batara Gowa dan I Rerasi



pentadbiran kerajaan Gowa pada masa berikutnya (Sagimun, 1975). Dapatlah dikatakan bahawa keturunan daripada La Patau dengan I Mariyama Karaeng Patukangang itu juga penting dari segi adanya mata-rantai daripada Batara Gowa dan I Rerasi. Hal ini adalah disebabkan I Mariama mempunyai darah keturunan daripada Batara Gowa dan I Rerasi, meskipun telah renggang. Darah kebangsawanan La Pareppa dan La Paddasajati lebih kuat pada Bone manakala La Patau adalah bangsawan daripada kerajaan Bone. Ha ini dapat dilihat dalam silsilah raja-raja Gowa pada Rajah 5.3 yang bermula daripada Batara Gowa dan I Rerasi sebagai sumber kekerabatan Makassar dan Melayu.

Dengan melihat perkembangan sejarah masa lampau didapati Tunipallangga telah memperkukuhkan kedudukan Gowa untuk menjadi kerajaan yang besar dengan tanah taklukan yang sangat luas. Baginda telah menaklukkan kerajaan-kerajaan Makassar dan seluruh kerajaan Bugis, kecuali kerajaan Bone. Sebab utama kerajaan Bone tidak dapat dikalahkannya setelah menyerangnya selama enam tahun tujuh bulan ialah kematian Tunipallangga sendiri beberapa hari selepas pulang daripada menyerang Bone. Setelah kematian Tunipallangga pada tahun 1566, takhta kerajaannya sudah diganti oleh adik baginda bernama I Tajibarani Daeng Marompa Karaeng Tunibatta (Sagimun,1975:63). Raja Gowa yang baru ini juga meneruskan peperangan ke atas Bone. Tetapi, raja baru itu hanya memegang takhta kerajaan Gowa 40 hari. Malapetaka menimpanya setelah tewas ketika menyerang Bone, dia dipenggal oleh pasukan Bone yang dipimpin oleh La Tenrirawé Bongkanggé. Setelah kematian Karaeng Tunibatta, tempatnya diganti oleh anaknya, Tunijallo sehingga berterusan kepada cucu-cucunya. Raja-raja pewaris takhta kerajaan Gowa tetap berada dalam jalur genealogi Batara Gowa dan I Rerasi sehingga Sultan Hasanuddin (1653-1669).

Seterusnya, pada abad ke-17 muncul lagi sebuah galur hubungan kekerabatan antara orang Makassar-Bugis dengan Melayu yang bermula daripada Datuk Maharajalela. Datuk Maharajalela dicatatkan sebagai bangsawan tinggi dari Patani. Beliau meninggalkan Patani akibat berselisih paham dengan Raja Patani. Beliau datang ke Makassar bersama-sama isterinya dan kumpulan besar ahli keluarga kemudian menempati Makassar secara kekal dan menurunkan generasinya (Patunru, 2004:129). Sejarah juga mencatat nama komuniti daripada keturunan orang Melayu di banyak tempat di Sulawesi Selatan daripada Datuk Maharajalela. Antaranya adalah: 1) kaum keluarga orang Melayu di Kampung Butung, kerajaan Tallo; 2) komuniti orang Melayu

di Kampung Melayu, Kota Makassar; 3) komuniti orang Melayu di Pulau Sabutung, Pulau Satando, Pulau Sanga-Sanga, Pulau Salemo, Pulau Sarappo, Pulau Sabangka dan pulau lain di gugusan kepulauan Spermonde.; 4) keturunan Melayu di Maraddia-Mandar, Luwuk (Sulawesi Tengah) dan Tenggarong (Kalimantan Selatan); dan 5) keturunan Datuk Maharajalela di Sanrabone (dalam KKIKM, 1986: 6-17). Perbincangan selanjutnya adalah tentang pertatutan orang tempatan dengan keturunan orang Melayu yang terawal dari pihak Datuk Maharajalela pada pertengahan abad ke-17¹⁸ di Sanrabone.

5.2.3 Kekerabatan Datuk Maharajalela

Seperti disebut tadi, Datuk Maharajalela dikenali sebagai orang Melayu dari Patani yang berhijrah ke Sulawesi Selatan. Beliau bersama rombongan dalam jumlah yang besar telah tiba di Sanrabone pada tahun 1632. Dia kemudiannya dibenarkan untuk tinggal di Salajo, kampung di Selatan Sombaopu. Bersama-sama isterinya, Puteri Senopati Nilam Kesuma dan anak saudara yang memiliki nama gelaran Datuk Paduka Raja. Datuk Maharajalela diterima baik oleh penguasa Sanrabone dan dibenarkan bertempatan untuk membina kehidupan baharunya di Salajo.

Dikisahkan di dalam lontara Salasilah Melayu di Sanrabone (naskah G) tentang keturunan Datuk Maharajalela dan keturunannya mendapat kepercayaan daripada penguasa Gowa untuk menyandang jawatan politik kerajaan. Maharajalela diberi kuasa sebagai komandan askar orang-orang Melayu di pihak Sultan Hasanuddin semasa Perang Makassar. Dia juga pernah diberi kuasa oleh Sultan Gowa untuk menundukkan orang-orang Melayu yang menentang Gowa (Skinner, 2008:162). Keturunan Datuk Maharajalela juga menjalin hubungan perkahwinan dengan kerabat istana Sanrabone dan bangsawan Tanete (Rasjid, 2000:16).

¹⁸ Komuniti keturunan orang Melayu dari salasilah Datuk Maharajalela yang telah berkahwin campur dengan orang Bugis-Makassar, misalnya mereka yang berada di Kampung Butung, Kampung Melayu, Pulau Sabutung, Pulau Satando, Pulau Sanga-Sanga, pulau Salemo, pulau Sarappo, pulau Sabangka, merupakan keturunan Melayu yang baru wujud setelah Perang Makassar (1669) dan terbina berterusan pada abad XVIII dan berikutnya. Lihat Yerri Wirawan dalam "*Sejarah Masyarakat Tionghoa Makassar, Dari Abad ke-17 hingga ke-20*", Jakarta: KPG (Kepustakaan Populer Gramedia) bekerja sama dengan École française d'Extrême-Orient (EFEO) KITLV-Jakarta, 2013.

Banyak maklumat tentang keturunan Datuk Maharajalela¹⁹ di Sulawesi Selatan dalam rekod pribumi. Ini termasuk salasilah keturunannya yang telah disusun oleh Kerukunan Keluarga Indonesia Keturunan Melayu (KKIKM) Ujungpandang. Dokumen KKIKM tahun 1986 itu menyediakan maklumat susurgalur keturunan Datuk Maharajalela sampai generasi lima anak-cucunya. Menurut salasilah yang disusun itu, Maharajalela dicatatkan sudah berkahwin dengan Senopati Nilam Kesumah. Beliau mempunyai dua orang anak, seorang laki-laki bernama Magat Muh Kasim dan seorang perempuan bernama Puteri Johor Manikam. Puteri Johor Manikam berkahwin dengan Ince Subuh, anak daripada Ince Abdul dan Karaeng Tojammeng dari Sanrabone. Perkahwinan anak dan cucu Datuk Maharajalela tersebut tergambar nyata sehingga beberapa generasi. Keturunan Datuk Maharajalela yang kemudiannya memangku jawatan *Pabean* dan Kapitan Melayu di Makassar sejak akhir abad ke-17 sehingga ke-18.

Sementara itu, Puteri Johor Manikam²⁰ adalah keturunan daripada Maharajalela. Dia disebutkan telah berkahwin dengan Ince Subuh alias *Daeng*. Dalam Salasilah Ince Subuh ada disebut nama neneknya bernama Karaeng Agangje'ne dan Faulantia, seorang China Muslim. Faulantia mempunyai saudara kandung bernama Layti. Kedua adik-beradik ini adalah keturunan daripada China yang berasal dari Hae-Hae (KKIKM, 1987:22)²¹. Menurut kisahnya, Faulantia dan Layti meninggalkan Melaka dengan membawa barangan niaga pergi ke Jawa. Perahunya mendarat di Cirebon. Di Cirebon itulah mereka berniaga dan Layti berjaya memperisteri anaknya Tumenggung Batang. Manakala Faulantia kemudian meneruskan perjalanannya ke pulau Sulawesi dan mendarat di Sanrabone. Di Sanrabone, Faulantia diterima baik oleh Karaeng Sanrabone

¹⁹ Perhimpunan Komuniti Melayu di Sulawesi Selatan telah mengukuhkan kedudukan keturunan Maharajalela sebagai pucuk tertinggi darah Melayu di Sulawesi. Keputusan komuniti Melayu tersebut diambil melalui tukar pendapat dan pandangan-pandangan di dalam sebuah yang berlaku pada tanggal 5 Juli 2 1987 di kota Ujungpandang oleh pihak KKIKM. Perihal yang diputuskan juga bahawa Raja Maharajalela adalah satu orangnya., kecuali ada maklumat yang sahih di kemudian hari, maka dapat dilakukan perubahan keputusan. Dalam KKIKM (Kerukunan Keluarga Indonesia Keturunan Melayu) tentang "Sejarah Keturunan Indonesia Melayu" Ujungpandang, 1986.

²⁰ Puteri Johor Manikam di Makassar berbeza orang dengan nama Puteri Johor Manikam yang ada di Tanete yang dipersitri oleh Karaeng Tanete, Daeng Ngasseng.

²¹ Lihat "Sejarah Keturunan Melayu Indonesia" yang disusun oleh Kerukunan Keluarga Indonesia Keturunan (K.K.I.K.M.) Melayu Ujungpandang, diketuai oleh Drs. H. Ince M. Salman). Tahun 1987. Hlm22.

dan dibenarkan untuk tinggal dan menjalankan perdagangannya. Di Sanrabone, Faulantia berkahwin dengan anak Karaeng Agangje'ne.


Perkahwinan Faulantia dengan Puteri Karaeng Agangjenne melahirkan seorang anak laki-laki bernama Ince Abdul. Ince Abdul mempekeratkan hubungan darah bangsawan Sanrabone dengan menikahi Karaeng Tojamméng. Perkahwinan Ince Abdul dan Karaeng Tojamméng ini sudah melahirkan Ince Subuh. Ince Subuhlah yang menjadi suami Puteri Johor Manikam. Salasilah Maharajalela dan anak cucunya secara lengkap dapat dilihat dalam Rajah 5.4.

Perlu ditekankan di sini bahwa, perkahwinan antara Faulantia dengan Puteri Karaeng Agangje'ne adalah perkahwinan terawal yang berlaku antara etnik peribumi Makassar dengan orang China. Kejadian itu juga merupakan kisah integrasi dalam sejarah perkahwinan antara orang Makassar dengan orang China. Perkahwinan ini menegaskan sekali lagi perihal sikap keterbukaan orang Makassar kepada orang asing dengan asas-asas yang tertentu. Menurut catatan KIKM (1987:22), terdapat tiga alasan sehingga orang China Faulantia dapat diterima oleh kuasa dan masyarakat Makassar di Sanrabone, iaitu: 1) Faulantia adalah seorang China Muslim; 2) Faulantia memiliki sifat arif dan dermawan yang tidak membeza-bezakan masyarakat awam; dan 3) Faulantia datang menghadap dan meminta kepada kuasa lokal untuk diberikan izin untuk tinggal dan menjalankan aktiviti dagang dan niaga di Sanrabone. Ke atas izin daripada kuasa Sanrabone itu, manakala Faulantia mendapat kesempatan yang sama dengan pedagang Melayu untuk menguruskan dagangannya di Makassar. Sehingga masa kehadirannya di Makassar, Faulantia dapat berkahwin dengan anak perempuan Karaeng Agangje'ne.

Perkahwinan bangsawan Karaeng Agangje'ne dengan Faulantia telah diakui oleh sarjana sebagai cikal-bakal lahirnya generasi peranakan Makassar-Melayu-Cina yang ditandai dengan penggunaan gelar 'Ince' atau 'Intje'²². Hasil perkahwinan Faulantia dan Puteri Karaeng Agangje'ne melahirkan anak yang diberi nama 'Ince Abdul'. Berdasarkan

²²Perkataan *Intje* mengalami variasi pengucapan dan penggunaannya di dalam masyarakat Sulawesi Selatan. Antara variasi nama *Ince* atau '*Intje*' itu adalah *Entje* dan *Anje*. Dipercaya nama panggilan itu berasal dari bahasa Tionghoa yang bererti "paman". Gelar *Intje* digunakan oleh orang-orang Melayu peranakan Muslim di Makassar. Kata *Intje* juga digunakan sebagai panggilan kepada perempuan. Lihat Yerry Wirawan dalam "*Sejarah Masyarakat Tionghoa Makassar, dari abad ke-17 hingga ke-20*", 2013, hlm. 257.

Rajah 5.4 Salasilah Datuk Maharajalela



salasilah, nama Ince Abdul yang menggunakan gelaran Intje atau Ince di hadapan nama diri (*nick name*). Nama-nama keturunan Ince Abdul didapati pula secara konsisten menggunakan nama gelaran Intje, sehinggakan sudah menjadi nama konvensional bagi keturunan Faulantia dan Puteri Karaeng Agangje'ne. Dalam pelbagai salasilah juga didapati adanya penggunaan nama Intje sebagai penanda keturunan 'peranakan' dari Makassar-Melayu-China (Yerry Wirawan 2013:257). Antara nama yang dijumpai adalah Intje Safiah, Intje Bendak, Intje Sabang, Intje Saharibanong, Intje Zainal Abidin, Intje Naimah, Intje Bubah, Intje Mandar, Intje Ratna Kasian dan seterusnya. Tampaknya gelaran Intje digunapakai oleh kedua-dua pihak lelaki dan perempuan (lihat Rajah 5.4 di atas).

Seterusnya ingin ditambah sedikit maklumat tentang perkahwinan Puteri Johor Manikam dengan Ince Subuh. Perkahwinan itu telah membentuk kekerabatan antara bangsawan lokal Sanrabone yang mempunyai darah China dengan bangsawan Melayu Patani, sekaligus telah membuka satu lagi ruang baru kepada orang Melayu di Makassar. Memandangkan ayahanda Puteri Johor Manikam, Maharajalela adalah kerabat bangsawan dari Patani dan perkahwinan antara Puteri Johor Manikam dengan Intje Subuh telah melahirkan seorang anak laki yang diberi nama Ince Bahrin dan seorang lagi perempuan dengan nama Intje Syarifah. Ini bermakna perkahwinan Puteri Johor Manikam dengan bangsawan Sanrabone telah meletakkan batu asas penting bagi perhimpunan keluarga Melayu di Makassar, lebih-lebih lagi telah mengesahkan keturunan Maharajalela sebagai pucuk yang tertinggi Melayu di Makassar. Kesemua perkembangan itu telah memungkinkan mudahnya orang Melayu diterima dengan baik di Makassar seperti yang sudah diperkatakan sebelum ini.

Perkembangan itu boleh dilihat dengan lebih jelas dalam salasilah bangsawan di Makassar, dengan Intje Syarifah dicatat sebagai pewaris daripada generasi yang melanjutkan darah kebangsawanan Puteri Johor Manikam di satu pihak, dan bangsawan Makassar peranakan China di pihak lain. Kedudukan keturunan peranakan bangsawan lokal dengan Cina dimulakan oleh Intje Syarifah dengan mempersuamikan juga lelaki peranakan bernama Intje Pantu. Hasil perkahwinan Intje Syarifah itu ialah melahirkan empat orang anak iaitu Intje Sabang, Intje Zainal Abidin, Intje Naimah dan Intje Bendak. Dalam kalangan mereka itu, Intje Bendak telah muncul menjadi tokoh yang terpenting. Dialah satu-satunya daripada keluarga Maharajalela yang memegang jawatan sebagai

“Kapitan Melayu” yang ke-4 di Makassar dalam tempoh lima tahun iaitu dari tanggal 24 Disember 1733 hingga 1738 (Sutherland, 2001:420).²³

Selanjutnya, Intje Bendak telah menjadi pewaris yang menyambung generasi Maharajalela, lebih-lebih lagi dalam menghubungkan darah keturunannya dengan bangsawan Bugis-Melayu dari kerajaan Tanete. Intje Bendak memperisetrakan perempuan bangsawan Melayu yang bernama Intje Saharibanong. Daripada perkahwinannya tersebut sudah lahir lima orang anak. Mereka adalah Intje Budiman, Intje Bubah, Intje Mandar, Puteri Ratna Kasian dan Intje Habiba Datuk Kebo. Sementara itu, Puteri Ratna Kasian adalah pewaris daripada keturunan Intje Bendak yang sudah disebut tadi dan yang telah memainkan peranan penting dalam menghubungkan garis keturunannya dengan bangsawan Tanete.

Nama Puteri Ratna Kasian menonjol kerana beliau telah berkahwin dengan seorang keturunan elit Melayu Intje Ali Asdullah yang bergelar Datuk Pabean. Maklumat yang diketahui mengenai Ince Ali Asdullah, dengan gelaran Datuk Pabean adalah disebabkan perkaitannya dengan jawatan Syahbandar yang disandanginya dalam birokrasi kerajaan. Intje Ali Asdullah adalah bangsawan Melayu daripada keturunan Kesultanan Tallo, juga mempunyai darah Melayu daripada Datuk Sabutung (KKIKM, 1986:23). Ibunda Intje Ali Asdullah, Sitti Jamilah adalah cucunda daripada raja Tallo. Mengetahui latar belakang itu, maka ternyata bahawa perkahwinan Puteri Ratna Kasian dengan Intje Ali Asdullah juga telah mempererat tali kekeluargaan antara dua komuniti Melayu yang sudah menjauh jarak hubungan darah mereka, iaitu komuniti Melayu di Kampung Melayu di Makassar dan komuniti Melayu di Sabutung.

Berdasarkan perbincangan kepada ini dapat disimpulkan bahawa keturunan Datuk Maharajalela yang mulai terangkai sejak kedatangannya pada pertengahan abad ke-17 telah meletakkan asas kekerabatan Melayu dengan Makassar, Bugis serta mempertautkan pula kekerabatan dengan orang Cina melalui keturunan Faulantia di Sanrabone. Yang lebih menarik ialah keturunan Datuk Maharajalela terus-menerus merangkai hubungan kekerabatan secara meluas melalui perkahwinan. Keturunan Datuk

²³ Lihat H.A. Sutherland, “The Malays: Adaptation and Identity 1660-1790” dalam *Journal of Southeast Asian Studies*, 32 (3), October 2001 pp 397-421. Printed in the United Kingdom. 2001 The National University of Singapore.

Maharajalela ini juga disepakati oleh kumpulan orang Melayu dari KIKM sebagai darah yang tertinggi yang mempunyai asal keturunan Melayu di Sulawesi Selatan, khususnya di Makassar.

5.2.4 Kekerabatan Bangsawan Tanete dengan Orang Melayu

Dalam *Kronik Tanete*²⁴ ada catatan tentang keberadaan orang Melayu dan orang Jawa yang tinggal di Tanete (*Agangnionjo*) sejak masa pentadbiran Daeng Ngasseng. Daeng Ngasseng, Raja Tanete III, memerintah pada pertengahan abad ke-16, semasa berlakunya penaklukan ke atas Sawitto daripada Raja Gowa, Karaeng Tunipallangga. Antara maklumat dalam kronik itu adalah orang Tanete semasa pemerintahan Daeng Ngasseng tertumpu pada pertanian dan menjaring ikan. Sehubungan itu, dalam naskhah L ada catatan tentang Raja ini yang sudah mengubah sebuah istana Tanete sehingga kelihatan mewah dengan atapnya sebanyak tiga bahagian, satu petak di hadapan, dua petak badan istana. Atap istana Tanete tersebut menyerupai bentuk atap istana Melayu Minangkabau di Padang Pariyaman. Raja itulah juga yang mengubah perlembagaan, undang-undang dan mewujudkan jawatan “pabbicara” atau hakim kerajaan (Bel.: *Raadsheer*). Semasa pemerintahan raja Daeng Ngasseng, kerajaan Tanete menjadi semakin makmur dan terkenal sehingga telah menarik ramai orang dari banyak tempat lain, termasuk orang Melayu dan Jawa. Kedatangan orang luar telah memberi sumbangan besar kepada perkembangan kerajaan Tanete.

Seterusnya dalam teks naskhah L ada catatan yang mengatakan bahawa semasa pentadbiran Daeng Ngasseng orang Melayu mula datang ke Tanete. Mereka ini dikatakan terbahagi kepada dua kumpulan: orang Melayu dari Melaka dan Minangkabau. Kumpulan orang Melaka dilaporkan tinggal di Kampung *Coppo*, manakala orang Minangkabau tertumpu di Kampung *Balenrang*, seperti yang tergambar dalam petikan terjemahan naskhah L berikut:

²⁴ G.K. Nieman, “*Geschiedenis van Tanete*” diterbitkan di Belanda pada tahun 1883. Naskhah sumbernya adalah *Kronik Tanete* ditulis dalam aksara dan bahasa Bugis (lontara) yang disertai dengan penjelasannya. Kronik ini telah dialihabaskan oleh Basrah Gissing dan diterbitkan pada tahun 2002 atas bantuan Pemerintah Daerah Tk II Barru.

hlm.31

(...) setelah itu, muncullah Manurung Bate yang bernama *Lasarewong*. Dia (Daeng Ngasseng) pulalah yang menjadi raja di Agangnionjo, sehingga banyak orang luar yang masuk ke Agangnionjo. Orang Jawa Melaka misalnya yang tinggal di Coppo', Jawa Minangkabau di Balenrang, dan Jawa Semarang yang tinggal di sebelah selatan Patimang./ .../ dia pula yang menukar pusaka kerajaan, di mana Lasarewong diletakkan di Barru dan Bate Bolongnge disimpan di Agangnionjo (...)/

(Sumber: naskah L, P.31)

Selain orang Melayu, disebut juga orang Jawa dan Portugis sudah tinggal di kawasan di bawah pentadbiran kerajaan Tanete. Keberadaan orang-orang asing di Tanete bukanlah perkara yang mustahil, memandangkan Tanete sudah menjadi sehagian penting dalam jaringan perniagaan yang turut melibatkan pelabuhan di pesisir barat Sulawesi Selatan. Lokasi toponimi '*Coppo*' yang menjadi petempatan orang Melayu dari Melaka itu berjarak kurang lebih 1 km di sebelah timur di tepi laut Pancana. Posisi Kampung Coppo mahupun Balenrang dihubungkan oleh sebuah sungai, di mana bentangan sungai itu melintas di dekat Kampung Coppo dan bermuara di laut Pancana Tanete. Sungai itu dipastikan menjadi jalur transportasi bagi penduduk Coppo dan Balenrang untuk menuju pesisir barat di Selat Makassar.

Seterusnya, dalam *Kronik Tanete* juga disebut bahawa semasa pemerintahan Raja Tanete VII, Tomaburu' Limanna (1597-1603), sudah datang seorang perempuan Melayu dari Johor bersama kumpulannya dengan menaiki perahu yang dipanggil *Panca*. Hal ini disebut dalam terjemahan naskah L sebagai berikut:

hlm.46

“(...) Datanglah seorang perempuan dari Johor yang mengatakan kalau Ia bersama rombongannya melarikan itu diri daripada negerinya (Johor). Sang Puteri dan rombongannya diperkenakan bertempat tinggal di atas tanah yang berlokasi di sebelah selatan sungai Tanete. Adapun perahunya yang mereka gunakan kemudian diangkat naik ke daratan, dimana mereka bertempat tinggal. Itulah sebabnya sehingga kampung yang mereka tempati tersebut dipanggil *Pancana*, kerana perahu yang mereka tumpangi itu bernama *Panca*.”

(Sumber: *naskah L*)

Perempuan Johor itu dipercayai adalah daripada golongan bangsawan. Dia melarikan diri akibat berlakunya pergolakan politik di negeri Johor. Selain itu, pihak Portugis berterusan melancarkan pelanggaran ke atas Johor dari 1511 sehingga tahun

1587. Selain itu pihak Aceh pula menyerang Johor pada tahun 1565, 1582, 1613, 1618, sehingga 1623 (Andaya, 1987:31). Penyerangan daripada dua pihak musuh yang tidak berhenti-henti itu menimbulkan penderitaan, kekisruhan, pelarian dan perpecahan dalam negeri.

Antara pelarian itu ialah seorang puteri dari Johor yang tidak diketahui namanya yang sebenar. Orang pelarian itu telah diberi tempat tinggal di selatan Sungai Tanete. Juga terdapat kisah bahawa bahawa perahu yang dipanggil *Panca* yang dinaiki sang Puteri yang melarikan diri dengan belayar dari Johor itu mendarat di tempat tinggalnya (lihat petikan di atas). Mungkin disebabkan itulah tempat itu sudah menjadi kampung halamannya juga sudah diberi nama *Panca+na* ertinya '*perahu Pancanya*'. Seperti orang lain dari luar Makassar, Sang Puteri dan kumpulannya yang terdiri daripada orang Melayu telah dibenarkan untuk mencari makan dengan menjalankan aktiviti sebagai pedagang dan peniaga antara pulau. Meskipun demikian, status toponimi Pancana itu tetap sebagai kerajaan Palili (negeri bawahan) di bawah kerajaan Tanete. Sehingga kini nama tempat Pancana masih kekal, malahan menjadi penanda nama petempatan khas orang Melayu di Kabupaten Barru.

Selain itu, Petta Tosugielah yang dicatatkan menghubungkan kekerabatan bangsawan Tanete dengan orang Melayu melalui perkahwinan. Ini bermula pada perkahwinan bangsawan Ternate itu dengan Puteri Johor sekitar tahun 1600. Di sini, Petta Tosugie yang memerintah Tanete pada awal abad ke-17 bertepatan dengan periode Islamisasi di Sulawesi Selatan dengan ugama Islam telah diterima secara rasmi oleh masyarakat Sulawesi Selatan. Namun, *Kronik Tanete* tidak memuatkan maklumat tentang latar belakang Puteri Johor itu, selain disebut dia telah berkahwin dengan Petta Tosugie. Selain itu, seperti yang sudah dibayang tadi bahawa tidak juga disebut status kebangsawanan wanita tersebut dalam kerajaan Johor yang merupakan negeri asalnya. Dia hanya disebut sebagai seorang wanita yang kaya. Hal ini mungkin disebabkan Puteri itu mempunyai emas yang banyak yang dibawanya semasa melarikan diri dari Johor. Sehubungan itu elok diperturunkan petikan yang perlu dirujuk untuk keterangan banyak hal yang sudah diperkatakan ini:

Ketika Islam sudah mulai masuk ke Tanete, maka Petta Tosugie pun memperisterikan orang (wanita) Johor, sehingga kekayaannya pun semakin bertambah pula. Setelah itu, anak dari isteri Johornya itulah yang diberikan hak bertakhta di kerajaan Lipukassi. Petta Tosugie berkata “semoga adat-istiadat (kedudukan) orang Lipukassi tidak akan pernah berubah terhadap kerajaan Tanete. Itulah yang merupakan pesan wasiat terakhir kepada anaknya sebelum beliau wafat.

(Sumber: naskah L)

Perkahwinan Petta Tosugie dengan Puteri Johor telah melahirkan generasi yang menjadi pewaris takhta kerajaan Tanete. Setelah Petta Tosugie wafat, takhtanya diwarisi anaknya yang bernama Petta Matinroe ri Bulianna. Dialah yang awal mentadbir kerajaan Tanete sebagai keturunan Bugis dan Melayu. Semasa Petta Matinroe ri Bulianna memerintah, Arung Palakka, putera Mahkota kerajaan Bone, diburu oleh pasukan Sultan Gowa pada tahun 1660. Petta Matinroe ri Bulianna dicatatkan sebagai yang menaruh simpati terhadap Arung Palakka. Simpatinya itu terlihat daripada sikap Raja Tanete memberi perlindungan politik kepada Arung Palakka untuk bersembunyi di Tanete daripada diburu askar-askar Gowa.

Petta Matinroe ri Bulianna (1625-1666) yang memerintah pada pertengahan abad ke-17 itu terus berkuasa sehingga meletus Perang Makassar (1666). Keberpihakan Petta Matinroe ri Bulianna kepada Bone mula terlihat dengan dia bersama-sama dengan Arung Botto untuk meloloskan Arung Palakka dari kepungan pasukan Gowa di sebuah gua karang di atas tanah Tanete (Andaya, 2004:72). Hubungan Tanete dengan Bone semakin mesra setelah berlakunya perkahwinan antara putra Petta Matinroe ri Bulianna, bernama La Mappajanci Daeng Matajang, dengan Wé Tenriabeng, saudari Arung Palakka. Setelah Petta Matinroe ri Bulianna (1625-1666) wafat, takhtanya diwariskan kepada putranya yang bernama Daeng Mattulung.

Tempoh pemerintahan Daeng Mattulung tidaklah lama, hanya satu tahun. Ini disebabkan dia sudah berundur setahun menduduki singgasananya (1666-1667). Tempatnya diganti oleh adik kandungnya yang bernama La Mappajanci Daeng Matajang Matinroe ri Sumpampoba. Dia menjadi raja Tanete XI selama dua puluh tiga tahun (1667-1690). Raja Tanete La Mappajanci inilah yang membawa kerajaan Tanete ke dalam persekutuan yang abadi dengan Bone melalui politik dan jalinan kekeluargaan dengan Arung Palakka. Raja Tanete, La Mappajanci, juga telah berkahwin dengan We

Tenriabang, saudari kandung Arung Palakka, sehingga membina asas ikatan kekerabatan dan aliansi politik antara kerajaan Bone, Soppeng dan pihak Tanete. Di sisi lain, hubungan perkahwinan dan aliansi politik itu menandakan beralihnya haluan politik kerajaan Tanete daripada Gowa. Status Tanete sebagai kerajaan bawahan daripada Gowa sudah berakhir pada tahun 1667 bila empayar Gowa telah dijatuhkan oleh Bone dan Kolonial Belanda.

Berbalik kepada perkahwinan La Mappajanci Daeng Matajang²⁵ dengan We Tenriabang Datu Mario Matinroé ri Bolasada'na²⁶, saudari perempuan Arung Palakka. Perkahwinan itu sudah memperolehi seorang anak perempuan, yang bernama Wé Pattékétana Daeng Tanisanga. Wé Pattékétanalah yang dicatatkan dalam lontara (naskhah L) menjadi pewaris takhta kerajaan Tanete ke-13 dari tahun 1690 sehingga 1733. Baginda juga diberikan warisan takhta kerajaan Pattiro di Bone dan kerajaan Mario di Soppeng. Wé Pattékétana Daeng Tanisanga dicatatkan sebagai raja Tanete yang menghapuskan sistem hamba sahaya (*Jowa Gomeng*). Oleh kerana itu, beliau sangatlah dicintai oleh rakyatnya selain dihargai Raja Bone. Selain itu, Wé Pattékétana juga telah menjalin hubungan kekerabatan dengan lebih dekat lagi dengan kerajaan Luwu melalui perkahwinan. Sehubungan itu, maka dalam naskhah L ada catatan tentang perkahwinan antara Wé Pattékétana dengan Raja Luwu dengan sebuah perjanjian khusus. Isi perjanjian itu sebagai memenuhi permintaan daripada Raja Bone bahawa “anak yang lahir dari perkahwinan itu kelak menjadi putra mahkota di Luwu”. Persyaratan yang dikemukakan oleh raja Bone itu disetujui oleh istana Ware, kerajaan Luwu. Perkahwinan itu juga bermakna semakin melebarnya jaringan kekerabatan bangsawan melalui perkahwinan antara Tanete yang telah bercampur darah orang Melayu dengan kerajaan Bugis utama, iaitu Bone dan Luwu.

²⁵ La Mappajanci mempunyai gelaran ‘Daeng’, maka memiliki nama lengkap La Mappajanci Daeng Matajang. Sementara itu nama sudari Arung Palakka, We Tenri, memiliki nama lengkap iaitu *We Tenriabeng Datu Mario*. Lihat dalam Nurhayati Rahman. *Suara-Suara Lokalitas*. Makassar: Lagaligo Press, 2012.

²⁶ Teks Naskhah L mengungkapkan nama adalah We Tenriabeng sebagai adik perempuan yang sangat menyayangi Arung Palakka. Dicatatkan di dalam lontara bahawa We Tenriabeng lah yang menyertai perjalanan Arung Palakka ke Batavia dalam rangkaian penghijraannya merancang perlawanan Bone dan Soppeng terhadap kuasa Gowa. Perjalanan itu merupakan pelarian Arung Palakka dari tanah Sulawesi Selatan manakala prajurit Gowa mengejanya kerana ia dianggap melakukan pemberontakan terhadap kerajaan Gowa dan kuasa Sultan Hasanuddin.

Berbalik kepada Wé Pattékétana, kita dapati sudah ada terjalin hubungan yang erat antara istana Tanete dengan semua orang Melayu di Tanete. Ini dapat dilihat dengan orang Melayu dijemput hadir dalam pesta *Matteddo* atau acara Pelubangan Telinga' yang diadakan Wé Pattékétana di istana Tanete. Dalam naskhah L ada disebut bahawa orang Melayu yang hadir dalam acara '*Matteddo*' itu. Bacalah petikan di bawah ini:

hlm.57

“Setelah Wé Pattékétana menginjak kanak-kanak, orang tuanya kemudian merayakan pesta hajatan *matteddo* (ritual pemasangan anting-anting). Beliau mengundang semua Arung (Raja) *Tellumpocoe* (Bone, Soppeng, Wajo) datang menghadiri pesta bersama-sama. Demikian pula dengan kerajaan bawahan *Pitu Babangminanga*, kerajaan *Turate*, orang Jawa, dan orang Melayu dijemput juga datang. Arumpone (Raja Bone) di dalam pesta itu menyerahkan mahkota kerajaan Pattiwo kepada anak saudaranya itu. Sementara itu daripada Ayahandanya ia memperoleh mahkota kerajaan Tanete. Daripada ibunya dia diserahkan mahkota kerajaan Mario.”(...)/

(Sumber: naskhah L)

Dalam petikan itu kita dapati orang Melayu sudah mendapat tempat dalam hati dari bangsawan Tanete. Jemputan bagi orang Melayu menghadiri acara Puteri Wé Pattékétana itu menunjukkan kesan baik di pihak Bone dan Tanete terhadap orang Melayu setelah tamatnya Perang Makassar (1666-1667). Imej baik daripada pihak istana Tanete itu penting dalam memulihkan semula sikap dalam orang Bugis kepada elit-elit Melayu di Makassar di bawah kepimpinan Datuk Maharajalela. Dalam perang Makassar Datuk Maharajalela berpihak kepada Gowa dan berdepan dengan Bone. Pertanyaan yang muncul ialah, mengapa pihak Tanete merintis hubungan baik semula seperti itu? Jawapannya adalah sejarah telah menuliskan bahawa sememangnya bangsawan Tanete telah terpaat hubungan kekerabatan '*passeajingeng*' dengan pihak orang Melayu melalui Petta Tosugie (1603-1625) dengan Puteri Johor.

Berbalik kepada Wé Pattékétana, dikisahkan bahawa beliau sudah bernikah dengan Raja Luwu yang bernama To Pallaguna Sultan Makhmud Matinroe ri Langkanana. Perkahwinan itu sudah menolong meluaskan lagi hubungan kekerabatan bangsawan Tanete kepada kerajaan Luwu. Kesan perkahwinan ini adalah model kahwin-mahwin dalam bangsawan tinggi antara istana, yang secara tidak langsung sudah meluaskan kekerabatan antara orang Bugis yang mempunyai darah Melayu. Hubungan perkahwinan antara istana itu, khasnya di lingkungan istana-istana Bugis, secara

berterusan sudah membentuk jalinan kekerabatan para kuasa-kuasa istana yang semakin meluas di Sulawesi Selatan. Fenomena kahwin-mahwin itu tidak terlepas daripada situasi politik pada penghujung abad XVII yang dilancarkan oleh Arung Palakka selaku bangsawan paling berkuasa di Sulawesi Selatan. Salah satu tujuannya adalah untuk mengadakan dasar hubungan politik yang kuat melalui pertalian darah, baik antara sesama elit bangsawan Bugis, mauhupun dengan bangsawan Makassar.


Perkahwinan Wé Pattékétana dengan To Pallaguna boleh juga dipandang mempunyai tujuan politik bagi Arung Palakka²⁷ yang mahu menghubungkan semula kekerabatan antara kuasa besar Bugis iaitu Tanete, Bone, Luwu dan Soppeng. Perlu diketahui bahawa keempat-empat kerajaan Bugis itu adalah komponen penting dalam kerajaan dan kekuatan politik Bugis pada abad XVII. Dalam konteks itu, maka kerajaan Tanete yang merupakan pihak aliansi baharu itu penting dirangkul dari segi politik perkahwinan. Dikatakan demikian sebab Tanete pada awalnya adalah sekutu setia Gowa kemudian berbalik haluan memihak Bone pada perang Makassar (Rasyid Asba, 2010)²⁸. Oleh itu, bagi Arung Palakka memandangkan perlu menarik Tanete masuk ke dalam aliansi politik persekutuan Bugis yang luas dipanggil ‘Sempugi’. Oleh sebab itu, perkahwinan Wé Tenriabéng (saudari Arung Palakka) dengan La Mappajanci (Raja Tanete) serta Wé Pattékétana dan To Pallaguna (Raja Luwu), maka kerajaan Tanete telah terjaring pula ke dalam ikatan kekerabatan bangsawan Bugis raya bersama –sama dengan kerajaan Bone, Luwu dan Soppeng.

Sampai di sini perlu dijelaskan bahwa erkahwinan antar bangsawan itu sudah membentuk hubungan sosial yang kuat impak politiknya kepada kerajaan-kerajaan Bugis. Perkahwinan itu telah menjadi strategi kuasa Bone sebagai tuan rumah

²⁷ Pada tempoh yang sama, Arung Palakka juga mengahwinkan anak saudaranya bernama La Patau Matanna Tikka, anak dari saudara perempuannya bernama We Mappolobombang, dengan I Mariama Karaeng Pattukangang, cucu Sultan Hasanuddin, Raja Gowa. Perkahwinan itu merupakan dasar strategi politik Arung Palakka untuk mengubungkan kekerabatan Gowa dan Bone melalui perkahwinan. Anak-cucu daripada perkahwinan La Patau itu kemudian menjadi pewaris takhta di kerajaan Gowa. Politik perkahwinan yang sama juga dilakukan pada La Patau dengan We Ummung Datu Larompong, Puteri Luwu. Anak keturunannya yang pewaris takhta kerajaan Luwu.

²⁸Dalam Abdul Rasyid. *Gerakan Sosial di Tanah Bugis: Raja Tanete La Patau Menantang Belanda*. Yogyakarta; Ombak, tahun 2010, hlm. 55.

Rajah 5.5 Salasilah Raja Tanete



dalam mengukuhkan dan mendapat sokongan politik daripada kliennya dalam hal ini kerajaan Tanete. Besarnya pengaruh tokoh Bugis, Arung Palakka, kekal dengan dia mencipta hubungan kekerabatan yang berekorkan pada pembentukan ikatan bersepadu pada keseluruhan kerajaan dalam persekutuan itu. Schubungan itu, perluasan jaringan dengan pihak luar melalui perkahwinan pihak luar boleh dipandang sebagai langkah penting bagi Arung Palakka untuk memperluaskan pengaruh dan kekuatan politiknya di Sulawesi Selatan. Dengan adanya hubungan patron-klien itu maka terbentuklah persekutuan politik dalam mencapai matlamat tertingginya dengan bangsawan Tanete dikaitkan dalam struktur kekerabatan luas bangsawan Bugis yakni Bone, Luwu dan Soppeng.

Struktur hiraki raja-raja Tanete yang bermula melalui perkahwinan Petta To Sugie dengan Puteri Johor serta hubungan kekerabatan Tanete dengan kerajaan lain boleh dilihat dalam rajah salasilah di atas (Rajah 5.5). Salasilah tersebut menggambarkan keturunan Petta Tosugie dan Puteri Johor. Anak dan cucu daripada Petta Tosugie dalam hiraki itu dicatat sebagai pemangku pentadbiran kerajaan Tanete secara berterusan dari masa ke masa sehingga mencapai lapan generasi dalam tempoh abad XVII sehingga XIX. Nama keturunan Petta Tosugie dan Puteri Johor yang dimaksudkan adalah seperti yang disenaraikan pada jadual 5.1 berikut:

Jadual 5.1 Keturunan Raja Tanete Petta To Sugie

Nama Raja	Raja Tanete	Masa Kuasa	Status Keturunan
Matinroe ri Bulianna	raja X	(1625-1666)	anak
Daeng Mattulung	raja XI	(1666-1667)	cucu ke-1
La Mappajanci Daeng Matajang Matinroé ri Sumpampoba	raja XII	(1667-1690)	cucu ke-1
Wé Pattékké Tana Daeng Tanisanga	ratu XIII	(1690-1733)	cucu ke-2
La Tenri Oddang Sultan Yusuf Fakhruddin	raja XIV	(1733-1744)	cucu ke-4
Wé Tenri Léléyang Matinroé ri Soréyang	ratu XIV	(1744-1750)	cucu ke-4
La Maddussila To Wappangéwa	raja XV	(1750-1806)	cucu ke-5
La Patau	raja XVI	(1806-1824)	cucu ke-6

Sementara itu, catatan dalam *Kronik Tanete* menunjukkan takhta kerajaan Tanete kekal dalam jalur keturunan Petta Tosugie dan Puteri Johor sehingga La Patau (1824-1844). Berdasarkan salasilah itu ternyata raja-raja yang memegang pemerintahan

selepas La Patau adalah La Mauraga Daeng Malliungeng. Takhta kerajaan itu terlebih dahulu sudah dipegang sementara waktu oleh Daeng Tanisanga Datu Marioriwawo (saudara kandung kepada La Patau) dalam tahun 1690-1733. Pergantian sementara waktu tersebut disebabkan kekisruhan politik dalam kerajaan Tanete akibat campur-tangan Belanda. La Patau adalah raja Tanete yang gigih menentang Belanda. Beliau turun dari takhtanya pada tahun 1824 setelah kalah perang dengan Belanda. Belanda yang menang dalam peperangan itu telah memberi mahkota raja Tanete kepada Daeng Tanisanga (1824-1829). Naskah L mencatat bahwa pihak Belanda berjaya merayu Daeng Tanisanga, saudara kandung La Patau, untuk menduduki singgasana Tanete melalui perantara diplomatik orang Melayu bernama Intje Sariba. Intje Sariba menjadi utusan Belanda dan telah bertindak sebagai penengah dalam krisis politik Tanete itu. Atas perintah daripada Belanda, maka Intje Sariba belayar ke Tanete membawa misi membujuk Daeng Tanisanga untuk menerima ajakan *Tuan Koronele* atau Gubernur Belanda bernama Le Clerk. Walhasil, Daeng Tanisanga pun menerima tawaran Belanda untuk memangku kerajaan Tanete, kemudian dilakukan pelantikan dirinya di dalam Benteng Rotterdam Ujungpandang pada tahun 1824.

Peranan orang Melayu dalam merayu bangsawan Tanete dan membawanya kepada aliansi dengan Belanda jelas kelihatan pada kes pergantian Raja Tanete pada masa itu. Mengapa hal itu berlaku? Hal ini kerana bangsawan Tanete, tidak terkecuali Daeng Tanisanga sendiri, masih merupakan keturunan Melayu. Fakta politik itu menunjukkan bahawa ikatan darah telah menjadi alasan untuk mewujudkan persekongkolan politik. Belanda memanfaatkan momen tersebut untuk menarik kerajaan Tanete ke dalam genggamannya. Dalam kes itu, hubungan Daeng Tanisanga dengan orang Melayu di Makassar yang membawa kepentingan Belanda amatlah jelas. Daeng Tanisanga dilantik menjadi Raja Tanete, beliau diberi tempat tinggal di Kampung Melayu, bersama-sama elit-elit Melayu yang pro Belanda. Di sanalah dia diberi jamuan makan, mendapat hadiah dari Belanda berupa kain *Kasala Eja* (beludru merah), Cincin Intan Permata dan Porselen. Lebih satu bulan lamanya tinggal di Kampung Melayu, baharulah Daeng Tanisanga pulang ke Tanete. Namun, kurang-lebih empat tahun sahaja beliau terpaksa turun takhta kerana Belanda mengiktiraf semula La Patau menjadi Raja Tanete setelah ada perdamaian antara kedua belah pihak.


Berbalik kepada perkahwinan La Mauraga dan Puteri Johor Manikam. ingin dinyatakan bahawa perkahwinan itu besar maknanya bagi memperkukuhkan kekerabatan antara bangsawan Tanete dengan pihak keturunan Melayu. Ini disebabkan kekerabatan awal yang sudah terjalin melalui perkahwinan Petta Tosugie dengan Puteri Melayu dari Johor, lagi Puteri Johor Manikam dicatatkan memiliki keturunan daripada Datuk Maharajalela. Namun ingin ditambah di sini perihal maklumat baru tentang Puteri Johor dalam salasilah keturunan Melayu²⁹. Dia adalah anak Intje Ali Asdullah dan Puteri Ratna Kasian. Sementara itu, Puteri Ratna Kasian adalah keturunan ke empat daripada Datuk Maharajalela. Adapun Intje Subuh, suami Puteri Johor Manikam, adalah keturunan dari pihak bangsawan Sanrabone, yakni dari Karaeng Tojammeng. Berdasarkan susur galurnya, ibu dan bapak kedua-duanya juga mempunyai hubungan darah dengan Melayu. Sutherland (2001) dan KIKIM (1986) menggambarkan bahawa keturunan Datuk Maharajalela inilah yang kemudiannya menjadi Kapitan Melayu di Makassar turun-temurun yang dibentuk oleh Kompeni Belanda.

Seterusnya, bangsawan Bugis di kerajaan Tanete yang ada darah keturunan Melayu itu masih dapat diidentifikasi susurgalurnya sehingga abad ke-19. Antara nama penting yang dicatatkan dalam susurgalur adalah Colli' Pujié. Colli'. Pujié diketahui pernah memegang pentadbiran sebagai Ratu di kerajaan Pancana-Tanete. Beliau lahir pada tahun 1812, dicatatkan sebagai cucu kepada Puteri Johor Manikam yang berkawin dengan La Mauraga. Darah kebangsawanan pada Colli' Pujié yang dikatakan adalah keturunan dari Tanete-Melayu itu juga memiliki hubungan darah dari bangsawan Bone, Luwu dan Soppeng. Di sini, status kebangsawanannya adalah lebih penting sebagai keturunan dan pewaris mahkota Pancana. Salasilah Colli Pujié tergambar dalam susunan raja-raja Tanete pada Rajah 5.6.

Adalah diketahui bahawa Colli' Pujié dan La Mauraga adalah bangsawan Tanete keturunan dari Ratu Tanete, Wé Tenriléang. Walaupun *Kronik Tanete* tidak menyebut nama ayah dan ibunda La Mauraga, namun ianya diduga kuat adalah anak kepada Daeng Tanisanga. Dengan itu, maka La Mauraga dapat dianggap sebagai generasi ke lapan dari Petta Tosugie dalam salasilah Raja Tanete. Di sini Colli' Pujié pula masih memiliki

²⁹Lihat Susurgalur keturunan Melayu Keturunan Keluarga Indonesia Keturunan Melayu (K.K.I.K.M.) Ujung Pandang dalam "Sejarah Keturunan Indonesia Melayu", tahun 1986, hlm. 43.

Rajah 5.6 Salasilah Colli' Pujie Arung Pancana



darah keturunan Melayu yang kental kerana dia nenendanya adalah Puteri Djohar Manikam. Beliau juga keturunan daripada Datuk Maharajalela. Identiti kemelayuannya masih jelas kelihatan pada nama dirinya iaitu Retno Kentjana. Dia memiliki nama anumerta "Matinroé ri Tucaé" yang bererti yang bersemayam di kampung Tucaé; sementara nama penuhnya adalah 'Colli' Pujie Retno Kentjana Arung Pancana Toa Matinroe ri Tucaé. Tucaé adalah sebuah kampung dalam kerajaan Lamuru yang sekarang sudah menjadi sebahagian daripada wilayah pentadbiran Kabupaten Bone.

Menurut kisahnya, Colli' Pujie pernah menjadi Ratu di Pancana, sebuah kerajaan bawahan Tanete, akan tetapi beliau tidak lama memegang pentadbiran sebab berlakunya konflik dalaman di istana Pancana dan Tanete. Konflik itu berpangkal daripada tuduhan kepada Colli' Pujie yang dianggap berpihak kepada Belanda. Tuduhan itu menyebabkan Dewan Hadat Tanete menurunkan dirinya dari takhtanya. Pewaris takhta Colli' Pujie di Pancana adalah anak kandungnya sendiri dengan diberi nama We Tenriolle. Dia memegang pentadbiran antara tahun 1855 sehingga 1910.

5.2.5 Kekeabatan Datuk Leyang dan Datuk Mahkota di Sanrabone


Dalam naskhah lontara, naskhah G dan naskhah kod 77/17 Koleksi ANRIM terdapat teks tentang salasilah Datuk Mahkota dan Datuk Leyang. Kedua-dua tokoh ini dikenal sebagai orang Melayu pendatang di Sanrabone. Mereka tiba pada awal abad ke-16. Penelitian yang dilakukan ke atas kedua-dua teks mendapati naskhah G adalah *babon* atau sumber penyalinan naskhah kod 77/17. Diketahui naskhah G adalah salinan yang dibuat oleh keluarga Badullahi Daeng Suro, manakala naskhah kod 77/17 ditulis oleh keluarga pihak Samsu Daeng Lau. Kedua-dua pihak penyalin salasilah itu memiliki jalinan keturunan daripada Datuk Leyang dan Datuk Mahkota (Mks: *Makkotta*).

Perihal teks kedua naskhah itu, walaupun kedua-duanya kelihatan sama, namun terdapat perbezaan di sana sini. Teks naskhah G menunjukkan kandungan yang lebih lengkap daripada teks naskhah kod 77/17. Hal itu ditandai terdapatnya narasi susurgalur dan maklumat tambahan tentang asal-usul Datuk Mahkota dan Datuk Leyang. Meskipun varian teks itu menunjukkan naskhah kod 77/17 lebih lengkap, namun kandungannya tetap sama kerana kedua-duanya memuat salasilah Melayu di Sanrabone yang moyangnya berasal daripada Datuk Mahkota dan Datuk Leyang. Oleh kerana naskhah G menunjukkan kondisi lebih baik serta teksnya lebih kompleks maka ia dipilih sebagai teks sumber.

Perihal yang paling utama perlu diketahui daripada kedua-dua naskhah itu adalah, bahawa Datuk Mahkota dan Datuk Leyang menjadi asas keturunan orang-orang Melayu di Sanrabone sehingga lima belas generasi. Kedua tokoh ini pulalah yang menurunkan generasi yang mempertautkan darah Makassar dan Melayu yang terawal di kerajaan Sanrabone. Datuk Mahkota dan Datuk Leyang kedua-duanya berdarah Melayu iaitu Melayu Patani dan Melayu Minangkabau. Dicatatkan di dalam naskhah G bahawa Datuk Mahkota disebutkan sebagai orang Melayu pendatang dari Kampung Pagaruyung Minangkabau sementara Datuk Leyang adalah orang Melayu Patani.

Tuan Aminah dan Tuan Rajab melahirkan empat orang anak masing-masing bernama Intje Kasim, Intje Haming, Intje Saling dan Intje Ali. Intje Ali adalah tokoh yang penting. Dialah yang tercatat sebagai pewaris daripada keturunan Patani-Minangkabau, justeru ada keterkaitan darahnya dengan bangsawan tempatan Sanrabone

Rajah 5.7 Salasilah kekerabatan Melayu di Sanrabone



hasil daripada perkahwinannya dengan Tuan Tukatingang. Tuan Tukatingang adalah bangsawan dari kerajaan Katingang³⁰ sebuah kerajaan bawahan Sanrabone.

Perkahwinan Intje Ali dengan Tuan Tukatingang telah melahirkan seorang anak bernama Intje Tija. Dia boleh disebut sebagai generasi “Melayu Baru” kerana darah yang mengalir di badannya adalah campuran darah daripada tiga etnik Melayu, iaitu Patani, Minangkabau dan Makassar. Dalam salasilah, Intje Tija boleh disusurgalur sebagai generasi ke empat orang Melayu Sanrabone. Apa yang lebih menarik adalah Intje Tija telah melakukan perkahwinan dengan lelaki bangsawan dan pimpinan orang Bajo (Ind.:*Bajau*) bernama Lolo Bajo.

Satu lagi perkembangan baru daripada perkahwinan Intje Tija dengan Lolo Bajo adalah generasi barunya menggunakan gelaran khas iaitu “*Karé*”. Didapati gelaran Kare yang berasal dari Intje Tija dan Lolo Bajo itu masih digunakan bagi keturunannya sehingga abad ke-19. Gelaran *Kare* digunakan oleh masyarakat Makassar, khususnya di wilayah Turatea antaranya Takalar, Bantaeng dan Jeneponto. Menurut Rasjid (2000:16) golongan masyarakat yang menggunakan gelaran tersebut adalah daripada kelas menengah dalam struktur kemasyarakatan suku Makassar. Orang Melayu yang telah menjadi bahagian daripada keturunan Bugis dan Makassar turut menggunakan kata sandang sama ada Petta, Arung, Andi, Karaeng, Kare dan gelaran lainnya. Meskipun demikian, kata Intje yang sememangnya menjadi salah satu ciri khas gelaran yang digunakan orang Melayu tertentu tetap pula wujud penggunaannya sehingga dewasa ini.

Masih terhubungkan dengan salasilah di atas, terdapat pula perkahwinan antara Maemuna dengan Intje Gali. Perkahwinan keduanya itu telah memperukuhkan kembali darah Melayu di Sanrabone dengan keturunan orang Melayu di Kota Makassar. Perkahwinan tersebut menghasilkan lima orang anak. Dalam salasilah, nama-nama anaknya itu adalah Kare Capa, Kare Sulle, Sitti Maemuna, Kare Tojeng dan Kare Siang. Identiti darah Melayu pada anak-anak Maemuna diketahui dengan digunakan kembali gelaran ‘*Kare*’.

³⁰Temubual dengan Hasina Fajrin (24 Maret 2013) mengatakan, bahawa nama sebenar toponimi Tukatingang ialah Katingang. Vonem *tu* adalah turunan daripada kata *tau* yang mengalami kependekan penyebutan menjadi *tu*. Katingang pada masa lampau merupakan sebuah kerajaan yang berada di bawah kerajaan Sanrabone. Dalam ceritera-ceritera lisan masyarakat pada amnya mengenali adanya hubungan kekerabatannya dengan Sanrabone melalui perkahwinan.

Selain perkataan *Kare* dan *Intje*, keturunan *Datuk Leyang* dan *Datuk Mahkota* juga menggunakan gelaran nama “*Daeng*” yang diidentifikasi mula digunakan oleh generasi ke sebelas pada akhir abad ke-18. Hal ini dapat diperhatikan melalui nama-nama misalnya *Suleha Daeng Kanang*, *Ismaila Daeng Deke*, *Halimah Daeng Ratu*, *Rajawali Daeng Kanna* dan *Marhuma Daeng Cella*. Dalam hal ini didapati *Sulacha Daeng Kanang* masih mengekalkan keturunan darah Melayu-Makassar sehingga generasi ke lima belas dengan nama-nama keturunannya pun menggunakan gelaran *Daeng*. Gelaran *Daeng* membawa makna bahawa orang daripada keluarga ini masih menduduki status sosial menengah ‘*tubaji*’ sesuai dengan strata sosial orang Bugis dan Makassar.

Status sosial ‘*tubaji*’ yang disandang bagi orang Melayu adalah golongan ‘*maradeka*’ dalam sistem strata sosial masyarakat Bugis dan Makassar. *Tubaji* merupakan bahagian daripada status *Maradeka* (ind: Merdeka) dengan kedudukan lebih tinggi, manakala status ‘*tusamara*’ (Bgs: *Tosama*) sebagai status orang awam. *Tubaji* (tu = orang dan *baji* = baik) bererti orang baik-baik. Pihak yang masuk ke dalam golongan ini ialah orang yang medeka atau orang biasa yang termasuk golongan orang-orang baik. Golongan sosial inilah lazimnya dalam masyarakat Bugis dan Makassar yang menggunakan gelaran ‘*Daeng*’ yang diletak di belakang nama dirinya. Penggunaan nama ‘*Daeng*’ dapat dilihat misalnya *Makkawaru Daeng Paraga*, *Makhmud Daeng Tallesang*, *Patimah Daeng Bau*, *Banawa Daeng Parani* dan sebagainya. Pihak ‘*tubaji*’ ini disebut juga sebagai orang yang memiliki dua nama atau *tau dua asenna* (Mks: *tu rua arenna*) kerana ia memiliki dua unsur nama iaitu nama diri dan nama gelaran *daeng*. Ciri nama inilah yang membezakan status *tubaji* dengan orang *maradeka* biasa atau *tosama*. Sistem adat tempatan Bugis dan Makassar yang berhubungkait dengan darjat sosial menetapkan bahawa status seorang anak yang lahir dominan ditentukan oleh garis keturunan daripada darah ayahnya atau *patrilineal*.

5.3 PERKAHWINAN SEBAGAI ASAS KEKERABATAN SERTA DIPLOMASI POLITIK

Perkahwinan ideal bagi masyarakat Bugis-Makassar adalah perkahwinan saudara rapat, baik dari pihak ayah, mahupun dari pihak ibu. Hubungan perkahwinan paling ideal adalah antara saudara sepupu (*sapposiseng*), diikuti dengan perkahwinan ideal antara saudara dua pupu (*sappokadua*) dan perkahwinan antara saudara tiga pupu

(*sappokatellu*) (Mattulada, 1985) dan (Zusan M. Bolyard, 1989)³¹. Sekaitan dengan hubungan saudara itu, maka yang dimaksudkan sebagai saudara rapat ialah saudara sekandung, saudara berlainan ayah, saudara berlainan ibu, saudara sepupu dan saudara dua pupu. Sementara itu, saudara tiga pupu, saudara empat pupu dan seterusnya dikategorikan sebagai saudara atau keluarga jauh. Jika terjadi perkahwinan berdasarkan hubungan keluarga saudara pupu tiga kali atau empat kali, maka bermakna perkahwinan tersebut merapatkan semula hubungan darah keluarga yang sudah jauh. Bagi masyarakat Bugis, hubungan perkahwinan antara saudara jauh ini disebut *ripaddeppé mabélaé* ertinya ‘mendekatkan semula yang telah jauh’.

Selain perkahwinan yang berlatarbelakang hubungan darah, maka dikenal pula perkahwinan tanpa hubungan darah. Bagi etnik Bugis, perkahwinan ini lazimnya dinamakan *mappasisompung welareng* ertinya menyambungkan akar pokok keluarga yang sudah menjauh. Sementara itu perkahwinan yang dilakukan oleh masyarakat umum tanpa didasari adanya ikatan darah, maka dipanggil sebagai perkahwinan ‘biasa’.

Maksud perkahwinan pada asasnya ialah untuk menjalin serta merapatkan semula tali kekeluargaan yang sudah menjauh. Walaupun demikian, sejarah perkahwinan dalam masyarakat Bugis dan Makassar menunjukkan adanya perkahwinan yang bermotifkan ‘politik’. Fakta perkahwinan ini dalam sejarah kerajaan lokal lazimnya dijalankan oleh elit-elit istana kerajaan Bugis dan Makassar. Perkahwinan ini kerap-kali mempertemukan pihak laki-laki dan perempuan di mana kedua-duanya tidak memiliki hubungan kekeluargaan. Oleh itu, perkahwinan politik lebih bersifat eksogami, yakni perkahwinan keluar dari unit kekerabatan.

Perkahwinan yang bermotifkan politik itu memiliki tujuan tertentu, seumpamanya merancang elit baru untuk memegang kekuasaan. Menurut Abdul Latif (2012:107-111), perkahwinan raja-raja Bugis kawasan Ajatappareng seperti Sidenreng, Suppa’, Sawitto, Rappang, dan Alitta misalnya, pada asasnya bertujuan membentuk persekutuan regional yang disebut ‘Lima Ajatappareng’. Sekaitan dengan hal itu, maka tercatatkan perkahwinan pada awal abad XV dilakukan oleh elit-elit istana Suppa’ dengan elit

³¹Lihat dalam Susan Bolyard Millar dalam ”*Bugis Weddings: Ritual of Social Location in Modern Indonesia*”. Berkeley: Center for South and Southeast Asian Studies, University of California. (Monograph Series 29), tahun 1989.

kerajaan Lima Ajatappareng lainnya tidak mengikuti konsep perkahwinan ideal. Misalnya, perkahwinan antara Wé Tépulingé Ratu Suppa' dengan La Bangéngé Raja Bacukiki. Hasil perkahwinan Wé Tépulingé dan La Bangéngé kemudian melahirkan keturunan yang selanjutnya berkahwin-mahwin dengan bangsawan kerajaan sejrannya sehingga membentuk hubungan kekerabatan dengan pelbagai pihak bangsawan lain di wilayah Ajatappareng.

Di dalam *Lontara Suppa'* (naskah K) dicatatkan jumlah perkahwinan yang dilakukan oleh ramai 29 orang raja-raja Suppa. Daripada jumlah perkahwinan itu, 18 di antaranya dicatatkan tidak berkahwin mengikuti konsep perkahwinan dengan saudara rapat. Perihal yang sama juga dicatatkan pada *Lontara Sawitto* (naskah E) di mana sejumlah 24 orang Addatuang (raja) Sawitto yang berkahwin, 12 orang daripadanya tidak berkahwin dengan pihak saudara rapatnya (Abdul Latif, 2012: 108-110). Fakta perkahwinan yang sama juga berlaku pada raja-raja Alitta. Lontara mencatatkan 18 Arung (raja) Alitta yang berkahwin, 10 orang daripadanya yang berkahwin bukan dengan saudara rapat. Contoh kejadian perkahwinan yang dijalankan oleh elit-elit kerajaan Bugis Ajatappareng itu terhubungkan dengan kepentingan politik dan dasar luar kerajaan masing-masing.

Berdasarkan kajian yang dilakukan ke atas lontara-lontara didapati bahawa hubungan perkahwinan yang pada asasnya menciptakan kekerabatan, juga merupakan model 'diplomasi politik' bagi kerajaan-kerajaan Bugis dan Makassar. Secara khusus, perkahwinan politik yang dilakukan oleh para bangsawan Ajatappareng mengandungi makna politik antaranya: 1) untuk mencegah pertikaian dan menciptakan perdamaian regional di wilayah Ajatappareng; 2) kerajaan lemah dapat memperoleh perlindungan dari kerajaan kuat; 3) menjalin persekutuan antarkerajaan; dan 4) sebuah kerajaan bermaksud menaikkan darjat darah kebangsawanannya .

Hubungan perkahwinan bangsawan kerajaan Suppa' dengan pihak luar telah digambarkan secara terperinci di dalam naskah K. Dari 29 raja Suppa', tercatatkan hanya 11 raja sahaja yang berkahwin atas dasar ikatan hubungan saudara. Rinciannya adalah 8 orang berkahwin dengan sepupu, seorang berkahwin dengan dua pupu, 2 orang berkahwin dengan anak kepada sepupunya. Seperti yang telah disebutkan, ratu atau raja pertama Suppa bernama Wé Tépulingé dicatatkan berkahwin dengan La Bangéngé, Raja

Bacukiki. La Bangéngé adalah lelaki yang tidak memiliki hubungan darah dengan Wé Tépulingé. Begitu pula tiga orang anak Wé Tépulingé dan La Bangéngé bernama La Tedduloppo, La Botillangi, seorang perempuan, dicatatkan juga berkahwian dengan pihak luar sebagai perkahwian ciri eksogami. Perkahwian itu diperkatakan berciri eksogami kerana menghubungkan daripada dua kaum atau induk yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan. Paling tidak, meskipun kedua-dua pihak dianggap masih memiliki hubungan kekeluargaan, namun hubungan darah itu sudah sangat jauh. Fakta perkahwian dengan pihak luar oleh bangsawan Suppa', juga dilakukan oleh bangsawan Bugis lainnya seperti pada kerajaan Sawitto, Sidenreng, Rappang, Soppeng, Tanete, Wajo, Luwu dan Bone. Perkahwian raja-raja Bugis tempatan dengan pihak-pihak luaran itu, juga telah mengintegrasikan secara tidak langsung dengan pihak orang Melayu (telah dijelaskan pada bahagian awal Bab 5 ini).

Fakta perkahwian antar bangsawan kerajaan-kerajaan Bugis tersebut, dilakukan pula oleh kerajaan-kerajaan Makassar seperti yang berlaku pada bangsawan Gowa, Sanrabone, dan Tallo. Naskah H mencatatkan ramai raja Gowa yang berkahwin dengan pihak luaran yang tidak berdasarkan pada hubungan saudara rapat. Sejarah perkahwian raja Gowa yang pertama bernama 'Puteri Tamalate' berkahwin dengan 'Karaeng Bayo' (Sagimun MD, 1975:47). Karaeng Bayo dicatatkan sebagai seorang pendatang yang tidak memiliki hubungan kekeluargaan dengan Puteri Tamalate. Di dalam ceritanya mengungkapkan Karaeng Bayo adalah orang asing dan tidak dikenali asal-usul negerinya, bahkan tidak diketahui siapakah ayah dan ibunya. Hanya diceritakan di dalam naskah bahawa, Karaeng Bayo datang ke Gowa bersama dengan seorang saudaranya bernama Lakipadada. Perkahwian Puteri Tamalate dengan Karaeng Bayo itu mempunyai tujuan politik bagi kerajaan Gowa untuk memperoleh legitimasi kebangsawanan daripada kerajaan Bantaeng. Hal itu kerana Karaeng Bayo adalah putera bangsawan daripada Bantaeng. Perihal kerajaan Bantaeng menurut sejarah lokal Makassar dikenal sebagai kerajaan tertua (*Buttatoa*) dan sumber tertinggi kebangsawanan raja-raja etnik Makassar.

Perkahwian Puteri Tamalate dan Karaeng Bayo melahirkan Karaeng Tumasalangga Barayang. Putera ini menjadi pewaris pentadbiran kerajaan Gowa. Tumasalangga Barayang kemudian ditabal sebagai raja Gowa mewarisi ibundanya, Puteri Tamalate. Manakala cucu Tumasalangga Barayang bernama Batara Gowa,

dicatatkan berkahwin dengan Puteri Garassi. Puteri Garassi adalah seorang perempuan dari kalangan bangsawan Garassi, sebuah kerajaan yang berjiran dengan Gowa. Perkahwinan Batara Gowa dengan Puteri Garassi juga membawa tujuan politik, di mana Gowa merangkul kerajaan Garassi yang memiliki kedudukan politik yang penting bagi negeri-negeri Makassar lainnya. Perkahwinan ini juga penting menghasilkan darjat bangsawan pewaris mahkota Gowa yang memperoleh hubungan dan legitimasi kebangsawanan Garassi. Sementara itu, perkahwinan Batara Gowa yang kedua kalinya iaitu dengan perempuan Melayu bernama I Rerasi, bertujuan untuk merangkul para pedagang dan peniaga Melayu dalam rangka agenda Gowa membangun aktiviti kemaritimannya.

Perkahwinan politik secara berterusan dilancarkan oleh kuasa Gowa sehingga menghubungkan kekerabatan etnik Makassar dan Bugis. Pada awal abad XVI penguasa Gowa menghubungkan kekerabatannya dengan kerajaan Bugis Sidenreng melalui perkahwinan We Tosappai, putera Raja Gowa Tunipallangga dengan La Patiroi Addatuang Sidenreng ke-6 (1564-1612). Perkahwinan politik ini memberi penting bagi hegemoni dan kekuasaan Gowa ke atas wilayah Bugis (Latif, 2012:114). Ikatan perkahwinan Gowa dengan Sidenreng itu merupakan strategi Gowa untuk mencetuskan persekutuan abadi dengan Sidenreng, pada sisi lain dapat memecah-belah persatuan kerajaan Bugis *Lima Ajatappareng*. Hal ini seperti itu kerana, perkahwinan Gowa dan Sidenreng berhubungkait dengan penaklukan yang telah dilancarkan oleh Gowa ke atas Suppa' dan Sawitto pada pertengahan abad ke-16. Bagi mempertahankan hegemoninya di Suppa' dan Sawitto, maka pihak Gowa memerlukan sekutu setia dan bantuan tentera yang dapat menjamin dan menyokong kekuasaannya di wilayah Bugis. Oleh kerana itu, dapat dikatakan bahawa perkahwinan Gowa dan Sidenreng itu merupakan strategi bagi Gowa untuk: 1) mengawal kerajaan Suppa' dan Sawitto melalui tangan kuasa Sidenreng; 2) merangkul kerajaan Sidenreng daripada empat anggota persekutuan Lima Ajatappareng lainnya iaitu Sawitto, Suppa', Rappang dan Alitta; 3) memecah dan melemahkan kekuatan kerajaan Bugis Ajatappareng agar tidak menyokong kerajaan Bone yang sentiasa melindungi Suppa' dan Sawitto; dan 4) melepaskan Sidenreng dari pengaruh Bone. Hal ini kerana Bone adalah penghalang bagi agresinya tentera dan hegemoni Gowa ke atas negeri-negeri Bugis. Pelbagai fakta perkahwinan lainnya, baik dalam kerajaan Bugis, mahupun kerajaan Makassar yang telah berlaku pada abad ke-15 sehingga ke-17 dapat dikategorikan bermotifkan *politik*.

Perihal perkahwinan politik yang tidak kalah penting adalah perkahwinan yang berlaku pada tempoh separuh akhir abad ke-17 ketika raja Bugis, Arung Palakka (1667-1696) tampil sebagai pemegang kuasa di Sulawesi Selatan. Setelah kejatuhan total Gowa sepenuhnya pada 1669, situasi politik Sulawesi Selatan telah berubah dimana Bone menjadi pemegang kuasa yang paling berwibawa. Hegemoni politik dirancang oleh Arung Palakka menuju jalan perdamaian yang kekal. Strategi yang dilancarkan Arung Palakka bagi masa hadapan kerajaan Bugis dan Makassar adalah melalui diplomasi perkahwinan. Oleh sebab baginda tidak mempunyai anak kandung, maka ia telah memilih saudara perempuan dan anak saudaranya sebagai pihak yang dikahwinkannya dengan pihak bangsawan kerajaan-kerajaan lain.

Arung Palakka seperti yang tercatat dalam *Lontara Bone* dan *Lontara Tanete* (naskhah L) mengahwinkan kakaknya bernama Wé Mappolobombang dengan La Pakoko Arung Timurung, putera Raja Bone La Maddaremmeng. Perkahwinan ini difahami sebagai jalan politik untuk memujuk semula Arung Timurung yang terlanjur menilai hak warisnya ke atas singgasana kerajaan Bone telah dirampas oleh Arung Palakka. Melalui perkahwinan ini, Arung Timurung boleh menerima kedudukan Arung Palakka sebagai Raja Bone. Alasan Arung Palakka merancang perkahwinan itu sehingga Arung Timurung boleh menerimanya dengan alasan kerana Arung Palakka ingin memperoleh sokongan politik dari kerabat bangsawan Arung Timurung. Melalui perkahwinan tersebut dapat melahirkan pewaris kuasa Bone yang bersumberkan dari Wé Mappolobombang sebagai pihak dari kerabat Arung Palakka dan La Pakoko Arung Timurung sebagai pihak dari kerabat La Maddaremmeng. Berdasarkan kajian didapati darah kebangsawanan Arung Palakka sememangnya tidak murni dari pihak Bone, melainkan separuhnya adalah daripada bangsawan Soppeng Mariyo. Oleh itu, perkahwinan We Mappolobombang dan Arung Timurung tersebut memiliki makna penting sebagai legitimasi dan wujudnya susurgalur baharu bagi pewarisan takhta kerajaan Bone. Dari perkahwinan itu maka lahirlah La Patau Matanna Tikka. Sejarah mencatatkan bahawa La Patau inilah yang kemudian menjadi pewaris mahkota kerajaan Bone.

Andi Palloge (2006:153) mengatakan, Arung Palakka telah memilih La Patau sebagai watak penting dan utama yang digunakan untuk merangkul kerajaan-kerajaan Bugis dan Makassar melalui perkahwinan. Selanjutnya dicatatkan pada naskhah J bahawa Arung Palakka mengahwinakan La Patau dengan puteri-puteri bangsawan

kerajaan-kerajaan penting antaranya, dengan puteri Luwu, We Ummung Datu Larompong dan We Sundari puteri Raja Soppeng. Dicatatkan pula La Patau berkahwin juga dengan I Mariama Karaeng Pattuangang, puteri raja Gowa, Sultan Abdul Djalil. Anak yang lahir daripada isteri-isteri bangsawan daripada tiga kerajaan utama itu kemudian menjadi pewaris takhta kerajaan sesuai asal-usul ibundanya.

Selanjutnya, pada naskah L dan J dicatatkan pula nama saudari Arung Palakka yang kedua bernama We Tenriabang (We Tenriabeng) dikahwinkan dengan Raja Tanete ke-12, La Mappajanci (1667-1690). Raja Tanete ini sememangnya memiliki keturunan Melayu sebab dia anak daripada Puteri Johor dengan Petta Tosugie Raja Tanete VIII. Perkahwinan Wé Tenriabang dengan La Mappajanci adalah strategi Arung Palakka untuk mempertahankan Tanete sebagai sekutu terbaiknya. Strategi politik itu sangat penting bagi Arung Palakka sebab sebelumnya itu Tanete merupakan sekutu Gowa dalam Perang Makassar (1667). Kerajaan Tanete sebelum Perang Makassar berlaku merupakan *palili* atau kerajaan bawahan Gowa. Akan tetapi, apabila Perang Makassar meletus, justeru raja Tanete berbalik bersimpati kepada tentera Bone. Oleh itu, perkahwinan Wé Tenriabang dan La Mappajanci jelas merupakan strategi Arung Palakka untuk mengekalkan persekutuan Bone dan Tanete di samping melahirkan generasi baharu masa hadapan pewaris kekal takhta kerajaan Tanete yang berpaut dengan darah Bone.

Lontara Bone juga mencatatkan saudara perempuan Arung Palakka yang ketiga bernama Wé Tenrigira, juga berkahwin dengan To Dani Arung Bakke', seorang bangsawan tinggi dari kerajaan Sidenreng. To Dani dikenali sebagai sahabat dekat dan menyertai Arung Palakka sewaktu baginda berada di perantauannya di Batavia. To Dani adalah bangsawan yang memiliki pengaruh kuat di kawasan Ajatappareng. Oleh itu, perkahwinan Wé Tenrigira dengan To Dani, juga merupakan strategi politik Arung Palakka untuk merangkul kerajaan Lima Ajatappareng (Sidenreng, Sawitto, Suppa', Rappang dan Alitta) ke dalam pengaruh kerajaan Bone (Andaya, 2004).³²

Setakat ini pernikahan-pernikhahan yang diatur oleh Arung Palakka itu memiliki makna penting secara politik bagi mengamankan persekutuannya dengan kawan-

³²Lihat Leonard Y. Andaya dalam "*Warisan Arung Palakka, Sejarah Sulawesi Selatan Abad ke-17*". Makassar: Ininnawa, tahun 2004, hlm. 338.

kawannya. Oleh kerana Arung Palakka tidak memiliki anak kandung, maka strategi perkahwinan yang dilancarkannya adalah melalui tiga orang saudari kandungnya (adik-beradik perempuan) dan seorang anak saudaranya yang bernama La Patau. Keunikan perkahwinan yang dirancang oleh Arung Palakka itu berasaskan pada perjanjian lebih awal berbunyi: “*anak yang lahir daripada perkahwinan akan menjadi raja muda pewaris takhta pada kerajaan setempat*”. Perjanjian itu kemudian disepakati oleh pihak lain, sehingga seluruh anak yang lahir daripada perkahwinan tersebut menjadi pewaris kuasa dalam kerajaan. Sekaitan perkahwinan itu, Andaya (2004:338) mengatakan, cara yang dilakukan oleh Arung Palakka seperti itu berharap dapat memastikan kelanjutan sokongan bagi dirinya dan penerusnya sebagai pemangku kerajaan yang terbabit dalam perkahwinan.

Perkahwinan politik yang dilancarkan Arung Palakka berimpak wujudnya pertautan kekerabatan antara bangsawan dan antara kerajaan. Itulah sebabnya pada akhir abad ke-17 para bangsawan dalam kerajaan-kerajaan Bugis dan Makassar di Sulawesi Selatan telah menjalin hubungan darah antara satu kerajaan dengan kerajaan lainnya. Sehingga abad XXI fenomena kekerabatan darah bangsawan Bugis-Makassar di pelbagai kerajaan di Sulawesi Selatan masih terangkai dengan jelas. Perihal perkahwinan politik yang dilancarkan oleh Arung Palakka menurut ungkapan Bugis seperti yang tercatat dalam *Lontara Bone* mengatakan: “*lessimi na laso passeajingngi wamuwae*’ ertinya “hanya alat kelamin lelaki dan wanita yang dapat mempersaudarakan negeri”. Strategi perkahwinan yang menjadi kebijakan Arung Palakka itu dapat diistilahkan sebagai ‘politik kelamin’ yang bertujuan untuk menciptakan hegemoni politik, kekuasaan dan perdamaian melalui jalur perkahwinan.

5.4 RUMUSAN

Sejak pertengahan abad ke-15 orang Melayu telah menginjakkan kaki di Sulawesi Selatan. Kedatangan mereka ke Suppa', Tanete, Siang, Tallo, dan Sanrabone seperti yang terakam dalam naskah lontara sudah menyokong keabsahan premis tersebut. Oleh sebab tidak ada bukti bertulis lain yang boleh dirujuk, maka maklumat dalam lontara sangatlah penting. Pentingnya maklumat itu boleh dikaji dari banyak segi. Antaranya catatan tentang kehadiran orang Melayu pada masa awal, misalnya, termasuk 1) kedatangan Puteri Wé Tépulingé yang menubuhkan kerajaan Suppa' pada sekitar tahun 1430 M; 2) kedatangan rombongan orang Melayu dari Melaka pada pertengahan abad ke-16 di Tanete pada masa pemerintahann raja Tanete ke-3, Daeng Ngasséng (1573-1585); 3) keberadaan saudagar Melayu di Kalukubodoa Tallo, antaranya I Juragang, dengan puterinya, I Rerasi yang kemudiannya sudah berkahwin dengan Batara Gowa, Raja Gowa VII (1450-1460); dan 4) kehadiran Datuk Lembang dari Patani dan Datuk Mahkota dari Pagaruyung di Sanrabone pada awal abad ke-16.

Semenjak kedatangannya, orang Melayu sudah diterima, malah berintegrasi ke dalam sistem sosial-politik, terutamanya melalui perkahwinan antara puteri Melayu dengan elit-elit bangsawan tempatan. Keturunan yang lahir daripada perkahwinan itu menjadikan proses integrasi orang Melayu ke dalam kekerabatan Bugis dan Makassar, khasnya pada kekerabatan bangsawan di istana-istana bukan sahaja menjadi lebih senang, malahan lebih mudah diterima. Perkahwinan yang berlaku dengan meluas itu mempunyai implikasi penting kepada orang Melayu, dalam erti kata keturunannya mudah diterima untuk memasuki birokrasi dan sistem politik istana kerajaan Bugis-Makassar. Apa yang lebih penting lagi adalah perkahwinan campur antara orang Melayu dengan elit Bugis-Makassar berterusan berlaku sehingga abad ke-19. Dalam proses yang panjang itu, perpaduan darah melalui perkahwinan campur ini telah melahirkan keturunan yang dipanggil "*Bugis-Makassar Melayu*", ertinya orang Bugis-Makassar yang memiliki darah keturunan Melayu. Perkahwinan campur itu berterusan antara orang Melayu dengan kalangan elit bangsawan sehingga meliputi segala lapisan sosial di Makassar. Perkahwinan dan kekerabatan antara bangsawan Bugis dan Makassar dengan orang Melayu menjadi fakta penting bagi mempermudah integrasi perkahwinan itu.

Selain perkahwinan, penerimaan orang Melayu di Sulawesi Selatan didasari pula dengan kontrak sosial permastautinan. Kontrak permastautinanitu mempunyai makna sebagai jaminan perundangan mengenai hak-hak dan perlindungan bagi orang Melayu dalam petempatannya. Kontrak petempatan secara tertulis itu telah dibuat di antara kelompok Melayu yang diwakili oleh Nakhoda Bonang dengan Raja Gowa X bernama Karaeng Tunipallangga (1548-1565). Kontrak sosial petempatan itu mengandungi regulasi perlindungan dan keistimewaan bagi orang Melayu di Sulawesi Selatan. Perlindungan hukum dan keistimewaan yang diperolehnya itu meliputi penerapan adat resam bagi orang Melayu, lebih-lebih lagi tentang hak dan keamanan lingkungan, jiwa dan harta benda serta perlindungan dan keadilan di dalam hukum kerajaan Gowa. Boleh jadi integrasi yang baik dalam masa yang panjang itu, maka orang Melayu menjadikan tanah Sulawesi Selatan sebagai destinasi dan petempatan terpenting di kawasan timur Nusantara.

BAB VI

PENUTUP

6.1 PENGENALAN

Kajian yang telah dilakukan ini mengungkapkan bahawa sejak abad ke-15 Masihi orang Melayu daripada Melaka, Patani dan Minangkabau telah bertapak di Sulawesi Selatan. Mereka datang sebagai migran untuk membina kehidupan yang lebih baik, selain menjalankan perdagangan, perniagaan dan pelayaran. Sejak awal kedatangannya, orang Melayu telah menjadikan pulau Sulawesi sebagai destinasi penting berbanding tempat lain di kawasan Timur Nusantara. Orang dari negeri Melaka mengawali kedatangan Melayu di Sulawesi Selatan dengan mendaratkan perahunya di wilayah pesisir barat seperti Suppa, Siang, Tanete dan Tallo. Pada petempatan yang berada di tepi laut sebagai destinasinya itu memberi peluang kepada orang Melayu untuk menjalankan aktiviti maritim sebagai peradabannya yang khas.

Di samping melancarkan perdagangan, komuniti Melayu pendatang itu juga membina petempatan baharu bagi kalangan mereka. Petempatan itu dibina atas restu dan perlindungan daripada penguasa tempatan. Di Tanete misalnya, tercatat nama-nama kampung yang diteroka orang Melayu semenjak awal pertapakannya di negeri itu. Antara nama kampung itu adalah Coppo', Balénrang, Lipukassi dan Pancana. Sementara di kerajaan Tallo ada pula dicatatkan nama petempatan awal orang Melayu seperti Kalukubodoa; sedangkan di Gowa ialah Mangallekana; serta manakala Sanrabone ialah Pattani dan Salajo.

Memasuki abad ke-16, orang Melayu daripada Semenanjung Tanah Melayu semakin ramai lagi berhijrah ke Sulawesi Selatan. Kejatuhan Melaka ke tangan Portugis

pada 1511 merupakan salah satu faktor penolak terjadinya penghijrahan secara besar-besaran orang Melayu dari Melaka. Orang-orang Melayu ramai berundur ke wilayah rantau Nusantara, termasuk ke rantau Sulawesi. Pada awal abad ke-17 kehadiran orang Melayu berhubungan dengan gerakan Islamisasi ke atas kerajaan-kerajaan Bugis dan Makassar. Ulama-ulama Melayu yang berkharismatik diutus untuk menyebarkan agama Islam. Walau bagaimanapun, kepentingan perdagangan dan perniagaan sentiasa menjadi aktiviti utama yang tetap digeluti orang Melayu. Sulawesi Selatan merupakan jalur pelayaran dan perdagangan orang Melayu, maka menciptakan kontak dan hubungan kerjasama dengan orang Bugis-Makassar dalam pelbagai aspek.

Pertapakan orang Melayu di Sulawesi Selatan diringi dengan proses adaptasi dengan penduduk tempatan. Kedua-dua pihak memiliki keserasian dalam pergaulan sosial. Orang Melayu memiliki sikap yang menghormati adat-istiadat tempatan, sehingga membuka ruang berintegrasi yang baik. Sikap orang Melayu itu terselaraskan dengan sikap dan jiwa orang Bugis dan Makassar yang “terbuka” dengan dunia luar. Konfigurasi sikap dan jiwa yang serasi itu kemudian mengiringi proses integrasi antara orang Melayu sebagai pendatang dengan orang Bugis-Makassar sebagai penduduk tempatan. Integrasi sosial akan terbentuk apabila sebagian besar masyarakat memiliki kesepakatan tentang batas-batas teritorial, nilai-nilai, norma-norma, dan pranata-pranata sosial.

Proses sosial yang berlaku bagi orang Melayu dengan masyarakat Bugis dan Makassar di Sulawesi Selatan selama 300 tahun dimaknakan sebagai proses penyesuaian antara unsur-unsur yang berbeda sehingga menghasilkan keserasian fungsi pada pola kehidupan kedua-dua pihak. Integrasi sosial itu bermula daripada orang Melayu datang, diterima, kemudian dikahwini sehingga menurunkan generasi Bugis-Melayu. Kehidupan orang Melayu di Sulawesi Selatan juga telah mendapat jaminan dan perlindungan daripada penguasa lokal. Di kerajaan Gowa misalnya, Raja Tunipallangga telah menghadiahkan kampung Mangallekana sebagai petempatan khas bagi komuniti Melayu dan orang Melayu bebas dalam menjalani aktiviti kehidupannya. Mereka mendapat perlindungan hukum, harta benda, hak-hak individu dan kelompoknya dari Raja Gowa.

Pada penghujung abad ke-16 dan awal abad ke-17, gerakan Islamisasi di Sulawesi Selatan telah digalakkan ke atas sokongan Johor dan Aceh. Nama tokoh Melayu seperti Khatib Tunggal Abdul Makmur atau Datuk ri Bandang, Khatib Sulaiman atau Datuk Pattimang dan Khatib Bungsu atau Datuk ri Tiro adalah antara ulama Melayu yang disertai tugas untuk melancarkan syiar Islam kepada raja-raja Sulawesi Selatan. Sampai di sini dengan jelas terlihat bahawa orang Melayu telah menunjukkan peranan dalam bidang keagamaan dalam proses penubuhan Islam di Sulawesi Selatan. Fakta yang terbaca pada masa itu bahawa ugama Islam menunjukkan kedudukannya sebagai media yang sangat penting bagi integrasi orang Melayu dengan orang Bugis-Makassar. Ajaran ugama Islam telah mempertemukan titik kesamaan aqidah antara orang Melayu dan Bugis-Makassar, maka semakin merapatkan pergaulan dan integrasi sosial kedua-dua pihak. Interaksi sosial yang telah berlaku dalam masa yang panjang itu kemudian membentuk kesamaan jiwa, minda dan budaya bagi kedua-dua pihak.

Berdasarkan huraian di atas, maka dapat dipetik jawapan, mengapa orang Melayu dapat terintegrasi dengan orang Bugis-Makassar dengan baik? Jawabannya adalah: pertama, telah ada interaksi sosial kedua-dua pihak melalui hubungan niaga serta muhibah sejak abad ke-15. Bahkan hubungan itu mungkin terjalin lebih awal lagi pada periode *I La Galigo* di abad ke-8 atau ke-9; kedua, hubungan pelayaran dan perdagangan antara peniaga Bugis-Makassar dan orang Melayu yang semakin berkembang dan meluas sejak abad XVI; ketiga, kedua-dua pihak telah terkait hubungan kahwin-mahwin sejak awal sehingga membentuk kekerabatan antara orang Melayu dengan Bugis-Makassar; keempat, orang Melayu memiliki keterampilan yang sangat menyokong agenda kerajaan tempatan di bidang perniagaan, perdagangan, pelayaran dan administrasi pelabuhan; kelima, orang Melayu memiliki jaringan niaga yang luas, pengetahuan dan kecekapan mengolah pelabuhan sehingga sangat mendukung program maritim kerajaan tempatan; keenam, ugama Islam telah mewujudkan kesamaan aqidah serta membawa nilai baru yang membentuk jiwa dan sikap positif dan dinamik orang Bugis-Makassar dan orang Melayu; ketujuh, orang Melayu telah mendapat perlindungan kuasa dari Raja, maka secara sosial masyarakat tempatan serta-merta menerima, patuh dan memeliharanya sebagai tanggungjawab kerajaan. Pola hubungan kuasa raja dengan rakyat (patron-klien kekuasaan) turut itu menjadi faktor terwujudnya proses penerimaan orang Melayu di lingkungan sosial masyarakat Bugis-Makassar. Kesemua petunjuk itu mampu memberi

manfaat positif bagi hubungan sosial kedua-dua pihak, baik dari segi kehidupan ekonomi, mahupun politik di dalam kerajaan-kerajaan di Sulawesi Selatan.

Mengenai proses intergrasi orang Melayu di Sulawesi Selatan tersebut boleh dilihat daripada dua segi iaitu: pertama, orang Melayu berintergrasi berasaskan adanya konsensus atau kesepakatan di antara sebagian besar anggota masyarakat tentang nilai-nilai kemasyarakatan yang bersifat fundamental: dan kedua, masyarakat terintegrasi kerana berbagai anggota masyarakat sekaligus menjadi anggota dari berbagai kesatuan sosial (*cross-cutting affiliation*). Oleh itu, jika setiap konflik yang terjadi di antara kesatuan sosial dengan kesatuan sosial lainnya, maka akan segera dinutralkan oleh loyalitas ganda (*cross-cutting loyalties*) dari anggota masyarakat terhadap berbagai kesatuan sosial. Dengan itu, maka konflik dan perbezaan yang ada sudah menjadi kecil dan akan hilang. Di samping itu, yang menarik adalah proses integrasi orang Melayu dan Bugis-Makassar di Sulawesi Selatan berlaku atas kehendak kedua-dua pihak kerana adanya saling ketergantungan dan saling memerlukan antara satu pihak dengan pihak yang lainnya,

6.2 DIASPORA ORANG MELAYU MENGASASKAN INTEGRASI DAN KERJASAMA SERUMPUN DI SULAWESI SELATAN

Secara kultural, fenomena penghijrahan tidak dapat dipisahkan daripada tradisi ‘merantau’ yang sememangnya menjadi corak budaya Melayu yang khas. Tradisi itu telah memberikannya faedah besar kerana menciptakan hubungan sosial dan kerjasama antara etnik rumpun Melayu. Oleh kerana itu tradisi merantau telah mendorong pergaulan sosial yang positif bagi menggerakkan kemajuan hidup dan lahirnya “rasa kebersamaan”. Dalam konteks itu, maka laut dan selat tidak lagi menjadi pemisah, malah menjadi jambatan utama yang menghubungkan wilayah rantau Nusantara.

Tradisi merantau disokong oleh kegiatan perdagangan, perniagaan dan pelayaran, menghantarkan orang Melayu bertapak di Sulawesi Selatan. Demikian pula sebaliknya, orang-orang Bugis-Makassar dari Sulawesi Selatan juga bertapak di Semenanjung Tanah Melayu, Riau dan Sumatera. Hubungan dan kunjungan timbal-balik itu telah terjalin sejak peringkat awal.

Didapati bahawa orang Melayu dari Melaka, Johor, Pahang, Patani, Champa dan Minangkabau sudah hadir dan merentasi masa yang panjang dan dinamis di Sulawesi Selatan. Hubungannya dengan orang Bugis-Makassar telah memberikan makna penting bagi kedua-dua pihak sehingga mewujudkan kesepaduan dan kerjasama ekonomi, politik dan sosial. Dari segi ekonomi, orang Melayu turut melancarkan perdagangan dan perniagaan kerajaan melalui kerja sama dengan kuasa-kuasa tempatan. Hubungan antara orang Bugis-Makassar dan orang Melayu dengan rapat itu kemudian mewujudkan corak kehidupan yang sentiasa berpandukan kepada “kerjasama serantau”.

Kajian yang dilakukan mendapati orang Melayu telah memberikan pengaruh signifikan bagi pembangunan ekonomi kerajaan-kerajaan tempatan di Sulawesi Selatan. Pihak Melayu memiliki pengaruh bagi raja-raja tempatan dalam mengalihkan dasar ekonomi kerajaan dari aktiviti “agraris” kepada aktiviti “niaga”. Fenomena itu telah ditampakkan oleh kerajaan-kerajaan Bugis dan Makassar di pesisir barat Sulawesi Selatan. Antara kerajaan itu adalah Gowa, Siang, Tallo dan Tanete. Keempat kerajaan ini – di samping ada kerajaan lainnya - secara nyata telah mengalihkan kekuatan ekonominya dari produksi hasil alam kepada kegiatan perdagangan, perniagaan dan maritim.

Kerajaan Gowa umpamanya, telah memulakan orientasi niaga dan maritimnya pada masa pentadbiran Karaeng Tumaparrisi’ Kallonna (1510-1546). Beliau memindahkan istana Gowa dari pedalaman Tamalate ke Sombaopu di tepi Sungai Jeneberang yang berhampiran dengan laut. Tumaparrisi’ Kallonna kemudian menjadikan pelabuhan Sombaopu sebagai bandar niaga utama serta melantik orang Melayu sebagai ketua Syahbandar. Walhasil, Gowa mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat manakala Sombaopu kemudian wujud menjadi bandar-niaga terpenting di kawasan timur Nusantara pada abad ke-17.

Di sebelah utara Gowa, adalah kerajaan Siang. Menurut kesaksian Antonio de Paiva, Siang lebih awal muncul berbanding dengan Gowa. Orang Melayu diberi peranan penting dalam perdagangan dan perniagaan di Siang. Paiva memastikan bahawa orang Melayu telah hidup menetap di bandar Siang sekitar 1490. Menurut Manoel Pinto, penduduk Siang pada tahun 1545 seramai 40,000 jiwa. Jumlah itu merupakan bilangan

penduduk yang sangat banyak di kawasan Nusantara untuk kategori bandar pada tempoh itu (Edward Poelinggomang, 2002:23).

Teristimewa pada kerajaan Tallo, dicatatkan sebagai kerajaan Makassar juga lebih awal wujud sebagai bandar niaga berbanding dengan Gowa yang kemudian menjadi kembarnya. Pada akhir abad ke-15, Raja Tallo bernama Tunilabbu ri Suriwa telah mengasaskan dasar hubungan niaga dengan kerajaan-kerajaan di Jawa dan di Semenanjung Tanah Melayu. Melaka dan Pahang adalah dua kerajaan di Semenanjung Tanah Melayu disebutkan telah terpaut kerjasama perdagangan dengan Tallo. Di samping itu, Tallo' juga membina jaringan niaga dengan kerajan sejirannya sama ada Bacukiki, Suppa', Siang, Tanete dan Sanrabone. Para penguasa tempatan melantik orang-orang Melayu yang cekap sebagai pejabat Syahbandar pada bandar-bandar kuno tersebut. Selain menjadi syahbandar orang Melayu juga menjawat tugas sebagai pegawai pentadbir di istana, sebagai kadi untuk urusan ugama Islam, penasihat raja dan juru tulis istana.

Orang Melayu telah menjadi rakan yang serasi dalam urusan perdagangan dan pelayaran dengan penguasa Bugis-Makassar. Keserasian hubungan membentuk kekuatan perdagangan yang mampu menyaingi dominasi Portugis pada abad ke-16 dan VOC pada abad ke-17 (Poelinggomang, 2002:34). Orang Melayu dan orang Bugis-Makassar telah mewujudkan kerjasama perdagangan pada jalur perdagangan antara Melaka dan Maluku. Kerajaan Gowa pada masa pemerintahan Daeng Manrabia Sultan Alauddin (1593-1639) telah membentuk hubungan erat dalam bidang perdagangan serta bersepadu melawan monopoli dagang VOC.

Kerjasama orang Melayu dan Bugis-Makassar sudah terbukti pada abad ke-17 ketika VOC menghadang perdagangan rempah ratus di Maluku. Para pedagang peribumi tidak terkecuali orang Melayu tidak diperkenankan membeli cengkih, lada dan pala di kepulauan Maluku. Menghadapi ultimatum Belanda tersebut maka kuasa Gowa mempersiapkan bantuan keamanan khasnya bagi pedagang-pedagang Melayu (Poelinggomang, 2002:34).

Hubungan niaga antara etnik-etnik Melayu di rantau Nusantara terbina melalui jaringan perdagangan Nusantara di mana Makassar telah menjadi simpul kerjasama. Pada abad ke-17 puluhan negeri di Nusantara telah terhubung antara satu dengan lainnya mengikuti jalur pelayaran dan perdagangan yang berpusat di Sombaopu. Antara negeri yang terlibat dalam sistem jaringan pelayaran adalah Manggarai, Timor, Tanimbar, Alor, Bima, Buton, Tombuku, Seram, Mindanao, Sambuangan, Makao, Manila, Cebu, Kamboja, Siam, Patani, Pelabuhan di peisisir utara Jawa, Batavia, Batam, Palembang, Jambi, Johor, Melaka, Aceh, Banjarmasin, Sukadani, Pasir, Kutai, Berau dan pelbagai kota dagang di Sulawesi dan Maluku. Negeri-negeri itu telah menjalin hubungan sosial dan kerjasama serantau yang mencakup kawasan pulau-pulau Nusantara.

6.3 PERKAHWINAN MENYATUKAN ORANG MELAYU KE DALAM SISTEM KEKERABATAN (ASSEAJINGENG) BUGIS-MAKASSAR

Telah tercatat dalam kronik-kronik kerajaan Sulawesi Selatan bahawa sejak pertapakan orang Melayu di Sulawesi Selatan, mereka telah menjalin hubungan perkahwinan dengan penduduk dan elit-elit Bugis dan Makassar. Oleh itu, jika membandingkan dengan pihak pendatang yang lain, maka orang Melayu menduduki peringkat terbaik dalam hal pergaulan dan integrasi dengan masyarakat tempatan.

Hubungan perkahwinan antara puteri atau perempuan Melayu dengan raja-raja tempatan sudah terjadi sejak awal. Sekitar tahun 1430 Masihi dicatatkan berlaku perkahwinan antara Puteri Melayu bernama Wé Tépulingé dengan La Bangéngé Raja Bacukiki. Pada akhir abad ke-15 berlaku perkahwinan wanita Melayu bernama I Rerasi dengan Raja Gowa, Batara Gowa (1450-1460). Pada akhir abad ke-16 Puteri Johor berkahwin dengan Raja Tanete III bernama Daeng Ngasseng (1573-1585). Hasil perkahwinan raja-raja tempatan dengan wanita-wanita Melayu tersebut kemudian melahirkan anak yang merupakan keturunan bangsawan (Bgs: *Anakarung*). Anak-anak bangsawan itulah yang kemudian menjadi pewaris pentadbiran menggantikan ayahandanya. Perkahwinan La Bangéngé dan Wé Tepulingé misalnya, lahirlah La Tedduloppo. La Tedduloppo sebagai anak pewaris takhta di kerajaan Suppa’.

Fakta yang sama juga terjadi di Gowa. Batara Gowa berkahwin dengan I Rerasi, puteri seorang pedagang Melayu. I Rerasi melahirkan anak bangsawan Gowa bernama Karaeng Tumaparrisi Kallonna pewaris takhta kerajaan Gowa. Karaeng Tumaparrisi Kallonna kemudian mewarisi takhta Gowa dari ayahandanya, Batara Gowa. Sementara itu di kerajaan Tanete terjadi perkahwinan antara Petta To Sugié dengan Puteri Johor dan melahirkan anak yang dinamakan Petta Matinroé ri Bulianna. Petta Matinroé ri Bulianna ini mewarisi pula mahkota Tanete daripada ayahandanya.

Anak bangsawan (Bgs: *Anakarung*) yang lahir sebagai pewaris takhta yang disebutkan itu, menjadi generasi bangsawan tinggi yang meneruskan keturunan pewaris kuasa istana kerajaan. Pergantian generasi dari anak ke cucu, dari cucu ke cicit dan seterusnya, berjalan secara alamiah dari generasi ke generasi seiring dengan masa. Hubungan perkahwinan terus berjalan sehingga lebih melebarkan hubungan kekerabatan dengan pihak kerajaan lain. Oleh kerana sistem kekerabatan Bugis dan Makassar yang bersifat patrilineal, maka darah Melayu dari pihak ibu menyatu ke dalam sistem *asseajingeng* keluarga Bugis-Makassar.

Perkahwinan Melayu dan orang Bugi-Makassar adalah fakta integrasi sosial yang mewujudkan kekerabatan 'Bugis-Melayu'. Itulah sebabnya orang Melayu meskipun sebagai komuniti pendatang namun mendapat sambutan yang baik dan mendapat posisi isitimewa daripada kerajaan tempatan Sulawesi Selatan. Sungguh pun perkahwinan yang secara universal merupakan upaya menyambung tali kekerabatan, namun pada sisi lain perkahwinan bagi elit-elit Bugis dan Makassar merupakan bentuk 'diplomasi' bagi mencapai kepentingan politik, kekuasaan, ekonomi, sosial dan perdamaian regional. Pada konteks ini pula fakta perkahwinan ini dapat melatar belakangi hubungan antara orang Bugis Makassar di Sulawesi Selatan dan orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Kedua-dua pihak bukan sekadar etnik "serumpun" budaya akan tetapi hubungan merupakan saudara "sepertalian darah".

Orang Melayu yang telah terpaut ke dalam sistem kekerabatan Bugis-Makassar melalui perkahwinan - seperti yang disebutkan tadi - para keturunannya diidentifikasi telah menjadi Bugis dan Makassar. Individu-individu yang disebut memiliki garis darah Melayu telah menjadi bangsawan di istana-istana Gowa, Tanete, Suppa' dan Sanrabone.

Perkahwinan yang terus-menerus berlaku, dari generasi ke generasi, telah membentuk garis kekerabatan menjadi bercabang dan beranting dengan bangsawan dan golongan menengah Bugis-Makassar. Oleh itu, perkahwinan itu telah meleburkan secara keseluruhan orang Melayu menjadi Bugis-Makassar.

Meskipun demikian, keturunan daripada Datuk Maharajalela perlu diberikan catatan khusus sebagai fenomena tersendiri mengenai orang Melayu di Makassar. Dikatakan demikian kerana sehingga dewasa ini hanya keturunan Datuk Maharajalela masih diidentifikasi sebagai satu-satunya kerabat orang Melayu yang masih nyata. Antara nama orang yang penting dicatat sebagai keturunan Datuk Maharajalela seperti Datuk Sabutung; Ince Ali Asdullah; Puteri Johor Manikam; Ince Ismail; Ince Ali Abdullah; dan Ince Wangkang Abdul Karim. Nama-nama orang itulah yang tercatat dalam KKIKM (1986) sebagai elit sosial keturunan (anak-cucu) Maharajalela yang meneruskan kekerabatannya sehingga abad XXI kini.

Walau bagaimanapun, nama-nama keturunan Melayu itu sudah lebih tepat disebut sebagai orang Bugis-Makassar. Dikatakan seperti itu kerana tingkat darah Melayu dalam tubuhnya sesungguhnya sudah sangat tipis – jika tidak dikatakan sudah hilang sama sekali. Anak dan cucu yang lahir dari generasi ke generasi melakukan perkahwinan dengan orang Bugis dan Makassar, sehingga darahnya semakin menguat kepada darah orang tempatan. Boleh jadi nama “Melayu” sengaja dimunculkan dan digunakan sebagai strategi Kompeni Belanda untuk membina komuniti tempatan yang dapat menyokong politik dan kekuasaannya. Oleh itu, Belanda kemudian menubuhkan perhimpunan orang Melayu yang disebut Kapitan Melayu sebagai institusi sosial keturunan Melayu serta menjadi pegawai-pegawai Kolonial Belanda.

Perihal yang patut dicatat mengenai Melayu keturunan Maharajalela itu adalah, ia dapat bertahan oleh kerana diwadahi oleh institusi sosial-politik “Kapitan Melayu”. Kapitan Melayu ditubuhkan pada tahun 1706 oleh Belanda berdasarkan Surat Keputusan Gabenor Wiilem de Boo dan Jonan Jacub Eberved dengan ketua pertama ialah “Ince Cukka”. Pelantikan Ince Cukka sebagai pimpinan masyarakat Melayu itu bertempat di Kampung Melayu yang ditandai dengan penerimaan tongkat dan payung kebesaran. Ince Cukka pula memimpin orang Melayu membangun masjid Kampung Melayu tersebut.

Komuniti Melayu yang tergabung dalam pimpinan Kapitan Melayu itu berada di bawah perlindungan kuasa Belanda.

Institusi Kapitan Melayu didirikan sebagai organisasi yang menghimpun orang Melayu di Makassar. Walaupun demikian, fenomena menunjukkan bahwa Kapitan Melayu bentukan itu telah menjadi alat kepentingan Kompeni. Pimpinan Kapitan Melayu adalah daripada kalangan orang Melayu sendiri dengan gelar seperti Letnan, Kapiten dan Mayor (Mattulada. 1982:75). Orang Makassar menamakannya “Kapiten Melayu”. Institusi Kapitan Melayu itu mampu bertahan sehingga tahun 1918 iaitu hampir 200 tahun.

Peranan orang Melayu pada abad ke-18 sehingga abad ke-20 berjaya menduduki posisi penting dalam pentadbiran Hindia Belanda khususnya di Sulawesi Selatan. Peranan orang Melayu di Sulawesi Selatan di abad ke-18, terutama setelah mereka menjadi sekutu dan menjadi sebahagian dari pentadbiran VOC adalah: sebagai syahbandar, utusan, Kapitan, leftenan dan penghulu ketua ugama Islam. Sementara itu pada abad ke-19 dan ke-20, orang Melayu sudah menjadi bahagian daripada birokrasi Kolonial Belanda. Antara peranan dan keterlibatan keturunan Melayu pada birokrasi Belanda adalah sebagai pendakwa raya (jaksa), juru tulis dan penasihat pentadbiran Kolonial Belanda.

6.4 KHAZANAH KEMELAYUAN DI SULAWESI SELATAN

Apakah yang melatarbelakangi sehingga pelbagai budaya dan tradisi masyarakat Bugis-Makassar di Sulawesi Selatan memiliki kemiripan dengan budaya dan tradisi Melayu? Jawapannya ialah kerana kedua-dua wilayah ini telah menjalin hubungan sosial-budaya dan kerjasama serantau pada masa yang lama. Hubungan itu telah meninggalkan warna atau pengaruh khazanah Melayu terhadap kebudayaan Sulawesi Selatan. Antara pengaruh yang utama adalah peradaban Islam, pelayaran dan perdagangan, persuratan, arsitektur rumah, bentuk keris, ilmu pengetahuan, tradisi lisan, adat-istiadat, perundang, reka bentuk, kesenian dan lain-lainnya.

Ricklefs (2010:17-19) mengatakan warna Islam yang diterima sebagai agama baru oleh pemimpin Bugis dan Makassar di Sulawesi Selatan lebih berciri Melayu berbanding dengan Islam Jawa. Sementara Reid (2011:77) mengatakan bahawa para pemimpin Bugis dan Makassar telah terlibat dalam perdagangan internasional dan bersepakat menerima Islam untuk mencari pandangan dunia baru. Kedua-dua sarjana ini memberikan hujah bahawa “ugama Islam” dan “perdagangan” adalah aspek peradaban Sulawesi Selatan yang paling utama terkait dengan sumbangan dari khazanah peradaban Melayu. Oleh itu, Islam dan perdagangan merupakan kebudayaan inti Bugis-Makassar yang memperoleh warna dari Melayu perlu diungkap, sementara aspek budaya yang lain tetap dilihat penting.

Islamisasi pada awal abad ke-17 telah memberikan perubahan yang penting bagi masyarakat Bugis dan Makassar. Titik balik itu ditegaskan dengan lahirnya pandangan dunia baru yang bersifat kosmopolitan. Titik balik itu juga mengasaskan tanda-tanda konversi tradisi seperti penggunaan nama-nama Arab (Islam), institusi adat kerajaan, siklus upacara, khitanan dan lainnya. Dari segi pemakaian nama, apabila Islam telah diterima di lingkungan istana maka nama raja-raja Bugis-Makassar serta-merta sudah menggunakan gelaran “Sultan”. Fakta itu terlihat dalam kerajaan Gowa. Sebagai contoh, Raja Gowa XIV, I Mangarangi Daeng Manrabia, sebagai raja Gowa yang pertama memeluk Islam dan mengawali pemakaian nama Sultan bagi raja-raja Gowa. Ia memakai nama Islam dengan nama Sultan Alauddin (1593-1639). Hal yang sama pada raja Gowa XV, I Mannuntungi Daeng Mattola, memiliki nama Islam Sultan Malikussaid (1639-1653); selanjutnya raja Gowa XVI, I Mallombasi Daeng Mattawang, memiliki nama Islam Sultan Hasanuddin (1653-1669); raja Gowa XVII, I Mappasomba Daeng Nguruga, memiliki nama Islam Sultan Amir Hamzah (1669- 1680); raja Gowa XVIII, I Mappadulung Daeng Mattimung, memiliki nama Islam Sultan Abdul Djalil (1680-1709); sehingga raja-raja Gowa berikut sudah menggunakan gelar Sultan. Kerajaan-kerajaan Bugis dan Makassar yang lainnya seperti Bone, Luwu, dan Tallo juga memakai nama gelar Sultan setelah Islam menjadi agama rasmi kerajaan masing-masing.

Pada aspek adat yang berisi peraturan dan undang dalam kerajaan Bugis dan Makassar telah mendapat pengaruh Islam seperti yang berlaku di kerajaan Islam Melaka dan Johor. Dengan datangnya Islam, maka ditubuhkannya pula hukum *sara'* (syariat

Islam) ke dalam sistem hukum kerajaan Bugis dan Makassar yang disebut *Pangadereng* (Bgs) atau *Pangadakkang* (Mks). Tokoh utama yang merancang dan mendirikan hukum *sara'* itu adalah ulama Melayu bernama oleh Datuk Ribandang. *Sara'* sebagai sistem hukum secara khusus berfungsi mengatur urusan-urusan *ubudiah* (ibadah) seperti: ibadah khusus, zakat, pengurusan masjid-masjid, perkahwinan, warisan, utang-piutang dan aspek kesusilaan. Walau bagaimanapun *sara'* tidak merubah sistem pranata kehidupan masyarakat yang asal. Hukum *sara'* Bugis dan Makassar mempunyai kesamaan dengan hukum adat Melayu Melaka yang dikenal dengan nama Hukum Kanun Melaka. Sehingga kini norma-norma dalam hukum *sara'* masih dipraktikkan oleh orang Bugis-Makassar, seumpama dalam hal pewarisan, perkahwinan dan pembayaran zakat.

Khazanah kebudayaan Melayu yang berpengaruh terhadap kebudayaan Bugis Makassar wujud pula dalam peradaban maritim. Mengikuti Raffles (1879) dan R.O. Winsteadt (1959) bahawa Undang-undang Laut Melaka sebagai hukum mengenai pelayaran di laut digunakan oleh penduduk di Kepulauan Celebes (Sulawesi) terutama di wilayah Bugis-Makassar. Hukum laut itu di Sulawesi Selatan dikenal dengan nama Hukum Pelayaran dan Perdagangan Amanna Gappa (Tobing, 1977:23). Hukum Pelayaran Bugis ini disusun oleh orang Bugis bernama La Patello Amanna Gappa pada pertengahan abad ke-17. Hukum ini ditulis di atas naskah kuno dalam bahasa Bugis dengan nama judul teks: “*Ade' Allopi-loping ri Bicaranna Pabbalu'é*” atau “Hukum Pelayaran dan Perdagangan”. Sehingga kini hukum maritim Bugis ini masih digunakan oleh orang-orang tertentu khususnya bagi pelayar-pelayar tradisional Bugis, Makassar dan Mandar.

Khazanah Melayu di bidang sastera dan persuratan juga menunjukkan kuatnya pengaruh khazanah Melayu dalam dunia persuratan Bugis-Makassar. Antara pustaka atau karya-karya sastera Bugis dan Makassar yang mendapatkan pengaruh Islam Melayu adalah Syair Perang Mengkasar, Kisah Perkahwinan Ali dengan Fatimah, Lontara Nabi Yusuf dan Laila Majnun, Hikayat Sultan Injilai, Budi Istikharah, Hukum Pewarisan Islam atau Kitab Faraid, Kitab Nikah, Hikayat Syeikh Mardan, Hikayat Perang Nabi Muhammad dengan Raja Hindi, Mukjizat-mukjizat Nabi, Lontara Kadi, risalah-risalah agama yang tak terhitung jumlahnya dan sebagainya. Pada akhirnya dapat difahami bahawa karya-karya sastera dan kitab-kitab tersebut menjadi bukti kehadiran dan peranan

penting orang Melayu dalam persuratan dan tamadun Islam di Sulawesi Selatan. Kesemua aspek itu menjadi tanda ingatan sejarah bahawa antara Sulawesi Selatan dan Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera telah menjalin hubungan masyarakat budaya.

Di samping itu kajian ini memberikan juga pemahaman yang lebih lengkap mengenai fenomena ‘penghijrahan balik’ orang Bugis ke Semenanjung Tanah Melayu semenjak abad ke-18 Masihi. Tentu saja dalam konteks masa kini, kajian ini dapat bermakna bagi membina hubungan mesra antara Semenanjung Tanah Melayu dan Sulawesi Selatan yang kini menjadi dua negara berbeza iaitu Indonesia dan Malaysia ekoran pemisahan geo-politik oleh pihak Kolonial. Pada akhirnya, kajian ini memberikan penjelasan kultural dan sejarah mengenai hubungan persaudaraan dan kerjasama antara kedua-dua negara di masa kini. Kajian ini pula memberikan asas persaudaraan dan kekerabatan yang dapat menjadi pertimbangan positif dalam mengatasi permasalahan politik dua Negara untuk berpijak pada prinsip “Keluarga Serumpun”.

6.5 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Tesis ini telah memberikan gambaran mengenai kedatangan dan integrasi orang Melayu sehingga memunculkan impak positif bagi perkembangan tamadun Sulawesi Selatan. Oleh itu, kajian ini membuka ruang lahirnya ide-ide penting bagi upaya kajian selanjutnya mengenai isu-isu sejarah, masyarakat dan budaya ke-Melayu-an di Sulawesi Selatan. Oleh itu, tesis ini penting diikuti kajian lanjutan khasnya mengenai konstruksi tamadun Sulawesi Selatan berdasarkan peranan dan sumbangan daripada orang Melayu. Secara khusus, kajian mengenai persuratan Bugis dan Makassar yang khas menunjukkan adanya saduran atau pengaruh daripada persuratan Melayu. perlu pula dilanjutkan pengkajian mengenai dinamika sosial orang Melayu, integrasi China Muslim, Melayu dan Bugis-Makassar di Sulawesi Selatan pada abad ke-18. Isu-isu kajian tersebut dapat memberikan pemahaman yang lebih lengkap mengenai konstruksi tamadun Sulawesi Selatan.

RUJUKAN

- Abdul Jalil, Faisal. 1978. *Catatan Tentang Sistem Nilai Budaya Masyarakat Sawitto*. Skripsi, Universiti Alauddin, Ujung Pandang.
- Abdul, Latif. 2013. *Konfederasi Ajatappareng 1812-1906 Sejarah Sosiopolitik Orang Bugis di Sulawesi Selatan*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Sains, Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul, Rahim dan Ridwan Borahima. 1975. *Sejarah Kerajaan Tallo*; Ujung Pandang: Lembaga Sejarah dan Antropologi.
- Abdul Rahman, Hamid. 2011. "Raja Sipanjongan dalam Hikayat Negeri Butun" dalam Jurnal "Walusuji" vol.2 no.2, Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional, Provinsi Sulawesi Selatan.
- Abdul, Rasjid, dkk. 2000. *Makassar Sebagai Kota Maritim*. Jakarta: Peningkatan Proyek Kesadaran Sejarah Nasional Direktorat Sejarah Nasional, Direktorat Sejarah dan Nilai Tradisional, Direktorat Jenderal Kebudayaan, Departemen Pendidikan Nasional.
- Abdul, Rasyid.2010. *Gerakan Sosial di Tanah Bugis: Raja Tanete La Patau Menentang Belanda*. Yogyakarta; Ombak.
- Abdul Razak Daeng Patunru. 1968. *Sekelumit Kisah Tentang Kerajaan Sidenreng* , Bingkisan Budaya Sulawesi Selatan 2-3:42-50, 2-4:35-50.
- Abdul Razak, Daeng Patunru.1969. *Sejarah Gowa*. Ujungpandang: Jajasan Kebudayaan Sulawesi Selatan dan Tenggara.
- Abdul Razak, Daeng Patunru. 1985. *Sejarah Bone*. Makassar: Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan.
- Abdul Razak, Daeng Patunru. 2004. *Bingkisan Patunru, Sejarah Lokal Sulawesi Selatan*. Makassar: Pusat Kajian Indonesia Timur bekerjasama dengan LEPHAS.
- Abendanon, Eduard C. 1915-1917. *Midden-Celebes-Expeditie: Geologische en Geografische Doorkruisingen van Midden-Celebes, (1909-1910*. Leiden: Brill. Four Vols.
- Abu, Hamid. 1987. "Passompe Among Buginese of South Sulawesi". Paper International Workshop on Indonesian Studies, South Sulawesi; Trade, Society and Belief, Royal Institute of Linguistics and Antropology, Leiden, 2-6 November.
- Ahmad Jelani, Halimi. 2006. *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka Abad ke-15 Hingga ke-18*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ahmad M., Sewang, Prof. Dr. 2005. *Islamisasi Kerajaan Gowa Abad XVI sampai Abad XVII*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Ahmad, Rahman dan Muhammad Salim. 1996. *Pelestarian dan Perkembangan Aksara Lontara di Sulawesi Selatan*. Jakarta Proyek Pengkajian dan Pembinaan Nilai-Nilai Budaya Pusat Jakarta.
- Ali. 1997 M/1418 H. *Undang-Undang Melaka: Kodifikasi Hukum Islam Abad ke-15 di Asia Tenggara*. Tesis pada Program Pascasarjana Institut Agama Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam, Banda Aceh.
- Ammarell, Gene. 1999. *Bugis Navigation*. Monograph 48. New Haven: Yale Southeast Asia Studies.
- Andaya, Barbara Watson.1999. "Political Developments Between the Sixteenth and Eighteenth Centuries", in: Nicholas Tarling (ed.), *The Cambridge History of Southeast Asia, Volume 1: From early times to c.1500*, pp.58-115. Cambridge: Cambridge University Press.
- Andaya, Leonard Y..1987. *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*. Terjemahan: Shamsuddin Jaafar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Andaya, Leonard Y. 2004. *Warisan Arung Palakka, Sejarah Sulawesi Selatan Abad ke-17*. Makassar: Inninawa.
- Andi, Palloge. 2006. *Sejarah Kerajaan Tanah Bone: Masa Raja Pertama Sampai Raja-Raja Kemudiannya Sampai Sebelum Masuknya Agama Islam Sampai Terakhir*. Yayasan AlMuallim: Sungguminasa, Gowa.
- Andi Zainal, Abidin. 1985. *Wajo' Pada Abad XV-XVI, Suatu Penggalan Sejarah Tependam Sulawesi Selatan Dari Lontara'*. Bandung: Alumni.
- Andi Zainal, Abidin. 1983. *Persepsi Orang Bugis dan Makassar Terhadap Hukum dan Dunia Luar*. Ujungpandang: Lephass UNHAS.
- Andi Zainal, Abidin, 1999. *Capita Selecta Sejarah Sulawesi Selatan*. Makassar: Lephass UNHAS.
- Azyumardi, Azra.2002. *Islam Nusantara: Jaringan Global dan Lokal*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Andi Faisal, Bakti (ed). 2010. *Diaspora Bugis di Alam Melayu Nusantara*. Makassar: Inninawa.
- Baharuddin, Bunru, Drs. Dkk. 1995/1996. *Bendera Kerajaan Sawitto*. Bagian Proyek Pembinaan Pemuseuman Sulawesi Selatan.

- Baker, Brett. 2005. "South Sulawesi in 1544: A Portuguese Letter". *Review of Indonesia and Malaysian Affairs*, 39: 61-85.
- Basiah dan Dias Pradadimara. 2012. *Membuka Galigo: Pengantar Kajian Kritis Satu Naskah Nusantara Beserta Indeks Naskah NBG 188*. Yogyakarta: Elmatara.
- Basrah, Gissing (ed.). 2002. *Sejarah Kerajaan Tanete* (Terjemahan dari G.K. Nieman, 1883, *Geschiedenis van Tanete*). Makassar: Samajaya.
- Bingkisan Budaya Sulawesi Selatan. Edisi 1978 Januari-Februari TH. 1-4. Ujungpandang: Dicitak CV Usmah Akademis.
- Bougas, Wayne A. 1998. Bantayan; An Early Makassarese Kingdom 1200-1600 A.D. *Archipel* 55: 84-123.
- Bougas, Wayne A. 2007. Gold Looted and Excavated from Late (1300AD-1600 AD) pre-Islamic Makassar Graves, *Archipel* 73:11-66.
- Boxer, Charles R. 1967. *Francisco Vieira de Figueiredo; A Portuguese merchant-adventurer in South East Asia, 1624-1667*. 's-Gravenhage: Nijhoff. KITLV, Verhandelingen 52.
- Braam, Morris, D.F. van. 1992. *Kerajaan Luwu; Catatan Gubernur Celebes 1888 D.F. van Braam Morris*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. (Originally published as 'Het landschap Loewoe', *Tijdschrift van het Bataviasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen* 32:497-530, 1889).
- Bulbeck, David. 1992. A Tale of Two Kingdoms: The Historical Archeology of Gowa and Tallok, South Sulawesi, Indonesia. Ph.D. Thesis, Australia National University, Canberra.
- Bulbeck, David. 1996. The Politics of Marriage and the Marriage of Politics in Gowa, South Sulawesi, During the 16th and 17th Centuries. In: James J. Fox and Clifford Sather (eds), *Origins, ancestry, and alliance; Exploration in Austronesian ethnography*, p.280-315. Research School of Pacific and Asian Studies, Australian National University, Canberra: Departement Antropology.
- Bulbeck, David and Ian Caldwell. 2000. *Land of Iron; The Historical archaeology of Luwu and the Cenrana Valley; Results of the Origins of Complex Society in South Sulawesi Project (OXIS)*. Hull: Centre for Southeast Asian Studies, University of Hull.
- Bellwood, Peter. 1985. *Prehistory of the Indo-Malaysian Archipelago*. North Ryde. London: Academic Press.
- Bellwood, Peter. 2000. *Prasejarah Kepulauan Indo-Malaysia*. Edisi Revisi. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.

- Caldwell, Ian. 1988. "South Sulawesi AD 1300-1600; Ten Bugis Texts", Ph.D Tesis, Australian National University, Canberra.
- Caldwell, Ian. 1995. "Power, State and Society Among the pre-Islamic Bugis", *Bijdragen tot de Taal-, en Volkenkunde* (151):pp. 394-421.
- Caldwell, Ian and Wayne A. Bougas. 2004. The Early History of Binamu and Bangkala, South Sulawesi, *Bijdragen tot de Taal-, en Volkenkunde* (160):pp. 456-510.
- Casparis, J.G. de. 1975. *Indonesian Palaeography; A history of Writing in Indonesia from the Beginings to c. A.D. 1500*. Leiden: Brill. (Handbuch der Orientalistik III.4.1).
- Chambert-Loir, Henri dan Hasan Muarif Ambary (Ed.). 1999. *Panggung Sejarah: Persembahan Kepada Danys Lombard*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Chamber-Loir dkk., 2010. *Imam dan Diplomasi, Serpihan Sejarah Kerajaan Bima*. Jakarta: KPG, Ecole Francaise d'Extreme-Orient, Direktorat Jenderal Sejarah dan Purbakala, dan Kemnterian Kebudayaan dan Pariwisata.
- Chambert-Loir, Henri. 2011. *Sultan, Pahlawan dan Hakim, Lima Teks Indonesia Lama*. Naskah dan Dokumen Lama Seri XXIX. Jakarta: KPG, Ecole Francaise d'Extreme-Orient, MANASSA, Pusat Kajian Islam dan Masyarakat-UIN Jakarta.
- Cassirer, Ernst. 1990. *Manusia dan Kebudayaan, Sebuah Esei tentang Manusia*. Jakarta: Gramedia.
- Cense, A. A. 1966. Old Buginese and Macassarese Diaries', *Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde* (122):pp. 416-28.
- Cense, A.A. and Abdoerrahim. 1979. *Makassars-Nederlands Woordenboek*. s'-Gravenhage: Nijhoff.
- Cense, A. A.1972. *Bebrerapa Tjatatatan Mengenai Penulisan Sedjarah Makassar-Bugis*. Djakarta: Bhratara.
- Cense, A. A. and H.J. Heeren. 1973. *Pelajaran dan Pengaruh Kebudayaan Makassar-Bugis di Pantai Utara Australia*. Djakarta: Bharata.
- Chabot, H.Th. 1966. *Kinship, Status and Gender in South Celebes*. Leiden: KITLV Press. (Translation Series 25)
- Collins, G.E.P..1992. *Makassar Sailing*. Singapore: Oxford University Press, Oxford New York.
- Collins, J.T. 2007. *Bahasa Melayu, Bahasa Dunia: Sejarah Singkat*. Jakarta: KITLV-Jakarta dan Yayasan Obor Indonesia.

- Cummings, William. 2002. *Making Blood White; Historical Transformations in Early Modern Makassar*. Honolulu: University of Hawai' Press.
- Cummings, William. 2010. *The Makassar Annals*. (translated and edited) Bibliotheca Indonesia published by the KITLV. Leiden: KITLV Press.
- Creswell, John W.. 2003. *Research Design Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approach*. Second Edition. California: Sage Publication, Inc.
- Davidson, Jamie S. dkk (Ed.). 2010. *Adat Dalam Politik Indonesia*. Jakarta: KITLV-Jakarta dan Yayasan Obor Indonesia.
- de Graft, H.J. 2004. *Cina Muslim di Jawa Abad XV dan XVI: Antara Historisitas dan Mitos*. Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2010. *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur.
- Ding, Choo Ming. 2009. *Pengajian di Alam Melayu, Dari Tradisi Manuskrip ke Maklumat Digital*. Bangi: ATMA-UKM.
- Ding, Choo Ming, dkk.2009. *Kearifan Lokal yang Terkandung Dalam Manuskrip Lama*. Pilihan Kerja daripada Simposium Antarbangsa Pernaskahan Nusantara di Bima, 2007. Bangi: ATMA-UKM.
- Ding, Choo Ming. 2012. *Migration and the Spread of Pantun in Malay Archipelago*. Southeast Asia Journal. Vol.21. No.3 hlm. 217-249.
- Ding, Choo Ming. 2008. *Manuskrip Melayu Sumber Maklumat Peribumi Melayu*. Dipersempah sebagai Syarahan Perdana jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia, pada 28 November 2008. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ding, Choo Ming.2008. *Pantun Peranakan Baba: Mutiara Gemilang Negeri-Negeri Selat*. Bangi: Penerbit Universtity Kebangsaan Malaysia.
- Ding, Choo Ming.2003. *Kajian Manuskrip Melayu: Masalah, Kritikan dan Cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Drakard, Jane. 2003. *Sejarah Raja-Raja Barus: Dua Naskah Dari Barus*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama dan Ecole francaise d'Orient..
- Drewes, G.W.J., 1969. *The Admonitions of She Bari: A 16th Century Javanese Muslim Text Attributed to the Saint of Bonang*, Re-edited anf translated with an Introduction. The Hague: Nijhoff.
- Druce, Stephen C. 2001. Exploring Early Political and Economic ties Between West Soppeng and Suppaq from About the Late Thirteenth Century Until the Mid-Fifteenth Century; Myth, Marriage and Trade'. Walennae 4: hlm.35-46.

- Druce, Stephen C. 2009. *The Lands West of The Lakes: A History of the Ajattappareng Kingdoms of South Sulawesi 1200 to 1600 CE*. Leiden: KITLV Press.
- Edwar, Djamaris, dkk. 1981. *Naskah Undang-Undang dalam Sastra Indonesia Lama*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa DEPDIKBUD.
- Edwar, Djamaris. 1993. *Menggali Khazanah Sastra Melayu Klasik*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Edward, Poelinggomang. 1991. *Proteksi dan Perdagangan Bebas: Kajian Tentang Perdagangan Makassar abad ke-19*. Disertas di Leiden University, Amsterdam.
- Edwar. L.Poelinggomang. 2002. *Makassar Abad XIX: Studi Tentang Kebijakan Perdagangan Maritim*. Jakarta: KPG (Kepustakaan Populer Gramedia) bekerjasama dengan Yayasan Adikarya IKAPI dan The Ford Foundation.
- Edwar. L.Poelinggomang. 2009. *Kehadiran dan Pengaruh Budaya Melayu di Sulawesi Selatan* (Makalah: Dialog Melayu dan Festival Budaya Serumpun di Makassar, 27-28 Mei 2009).
- Errington, Selly. 1977. *Siriq, Darah dan Kekuasaan Politik di Dalam Kerajaan Luwu Dulu*. Bingkisan Budaya Sulawesi Selatan, Ujung Pandang.
- Fachruddin, Ambo Enre. 1999. *Ritumpanna Welenrenge; Sebuah Episode Sastra Bugis Klasik Galigo*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, Ecole Francaise d'Extreme-Orient, Fakultas Sastra Universitas Indonesia. (Naskah dan Dokumen Nusantara, Seri 14.)
- Friedericy, H.J. 1933. De Standen bij de Boegineezen en Makassaren. *Bijragen tat de Taal-, Land-en Volkenkunde* (90):pp.447-602.
- Friberg, Timothy and Thomas V. Laskowske. 1989. South Sulawesi Languages, in: James N. Sneddon (ed.), *Studies in Sulawesi Linguistics* part 1, hlm. 1-17. Jakarta: Badan Penyelenggara Seri NUSA, (NUSA 31).
- Gervaise, Nicolas. 1701. *An Historical Description of The Kingdom of Macasar*. London: Leigh and Midwinter.
- Gibson, Thomas. 2005. *And the Sun Pursued The Moon; Symbolic Knowledge and Traditional Authority Among The Makassar*. Honolulu: University of Hawai' Press.
- Gohlich, Ingeborg. 1990. *Wo Die Menschen Gern Lachen: Eine Reise Durch Sud-Sulawesi*. (Terj.Gairah Hidup di Bumi yang Hijau: Perjalanan Melalui Sulawesi Selatan). Ujungpandang: Hasanuddin University Press.
- Grimes, Barbara F. 2000. *Etnologue: Languages of The World*. Fourteenth edition. Summer Institute of Linguistics. (First Edition 1951).

- Grimes, Charles E. and Barbara D. Grimes. 1987. *Language of South Sulawesi*. Canberra: Departement of Antropologi, Research School of Pacific Asian Studies, Australian National University.
- Haar, B. Ter. 1972. *Peradilan Pengadilan Negeri Menurut Hukum Tidak Tertulis*. Jakarta: Bhratara.
- Hadimuljono dan Abd. Muttalib M. 1979. *Sejarah Kuno Sulawesi Selatan*. Ujung Pandang: Kantor Suaka Peninggalan Sejarah dan Purbakala Wilayah Provinsi Sulawesi Selatan.
- Hall, Kenneth R. 1999. "Economic History of Early Southeast Asia", in: Nicholas Tarling(ed.), *The Cambridge History of Southeast Asia*; Volume 1: From Early Times to c. 1500., Singapore: Cambridge University Press. pp. 185-275.
- Hamid, Abdullah. 1985. *Manusia Bugis-Makassar; Suatu Tinjauan Histories Terhadap Tingkah Laku dan Pandangan Hidup Manusia Bugis Makassar*. Jakarta: Inti Idayu.
- Harun, Mat Piah. 1980. *Cerita-Cerita Panji Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Hasan, Walinono. 1979. *Tanete Suatu Studi Sosologi Politik*. Ujung Pandang: LEPHAS-UNHAS.
- Helius, Syamsuddin. 1982. "The Coming of Islam and the Role of the Malays as Middlemen on Bima." Dalam Papers of the Dutch-Indonesian Historical Conference, G. J. Schutte dan Heatther Suntherland (editor), Bureau of Indonesian Studies, hlm. 292-300.
- Hooker, Virginia Matheson. 1998. *Tuhfat Al-Navis, Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, Syukri. 2002. *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idwar, Anwar. 2005. *Ensiklopedi Sejarah Luwu*. Makassar: Komunitas Kampung Sawerigading (KAMPUS).
- Imam, Suhardiman. 2012. *ATLAS Ilmu Pengetahuan Sosial Indonesia & Dunia*. Surabaya: CV. Indo Prima Sarana.
- Irawan, Djoko Nograho. 2011. *Majapahit , Peradaban Maritim Keika Nusantara Menjadi Pengendali Pelabuhan Dunia*. Jakarta: Yayasan Sulu Nuswantara Bakti.
- Irza, Arnyta Djafaar. 2007. *Jejak Portugis di Maluku Utara*. Jogjakarta: Ombak.

- Ismail, Hussein, 1979. *Hikayat Negeri Johor: a Nineteenth Century Bugis History Relating to Events to Riau and Selangor*. MBRAS Reprints 6.
- Jajat, Burhanuddin. 2012. *Ulama dan Kekuasaan: Pergumulan Elite Muslim Dalam Sejarah Indonesia*. Bandung: Mizan.
- James, Danandjaya. 1984. *Folklor Indonesia. Ilmu Gossip, Dongeng dan Lain-lain*. Jakarta: Graffity Press.
- Jessy, Joginder Singh. 1970. *Tawarikh Tanah Melayu (1400-1959)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kadir, Manyambeang. 1989. *Pengantar Filologi*. Ujung Pandang: Fakultas Sastra Universitas Hasanuddin.
- Kamaruddin, dkk. 1986/1986. *Lontara Bilang Raja Gowa dan Tallok*. Ujungpandang: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Proyek Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Sulawesi Selatan La Galigo.
- Kaplan, David dan Robert A. Manners. 2002. *Teori Budaya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Kassim, Thukiman. 2011. *Sejarah Johor Dalam Pelbagai Perspektif*. Johor Bahru: UTM Press.
- Kennedy, J..1993. *History of Malaya (Third Edition)*.Kuala Lumpur: S.Abdul Majeed & Co.
- Kern, R.A.1989. *I La Galigo: Cerita Bugis Kuno* Terjemahan: La Side dan Sagimun M.D. Seri Terjemahan KITLV-LIPI. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- KKIKM (Kerukunan Keluarga Indonesia Keturunan Melayu). 1986. *Sejarah Keturunan Indonesia Melayu*. UjungPandang (monograf).
- Knaap, Gerrit and Heather Sunderland. 2004. *Mansoon Traders: Ships, Skippers and Commodities in Eighteenth-Century Makassar*. Leiden: KITLV Press.
- Kong, Yuanzhi. 2010. *Pelayaran Zheng He dan Alam Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Korn, V.E. 1972. *Pandangan Timur Terhadap Pemerintahan Barat*. Djakarta: Bhratara.
- Kozok, Uli. 2006. *Kitab Undang-Undang Tanjung Tanah, Naskah Melayu yang Tertua*. Jakarta: Yayasan Naskah Nusantara dan Yayasan Obor Indoensia.
- Kuntowijoyo. 2003. *Metodologi Sejarah* (Edisi Kedua).Yogyakarta: PT.Tiara Wacana Yogya

- Laica, Marzuki. 1995. *Siri': Bagian Kesadaran Hukum Rakyat Bugis-Makassar: Sebuah Telaah Filsafat Hukum*. Ujungpandang: Hasanuddin University Press.
- Liang, Liji. 2009. *Hubungan Empayar Melaka – Dinasti Ming Abad ke-15*. Bangi: Penerbit University Kebangsaan Malaysia.
- Liau, Yock Fang. 1975. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Lighvoet, A. (ed.). 1880. *Transcriptie van de Lontara Bilang of Het Dagboek der Vorsten van Gowa en Tallo*, *Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde* 28:1-259.
- Lo, Jung-Pang. 2012. *China as a Sea Power 1127-1368, A Preliminary Survey of the Maritime Expansion and Naval Exploits of the Chinese People During the Southern Song and Yuan Periods*. (Editor: Bruce A. Elleman). Singapura: NUS Press and Hong Kong University Press.
- Lombard, Denys. 1986. *Kerajaan Aceh Jaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636)*. Jakarta: Balai Pustaka.
- M. Adnan, Amal. 2010. *Kepulauan Rempah-Rempah, Perjalanan Sejarah Maluku Utara 1250-1950*. Jakarta: KPG (Kepustakaan Populer Gramedia).
- M. Adnan, Amal. 2010. *Portugis & Spanyol di Maluku*. Depok: Komunitas Bambu
- Macknight, C. C.. 1983. The Rise of Agriculture in South Sulawesi Before 1600. *Review of Indonesian and Malaysian Affairs*, 17:92-116.
- Macknight, C. C.. 1984. The Concept of a Work in Bugis Manuscripts. *Review of Indonesian and Malaysian Affairs*, 18:103-14.
- Macknight, C. C.. 1993. "The Early History of South Sulawesi: Some Recent Advances". (Working Paper 81). Published by: The Centre of Southeast Asian Studies, Monash University, Victoria-Australia.
- Macknight, C. C. and Ian Caldwell. 2001. "Variation in Bugis Manuscripts", *Archipel* (61):pp. 139-54.
- Macknight, C. C. and Mukhlis. 2001. "Kronik Bone". Draft not Publication.
- Mappasanda, HAM (ed. Muh. Yunus Hafid). 1992/1993. *Kerajaan Luwu (Menurut Catatan D.F. van Braams Morris)*. Ujungpandang: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Direktorat Jenderal Kebudayaan, Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional.
- Mashitah, Binti Taharin, dkk. 2010. *Tesaurus Bahasa Melayu Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Matthes, B.F. 1872. *Boeginesche Chrestomathie*; Deel 3: Aanteekeningen op de Boeginesche Chrestomathie. Amsterdam: Spin. Three vols.
- Mattulada, 1976. *Peranan Ulama dan Pengajaran Agama Islam di Sulawesi Selatan*. Ujung Pandang: Fakultas Sastra Universitas Hasanuddin.
- Mattulada. 1982. *Menyusuri Jejak Kehadiran Makassar Dalam Sejarah*. Ujung Pandang: Bhakti Baru-Berita Utama.
- Mattulada. 1985. *Latoa, Satu Lukisan Analitis terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Md.Nor, bin Hj. Ab. Ghani Dkk. 2007. *Kamus Dewan Edisi Keempat*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Millar, Susan Bolyard.1989. *Bugis Weddings: Ritual of Social Location in Modern Indonesia*. Berkeley: Center for South and Southeast Asian Studies, University of California.
- Miller, George. 2012. *Indonesia Timur Tempo Doeloe 1544-1992*. Jakarta: Komunitas Bambu.
- Mills, J.V. 1997. *Eredia's Description Of Malacca, Meridional India. And Cathay*.Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Moh. Ali Fadillah dan M. Irfan Mahmud. 2000. *Kerajan Siang Kuna: Sumber Tutar, Teks dan Tapak Arkeologi.Makassar*: Diterbitkan atas kerjasama Balai Arkeologi Makassar dan Lembaga Penerbitan Unhas. Makassar: LEPHAS UNHAS.
- Mohd, Jamil Mukmin. 2004. *Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*. Cetakan Kedua. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan PatriotiMalaysia (I KSEP).
- Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi. 2005. *Peradaban Melayu*. Skudai, Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad, Salim, dkk. 1995. "I La Galigo: Menurut Naskah NBG 188, Jilid 1": Yang disusun oleh Arung Pancana Toa. Jakarta: Djambatan, Leiden: KITLV.
- Muhammad, Salim.2000. *I La Galigo; Menurut Naskah NBG 188*. Jilid 2: La Galigo. Makassar: Lembaga penerbitan Universitas Hasanuddin, Leiden: KITLV.
- Moh Ali, Fadillah dan Irfan Machmud. 2000. *Kerajaan Siang Kuna; Sumber Tutar, Teks dan Tapak Arkeologi. Makassar*: Balai Arkeologi Makassar and Lembaga Penerbitan Universitas Hasanuddin.
- Mohd Jamil, Mukmin . 2004. "Melaka Pusat Penyebaran Islam di Nusantara" Melaka: IKSEP.
- Mohd. Taib, Osman. 1984. *Bunga Rampai: Aspects of Malay Culture*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka dan Bahasa.

- Muhammad Yusoff, Hashim. 1992. *The Malay Sultanate of Malacca*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Ministry of Education Malaysia.
- Muhlis, Hadrawi. 2008-2010. *Assikalaibineng, Kitab Persetubuhan Bugis*. Makassar: Innawa.
- Muhlis, Hadrawi, 2009. “Edisi teks Lontara Nepo” Makassar: Penelitian pada Jurusan Sastra Bugis-Makassar, Fakultas Sastra, Universitas Hasanuddin.
- Mu’jizah, dkk. 2008. *Dari Hitu ke Barus*. Jakarta: Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional.
- Mukhlis, Paeni.1975. Struktur Birokrasi Kerajaan Gowa Jaman Pemerintahan Sultan Hasanuddin (1653-1669). Skripsi, Universitas Gajah Mada, Yogyakarta.
- Mukhlis, Paeni, dkk. 2003. *Katalog Induk Naskah-Naskah Nusantara Sulawesi Selatan*. Jakarta: Proyek Pemasarakatan dan Desiminasi Kearsipan Nasional, Arsip Nasional Republik Indonesia (ANRI).
- Mustari, Bosra.2008. *Tuang Guru, Anrong Guru dan Daeng Guru: Gerakan Islam di Sulawesi Selatan 1914-1942*. Makassar: La Galigo Press.
- Mutsu, Hsu. 1991. *Culture, Self, and Adaptation*. Taipei, Taiwan R.O.C.: Institute of Ethnology Academia Sinica.
- M. Yusran, dan Darmawan (ed.). 2009. “Naskah Buton, Naskah Dunia”. Prosiding Simposium Internasional IX Pemasakan Nusanara di Kota Bau-Bau. Bau-Bau: Respec.
- Niemann, G.K. 1883. *Geshiedenis van Tanete, Boeginesche Tekst Met Aantekeningen*. ‘s-Gravenhage: Martinus Nijhoff.
- Nik Anuar, Nik Mahmud. 2006. *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Hassan, Shuhaimi Nik Abd. Rahman, et.al (Ed.).2011. *Alam Melayu: Suatu Pengenalan*. Bangi: ATMA-Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordin, Hussin.2011. *Perdagangan dan Peradaban di Laut Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noorduyn, Jacobus. 1955. “Een Achttiende-Eeuwse Kroniek van Wadjo. Buginese Historiografie”. Gravenhage: N.V. Nederlandse Boek En Staeendrukkerij (Smits).
- Noorduyn, Jacobus. 1957. “C.H. Thomsen, The Editor of “A Code of Maritime Laws”. Dalam *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* (113) no.3, pp. 238-251. Leiden: KITLV.

- Noorduyn, Jacobus. 1972. *Islamisasi Makassar*. Djakarta: Bharata.
- Noorduyn, Jacobus. 1964. *Sejarah Islam di Sulawesi Selatan*, Kristen Indonesia.
- Noorduyn, Jacobus. 1991. The Manuscripts of The Makasarese Cronicle of Goa and Talloq; An evaluation, *Bijragen tot de Taal-, Land- en Volkendkunde* (147) pp:454-84.
- Nurhayati, Rahman, dkk. (Ed.). 2003. *La Galigo, Menelusuri Jejak Warisan Sastra Dunia*. Makassar: Pusat Studi Lagaligo
- Nurhayati, Rahman. 2012. *Suara-Suara Lokalitas*. Makassar: Lagaligo Press.
- Panuti, Sudjiman. 1995. *Filologi Melayu*. Jakarta. Pustaka Jaya.
- Pelras, Christian. 1985. *Religion, Tradition and the Dynamics of Islamization in South Sulawesi*, *Archipel* 29:107-135.
- Pelras, Christian. 1985. *Sulawesi Selatan Sebelum Datangnya Islam Berdasarkan Kesaksian Bangsa Asing*, dalam *Citra Masyarakat Indonesia*. Jakarta: Archipel.
- Pelras, Christian. 1996. *The Bugis*. Oxford: Blackwell.
- Pelras, Christian. 2006. *Manusia Bugis*. Jakarta: Nalar, Forum Jakarta-Paris Ecole francaise d'Extreme-Orient. (Translation of *The Bugis*. Oxford: Blackwell, 1996).
- Perret, Daniel dan Puteri Rasyidah Megat Ramli (Editor). 2001. "Hubungan Budaya Dalam Sejarah Dunia Melayu": *Artikel Pilihan Dari Majalah Archipel*. Kuala Lumpur: Kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Ecole Francaise d'Extreme-Orient dengan Kedutaan Besar Perancis di Malaysia.
- Poeze, Harry A. en Pim Sshoorl. 1991. *Escursies in Celebes*. Een bundle bijdragen bij het afscheid van J. Noorduyn als directeur-secretaris van het KITLV. Leiden: KITLV Uitgeverij.
- Pusat Pengurusan Siswazah UKM. *Panduan Penulisan Tesis Gaya UKM*. Edisi Semak Kedua. 2010.
- Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional. 2008. *Dari Hitu Ke Barus*. Pusat Bahasa: Jakarta
- Putten, Jan van der dan Mary Kilcline Cody. *Lost Times and Untold Tales from the Malay World*. Singapura: NUS (National University of Singapore).
- Raffles, Thomas Stanford. 1817. *The History of Java*. Vol. II. London: Black, Parbury and Allen and John Murray.

- Rahilah, Omar. 2003. "The History of Bone A.D. 1775-1795: The Diary of Sultan Ahmad as-Salleh Syamsuddin." Ph.D Thesis, Hull University, Center for South-East Asian Studies, Hull.
- Rahman, Rahim. 1985. *Nilai-Nilai Utama Kebudayaan Bugis*. Ujungpandang: Lembaga Penerbitan Universitas Hasanuddin.
- Reid, Anthony. 1983. *The Rise of Makassar*, Review of Indonesia and Indonesian and Malaysian Affairs, 17:117-160.
- Reid, Antony. 2011. *Asia Tenggara Dalam Kurun Niaga 1450-1680*. Jilid 1: Tanah di Bawah Angin. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Reid, Antony. 2011. *Asia Tenggara Dalam Kurun Niaga 1450-1680*. Jilid 2: Jaringan Perdagangan Global. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Resink, G.J. 1973. *Negara-Negara Pribumi di Kepulauan Timur*. Djakarta: Bhratara.
- Ricklefs, M. C. 2010. *Sejarah Indonesia Modern 1200-2008*. Jakarta: PT. Serambi Ilmu Semesta.
- Robinson, Kathryn dan Mukhlis Paeni (Penyunting). 2005. *Tapak-Tapak Waktu: Sejarah, Kebudayaan, dan Kehidupan Sosial di Sulawesi Selatan*. Makassar: Innawa.
- Robson, S.O. 1978. *Pengkajian Sastra-Sastra Tradisional Indonesia, dalam Bahasa dan Sastra thn. IV Nomor 6*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Robson, S.O. 1988. *Principles of Indonesian Philology*. Dordrecht Providence: Foris Publication.
- Robson, S.O. 1994. *Prinsip-Prinsip Filologi Indonesia*. Terj. Kentjanawati Gunawan. Jakarta: RUL.
- Sagimun, M.D. 1975. *Sultan Hasanuddin Menentang VOC*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Proyek Biografi Pahlawan Nasional.
- Sarasin, Paul and Fritz. 1905. *Reisen in Celebes (II)*. Ausgeruhrt in Den Jahren 1893-1896 and 1902-1903. Wiesbaden: C. W. Kreidel's Verlag.
- Sartono, Kartodirjo. 1968. *Segi-Segi Struktural Historiografi Indonesia*. Lembaran Sedjarah 3. Yogyakarta.
- Shaharruddin, Ali dan Norzailina Nordin. 2011. *Air Mata Raja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahrum, Bin Yub. *Keris Melayu*, Petikan daripada Syarahan 2.

- Sirk, Ulo. 1983. *The Buginese Language*, Moskow: Nauka. (Language of Asia and Africa).
- Skinner, Cyril. 1963. *Sja'ir Perang Mengkasar*; (The Rhymed Chronicle of the Macassar war) by Entji' Amin. S-Gravenhage: Martinus Nijhoff. (KITLV, Verhandelingen 40).
- Slamet, Mulyana. 2011. *Tafsir Sejarah Nagara Kretagama*. Yogyakarta: PT. LKiS Printing Cemerlang.
- Slamet, Mulyana. 2006. *Sriwijaya*. Yogyakarta: PT LKiS Pelangi Aksara Yogyakarta.
- Sofyan, Jannah, H. Drs. *Kalender Hijriyah Dan Masehi 150 Tahun 1364 – 1513 H (1945 –2090 M)*. Yogyakarta: UII Press.
- Sri Wulan, Rujianti. 1994. *Kodikologi Melayu di Indonesia*. Lembar Sastra edisi khusus no.24. Fak. Sastra Universitas Indonesia.
- Suriadi, Mappangara. 2007. *Glosarium Sulawesi Selatan*. Makassar: Balai Pelestarian Sejarah dan Nilai Tradisional Makassar.
- Suriadi, Mappangara. 2006. *Glosarium Sulawesi Selatan dan Barat*. Makassar: Balai Pelestarian Sejarah dan Nilai Tradisional Makassar.
- Sutherland, Heather. 1983. Power and Politics in South Sulawesi, 1860-1880, *Review of Indonesian and Malaysian Affair* (17):pp.161-91.
- Sutherland, Heather. 2001. "The Makassar Malays: Adaptation and Identity, c.1660-1790". *Journal of Southeast Asian Studies*, 32,pp 397-421 Oktober 2001. Printed in the United Kingdom. Singapore: NUS.
- Sutherland, Heather. 2004. *Trade, Court and Company, Makassar in the Later Seventeenth and Eighteenth Centuries*, dalam Elsbeth Loncker-Scholten & Peter Rietbergen (eds.), *Hof en Handel: Aziatische vorsche vorsten en de VOC 1620-1720*. Leiden, KITLV, h. 85-112.
- Sweeney, Amin, et.al.2007. *Keindonesiaan dan Kemelayuan Dalam Sastra*. Depok: Desantara.
- Syed Muhammad, Naguib Al-Attas. 2011. *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit Univresiti Kebangsaan Malaysia.
- Titiana A., Denisova. 2011. *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Univresiti Malaya.
- Tobing, Ph. O. L. 1971. "Hukum Pelayaran dan Perdagangan Amanna Gappa". Ujung Pandang: Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan.

- Tol, Roger. 2000. Textual Authority; The Toloq Rumpaqa Bone by I Mallaq Daeng Mabela, Arung Manajeng, in: Roger Tol, Kees van Dijk and Greg Acciaiole (eds), Authority and enteprice among the peoples of South Sulawesi, pp.121-42. Leiden: KITLV Press. (Verhandelingen 188).
- Tol, Roger. *Dampak Melayu di Sulawesi Selatan*. Makalah pada Seminar, Festival dan Dialog Budaya Internasional Kemelayuan di Indonesia Timur. Pusat Studi Melayu Unhas, Makassar.
- Tol, Roger (Ed).2009. *Kuasa dan Usaha di Masyarakat Sulawesi Selatan*. Jakarta: KITLV.
- True Report. 1599. *A True Report of the gainefull, prosperous and speedy voyage to Java in the East Indies, performed by a fleet of eight ships of Amsterdam*. Dicitak kembali dalam Tweede schipvaart der Nederlanders naar Oost-Indie onder Jacob Cornelisz van Neck en Wybrant Warwijck, 1598-1600, J. Keuning (editor). Vol. II. The Hague, Nijhoff untuk Linschoten-Vereeniging, 1940, hlm. 27-41.
- Tujimah.1997. *Syekh Yusuf Makassar; Riwayat dan Ajarannya*. Jakarta: penerbit Universitas Indonesia.
- Usman, Nomay. 2010. *Orang Melayu di Makassar Abad XVI-XVII*. Makassar: Rayhan Intermedia.
- Van Leur, J.C. 1973. *Abad ke-18 Sebagai Kategori Dalam Penulisan Sejarah Indonesia?*. Djakarta: Bhratara.
- Vansina, Jan. 1985. *Oral Tradition: A Study in Historical Methodology* (Translated from the French by H. M. Wright. New Brunswick (U.S.A.) and London (U.K.) Aldine Transaction A Division of Transaction Publishers.
- Vickers, Adrian. 2009. *Peradaban Pesisir, Menuju Sejarah Budaya Asia Tenggara*. Denpasar: Udayana Univresity Press.
- Wan Hashim, Wan Teh dan A. Halim Ali. 1999. *Rumpun Melayu Australia Barat*. Bangi: Penerbit UKM.
- Winstedt, R.O. 1961. *A History of Classical Malay Literature*. Edisi kedua, cetakan Kuala Lumpur, OUP, 1969.
- Wolhoff, G.J. and Abdurrahim (eds). n.d. *Sejarah Gowa*. Ujung Pandang: Jajasan Kebudayaan Sulawesi Selatan dan Tenggara. (Bingkisan A,1).
- Wolters, O.W. 1990. *Kejatuhan Sriwijaya Dalam Sejarah Melayu*. Terj. Toh Kim Hui dan Ranjeet Kaur Khaira. Selangor Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yudhistita, Sukatanya dan Goenawan Monoharto (eds.). 2000. *Makassar Doeloe, Makassar Kini, Makassar Nanti*. Makassar: Yayasan LOSARI Makassar.

Yerri, Wirawan. 2013. *Sejarah Masyarakat Tionghoa Makassar, Dari Abad ke-17 hingga ke-20*. Jakarta: KPG (Kepustakaan Populer Gramedia) bekerja sama dengan École française d'Extrême-Orient (EFEO) KITLV-Jakarta.

Zainuddin, Tika dkk. 2007. *Profil Raja-Raja Gowa*. Makassar: Penerbit Pustaka Refleksi..

Zuchridin ,Suryawinata dan Sugeng Hariyanto. 2003. *Translation: Bahasa, Teori dan Penuntun Praktis Menerjemahkan*. Yogyakarta: Kanisius.

Zulkarnaen, Abdul Rahman. 2013. *Hubungan Sejarah Melaka-Makassar*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).

Sumber Primer :

Lontara Tallo. Koleksi Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan (YKSS).

Lontara Wajo. (Koleksi Peribadi Muhammad Salim), salinan dari koleksi Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan (YKSS).

Lontara Wajo (Kronik Wajo). Koleksi Laboratorium Naskah UNHAS dalam bentuk Edisi Teks oleh Noorduyn.

Lontara Bilang Kerajaan Gowa-Tallo. Koleksi Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan (YKSS).

Lontara Sawitto-Suppa'. Koleksi Peribadi Muhammad Salim.

Lontara Barasa. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia di Makassar, Naskah salinan dikoreksi oleh M. Taliu di Pangkep.

Lontara Silsilah Melayu-Sanrabone. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia di Makassar dalam Kod. Rol 77 no. 15.

I La Galigo. Koleksi NBG 188.

Lontara Attoriolong Sulawesi Selatan, Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar (ANRIM), Kod Rol. 30 no. 16.

Lontara Suppa'. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar (ANRIM), Kod Rol 50. No. 10.

Lontara Tanete. Koleksi Yayasan Kebudayaan Sulawesi Selatan (YKSS), telah diedisi oleh G.K . Niemann.

Manuskript Sumber Pemer kaya:

- Lontara Bunga Rampai Lontara. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar. Kod Rol. 40 No.17.
- Lontara Maulid dan Zikir. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar. Kod Rol.40 No. 18.
- Lontara Maulid dan Doa-Doa. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar. Kod Rol. 43 No. 15.
- Lontara Maulid dan Doa-Doa. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar. Kod Rol.45 No. 25.
- Lontara Paseng dan Ade'. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar. Kod Rol. 47 No. 2.
- Lontara Cara Memakai Bedil. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar. Kod Rol. Kod 49, No. 13.
- Lontara Maulid Nabi. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar. Kod Rol. Kod 69, No. 10.
- Lontara Hikayat Syekh Yusuf. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar. Kod Rol. Kod 74 No.37.
- Lontara Attoriolong. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar. Kod Rol. Kod 74 No. 42.
- Lontara Tomarilaleng Luwu. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar. Kod Rol. Kod 62 No. 20.
- Lontara Kumpulan Silsilah Raja-Raja. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar. Kod Rol. 14 No. 25.
- Lontara Bunga Rampai Budaya. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar. Kod Rol. 17 No. 29
- Lontara Ade' dan Amanagappa. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar. Kod Rol. 14 No. 9.
- Lontara Undang-Undang Pelayaran Amanagappa. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar. Kod Rol. 4 No. 9.
- Lontara Sejarah Berdirinya Kerajaan Bontobangung. Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar. Kod Rol.14 No. 11.
- Lontara Suppa. Koleksi NBG 100 (salinan).

Lontara Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar (ANRIM). Kod rol
5 No. 7.

Lontara Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar (ANRIM). Kod
Rol 73 No. 17.

Lontara Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar (ANRIM). Kod
Rol 81 No. 4.

Lontara Koleksi Kantor Arsip Nasional Republik Indonesia Makassar (ANRIM). Kod
Rol 16 No. 6.

